BIOGRAFI
A. KARIM HAJI ABDULLAH (BUNG KARIM)
BUDAYAWAN DAN PENGKHAZANAH PERSURATAN MELAYU : SATU DALAM SERIBU

Penyelenggara

TALIB SAMAT

Hak Cipta Terpelihara (2001)
Hak Cipta Penyelenggara: Talib Samat
Hak Cipta Karya: Para Pengarang

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Biografi A.Karim Haji Abdullah (Bung Karim) budayawan dan pengkhazanah persuratan Melayu : satu dalam seribu/ penyelenggara Talib Samat.
ISBN 983-40678-0-1
1.A.Karim Haji Abdullah, 1937-. 2. Authors, Malay- Biography.
I.Talib Samat.
928.9923

Diterbitkan oleh
ALTAKOM ENTERPRISE
B 8 Aked Mara Jitra,
06000 Jitra,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-9174996

M
928·9923
AKA·B

Cetakan Pertama Mei 2001

Dicetak oleh : Print Resources

Harga: RM45.00

M
1080222
28 SEP 2002
Perpustakaan Negara Malaysia



A. Karim Haji Abdullah
(6 September 1937-5 Februari 2001)

Puan Aishah @ Esah binti Abdullah
73, Jalan 14/29,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

سورة تعزية

Saya bagi pihak pengurusan dan semua kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka amat merasa sedih dan berdukacita atas kembalinya ke rahmatullah

suami puan, Allahyarham Abdul Karim bin Abdullah

pada 5 Februari 2001 bersamaan 11 Zulkaedah 1421

Kami mengiringi pemergian beliau dengan doa semoga beliau ditempatkan dalam golongan orang-orang yang salih dan semoga Allah mencucurkan rahmat ke atas rohnya. Amin. Alfatihah.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٢ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٣
مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ٤ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥
ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ٧

Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Dedikasi
kepada Allahyarham A. Karim Haji Abdullah
yang membelanjakan dan menghabiskan
sebahagian besar usianya yang terbaik
untuk menyelenggara dan menyusun
puluhan buku yang tidak ternilai harganya
dalam usaha memelihara dan melestarikan
warisan dan khazanah persuratan Melayu
yang kerana usaha murni dan tidak mengharapkan
apa-apa ganjaran duniawi
generasi dan masyarakat kini lebih mengenal
tokoh dan patriot bangsa
seumpama Pak Sako, Keris Mas, A. Samad Ismail
Ahmad Boestamam, Zulkifli Muhammad, Tun Dr. Ismail,
Pak Zek, Ismail Hussein, A. Samad Ahmad
dan seumpamanya
sesungguhnya kau telah merintis denai baru
dalam dunia penyelenggaraan buku
yang akan cuba diikuti oleh kami
daripada generasi baru
supaya karya sastera tetap subur
di alaf baru dan era siber
buku dan sastera adalah jiwa sesuatu bangsa
yang kerananya kita lebih manusiawi
dan berperikemanusiaan serta berbudi
terima kasih Bung Karim!

-Talib Samat-
27 April 2001

KANDUNGAN

Mukadimah xiii
Biodata Penyelenggara xxii

Bab Satu

Biografi A. Karim Haji Abdullah

Biodata Ringkas Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah: Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera oleh *A. Karim Haji Abdullah.* 3

Bung Karim Dengan Dunia Perbukuannya oleh *A. Karim Haji Abdullah.* 11

Biografi Pendokumentasi A. Karim Hj. Abdullah dan Sumbangannya Dalam Menyelenggara dan Menerbitkan Pelbagai Jenis Buku Karya Sasterawan dan Budayawan Terkenal Tanah Air oleh *Md. Subri Mahayadin* 20

Bab Dua

Berita-Berita Kematian A.Karim Haji Abdullah di Media Massa

Pengumpul Dokumentasi Terkenal Meninggal Dunia 43

Penulis Veteran Sastera Melayu Meninggal 44

Penulis Buku Tokoh Meninggal 46

Kepulangan Bidin Kejutkan Ramai Teman Seperjuangan oleh *Atondra* 48

Bab Tiga

Esei-Esei Dan Karya-Karya A. Karim Haji Abdullah

Serba Sedikit Tentang Seminar Pendidikan di Malaysia 57

Persidangan Islam Antarabangsa 68

Perginya Keris Mas, Sasterawan Nasionalis 79

Mutiara Kata Peninggalan Keris Mas 90

Isu Makam Pahlawan 93
Terbitkan Buku Sejarah UMNO 96
Kenangan Tera khir Bersama Pak Keris Mas 100
Adnan Yaakob Tokoh Pertama Bentong Jadi MB Pahang 114
Kesan dan Kenangan 117

Bab Empat

Senarai Buku-Buku Susunan, Selenggaraan dan Pengumpulan A. Karim Haji Abdullah

Senarai dan Isi Kandungan Buku-buku Susunan, Selenggaraan dan Pengumpulan A. Karim Haji Abdullah oleh *Talib Samat* 133

Bab Lima

Kata Pengantar, Prakata, Kata Pendahuluan dan Catatan Penyelenggara Yang Ditulis oleh A. Karim Haji Abdullah Dalam Buku Susunan dan Selenggaraannya

Pendahuluan Buku *Ceramah Bahasa* dan *Sastera* (1964) 232
Buku Sepatah Kata *Buku Warna Sari Kebudayaan* (1966) 237
Pengantar Buku *Soal-soal Kebudayaan* (1971) 241
Pendahuluan Buku Zakaria Hitam (Pak Zek) Budayawan Berjasa (1987) 242
Sepatah Kata Buku *Kepimpinan Dalam Kebudayaan* (1983) 244
Kata Pendahuluan Buku *Rekod Pembacaan Saya* (1984) 246
Pendahuluan Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya* (1987) 248
Pendahuluan *Catatan Pengalaman Pak Sako* (1987) 257
Pendahuluan Buku *Pak Sako Bestari* (1988) 261
Catatan Penyelenggara Buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1991) 263
Catatan Penyelenggara Buku *UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara* (1992) 275
Kata Pengantar Buku *Pemimpin dan Sasterawan* (1993) 279

Prakata Buku *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu* (1993) 285

Pendahuluan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993) 288

Catatan Penyelenggara Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) 290

Pendahuluan Buku *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad* (1997) 297

Pendahuluan Buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (1997) 307

Prakata *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* (1997) 325

Prakata Buku *Melayu Hilang Keberanian: Suatu Polemik?* (1998) 329

Prakata Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Pahang Darul Makmur* (2000) 333

Bab Enam

Kata Pengantar, Prakata, Kata Pendahuluan atau Pengenalan Yang Ditulis oleh Sarjana Sastera, Sasterawan atau Tokoh Terkenal Dalam Buku-Buku Susunan dan Selenggaraan A. Karim Haji Abdullah

Kata Pendahuluan Buku *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) oleh *Abdul Aziz Salehuddin* 343

Kata-kata Aluan Buku *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) oleh *Dato Haji Harun bin Haji Idris* 346

Pendahuluan Buku *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura* (1975) oleh *Pak Sako* 348

Kata Pengantar Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya* (1978) oleh *Keris Mas* 352

Kata-kata Sambutan Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya* (1978) oleh *Tengku Alauddin bin Tengku Abdul Majid* 357

Ismail Hussein Sebagai Budayawan dan Ilmiawan (1983) oleh *Yahaya Ismail* 360

Kata Pengantar Buku *Cerpen-cerpen Pak Sako* (1987) oleh Hashim Awang 368

Kata Sambutan Buku *Zakaria Hitam (Pak Zek): Budayawan Berjasa* (1987) oleh *Dato Dr. Abu Hassan Sham* 375

Pengantar Buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1987) oleh *Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah* 378

Suatu Penghargaan Kepada Zakaria Hitam Dalam Buku *Himpunan Pantun Pak Zek* (1991) oleh *Dharmawijaya* 386

Sekapur Sirih Buku *Himpunan Pantun Pak Zek* (1991) oleh *Budayawan Dato' Haji Zakaria Hitam* 391

Kata-kata Aluan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993) oleh *Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak* 393

Kata Sambutan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993) oleh *Datuk Seri Paduka Rafidah Aziz* 394

Prakata Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Dato' Paduka A. Aziz Deraman* 395

Seulas Pinang Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail* 397

Pengantar Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Abdullah Tahir* 399

Penghargaan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap A. Karim Haji Abdullah Atas Usahanya Menyelenggara Buku *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan* (1996) oleh *Editor Penerbit UKM* 417

Kata Pengantar Buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (1997) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail* 418

Kata Pengantar Buku *Memoir Pak Sako* (1997) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail* (1996) 420

Pengantar Buku *Sastera dan Kemanusiaan: Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1996* (1997) oleh *Anwar Ridhwan* 443

Pengantar Buku *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* (1997) oleh *Anwar Ridhwan* 448

Kata Pengantar Buku *Melayu Hilang Keberanian: Suatu Polemik?* (1998) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail* 453

Penghargaan Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Terhadap Usaha A. Karim Haji Abdullah Merealisasikan Penerbitan 456

Kata Sambutan Buku *Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W.* (2000) oleh *Dato Haji Abdul Razak bin Abu* 457

Kata-kata Aluan Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Dari Pahang Darul Makmur* (2000) oleh *Dato Dr. Haji Abu Hassan Sham* 459

Sekapur Sirih Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Dari Pahang Darul Makmur* (2000) oleh *Dato Haji Abdullah Md. Derus* 463

Bab Tujuh

Ulasan Pengkritik Dan Penulis Terhadap Isi Kandungan Buku-Buku Susunan dan Selenggaraan A. Karim Haji Abdullah

Cerpen-cerpen Pak Sako: Penuh Sindiran oleh *Mohamad Daud Mohamad* 467

Pak Sako Tokoh Masyarakat Yang Popular oleh *Talib Samat* 472

Rimba Harapan Nostalgia Anak Pahang oleh *Keris Mas* 478

Pemimpin, Sasterawan Gandingan Pemikiran Masa Depan oleh *Dino SS* 486

Ulasan Buku *Melayu Hilang Keberanian?* Mengundang Polemik oleh *Tajuddin Saman* 493

Karya Samad Papar Pengalaman Peribadi oleh *Pena Mutiara* 497

Rekod Pembacaan Bung Karim oleh *Shaharom TM Sulaiman* 499

Pak Samad Angkat Martabat Sastera, Bahasa di Akhbar oleh *Pena Mutiara* 504

Bab Lapan

Komentar Orang Lain Terhadap Usaha A. Karim Haji Abdullah Sebagai Penyelenggara Dan Pendokumentor Sastera 511

Bab Sembilan

Tulisan Dan Pandangan Penulis Terhadap Sumbangan A. Karim Haji Abdullah Dalam Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pendokumentasian Karya Sastera Yang Tersiar Dalam Media Massa

Penyelenggara Sastera Yang Gigih oleh *Pena Mutiara* 560

Bung Karim Pengumpul Dokumen Yang Gigih oleh *Daeng Ramliakil* 563

Mendekati Pendokumentor Yang Gigih oleh *Pena Mutiara* 565

Bung Karim Mengikut Jejak H.B. Jassin oleh *Wahba* 572

Rumah Bung Karim Bagaikan Mini Arkib oleh *Tajuddin Saman* 575

Bung Karim: Penyelenggara dan Pendokumentor Yang Gigih oleh *Shaharom TM Sulaiman* 578

Melihat Bung Karim Sebagai "Pustakawan" Sastera oleh *A.F. Yassin* 585

Kegiatan Bung Karim Selepas Bersara oeh *Tajuddin Saman* 592

Pahang Lahir Ramai Tokoh Penulis oleh *Roselan Ab. Malek* 596

Bung Karim: Bubarnya Sebuah Gedung Ilmu oleh *Noor Azam Shairi* 599

Bung Karim Dokumentor Sastera Unggul oleh *Jamudin Idris* 605

Sukar Cari Pengganti Sehebat Bung Karim oleh *Tan Sri A. Samad Ismail* 609

Bung Karim Sahabat Setia Pak Sako oleh *Nazri Nong Samah* 613

Hilangnya Pendokumentor Sastera dan Politik oleh *Mat Piah Teh Deris* 618

Bung Karim Yang Saya Kenali oleh *Aziz Jahpin* 627

Bung Karim Tinggalkan Khazanah Berharga oleh *Pena Mutiara* 633

Keris Mas Sentiasa Dikenang oleh *Suarnieza Mamat* dan *Jasmina Ibrahim* 638

Sumbangan A. Karim Haji Abdullah Dalam Bidang Penerbitan dan Pendokumentasian Wajar Dihargai oleh *Talib Samat* 641

Bab Sepuluh

Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W. Yang Diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah Semasa Hayatnya

Senarai Buku dan Bibliografi oleh *A. Karim Haji Abdullah* 654

Perlunya Perubahan Dalam Sambutan Majlis Maulidur Rasul oleh *Talib Samat* 678

Bab Sebelas

Puisi-Puisi Tentang A. Karim Haji Abdullah

Hari-hari Terakhirmu oleh *Ami Masra* 687

Antara Bayi, Tesis dan Hubungannya Dengan Bung Karim oleh *Talib Samat* 688

Bab Dua Belas

A. Karim Haji Abdullah dan Kelab Veteran DBP

A. Karim Haji Abdullah dan Kelab Veteran DBP oleh *Talib Samat*. 699

Menjelang Penubuhan Kelab Veteran DBP oleh *A.F. Yassin.* 703

Pertemuan Nostalgia DBP oleh *A.F. Yassin.* 710

Bab Tiga Belas

Khatimah

Kenangan Awal Mengenali A. Karim Haji Abdullah oleh *Talib Samat* 719

Kenangan Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Mengedit Buku Selenggaraannya di Dewan Bahasa dan Pustaka oleh *Talib Samat.* 723

Kenangan Terakhir Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak oleh *Talib Samat* 736

Bab Empat Belas

Gambar-gambar Kenangan

MUKADIMAH

MUKADIMAH

oleh *Talib Samat*

Bismillahirrahmaniirahim

Allahyarham A. Karim Haji Abdullah (6 September 1937-5 Februari 2001) merupakan tokoh penting dalam bidang penyusunan, penyelenggaraan dan pendokumentasian buku di negara ini. Kehilangannya ibarat bubarnya sebuah gedung keilmuan yang selama ini menghadiahkan masyarakat dengan pelbagai jenis buku bercorak biografi, koleksi ucapan, koleksi esei tokoh politik, budaya, sastera dan agama yang hilangnya tidak berganti.

Meskipun sehingga kini wujud juga tokoh-tokoh penyusun dan penulis buku seperti Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah yang juga membuat kerja-kerja pendokumentasian dan penyelenggaraan buku dan kitab lama tetapi lebih tertumpu kepada karya-karya Sheikh Daud Fatani atau ulama sahaja yang lebih bercorak keagamaan dan ada juga karya tokoh lain. Hal ini berbeza dengan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang menyelenggara pelbagai buku tokoh pengarang moden seperti Pak Sako, Keris Mas, Tan Sri A. Samad Ismail, Prof. Zulkifli Muhammad dan sebagainya yang lebih bersifat kontemporari berbanding dengan Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah yang lebih condong memperkatakan karya ulama-ulama silam seumpama Sheikh Daud Fatani, Hamzah Fansuri dan sebagainya.

Bagaimanapun kedua-dua tokoh ini mempunyai persamaan iaitu masing-masing mempunyai penerbitan sendiri untuk mencetak apa jua buku selenggaraan atau tulisan

masing-masing yang memudahkan penerbitan karya mereka. Allahyarham A. Karim Haji Abdullah mempunyai penerbit Pustaka Budaya Agency atau beberapa nama lain yang menggunakan alamat rumahnya sendiri seperti Bung Karim Enterprise, Bina Karya Sdn. Bhd., dan sebagainya di samping menerbitkan juga buku selenggaraannya di tempat lain seperti DBP, Fajar Bakti, Pustaka Aman Press, Penerbit UKM dan sebagainya.

Manakala Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah juga mempunyai penerbitannya sendiri iaitu Khazanah Fathaniyah yang menerbitkan buku-buku kajiannya khususnya tentang kupasan karya Sheikh Daud Fatani. Bagaimanapun suatu keunikan Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, beliau juga adalah seorang penyelidik dan pengkaji yang banyak berkarya dan menulis tentang tokoh-tokoh ulama silam dalam majalah *Dakwah* dan sebagainya. Allahyarham A. Karim Haji Abdullah tidak banyak menulis tetapi menyelenggara dan menyusun esei-esei dan karya pelbagai tokoh dalam buku selenggaraannya di samping memberi kata pengantar atau pengenalan terhadap buku-buku selenggaraannya atau meminta sarjana atau tokoh yang pakar dan relevan menulis kata pengantar buku selenggaraannya. Suatu persamaan lagi kedua-dua orang tokoh penulis ini berbinkan Abdullah.

Bagaimanapun dengan lebih 20 buah buku selenggaraannya sama ada yang diterbitkannya sendiri mahupun diterbitkan oleh penerbit besar, Allahyarham A. Karim Haji Abdullah telah meletakkan asas dan tapak yang kukuh dalam arena penyusunan dan penyelenggaraan buku ilmu pengetahuan di negara ini yang lebih terasa kehadirannya sesudah kehilangannya. Apa yang diusahakan oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah merupakan sumbangan besar tidak ternilai harganya kepada pengukuhan dunia persuratan dan pembinaan jati diri Melayu yang sukar dinilai dengan wang ringgit

mahupun harta dunia kerana buku-buku yang dihasilkannya melestarikan dan mengunggulkan kecendekiawanan dan kecemerlangan tokoh-tokoh sastera Melayu seperti Pak Sako, Keris Mas, A. Samad Ismail, Prof. Zulkifli Muhammad dan sebagainya di tempat yang wajar pada saat masyarakat semakin melupakan dan terlupa fungsi dan sumbangan jasa mereka kepada bangsa dan negara.

Siapakah yang harus menggantikan dan meneruskan perjuangan tokoh dokumentasi dan penyelenggara buku seperti beliau meskipun belasan universiti awam dan lebih 600 kolej swasta (IPTA) ditubuhkan. Inilah di antara cabaran dan pesanan yang diwariskan oleh beliau untuk disambut oleh kita semua.

Apa yang dilakukan oleh Allahyarham semasa hayatnya memperlihatkan sikapnya yang komited dan luar biasa terhadap bidang penyelenggaraan dan pendokumentasian yang diwarisinya juga daripada bapanya dahulu (Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali) yang pernah bekerja sebagai penterjemah di Pejabat Karang-Mengarang SITC, Tanjung Malim, Perak pada tahun 1939 dan editor Melayu di Jabatan Parlimen Malaysia.

Kita selaku generasi muda Angkatan Abad 21 yang harus meneruskan tradisi dan perjuangan yang telah dirintisnya itu. Perjuangan serius dan memerlukan ketekunan seperti Allahyarham rintiskan akan sentiasa dikenang dan cuba dihayati oleh generasi kini. Kalau bukan calang-calang sarjana atau pengaji tidak akan berupaya dan bertenaga melakukan apa yang telah dilakukan oleh A. Karim Haji Abdullah kerana ianya bagaikan institusi tersendiri yang kuat iltizam, dan tenaga sasanya.

Dalam usaha penulis menyelenggara buku ini saya aturkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pelbagai pihak yang secara tidak langsung menjayakan penerbitan buku ini. Pertamanya kepada balu Allahyarham, Puan Hajah Aishah bte Abdullah yang memberi pinjam bahan-bahan yang diperlukan seperti simpanan koleksi surat, ulasan-ulasan orang tentang buku selenggaraannya dan gambar kenangan yang berkualiti. Begitu juga kepada Kasman Kassim, pegawai Pusat Dokumentasi Melayu, DBP yang paling banyak membantu mencari dan memfotostet bahan-bahan rujukan yang diperlukan seperti esei-esei lama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang boleh dilihat dalam buku ini. Tanpa bantuan dan sumbangan mereka buku ini tidak akan berhasil dengan sewajarnya. Begitu juga jurutaip manuskrip ini, Swee Lan dan pasukannya yang bekerja gigih menaipnya secara berkomputer sehingga terhasil buku yang seperti ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Shaharom TM Sulaiman, pegawai Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang bermurah hati memberi dan meminjamkan beberapa buah buku dan tulisan A. Karim Haji Abdullah seperti *Warna Sari Kebudayaan* (1966), *Rekod Pembacaan Saya, Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) dan *Kenangan Terakhir Bersama Pak Keris Mas* yang sudah tidak temui lagi di pasaran buku atau perpustakaan awam negara ini kerana usianya yang begitu lama. Begitu juga kepada rakan-rakan penulis yang ikut sama berkongsi pengalaman dan pemikiran seperti Haji Tajuddin Saman, Pena Mutiara dan A. Hamid Othman. Begitu juga rakan-rakan penulis yang karyanya ikut termuat dalam buku ini, penulis mengaturkan ucapan terima kasih kerana kesudian menulis tentang tokoh ini dan membenarkan karyanya dimuatkan dalam buku ini yang sebelumya tersebar di pelbagai massa. Saya juga mengucapkan terima kasih yang mendalam kepada Kamariah Abu Samah di Pusat Dokumentasi Melayu, DBP

dan petugas-petugas Pusat Dokumentasi Melayu yang bertugas di Bahagian Mikrofilem yang membantu penulis mencari setengah-setengah tulisan para pengkritik era 1990-an yang lebih mudah dan pantas dicari daripada mikrofilem akhbar harian dan mingguan tertentu.

Buku ini hanya membicarakan sebahagian kecil daripada sumbangan, biografi dan ketokohan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah dalam bidang pendokumentasian yang perlu diteruskan oleh penulis, sarjana atau pengkaji lain yang lebih berbobot kerana apa yang diusahakan dalam penyelenggaraan, penulisan dan penyusunan buku ini lebih bersifat "pengantar", "pengenalan" atau "mukadimah" semata-mata yang memerlukan kajian lebih terperinci terhadap setiap isi kandungan buku selenggaraan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang jumlahnya melebihi 20 buah itu.

Proses menamakan atau memberi judul yang tepat dan berkesan terhadap buku ini sememangnya sulit dan mencabar sesuai dengan ketokohan dan sumbangan A. Karim Haji Abdullah. Pada mulanya saya ingin menjudulkan buku ini sebagai Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera: Satu Dalam Seribu tetapi sesudah difikir-fikirkan dengan mendalam judul itu kurang berkesan apalagi ada sebuah Selenggaraan beliau yang berjudul *Bung Karim Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera*. Sebaiknya judul sesuatu buku itu biarlah judul yang baru atau belum pernah digunakan orang selama ini.

Dalam proses mencari judul yang sesuai dan berkesan itu, kerja-kerja menyemak taip skrip komputer buku ini diteruskan dan berlangsung, saya terpandang suatu tajuk buku yang tidak sempat disiapkan oleh A. Karim Haji Abdullah kerana kepulangannya ke

rahmatullah pada 5 Februari 2001 lalu. Buku kecil yang pernah dirancangkannya untuk diterbitkan berdasarkan komentar orang terhadap usaha-usahanya mendokumentasi pelbagai karya sasterawan dan tokoh terkenal tanah air yang diusahakannya selama ini. Buku yang tidak sempat diusahakannya itu berjudul A. Karim Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu. Terpercik di minda saya inilah judul yang tepat dan sesuai untuk dijadikan judul buku ini tambahan pula saya menyambung dan meneruskan sebahagian kerja penerbitan dan penyelenggaraan yang dimulakan oleh beliau. Bagaimanapun untuk lebih mempercantikkan, memperhaluskan dan meninggalkan bekas di jiwa pembaca saya perkemaskinikan lagi judul itu menjadi *Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu*. Inilah di antara sejarah, proses dan asal-usul bagaimana buku ini mendapat namanya yang sesuai dan sejajar dengan sumbangan bersejarah A. Karim Haji Abdullah dalam dunia persuratan Melayu dan tradisi intelektual bangsa Melayu yang akan terus menghargai sumbangan murni, suci, mulia dan abadi A. Karim Haji Abdullah yang spesiesnya terlalu jarang muncul dalam dunia persuratan bangsa kita.

Akhirnya saya ingin menyebutkan sekiranya ada kekurangan dan kecacatan tentang buku ini ianya adalah akibat kesilapan saya sendiri selaku manusia biasa yang tidak sunyi daripada melakukan kesilapan dan sekiranya ada kebaikan, manfaat dan faedah daripada buku ini ianya adalah datangnya bersumber daripada ilmu Allah Yang Maha Luas dan Maha Mengetahui. Dan saya selaku penulis mahupun penyelenggara adalah penyampai amanah dan pengetahuan sekadar yang termampu dan terjangkau oleh fikiran manusia yang nisbi dan terbatas sifatnya.

Sekian. *Assalamualaikumwarahmatullah hiwabarakatuh!*

Sekali menulis terus menulis. Fikir itu pelita hati.

Talib Samat
16, Jalan Bernam 13
Taman Bernam Baru
35900 Tanjung Malim, Perak.
24 April 2001 / 30 Muharam 1422 Hijrah.
Tel.: 013-6027244

BIODATA PENYELENGGARA

Talib Samat dilahirkan pada 13 Mac 1959 di Batu Pahat, Johor Darul Takzim tetapi dibesarkan di Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Ulu Tiram dan Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Rendah Majidi Baru Johor Bahru dan Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru. Selanjutnya beliau mengikuti pengajian luar kampus di Universiti Sains Malaysia sehingga memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera (Kesusasteraan) pada 13 Ogos 1994 dan ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan) pada 4 Julai 1998. Beliau meneruskan pengajian ke peringkat Ph.D dalam bidang kesusasteraan di USM yang diambilnya secara sambilan dan kemudiannya meneruskan secara penuh masa mulai Ogos 2000.

Bidang penulisan beliau meliputi semua genre penulisan sama ada cerpen, esei, novel, drama, puisi, rencana, buku ilmiah, buku agama dan sebagainya. Pernah memenangi hadiah dalam sayembara esei, novel remaja dan ulasan buku. Buku beliau yang terpenting termasuklah *99 Nama Allah Yang Termasyhur* (dicetak ulang lebih tujuh kali dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *The 99 Most Eminent Names of Allah* (UP & D, 2001), *Biografi Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu, Potret Kreatif*, novel *Bumi Merdeka, Motivasi dan Jihad Umat Islam Alaf Baru* (Thinker's Library, 1998) dan *Islam Di Antara Percikan Sastera dan Budaya* (Thinker's Library, 1998). Novelnya *Panas Salju* terpilih dan digunakan sebagai teks sastera Tingkatan Tiga untuk mata pelajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) mulai tahun 2002. Novel *Panas Salju* diterbitkan oleh Utusan Publications

and Distributors Sdn. Bhd. Novel ini pernah memenangi hadiah penghargaan dalam Sayembara Novel Remaja anjuran Utusan Melayu-Public Bank 1994. Novel ini dicetak kali pertama pada tahun 1995, dicetak kali kedua pada tahun 1996 dan dicetak semula untuk edisi pelajar pada tahun 2001 untuk edisi pelajar yang diperlengkapkan dengan ilustrasi yang menjadikan novel ini lebih menarik. Beliau juga adalah penerima Hadiah Cipta Karyawan Muda Johor daripada Kerajaan Johor pada 27 November 1999 sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam bidang penulisan tanah air.

Beliau turut aktif dalam persatuan penulis dengan menganggotai Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM), Persatuan Penulis Johor (PPJ), Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan menjadi Setiausaha Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) sesi 1996 hingga 1998 dan dilantik semula untuk sesi 1998-2000. Kini beliau dipilih sebagai Ketua Dua Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) sesi 2001-2003. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa PKBM sesi 2001-2003 dan Ahli Jawatankuasa Karyawan Perak (Karyawan Perak) sesi 2001-2003.

Beliau pernah bertugas sebagai Penolong Pegawai Perancang Bahasa di Bahagian Penerbitan Sastera, Bahagian Penerbitan Am dan Bahagian Kesusasteraan Bandingan, Jabatan Pembinaan dan Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka sejak 3 Julai 1984 sehingga 30 September 1998. Beliau melepaskan jawatannya di DBP dengan izin Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mulai 1 Oktober 1998.

Kini bertugas sebagai pensyarah kesusasteraan Melayu moden di Jabatan Sastera, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul

Ridzuan dan terus menetap di Nombor 16, Jalan Bernam 13, Taman Bernam Baru, 35900 Tanjung Malim, Perak.

BAB SATU

BIOGRAFI
A. KARIM HAJI ABDULLAH

A. Biodata Ringkas Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah: Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera oleh *A. Karim Haji Abdullah.*

B. Bung Karim Dengan Dunia Perbukuannya oleh *A. Karim Haji Abdullah*

C. Biografi Pendokumentasi A. Karim Hj. Abdullah dan Sumbangannya Dalam Menyelenggara dan Menerbitkan Pelbagai Jenis Buku Karya Sasterawan dan Budayawan Terkenal Tanah Air oleh *Md. Subri Mahayadin.*

BIODATA RINGKAS*

Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah
Penyelenggara & Pendokumentor Sastera

Nama Penuh	Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah
Panggilan Mesra	Bung Karim
No. Kad Pengenalan	0672900/370906-06-5053
Alamat Rumah	No. 73, Jalan Datuk Abdul Aziz 14/29 46100 Petaling Jaya,Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon	03-79574686
Tarikh Lahir	6 September 1937
Tempat Lahir	Kampung Bangau Tanjung, Temerloh, Pahang Darul Makmur
Nama Bapa	Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali (Sudah Meninggal, 1973)
Pekerjaan Bapa	Editor Melayu di Jabatan Parlimen Malaysia
Nama Ibu	Hajjah Selamah binti Haji Mohd. Seh (kini berumur 80 tahun)

* Biodata ini ditulis sendiri oleh Bung Karim semasa hayatnya dan diterbitkannya sendiri dalam buku kecil berjudul *Bung Karim: Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera* pada 8 Julai 2000 sempena perasmian Kolej Islam Tuanku Ahmad Shah, Pahang Darul Makmur dan majlis konvokesyen kolej itu.

Pendidikan/ Kelulusan

1) Sekolah Melayu Bangau, Temerloh, Pahang.
2) Sekolah Melayu Raub, Pahang.
3) Mahmood School, Raub, Pahang.
4) Batu Road School, Kuala Lumpur.
5) Victoria Institution, Kuala Lumpur.
6) Abu Bakar School, Temerloh, Pahang (Tamat School Certificate Class, 1957)
7) CYMA School, Kuala Lumpur (Tingkatan Enam)

Pengalaman/ Pekerjaan

1) Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur, 1958.
2) Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Gombak Setia, Kuala Lumpur, 1959.
3) Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Serdang, Selangor Darul Ehsan, 1960.
4) Guru Bahasa Malaysia di Shaw Institute, Kuala Lumpur.
5) Penyiasat Luar di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (Bertugas di Bahagian Perpustakaan), 1961.
6) Penterjemah Buku-Buku Pelajaran dan Umum, Dewan Bahasa, 1962 -1968.
7) Penyunting Majalah-Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
8) Pembantu Sastera, Bahagian Perkembangan Sastera Dewan Bahasa.

9) Penolong Pengarang, Bahagian Perkembangan Sastera Dewan Bahasa.

10) Employee Relation's Officer di Lesong Timber Sdn Bhd, Kuantan, 1974.

11) Executive Secretary Malay Chamber of Commerce and Industry (Pahang Branch).

12) Executive Secretary Malay Timber Traders Association Malaysia.

13) Public Relation Officer, Urban Management Advisor Sdn Bhd, Subang Jaya.

14) Manager (Sales Administration) United Estate Projects Sdn Bhd, Subang Jaya.

15) Pegawai Seranta, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Malaysia, 1982-1988.

16) Setiausaha Sulit (SUS) Kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia, 1994-1995.

17) Setiausaha Sulit (SUS) Kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1995-1996.

18) Setiausaha Sulit (SUS) Kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, 1997-1999.

Pekerjaan Sekarang

Aktivis Sosial, Budaya, Sastera dan Politik Melayu

Aktiviti di Luar Tugas

1) Ahli Jawatankuasa Pengasas Kesatuan Sekerja Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

2) Ahli Pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), 1957.

3) Juruacara Majalah TV Televisyen Malaysia – 6 tahun.

4) Ahli Jawatankuasa Persatuan Kayu-Kayan Bumiputera Malaysia.

5) Naib Yang Di Pertua Dewan Persuratan Melayu Pahang.

6) Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), 1976-1978.

7) Menjadi Anggota Sidang Pengarang Maju Tanah.

8) Menjadi Juruacara Kegiatan & Kursus di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

9) Timbalan Yang Di Pertua Badan Kebajikan Islam Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

10) Setiausaha Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya – 6 Tahun.

11) Ketua Dua Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP – Kuala Lumpur).

12) Presiden Klas 33 Dale Carnegie Course In Public Speaking & Human Relation, 1967.

Kegiatan Politik

1) Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh (1974-1978).

2) Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Temerloh (1974-1978).

3) Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Negeri Pahang (1974-1979).

4) Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan Umno Bahagian Temerloh (1974-1978).

5) Ahli Jawatankuasa Biro Agama, Pelajar dan Kebajikan Umno Bahagian Temerloh (1974-1978).

6) Pengerusi Biro Penerangan Pemuda Umno Temerloh (1975-1978).

7) Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan Umno Negeri Pahang (1976-1978).

Anugerah

PPN (1982) & AMN (1998).

1964-1965, Johan Bahas Dengan Syarahan Bagi Daerah Petaling Jaya dan Bandaraya Kuala Lumpur Dalam Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan.

1966-1967, Johan Syarahan Bulan Bahasa Kebangsaan Bagi Seluruh Negeri Selangor.

Penerbitan Buku Sebagai Editor Penyusun / Penyelenggara

1) Penyelenggaraan Bersama Dr. Hashim Awang *Cerpen-Cerpen Pak Sako* - Penyelenggara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.
2) Penyelenggaraan Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa-Sastera-Budaya* Dewan Persuratan Melayu Pahang Cawangan Kuala Lumpur, 1978.
3) Penyusun Buku *Soal-Soal Kebudayaan* Pustaka Budaya Agensi, Petaling Jaya, 1971.
4) Penyelenggaraan Buku *Pak Sako Bistari* (Bina Karya Sdn Bhd, Petaling Jaya), 1988.
5) *Amanat Tun Dr. Ismail* (Pengumpul) (Pustaka Budaya Agensi, Petaling Jaya) 1974.
6) *Gema Suci – Segugus Puisi Zulkifli Muhammad*, Pengumpul Bersama Abu Zaki Fadil (Pustaka Budaya Agensi, Petaling Jaya) 1975.
7) *Zakaria Hitam (Pak Zek Budayawan Berjasa)* (Bina Karya Sdn Bhd, Petaling Jaya) 1978.
8) *Perjuangan Suci Umno* (Penyelenggara) (Good Mark Enterprise) 1993.
9) *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu* (Penyelenggara) (Aka Media) 1993.
10) *Pemimpin dan Sasterawan* (Dewan Bahasa dan Pustaka) 1993.

11) *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (DBP) 1987.

12) *Ingin Jadi Pujangga (Koleksi Cerpen A. Samad Ismail)* (DBP) 1995.

13) *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad* (Penyelenggara) (Pustaka Budaya Agensi Sdn Bhd) 1997.

14) *Memoir Pak Sako* - Putera Gunung Tahan (UKM) 1996.

15) *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Penyelenggara) (Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd) 1997.

16) *Mutiara Fikir SN Keris Mas* (Pustaka Budaya Agensi) 1997.

17) *Himpunan Pantun Pak Zek*. (Bukuraya Media) 1997

18) *Ceramah Bahasa dan Sastera*. (Pustaka Aman Press) 1964

19) *Warna Sari Kebudayaan* (1966).

20) *Melayu Hilang Keberanian (Suatu Polimek)* (Pustaka Budaya Agensi Sdn Bhd) 1998.

21) *Kepimpinan Dalam Kebudayaan: Sari Pendapat Prof. Ismail Hussein* (Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd.) 1983

22) *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya & Korban Kesuciannya* (Dewan Bahasa dan Pustaka) 1993

Buku-Buku Dalam Proses Penerbitan

1) SN Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh dan Sarjana (Penyelenggara Bersama A. Rahim Abdullah DBP), 2000.

2) "Pemimpin Kecil Dari Kuala Lumpur Semantan" (Antologi Cerpen Penúlis-Penulis Pahang, DPMP), 2000.

3) Mengenang Asri.

4) Ibrahim Yaakub – Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu.

5) Mengenang Ahmad Boestamam – Pejuang Kemerdekaan.

6) A. Samad Ahmad – Budayawan Nasionalis.

7) Keris Mas – Sasterawan Nasionalis.

8) Mengenang Tun Dr. Ismail – Wira Bangsa.

9) A. Samad Ismail – Pejuang Multiwarna.

10) Antara Yang Difikir dan Ditulis (Esei Tersebar Dr. Mahathir).

11) Pidato-Pidato Pilihan Tokoh-Tokoh Tanah air (Buku ini diusahakan bersama Shaharom TM Sulaiman, kini Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia).

12) Pengintipan (Cerpen-Cerpen Awam-Mil-Serkam diselenggarakan bersama Mawar Shafie dari UKM).

13) Moostapir Monolog (Cerpen-Cerpen Lain Dr. Ishak Haji Muhamad [Pak Sako]).

14) Dialog Dengan A. Samad Ismail.

15) Pak Sako – Sasterawan Rakyat.

16) Yang Bernama Cinta (Himpunan Mutiara kata Tentang Cinta).

17) Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan (Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan tokoh -Tokoh dari Pahang Darul Makmur).

18) Karya Klasik Putera Gunung Tahan (Pak Sako) Dari Pelbagai Aspek.

Taraf Perkahwinan	Sudah Berkahwin.
Nama Isteri	Hajah Aishah binti Abdullah
Pekerjaan Isteri	Bersara, Kerani Kewangan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
Bilangan Anak	2 orang (Aznul Shahrim dan Azlina).
Bilangan Cucu	5 orang (Muhammad Luqman Hakim, Siti Nur Jamilah, Farah Diana, Marina Nadira, Muhammad Haziq Irfan).
Tahun 1993	Menunaikan Fardu Haji.
Jun, 2000	Menyertai Pertemuan Dunia Melayu di Jeddah, Anjuran Gapena, SMA.
Catatan tambahan:	Bung Karim meninggal dunia pada jam 6:50 pagi, Isnin, 5 Februari 2001 di Hospital Universiti, Petaling Jaya dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Damansara, Petaling Jaya, Selangor – Talib Samat .

BUNG KARIM DENGAN DUNIA PERBUKUANNYA*

oleh *A. Karim Haji Abdullah*

Sebenarnya saya mula terdedah kepada dunia ilmu dan perbukuan semenjak berusia masih kecil lagi.

Allahyarham ayahanda saya, Tuan Haji Abdullah bin Mohd. Ali, merupakan salah seorang anggota Pejabat Karang Mengarang di Tanjung Malim. Saya masih menyimpan gambar anggota-anggota Pejabat Karang Mengarang Tahun 1939 di bawah pimpinan Allahyarham Pendita Zaba – ahli bahasa dan tokoh persuratan Melayu yang terkenal itu.

Dalam gambar itu tiga orang putera dari Negeri Pahang mula-mula berkhidmat di jabatan itu, iaitu Allahyarham Encik Sulaiman bin Hamzah, Allahyarham Sulaiman Hamzah pernah menjadi pensyarah di Maktab Perguruan di England. Dia telah menulis buku *Tiga Beradik di England*, yang popular bukunya digunakan bagi mereka yang baru belajar bahasa Melayu terutama di kalangan pegawai-pegawai *expatrite* Inggeris dan pegawai-pegawai bukan Melayu.

Allahyarham Sulaiman Hamzah pernah bertugas sebagai Pegawai Perpustakaan di Dewan Bahasa, semasa institusi ini bertempat di Johor Baharu. Dia meninggal di Johor Baharu dengan meninggalkan seorang balu, Puan Zan berasal dari Kalumpang, Hulu Selangor.

* Esei ini ditulis sendiri oleh Bung Karim semasa hayatnya.

Seorang lagi putera Pahang yang mula-mula bertugas di Pejabat Karang Mengarang ialah Allahyarham Haji Abdul Rahman bin Yusop, ayah kepada Prof. Datuk Ghazali Abdul Rahman, yang pernah menjadi Timbalan Naib Canselor (HEP) UKM sebelum bertugas sebagai Ketua Pengarah PUSPATI, Bangi.

Allahyarham Haji Abdul Rahman Yusop meninggal pada tahun 1999 dalam usia 89 tahun di rumahnya di Jalan Haji Alang, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Seminggu sebelum beliau meninggal dunia, saya sempat menziarahi beliau di rumahnya. Dia pernah menjadi Ketua saya di Bahagian Penterjemah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Semasa ketiga-tiga orang putera Pahang ini berkhidmat di Pejabat Karang Mengarang, Tanjung Malim, di samping menjadi penterjemah buku-buku bacaan umum, mereka juga bertugas sebagai pensyarah kepada bakal-bakal guru Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Mereka pernah mengajar Allahyarham Syed Nasir Ismail, Abdul Rahman Talib, Ibrahim Yaakub, Senu Abdul Rahman dan lain-lain tokoh nasionalis Melayu pada zaman itu.

Ayahanda saya pernah menjadi tenaga pengajar bagi mata pelajar Algebra, Geometri dan ilmu hisab.

Sebagai salah seorang pensyarah di kolej itu, ayah saya bergaul mesra dengan tokoh-tokoh yang terkenal seperti Allahyarham Harun Aminurrashid, Buyong Adil,

Zainal Abidin Md. Ali, Karim Shariff, Encik Hadi Hassan (Melaka) dan ramai lagi tokoh-tokoh guru MPSI.

Sebagai seorang tenaga pengajar di kolej yang popular itu, ayah saya banyak memiliki buku-buku lama, hikayat, syair, dan kitab-kitab lama yang tak boleh diperolehi lagi masa ini. *Hikayat Abdullah* cap batu telah saya lihat masa saya kecil lagi. *Syair Dandan Setia* telah menjadi kegemaran ayah saya membacanya.

Tetapi koleksi buku Allahyarham ayah saya itu telah hilang pada zaman Jepun masuk memerintah, kerana sebagai Pegawai Kerajaan berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat adalah perkara biasa. Dia pernah bertugas sebagai jurubahasa Melayu di Mahkamah Raub, dalam perbicaraan orang Melayu mengamuk di Batu Talam, Raub, Pahang.

Tugas beliau yang akhir ialah sebagai Editor Melayu di Jabatan Parlimen Malaysia. Tetapi jasanya sungguh banyak dengan meninggalkan anak murid yang ramai di seluruh negara. Beliau terkenal dengan panggilan Cikgu "Encik Cik Lah, orang Pahang", seorang bekas pelajarnya ialah Allahyarham Cikgu Maaruf Mahmud, bekas editor di Dewan Bahasa.

Waktu di Pejabat Karang Mengarang, Tanjung Malim, beliau telah menterjemahkan buku *Tales from Alhambra – Cerita-cerita dari Istana Alhambra*, dan *Kings Solomons Mines – Gua Intan Nabi Sulaiman*, yang sudah saya baca dari saya kecil lagi.

Saya mengikuti jejaknya menjadi guru tetapi Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Gombak Setia dan Serdang, Selangor.

Masa saya menjadi guru saya sangat aktif dalam aktiviti Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya pernah menjadi Johan Bahas, dan Syarahan bagi Daerah Petaling Jaya, dan Dewan Bandaraya. Saya pernah menjadi Johan Syarahan bagi seluruh negeri Selangor.

Pada pertengahan Jun 1961, saya mohon kerja sebagai Penyiasat Luar di Dewan Bahasa, waktu itu bertempat di Jalan Young, Kuala Lumpur dan ditempatkan bertugas di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Waktu Allahyarham Tuan Syed Ahmad bin Ali, Ketua Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengikut kursus pustakawan di London selama hampir tiga tahun, saya bertanggungjawab kepada operasi dan perpindahan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ke Bangunan Baru di Jalan Wisma Putra.

Semasa bertugas di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), hanya ada empat orang tenaga pekerja, iaitu selain dari Tuan Syed Ahmad, saya, Puan Aishah Abdullah yang menjadi isteri saya hingga sekarang, dan Encik Zulfan Haji Salim yang bertugas sebagai penyelenggara perpustakaan.

Pada masa itu, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) belum lagi dibuka kepada umum, hanya kepada kakitangan DBP sahaja.

Sungguhpun kekurangan tenaga pekerja, kami telah dapat mengadakan Pameran Buku-buku Perpustakaan Dewan Bahasa dan jualan buku terbitan DBP hampir di seluruh negara.

Saya mengendalikan pameran buku hingga ke Singapura Memorial Hall, ke Johor, Pahang, Kelantan (semasa itu masih lagi di bawah Kerajaan PAS, Datuk Ishak Lotfi menjadi Menteri Besar Kelantan).

Pada satu ketika Menteri Besar Kelantan, meminta saya berucap mewakili Ketua Pengarah DBP masa itu, Tuan Syed Nasir Ismail.

Saya pun telefon Tuan Syed Nasir di rumahnya waktu malam memberitahu situasi ini. Tuan Syed Nasir Ismail memberi *green light* kepada saya.

Sebagai anak muda yang penuh idealisme, dan ahli pidato muda, ucapan saya telah tersiar melalui Radio Malaysia.

Apabila saya balik ke DBP, saya susun semula teks ucapan saya untuk diteliti oleh Ketua Pengarah. Saya mendapat pujian dari Tuan Syed Nasir atas ucapan itu.

Saya berkahwin dengan isteri saya setelah saya tidak lagi bekerja di Perpustakaan. Saya berpindah bekerja sebagai Penterjemah di mana Allahyarham Haji Rahman Yusop menjadi "boss" saya.

Di bahagian penterjemah saya bekerja selama 6 tahun. Kemudian bekerja sebagai Penyunting Majalah terbitan Dewan Bahasa.

Saya membuat kerja *part-time* sebagai juruacara "Compere" bagi rancangan TV selama 6 tahun, mengendalikan Rancangan "Majalah TV". Saban minggu, wajah saya tersiar melalui kaca TV.

Di samping itu, saya mengikuti Dale Carnegie Course in Public Speaking and Human Relation. Saya dipilih menjadi Presiden Class 32.

Semasa di DBP saya bertugas di bawah Sasterawan Negara Keris Mas, Sasterawan Usman Awang, Datuk M. Noor Azam, ramai kawan-kawan saya di kalangan sasterawan dan penulis yang terkenal seperti Sasterawan Negara Abdullah Hussain, Awam-il-Sarkam, Shamsuddin Jaafar, Kemala, A.F. Yassin, Wijaya Mala, Dharmawijaya, Anwar Ridhwan, Ayob Yamin, Saleh Daud. Bila berkawan dengan golongan istimewa ini, mendorongkan saya membaca pelbagai buku.

Saya mula rapat dengan Tan Sri A. Samad Ismail, setelah isteri pertamanya, Puan Sri Hamidah Hassan meninggal dunia. Sebelum itu, saya dengar namanya pun saya gerun.

Dari semenjak saya menjadi guru lagi, saya mempunyai koleksi karya-karya Pak Sako, Keris Mas, dan A. Samad Ismail. Tiap-tiap bulan saya membelanjakan duit gaji dengan membeli buku-buku karya mereka.

Kini saya mempunyai 3,000 buku perpustakaan dalam koleksi peribadi saya.

Apabila saya menunaikan fardu Haji dalam tahun 1993 sekembalinya dari Mekah, saya memulakan minat baru iaitu mengumpulkan buku-buku sejarah hidup dan Sirah Rasulullah. Kini ada 300 buah buku koleksi saya tentang baginda Rasulullah.

Saya telah membuat perubahan dalam pendekatan menyambut Hari Keputeraan Nabi, dengan mengadakan Pesta Pameran Buku Riwayat Hidup Rasulullah.[1]

Pertama kali saya mengadakan Pameran Buku di Masjid Tun Aziz (Masjid Bulat) Seksyen 14, Petaling Jaya. Kali kedua di Kementerian Tanah dan Koperasi, Malaysia.

Di samping membeli dan mengumpul buku saya juga menjadi **Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera Melayu**. Setakat ini saya telah menyelenggarakan hampir 30 buah buku dalam bidang sastera, budaya, politik dan kewartawanan.

Antaranya: *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera dan Budaya, Amanat Tun Dr. Ismail, Antara Pemikiran A. Samad Ismail, A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartanan, Ingin Jadi Pujangga, (Koleksi Cerpen A. Samad Ismail), Pak Sako dari Sudut Pandangan Pak Samad, Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas, Keris Mas Dari Tanggapan Tokoh dan Sarjana, Dua Novel Keris Mas Pemimpin dan Sasterawan (antologi esei), UMNO Teras Politik, Melayu Teras Negara, Perjuangan Suci UMNO, UMNO Tunggak Perpaduan Melayu, Zakaria Hitam – Budayawan Berjasa, Pak Sako Bistari, Cerpen-Cerpen Pak Sako, Ceramah Bahasa dan Sastera, Soal-Soal Kebudayaan, Warnasari Kebudayaan, Melayu Hilang Keberanian, Kepimpinan dalam Keluarga (Catatan Pengalaman Pandangan Memoir Pak Sako dan sebagainya).*

Buku-buku yang dalam proses penerbitan dan akan dicetak ialah *Mengenang Asri, Mengenang Tun Dr. Ismail: Wira Bangsa, Mengenang Ibrahim Yaakub, Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu, Antara Yang Difikir dan Ditulis (Esei Tersebar Dr.*

[1] Lihat tulisan dan ulasan Talib Samat tentang perkara ini dalam tulisannya "Perlunya Perubahan Dalam Sambutan Majlis Maulidur Rasul" dalam Bab Sepuluh buku ini.

Mahathir), Antara Pemikiran Abdullah Majid – Aktivis Politik dan Budaya, Pak Sako Dalam Puisi dan Cerpen, Pemimpin Kecil Dari Kuala Semantan, Antologi Cerpen Penulis Pahang, Bingkisan Politik Senu Abdul Rahman, Monolog Moostapir (cerpen lain Pak Sako), Pidato-Pidato Pilihan Tokoh-Tokoh Tanahair (bersama dengan Shaharom TM Sulaiman), Yang Bernama Cinta (mutiara kata tentang falsafah cinta), Dialog Dengan A. Samad Ismail, A. Samad Ismail Pejuang Pancawarna, Wacana Pemikiran Keris Mas, Mengenang A. Rahim Kajai dan sebagainya.

Allahyarham Syed Nasir Ismail dan Abdul Rahman Talib mengikuti kursus di MPSI untuk dilatih menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu.

Waktu itu ada beberapa orang menjawat jawatan Penyiasat Luar DBP. Antaranya Hussain Jamil, Jazamuddin (Adi Muara), Allahyarham En. Gu Aris bin Othman.

Saya juga pernah aktif dalam kegiatan politik di Pahang. Saya pernah menjadi AJK UMNO Bahagian Temerloh dan Setiausaha Pemuda UMNO Negeri Pahang selama 6 tahun (1974-1979).

Waktu saya dalam Tingkatan Lima di Abu Bakar School Temerloh, saya turut terlibat dalam penubuhan DPMP (Dewan Persuratan Melayu Pahang), satu-satunya badan penulis di Pahang, dalam tahun 1957.

Di hujung tahun 1957, saya menjadi wakil DPMP ke Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka. Di sini saya mula berkenalan dengan ramai tokoh nasionalis, sasterawan dan budayawan Melayu.

Sebagai anak muda, saya berminat menyimpan buku "autograf" yang saya simpan hingga sekarang.

Dalam catatannya, Sasterawan Negara Usman Awang dalam autograf saya menulis "Kalau dalam politik kita berpisah, dalam kebudayaan kita bersatu" dan Datuk M. Noor Azam mencatatkan "Hidup Bukan Untuk Mati".

Demikianlah secebis penglibatan saya dalam dunia ilmu dan perbukuan, politik dan budaya.

Saya telah membuat pelbagai jenis pekerjaan. Yang akhirnya sebagai Setiausaha Sulit Kepada YB Dato' Fauzi Abdul Rahman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (di Putrajaya).

Kini saya tidak ada kerja tetap lagi. Hanya bekerja sendiri sebagai "AKTIVIS SOSIAL, SASTERA, BUDAYA DAN POLITIK MELAYU".

BIOGRAFI PENDOKUMENTASI A. KARIM HJ. ABDULLAH DAN SUMBANGANNYA DALAM MENYELENGGARA DAN MENERBITKAN PELBAGAI JENIS BUKU KARYA SASTERAWAN DAN BUDAYAWAN TERKENAL TANAH AIR

oleh *Md. Subri Mahayadin**

1. SEJARAH HIDUP DAN PENGALAMAN BUNG KARIM

ABDUL KARIM ABDULLAH seorang penulis esei yang baik, tetapi minat beliau lebih terarah kepada kerja-kerja menyelenggara tulisan pengarang-pengarang terkenal tanah air. Beliau berusaha, mencari dan mengumpul sedaya mungkin tulisan pengarang-pengarang terkenal dari awal penglibatan tokoh-tokoh penulis itu dalam dunia penulisan.

Karim yang lebih dikenali dan mesra di kalangan teman-teman penulis dengan panggilan ***'Bung Karim'*** adalah seorang yang berfikiran kreatif dan terbuka, mesra, mudah didekati dan senang berbicara. Bermulanya kerjaya sebagai guru berminat pula menjadi seorang penyelenggaraan buku-buku tokoh-tokoh sastera, dengan kerja-kerja yang berat ini sempat juga turut aktif dan memberi sumbangan yang besar dalam politik negara.

Minat dan cintanya yang mendalam kepada tulisan-tulisan lama dari pengarang-pengarang terkenal tanah air seperti Allahyarham Keris Mas, Allahyarham Pak Sako, A. Samad Ismail dan lain-lain dan kemudian mengenengahkannya kepada masyarakat dalam bentuk buku. Ini diusahakan beliau dengan harapan buku-buku itu akan menjadi sumber

rujukan atau kajian generasi akan datang yang ingin melihat perkembangan sastera dan budaya negara ini pada masa-masa lampau.

Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh A. Karim selama ini amat besar ertinya. Sejauh ini, hanya beliau satu-satunya penulis negara ini yang gigih mengumpul dan menyelenggara tulisan pengarang-pengarang terkenal. Kerja-kerja sebegini memerlukan pengorbanan kesabaran, ketekunan, ketelitian dan juga menuntut banyak masa, tenaga dan wang ringgit. Setakat ini tidak ada pembantu yang membantu beliau melaksanakan tugas-tugasnya sebagai penyelenggara buku ini, cuma sekali-sekali pada waktu kelapangan isterinya menolong mengemas bilik dan menyimpan buku-buku di bilik yang dikhaskan.

Bagi menyiapkan tugasan ini saya bersama rakan-rakan saya dari UPSI telah bersama-sama mengunjung ke rumahnya di No. 73, Jalan 14/29, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada 1 haribulan Ogos 1999, jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari. Selama lebih kurang dua setengah jam telah bertemu bual dengan beliau dan juga isterinya. Rumah beliau bersebelahan rumah Sasterawan Negara Allahyarham Keris Mas dan tidak jauh dari rumah Tan Sri A. Samad Ismail dan Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain yang juga tinggal di Petaling Jaya.

Bung Karim, anak bertuah Haji Abdullah bin Haji Mohd Ali ini telah dilahirkan di Kampong Bangau, dalam Daerah Temerloh di Pahang Darul Makmur, pada tanggal 6 haribulan September 1937. Bapa beliau yang dikasihi telah pun meninggal dunia adalah

---

* Beliau adalah lulusan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Sesi 2000/2001 dan mengambil kertas BM 3203 (Pengantar Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu) yang diselia oleh Talib Samat.

juga pengarang (Editor Melayu) di Jabatan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. Sebelum ini Allahyarham pernah menjadi salah seorang penterjemah Melayu di Pejabat Karang Mengarang MPSI (kini UPSI), Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan di bawah pimpinan Allahyarham Pendita Za'ba.

Sebagai seorang anak kelahiran kampung, beliau telah memulakan pengajian di darjah satu di Sekolah Melayu Bangau, tidak jauh dari rumahnya. Sewaktu beliau di darjah tiga, mengikut bapanya berpindah ke Raub, Pahang dan bersekolah pula di Sekolah Melayu Raub. Kemudian berpindah pula ke Mahmood School Raub sebelum mengikut bapanya ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur beliau menamatkan persekolahan rendahnya di Batu Road School.

Permulaan alam sekolah menengah telah menjadi pelajar Victoria Institution, Kuala Lumpur, satu-satunya sekolah yang terkemuka di Kuala Lumpur ketika itu. Beliau pulang semula ke Pahang dan bersekolah pula di Abu Bakar School, Temerloh sehinggalah tamat School Certificate Class. Sewaktu beliau bersekolah di sini beliau mula berjinak-jinak dan ikut aktif dalam persatuan penulis. Beliau adalah salah seorang ahli jawatankuasa yang mengasaskan Dewan Persatuan Melayu Negeri Pahang atau ringkasnya DPMP telah ditubuhkan pada tanggal 17 Mei 1957. Dalam tahun 1958 Bung Karim telah mewakili badan penulis itu ke Kongres Kebudayaan Melayu di Melaka bersama-sama Sahmad Malaya, Wan Ahmad Tajuddin dan Allahyarham Gu Jaafar Awang Pekan dan anak perempuannya Kamariah. Hingga kini telah menjawat sebagai Naib Yang Dipertua DPMP. Setelah itu berpindah pula ke Kuala Lumpur menuntut di sekolah persendirian Cyma College hingga tingkatan enam atas. Setakat ini sahajalah pendidikan yang beliau terima sebelum ditawarkan jawatan sebagai guru.

Sebagai pendidik, beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris, di Sekolah Kebangsaan Segambut merupakan sekolah pertama menabur bakti pada tahun 1959 dan pada tahun ini iaitu 13 Mac 1959, sasterawan Talib Samat baru saja dilahirkan ke dunia. Kemudian beliau berpindah pula mengajar Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Gombak Setia dan kemudiannya ke Sekolah Kebangsaan Serdang, Selangor sebelum menjadi guru Bahasa Melayu di Shaw Institute, Kuala Lumpur.

Sebagai guru tanpa latihan perguruan belum boleh menjamin kerjaya hidupnya, mendorongnya berpindah kerjaya kepada Penyiasat Luar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, bertugas di bahagian perpustakaan pada tahun 1961. Dewan Bahasa dan Pustaka ketika itu beroperasi di Jalan Young, Kuala Lumpur di bawah pimpinan Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail. Dari sinilah beliau mula mengenali wanita pilihannya Hajah Aishah bt. Abdullah ketika itu sebagai kerani di tempat yang sama yang mana sekarang ini telah pun bersara. Hasil perkahwinan mereka telah dianugerahkan seorang putera dan seorang puteri serta lima orang cucu setakat ini. Kedua-dua anak mereka telah berjaya dengan kerjaya masing-masing.

Sewaktu bertugas di DBP, Bung Karim juga pernah menjadi penterjemah buku-buku pelajaran selama beberapa tahun di bawah pimpinan Ketua Bahagian Penterjemah waktu itu, iaitu Tuan Haji Abdul Rahman Yusop. Tuan Haji Abdul Rahman Yusop adalah bekas seorang penterjemah Melayu di Pejabat Karang Mengarang. Selain daripada bertugas sebagai penterjemah buku-buku pelajaran beliau juga merupakan penyunting majalah-majalah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan seterusnya menjadi Pembantu Sastera di Bahagian Perkembangan Sastera sebelum dilantik menjadi Penolong Pengarang, Bahagian Perkembangan Sastera pada tahun 1968.

Ketua pengarangnya ketika itu adalah Allahyarham Keris Mas yang juga merupakan Ketua Bahagian Perkembangan Sastera. Di bahagian ini banyak memberi kesempatan kepada Bung Karim untuk bergaul dan sekali gus bekerja bersama-sama dengan Datuk M. Noor Azam, Datuk (Dr.) Usman Awang, Abdullah Hussain, Awam il-Sarkam, Salleh Daud, Kemala, Datin Hamsiah, Anwar Ridhwan, Shamsuddin Jaafar, Ayob Yamin, Syed Jaafar Husin, A.F. Yassin, A. Ghani Abdullah, Allahyarham A.M. Thani dan lain-lain lagi. Sewaktu di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai aktiviti di luar tugas Bung Karim telah menjawat Ahli Jawatankuasa Pengasas Kesatuan Sekerja DBP dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti kebajikan untuk ahli-ahli.

Selain dari bertugas sepenuh masa dengan DBP beliau juga diamanahkan memegang beberapa jawatan penting dalam perniagaan pembalakan antaranya, Employee Relation's Officer di Lesong Timber Sdn. Bhd. Kuantan, Executive Secretary Malay Chamber of Commerce and Industry (Pahang Branch) dan Executive Secretary Malay Timber Traders Association Malaysia. Dalam perniagaan pembalakan ini beliau telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Kayu-kayan Malaysia.

Beliau terlalu aktif dalam kegiatan politik tanah air dan telah menjawat jawatan-jawatan penting dalam kepimpinan Parti UMNO. Bermula pada tahun 1974 telah menjadi Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Temerloh sehingga tahun 1979. Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Temerloh dari tahun 1974 hingga 1978. Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Pahang dari 1974 hingga 1979. Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan UMNO Bahagian Temerloh dari 1974 hingga 1978. Ahli Jawatankuasa Biro Agama, Pelajaran dan Kebajikan UMNO Bahagian Temerloh dari 1974 hingga 1978. Pengerusi Biro Penerangan Pergerakan Pemuda

UMNO Temerloh dari 1975 hingga 1978 dan menjadi Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan UMNO Negeri Pahang dari 1976 hingga 1978.

Penglibatan beliau dalam politik yang cemerlang telah diperhatikan segala aktiviti dan sumbangan beliau kepada masyarakat. Keaktifan, kesungguhan dan ketokohan beliau telah dianugerahkan pingat-pingat kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Di Pertuan Agong. Antaranya dianugerahkan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.) pada tahun 1982 dan Pingat Ahli Mangku Negara pada tahun 1998.

Pemikirannya yang bernas, berpandangan jauh dan berwibawa dalam kepimpinan politik masa kini maka beberapa jawatan telah disandang beliau dalam kepimpinan pentadbiran politik negara. Pada tahun 1982 beliau bertugas sebagai Pegawai Seranta di Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah sehinggalah 1988. Dengan kebolehannya berpolitik dan mengarang telah dilantik pula menjadi Setiausaha Sulit (SUS) kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia Datuk Fauzi bin Abdul Rahman. Susulan daripada itu Datuk Fauzi bin Abdul Rahman telah berpindah kementerian ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi maka Bung Karim sekali lagi dilantik menjadi setiausaha sulitnya (SUS). Akhirnya sekarang ini beliau masih lagi berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit (SUS) kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula di bawah Datuk Fauzi bin Abdul Rahman juga. Beliau begitu berpengalaman dalam berpolitik, asam garam politik telah dilaluinya melebihi 20 tahun yang lalu di bawah tiga tokoh pentadbiran kepimpinan Perdana Menteri di negara ini, iaitu bermula dari Allahyarham Tun Haji Abd. Razak bin Husain, Allahyarham Tun Husain bin Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohammad.

Selain dari itu, beliau juga tidak ketinggalan telah melaksanakan tugas-tugas kebajikan di luar tugas beliau bagi membantu agensi-agensi tertentu. Beliau juga sememangnya berkebolehan bercakap, dengan kebolehan ini beliau turut diundang menjadi juruacara *'Majalah TV'* Televisyen Malaysia (RTM 1) selama enam tahun berturut-turut dan juga sebagai juruacara tetap bagi setiap kegiatan atau kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah Kemajuan Wilayah sewaktu beliau menjawat jawatan Pegawai Seranta di Kementerian tersebut. Dalam kegiatan karang-mengarang pula beliau telah menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Penulis Nasional (**GAPENA**) dari tahun 1976 hingga 1978 dan juga sebagai Anggota Sidang Pengarang *Maju Tanah.* Dalam Persatuan DPMP yang cawangannya beroperasi di Kuala Lumpur beliau menjadi Ketua Dua Dewan Persuratan Melayu Pahang. Bagi perkhidmatan masyarakat setempat beliau telah diamanahkan sebagai Setiausaha Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya dan juga sebagai Timbalan Yang Di Pertua Kebajikan Islam Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Walaupun sibuk dengan tugas-tugasnya sebagai Setiausaha Sulit (SUS) kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi bin Abdul Rahman, Bung Karim masih dapat meluangkan masanya untuk menulis, mengumpul dan menyelenggara beberapa buah buku. Antara buku-buku yang telah pun diedarkan ialah "*Mengenang Asri*" (400 halaman), *Wawancara Dengan Pak Sako Dalam Kenangan* (350 halaman), *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (300 halaman), *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Bahasa, Sastera, Budaya dan Kewartawanan* (400 halaman) dan *Ibrahim Yaakob: Pejuang Kebangsaan Melayu* (400 halaman).

Dalam banyak hal Bung Karim menyatakan kekesalannya tidak dapat mencari cerpen-cerpen Pak Samad disebabkan Pak Samad telah menggunakan nama samarannya yang berbagai-bagai sehinggakan sahabat-sahabatnya sendiri turut terlupa dengan nama-nama yang digunakan. Bung Karim telah mengumpul dan menyelenggara esei-esei dan ucapan-ucapan Pak Samad yang tersebar dalam seminar, forum, bengkel atau pertemuan yang diberi judul *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* terbitan DBP. Buku setebal 441 halaman ini diterbitkan pada tahun 1991 yang diedit oleh Talib Samat sewaktu bertugas di Bahagian Penerbitan Sastera, DBP. Buku ini juga menjadi salam perkenalan awal antara Talib Samat dan Bung Karim yang kemudiannya bertambah mesra dalam bidang penulisan dan penerbitan buku.

Buku *Ingin Jadi Pujangga* oleh Tokoh Wartawan Negara Tan Sri (Dr.) A. Samad Ismail diterbitkan pada tahun 1995 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan kumpulan cerpen perseorangan yang paling tebal pernah diterbitkan. Buku setebal 850 halaman itu diberi kata pengantar oleh Prof. Madya Abdullah Tahir (kini Allahyarham) dari Universiti Malaya dan disusun selenggarakan oleh Bung Karim dengan penuh tabah dan berhati-hati selama hampir empat tahun dengan mencari dan mengumpulkan cerpen-cerpen Pak Samad dari pelbagai majalah dari zaman Jepun, 1944 hinggalah ke tahun 1991. Cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam buku ini sebahagian besarnya dari cerpen-cerpen Pemenang Anugerah Magsaysay 1994 yang diterima oleh Pak Samad Ismail.

Buku keluaran 1993 yang bertajuk *Pemimpin dan Sasterawan* terbitan DBP. Buku ini menghimpunkan seramai 49 orang tokoh dalam pelbagai bidang yang memperkatakan peranan sasterawan dan kesusasteraan. Pendapat dan pandangan tokoh-

tokoh dalam buku ini telah dihimpunkan dalam jangka masa yang agak panjang, sekitar 30 tahun bermula dari tahun 1966 hingga 1992.

Selain dari buku-buku tersebut banyak lagi buku-buku yang telah diterbitkan. Himpunan cerpen-cerpen Allahyarham Pak Sako sebelum perang yang diselenggarakan bersama Prof. Dr. Hashim Awang dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Buku tersebut diterbitkan pada tahun 1987 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tahun 1993 Bung Karim telah menerbitkan dua buah buku politik, iaitu *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu* (koleksi pidato bekas-bekas Presiden UMNO) dan buku *Perjuangan Suci UMNO* (koleksi pidato bekas-bekas Presiden UMNO). Buku-buku ini diusahakan terbitannya adalah merupakan sebagai satu dokumentasi yang berguna dan perlu dihayati dan menjadi renungan oleh mereka yang baru, telah lama mahupun yang ingin mendekati dengan UMNO.

Bung Karim juga telah menerbitkan koleksi pidato Tun Dr. Ismail sebaik saja tokoh politik yang berwibawa di negara kita itu meninggal dunia. Buku itu dinamakan *Amanat Tun Dr. Ismail.* Buku-buku lain yang diselenggarakan oleh beliau ialah *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera dan Budaya, Catatan Perjalanan Pak Sako* dan *Gema Suci* (koleksi puisi Zulkiflee Muhammad) yang menjadi bahan kajian utama Talib Samat sewaktu menulis latihan ilmiahnya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia sesi 1993/1994.

Di rumah Bung Karim terdapat banyak buku-buku lama dan baru, beliau telah menempatkan buku-buku tersebut di sebuah bilik khas sebagai mini perpustakaan. Antaranya terdapat novel awal Allahyarham Keris Mas yang diterbitkan oleh Utusan

Melayu Berhad dalam tahun 50-an, iaitu novel *Pahlawan Rimba Malaya* dan *Korban Kesuciannya.* Kedua-dua buku tersebut telah dirumikan oleh beliau di mana tulisan asalnya adalah dalam bentuk tulisan jawi. Kedua-dua buku tersebut telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993 mengandungi 140 halaman. Dalam simpanannya juga, Bung karim mengumpul buku-buku karya Allahyarham Pak Sako yang berjudul *Bersatulah Sekarang* yang mula diterbitkan oleh Annies Printing Works Johor Bahru dalam tahun 1946.

Bung Karim telah pun menunaikan fardu haji bersama isterinya pada tahun 1993. Sekembalinya dari Makkah, Bung Karim telah membentuk satu hobi baru, iaitu mengumpul buku-buku mengenai riwayat hidup, sirah dan perjuangan Rasulullah s.a.w. Buku-buku tersebut telah dimiliki dengan membelinya di serata pelosok negara melebihi 200 buah semuanya. Beliau juga bercadang untuk menerbitkan buku mengenai riwayat hidup dan perjuangan Rasulullah s.a.w. suatu hari nanti. Dalam koleksi peribadinya sekarang sudah terkumpul melebihi 3000 buah buku dan berbagai-bagai risalah-risalah lain yang boleh dijadikan sebagai rujukan bahasa, kesusasteraan dan budaya untuk masa hadapan.

Sebagai pengumpul dan pendokumentasi budaya yang gigih, Bung Karim sering didatangi oleh mahasiswa dan mahasiswi pusat pengajian tinggi yang berhasrat membuat kajian atau rujukan, dan sekali gus meminta bantuan bagi meminjamkan dokumen tentang tokoh-tokoh tertentu seperti Ishak Hj. Mohammad (Pak Sako), Kamaludin bin Muhammad (Keris Mas), A. Samad Ismail (Pak Samad), Ibrahim bin Yaakob (Ibhy) dan lain-lain lagi.

Sebagai pendokumentor, Bung Karim memberi perhatian kepada perkara-perkara yang relevan dengan tokoh-tokoh, umpamanya memiliki tulisan tangan Jawi Allahyarham Pak Sako, pita rakaman ceramah dan ucapan A. Samad Ismail, guntingan akhbar tentang tokoh-tokoh tertentu dalam akhbar-akhbar tempatan.

Menurut Bung Karim, semuanya ini amat berguna sebagai khazanah untuk keperluan penyelidikan dan kajian generasi yang akan datang. Usaha yang telah dijalankan beliau ini sebenarnya telah mendapat sokongan dan galakan serta penghormatan dari tokoh-tokoh sasterawan negara termasuklah Datuk (Dr.) Usman Awang (Tongkat Warant).

Sehingga kini beliau masih lagi menunggu empat buah buku yang dalam proses penerbitan setelah dua tahun yang lalu telah dihantar untuk cetakan. Dalam simpanannya sekarang seperti yang telah ditunjukkan kepada saya sewaktu kunjungan saya itu terdapat 20 buah skrip buku lagi yang sudah dan sedang dikumpul dan diselenggarakan untuk dihantar kepada percetakan. Kita doakan mudah-mudahan diberi Allah kekuatan dan kesihatan kepada beliau supaya matlamat dan cita-citanya itu dimakbulkan Tuhan. Melihat senarai buku yang sudah dan akan terbit, ternyata Bung Karim adalah seorang penulis dan penyelenggara yang gigih. Kegigihannya sejauh ini belum ada tandingannya lagi.

Usaha Bung Karim mengumpul tulisan kertas-kertas kerja dan ucapan dari tokoh-tokoh penulis dan politik di negara ini untuk dijadikan buku patut diberi pujian. Buku-buku yang diselenggarakan oleh Bung Karim itu akan menjadi bahan kajian dan penyelidikan generasi akan datang yang ingin mengetahui perkembangan sastera, budaya

dan politik bangsanya pada masa-masa lalu. Adalah diharapkan pendokumentor ini akan terus gigih menyelenggara tulisan-tulisan pengarang-pengarang lain yang terkenal di tanah air kita ini.

Begitulah juga harapan besarnya untuk menjadikan rumahnya itu sebagai ***Pustaka Bung Karim*** menjadi kenyataan. Saya amat bersetuju usaha beliau itu kerana pustaka ini adalah tempat himpunan segala khazanah bahasa, sastera dan budaya yang boleh dijadikan sebagai tempat rujukan untuk generasi yang akan datang. Insya-Allah saya doakan supaya cita-cita murni dan berfaedah ini terlaksana jua akhirnya.

2. CONTOH-CONTOH HASIL PENYELENGGARAAN BUNG KARIM

2.1 Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas (1997, Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd. Petaling Jaya)

Buku ini sebenarnya merupakan koleksi wawancara oleh beberapa orang tokoh dan karyawan dengan Allahyarham Keris Mas, Sasterawan Negara yang pertama. Wawancara-wawancara ini pernah tersiar dalam berbagai penerbitan. Dalam proses wawancara biasanya yang cuba ditemukan adalah pendapat-pendapat yang asli, jujur, berterus terang dan mendalam tentang dirinya dan juga pegangan kesusasteraannya. Dengan kata-kata lain buku ini berusaha menampilkan Keris Mas sebagai sasterawan dan pemikir besar. Semua penulis berfikir tetapi tidak semua penulis menjadi sasterawan dan pemikir besar. Itulah keistimewaan SN Keris Mas.

Kemunculannya sebagai sasterawan besar dilingkungi oleh keadaan zaman yang kacau-antara pedih pasca Perang Dunia Kedua dengan kemerdekaan negara yang belum

pasti, dan dalam suasana pertubuhan politik yang sedang bergerak untuk menuntut kemerdekaan tanah air.

Pada dekad tersebut, angkatan penulis bukanlah merupakan satu gaya hidup tetapi sebagai wadah perjuangan kehidupan. Apabila Keris Mas bergerak dalam ASAS 50, angkatan yang berpegang pada konsep 'Seni Untuk Masyarakat' telah berusaha untuk membebaskan minda bangsa daripada kebekuan dan feudalisme. Angkatan ini diperkuatkan oleh tokoh-tokoh yang berbakat dan komited terhadap perjuangan dan sedia bekerja keras. Keris Mas adalah salah seorang daripada tokoh-tokoh itu.

Beruntunglah Keris Mas kerana latar belakang keluarga, pendidikan agama, pekerjaan dan penglibatannya dalam politik telah membentuknya menjadi penulis dan aktivis yang berani, pintar berhujah dan cukup kukuh penulisan kreatif dan esei-eseinya. Apabila beliau diserang atau **ASAS 50** dikritik, beliau menepis serangan atau kritikan itu dengan rasional-rasional sebagai seorang pemikir yang mendalam. **ASAS 50** tentunya banyak terhutang budi kepada Keris Mas, sebagaimana Keris Mas pula terhutang budi kepada angkatan itu.

Tan Sri A. Samad Ismail dalam sebuah ceramahnya, "*Mengenang Sasterawan Negara Keris Mas*' di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka pada 10 Jun 1997 menyatakan: Keris Mas adalah seorang yang teliti dan berhati-hati, tidak tergesa-gesa dan terburu-buru membuat satu-satu keputusan melainkan setelah menimbangkannya dengan cermat. Saya tertarik dengan kesederhanaannya dalam serba serbi tindakannya.

Dia bisa disalah ertikan sebagai seorang yang berjiwa kerdil, takut berhadapan dengan risiko tetapi berani dan keras mempertahankan pendiriannya seperti waktu **ASAS**

50 yang dicabar dan dikritik oleh setengah-tengah golongan pada awal tahun 1960-an dahulu. Keris sahaja antara teman-teman seangkatannya yang berani berdebat dan berpolemik di tengah umum mempertahankan **ASAS 50**. Keris petah bercakap dan saya rasa beliau seorang ***debater*** yang tidak mudah dikalahkan oleh lawan."

Tentang pegangannya mengenai konsep "*Sastera Untuk Masyarakat*" Keris Mas dalam sebuah wawancaranya dalam buku ini menegaskan: "*Sastera Untuk Masyarakat*" yang saya anuti percaya kepada wujudnya kebahagiaan hidup manusia dengan pembentukan rukun masyarakat yang adil dan bahagia ini kalau rohaninya kotor, kalau ia tamak, kalau ia haloba, kalau ia sanggup menindas orang lain untuk kebahagiaan diri sendiri. Maka itu "*Sastera Untuk Masyarakat*" mestilah berurusan dengan jiwa manusia juga, berusaha dengan rohani, dengan moral. "*Sastera Untuk Masyarakat*" baginya adalah kedua-duanya, moral dan material, rohani dan jasmani. Baginya "*Sastera Untuk Masyarakat*" bukan hanya slogan tetapi suatu falsafah, suatu konsep yang berurusan dengan penyusunan masyarakat yang adil dan bahagia oleh manusia."

Demikianlah begitu jelasnya pendirian dan pemikiran Keris Mas, yang menjadi pegangan dan landasan beliau berkarya. Dalam usaha Bung Karim mengumpulkan wawancara Keris Mas, beliau hanya mendapat sebanyak sembilan wawancara sahaja. Semua wawancara ini pernah tersiar dalam media cetak. Bung Karim beranggapan bukan sembilan wawancara sahaja yang telah dihasilkan oleh Keris Mas malahan puluhan wawancara melalui radio dan media elektronik yang tidak tersimpan. Barangkali masih ada lagi wawancara melalui media cetak yang terlepas dari pengetahuannya. Tetapi sembilan wawancara ini, sudah memadai bagi mengikuti aliran pemikiran dan pegangan Keris Mas. Usaha ini merupakan cubaan pertama untuk mengumpulkan

wawancara dengan Keris Mas sebagai bahan rujukan yang berguna bagi pelajar-pelajar dan peminat-peminat kesusasteraan Melayu moden khususnya yang berminat mengkaji tentang ketokohan Keris Mas.

2.2 Melayu Hilang Keberanian? Suatu Polemik. (1998, Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd. Petaling Jaya)

Perkataan ***polemik*** mengikut *Kamus Dewan* membawa erti perbahasan, perdebatan, perbantahan dengan rencana atau tulisan dalam surat khabar, majalah atau lain-lain. Dengan demikian, kandungan buku ini menghimpunkan esei, komentar tulisan dan reaksi terhadap esei Tun Daim Zainuddin bertajuk '*Melayu Hilang Keberanian*' yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 10 Mac 1996. Esei ringkas Tun Daim itu pun merupakan ulasan beliau terhadap rencana Datuk A. Kadir Jasin berjudul '*Suara Melayu UMNO dan Kerajaan*' yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 18 Februari 1996.

Kolumnis *Mingguan Malaysia*, *Lanang Sejagat*, sewaktu memperkenalkan tulisan Tun Daim antara lain menyatakan: 'Benarkah orang Melayu sudah hilang keberanian? Benarkah orang Melayu kini hanya pentingkan kekayaan sahaja? Apakah orang Melayu hanya menerima apa sahaja yang disogokkan kepada mereka secara membuta tuli?

Lanang Sejagat menegaskan "tulisan ini patut menjadi bahan perbincangan dan renungan. Isunya memang kontroversial. Tetapi penulisnya tentulah berniat baik untuk menyedar dan menggerakkan sekiranya benar bangsanya dalam kealpaan dan kekenyangan bagaikan tikus jatuh ke beras".

Bermula dengan tersiarnya kedua-dua artikel, Datuk A. Kadir Jasin dan Tun Daim itu, maka tercetuslah polemik dan perdebatan yang panjang dalam media-massa kita. Selama beberapa bulan, telah disiarkan komentar, esei, dan reaksi terhadap kedua-dua tulisan dua orang tokoh itu. Pelbagai golongan termasuk tokoh korporat, para intelektual dan tokoh akademik, tokoh politik, wartawan dan editor, aktivis sosial turut menyumbangkan pandangan dan pemikiran mereka dalam akhbar-akhbar mingguan, majalah, jurnal yang membahaskan isu yang penting itu.

Memandangkan polemik yang berlaku dalam media-massa itu merupakan salah satu polemik yang penting untuk menjadi bahan perbincangan dan renungan bersama, maka Bung Karim telah mengambil inisiatif mengumpulkan polemik itu dalam buku ini yang diberi judul *Melayu Hilang Keberanian – Satu Polemik?*, mengambil sempena judul artikel Tun Daim Zainuddin itu.

Terdapat juga beberapa artikel yang dipetik dari buku-buku yang tidak tersiar dalam media-massa. Tetapi oleh kerana artikel tersebut amat relevan dengan topik perbincangan, maka Bung Karim mengambil artikel tersebut untuk dimuatkan dalam buku ini. Artikel Dr. Sanusi Osman bertajuk '*Peranan Intelektual Melayu*', sebuah artikel yang dipetik dari buku '*Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*' yang diterbitkan oleh Penerbit UKM, 1989.

Tentulah pendapat dan pandangan masing-masing penulis tidak sekata tetapi tulisan-tulisan itu wajar menjadi renungan kerana topik yang dibincangkan adalah tepat sekali dengan keadaan kita sekarang. Adakah benar kita ini takut memberikan pendapat? Adakah akhbar-akhbar kita keberatan menyiarkan pendapat yang bertentangan dengan

aliran pemikiran kerajaan? Adakah cerdik pandai kita takut menyuarakan pendapat mereka secara terbuka kerana hendak mempertahankan kepentingan kedudukan dan pangkat? Penulis-penulis yang rencana-rencana mereka dikumpulkan oleh Bung Karim dalam buku ini cuba menjawab sedikit sebanyak pertanyaan itu.

Tan Sri A. Samad Ismail pernah memberi ceramahnya tidak lama dulu mengenai peranan cerdik pandai dalam pembangunan bangsa dan negara sekarang. Golongan cerdik pandai Melayu kini jauh lebih besar dan lebih pandai dari masa sebelum perang dan sebelum perang dulu. Sebelum perang cerdik pandai yang lantang suaranya adalah golongan guru Melayu hingga kepada dekad sebelum merdeka. Peranan mereka cukup berkesan dan memadai untuk memenuhi keperluan perjuangan zaman mereka. Tetapi kini kita membangun sebuah negara dan suatu bangsa. Maka itu tentulah golongan cerdik pandai yang kita perlukan tidak sekadar orang yang pandai meneriakkan slogan politik dan berpidato di atas pentas kepada khalayak orang-orang kampung.

Adakah benar sekarang kita takut menyatakan pendapat kita yang tidak selari dengan pandangan kerajaan? Tan Sri A. Samad Ismail tidak fikir kita kini diserang budaya takut untuk bersuara menyatakan pendapat masing-masing. Bahkan media kita juga tidak selamanya akur sahaja dengan pendapat pihak berkuasa.

Sekiranya kita menganggap tulisan yang kritis terhadap kerajaan harus bercorak kritikal semata-mata memang tulisan sedemikian jarang tersiar melainkan dalam akhbar pembangkang. Tetapi kritikan terhadap kerajaan bisa mengambil berbagai bentuk dan juga cara.

Satu soal yang timbul ialah apakah kerajaan meminggirkan golongan intelektual? Atau sebaliknya adakah golongan cerdik pandai kita sengaja mengasingkan dan menjauhkan diri mereka dari kerajaan?

Terdapat golongan intelektual yang menyerapkan diri ke dalam arus perdana establismen dan berperanan sebagai pengkritik dalaman yang menurut mereka lebih berkesan. Di samping peranan itu memberikan faedah juga dalam erti mereka dapat menikmati ganjaran yang agak setimpal dengan gaya hidup mereka sebagai golongan menengah. Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah terdapat pengkritik yang *neutral*?

Buku yang diselenggarakan oleh Bung Karim ini berguna sekali kerana ia memaparkan fikiran dan pendapat daripada pelbagai individu, masing-masing dengan pendekatannya tersendiri. Kepada YB Tun Daim Zainuddin, bahawa tulisannya itu begitu luas menjadi perhatian umum tentu memeranjatkannya juga. Setinggi-tinggi tahniah kepada Bung Karim kerana dapat menyempurnakan polemik dan pendebatan yang sihat mengenai apa yang dianggapnya sebagai satu gejala yang menarik di kalangan kaum cerdik pandai sekarang.

3. Kesimpulan

Melihat kepada senarai buku yang telah diselenggarakan yang sudah dan akan diterbitkan, nyata sekali Bung Karim adalah seorang penulis dan penyelenggara yang gigih. Pengumpulan ini mengambil masa yang panjang dan memerlukan wang yang banyak. Terdapat hasil koleksinya dihimpunkan sejak sebelum merdeka hingga kini telah

membuktikan kesungguhan beliau sebagai pencinta sastera dan budaya negara yang patut diberi pujian.

Usaha Bung Karim mengumpulkan tulisan-tulisan, kertas-kertas kerja dan ucapan-ucapan dari tokoh-tokoh penulis dan politik tanah air untuk dijadikan buku, bukanlah suatu kerja yang mudah, ia memerlukan kesabaran dan minat yang begitu tinggi. Buku-buku yang diselenggarakan ini adalah begitu berfaedah dan berguna kepada penyelidikan generasi yang akan datang yang ingin mengetahui perkembangan sastera, budaya dan politik bangsanya pada masa-masa yang lalu.

Sebagai penyelenggara yang gigih di samping penglibatannya dalam politik, sungguh dikagumi. Perkhidmatan beliau yang cemerlang beliau telah diberi kepercayaan sebagai Setiausaha Sulit Kepada Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, iaitu suatu tugas yang berat dan mencabar.

Adalah diharapkan cita-citanya untuk menjadikan rumahnya itu sebagai pusat penyelidikan karyawan dan budayawan negara atau dikenali dengan *Pustaka Bung Karim* dapat disempurnakan. Juga diharapkan supaya beliau terus mengumpul dan menyelenggara semua tulisan penulis-penulis dan budayawan terkenal negara sebagai seorang yang unggul dan tiada yang dapat menandinginya. Bagaimanapun dengan berpulangnya ke rahmatullah pada 5 Februari 2001, negara dan bangsa kehilangan pendokumentor yang gigih dan usaha mulianya itu akan diteruskan oleh tokoh-tokoh muda seperti Shaharom TM Sulaiman, Talib Samat dan sebagainya yang sudah mula menampakkan minat dan kecenderungan ke arah cita-cita dan denai-denai yang dirintis oleh Bung Karim semasa hayatnya.

Bibliografi

A. Karim Abdullah, 1997. *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas.* Kuala Lumpur: Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd.

A. Karim Abdullah, 1998. *Melayu Hilang Keberanian – Satu Polemik.* Kuala Lumpur: Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd.

Utusan Malaysia, 5 November 1994.

Buletin Utama, Bil. 83, 23 Julai 1995.

Buletin Utama, Bil. 84, 30 Julai 1995.

Utusan Zaman, 11 Januari 1999.

BAB DUA

BERITA-BERITA KEMATIAN A. KARIM HAJI ABDULLAH **DI MEDIA MASSA**

i. Pengumpul Dokumentasi Terkenal Meninggal Dunia.

ii. Penulis Veteran Sastera Melayu Meninggal.

iii. Penulis Buku Tokoh Meninggal.

iv. Kepulangan Bidin Kejutkan Ramai Teman Seperjuangan oleh *Atondra*

PENGUMPUL DOKUMENTASI TERKENAL MENINGGAL DUNIA

Kuala Lumpur, Isnin – Pengumpul dokumentasi yang juga bekas karyawan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Karim Abdullah atau lebih dikenali sebagai Bung Karim (gambar) meninggal dunia di Hospital Universiti di sini, kira-kira jam 6.50 pagi ini.

Bung Karim, 64, dimasukkan ke hospital itu sejak 16 Disember lalu kerana menghidap beberapa penyakit termasuk lemah jantung.

Allahyarham meninggalkan balu, Aishah Abdullah yang juga bekas kakitangan DBP, dua anak, Azlina dan Aznul Shahrim serta enam cucu. Jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Jalan Bukit Kiara, kira-kira jam 1.00 tengah hari.

Rakan-rakannya menyifatkan Allahyarham seorang yang gigih mengumpul dokumen penting mengenai sasterawan, penulis dan budayawan.

Antara tokoh yang dokumentasinya pernah disusun oleh Allahyarham ialah Sasterawan Negara Keris Mas; bekas Yang Dipertua Pas, Datuk Mohd. Asri Muda dan tokoh wartawan, Tan Sri A. Samad Ismail.

Berita Harian, 6 Februari 2001.

PENULIS VETERAN SASTERA MELAYU MENINGGAL

Petaling Jaya 5 Februari – Penulis veteran dan pengkaji kesusasteraan Melayu, Abdul Karim Abdullah meninggal dunia di Hospital Universiti di sini, pada pukul 6.50 pagi hari ini.

Beliau berusia 64 tahun.

Allahyarham yang juga Ketua Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) cawangan Kuala Lumpur sebelum ini dirawat di hospital berkenaan sejak 16 Disember tahun lalu.

Menurut anak sulungnya, Azlina, Allahyarham yang juga dikenali dengan panggilan Bung Karim dimasukkan ke hospital kerana sakit jantung, kencing manis dan sakit paru-paru.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Damansara sebelum solat zuhur hari ini.

Allahyarham yang berasal dari Temerloh, Pahang, meninggalkan seorang isteri, Aishah Abdullah dan dua anak. Seorang lagi anaknya ialah Azrul Shahrim.

Abdul Karim mendapat pendidikan awal di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan memulakan karier sebagai guru bahasa Inggeris di beberapa buah sekolah di sekitar ibu kota dan Selangor dari tahun 1958 hingga 1961.

Dalam bidang persuratan Melayu, Allahyarham telah menghasilkan 20 buah karya terutamanya buku berbentuk biografi tokoh-tokoh ternama tanah air seperti Allahyarham Pak Sako dan Keris Mas.

Antara karya yang pernah diterbitkan ialah *Gema Suci: Kumpulan Puisi Zulkifli Muhammad, A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan, Ingin Jadi Pujangga, Ceramah Bahasa dan Sastera, Mutiara Fikir Keris Mas* dan *Warnasari Kebudayaan.*

Sementara itu, 18 karya Allahyarham dalam pelbagai genre kini dalam proses penerbitan, merangkumi bidang sastera, sejarah, budaya serta pemikiran.

Utusan Malaysia, 6 Februari 2001.

Petaling Jaya: Suasana sedih menyelubungi kediaman bekas Pegawai Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Karim Abdullah di Jalan 14/29, di sini, semalam.

Allahyarham, 64, yang menghembuskan nafas terakhirnya di Hospital Universiti (HU), 6.50 pagi semalam, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara sebelum solat zuhur.

Beliau meninggalkan seorang balu, Aishah Abdullah, 62, dua anak, Aznul Shahrim, 37, dan Azlina, 36, serta enam cucu.

Menurut Azlina, bapanya yang menghidap penyakit buah pinggang, darah tinggi dan angin ahmar dimasukkan ke HU sejak 16 Disember tahun lalu selepas beliau muntah.

"Ayah tidak meninggalkan apa-apa pesan kepada kami sekeluarga," katanya ketika ditemui di rumah Allahyarham.

Jenazah disembahyangkan di Masjid Tun Abdul Aziz, di sini, sebelum dikebumikan.

Ibu Allahyarham, Salamah Mohd Seh, 80, turut mengiringi jenazah.

Allahyarham dilahirkan di Temerloh, Pahang adalah anak sulung daripada 11 beradik.

Selain aktif dalam aktiviti penulisan, Allahyarham pernah bertugas sebagai Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Bidang tugas beliau di DBP merangkumi kerja menyunting dan ia selaras dengan minat Allahyarham dalam bidang penulisan.

Beliau pernah menghasilkan kira-kira 20 buku yang merakamkan pelbagai khazanah bangsa.

Bukunya yang pertama, *Ceramah Bahasa dan Sastera* diterbitkan pada 1962 oleh Pustaka Aman Press dan ia mengandungi pelbagai ceramah tokoh sastera, termasuk Sutan Takdir Ali Shahbana dan Zulkifli Muhammad.

Azlina berkata, ayahnya gemar menulis buku mengenai tokoh dan pada 1987, beliau bersama Profesor Hashim Awang menghasilkan buku, *Cerpen-cerpen Pak Sako Sebelum Perang.*

"Ayah jarang memberitahu keluarga hasil penulisan yang diusahakan dan lebih gemar memaklumkan kepada rakan rapatnya.

"Sebab itu, kami sekeluarga tidak tahu apa hasil karyanya yang terakhir. Tetapi, manuskrip ayah memang banyak," katanya.

Allahyarham, katanya, ada memberitahu kepada rakannya supaya menyerahkan buku dan manuskrip tulisannya yang sesuai kepada Perpustakaan Negara.

Harian Metro, 6 Februari 2001.

KEPULANGAN BIDIN KEJUTKAN RAMAI TEMAN SEPERJUANGAN

oleh *Atondra*

KHAMIS, 1 Mac lalu, jam 9 pagi, pencipta pertama lagu puisi tanah air, Ibrahim Bachik tiba-tiba berada di depan rumah saya di Kelana Jaya. Ibrahim mengajak saya melawat Bidin Subari (sahabat kental kami sejak bujangan dan sering merubungi meja kantin Kelab Angkasapuri) menyantap mi kari dan teh tarik.

"Aku sepeti terpanggil mahu bertemu Bidin. Entah mengapa? Dua, tiga hari ini teringat Bidin," katanya serius.

Suara garau bekas penyanyi/johan lagu seriosa RTM 60-an itu tertekan simpati. Kangen sahabat kental kami.

Terakhir Ibrahim menemui Bidin pada Ogos 1999 di Sungai Buluh. Sedang saya menemuinya pada 6 Ogos 1998 di Hospital Universiti Kebangsaan (HUKM) Cheras.

Kami bercadang menghubungi adiknya untuk mengetahui di mana Bidin. Dulu pun Ibrahim bertemu Bidin melalui pertolongan salah seorang adiknya.

"Rubiah ke Makkah," jelas Ibrahim. Kami memang biasa dengan adik Bidin: Suminah Manisih (Datin) dan Rubiah Subari. Sehingga jam11 pagi kami tidak berupaya memecah persoala. Jalan masih gelita mahu menemui Bidin.

Isnin, pada 5 Mac jam 7 pagi. Lima hari sesudh Ibrahim datang, seorang anak buah Bidin memberi salam di pintu pagar rumah: menyampaikan berita kepulangan

pamannya. Bidin berpulang ke rahmtullah. Allah menyanyanginya, lalu segera dipanggilnya.

Anak buah Allahyarham meminta saya menyampaikan berita sedih itu kepada teman lain. Pertama, saya telefon Ibrahim. Telefon tidakdiangkat. Pasti dia sudah pulang ke kampung untuk menyambut Aidil Adha. Saya kesal tidak menyimpan nombor telefon tangannya.

Saya hubungi RTM, memberitahu teman lama. Ramai juga teman RTM menziarahinya, walaupun Bidin sudah lama meninggalkan RTM.

Memang menjadi budaya di RTM, akan mengumumkan berita kematian baik pegawai sedang bertugas atau bekas kakitangannya melalui siaran dalamannya. Mudah-mudahan budaya itu dikekalkan.

Kemudian saya ke rumah Aziz Abas, sayangnya Aziz sudah keluar. Barangkali pulang ke Terengganu atau ke pasar bersama isteri (mungkin mencari persiapan untuk hari raya). Langsung ke rumah Aziz Jahpin. Pintu pagarrumahnya ternganga, orang gajinya (anak Palembang), beritahu Bapak ke pasar, sebentar pulang.

Saya tunggu Aziz pulang. Kami berangkat sama ke Jalan 4, Ampang Jaya, 9.30 pagi. Sebelum itu saya telefon Ali Ahmad (Nora), di Ampang Jaya. Nora bresyukur saya telefon "rumah dekat pun tak dapat berita," rungutnya.

Bulan lalu, Isnin 5 Februari, Jam 10 pagi, kami menziarahi Allahyarham Bung Karim (Karim Abdullah). Betul-betul genap sebulan kepulangan Bung Karim, dituruti pula sasterawan Bidin.

Bidin dilahirkan di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada 9 Disember 1937, belum terlalu tua (63 tahun tiga bulan) kerana mengidap diabetes, buah pingang dan jantung. Deritanya amat pantas sekali merubah wajah gantengnya.

Ketika mudanya beliau tergolong lelaki segak dan kacak. Hobinya sukan angkat berat. Beliau sering memegang peranan utama dalam drama arahannya.

Dai samping itu banyak membantu, membina, mengembang dan mengharum dunia teater tanah air.

Barang kali tidak sama perjuangan zamannya dengan perjuangan dunia teater sekarang. Dulu sekadar pementasan drama di Dewan Bandaran atau Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka pun dikira cukup hebat dan mengancam. Tetapi kini jika tidak di Istana Budaya rasa terkecam.

Bidin dikenali sebagai Malina manja. Penulis skrip drama pentas, radio dan TV. Mula bergiat mementaskan drama sejak 1960, di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Sejak bujang kami aktif menulis skrip. Menubuhkan badan budaya dan sama bergiat, mementaskan drama dan masuk pertandingan menulis skrip pentas. Ada kalanya kami berdua monopoli anugerah yagn disediakan.
Pada 1965, Bidin memenangi hadiah pertama menulis skrip drama pentas anjuran Majlis Kesenian Malaysia, skripnya berjudul *Rindu Hatiku Rindu.* Saya memenangi tempat kedua dan sasterawan Negara Datuk Noordin Hassan tempat ketiga.

Karya Bidin, Rindu Hatiku Rindu dipentaskan. Kemudian kami menyertai pertandingan menulis skrip drama pentas anjuran Umno Malaysia (1967), saya mendapat tempat pertama dan Bidin tempat kedua.

Kami berkerjasama mementaskan beberapa drama. Mulanya kami bernaung di bawah Seksi Kebudayaan, Persatuan Trengkas Semenanjung (PTS). Persatuan itu berkubur akhir 70-an kerana ketiadaan pemimpin.

Ketika itu kami menjadi ahli Persatuan Trengkas sesudah masing-masing tamat belajar trengkas. Mementaskan drama *Sekelumit Nyanyian Sunda* karya Nasjah Jamin (1962) *Si Bakhil* terjemahan Nur Sutan Iskandar (1963), dan *Malam Jahanam* oleh Motinggo Boesje (1963).

Selepas itu, Bidin mementaskan drama di bawah Angkatan Seni Pentas (Aksep), ketika dalam persatuan trengkas, Bidin mengarah dan berlakon. Saya menyediakan dekorasi dan buku cenderamata.

Seorang lagi sahabat yang aktif 60-an, Abu Bakar Osman yang kemudian menjadi biras Bidin. Beberapa teman kami seperti Nora membantu membuat publisiti, memaparkan berita pementasan di akhbar *Utusan Melayu/Malaysia*. Shafie Nor dan Ishak Din menulis untuk *Berita Harian*.

Bidin memiliki nama pena lain seperti Imam Sutrisno, Azidin dan Sunarsih kini sudah berangkat meninggalkan teman seangkatannya. (Ahad 4 Mac 2001, jam 10 malam), di HUKM, Cheras selepas menghidap sakit panjang, terlantar derita lebih dua tahun.

Memang ramai teman tahu beliau sakit tetapi tidak tahu hendak di mana hendak melawatnya. Kami hanya mampu mengandai di mana beliau. Kami sekadar mendoakan kesejahteraannya.

Saya pernah melawat beliau ketika direhatkan di HUKM pada 6 Ogos 1998 bersama Aziz Jahpin dan Ibrahim Kassim. Ketika itu beliau belum teruk. Masih mengenali teman, walaupun payah difahami luahan butiran katanya. Anggota anatominya masih lengkap. Cuma wajahnya nampak terlalu murung.

Dalam tempoh setahun, Bidin dikatakan lebih parah dan pasrah. Kaki kanannya terpaksa diceraikan dari anatomi lengkapnya, demi menyelamat dan melanjutkan degup jantungnya. Teman tidak berpeluang menemuinya. Untuk menumpang duka simpati bersama. Hanya Ibrahim berpeluang menampung sedikit deritanya.

Kalau dipentas drama itu, kami ketawa bersama. Santai, kemudian duka memanjang apabila mengira jualan tiket tidak mencapai modal. Pastinya ketika Bidin dalam keadaan sakit, teman ingin bertemu wajahnya. Ingin sama meraih dukanya barang sekelopak jua, tetapi tidak berjaya.

Memang ramai pelakon pentas mendapat bimbingan Bidin dan terkenal hingga sekarang seperti Radin Samah (kini di Mekah), Liza Ahmad, Asmahani Hussein, Salleh Markom, Rahmad Adnan, Zaitun Latif (melalui Askep).
Anuar Kamaruddin, Hasiah Ariffin (sekarang di Mekah), Amilia Ariffin, Datin Maimun Hussein (Allahyarhamah), Kamaruddin Sarin, Osman Ismail, Abdul Rahman Amin, Basari Hassan (Allahyarham), Rafi Abdul (Allahyarham), Idris Muhammad

(Allahyarham), Asiah Ibrahim, Aishah Zainal Abidin, Mokhtar Osman melalui persatuan Trengkas.

Bidin menghasilkan lebih 10 skrip drana pentas, ratusan skrip drama radio dan TV. Antara dramanya ialah *Datuk Ahmad Dadida, Pertalian Kasih, Umbut Keladi Tidak Berisi, Tinggi-tinggi Si Matahari, Ayam Jantan Ayam Betina, Timang Tinggi-tinggi* dan *Tingginya Menyapu Awan* (memenangi Hadiah Karya Sastera 1975).

Anak Kampung Baru itu, bukan orang yang susah. Kepada saya beliau sering menyatakan: menulis adalah minat dan untuk melepaskan geram!

Jenazahnya selamat dikebumikan, di Tanah Perkuburan Islam Taman Kosas, Ampang Jaya. Meminjam kata-kata Aziz Jahpin: "Kita baru saja kehilangan Bung Karim bulan lalu dan kini kehilangan seorang lagi (Bidin). Betul-betul dalam bilangan sebulan."

Sebagai teman yang sama bergelak ketawa, peluh sama gugur di pentas. Tentu teman simpati atas derita sakitnya lalu merelakan kepulangannya. Memang ramai teman yang tidak sempat dihubungi untuk memberitahu keberangkatan Bidin Subari, namun sama-samalah kita berdoa Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin.

Berita Harian, 10 Mac 2001.

BAB TIGA

ESEI-ESEI DAN KARYA -KARYA A. KARIM HAJI ABDULLAH

1) Serba Sedikit Tentang Seminar Pendidikan di Malaysia.

2) Persidangan Islam Antarabangsa.

3) Perginya Keris Mas, Sasterawan Nasionalis.

4) Mutiara Kata Peninggalan Keris Mas.

5) Isu Makam Pahlawan.

6) Terbitkan Buku 'Sejarah UMNO'.

7) Kenangan Terakhir Bersama Pak Keris Mas.

8) Adnan Yaakob Tokoh Pertama Bentong Jadi MB Pahang.

9) Kesan dan Kenangan.

SERBA SEDIKIT TENTANG SEMINAR PENDIDIKAN DI MALAYSIA

oleh *A. Karim Haji Abdullah*[*]

Masalah pendidikan dan pelajaran merupakan persoalan penting bagi negara yang menghadapi proses pembangunannya. Kerana maju mundurnya sesebuah negara itu banyak ditentukan oleh faktor pelajaran dan pendidikan rakyatnya. Mengingat pentingnya persoalan inilah maka *Persatuan Pelajar-pelajar Maktab Perguruan Bahasa dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia* telah mengambil inisitif mengadakan satu **Seminar Pendidikan** pada 7 dan 8 September 1968 bertempat di Dewan Besar, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur.

Sesungguhnya seminar yang dianjurkan oleh tenaga kaum pelajar ini mempunyai erti yang agak penting dalam perkembangan pelajaran dan pendidikan di negeri ini. Banyak keraguan dan masalah telah timbul semenjak kita mempunyai dasar pelajaran kita sendiri, dan segala masalah dan kerumitan itu telah cuba dibincangkan dengan bersungguh-sungguh serta mencari jalan mengatasinya. Seperti kata Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Seminar, **Encik Sidek bin Haji Fadhil** bahawa tujuan utama mengadakan seminar ini ialah "menilai dan membahaskan secara objektif dan rasional segala aspek pelajaran. Kita akan menilai secara serius, jujur dan adil segala pelaksanaan dasar pelajaran yang bertunjang kepada Penyata Rahman Talib terutama dalam hubungannya dengan soal-soal Universiti Kebangsaan, Universiti Merdeka, Maktab M.C.A., Sekolah Aliran Kebangsaan dan lain-lain."

[*] Sewaktu esei ini tersiar, beliau menggunakan nama ini dan tidak Bung Karim.

Seminar Pendidikan yang berlangsung selama dua hari itu telah dibuka dengan rasminya oleh Menteri Pelajaran, Enik Mohd. Khir Johari. Dalam upacara pembukaan Seminar ini, Menteri Pelajaran telah membuat satu pengumuman yang penting tentang sikap pemerintah terhadap penubuhan sebuah Universiti Kebangsaan bagi Malaysia (ucapan penuh Menteri Pelajaran di halaman lain –p). Pengumuman ini sudah pastilah disambut dengan rasa gembira oleh setiap rakyat yang ingin melihat terdiri sebuah Universiti Kebangsaan.

Seminar ini telah membincangkan sebanyak lima buah kertas kerja iaitu:

1) **Pelajar-pelajar Melayu Dalam Bidang Sains dan Teknologi** oleh Encik Abdul Aziz bin Manaf.
2) **Aliran Menengah Melayu dan Masa Hadapannya** oleh Encik Zainal Abidin bin Wahid.
3) **Implikasi Penyelidikan Bagi Pengajaran** oleh Prof. Ruth Wong.
4) **Pendidikan Islam di Malaysia** oleh Encik Ali Taib.
5) **Sistem Perguruan di Malaysia** oleh Encik Awang Had Salleh dan PPMPB.

Pelajar-pelajar Melayu dan Jurusan Sains

Soal kekurangan pelajar-pelajar Melayu yang mengambil mata pelajaran sains baik di sekolah-sekolah Menengah dan Universiti telah dibincangkan dengan bersungguh-sungguh dalam seminar. Pembuat kertas kerja, **Encik Abdul Aziz Manaf** seorang pegawai latihan Mara, menyatakan betapa kurangnya bilangan penuntut-penuntut yang mengikuti jurusan sains dan beliau memberikan contoh bahawa dalam tahun 1966,

di peringkat H.S.C., daripada jumlah 1143 orang yang mengikuti jurusan sains hanya lebih kurang 200 orang iaitu 16% sahaja yang terdiri daripada penuntut-penuntut Melayu. Hal ini lebih jelas lagi keadaannya di Universiti Malaya di mana hanya 3% sahaja daripada penuntut-penuntut yang mengambil sains dan kejuruteraan terdiri daripada penuntut-penuntut Melayu.

Dr. Ghazali bin Haji Abdul Rahman, pengulas kertas kerja ini menyatakan bahawa ada berbagai-bagai faktor yang menyebabkan kurangnya pelajar-pelajar Melayu mengambil mata pelajaran sains. Katanya salah satu faktor yang besar ialah **anak-anak Melayu di luar bandar kebanyakannya mengalami kekurangan zat makanan** (*malnutrition*).

Manakala majlis dibukakan kepada para perwakilan untuk perbincangan selanjutnya maka berbagai-bagai cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah ini. Sdr. Sanusi Osman menyatakan bahawa selain daripada faktor kekurangan zat makanan yang dihadapi oleh anak-anak Melayu di luar bandar, maka pendapatan dan sikap rakyat luar bandar juga tidak kurang pentingnya. Beliau mengesyorkan bahawa salah satu cara untuk mengatasi perkara ini ialah dengan mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah yang lengkap di luar bandar.

Dalam kertas kerjanya, Encik Aziz ada menyatakan bahawa kemunduran, ketinggalan, dan kegagalan penuntut-penuntut Melayu sama ada di bangku sekolah mahu pun di peringkat kolej/universiti terbayang dalam pekerjaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu amnya. 73.2% daripada orang Melayu terdiri dari kaum petani dan penangkap ikan. Hanya 1% sahaja dalam bidang perlombongan, 2.6% dalam bidang

perusahaan, 3.1% dalam bidang perniagaan dan 2.6% dalam lapangan perkhidmatan dan kenderaan.

Nyata bahawa di samping masalah ini maka tidak kurang faktor penerangan yang meluas kepada masyarakat Melayu mengenai pelajaran sains harus diusahakan.

Sebanyak lebih daripada 15 rumusan telah dibuat berhubung dengan kertas kerja ini, antaranya ialah:-

- Mendesak kerajaan supaya memberi peluang yang besar kepada aliran Melayu untuk menyambung pelajaran di kolej dan universiti.

- Mendesak kerajaan supaya menyediakan keperluan-keperluan yang secukupnya kepada sekolah-sekolah terutama di luar bandar untuk mempelajari mata pelajaran sains, hisab dan bahasa Inggeris.

- Mengesyorkan penubuhan badan-badan penerangan mengenai jurusan sains dan teknologi di sekolah menengah untuk bekerjasama dengan guru-guru bagi memberi penerangan nasihat dan galakan serta pertolongan kepada anak-anak Melayu.

- Mendesak kerajaan menghantar murid-murid lepas Tingkatan VI aliran Melayu ke kolej-kolej dan universiti Indonesia dan Amerika yang diiktiraf untuk menampung kekurangan guru.

Aliran Menengah Melayu dan Masa Hadapannya

SELAMA ini selalu diperkatakan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar aliran menengah Melayu dan kemungkinan-kemungkinan peluang mendapat pekerjaan, baik dengan pemerintah mahupun dengan badan-badan perniagaan. **Encik Zainal Abidin Wahid** dalam kertas kerjanya telah menyatakan bahawa "Pelajaran aliran Melayu atau Kebangsaan, pada masa ini, sedang menghadapi satu ketika yang sangat genting dan penting. Genting kerana pelajaran aliran Melayu sedang dikelilingi oleh beberapa masalah besar, seperti kerendahan nilai sijilnya, kekurangan guru dan buku, kurangnya tempat menampung pelajar-pelajar Melayu dari Tingkatan Tiga, Lima dan Enam serta tidak cukupnya biasiswa untuk pelajar-pelajar Melayu ini. Penting kerana kesulitan yang sedang dihadapi oleh pelajaran aliran Melayu sekarang sudah begitu meningkat hingga merupakan satu soal kebangsaan yang utama dan memerlukan penyelesaian yang tegas dan segera, jikalau kita mahu mengelakkan sesuatu kemungkinan yang tidak diingini."

Encik Zainal Abidin telah bertanya: "Apakah sebabnya ibu bapa Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan? Sebab utamanya ialah nilai ekonomi bahasa Melayu rendah, walaupun ia menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Misalnya murid-murid yang berjaya mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak mempunyai peluang-peluang melanjutkan pelajaran atau bekerja sebanyak yang dinikmati oleh murid-murid yang lulus Tingkatan Lima aliran Inggeris. Murid-murid dari aliran Inggeris mungkin dapat masuk ke Maktab Perguruan Lembah Pantai, Maktab Perguruan Pulau Pinang, Maktab Perguruan Johor Baharu, Maktab Perguruan Teknik, Maktab Pertanian Serdang, Maktab Perguruan Bahasa ataupun Institut Teknologi Mara.

Di Tingkat Maktab, murid-murid aliran Inggeris mempunyai sekurang-kurangnya lapan kemungkinan. Murid-murid dari aliran Melayu cuma dapat masuk ke Maktab Perguruan Bahasa sahaja. (Maktab Pertanian mengambil satu darjah penuntut-penuntut aliran Melayu tetapi mereka dilatih selama satu tahun untuk masuk ke aliran Inggeris di maktab itu).

Encik Murad bin Mohd. Noor, dari Lembaga Peperiksaan Malaysia sebagai pengulas kertas kerja ini menyatakan bahawa berhubung dengan nilai sijil aliran Melayu adalah terletak pada mata pelajaran yang terdapat pada sijil-sijil itu. Sijil-sijil aliran Melayu itu kebanyakannya mengandungi mata pelajaran yang bercorak sastera sahaja seperti mata pelajaran ilmu alam, tawarikh, kesusasteraan dan sebagainya dan tidak mempunyai mata pelajaran sains, hisab dan lain-lainnya.

Manakala dibukakan kepada umum untuk membincangkan kertas kerja ini, Encik Atan Long telah memberikan pendapatnya dengan mengemukakan dua soalan, mengapakah murid-murid kita tidak mendapat sijil yang bernilai dan mengapa murid-murid kita memilih mata pelajaran seperti ilmu alam, sejarah sahaja? Encik Atan menyatakan bahawa faktor utamanya ialah ketiadaan guru-guru berkelayakan dalam mata pelajaran hisab, sains, dan sebagainya. Masalah kurangnya maktab-maktab yang menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar sains juga merupakan salah satu puncanya, dan sebab yang ketiga menurut Encik Atan terletaknya pada peperiksaan SRP. Beliau mengesyorkan bahawa kanak-kanak kita patut digalakkan memilih mata pelajaran yang berguna di peringkat SRP lagi.

Rumusan

- Mendesak kerajaan supaya dengan segera menumpukan perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah aliran kebangsaan sesuai dengan semangat dasar Pelajaran Kebangsaan. Dengan itu, kerajaan wajib menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup, makmal-makmal sains dan guru-guru yang berijazah di sekolah menengah kebangsaan.

- Mendesak kerajaan supaya memberi jaminan keadilan dan nilaian ekonomi yang wajar kepada pemegang-pemegang sijil-sijil dari aliran kebangsaan.

- Mendesak kerajaan supaya memberi keutamaan kepada kebolehan dalam bahasa kebangsaan dalam memberi pekerjaan dan menyediakan tempat-tempat di maktab-maktab dan kolej-kolej yang ada.

- Mendesak kerajaan supaya dengan segera (1969-1970) ditubuhkan Universiti Kebangsaan.

- Mengadakan satu usaha supaya penuntut-penuntut aliran Melayu berpeluang mengikuti kursus profesional.

Implikasi Penyelidikan Bagi Pengajaran

PERBINCANGAN mengenai kertas kerja yang disediakan oleh **Prof. Ruth Wong** ini banyak ditumpukan pada soal Sekolah Universiti (sekolah yang dipersatukan). Menurut Prof Ruth bahawa cadangan untuk mengadakan Sekolah Universiti telah dibuatnya lima tahun dahulu dengan tujuan penyelidikan. Perbincangan mengenai kertas kerja ini telah

berjalan dalam suasana yang agak tegang kerana ramai para peserta yang masih ragu-ragu tentang konsep penubuhan Sekolah Universiti itu kerana menurut mereka penubuhan sekolah ini adalah bertentangan dengan semangat dan dasar pelajaran yang hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa yang tunggal, dan Sekolah Universiti yang sedang dibina itu akan menggunakan empat bahasa. Adakah penubuhan sekolah ini akan menjadi satu contoh sahaja? Seorang peserta bertanya, Prof. Ruth Wong menyatakan bahawa beliau meninjau perkara penubuhan Sekolah Universiti itu dari sudut profesional dan bukan dari sudut politik.

Rumusan

- Membantah usaha yang dilaksanakan oleh Fakulti Pendidikan Universiti Malaya bersama Kementerian Pelajaran dalam penubuhan Sekolah Universiti yang terang-terang bertentangan dengan semangat dan matlamat terakhir Dasar Pelajaran Kebangsaan negeri ini.
- Mendesak Kerajaan (Kementerian Pelajaran) supaya mengadakan Sekolah Universiti dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
- Mendesak Kerajaan supaya mengubah pelajaran dari bahasa Inggeris ke bahasa kebangsaan di semua sekolah-sekolah rendah Inggeris dan mulai tahun hadapan sekurang-kurangnya 85% harus dijalankan dalam bahasa kebangsaan.

Pendidikan Islam di Malaysia -

DALAM kertas kerjanya, Encik Ali Taib telah menyorot tentang perkembangan dan kemajuan pendidikan Islam di negeri ini, dari pendidikan sekolah pondok sehingga membawa tertubuhnya Kolej Islam Malaya pada tahun 1955. Dalam komentar kepada kertas kerja ini, Encik Ismail Ibrahim telah menyatakan bahawa pendidikan Islam telah memberi sumbangan yang besar pada permulaan abad 20, iaitu dengan lahirnya tokoh-tokoh dan pemimpin Islam seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaludin dan lain-lain lagi. Mereka telah memberi sumbangan dalam kesusasteraan Melayu dan dalam cara berfikir orang-orang Melayu.

Dalam komentarnya itu Encik Ismail telah mencadangkan antara lain:

a. Tinjauan haruslah dibuat terhadap kemajuan dan kemunduran yang dihadapi oleh Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, di samping tinjauan terhadap kesan pengajian Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan. Setakat manakah kemajuan dan sampai ke manakah kesanggupan murid-murid untuk meningkat ke peringkat tinggi dalam pengajian Islam itu?

b. Kerajaan mestilah mengambil sikap yang positif terhadap pendidikan Islam di Malaysia. Sikap 'tidak endah' kerajaan akan membangkitkan banyak masalah lain seperti masalah pengangguran dan beberapa masalah yang lain lagi.

Antara Rumusan

- Mendesak kerajaan supaya menubuhkan Universiti Kebangsaan dan Universiti Islam secara berasingan. Universiti Islam itu hendaklah ditubuhkan benar-benar sesuai dengan kehendak-kehendak Islam yang hakiki.

- Mendesak kerajaan supaya menyelaraskan semua sekolah-sekolah agama sesuai dengan kehendak Universiti Islam yang akan ditubuhkan kelak.

- Sistem pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, rendah dan menengah hendaklah diperkemaskan sehingga dapat secara beransur-ansur memberi suasana keislaman pada pelajar-pelajar yang menerimanya.

- Mendesak kerajaan supaya menubuhkan Biro Penyelidikan Islam dalam Majlis Agama Islam Negara yang telah diura-ura akan ditubuhkan oleh kerajaan pusat.

- Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya hendaklah diperkemaskan lagi walaupun ada Universiti kelak, dan jabatan seumpama ini hendaklah juga ditubuhkan di Kolej Universiti Pulau Pinang dan lain-lain universiti yang akan ditubuhkan kelak.

Sistem Perguruan Di Malaysia

DUA kertas kerja telah dibincangkan dalam bahagian akhir Seminar ini. Sebuah kertas kerja disediakan oleh Encik Awang Had Salleh dan yang sebuah lagi dikemukakan oleh Persatuan Pelajar-pelajar Maktab Perguruan Bahasa. Kedua-duanya dimulakan dengan meninjau sejarah perguruan di negeri ini.

Perbincangan banyak berkisar pada masalah yang dihadapi oleh guru-guru terutama mereka dari aliran menengah Melayu. Beberapa pandangan dan kemusykilan telah ditimbulkan di sepanjang membincangkan kertas kerja ini, terutama mengenai

kekurangan guru-guru yang terlatih dan mengesyorkan supaya dijalankan *crash programme* untuk memperbanyakkan guru-guru sains dan ilmu hisab di sekolah-sekolah menengah kebangsaan, dengan cara:-

1. Mengadakan kelas-kelas Bahasa Melayu hujung minggu untuk melatih guru-guru sains dan hisab dari orang-orang bukan Melayu supaya mereka boleh mengajar dalam bahasa Melayu.

2. Mengadakan kelas-kelas hujung minggu kepada guru-guru Melayu yang mempunyai asas sains dan hisab untuk mereka memperdalami pelajaran akademik mereka.

3. Maktab-maktab Perguruan hendaklah mengadakan kelas-kelas Bahasa Melayu untuk mengajar pensyarah-pensyarah bukan Melayu sehingga membolehkan mereka memberi kuliah dalam bahasa Melayu.

Rumusan

- Mendesak Kerajaan supaya menghantar guru-guru yang berkelulusan khas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Ilmu Hisab ke sekolah-sekolah rendah kebangsaan.

- Mendesak Kementerian Pelajaran supaya mengadakan Jawatankuasa khas untuk mengkaji dan menyelidik untuk mengambil tindakan bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang terdapat di maktab-maktab perguruan.

Dewan Masyarakat, September 1968

PERSIDANGAN ISLAM ANTARABANGSA

oleh *Abd. Karim Hj. Abdullah**

PERSIDANGAN Islam Antarabangsa yang baharu sahaja tamat diadakan di ibu kota Malaysia telah mencipta satu sejarah baharu dalam perkembangan dan kemajuan umat Islam seluruhnya kerana inilah pertama kali persidangan yang seumpama ini pernah diadakan oleh ulama-ulama Islam. Persidangan ini, di samping berjaya mengumpulkan tenaga-tenaga intelektual dan ulama-ulama dari dua puluh tiga buah negara-negara Islam, juga telah berjaya membincangkan beberapa masalah yang menyentuh kepentingan bersama umat Islam di seluruh dunia. Kejayaannya adalah satu kebanggaan bagi Malaysia yang menjadi tuan rumahnya. Dan tidak syak lagi bahawa persidangan ini mempunyai erti yang sangat penting dalam usaha-usaha untuk menyatupadukan negara-negara Islam.

Persidangan ulama-ulama dari negara-negara Islam ini memberi pendorong serta pedoman ke arah usaha-usaha mencari kemajuan hidup sesuai dalam zaman sains dan teknologi. Dalam usaha kita membangun dan memajukan rakyat lebih-lebih lagi rakyat di luar bandar, maka salah satu syarat yang mutlak ialah mempunyai kekuatan rohaniah yang bersendikan agama. Hal ini amat penting difikirkan kerana selama ini ada pendapat yang mengatakan bahawa agama merupakan penghalang kepada kemajuan hidup manusia. Maka masalah inilah yang telah cuba dipecahkan dalam persidangan ini.

* Sewaktu esei ini tersiar, beliau menggunakan nama ini tidak Bung Karim.

Persidangan yang berlangsung dari 21 hingga 27 April itu telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. Dalam titah ucapan merasmikan pembukaan persidangan ini baginda antara lain menyatakan, "bagi menghadapi perjuangan menghapuskan kemiskinan dan kejahilan umat Islam, terutamanya rakyat Islam di Malaysia, sangat-sangat berhajat kepada pendorong-pendorong yang kuat dari semangat keagamaan. Islam hendaklah kiranya dapat menjadi asas kecerdasan ekonomi. Dalam bulan Mac yang lalu Kerajaan Malaysia telah mengadakan suatu Persidangan Alim Ulama Se-Malaysia. Dalam persidangan itu telah tercapai beberapa pendapat yang baharu yang boleh menjadi pedoman kepada rakyat dalam kegiatan ekonomi mereka. Ada pula beberapa persoalan yang masih belum diselesaikan. Beta berharap dengan kebijaksanaan tuan-tuan persidangan ini akan dapat menyelesaikan perkara-perkara itu."

Amanat Tiga Semangat

Baginda telah juga menyebutkan tentang betapa Islam memandang ilmu pengetahuan sebagai syarat utama untuk kemajuan hidup. Baginda bertitah, "Cemerlangnya sejarah Islam pada zaman Abasiah itu pun ialah kerana umat Islam dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dalam segi falsafah, kedoktoran dan ilmu sains. Agama kita sesungguhnya mementingkan kita menggunakan akal kerana dengan yang demikian dapatlah kita membaiki keadaan jasmani dan rohani kita. Agama Islam telah dapat menghapuskan adat orang-orang Arab menyembah batu-batu berhala, dan lain-lain adat yang merugikan."

Mengakhiri titah ucapannya baginda menyeru kepada para perwakilan supaya berpandukan kepada tiga semangat utama bagi menjayakan persidangan itu. Pertama, semangat suka menyelidik, kedua semangat persatuan dan ketiga semangat pelopor.

Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan pendahuluannya kepada para perwakilan dalam ucapan pembukaan telah mensifatkan persidangan itu sebagai batu tanda dalam usaha-usaha kita untuk membawa keamanan dan kerjasama di antara negara-negara. Beliau menegaskan bahawa persidangan ini juga merupakan satu langkah yang besar dan penting ke arah cita-cita persaudaraan dan kerjasama di kalangan negara-negara Islam. Persidangan ini, tambah Tun, akan memberi peluang kepada wakil-wakil dari negara-negara Islam membincangkan masalah-masalah yang menyetuh soal kemajuan dan kebahagiaan berjuta-juta umat Islam di seluruh dunia. Tun Razak telah mengecam golongan-golongan yang cuba menggambarkan Islam sebagai agama yang melarang umatnya mencari kekayaan harta dan mensifatkan golongan penghalang itu sebagai "golongan yang tidak mendapat ajaran Islam yang sebenarnya."

Persidangan Islam Antarabangsa ini, adalah lanjutan dari persidangan Islam Se-Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur sedikit masa yang lalu. Dalam persidangan Islam Se-Malaysia dahulu beberapa perkara pokok yang menyentuh kepentingan umat Islam di negara ini telah dibincangkan, antaranya termasuklah persoalan yang berhubung dengan undang-undang Islam, ekonomi dan kemasyarakatan. Beberapa perkara yang timbul dalam persidangan Islam Se-Malaysia yang tidak dapat diselesaikan oleh para ulama kita telah dibawa ke persidangan ulama-ulama antarabangsa ini.

Sebanyak sepuluh buah kertas kerja telah dibentangkan iaitu perkara-perkara yang meliputi aspek kehidupan masyarakat Islam seperti menentukan permulaan puasa dan hari raya puasa, wang faedah dari segi ekonomi dan undang-undang Islam, pemindahan mata dan jantung, zakat, perancangan keluarga, perusahaan dan perdagangan, undang-undang keluarga dalam Islam, insuran, dan pendidikan.

Ulama Dalam Dunia Moden

Nyatalah bahawa masalah-masalah yang dibincangkan dalam persidangan ini bukanlah semata-mata yang berkait dengan soal ibadah sahaja tetapi terdapat soal-soal seperti ekonomi, perusahaan dan perdagangan dan memperlihatkan betapa ulama-ulama juga dapat memainkan peranan yang amat penting alam dunia moden ini.

Dalam persidangan Islam Se-Malaysia dahulu perkara menentukan awal Ramadan dan Syawal telah menimbulkan perbahasan yang hangat. Maka dalam masalah ini keputusan yang dicapai dalam persidangan antarabangsa ialah **bahawa permulaan puasa dan hari raya hendaklah berasaskan dengan melihat anak bulan. Tetapi sekiranya anak bulan tidak dapat dilihat dengan sebab-sebab tertentu di sesebuah negara, maka laporan nampak anak bulan di sesebuah negeri lain hendaklah dijadikan asas timbangan.**

Sekiranya kedua-dua perkara yang tersebut itu tidak dapat dijalankan dengan pengiraan astronomi bahawa anak bulan patut nampak maka cara pengiraan itu adalah dibenarkan. Persidangan berpendapat bahawa kerajaan dari berbagai-bagai negara Islam hendaklah menubuhkan sebuah badan yang terdiri daripada pakar-pakar untuk

menentukan permulaan Ramadan dan Syawal dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Persidangan juga memutuskan bahawa sebuah badan khas yang terdiri daripada ulama-ulama Islam dan pakar-pakar sains yang dilantik oleh tiap-tiap kerajaan yang mengambil bahagian hendaklah ditubuhkan bagi menyediakan sebuah kalendar Islam yang sama.

Pemindahan Mata Dan Jantung

Mengenai perkara pemindahan jantung dan mata, persidangan memutuskan bahawa pemindahan jantung dan mata orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan dalam Islam, di atas dasar-dasar yang ditentukan sebagai berikut:

- Dalam keadaan darurat di mana hidupnya orang yang menerima bergantung sepenuhnya kepada pemindahan organ dan pembedahan.
- Kematian orang yang memberikan telah disahkan sebelum pemindahan itu dapat dijalankan.
- Kebenaran hendaklah diperolehi daripada si pemberi sebelum pemindahan itu dilakukan dalam keadaan sekiranya si pemberi sebelum pemindahan itu meninggal dunia secara biasa tetapi kebenaran dari keluarga hendaklah didapatkan dalam keadaan si pemberi mati kerana menemui kemalangan.
- Kawalan-kawalan tertentu hendaklah dibuat supaya tidak akan berlaku pembunuhan atau jual beli anggota-anggota manusia yang mahu dipindahkan.

Rumusan Mengenai Zakat

Persidangan ini menyeru orang-orang Islam supaya mngumpul zakat bagi harta-harta mereka. Tetapi dalam perkara ini tiap-tiap negeri itu mempunyai kebebasan mengikut cara-cara yang dipandang lebih berfaedah kepadanya dengan syarat hendaklah diambil perhatian bahawa wang-wang zakat itu hendaklah dibelanjakan pada 8 bahagian yang termaklum.

Memandang kepada Firman Tuhan "*Wafi Sabilillah*" dan lain-lain, dan menurut pengertian yang asal ialah jihad dan mempertahankan kedaulatan Islam serta negaranya maka persidangan menaruh harapan kepada orang-orang Islam supaya menentukan sebahagian dari zakat harta-harta mereka bagi perkara-perkara yang berikut:

- Bagi mengambil semula Masjid Aqsa dan tanah-tanah yang telah dirampas, serta menguatkan usaha-usaha yang dijalankan untuk mencapai tujuan-tujuan agama yang suci.
- Bagi menguatkan seruan Islam dan penyebaran-penyebaran serta melaksanakan dasar tolong menolong untuk kebaikan dan berbakti serta memelihara agama dan penyiaran pengajaran-pengajarannya.
- Sidang ini memutuskan bahawa cukai yang dikenakan oleh sesebuah kerajaan tidak boleh dianggap sebagai ganti dari zakat melainkan ada kemampuan orang-orang Islam tertentu untuk membayarnya.

Insuran

Perkara ini telah dibincangkan dengan mendalam dan persidangan memutuskan bahawa perniagaan insuran seperti yang dijalankan pada masa ini adalah haram mengikut hukum Islam.

Memandangkan kepada peri mustahaknya insuran dalam perniagaan pada masa ini, maka perusahaan insuran yang dijalankan atas dasar kerjasama bolehlah dianggap sebagai halal:-

- Perniagaan insuran terkhas kepada satu jenis perniagaan yang tertentu boleh dijalankan oleh kumpulan-kumpulan orang perseorangan atas dasar kerjasama.
- Perniagaan insuran yang bukan terkhas seperti di atas bolehlah dijalankn oleh kerajaan atas dasar kerjasama
- Hendaklah digalakkan sejauh mana yang boleh insuran kerjasama antarabangsa di antara negara-negara Islam.
- Hendaklah ditentukan bahawa premium yang dibayar berhubungan dengan polisi insuran jenis yang disebutkan di atas tidak boleh dipulangkan sehingga sampai masanya untuk membuat tuntutan.

Memandang peri mustahaknya perdagangan dan perhubungan antarabangsa, maka bentuk insuran antarabangsa yang ada sekarang ini bolehlah dianggap sebagai halal.

Perancang Keluarga Dan Undang-undang Kekeluargaan

Mengenai "Perancangan Keluarga" ini sidang memutuskan bahawa berasaskan ajaran-ajaran Islam, maka objek perancangan keluarga mestilah berasaskan untuk membenarkan keluarga untuk berkhidmat kepada masyarakat Islam serta meninggikan taraf hidup. Walau bagaimanapun di atas pandangan-pandangan individu dan keadaan-keadaan sosial, maka keluarga-keluarga Islam mempunyai hak untuk menghadkan anggota keluarga mereka.

Persidangan telah mengambil sebanyak lima ketetapan mengenai perkara 'Undang-undang Kekeluargaan'. Bahawa perceraian adalah dibenarkan dalam lunas-lunas perundangan Islam dan ia tidak bergantung kepada kebenaran hakim.

Poligami dibenarkan mengikut ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunah-sunah dan berdasarkan kepada had-had yang ditentukan oleh kitab-kitab suci tersebut. Dalam hal ini terpulanglah kepada tiap-tiap negara yang berkenaan bagi menimbangkan had-had yang patut bagi kepentingan keluarga dan masyarakat Islam setempat dan berasaskan kepada peraturan-peraturan Islam.

Sidang juga memutuskan bahawa mengambil anak angkat haram dalam Islam sebagaimana yang ditegaskan dalam Al-Quran dan kerana ia melanggar undang-undang Islam tetapi Islam menggesa umatnya untuk membuat kebajikan, menolong mereka yang berkehendakkan perlindungan dan pemeliharaan. Sidang juga menggesa semua umat Islam supaya mengikuti ajaran dan moral Islam memandang kesederhanaan dalam pakaian, kelakuan dan peribadi mereka.

Umat Islam hendaklah menggunakan perkahwinan sebagaimana peluang untuk melahirkan keluarga Islam dan membentuk generasi yang baik di mana hidupnya ialah untuk mempertahankan pengajaran, etika dan undang-undang Islam.

Rumusan Mengenai Perusahaan Dan Perdagangan

Persidangan memutuskan bahawa sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar hendaklah dibentuk segera bagi menguatkan ekonomi antara negara-negara Islam dan menganalisa perhubungan ekonomi negara-negara Islam. Untuk mencapai maksud itu maka sidang mencadangkan supaya menambahkan lagi jumlah perdagangan antara negara-negara Islam dan mengurangkan persaingan antara negara-negara Islam.

- Menggalakkan kemasukan barangan, perkhidmatan dan penanaman modal di kalangan negara-negara Islam.
- Mengadakan pertukaran pakar-pakar teknik dan mengadakan kemudahan-kemudahan untuk latihan antara negara-negara Islam, mengadakan pameran-pameran di negara-negara Islam.
- Menubuhkan sebuah "Pejabat Bersama" (*clearing house*) bagi tujuan pertukaran penerangan-penerangan serta koordinasi dasar-dasar perkembangan ekonomi dan perancangan bersama.

Pusat Penyelidikan Islam

Salah satu perkara yang sangat menarik perhatian yang telah diputuskan oleh Sidang Ulama Antarabangsa ini ialah langkah menubuhkan sebuah Pusat Penyelidikan Islam di

Kuala Lumpur dengan tujuan bagi mengadakan hubungan dengan pusat-pusat penyelidikan dan universiti. Persidangan juga mencadangkan perhubungan raya negara-negara Islam bagi memperjuangkan pelajaran Islam di samping mengambil perhatian yang khas atas pelajaran bahasa Arab, bahasa Quran dan Sunah dalam semua peringkat pelajaran di negara-negara Islam. Di samping itu, persidangan memutuskan bahawa kerjasama antara universiti-universiti Islam dan pertubuhan-pertubuhan dakwah hendaklah diwujudkan bagi melahirkan satu peribadi Islam antarabangsa.

Memandang kepada perkara yang dibincangkan dalam persidangan ulama yang julung-julung kali diadakan ini maka nyatalah bahawa para ulama dan intelektual Islam telah berjaya mengupas beberapa masalah yang selama ini masih dipandang samar-samar oleh umat Islam di seluruh dunia. Nyata dan jelas dari persidangan ini bahawa masalah yang diperkatakan bukan terhad kepada perkara agama sahaja tetapi telah meliputi dan menyentuh hal yang ada hubungan dengan kemajuan sains.

Dari apa yang telah dicadangkan ternyata bahawa ini bukanlah merupakan persidangan yang pertama dan terakhir. Banyak lagi persidangan-persidangan yang seumpama ini akan diadakan kemudian. Dan tidak dapat disangkal lagi bahawa persidangan seperti ini adalah sangat penting dalam usaha-usaha untuk menyatupadukan negara Islam.

Bahawa persidangan Islam antarabangsa ini telah merintis satu jalan sejarah tidaklah disangkal lagi. Pelaksanaan rumusan-rumusan hasil persidangan ulama ini kelak akan memperlihatkan kepada dunia bahawa Islam juga dapat memainkan peranan yang penting bagi kemajuan umat manusia di seluruh dunia. Moga-moga tiga semangat

utama—semangat menyelidik, semangat persatuan dan semangat pelopor yang diamanatkan oleh Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam majlis pembukaan dahulu akan terlaksana dengan jayanya memancar laksana sinar matahari menerangi seluruh dunia.

Dewan Masyarakat, Mei 1969

PERGINYA KERIS MAS, SASTERAWAN NASIONALIS

oleh *A. Karim Abdullah*

Dato (Dr.) Ishak Haji Muhammad (Allahyarham Pak Sako) menulis sebuah puisi berjudul "Keris Mas" yang tersiar dalam *Utusan Zaman*,3 Mei 1981, berbunyi,

Di sebuah Maktab Perguruan di Paya Kumbuh
Di sanalah bakat Keris Mas mula tumbuh
Kemudian di Kampung Ketari Pahang beliau berlabuh
Di mana bakatnya terus diasah dan diasuh.

Dalam laporan lengkap bernilai Anugerah Sastera Negara
Keistimewaan Keris Mas jelas ketara
Melayakkan beliau bergelar sasterawan bangsa
Suluhan budi seluruh Nusantara.

Di upacara penuh istiadat yang gilang-gemilang
Dalam jamuan di bangunan Dewan Rakyat Malaysia
Yang di-Pertuan Agong Yang Amat Berjasa
Telah berkenan menyampaikan Anugerah Sastera Negara.

Duli Yang Maha Mulia juga telah bertitah petah
Supaya mutu kesusasteraan negara diperintah
Disampaikan kepada sekalian rakyat tinggi dan rendah
Hingga sekalian mereka menjadi warganegara berilmiah.

Seri Paduka Payung Negara juga menyentuh
Darihal mutu sastera drama dan filem
Hendaklah dimajukan dengan bersungguh-sungguh
Supaya mudah-mudahan boleh dinikmati mendalam.

Sesiapa yang arif lagi budiman
Anugerah Sasterawan Negara janganlah buat mainan
Untuk tujuan politik mencari kekayaan
Hingga keagungan kesusasteraan tidak berkesan.

Setakat ini tumpullah hamba punya pena
Keringlah hamba punya dakwat satu warna
Tidur tak lena, letih lesu tak bermaya
Mengarangkan madah yang kurang sempurna.

Demikianlah penghargaan Pak Sako terhadap Keris Mas yang merupakan sasterawan pertama menerima Anugerah Sasterawan Negara. Upacara penganugerahan Sasterawan Negara itu berlangsung dalam istiadat yang gilang-gemilang di Dewan Bankuasi, Bangunan Parlimen Malaysia, pada 26 April 1981, yang disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Haji Ahmad Shah.

Keris Mas atau nama sebenarnya Kamaludin bin Muhammad dilahirkan di Kampung Ketari, Bentong, Pahang, pada 10 Jun 1922. Beliau mulanya bersekolah di Sekolah Melayu Bentong sehingga darjah 5. Salah seorang guru pada masa itu ialah Ibrahim bin Haji Yaakub, yang kemudian terkenal sebagai pejuang kebangsaan Melayu. Barangkali perjuangan hidup Keris Mas sedikit sebanyak dipengaruhi oleh perjuangan gurunya itu, kerana ternyata kemudiannya Keris Mas juga terlibat dalam pergerakan politik Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Pada zaman remajanya Keris Mas pernah menjadi Pegawai Penerangan PKMM bagi Negeri Pahang.

Walaupun keputusan peperiksaan Keris Mas di sekolah Melayu Bentong itu baik, dan selayaknya beliau melanjutkan pelajaran ke Malay College Kuala Kangsar (MCKK), tetapi kata Keris Mas: "Memangnya biasiswa dan Malay College masa itu khusus disediakan untuk bakal pegawai-pegawai tinggi dan yang terpilih belajar di sana biasanya anak-anak kaum atasan sahaja." (Ceramah Keris-Mas "Mahasiswa dan Kesusasteraan", 1965).

Dengan tersekatnya peluang melanjutkan pelajaran ke MCKK itu, maka keluarganya menghantar beliau ke Sumatera bagi mengikuti pelajaran di Tawalib School, sebuah sekolah menengah dengan bahasa pengantar bahasa Indonesia dan bahasa Arab.

Di sekolah itu beliau memperoleh kelulusan yang baik; dan, sebagai insan yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan, Keris Mas melanjutkan pelajaran ke Kolej Kulliahtul Muallimin al-Islamiah (Maktab Perguruan Islam) bagi membolehkannya mendapat Diploma Perguruan dan melayakkannya menjadi guru agama. Ketika di maktab inilah Keris Mas mula mengasah bakatnya dalam bidang penulisan karya kreatif, di samping banyak membaca karya-karya pujangga Indonesia seperti Sutan Takdir Alisyahbana, Hamka, dan lain-lain.

Dalam memoirnya Keris Mas menerangkan: "Memanglah benar waktu belajar di Sumatera itulah, waktu dalam umur enam belas hingga lapan belas tahun, tumbuhnya bibit sastera dalam jiwa saya. Novel pertama yang mempesona saya bukannya *Putera Gunung Tahan* tetapi *Layar Terkembang*. Waktu pulang ke Malaya awal tahun 1940 saya telah pun menjadi salah seorang pengikut Pujangga Baru yang kritis. Topik perbincangan kebudayaan yang dibukakan oleh majalah *Pujangga Baru* tentang fahaman tamadun Barat dan faham kebudayaan Kebudayaan Indonesia-Jawa yang masing-masing dipelopori oleh Sutan Takdir Alisyahbana dan Ki Hadjar Dewantoro, menjadi topik perbincangan dan diskusi-diskusi kelompok sastera dalam Himpunan Pelajar Kolej Islam yang saya sertai dengan aktif."

Walaupun kelulusannya dari Kolej Perguruan itu melayakkannya menjadi guru agama di kampungnya, tetapi cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran dan menambah pengetahuan terus membara. Mengapa? Menurutnya, "Saya kira ini ada hubungannya dengan suasana dan semangat yang saya terima waktu belajar di Kolej Islam di Sumatera Barat dahulu itu. Kurikulum dalam sistem pelajaran dan pendidikan sekolah-sekolah agama rakyat di sana pada waktu itu memasukkan semua mata pelajaran umum yang asas

yang diajarkan di sekolah-sekolah pemerintah (Belanda) atau sekolah-sekolah rakyat yang bukan agama. Di samping itu semua mata pelajaran agama menjadi mata pelajaran wajib. Tujuan pendidikan dan pelajarannya ialah untuk melahirkan manusia Islam yang sejati yang dapat hidup dalam zaman moden ini dalam suasana atau kelompok penghidupan mana jua pun."

Dengan berbekalkan azam yang kuat, maka pada tahun 1941 Keris Mas berhijrah ke Singapura untuk menyambung pelajarannya. Ketika di Singapura, Keris Mas bekerja sebagai jurujual di sebuah kedai antik pada waktu siangnya, dan pada sebelah malam pula belajar di Pitman's College di bawah penyeliaan Tuan Haji Idris L.L.B. Pelajar-pelajar yang lulus dari kolej swasta itu boleh mendaftarkan diri bagi peperiksaan matrikulasi di London University tanpa mengambil peperiksaan Overseas Senior Cambridge. Tetapi, harapannya untuk melanjutkan pelajaran tinggi itu musnah apabila perang meletus dan Singapura bergegar oleh bom tentera Jepun. Keris Mas pun mengambil keputusan pulang ke kampung dengan menaiki kereta api.

Selepas tamat perang, Keris Mas sebagai anak muda yang berkobar-kobar semangat perjuangannya, menggabungkan dirinya dalam PKMM Cawangan Pahang. Di samping bergiat dalam politik, Keris Mas terus mengasah bakatnya dalam penulisan cerpen, dan mengisi majalah *Suluh Malaya*, lidah rasmi PKMM.

Dari tahun 1946 hingga tahun 1949 Keris Mas paling produktif dalam penulisan cerpen. Selama empat tahun itu beliau menghasilkan sebanyak 43 cerpen yang tersiar di dalam majalah-majalah *Suluh Malaya, Kencana, Pelopor, Mastika* dan akhbar *Utusan Zaman*.

Dalam suasana sibuk menghadiri kongres PKMM di Singapura dalam tahun 1947, Keris Mas diambil bekerja dengan Utusan Melayu. Pengambilan beliau adalah atas daya usaha Abdul Hamid Abdul (Allahyarham) dan A. Samad Ismail. Sebuah cerpen Keris Mas berjudul "Penjual Ubat Merdeka" pernah diterbitkan di dalam mingguan *Utusan Zaman*, 21 Disember 1947. Maka bermulalah penglibatannya dalam lapangan kewartawanan. Ketika di Utusan Melayu itulah Keris Mas mengambil keputusan tidak bergiat lagi dalam arena politik, dan menumpukan sepenuh masa dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan.

Ketika di Singapura itulah Keris Mas dengan beberapa orang sasterawan-wartawan berusaha meniupkan peranan yang cukup bermakna bagi bidang-bidang kesusasteraan dan bahasa Melayu sebagai alat mematangkan cara berfikir orang Melayu dalam perjuangan kemerdekaan. Beliau terlibat dalam usaha penubuhan Angkatan Sasterawan '50 dan menjadi salah seorang pemimpinnya yang mendukung konsep "Seni untuk Masyarakat".

ASAS '50 ditubuhkan pada 6 Ogos 1950, dan inilah pertubuhan bahasa dan sastera yang mula-mula sekali didirikan di Singapura sesudah Perang Dunia Kedua. Sejak mula ditubuhkan Asas '50 mengambil sikap dan pendirian yang tegas bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan kemerdekaan; bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat, sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan, dan perdamaian hidup.

Ekoran satu krisis dengan Yusof Ishak, Pengarah Urusan Utusan Melayu, dalam tahun 1953, Keris Mas berpindah kerja dengan akhbar *Melayu Raya*. Namun, perkhidmatannya dengan *Melayu Raya* tidak lama, kerana Keris Mas berpindah ke Pulau Pinang untuk bekerja dengan akhbar *Warta Negara* hinggalah tahun 1955. Kebetulan sewaktu Keris berkrisis dengan Yusof Ishak, A. Samad Ismail, pengarang *Utusan Melayu*, berada dalam tahanan politik. Setelah Samad dibebaskan, Keris Mas dipanggil pulang dan bekerja dengan *Utusan Melayu* sebagai anggota sidang pengarang.

Selepas Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Johor Bahru, dan Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan dengan mengangkat Ungku Aziz (Prof. Diraja) sebagai pengarah yang pertama, dan Keris Mas dilantik sebagai pengarang umum dari 1 Disember 1956 hingga Oktober 1962.

Kemudiannya, DBP berpindah dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur – di Jalan Young, bekas Rumah Sakit Tanglin dengan sebahagian bekas bangunan Jabatan Orang Asli di Jalan Young dijadikan bangunan sementara, dengan Syed Nasir Ismail (Allahyarham Tun) menjadi pengarahnya. Sebagai pengarang umum, Keris Mas bertanggungjawab kepada semua penerbitan Dewan Bahasa termasuk mengasaskan penerbitan majalah-majalah penting yang memperjuangkan perkembangan dan kemajuan bahasa dan sastera seperti *Dewan Bahasa* (kini *Jurnal Dewan Bahasa* yang mula-mula diterbitkan sempena menyambut kemerdekaan Tanah Melayu), *Dewan Masyarakat*, dan *Dewan Sastera*.

Keris Mas dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai yang amat kecil bilangannya, menjadi tenaga pendorong yang cukup kuat kepada Syed Nasir Ismail

terutama dalam tempoh kempen Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan. Dari pengarang umum beliau diangkat menjadi ketua bahagian pengarang mulai 1 Julai 1966 hingga 30 Jun 1971. Jawatannya yang terakhir di DBP ialah Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera mulai 1 Julai 1971 hinggalah beliau bersara pada 10 Jun 1977.

Pengalamannya sebagai sasterawan, sebagai aktivis dan pengurus sastera dirakamkan dalam memoirnya – *30 Tahun Sekitar Sastera.*

Sebelum bersara, Keris Mas dengan beberapa orang pengarang dan sasterawan terkenal tanah air dianugerahkan "Pejuang Sastera" oleh kerajaan Malaysia yang disampaikan oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1976. Selain Keris Mas, yang menerima anugerah berhadiah $10 000 dan Watikah Penghargaan itu ialah Ishak Haji Muhammad (Allahyarham), A. Samad Ismail, Usman Awang, Shahnon Ahmad, dan A. Samad Said.

Selepas bersara, Keris Mas diangkat menjadi "Penulis Tamu" DBP pada 1 Julai 1977 hingga 30 September 1978. Ketika menduduki "Penulis Tamu" itulah Keris Mas menghasilkan memoirnya, yang merupakan satu dokumen yang amat berguna bagi pengkaji dan peminat sastera Melayu.

Pada bulan Januari 1979, Universiti Malaya pula melantik Keris Mas sebagai Karyawan Seni.

Pada tahun 1981, Keris Mas merupakan tokoh sastera yang pertama yang menerima Anugerah Sasterawan Negara. Sewaktu mengumumkan tokoh ini sebagai pemenang pertama, Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu, dan juga

Pengerusi Panel Anugerah Sastera Negara, menyatakan bahawa Keris Mas dipilih kerana sumbangannya sebagai pembaharu dan penyebar bentuk cerpen dan karya-karya lain ditulis dalam bahasa Melayu.

"Melalui karyanya dalam bentuk cerpen kita menemui sejumlah watak cereka yang lebih kompleks dan mendekati manusia sebenarnya yang sering kita temui di zaman moden." Melalui ketokohannya, tambah Datuk Musa, Keris Mas bukan sahaja merakamkan arus waktu dan gelombang sejarah yang dilihat dan dialaminya, malah mentafsir, mengemukakan saranan, dan mempertahankannya.

Dalam *Laporan Panel Anugerah Sastera 1981*, tercatat: "Keris Mas merupakan sasterawan dan pemikir penting pada tahap kedua perkembangan sastera Melayu moden. Beliau telah membina dasar-dasar kukuh suatu tradisi baru dalam sastera (cerpen)."

Pada tahun 1989, Universiti Sains Malaysia pula menganugerahkan Keris Mas dengan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan. Sewaktu berucap menerima anugerah tertinggi universiti itu, Keris Mas antara lain berkata:

> Adapun Universiti Sains Malaysia ini ibarat sebiji bintang yang bersinar murni pada langit biru yang bersih dan jernih, memberikan ilham, bimbingan, dan panduan kepada usaha pencapaian ilmu yang tinggi dan mulia. Maka sebuah anugerah diturunkan dari bintang bersinar ini dan disalutkan pada diri patik dari tangan Tuanku sendiri, adalah rasanya seperti mimpi laksana bulan jatuh ke riba. Apakah yang dapat patik khabarkan kepada khalayak ramai dan apakah yang dapat patik sembahkan kepada Kebawah Duli Tuanku; patik bukan hanya terasa bermimpi tetapi seperti orang bisu bermimpi terasa ada perkatakan tidak.

Dalam pidatonya yang berjudul "Manusia yang Berkualiti" di majlis penganugerahan itu, Keris Mas merakamkan:

Kira-kira lima puluh tahun – setengah abad – yang lalu, dalam usia 18 tahun, saya dipaksa oleh nasib untuk berjuang sendirian melanjutkan pelajaran ke Singapura. Saya katakan itu perjuangan kerana waktu itu, seperti juga sekarang, kota Singapura bagi

seorang anak desa yang datang dari pinggir hutan Negeri Pahang, adalah seperti medan perang yang mungkin sahaja membahayakan. Dan saya bukan sahaja harus belajar tetapi harus mencari makan sesuap pagi sesuap petang. Saat-saat pergolakan hidup seperti itu dalam usia yang muda dan akal fikiran yang amat mentah, menimbulkan kesedaran dalam jiwa saya tentang erti dan makna pendidikan, keterampilan dan ilmu pengetahuan; apa ertinya keberanian, apa ertinya ketabahan dan apa ertinya kebijaksanaan. Semuanya terhad dalam kadar pencapaian ilmu dan pengetahuan. Kesedaran itu menjadi pendorong yang amat kuat, menghidupkan semangat saya untuk tidak mengaku kalah dan terus berusaha.

Prof. Datuk Shahnon Ahmad, yang menjadi pemidato umum di majlis penganugerahan tersebut antara lain menyebutkan:

Sumbangan Keris Mas yang paling cemerlang ialah dalam bidang penulisan kreatif, khususnya cerita pendek dan novel, lebih khusus lagi dalam bidang cerita pendek sehingga pengaruh penulisannya amat jelas terserap dalam teknik-teknik penulisan cerpen pengarang-pengarang lain. Selepas Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad, Keris Maslah yang diterima sebagai tokoh penulisan cerpen. Cerpen-cerpennya memperlihatkan kehalusan kesenimannya, kerapian struktur sasteranya, kaya dengan wawasan-wawasan untuk kita memahami manusia dan kemanusiaan. Ini disebabkan Keris Mas bukan sahaja seorang sasterawan, tetapi juga seorang pemikir, seorang yang sudah lama memantapkan visi dunianya, seorang yang sudah ahli bermain dengan bahasa sastera dan seorang yang benar-benar berpengalaman dalam kaedah eksploitasi keperihalan manusianya.

Kini, Pak Keris Mas sudah hilang di mata kita. Dari Allah dia datang maka kepada Allah jua dia pergi. Sebuah pelita telah padam, untuk kemudian menjadi bintang bersinar di langit sejarah zamannya. Dan, untuk kesekian kalinya, bidal pusaka nenek moyang berdiri di tangga kebenarannya: Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama. Dan, nama itu termasuklah Keris Mas.

Keris Mas sudah pergi buat selama-lamanya. Yang ditinggalkannya kepada kita ialah sumbangan jasa bakti dan hasil pemikirannya yang amat bernilai kepada khazanah kesusasteraan bangsa Melayu. Sebahagiannya itu terakam secara tersurat dan tersirat di dalam sejumlah bukunya: *Korban KesuciannyaPahlawan Rimba Malaya* (novel), *Patah Tumbuh* (kumpulan cerpen), *Anak Titiwangsa* (novel), *Saudagar Besar*

Dari Kuala Lumpur (novel), *Rimba Harapan* (novel), *30 Tahun di Sekitar Sastera* (memoir), *Esei Pilihan Keris Mas* (koleksi esei), *Gaya Bahasa Sastera* (buku pengetahuan), dan *Kumpulan Cerpen Sasterawan Negara Keris Mas* (1946-1989).

Malahan, masih banyak lagi esei, komentar, kertas kerja yang tersebar belum dikumpulkan – semuanya hasil pemikiran Allahyarham Pak Keris Mas yang amat bernilai yang perlu diusahakan penerbitannya.

Prof. A. Bakar Hamid dalam kata pengantarnya untuk buku *Esei Pilihan Keris Mas*, antara lain berkata:

> "Dari karya-karya ini terpancarlah wajah seorang nasionalis Melayu yang pengetahuan mengenai agamanya luas, kepercayaan mengenainya teguh, sementara sikap terhadapnya radikal, terutama dalam hal menghadapi kekolotan dan khurafat; seorang sasterawan yang percaya kepada seni bertujuan, sensitif terhadap pergolakan masyarakat, halus dan rapi caranya berbicara serta arif akan batas kemampuan medianya; dan seorang intelektual yang tanpa ragu-ragu mengemukakan dan mempertahankan pendapatnya, tanpa jemu-jemu menyuarakan moral dan mutu hidup yang tinggi dan terus-menerus memperjuangkan keadilan sosial."

Dalam saat-saat mengenang Allahyarham Pak Keris Mas, maka teringatlah sebuah puisi yang ditulis oleh Dato' Dr. Usman Awang sebagai kenangan kepada Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad:

> *Begitu pendek nafas ini berdetik dalam usia hidup setiap manusia dalam perjalanan ke pintu maut tetapi kematian seorang berjasa lebih memberi erti kerana kematian itu sendiri menyebabkan ia tidak mati seperti sekarang kita menyebut-nyebut namanya, dan ia telah menjelma menjadi bintang bersinar di langit zaman.*

Pusara Bukit Kiara, Damansara, Kuala Lumpur akan setia menjadi saksi bahawa di sinilah (pada 9 Mac 1992) bersemadinya jasad anak watan yang berjasa kepada dunia kesusasteraan dan kebangsaan pemikiran bangsanya, Allahyarham Tuan Haji (Dr.)

Kamaludin Muhammad (Keris Mas) yang nama dan jasanya akan tercatat dengan tinta emas di langit sejarah tamadun bangsanya.

Semoga Allah mencucurkan rahmat-Nya ke atas roh Allahyarham Keris Mas. Al-Fatihah....

Dewan Sastera, April 1992.

MUTIARA KATA PENINGGALAN KERIS MAS

Dari Dokumentasi *A. Karim Abdullah*

Keris Mas dalam sekian banyak esei, atau ceramah, dan kertas kerjanya dalam pelbagai forum dan seminar banyak menyumbangkan idea yang mengandungi unsur falsafah, dan analisis serta ungkapan kata yang cukup kemas dan bernas, yang memperlihatkan kematangannya sebagai pemikir yang tajam dan dapat menggunakan bahasa Melayu yang sungguh tinggi mutunya.

Berikut ialah kata-kata Keris Mas yang dipetik daripada pelbagai sumber yang tersimpan di dalam fail dokumentasi saya:

> "Sesungguhnya alam kesusasteraan kita sedang menunggu buah tangan sasterawan-sasterawan terpelajar. Tetapi sasterawan terpelajar bukanlah bererti penulis-penulis yang ber*degree* sahaja, melainkan penulis-penulis yang berbakat baik yang dapat memperluas pengertiannya terhadap hidup dari sumber pengetahuan dan pengalaman, yang mempunyai kekuatan dalam dirinya untuk berbicara secara bersungguh-sungguh pada manusia yang mempunyai hati sanubari dan akal bicara, yang dapat memandang dan menyatakan fikiran yang tepat terhadap seribu satu masalah hidup yang menimbulkan seribu satu sifat dan tabiat manusia serta mendatangkan seribu satu natijah dan akibah dalam kehidupan."
>
> (Esei "Alam Kesusasteraan Melayu Menunggu Buah Tangan Kaum Terpelajar" tersiar di dalam *Majalah MPSI*, Cenderamata Keluaran Khas, tahun 1957.)

"Apabila tuan-tuan kelak mempelajari kesusasteraan Melayu maka ertinya tuan-tuan mempelajari gerak nadi dan gerak fikiran masyarakat Melayu; mempelajari manusia Melayu dengan segala aspek kehidupannya, segala *intution*nya; segala sifat-sifat dan segala yang ditimbulkan ke atas rohani dan jasmani mereka. Mempelajari kesusasteraan juga mempelajari kepercayaan-kepercayaan yang mempengaruhi masyarakat dan

mempelajari sejarah manusia dengan segala aspek perkembangan hidup fikiran dan badannya."

(Forum "Mahasiswa dan Kesusasteraan" di Universiti Malaya, anjuran PBMUM, pada 6 Jun 1965.)

"Pokok soalnya adalah sastera kita berfungsi untuk merangsang dan mempertajamkan pemikiran dan perasaan rakyat, memupuk semangat nasionalisme dan perpaduan kebangsaan, mengukuhkan nilai-nilai Islam, menyuburkan intelektualisme dan seterusnya dengan kegiatan-kegiatan *memasyarakatkan sastera* kita. Soalan yang lebih penting, adalah '*memasyarakatkan sastera*' itu bererti menurunkan taraf fungsi dan mutu sastera Melayu ke tahap pemikiran, sikap dan sensitiviti masyarakat atau mengangkat pemikiran sikap dan sensitiviti rakyat ke taraf yang diperlukan untuk sebuah bangsa yang sedang membangun. Kenalkah kita akan masyarakat yang kita dekati itu atau kita hanya kenal mengenalantara kita sendiri dengan cara yang lebih dekat dan mesra?"

(Esei "Sastera Berfungsi dan Bermutu", dalam majalah *Era* 16 Mac 1985)

"Latar belakang dari semua perkembangan kesusasteraan ialah fikiran. Fikiran dari satu bangsa menimbulkan watak bangsa. Watak bangsa itu lahir dalam novel, dalam cerpen pendek dan dalam sajak. Fikiran itu terbentuk oleh kecerdasan akal yang mendapat pendidikan dan pelajaran, dan juga terbentuk oleh pengalaman-pengalaman hidup dalam lingkungan keadaan-keadaan keliling."

(Esei "Pemandangan Umum tentang Pemikiran dalam Pertumbuhan Kesusasteraan Melayu" dalam Majalah *Dewan Bahasa*, November 1969)

"Seorang penulis mestilah tahu lebih dahulu apakah sebenarnya hakikat kebenaran atau *the truth* itu.Tafsiran yang paling dekat dari penulis-penulis Barat tentang *the truth* ialah *basic objective reality*. Realiti yang basik lagi objektif itu tidaklah lain dari kehidupan masyarakat manusia sendiri. Hakikat kebenaran yang mesti didedahkan kepada umum di dalam hasil-hasil sastera ialah kehidupan manusia itu sendiri dengan segala pergolakan dan persoalannya."

(Esei "Beberapa Soal Mengenai Perkembangan Prosa Melayu Selepas Perang" tersiar di dalam Majalah *Dewan Bahasa*, Oktober 1961)

"Politik Sastera yang saya maksudkan ialah pendirian politik terhadap sastera, yakni politik mengenai sastera dalam hubungannya dengan kehidupan kebangsaan. Ini membezakan dan apa yang dikatakan Sastera Politik. Sastera Politik ialah sastera yang diperalat oleh golongan atau parti politik."

(Diucapkan di Majlis Penerimaan Anugerah Sasterawan Negara di Dewan Bankuasi Parlimen Malaysia pada 26 April 1981)

"Saya berpendapat yang kita harus perkatakan sekarang ini ialah sastera Melayu yang beraliran atau berunsur Islam. Nilai-nilai yang kita pakai ialah nilai Islam, *value* yang kita ketengahkan ialah *value* Islam. Baik berdasar nilai Islam, buruk berdasarkan nilai Islam. Ini yang saya katakan sastera Melayu berunsur Islam, bernilai Islam, berjiwa Islam. Bukan heboh-heboh mencari definisi apakah yang dikatakan sastera Islam.

(Wawancara Keris-S. Jaafar Husin dalam *Dewan Sastera*, Jun 1979.)

Dewan Sastera, April 1992

ISU MAKAM PAHLAWAN

Saudara Pengarang,

Soal siapakah tokoh negara yang wajar disemadikan di Makam Pahlawan yang terletak di perkarangan Masjid Negara sering timbul apabila berlaku kematian seseorang tokoh.

Apakah tokoh-tokoh yang kini dikebumikan di Makam Pahlawan itu hanya terdiri daripada pemimpin politik sahaja? Kalau demikian halnya, mengapakah pula bila Tan Sri Senu Abdul Rahman, bekas Setiausaha Agung UMNO dan juga seorang bekas Menteri Pusat tidak disemadikan di Makam Pahlawan?

Sudah adakah apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh kabinet atau Bahagian Protokol, Jabatan Perdana Menteri bagi menentukan kelayakan seorang tokoh yang meninggal itu wajar dikebumikan di Makam Pahlawan?

Makan Pahlawan di perkarangan Masjid Negara itu dibahagikan kepada dua tempat. Satu tempat di bawah kubah disediakan tujuh makam, di mana tiga daripadanya sudah disemadikan jenazah Allahyarham Tun Dr. Ismail, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Di sebelah tepi anjung menghala ke kubah tempat yang terdedah kepada panas dan hujan pula ditempatkan jenazah bekas-bekas pemimpin politik iaitu Tan Sri Syed

Jaafar Albar, Tun Syed Nasir Ismail, Tun Sardon Jubir, Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Tan Sri Mohd. Noah.

Tokoh yang pertama disemadikan di Makam Pahlawan ialah Allahyarham Tun Dr. Ismail yang meninggal pada tahun 1973.

Pada waktu itu, tidak ada pihak yang dapat memberikan kepastian di mana jenazah Allahyarham Tun Ismail itu patut disemadikan, kerana kebetulan pada waktu kematian Tun Ismail, Perdana Menteri Tun Abdul Razak berada di luar negara.

Di kalangan orang-orang Johor sudah hendak mengambil tindakan untuk membawa jenazah Tun Ismail dikebumikan di Johor, sebagai menghormati anak watan Johor, sehinggalah ada pihak menghubungi Tun Razak untuk mendapat persetujuannya supaya jenazah Tun Ismail disemadikan di Makam Pahlawan.

Malah sehingga kinipun masih belum ada peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan atau Bahagian Protokol, Jabatan Perdana Menteri mengadakan semacam garis panduan bagi menentukan siapa yang wajar dimakamkan di Makam Pahlawan.

Memang mengadakan suatu tempat yang dinamakan Makam Pahlawan sungguhlah baik, seperti di Indonesia mereka mengadakan Makam Kalibata untuk menempatkan tokoh-tokoh, pahlawan-pahlawan, individu yang berjasa, disemadikan di Makam Pahlawan mereka.

Beberapa orang dari negara ini juga disemadikan di Makam Pahlawan Kalibata seperti Allahyarham Ibrahim Yaakub, Allahyarham Abdul Ghani Abu Samah dan lain-lain lagi.

Sementara itu juga seorang pejuang Indonesia, Abdul Halim Perdana Kusuma yang dikebumikan di Lumut, Perak telah digali semula kerangkanya untuk diterbangkan ke Indonesia bagi dikebumikan di Makam Pahlawan Indonesia.

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dalam sebuah memoirnya awal-awal lagi telah mewasiatkan bahawa bila beliau meninggal dunia jenazahnya hendaklah dikebumikan di Makam Diraja Kedah.

Wasiat beliau telah disempurnakan oleh keluarganya. Sehingga ini sudah lapan orang tokoh negara ini disemadikan di Makam Pahlawan dan semua tokoh ini adalah dari kalangan ahli-ahli politik.

Di negara-negara yang besar seperti Amerika Syarikat, Makam Pahlawan itu menjadi salah satu tempat untuk menarik para pelancong melihat pusara tokoh-tokoh yang berjasa. Makam-makam berkenaan dijaga dengan baik dan menjadi tempat kunjungan para pelawat.

Sudah sampai masanya pihak kerajaan membentuk sebuah jawatankuasa khas bagi merangka satu garis panduan untuk menentukan tokoh mana yang wajar disemadikan di Makam Pahlawan bila berlaku kematian seorang tokoh negara ini pada masa akan datang, supaya tidak timbul kemusykilan daripada orang ramai. – **BUNG KARIM, Petaling Jaya, Selangor.**

Utusan Malaysia.

TERBITKAN BUKU 'SEJARAH UMNO'

Saudara Pengarang,

UMNO sudahpun menyambut ulang tahunnya yang ke-50 pada 11 Mei lalu. UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 genap usianya setengah abad.

Antara acara yang diadakan di peringkat pusat bagi menyambut perayaan tersebut ialah Konvensyen UMNO 11 Mei, Perhimpunan Perdana di Dataran Merdeka, dan Jamuan Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pada 1994, Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat dalam ucapannya ketika melancarkan buku *Memoir Khadijah Sidek*, di Universiti Kebangsaan Malaysia antara lain menyatakan bahawa salah satu acara yang diatur untuk menyambut perayaan 50 tahun UMNO itu ialah mengadakan 'Mini Muzium UMNO' di PWTC.

Nampaknya projek ini tidak dapat diadakan kerana memerlukan perancangan yang teliti terutama tentang pengumpulan bahan-bahan tentang sejarah UMNO.

Namun demikian, kita harap rancangan untuk mengadakan 'Mini Muzium UMNO' itu akan menjadi kenyataan pada masa akan datang.

Dengan adanya 'Mini Muzium UMNO' itu kelak akan memberi peluang dan kesempatan kepada ahli-ahli UMNO, khususnya generasi muda yang baharu menjadi ahli UMNO melihat sejarah dan perkembangan UMNO semenjak penubuhannya. Bahan-bahan dokumentasi dan lain-lain bahan berkaitan sejarah perjuangan UMNO amatlah berguna dipamerkan di Muzium UMNO itu.

Memandangkan usia UMNO kini sudah menjangkau setengah abad, maka sudah sampai pula masanya bagi Ibu Pejabat UMNO memikirkan untuk mengeluarkan sebuah buku yang lengkap mengenai 'Sejarah UMNO'.

Sepatutnya Ibu Pejabat UMNO Malaysia sudah lama mewujudkan sebuah Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi yang lengkap di mana segala bahan-bahan rujukan mengenai UMNO tersimpan dengan baik, di mana ia boleh digunakan oleh ahli-ahli UMNO dan para pelajar sains politik sebagai tempat rujukan yang lengkap.

Walaupun pada masa ini Ibu Pejabat UMNO mempunyai unit penyelidikan, tetapi unit ini menghadapi kekurangan tenaga dan kakitangan untuk memikul tugas yang berat dan penting sebagai satu jentera parti.

Satu hal yang perlu dinyatakan di sini bahawa banyak dokumen, surat-surat penting dan minit-minit mesyuarat UMNO di peringkat awal penubuhan UMNO dulu telah hilang atau dimusnahkan sewaktu perpindahan pejabat UMNO di Johor Bahru ke Kuala Lumpur pada awal-awal tahun lima puluhan.

Pada waktu itu, petugas-petugas di pejabat UMNO di Johor Bahru itu, belum memahami lagi nilai pendokumentasian bahan-bahan sejarah. Kalau adapun bahan-bahan UMNO itu mungkin masih tersimpan di tangan orang perseorangan dan ahli-ahli veteran UMNO yang masih hidup semenjak UMNO pada tahun 1946.

Usaha perlu dilakukan untuk mengumpulkan dan mendapat dokumen-dokumen yang berguna mengenai sejarah UMNO daripada mereka.

Penulis sejarah UMNO memerlukan tenaga kemahiran dan kepakaran. Perkara ini dapat dilakukan dengan kerjasama tenaga akademik kita dalam sejarah dan sains politik yang ada di institusi pengajian tinggi.

Ahli-ahli akademik kita seperti Mahathir Mohd. Khir, Dr. Ramlah Adam, Dr. Hussein Mohammed, Prof. Ahmad Adam, Dr. Fauzi Basri, Dr. Firdaus, Dr. Aminuddin Mohd. Yusof dan lain-lain lagi boleh membantu Ibu Pejabat UMNO untuk menjayakan projek buku 'Sejarah UMNO' ini.

Sementara itu kita juga wajar mengucapkan syabas dan tahniah kepada beberapa orang tokoh dan penulis serta sejarawan kita yang sudah menulis buku dan esei mengenai UMNO dan biografi tokoh-tokoh UMNO, seperti Tan Sri Samad Ismail, Chamil Wariya, Hambali Abd. Latif, Shaharom Husain, Sheikh Anwar Abdullah, Ibrahim Mahmood, Aziz Zariza Ahmad dan lain-lain lagi yang telah berusaha menulis buku-buku mengenai UMNO, makalah tentang sejarah UMNO.

Beberapa tahun kebelakangan ini terutama dalam Perhimpunan Pemuda dan Wanita UMNO telah timbul suara kebimbangan kerana tidak ramai golongan muda dan angkatan baru menyertai UMNO.

Malah baru-baru ini Datuk Sabbaruddin Chik pula bimbang terhadap sikap generasi sekarang yang tidak mengambil berat soal sejarah termasuk sejarah perjuangan UMNO. 'Kesedaran masyarakat terutama generasi muda terhadap sejarah perjuangan bangsa dan UMNO sebagai tonggak kerajaan perlulah ditingkatkan', kata beliau semasa merasmikan majlis Siri Pengisahan Sejarah Perjuangan UMNO di MATIC anjuran Arkib Negara.

Saya berpendapat bahawa bukannya golongan generasi muda yang tidak mempunyai kesedaran, tetapi persoalan besarnya mereka belum lagi dapat membaca buku 'Sejarah UMNO' yang lengkap, dan dapat memahami dan menghayati sejarah, matlamat dan perjuangan UMNO.

Sehingga ini saya difahamkan beberapa buah negeri sedang berusaha untuk menyiapkan buku sejarah perjuangan UMNO di negeri masing-masing, seperti Pahang, Kedah, Selangor dan lain-lain lagi. Sekurang-kurangnya dengan terbitnya buku-buku sejarah UMNO di negeri masing-masing akan memberi peluang bagi ahli-ahli baru UMNO di negeri tersebut mengetahui dan memahami sejarah UMNO.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapannya di Perhimpunan Sambutan Kelahiran UMNO di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1989 telah menyarankan bahawa perjuangan dan sejarah UMNO perlulah diketahui oleh semua ahli UMNO. Sejarah kita adalah pengajaran bagi kita, adalah panduan perjuangan kita'.

Berpandukan kata-kata Presiden UMNO itu, maka sudah sampailah masanya Ibu Pejabat UMNO mengeluarkan buku 'Sejarah UMNO' untuk kegunaan generasi sekarang dan generasi akan datang

– BUNG KARIM, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor.

Utusan Malaysia, 15 Jun 1996.

KENANGAN TERAKHIR BERSAMA PAK KERIS MAS*

oleh *A. Karim Haji Abdullah*

Kira-kira pukul 3.10 malam hari Isnin, 9 Mac 1992, telefon di ruang tamu, rumah saya berbunyi. Saya pun terjaga, dan bertanya dalam hati, siapakah gerangan yang menelefon waktu tengah malam begini. Saya cepat-cepat bangun untuk mengangkat gagang telefon. Dalam telefon itu, saya terdengar suara "Hello, Pak Cik Karimkah itu? Ini Amir, nak beritahu ayah dah meninggal". "Innalillah-hi-waina-hirojiun, pukul berapa ayah meninggal?" tanya saya pada Amir. "Pukul 3.00 pagi," jawab Amir. Amir juga berpesan meminta saya memberitahu jiran-jiran dan kawan-kawan lain, dan membuat persiapan di rumahnya untuk menunggu ketibaan jenazah, dan urusan penyelenggaraan jenazah.

Amir yang menelefon saya waktu tengah malam itu ialah Dr. Amir Kamaludin, anak lelaki Pak Keris Mas.

Setelah gagang telefon diletakkan, saya terpegun sebentar di atas kerusi, sedih dan terharu. Isteri saya Aishah, terjaga dan bertanya siapa yang telefon tadi. Saya jawab "Encik Kamal dah meninggal, pukul 3.00 pagi tadi". Isteri saya bangun, kami berdua diam sejenak kerana mengenangkan kehilangan Encik Kamal (panggilan biasa kami kepada Keris Mas), seorang jiran kami yang sudah lebih 30 tahun. Rumah Pak Keris selang serumah dengan rumah saya.

* Diucapkan dan disampaikan semasa Majlis Mengenang Sasterawan Negara Keris Mas anjuran Persatuan Kesusasteraan Badingan Malaysia (PKBM) di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 10 Jun 1997.

Selepas mendengar berita yang amat sedih itu, orang yang pertama saya telefon malam itu ialah rumah Pak Samad Ismail. Telefon diangkat. Anaknya, Ina menjawab. "Ina, ini Pak Cik Karim, beritahu ayah, Pak Keris Mas dah meninggal, pukul 3.00 pagi. Ina menjawab. "Ayah sedang tidur dalam bilik, nak Ina gerakkan?" "Jangan beritahu ayah bila dia bangun makan sahur nanti," kata saya. (Rupa-rupanya menurut Pak Samad, anaknya menggerakkan selepas mendapat beritu itu).

Lebih kurang pukul 4.00 pagi, saya mula menelefon rumah-rumah jiran-jiran kerana mengagak mereka semua sudah bangun untuk makan sahur, dan juga meminta jiran-jiran memberitahu kawan-kawannya yang lain.

Pada pukul 4.30 pagi selepas makan sahur, saya dan isteri terus pergi ke rumah Allahyarham Pak Keris untuk membuat persiapan bagi menyambut ketibaan jenazahnya dari Hospital Besar Kuala Lumpur. Beberapa orang keluarganya sudahpun berada di rumah itu, sibuk dengan tugas masing-masing menyediakan katil dan membentang hamparan dan mengeluarkan kerusi-kerusi untuk diletakkan di ruang luar.

Dengan menggunakan telefon di rumah Pak Keris, maka saya sibuk menelefon kawan-kawan Allahyarham yang terlintas dalam kepala saya, sambil menunggu ketibaan jenazah. Dari pukul 5.00 pagi hingga 5.30 pagi, saya telefon Tuan Haji Ayub Yamin, Tuan Haji Saleh Daud, saya telefon rumah Datuk Usman Awang, rumah Asraf Hj. Wahab (kini Allahyarham), rumah Dr. Syed Husin Ali, rumah Prof. Bakar Hamid, rumah Dr. Hashim Awang, rumah Haji Wahab Majid, rumah Kemala, rumah Inda Sako, rumah Datuk Omar Hashim, rumah Maar of Saad, rumah Osman Abadi (kini Allahyarham), saya

telefon ke Pulau Pinang rumah Dr. Kassim Ahmad, saya telefon rumah Dr. Saedon di Bangi, rumah Datuk Dasuki, dan lain-lain rumah sahabat-sahabat Pak Keris.

Kira-kira pukul 5.30 pagi, jenazah pun tiba dengan sebuah van. Saya bersama-sama saudara-mara yang berada di rumah allahyarham pagi itu tolong mengangkat jenazah dari van untuk diletakkan di atas katil yang sudahpun disediakan di ruang tamu.

Beberapa orang yang sudah sampai mula membaca al-Quran dan Surah Yassin. Kelihatan yang mula-mula membaca al-Quran ialah Tuan Haji Aziz Awang Mustafa (anak saudara Pak Keris Mas, kini allahyarham), dan jiran-jiran terdekat. Manakala beberapa orang kaum ibu, berada di kerusi duduk di sisi Kak Ros (Hajah Roswita Haji Ali, isteri Allahyarham Keris Mas) menenangkannya. Anak perempuannya Datin Nur Hayati menangis dan dipeluk oleh seorang saudara, manakala Dr. Amir kelihatan tenang tetapi pada wajahnya terbayang kesedihan yang amat sangat. Saya membuka kain yang menutup muka Allahyarham Pak Keris Mas. Matanya tertutup rapat dan kelihatan wajah yang tenang seperti orang sedang tidur.

Lebih kurang pukul 6.00 pagi saya dan isteri balik ke rumah untuk menunaikan sembahyang Subuh. Selepas sembahyang, saya berehat untuk melelapkan mata kerana terlalu letih dan sebak dada memikirkan peristiwa sedih ini.

Saya dikejutkan bila Encik Rosli (anak buah Pak Keris Mas) datang meminta saya menguruskan orang yang akan memandikan jenazah. Selepas mandi dan mengambil wuduk, maka saya memakai pakaian Melayu sepasang warna coklat, dan terus ke rumah Allahyarham Pak Keris. Saya duduk menghadap jenazah dan membaca surah al-Mulk, diikuti dengan bacaan wirid-wirid, selawat dan tahlil perlahan-lahan.

Saya mendapat maklumat bahawa urusan memandikan jenazah akan dilakukan oleh tenaga pekerja Tabung Haji, Kelana Jaya yang akan sampai pukul 10.30 pagi.

(II)

Oleh kerana telefon di rumah Allahyarham Pak Keris itu terlalu sibuk digunakan oleh menantu dan anak-anaknya memberitahu sahabat handai dan saudara mereka tentang berita kematian ini maka saya dengan Tuan Haji Ayob Yamin dan Tuan Haji Saleh Daud balik ke rumah saya untuk menggunakan telefon. Tuan Haji Saleh mula menelefon ke rumah Datuk Haji Sujak Rahiman (bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, kini Allahyarham), ke rumah Encik Baha Zain (kini Datuk), ke rumah A. Samad Ahmad (kini Allahyarham) di Gombak, ke rumah Encik Maaruf Mahmud, ke rumah Datuk Noor Azam, Haji Ayub pula telefon ke Dewan Bahasa dan lain-lain kawan Pak Keris.

Saya pula telah menelefon ke pejabat Encik Baharuddin C.D. (bekas Setiausaha akhbar Datuk Seri Najib Tun Razak) masa itu Menteri Pertahanan Malaysia dan rumah Saudara Jaafar Taib (bekas pegawai DBP).

Di hadapan rumah Allahyarham sudah penuh dengan kereta sahabat-sahabat dan saudara-mara yang datang menziarahi dan memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham Pak Keris.

(III)

Kali terakhir saya, menziarah Allahyarham Keris Mas ialah pada hari Sabtu, 7 Mac 1992 pukul 3.00 petang. Saya terus ke bilik ICU (Unit Rawatan Rapi Hospital Besar Kuala Lumpur), kerana menyangka yang Pak Keris masih berada di bilik itu. Saya menjenguk

ke wad tersebut, dan mendapati katilnya kosong. Hati saya berdebar, dan lantas bertanya pada jururawat di situ, dan mendapat maklumat bahawa pesakit ini telah dipindahkan semula ke wad 29 di tingkat 5 HBKL. Saya bergegas ke tingkat 5, wad 29, dan dapati Datin Nur Hayati (anak perempuan Keris Mas) bersama seorang kawan sudah menunggu di situ. Masa itu Pak Keris sedang tidur, dan saya membiarkan dia tidur, tetapi Datin Hayati meminta saya ambil kerusi dan duduk di samping katil ayahnya.

Lebih kurang 10 minit kemudian Pak Keris terjaga dan dapati saya berada di sisi katilnya. Dia kelihatan letih, sambil membetul-betul saluran oksigen di hidungnya. Saya tidak membenarkan dia bercakap banyak dan meminta dia berehat sahaja. Dia hanya komplen kaki kanannya sakit kerana *gout*, 'macam berisi nanah berdenyut-denyut' katanya. Dia tanya saya apa cerita baru, saya jawab tak ada cerita apa-apa hanya baru puasa dua hari. "Tak dapat puasa tahun ini," keluar perlahan-lahan dari mulutnya. "Tak apa, biar Encik Kamal sembuh dahulu," jawab saya.

Datin Hayati memberitahu saya ayahnya sudah mula mahu makan sup. "Baguslah sudah mula ada selera," kata saya.

Pak Keris memberitahu saya bahawa selepas dari wad ini, dia akan dipindahkan balik ke bilik lamanya, satu bilik satu orang. Baguslah, saya jawab. Kemudian saya minta dia berehat semula, sambil menunggu Datin Hayati yang turun ke bawah membeli kertas tisu.

Bila Datin Hayati sudah berada semula dekat ayahnya, maka saya menjenguk ke katil no. 1 iaitu bertentang dengan katil Pak Keris. Rupanya Jamal Mohammad (Jamal Pendek) berada di katil No. 1 ini kerana beliau diserang sakit jantung beberapa hari yang

lalu. Katil No. 1 ini mula-mula diduduki oleh Pak Keris bila dia mula-mula masuk hospital ini lebih kurang dua minggu yang lalu.

Sebelum balik saya berbual-bual dengan Pak Cik Jamal, yang memberitahu saya adiknya Jamil meninggal dunia tahun lepas kerana diserang sakit jantung.

Pak Cik Jamal ini adalah rakan sekolah saya di sekolah rendah Batu Road, Kuala Lumpur dalam tahun lima puluhan dahulu. Beliau kini berusia 53 tahun. Dia ceritakan bagaimana tanda-tanda dia diserang sakit jantung ini, dan bertindak segera berjumpa dengan seorang doktor pakar di Bangsar yang terus menghantarkannya masuk ke Hospital Besar Wad Sakit Jantung.

Selepas berbual sebentar dengan Pak Cik Jamal, saya beredar semula ke katil Pak Keris untuk bersalam dengannya sebelum saya balik. Itulah salam terakhir saya dengan Allahyarham Pak Keris Mas, lebih kurang pukul 4.00 petang hari Sabtu itu, dengan disaksikan oleh anak perempuannya Datin Nur Hayati.

Pada keesokan hari, pagi Ahad, Kak Ros (isteri Encik Kamal menelefon saya dana memberitahu bahawa keadaan kaki Encik Kamal bengkak, dan para doktor cuba memasukkan air untuk mengimbangi perjalanan darah di bahagian kaki, kata Kak Ros.

Sepanjang hari Ahad itu, saya tidak pergi menziarahinya. Saya difahamkan bahawa pada petang Ahad itu, Datuk Mohd. Noor Azam dan Datin Habibah, jiran kami yang terdekat telah pergi menziarahi Pak Keris Mas di wad tersebut. Barangkali itulah sahabat dan jiran yang terakhir melawatnya pada hari Ahad itu, kerana menurut anaknya, Dr. Amir bahawa ayahnya mula tenat mulai pukul 11.00 malam dan meninggal dunia di

wad ICU pukul 3.00 pagi, setelah segala ikhtiar dibuat dari segi kepakaran perubatan untuk menyelamatkannya. Tetapi Allah s.w.t. jua Yang Maha Berkuasa atas hamba-hamba-Nya. Janji Allah itu tidak dapat dimungkiri bahawa setiap yang bernyawa itu pasti akan menemui ajal. Maka pada pagi yang bening, di mana umat Islam baru memasuki empat hari puasa Ramadan tahun 1412, seorang anak watan yang berjasa, Tokoh Sasterawan Negara yang pertama, dipanggil menyahut panggilan Ilahi.

Sebelum jenazah dibawa keluar dari perkarangan rumahnya, saya telah meminta izin dari anak lelaki Pak Keris, Dr. Amir dan menantunya YB Datuk Raja Ariffin (bekas Timbalan Menteri di JPM), untuk saya memberi sedikit ucapan kepada mereka yang hadir memberi penghormatan terakhir. Antara lain saya sebutkan bahawa "Negara telah kehilangan seorang tokoh besar dalam dunia pemikiran Melayu."

Jenazahnya dibawa ke Masjid Tun Aziz, Seksyen 14 untuk sembahyang jenazah.

(IV)

Lebih kurang tiga minggu sebelum Keris Mas meninggal, saya, Pak Samad Ismail dan Pak Keris telah pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur, tingkat 4, Wad VIP untuk menziarahi Datuk (Tan Sri) Asri Haji Muda yang telah berada di wad itu kerana diserang penyakit angin ahmar. Kami disambut mesra oleh Datuk Asri dan keluarganya. Kebetulan pada petang itu, seorang tukang gunting yang telah berkhidmat sebagai tukang gunting peribadi kepada Datuk Asri selama lebih 20 tahun pun ada untuk menggunting rambut Datuk Asri. Kami semua beredar ke ruang tamu di luar bilik katil Datuk Asri, dan sambil menunggu Datuk Asri bergunting, kami bersembang-sembang di sekitar kesihatan Datuk Asri.

Sesudah bergunting Datuk Asri menceritakan keadaannya yang agak *hectic* kerana kesuntukan masa untuk menyiapkan 'memoirnya' sebelum diserahkan ke pihak UKM (Asri menjadi salah seorang karyawan tamu UKM, selain Pak Samad Ismail dan Encik Abdullah Majid – kini diserang angin ahmar juga dan masih belum sembuh). Kata Datuk Asri, dia sempat menyiapkan 'memoirnya' dan telah pun diserahkan ke UKM. Kami bertiga berada di hospital itu lebih kurang satu jam.

Dalam perjalanan balik ke rumah – saya memandu kereta Pak Samad Ismail – kami berbual macam-macam hal termasuk tentang kesihatan seseorang itu. Dalam bual-bual kosong itu, Pak Keris memberitahu Pak Samad, "Kalau boleh, aku tak mahu masuk hospital," katanya.

Kalau tak silap ingatan saya, kami pergi menziarahi Datuk Asri itu pada petang Sabtu.

Pada hari Ahad malam Isnin, tanpa diketahui oleh jiran-jiran kami, rupa-rupanya Pak Keris Mas telah diserang sakit jantung dan dibawa ke Hospital Besar Kuala Lumpur dan dimasukkan ke wad ICU.

Pada hari Isnin keesokan harinya, saya telah pergi ke Dewan Bahasa dan Pustaka dan terus ke bilik Haji Ayub Yamin. Haji Ayub beritahu saya Encik Kamal masuk hospital kerana *heart-attack*. Masa itu Encik Zakaria Ariffin ada di bilik Haji Ayub, dan saya tak percaya dengan berita ini kerana baru pada hari Sabtu, Pak Keris, Pak Samad, saya telah menziarahi Datuk Asri.

Tidak lama kemudian, Datin Nur Hayati menelefon Haji Ayub memberitahu keadaan bapanya. Ayub beritahu Datin Hayati, bahawa saya tak tahu ayahnya masuk hospital. Menurut Hayati semua jiran-jiran belum tahu lagi.

Pada petang Isnin itu, saya menziarahi Encik Kamal yang sudahpun keluar dari bilik ICU dan dimasukkan ke Wad 29, Katil No. 1. Bersama-sama dekat katil Encik Kamal ialah Kak Ros, Datin Hayati dan bapa mertua Hayati (ayah kepada Dato Raja Ariffin, yang datang dari Kedah).

Dari mula tarikh inilah, Encik Kamal berada di Hospital Besar Kuala Lumpur selama hampir tiga minggu, berulang alik dari wad ICU ke wad biasa hinggalah beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada malam Isnin, 9 Mac 1992 di Wad ICU.

Pak Samad Ismail menziarahi Keris Mas sebanyak dua kali. Kali pertama kami pergi dengan Tuan Haji Khairuddin (kini Datuk), jiran Encik Kamal dan sekali pergi dengan saya. Kali terakhir Pak Samad melawat Keris di hospital ialah pada petang Khamis, 5 Mac 1992, dan pada 6 Mac 1992 umat Islam mula puasa.

Saya telah menziarahi Pak Keris pada hampir tiap-tiap hari pada minggu terakhir sebelum beliau meninggal dunia.

SECEBIS KENANGAN

Setelah Pak Keris bersara dari Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Ketua Bahagian Pengembangan Sastera, saya selalu mengunjungi rumahnya hampir tiap-tiap bulan dan kadang-kadang sedang seminggu.

Dalam satu sesi pertemuan dengan beliau di rumahnya beliau pernah membayangkan kepada saya hasratnya untuk menulis sebuah novel yang bertemakan perpaduan kaum, dan bertolak dari peristiwa Rusuhan Kaum 13 Mei. Dia telah meminta saya mencari dan meminjamkan bahan dan buku-buku yang ada menyentuh isu perpaduan kaum. Saya telah meminjamkan lebih kurang 15 buah buku dari koleksi perpustakaan saya untuk beliau baca dalam usaha pengumpulan bahan bagi karya barunya itu. Beliau juga pernah ke Arkib Negara untuk melihat fail-fail lama yang mempunyai bahan-bahan untuk novelnya itu. Beliau pernah memberitahu saya bahawa bahan-bahan sudah ada di kepalanya dan hanya menunggu masanya sahaja untuk menuliskannya. Disebabkan kehambatan pelbagai tugas dan komitmen beliau sebagai Anggota Panel Anugerah Sastera dan lain-lain sayembara sastera di mana beliau terlibat, maka keadaan-keadaan inilah yang menghalangnya untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada penulisan novel baru ini.

Menurut Hajah Roswita, semasa mengemaskan bilik bacaan Allahyarham, dia terjumpa fail tentang rancangan Allahyarham untuk menulis novel itu. Novel itu akan diberi judul "Roh-roh 13 Mei".

Allahyarham Pak Keris juga mempunyai projek bersama dengan saya iaitu untuk menyemak semula semua esei-esei beliau yang ada dalam koleksi saya. Esei-esei dan wawancara-wawancara beliau yang dapat saya kumpulkan masih tersimpan dalam fail dokumentasi saya.

Saya pernah memberitahu beliau bahawa saya telah mendapat semua karya novel-novelnya yang lama seperti *Pahlawan Rimba Malaya, Korban Kesuciannya. Pahlawan*

Rimba Malaya telah saya serahkan kepada Unit Remaja DBP meminta diterbitkan, manakala novel *Korban Kesucian* telah saya hantar kepada Marwilis Publishers. Akhirnya DBP terbitkan dalam satu jilid "*Dua Novel Keris Mas*".

Pak Keris amat senang dengan usaha saya mengumpulkan karya-karya lamanya untuk dapat diterbitkan semula dalam edisi baru.

Dalam usaha saya mengumpulkan esei-eseinya maka saya pernah memberitahu beliau bahawa saya telah terjumpa satu eseinya berjudul "Alam Kesusasteraan Melayu Menunggu Buah Tangan Kaum Terpelajar" yang pernah tersiar dalam majalah *Cenderamata MPSI*, tahun 1957. Saya telah memberikan beliau satu salinan fotostat esei tersebut dan beliau gembira membaca esei-esei lamanya.

Sementara itu beliau juga meminta saya menyimpan satu salinan setiap esei yang ditulisnya. Demikian juga beliau menghadiahkan kepada saya setiap karyanya yang baru dengan "*autograph*"nya pada setiap buku yang dihadiahkan itu.

Saya juga mempunyai dua buah "*Scrap Book*" di mana saya menyimpan guntingan akhbar tentang tokoh ini iaitu kebanyakan bahan-bahan ini selepas beliau dianugerahkan gelaran Sasterawan Negara tahun 1981 sebagai tokoh yang pertama menerima anugerah tersebut, dan guntingan akhbar selepas meninggal. Dalam buku dokumentasi saya ini ada sekeping surat beliau iaitu surat Selamat Berpisah dan seluruh kakitangan DBP pada 23 Mei 1977.

Izinkan saya membaca surat tersebut:

Untuk makluman saudara sekalian DPMP (KL) akan mengadakan satu majlis "Pelancaran Siri Syarahan Perdana Keris Mas" sebagai usaha kami mengenang tokoh ini. Di majlis ini sebuah buku berjudul *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* akan dilancarkan.

Akhirnya izinkan saya membaca dua buah sajak karya Allahyarham Keris Mas berjudul:

(i) Sepuluh Tahun Dakwat Mengalir

(ii) Pelita Yang Tak Padam-padam

TERIMA KASIH

PELITA YANG TAK PADAM-PADAM

Walau ribut taufan menderu
halilintar membelah menggegar bumi
walau gelap lembap membeku
di muka jalan medan bakti

Namun pelita menyala juga
di dalam dupa hati nubari
bercahayanya hidup bagai geliga
tak pada sampai abadi

Kini engkau rebah ke bumi
besok aku diikat paksa
berganti-ganti kita pergi
sampai akhir keturunan bangsa

Namun pelita tetap bernyala
berapi-api merah membara
menjadi suluh hasrat bangsa
tak padam sepanjang masa

Wahai jasad hidup merana
walau dihimpit ditindas ganas
pelita cinta kan hidup jua
menyinar jiwa hasrat bebas

KERIS MAS

Mastika, Januari 1949.

SEPULUH TAHUN DAKWAT MENGALIR

Seribu telaga tak sama
Setitik embun di padang pasir
Ribuan kata tak pada
Setitik dakwat yang mengalir

Sejenak hanya masa itu
Yang kita sebut sepuluh tahun
Yang keras masih membatu
Yang sejuk masih berembun

Apalah harga setitik air
Di tengah lautan segara luas
Tapi di atas timbunan pasir
Tak ternilai intan seulas

Arus perjuangan sepanjang-panjang
Kejayaan tak terukur masa
Sekelip mata perubahan datang
Atau berabad digulung derita

Satu sahaja hakikat yang adil
Perubahan pasti datang
Tertindas selamanya mustahil
Selagi berjuang mesti menang

KERIS MAS

ADNAN YAAKOB TOKOH PERTAMA BENTONG JADI MB PAHANG

oleh *Bung Karim*

Perlantikan Dato' Adnan Yaakob, ADUN Kawasan Pelangi, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan, wajar menggantikan Tan Sri Khalil Yaakob sebagai Menteri Besar Pahang yang baru.

Beliau merupakan salah seorang EXCO kanan yang mengetuai portfolio pendidikan dan agama.

Adnan Yaakob, 49 tahun merupakan tokoh yang pertama dari daerah Bentong dilantik menjadi Menteri Besar Pahang. Kalau disingkap sejarah perlantikan jawatan Menteri Besar Pahang selepas merdeka, Adnan adalah calon yang pertama dari kawasan Bentong yang terletak dalam Zon Pahang Selatan.

Menteri Besar pertama selepas merdeka ialah Dato' Amar Mahmud datang dari daerah pantai timur, Menteri Besar kedua ialah Dato' Wan Aziz bin Wan Hasan dari daerah Pahang timur (Chenor). Menteri Besar ketiga Tan Sri Yahya Muhamad Seh dari daerah Pahang Selatan (Temerloh), Menteri Besar keempat Dato' Haji Aziz Ahmad dari daerah Kuantan, Menteri Besar kelima, Dato'Muhamad Jusoh dari daerah Pekan, manakala Dato' Najib, Dato' Rahim Bakar, Dato' Rashid Abdul Rahman, dan Tan Sri Khalil Yaakon pun dari daerah Pahang Timur sama ada dari Pekan atau Kuantan.

Daerah-daerah yang belum merasa menjadi Menteri Besar Pahang ialah kawasan Kuala Lipis, Raub dan Jerantut yang termasuk dalam Pahang Barat.

Pada masa dahulu, kawasan-kawasan di negeri Pahang ini dibahagikan mengikut zon, iaitu Zon Pahang Selatan, Zon Pahang Barat dan Zon Pahang Timur.

Pada tahun 1959, dalam mesyuarat Perikatan yang diadakan di Bentong, Tan Sri Yahya Muhamad Seh sepatutnya dilantik Menteri Besar bukannya Dato' Wan Aziz. Dalam pemilihan tokoh yang patut menjadi Menteri Besar, Tan Sri Yahya mendapat 19 undi manakala Dato' Wan Aziz mendapat 6 undi sahaja. Namun demikian tidak timbul sebarang krisis perlantikan Menteri Besar Pahang masa itu. Semuanya selesai di meja rundingan.

Bila Dato' Najib menjadi Adun di Pahang, beliau dilantik Menteri Besar Pahang. Dato' Rashid Abdul Rahman yang memangku jawatan Menteri Besar memberi laluan kepada Dato' Najib, Dato' Rashid menjadi Timbalan Menteri Besar, tiada krisis berlaku waktu itu.

Adnan Yaakob sebelum bergiat aktif dalam politik di Pahang pernah menjadi seorang guru di Sekolah Menengah Pahang setelah lulus Universiti Malaya, beliau bercita-cita mengambil jurusan undang-undang. Akhirnya terpilih menjadi calon Barisan Nasional di kawasan Pelangi.

Tanpa menidakkan kebolehan tokoh-tokoh lain seperti Dato' Hasan Arifin (Timbalan Menteri Besar) Dato' Tan Aminuddin, Dato' Bahari Tan Sri Yahya, Dato'Omar Osman, Dato' Shahirudin Moin, Dato' Wan Muhamad Razali, Dato' Abdullah Kia (Speaker Pahang) tetapi kebanyakan tokoh-tokoh ini semuanya datang dari kawasan yang pernah wakilnya menjawat jawatan Menteri Besar Pahang.

Semuanya berpengalaman dan berwibawa. Tetapi Adnan merupakan tokoh pertama dari daerah Bentong yang menjadi Menteri Besar Pahang.

Pada zaman dahulu, tokoh-tokoh UMNO Pahang bermesyuarat di celah-celah guni beras di kedai Tan Sri Yahya Muhamad Seh di Temerloh. Tidak seperti sekarang mesyuarat bulanan Umno di hotel – hotel bertaraf lima bintang.

Tetapi walaupun mesyuarat di celah-celah guni beras, perpaduan pemimpin Umno Pahang ketika itu erat dan kental. Mereka memanggil nama masing-masing dengan panggilan persaudaraan seperti Pak Wan Yahya, Pak Ngah Aziz, Pak Ndak Zainudin, Pak Teh Anuar, Mak Lang Nilam dan sebagainya. Mereka berjuang dengan penuh ikhlas dan jujur tanpa mengira pangkat dan darjat. Ciri-ciri ini sudah hilang dalam matlamat kita memperjuangkan untuk menegak agenda Melayu.

Dato' Khairuddin Kawi, bekas Speaker Pahang, pada hemat saya satu-satunya tokoh veteran Umno Pahang yang masih hidup dapat membenarkan pernyataan di atas.

Utusan Zaman, 6 Jun 1999

Catatan:

A.Karim Haji Abdullah (Bung Karim), bekas Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Negeri Pahang (1974-1979).

KESAN DAN KENANGAN*

oleh *A. Karim Abdullah*

AWAL pertama ingin saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayah-Nya dengan rahmat dan rahim-Nya telah merangsang dan mendorong minat saya untuk mengumpul buku-buku mengenai riwayat hidup dan sirah Rasulullah semenjak saya menunaikan haji pada tahun 1993. Timbul cetusan pemikiran ini ialah setelah saya sembahyang di kawasan Raudah di makam Rasulullah. Saya dapati setiap kali para jemaah selesai sembahyang waktu di kawasan Raudah itu mereka akan berpusu-pusu menziarahi makam Rasulullah. Ada yang berdoa, ada yang berzikir, ada yang berselawat di makam yang dikawal rapi oleh pegawai-pegawai Masjid Nabawi itu.

Saya bertanya kepada diri saya, adakah para jemaah itu cukup syaratnya dengan berdoa dan berselawat serta berzikir sahaja di makam tokoh yang agung itu? Sudahkah mereka membaca riwayat hidup tokoh yang mulia itu? Maka saya pun membeli buku-buku riwayat hidup itu dalam bahasa-bahasa yang saya ketahui. Semenjak itu saya telah berjaya mengumpul sebanyak tiga ratus naskhah buku tersebut.

Setakat ini kita tidak tahu berapa banyaknya buku mengenai riwayat hidup Nabi dalam bahasa-bahasa lain seperti Arab, Belanda, Perancis, Jerman, Cina, Tamil dan sebagainya. Barangkali ada ratusan ribu kerana mereka juga yang beragama Islam ingin membaca riwayat dan sirah Rasulullah. Oleh kerana pengetahuan kita terbatas kepada

* Esei ini pertama kali termuat dalam buku cenderamata *Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W* yang diterbitkannya sendiri sempena pembukaan rasmi Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah dan konvensyen pertama kolej itu pada 8 Julai 2000.

bahasa-bahasa Melayu dan Inggeris, maka yang saya mampu membeli adalah buku-buku tersebut dalam bahasa-bahasa itu sahaja. Itu pun bukan semuanya yang saya perolehi. Kelak dengan perkembangan ilmu ada buku-buku baru mengenai Nabi Muhammad s.a.w. yang terlepas dari pengetahuan saya. Sekalipun setiap bulan saya melawat ke kedai-kedai buku untuk mencari buku yang baru diterbitkan.

Semenjak saya berjaya mengumpulkan buku-buku tersebut banyak ruang rumah saya yang sederhana digunakan untuk menyimpannya. Pada tahun 1994 apabila kita merayakan hari keputeraan Nabi Besar kita, saya membuat satu pendekatan baru mengenai perayaan tersebut iaitu dengan mengadakan pameran buku riwayat hidup Junjungan kita di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14 Petaling Jaya. Kebetulan pula saya pernah menjadi setiausaha masjid, yang juga dikenali sebagai Masjid Bulat kerana bentuknya, selama enam tahun. Nazir masjid itu pula ialah Tuan Haji Abdul Wahab bin Majid, seorang putera Raub, Negeri Pahang Darul Makmur. Tuan Haji Abdul Wahab pernah menjadi Setiausaha Akhbar kepada Tun Dr. Ismail dan Tun Hussein Onn.

Sepanjang perayaan itu, sambil mempamer, saya juga menyediakan borang tempahan bagi mereka yang berminat untuk memiliki sendiri buku riwayat hidup tersebut.

Pada tahun 1998, atas dorongan Tuan Haji Ahmad Bakir bin Mohamed, Pengarah Bahagian Dasar, Kementerian Tanah dan Koperasi, saya mengadakan pameran kali kedua bersempena dengan sambutan perayaan Maulidur Rasul di Kementerian itu. Sungguhpun pameran itu kecil tapi kesannya amat bermakna. Sebagai penghargaan, saya dihadiahkan sekeping bingkai khat *Ayatul Kursi* yang saya gantungkan di ruang tamu rumah. Pada

bingkai Ayatul Kursi itu terakam kata-kata *Cenderahati Sempena Sambutan Maulidurrasul KTPK 1998/1418H.*

Saya pernah memberitahu sahabat saya, Tuan Haji Yaakub Isa, Presiden Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) supaya mengadakan satu peluang untuk mempamerkan buku-buku koleksi saya di Kuantan. Beliau menjawab, "Tunggulah kesempatan bagi majlis yang bersejarah."

Kebetulan pada hari ini, Kolej Islam Pahang mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Kolej tersebut serta Konvokesyen Kolej oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah, Raja Budiman, kebanggaan rakyat Pahang.

Akhirnya, saya menerima surat rasmi dari seorang sahabat saya Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak bin Abu yang menjadi Presiden Kolej ini mempelawa saya mengadakan pameran buku riwayat hidup Rasulullah, koleksi saya bersempena dengan peristiwa ini.

Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak Abu adalah teman sesekolah Abu Bakar School, Temerloh Pahang. Beliau pernah menjadi Pengarah Pendidikan Negeri Pahang. Saya telah memberitahu Tuan Haji Yaakub Isa supaya pameran ini bersifat profesional dengan diadakan sebuah buku cenderamata berupa sebuah bibliografi buku-buku yang dipamerkan. Saya pun mendapat kerjasama seorang adik saya Puan Nur Aziah binti Haji Abdullah, Ketua Pustakawan UiTM Shah Alam dengan bantuan suaminya Encik Muzaffar bin Yusof yang sesama bertugas di Perpustakaan itu. Inilah pertama kali dalam pameran, buku-buku koleksi saya dibibliografikan. Saya mengucapkan terima kasih atas khidmat cemerlang mereka membantu saya dalam mengemaskinikan pameran ini.

Saya juga telah mengambil keputusan setelah berbincang dengan isteri saya Hajah Aishah dan anak-anak saya, Aznul Shahrim dan Azlina supaya memindah dan menjual koleksi saya ini kepada Kolej Islam Pahang iaitu Kolej Tuanku Haji Ahmad Shah.

Saya harap pihak pengurusan Kolej Islam akan memberi pertimbangan untuk hasrat saya itu menjadikan milik dan koleksi Kolej Islam Pahang. Saya amat berpuas hati jika koleksi peribadi saya ini dapat digunakan.

Saya sudah lama berhajat untuk memberi sumbangan yang bererti kepada tanah tumpah darah saya negeri Pahang Darul Makmur. Inilah kesempatan yang saya akan gunakan memberi sumbangan bakti pada Kolej Islam Pahang ini. Semoga riwayat hidup Junjungan s.a.w. ini dapat dimanfaatkan seluas mungkin sekurang-kurangnya di institusi ini.

Baginda Rasulullah s.a.w. sekalipun seorang peniaga yang amanah, pejuang yang berjaya, pentadbir yang adil, pesuruh Allah yang berakhlak mulia malah Tuhan sendiri telah menetapkan dalam firmannya di Surah *al-Azhab: ayat 21: Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah, datangnya Hari Kiamat dan dia banyak mengingati Allah*, namun Baginda telah meninggalkan pesanan dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dari Anas bin Malik yang memberitakan bahawa apabila Baginda didatangi oleh seorang yang memuji-muji segera Baginda bersabda: *Wahai manusia! Hendaklah kamu jaga kata-kata kamu, jangan sampai kami diperdayakan oleh syaitan. Aku adalah Muhammad bin Abdullah, hamba Allah dan utusan-Nya. Demi Allah, aku tidak suka*

kamu mengangkat kedudukan akū lebih dari yang telah Allah 'Azza wa Jallah mengangkat aku!

Benar, Baginda tidak memperkatakan sesuatu dengan nafsu tetapi mengikut wahyu Allah yang mengetahui yang dahulu dan yang akan datang. Sebelum Baginda, seperti di dalam al-Quran tersebut nama-nama seperti Firaun dan Namrud yang meminta dirinya didewa-dewakan orang. Sesudahnya, di dalam zaman kita pula terdapat nama seperti Hitler dari Nazi Jerman, Mussolini dari Fasis Itali, Hirohito dari Imperialis Jepun yang akhirnya memansuh ketuhanannya di samping sesetengah tokoh Komunis Rusia. Apakah berlaku kepada mereka ini yang didewa-dewakan manusia atau dalam istilah Inggerisnya *Personality Cult?* Berjuta-juta manusia terkorban sebelum kemusnahan mereka sendiri.

Harap gejala ini tidak merebak di Malaysia, negara kita, sekalipun bunga-bunga taksub dan taklid buta telah memutikkan perpecahan dan perbalahan sesama kita. Tetapi jika benar-benar kita memahami dan menghayati perjuangan Rasulullah s.a.w, gejala buruk ini tidak akan meluas bukan sahaja di negara kita bahkan di dunia yang serba moden dan canggih ini.

Namun demikian, Rasulullah pernah mengingatkan dalam satu hadis: *Manusia ini kalau diberikan sebuah gunung emas, dia akan menagih gunung emas yang kedua kerana dalam diri manusia itu ada sifat nafsu tamak haloba.*

Kita tidak sanggup melihat umat Melayu bersengketa sesama sendiri kerana **kekuatan kita akan terus reput dari dalam**.

Pada tahun 1957 semasa saya masih di dalam tingkatan lima di A.B.S. (?) Temerloh, saya ikut serta dalam penubuhan badan penulis DPMP di Sekolah Kebangsaan Bandar Temerloh. Sahabat saya yang terus aktif mempertahankan DPMP hingga ke hari ini ialah Tuan Syed Ahmad bin Abdullah yang terkenal dengan panggilan *Abah* yang menetap di Temerloh.

Baru-baru ini dalam rombongan GAPENA dan S.M.A (?) terdapat penulis-penulis dari Pahang Darul Makmur antaranya Tuan-Tuan Haji Yaakub Isa, Syed Ahmad Abdullah, Haji Abdul Rahman Yusuf, Saudara Hashim Ismail, Sheikh Badar, Sheikh Embong, Saudara Ramli Haji Konit berserta isteri masing-masing ikut serta di Pertemuan Dunia Melayu di Tanah Suci dari 29 Mei – 6 Jun 2000. Mereka merupakan duta-duta budaya dari negeri Pahang Darul Makmur.

Pada penghujung tahun 1957, saya dihantar oleh DPMP ke Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama di Melaka bersama-sama Tuan Syed Ahmad Abdullah dan Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Tajuddin Wan Hassan. Di Kongres yang bersejarah inilah saya didedah dan mula berkenalan dengan tokoh-tokoh nasionalis Melayu seperti Allahyahrahm-Allahyarham Dr. Burhanuddin, Cikgu Mohammad Nor Ahmad, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Prof. Zulkifli Mohammad; Sasterawan-sasterawan Negara seperti Keris Mas, dan Usman Awang; tokoh-tokoh budaya seperti Allahyarham-Allahyarham Datuk Hassan Adli, Harun Aminurrashid, Aminuddin Baki, Asmad, Ahmad Boestamam dan lain-lain.

Dari pertemuan ini, salah satu yang masih menjadi kenangan ialah catatan Usman Awang (kini Datuk Doktor) di dalam autograf saya yang berbunyi: *Kalau dalam politik kita berpisah, dalam kebudayaan kita bersatu.*

Di samping itu, dalam sesi penutupan Kongres yang amat bersejarah, Tuan Syed Ahmad berucap mewakili DPMP. Antara rangkapan pantun yang mengakhiri ucapan beliau yang masih saya ingat ialah:

Gunung Tahan sayup pandangan
Hutannya telah bertambah gelap
Kita manusia bersifat kekurangan
Selalu berlaku salah dan silap.

Pantun ini disembut dengan tepukan gemuruh dari para perwakilan.

Saya kerap disalah sangka berkerabat Indonesia kerana selalu dipanggil mesra *Bung Karim*. Di Indonesia, ramai bergelarkan tersebut seperti Bung Karno, Bung Hatta, Bung Shahril dan lain-lain. Tetapi sebenarnya gelaran *Bung Karim* itu diberi oleh Pergerakan Pemuda UMNO Pahang, di mana saya pernah menjadi Setiausahanya selama enam tahun di bawah pimpinan Yang Berbahagia Datuk Abdul Rashid bin Abdul Rahman yang pernah menjadi Menteri Besar (MB) Pahang (kini Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur).

Sewaktu beliau menjadi MB saya tidak pernah meminta apa-apa pertolongan dari beliau. Dengan kata lain saya tidak pernah mengambil kesempatan atau peluang. Namun demikian perhubungan kami tetap intim sehingga ke hari ini.

Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Adnan Yaakub masih lagi menuntut di Unviersiti Malaya, saya sudah bergiat cergas dalam politik Pahang sebagai Setiausaha Pemuda UMNO. Apabila nama beliau diumumkan sebagai Menteri Besar Pahang, sayalah orang pertama menulis satu rencana dalam *Utusan Zaman* bertajuk *Dato Adnan Yaakub, Tokoh Dari Bentong Pertama Menjadi MB Pahang.*
Sekalipun tiada mendapat apa-apa reaksi daripada beliau, saya terus mengutus surat untuk mengatur kunjungan hormat bagi sepuluh orang anak Pahang jati untuk bertukar pandangan dengan beliau. Beliau telah menyerahkan surat saya itu kepada Dato' Zainal Hassan yang diarah mengaturkan jadual pertemuan. Malangnya, Dato' Zainal tewas kepada Yang Berhormat Tuan Ibrahim Tuan Man, Ahli Dewan Undangan Negeri Jengka. Jadi, harapan kami tinggal menjadi huruf-huruf mati dalam salah satu fail di Pahang MB Pahang.

Namun demikian, kita mengucapkan tahniah kepada beliau kerana memenangi tempat di Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO dalam perhimpunan Agung yang lalu.

Tanpa membanggakan diri, saya sebenarnya datang dari keluarga politik khasnya di Pahang. Seorang bapa saudara saya, Allahyarham Tan Sri Yahya bin Mohd. Seh pernah menjawat jabatan MB Pahang.

Malah dalam Dewan Undangan Negeri Pahang sekarang, saya mempunyai dua keluarga yang aktif dalam politik – seorang dari Barisan Nasional selaku ADUN Bera iaitu YB Tuan Haji Hayani Abdul Rahman, dan seorang lagi dari PAS, ADUN Penor (?), Tuan Haji Aziz Long. Sebagai memelihara semangat kekeluargaan saya berbaik-baik dengan kedua-dua orang tanpa membataskan diri kepada ideologi kepartian. Inilah

pendirian politik yang menjadi amalan hidup saya. Saya berbaik dengan semua rakan dari parti-parti politik lain seperti PRM, Keadilan, PAS misalnya Dr. Syed Husin Ali dari PRM dan Tuan Haji Subky Latiff dari PAS sejajar dengan ajaran Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu an-Najjar: *Hubungilah orang yang telah memutuskan hubungannya dengan engkau, berbuat baiklah kepada orang yang berbuat jahat kepada engkau dan berkatalah yang benar sekalipun menyentuh diri engkau sendiri.*

Pada tahun 1998 saya telah menyusun sebuah buku polemik berjudul *Melayu Hilang Keberanian* yang antara isinya ialah pandangan dan pemikiran pelbagai tokoh tanah air termasuk yang dari parti pembangkang seperti Dr. Syed Husin Ali, Dr. Sanusi Osman, Encik Rustam A.Sani dan dari tokoh-tokoh Pas seperti Haji Subky Abdul Latif, Abdul Shukur Harun dan tokoh-tokoh intelektual seperti Dr. Hussain Mohamed, Datuk M. Noor Azam, Datuk Abu Bakar Hamid, Dr. Mohd. Safar Hashim, Datuk Jaafar Rahim, Dr. Kassim Ahmad dan Datuk Dr. Mahadzir Mohd. Khir (kini Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia). Esei-esei mereka ini saya himpunkan dalam buku tersebut untuk dibaca masyarakat kita supaya benar-benar memahami isu yang amat penting ini.

Tan Sri A.Samad Ismail yang menulis kata pengantarnya antara lain berkata: *Buku yang diselenggarakan oleh Haji Karim ini berguna sekali kerana ia memaparkan fikiran dan pendapat dari pelbagai individu, masing-masing dengan pendekatannya yang tersendiri.*

Negeri Pahang salah sebuah negeri yang banyak mempunyai tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang dan lapangan. Ini jelas terbukti apabila Lembaga Muzium Negeri Pahang mengadakan Kolokium Tokoh Pahang 1999 yang lalu di Kampus IKIP, Kuantan.

Saya turut terlibat dalam pembentangan kertas kerjabertajuk *Sasterawan Negara Keris Mas – Sasterawan Nasionalis*. Haji Naharuddin Haji Ali pula menulis *Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Talib – Pelopor Pendidikan Negara*. Dan Encik Shaharom TM Sulaiman memperkatakan *Ibrahim Yaakub – Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu*.

Dalam Kolokium Tokoh Pahang yang julung-julung kali diadakan seramai 100 nama tokoh ditimbulkan. Ternyata Pahang memang kaya dengan rentetan sejarah yang perlu diketahui oleh anak watan untuk keperluan generasi akan datang.

Dua orang putera Pahang yang lulus *Cambridge School Certificate* dalam tahun 1929 ialah Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Abdullah bin Haji Mohd. Ali. Kedua-dua mereka dari daerah Temerloh, tapi bersekolah di Clifford School, Kuala Lipis.

Allahyarham Haji Abdullah bin Haji Mohd Ali, ayah penulis merupakan salah seorang tenaga di Pejabat Karang Mengarang Melayu Tanjung Malim di bawah kepimpinan Pendeta Za'ba. Allahyarham bersara sebagai Editor Melayu di Jabatan Parlimen Malaysia dan meninggal dunia pada tahun 1973. Beliau pernah berkhidmat di Pahang sebagai salah seorang anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pahang. Ada dua orang lagi putera Pahang yang telah berkhidmat di Jabatan Karang Mengarang iaitu Allahyarham Sulaiman bin Hamzah, penulis buku *Tiga Beradik di England* dan Allahyarham Abdul Rahman bin Yusof, pengarang buku *Di Kolam Dia Berkumpul*.

Dua orang tokoh nasionalis dari putera Pahang yang tercatat peranan mereka dalam liputan sejarah kita ialah Allahyarham Pak Sako yang disemadikan di Kampung Tengah, Temerloh Pahang. Ibrahim Yaakub (IBHY) pula meninggal dalam tahun 1973 dan jenazahnya disemadikan di Makam Pahlawan Kalibata, Jakarta Indonesia.

Adakah generasi sekarang kenal dan tahu perjuangan mereka? Oleh kerana kita begitu taksub dengan perkembangan budaya IT, kita lupa akan sumbangan mereka dalam arus perjuangan kemerdekaan tanah air. Bila ditanya kepada anak sekolah sekarang, kita percaya ada yang menjawab bahawa Ibrahim Yaakub adalah seorang mamak yang menjual teh tarik di bandar Temerloh. Siapa Pak Sako? Mungkin ada yang menjawab beliau adalah satu batu pepejal yang terdampar di Telok Chempedak! Kita bimbang generasi akan datang akan buta sejarah negeri mereka sendiri. Sudahkah kita membaca hasil karya mereka seperti *Melihat Tanah Air* (IBHY), *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* (Pak Sako)?

Oleh kerana Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sudah berusia hampir setengah abad, saya berhasrat untuk melihat sebuah antologi cerpen dari penulis-penulis Pahang dapat diterbitkan. Untuk tujuan itu saya telah menyelenggarakannya dengan tajuk *Pemimpin Kecil Dari Kuala Semantan*, mengambil nama sebuah cerpen Keris Mas, tokoh Sasterawan Negara yang pertama.

Ada teman-teman yang ingin tahu dari universiti atau pusat pengajian tinggi dalam atau luar negeri mana saya lulus. Saya menjawab saya tidak pernah belajar di mana-mana kampus atau mengikuti mana-mana pengajian tinggi. Yang mendewasa dan mematangkan pemikiran saya ialah hasil dari pembacaan buku-buku dalam perpustakaan

koleksi saya yang kini terhimpun lebih 3,000 buah yang saya beli dari dulu hingga sekarang.

Selain dari itu saya bergaul dengan amat intim tokoh-tokoh seperti Tan Sri A. Samad Ismail, Pak Sako, SN Keris Mas, SN Usman Awang, Dato' Baha Zain, Dr. Hussain Mohamed, teman-teman dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor-perofesor dari perguruan tinggi. Saya jarang terlepas peluang dari menghadiri majlis-majlis forum, seminar, diskusi dan perbincangan.

Dalam Biodata Ringkas saya menyatakan pekerjaan saya sekarang ialah aktivis sosial, budaya, sastera dan politik Melayu. Sebenarnya saya masih ada banyak lagi manuskrip-manuskrip buku yang belum siap terlaksana. Ada berapa ramai lagi tokoh Pahang yang belum dibukukan dan ditulis untuk generasi akan datang supaya mengenali sejarah anak watan bangsa. Tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang seperti Romai Noor, Sulaiman Hamzah, Ahmad Kotot dan lain-lain lagi perlu diperkenalkan.

Dalam zaman yang canggih dengan kemajuan teknologi ini, anggota-anggota masyarakat belum boleh dapat mencipta istilah dan peribahasa moden. Orang tua-tua zaman dahulu belajar dan mengambil iktibar dari alam sekelilingnya seperti lahirnya perumpamaan *ular menyusur akar tak akan hilang bisanya: sepandai-pandai tupai melompat tak banyak sekali jatuh juga ke tanah: kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.*

Generasi baru dan orang muda mesti banyak mempelajari falsafah dan intipati ciptaan orang tua yang terdapat dalam peribahasa, pantun, gurindam dan sebagainya untuk menjadi panduan hidup mereka.

Kepada bakal-bakal ahli politik dan pemimpin muda, kita harus belajar dan ambil iktibar dari falsafah ini. Kalau kita ingin mendaki bangunan yang tinggi dengan menggunakan tangga, maka hendaklah berhati-hati memerhatikan satu per satu mata tangga yang didaki itu kerana apabila kita turun dari bangunan itu, akan ditempuh dan diikuti mata tangga itu semula.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana menganugerahkan kepada rakyat Pahang seorang Raja yang sentiasa di hati rakyat – Raja Budiman Duli Yang Maha Mulia Tuanku Haji Ahmad Shah.

Semasa Baginda menjadi Yang Dipertuan Agong, baginda telah menambat hati rakyat di kampung-kampung di sekitar bandar raya dengan menziarahi hampir tiap-tiap masjid pada setiap hari Jumaat untuk bersembahyang Jumaat seperti di masjid-masjid Kampung Kayu Ara, Kampung Segambut Dalam, Kampung Pantai Dalam, Kampung Pandan dan Kampung Pasir. Di semua masjid yang diziarahi baginda telah meninggalkan kesan kepimpinan yang mendalam kepada para jemaah kerana baginda Tuanku begitu intim dengan penduduk. Baginda boleh dianggap sebagai Duta Nombor Satu kerana peranan baginda menambat hati rakyat.

Baginda Tuanku bukan sahaja intim dengan rakyat biasa bahkan dengan para budayawan dan sasterawan. Baginda turut merasmikan Hari Sastera DPMP-GAPENA 1987 yang bertemakan *Bahasa Melayu, Islam dan Budaya Serantau* dan baginda meraikan para peserta di Dewan Makan Diraja di Istana Abu Bakar, Pekan. Antara lain baginda bertitah:

> Kesultanan Melayu Negeri Pahang Darul Makmur adalah simbol perpaduan dan kesejahteraan rakyat dari sejak zaman apabila pemerintahan raja mula bertapak di negeri ini. Sistem pemerintahan yang adil dan bijaksana telah membawa negeri Pahang Darul Makmur dan rakyatnya ke ambang kejayaan yang amat dibanggakan.

Rakyat negeri Pahang sungguh bertuah mempunyai seorang Raja yang sentiasa dikasihi rakyat.

Sebagai seorang anak watan negeri Pahang, saya berdoa agar Allah senantiasa memelihara baginda, sihat walafiat dan dirahmati serta diberkati Allah.

Saya akhiri tulisan saya ini dengan mengulangi intisari falsafah ahli pemikir dahulu yang sungguh indah bunyi: *Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.*

Salah dan silap, pohon dimaafkan. Kerana al-maklumlah kita manusia ini tidak pernah sunyi dari kesilapan dan kelemahan. Yang baik itu datang dari Allah; yang lemah itu dari manusia.

Salam hormat.

BAB EMPAT

SENARAI BUKU-BUKU SUSUNAN, SELENGGARAAN DAN PENGUMPULAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

- *Senarai dan Isi Kandungan Buku-buku Susunan, Selanggaraan dan Pengumpulan A. Karim Haji Abdullah oleh* Talib Samat.

SENARAI DAN ISI KANDUNGAN BUKU-BUKU SUSUNAN, SELENGGARAAN DAN PENGUMPULAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

oleh *Talib Samat*

A. Karim Haji Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Bung Karim telah melakukan usaha-usaha perbukuan dan penyelenggaraan buku yang luar biasa sepanjang hayatnya malah Lotfi Ismail menyebutkan apa yang dilakukan oleh anak kelahiran Pahang ini merupakan penyelenggaraan buku yang terulung pada abad ke-20 dan awal abad ke-21. Sekiranya kajian dan penelitian mendalam dibuat terhadap apa yang diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah sepanjang hayatnya melebihi tugas sebuah unit atau jabatan sastera sesebuah institusi kerajaan. Ini disebabkan apa yang dikerjakan A. Karim Haji Abdullah bukan sekadar merakam ucapan tokoh, menyalin dan menulis semula tetapi juga terlibat secara langsung dalam proses penaipan, penyuntingan, pembacaan dan penyemakan pruf, penulisan kulit buku (*blurb*) malahan semua proses penerbitan dan percetakan buku. Hal ini menjadikan, beliau bukan sahaja seorang pengkaji, penyelidik yang mengkaji dan menilai sesuatu tulisan sasterawan, budayawan, tokoh politik tetapi juga bertindak sebagai editor dan penerbit terhadap kebanyakan buku yang diselenggarakannya khususnya penerbitnya sendiri iaitu Pustaka Budaya Agency mahupun nama-nama lain yang menggunakan alamat rumahnya di Petaling Jaya, di samping menghantarnya ke penerbit ternama seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Pustaka Aman Press, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., Penerbit Fajar Bakti, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya untuk memastikan buku-buku itu lebih tersebar ke

seluruh negara kerana mereka mempunyai rangkaian pemasaran yang lebih luas berbanding sekiranya diterbitkan atau diedarkan sendiri.

Suatu usaha murni, mulia, besar dan agung yang diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah semasa hayatnya yang kurang dikaji dan difokuskan oleh para pengkaji sastera ialah usahanya mentransliterasi atau memindahkan sesuatu teks sastera sama ada cerpen atau novel sasterawan terkemuka seperti sejumlah besar novel dan cerpen Pak Sako, A. Samad Ismail, Keris Mas dan sebagainya yang sebelumnya ditulis atau diterbitkan dalam tulisan jawi (ejaan lama) yang tersiar dalam pelbagai media massa sebelum Perang Dunia Kedua atau pada era awal kemerdekaan yang banyak menggunakan tulisan jawi dalam akhbar atau majalah era itu ke dalam tulisan rumi.

Perjuangan gigih A. Karim Haji Abdullah yang tidak terbatas kepada kerja-kerja menyusun atau menyelenggara pelbagai jenis buku tetapi bekerja keras mentransliterasi sesebuah novel atau cerpen daripada huruf dan tulisan jawi kepada tulisan rumi merupakan usaha yang bersejarah apalagi diterbitkannya sendiri dengan belanja sendiri merupakan sesuatu yang sukar ditandingi oleh mana-mana pengkaji, sarjana, pustakawan atau pengarang biasa. Hal ini hanya boleh dilakukan oleh seorang yang berjiwa ikhlas, besar, mulia, berpandangan jauh, sanggup berkorban dan tidak mengharapkan apa-apa keuntungan kebendaan demi memastikan warisan persuratan anak bangsa terus terpelihara sehingga akhir zaman dan dikenali oleh generasi terkemudian yang hidup pada zaman yang amat berbeza daripada seseorang tokoh itu hidup.

Perjuangan gigih, penuh beriltizam dan bersemangat waja A. Karim Haji Abdullah mentransliterasi daripada huruf atau tulisan jawi kepada tulisan rumi sesebuah

karya sastera khususnya karya yang dianggap klasik dan penting terlihat dalam usahanya merumikan novel-novel Pak Sako seperti *Putera Gunung Tahan* (1973), *Pengantin Baru* (1975), *Budak Beca* atau merumikan novel-novel terawal Keris Mas seperti *Pahlawan Rimba Malaya, Korban Kesuciannya* yang merupakan khazanah penting dalam dunia kesusasteraan Malaysia.

Beliau juga gigih berusaha mentransliterasi tulisan-tulisan Pak Sako yang terbit dalam mingguan jawi *Utusan Zaman* keluaran 5, 12, 19, 26 Oktober 1940 yang dirumikannya yang berhasil diterbitkannya sendiri dalam sebuah buku berjudul *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura* (1975). Perjuangan gigih dan beriltizam A. Karim Haji Abdullah tidak terhad ke atas usaha-usaha seumpama itu saja tetapi diperluaskannya dengan mentransliterasi daripada jawi ke rumi cerpen-cerpen Pak Sako sehingga dibukukan dalam kumpulan cerpen *Cerpen-cerpen Pak Sako* (DBP, 1987). Demikian juga beliau meneruskan tradisi itu dengan melakukan tugas serius yang sama ke atas cerpen-cerpen Tan Sri A. Samad Ismail yang sebahagiannya ditulis dan tersiar dalam tulisan jawi sehingga diterbitkan dalam kumpulan cerpen *Ingin Jadi Pujangga* (DBP, 1995) dan dianggap kumpulan cerpen paling tebal pernah diterbitkan di Malaysia.

Sesungguhnya apa yang diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah tidak banyak dilakukan oleh sarjana sastera kita yang masih seronok berteori tetapi A. Karim Haji Abdullah telah secara praktikal melakukan apa yang sepatutnya dilakukan oleh para sarjana, pustakawan dan pengkaji sastera.

Malahan terlebih jauh daripada itu apa yang diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah ini sebenarnya memudahkan para mahasiswa universiti untuk melakukan

penelitian, penulisan dan pengkajian sesuatu tokoh itu sama ada untuk menulis tugasan, latihan ilmiah di peringkat ijazah pertama, tesis di peringkat sarjana mahupun doktor falsafah. Sesungguhnya sumbangan budi dan jasa A. Karim Haji Abdullah terlalu besar untuk dituliskan dengan kata-kata kerana seluruh masyarakat sastera dan dunia intelektual amat terhutang budi kepadanya kerana apa yang dikerjakannya itu tidak mungkin mampu dilakukan oleh manusia biasa yang kurang bersemangat bekerja keras dan berkorban ibarat lilin yang membakar diri seperti yang dimilikinya.

Buku-buku yang disusun, diselenggara dan diterbitkan oleh A. Karim Haji Abdullah memerlukan sebuah atau beberapa buah buku kajian lain yang khas dan tersendiri untuk menilai isi kandungannya secara terperinci yang wajar dilakukan oleh mana-mana sarjana atau pengkaji sastera yang prihatin kepada warisan persuratan yang ditinggalkan dan dihadiahkan oleh A. Karim Haji Abdullah kepada masyarakat pembaca. Bagaimanapun dalam usaha memudahkan dan membantu para pembaca atau sarjana sastera mahupun pengkaji yang ingin meneruskan kajian, bacaan dan penyelidikan atau usaha menjejak mutiara dan permata fikiran tokoh-tokoh yang bukunya diselenggarakan atau disusun oleh A. Karim Haji Abdullah, saya menurunkan senarai lengkap dan isi kandungannya khususnya buku-buku ilmiah dan deskriptif atau biografi tokoh di halaman berikut kesemua buku-buku yang disusun, dikumpul, diselenggara dan diterbitkan oleh beliau sendiri atau penerbit lain yang bermodal besar.



Sebahagian besar buku-buku yang disusun dan diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah semasa hayatnya.



Judul	:	*Ceramah Bahasa dan Sastera*
Pengumpul	:	Shahrim Abdullah*
Tebal	:	145 halaman
Harga	:	$2.30
Cetakan Pertama	:	Oktober 1964
Penerbit	:	Pustaka Aman Press
Pencetak	:	Pustaka Aman Press 337-E, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan.

* Sewaktu menyusun dan mengumpulkan ceramah-ceramah sastera yang terdapat dalam buku ini Bung Karim menggunakan nama pena Shahrim Abdullah. Shahrim adalah juga nama salah seorang anak lelakinya yang nama penuhnya adalah Aznul Shahrim dan Bung Karim menggunakan nama Shahrim Abdullah ini adalah sebagai percubaan awalnya dalam dunia penerbitan buku.

Isi

	Muka Surat
Perkembangan Bahasa Melayu - *Prof. Zulkifli Muhammad (Allahyarham)*	16
Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden - *Kassim Ahmad M. A.*	33
Perkembangan Bahasa Indonesia - *Prof. Dr. R. Roolvink*	42
Faktor-Faktor Sosial Dalam Pertumbuhan Bahasa Melayu-Indonesia - *Imrad Idris*	56
Pengajian Sastera Melayu Lama - *Prof. Dr. R. Roolvink*	73
Pengajian Bahasa dan Sastera Melayu Dan Indonesia di Universiti - *Prof. Sutan Takdir Alisjahbana*	86
Abdullah Abdul Kadir Munshi Dalam Kenangan - *Syed Hussein Ali M.A.*	115
Menikmati Sajak-sajak Baru - *Masuri S.N.*	129



Judul	:	*Warna Sari Kebudayaan*
Pengumpul	:	Shahrim Abdullah
Tebal	:	111 halaman
Harga	:	$ 1.80
Cetakan Pertama	:	Mei 1966
Penerbit	:	Pustaka Aman Press
Pencetak	:	Pustaka Aman Press 337-E, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan.

Isi

Muka Surat

Kebudayaan – Istilah Dan Pengertiannya *1*
- Prof. R. Roolvink

Erti Kata Kebudayaan *15*
- Ismail Hussein, M.A.

Kebudayaan Dalam Masyarakat *22*
- Adi Mas

Sekitar Kebudayaan Melayu dan Malayan *34*
- Dr. Syed Hussein Alatas

Mengkaji Kebudayaan Melayu Lama Dari Kesusasteraan Melayu Lama *46*
- Syed Hussein Ali, M.A.

Aspek-Aspek Perkembangan Kebudayaan Indonesia *53*
- Imrad Idris

Sedikit Tentang Soal-Soal Kebudayaan Indonesia *71*
- Joko Suyuno

Sejarah Perkembangan Kebudayaan di Indonesia dan Sekitarnya Ditinjau dari Sudut Ilmu Masyarakat *91*
- Imrad Idris

Pengaruh Kebudayaan Asing *107*
- Prof. Sutan Takdir Alisjahbana



Judul	:	*Soal-Soal Kebudayaan*
Pengumpul	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	86 halaman
Harga	:	$2.00*
Cetakan Pertama	:	Ogos 1971
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency
Pencetak	:	Percetakan Abadi, Petaling Jaya, Selangor.

* Mengikut nilai wang Malaysia ketika itu.

Isi

Kebudayaan – Istilah Dan Pengertiannya
- *Prof. R. Roolvink*

Sekitar Kebudayaan Melayu dan Malayan
- *Prof. Syed Hussein al-Attas*

Pengaruh Kebudayaan Asing
- *Prof. Sutan Takdir Alisjahbana*

Kebudayaan dan Pendidikan
- *Allahyarham Aminuddin Baki*

Pendidikan Masyarakat, Sekolah dan Rumah Tangga
- *Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad*

Kebudayaan Dalam Islam
- *Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad*

Kebudayaan Dalam Masyarakat
- *Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad*



Judul	:	*Putera Gunung Tahan*
Pengarang	:	Ishak Haji Muhmmad
Pengalih huruf daripada Tulisan jawi ke rumi (transliterator) (1973)	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	98 halaman
Harga	:	$2.00

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Jamiliah Press Muar, 1938.

Cetakan Kedua (Jawi) oleh Geliga Ltd. Singapura, 1957.

Cetakan Ketiga (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1973.

Pencetak : Percetakan Central Sdn. Bhd.

Ingatan Pengarangnya

BAHAWA inilah buku yang pertama daripada buah kalam saya. Maka telah dikarangka dia bagi bacaan orang yang telah tahu berfikir dan bukanlah dimaksudkan bagi bacaan budak-budak sekolah.

Buku ini bukanlah suatu cerita asyik-mahsyuk yang biasa tuan-tuan lihat di kedai-kedai buku ataupun yang telah tuan baca, kerana iisnya penuh dengan sindiran-sindiran dan kias ibarat yang dalam.

Seorang yang telah membaca buku ini sekali lalu tentulah sedar akan apa dia kewajipan-kewajipannya terhadap kepada tanah air, bangsa dan adat resamnya dan daripada hari itu mudah-mudahan tertariklah hatinya kepada mempertahankan agama, adat istiadat dan tanah airnya supaya jangan terbinasa, tetapi sedap atau tidaknya isi sesebuah buku itu terpulanglah kepada pembacanya.

Temerloh, Pahang,
Pada 14 Februari, 1937.
(20 tahun sebelum Persekutuan Negeri-negeri Melayu Merdeka).

Ishak bin Haji Muhammad



Judul	:	*Amanat Tun Dr. Ismail*
Pendokumentasi:		A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	202 halaman
Harga	:	$3.00
Cetakan Pertama	:	1974
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency bagi pihak Pergerakan Pemuda UMNO Temerloh Timur, Pahang.
Pencetak	:	Percetakan Abadi Sdn. Bhd. Petaling Jaya, Selangor.

Isi

	Muka Surat
Yang Ditinggalkannya Kepada Kita	*1*
Perjuangan GPMS Adalah Sebahagian Dari Perjuangan Nasionalisme Melayu	*6*
UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara	*14*
Langkah Menentang Inflasi	*28*
Sebagai Seorang Manusia Saya Adalah Seorang 'Optimis'	*43*
Pemuda Menjadi Pelopor Pembinaan Juara Sukan	*52*
Penyertaan dan Penglibatan Bumiputra Menjayakan Dasar Ekonomi Baru	*60*
Peranan Kesatuan Sekerja Dalam Melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua	*67*
Peranan Wanita Dalam Pembangunan Negara	*75*
Peniaga Melayu Mesti Tahan Lasak	*82*
Menyediakan Pemimpin Masa Hadapan	*94*
Belia Yang Berjaya Ialah Belia Yang Bertanggungjawab	*106*
Tindakan Baru Pemuda dan Wanita UMNO	*116*
Pelajaran Mempunyai Kepentingan Ulung Di Negara Ini	*132*
Seniman Adalah Sumber Kebanggaan Sesuatu Negara	*137*
Pemimpin, Pimpinan dan Peranan Wanita UMNO	*144*
Usaha-usaha Dakwah Dapat Mengubah Sikap Hidup	*154*
Memasuki Satu Era Perjuangan Baru	*161*
UDA Rakan Yang Bergiat Dalam Pembangunan	*170*

UMNO: Penting Menentukan Objektif Kita Dari Masa Ke Masa 176

Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara 183

Menuju Matlamat Baru Di Lapangan Perniagaan dan Perusahaan 192



Judul	:	*Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura*
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator)	:	A. Karim Haji Abdullah (1975)
Tebal	:	61 halaman
Harga	:	$1.50
Cetakan Pertama	:	1975
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency 73, Jalan Dato' Aziz Petaling Jaya, Selangor.
Pencetak	:	Percetakan Nan Yang

TIGA TAHUN DI SINGAPURA

Karangan ini tersiar dalam Utusan Zaman.

5, 12, 19, 26 Oktober 1940.

Diterbitkan oleh
PUSTAKA BUDAYA AGENCY,
73, Jalan Dato Aziz
Petaling Jaya
Selangor.

Hak Cipta Terpelihara

Dicetak oleh Percetakan Nan Yang.

Harga: $1.50



Judul	:	*Pengantin Baru*
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator) (1975)	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	97 halaman
Harga	:	$2.60

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Geliga Ltd., Singapura, 1957.

Cetakan Kedua (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency, (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1975.

Pencetak	:	Pustaka Abadi (Life Printers) Sdn. Bhd. Petaling Jaya, Selangor.



Judul	:	*Gema Suci: Segugus Puisi Alm. Prof. Zulkifli Muhammad*
Pengumpul dan Penyusun	:	A. Karim Haji Abdullah dan Abu Zaki Fadzil
Tebal	:	44 halaman
Harga	:	$2.40
Cetakan Pertama	:	1975
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency 73, Jalan Dato Aziz, Petaling Jaya, Selangor.
Pencetak	:	Percetakan Nan Yang

BINTANG DI LANGIT ZAMAN

(Zulkifli Muhammad dalam Kenangan)

Hanya semalam baru dijulangi kemenangan harum direnggut mengejut ketika teman dan lawan merasa kagum meninggalkan terkulai dua hati yang masih muda untuk berteriak dan memanggil-manggil nama yang telah tiada.

Kematian! Kematian dari suatu kehidupan yang mulia yang telah ditinggalkan, jadilah ia ukiran kenangan bahwa di tanah ini seorang daripada lelaki berani yang berdiri menjunjung keyakinan, dan berkata 'Islam tidak pernah takut kepada apa saja' laksana dirinya dalam cahaya kebenaran yang dipeluknya.

Demikian maut telah bersabda pintu hidup pun tertutup maka terbukalah lahad dan keranda seiring bersanding di pelamin putih didindingi tanah-tanah yang dingin dan para malaikat mengelilingi lalu merestui.

Begitu pendek nafas ini berdetik dalam usia hidup setiap manusia dalam perjalanan ke pintu maut tapi kematian seorang berjasa lebih memberi erti kerana kematian itu sendiri menyebabkan ia tidak mati seperti sekarang kita menyebut-nyebut namanya, dan ia telah menjelma menjadi bintang bersinar di langit zaman.

Kuala Lumpur, 8 Mei 1964
USMAN AWANG

(Tersiar dalam majalah *Dewan Masyarakat* 15 Mei 1964)



Judul : *Putera Gunung Tahan*

Pengarang : Ishak Haji Muhammad

Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator) : A. Karim Haji Abdullah (1973)

Tebal : 97 halaman

Harga : $3.00

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Jamiliah Press, Muar, 1938.

Cetakan Kedua (Jawi) oleh Geliga Ltd., Singapura, 1957.

Cetakan Ketiga (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1973.

Cetakan Keempat (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd.
(milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1980.

Pencetak : Pustaka Media (M) Sdn. Bhd.
No. 5, Jalan 225/51A
Petaling Jaya, Selangor.



Judul	:	*Kepimpinan Dalam Kebudayaan: Prof. Ismail Hussein*
Pengumpul dan Penyusun	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	93 halaman
Harga	:	$4.00
Cetakan Pertama	:	1983
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Sri Nakhoda Sdn. Bhd.Desajaya, Kepong, Selangor.

Isinya

	Muka Surat
Sepatah Kata Penyusun	
Ismail Hussein Sebagai Budayawan dan Ilmiah oleh Yahaya Ismail	*(i) – (iv)*
Kepimpinan Kebudayaan Kini	*1*
Kaum Elita dan Kesusasteraan	*10*
Aliran Pemikiran Kesusasteraan Kini	*15*
Peranan GAPENA Dalam Gerakan Sastera-Budaya	*21*
Beberapa Masalah Di Hadapan GAPENA	*28*
Gerakan Sastera Di Malaysia	*44*
Ke Arah Pembinaan Kebudayaan ASEAN	*56*
Persefahaman ASEAN Melalui Kesusasteraan	*62*
Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Pengetahuan	*66*
Sastera Malaysia Dengan Tradisi Pribuminya	*72*
Penyelamat Digniti Bangsa	*77*
Islam Sebagai Sumber Sastera	*81*
Beberapa Aspek Permasalahan Kebudayaan Di Malaysia	*86*
Sumber	*92*



Judul	:	*Rekod Pembacaan Saya (My Reading Record)*
Penyusun	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	40 halaman
Harga	:	Tidak Tercatat
Cetakan Pertama	:	1984
Penerbit	:	Musthapa Kamal Iklan Sdn. Bhd. 8-B, Lorong 8/1E, Jalan Sultan, Petaling Jaya, Selangor.



Judul	:	*Zakaria Hitam (Pak Zek) Budayawan Berjasa*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	141 halaman
Harga	:	$9.00
Cetakan Pertama	:	1987
Penerbit	:	Binakarya Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Daya Bakti No. 17, Jalan 111, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Pendahuluan	
Kata Sambutan oleh Prof Madya Abu Hassan Sham	
Tuan Haji Zakaria bin Hitam (gambar)	
Biodata Budayawan Tuan Haji Zakaria Hitam	*1*
Penyelamat Digniti Bangsa oleh Prof Datuk Ismail Hussein	*6*
Seorang Berjasa Kepada Tradisi dan Kebudayaan Bangsa oleh Kamaruzzaman A. Kadir	*9*
Pak Zek – Seorang Nasionalis oleh Prof Madya Rokiah Talib	*12*
Ucapan Konvokesyen oleh Haji Zakaria Hitam	*14*
Budayawan Pak Zek – Satu Penilaian	*17*
Berkenalan Dengan Seorang Pengarang Cerita-Cerita Penglipur Lara di Pahang oleh A. Kadir Ahmad	*19*
Zakaria Hitam – Tokoh Sejarah Tempatan oleh Tengku Taheran	*28*
Pak Zek Budayawan Berjasa oleh Wan Yusof Hassan	*34*
Pak Zek Budayawan Gigih oleh Nazri Mahmud	*37*
Tokoh Sastera Rakyat Yang Berjasa oleh Ramli Ismail	*40*
Pak Zek Tidak Pernah Jemu Mengumpulkan Cerita-Cerita Rakyat oleh Ilias Haji Zaidi	*43*
Pak Zek – Budayawan Negara Yang Gigih oleh Roslan Madun	*49*
Jatuh Cinta Atas Rakit oleh Roslan Madun	*52*
Pak Zek Orang Lama Punya Hobi Aneh oleh Sahmad Malaya	*55*

Pak Zek Masih Mampu Mengumpul Cerita-Cerita Rakyat 58
oleh Nazri Mahmud

Pengarang 116 Kisah Klasik Kanak-Kanak dan Penglipur Lara 61
oleh Abdullah Tahir

Pak Zek Jaya Kumpul 100 Sastera Rakyat oleh Aripin Said 64

Zakaria bin Hitam 66

Pak Zek Kumpul Bahan Laut oleh Nazri Mahmud 68

Cerita-Cerita Rakyat Harus Dijaga oleh Azahar Rahman 70

Pengumpul Barang-Barang Purba Pahang Sedih 72
oleh Azahar Rahman

Cerita Lisan Melayu Diterjemah Ke Bahasa Russia-Jepun 74
oleh Azahar Rahman

Suburkan Sastera Rakyat, Nasihat Pak Zek 76
oleh Subari Ahmad

Penulis Pahang Dapat Anugerah Budaya Gapena 79
oleh Othman Shafie

Anugerah Paling Tepat oleh Farush Khan 81

Simpan Cangkir Berumur Tiga Ribu Tahun oleh Endut Ali 86

Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia 88
oleh Prof Taib Osman

Sastera Rakyat Malaysia oleh Hashim Awang 93

Sastera Rakyat Untuk Kanak-Kanak oleh Shahidan Md. Noh 105

Dari Buku Pelawat Ke Rumah Pak Zek 108

Pahang's Own Folk – Tale Writer by Richard Mowe 111

Pak Zek Is Trying To Preserve Malaysia Heritage 114
oleh Vijyan Menon

Preseving The Folk Love by Peter Chin 117

He Collects Relics of Malay's Largest State by Tai Sin Onn 119
Mr. Folklore Oy The East Coast by Jerry Francis 121
Siti Sara (sebuah cerita rakyat) 122
Katak Membunuh Gergasi (Sebuah cerita rakyat) 126
Pantun-Pantun Pak Zek 131



Judul	:	*Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera, Budaya*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	86 halaman
Harga	:	$8.00
Cetakan Pertama	:	1987
Penerbit	:	Biro Penerbitan Dewan Persuratan Melayu Pahang Cawangan Kuala Lumpur 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Sri Nakhoda 77, Jalan 17, Desa Jaya, Kepong, Selangor.

Isi

	Muka Surat
Pendahuluan	
Kata Sambutan oleh Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid	
Kata Pengantar oleh Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Keris Mas)	
Tun Haji Abdul Razak bin Hussain (Gambar)	
Tun Razak	
Bahasa Melayu dan Negara	*1*
Kebudayaan Nilai Bangsa	*5*
Perjanjian Persahabatan Malaya-Indonesia	*10*
Bahasa dan Kesusasteraan, Satu Tiang Yang Mustahak	*13*
Sasterawan Adalah Propagandis Zamannya	*20*
Masalah Kekurangan Buku-Buku Teks dan Pengetahuan	*28*
Asas-Asas Kebudayaan Kebangsaan	*34*
Kebudayaan Nasional Berteraskan Kebudayaan Asli Rantau Ini	*44*
Penulis Perlu Menghasilkan Karya-Karya Yang Serius	*48*
Pelancaran Sistem Ejaan Baru Malaysia-Indonesia	*52*
Sastera Sebagai Alat Perhubungan	*58*
Jangan Menganggap Menulis Sebagai Kegiatan Sambilan	*64*
Mengadakan Hadiah Sastera Yang Lebih Tinggi	*67*
Memperseimbang dan Mestabilkan Kehidupan Bangsa Kita	*70*
Peranan Balai Seni Lukis Negara	*73*

The Cultural Problems of Malaysia 76
The Importance of Malay Culture 80



Judul	:	*Catatan Pengalaman Pak Sako*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	76 halaman
Harga	:	$4.00
Cetakan Pertama	:	1987
Penerbit	:	Binakarya Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Daya Bakti No. 17, Jalan 111, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

Isi

	Muka Surat
Pendahuluan	*(i)*
Robohnya Kubu Penjajahan	*1*
Penindasan Tahun 1945-1962	*8*
Seratus Hari Di Dalam 'Bilik Gelap'	*15*
Ragam Orang Tahanan	*22*
'Menteri-Menteri' Rasuah	*29*
Mogok Lapar	*34*
Membuat Keputusan Dalam Gelap	*40*
Pindah Ke Ipoh	*45*
Lagi Mogok Lapar	*52*
Menemui Datuk Onn	*58*
Pak Awang Gagah	*65*
Hilang Tanpa Kenangan	*72*



Judul	:	*Cerpen-Cerpen Pak Sako*
Penyelenggara	:	Hashim Awang dan A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	292 halaman
Harga	:	$17.50
Cetakan Pertama	:	1987
Cetakan Kedua	:	1989
Cetakan Ketiga	:	1991
Cetakan Keempat	:	1995
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Ampang Press Sdn. Bhd. 14 & 16, Lorong Kolam Air Lama Satu, Ampang Jaya, Selangor.

Kandungan

	Muka Surat
Kata Pengantar	*v*
Catatan Pengarang	*xi*
Satu Cerita dari Kampung	*1*
Sikat Emas	*5*
Tulisan di Pintu	*9*
Muslihat Rumahtangga	*14*
Macam Gergaji Dua Mata	*21*
Menang Berjudi Terpinjam Budi	*25*
Anak Luar	*30*
Jalan Hiburan	*38*
Anak Harimau	*44*
Musim Gelora	*49*
Menuba Ikan	*59*
Mari Kita Menyanyi	*66*
Membunuh Diri	*74*
Istana Berembun	*90*
Surat-surat Sesat	*106*
Anak Dibuat Denak	*127*
Siti Muhibah	*141*
Amin! Kepada Encik Amin dan Cik Aminah	*169*

Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang - 198
Dari Perangkap ke Penjara, Kemudian ke Syurga 237



Judul	:	*Pantun dan Seloka Pak Sako*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	72 halaman
Harga	:	$4.00
Cetakan Pertama	:	1987
Penerbit	:	Binakarya Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Daya Bakti No. 17, Jalan 111, Kepong Baru 52100 Kuala Lumpur.



Judul	:	*Pak Sako Bestari*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	124 halaman
Harga	:	$10.00
Cetakan Pertama	:	1988
Penerbit	:	Binakarya Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Kuantan Timur Sdn. Bhd. 947-E, Jalan Perisai, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Kandungan

	Muka Surat
Pendahuluan	*i*
Pak Sako	*v*
Catatan Ringkas Riwayat Hidup Dr. Ishak Haji Muhammad	*1*
Pelbagai Pandangan Terhadap Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako dan Karyanya)	*9*
Ishak Haji Muhammad, Gergasi Sastera Melayu oleh Datuk Prof Khoo Kay Kim	*40*
Bahasa Melayu Laksana Keris oleh Dr. Ishak Haji Muhammad	*45*
Pantun Pak Sako – oleh Hashim Gera	*52*
Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) oleh Mahmud Ahmad	*53*
Pantun Untuk Pak Sako oleh Dr. Usman Awang	*55*
Anugerah Doktor Kesusasteraan Untuk Pak Sako	*58*
Penghormatan Yang Wajar	*60*
Sasterawan Yang Tak Pandang Kesenangan	*62*
Anugerah Doktor Kesusasteraan	*64*
Ishak The Pioneer	*66*
Pak Sako Yang Istimewa oleh Dr. A. Samad Ismail	*68*
Pak Sako: Tokoh Besar Dalam Sejarah Kita oleh Dr. Rajakumar	*73*

Ishak Sebagai Seorang Intelektual Rakyat 77
oleh Datuk Prof Ismail Hussein

Pandangan Peribadi Seorang Sahabat 79
oleh Datuk Ahmad Boestamam

Ishak Sebagai Ahli Politik dan Sasterawan 81
oleh Shahrom Mohd dom

Ishak Sebagai Seorang Penulis dan Ahli Politik 91
oleh Abdul Latiff Abu Bakar

Latihan Ilmiah (Tesis) Tentang Ishak Haji Muhammad 101



Judul	:	*Himpunan Pantun Pak Zek (Dato Haji Zakaria Hitam)*
Pengumpul	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	97 halaman
Harga	:	$5.00
Cetakan Pertama	:	1991
Penerbit	:	Buku Raya Media 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	Percetakan Mico (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.



Judul	:	*A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	441 halaman
Harga	:	$15.00
Cetakan Pertama	:	1991
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Percetakan Maziza Sdn. Bhd. No. 9, Jalan 111, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

Kandungan

Muka Surat

Pengantar *ix*

Catatan Penyelenggara *xv*

PANDANGAN DAN PEMIKIRAN SARJANA DAN SASTERAWAN TENTANG A. SAMAD ISMAIL

1. *A. Samad Ismail: Bapa Kewartawanan Malaysia* 3
   Prof. Madya Dr. Wan Hashim Wan Teh
2. *A. Samad Ismail: Wartawan-Sasterawan Melayu yang Ulung* 13
   Dr. Kamaludin Muhammad (Keris Mas)
3. *A. Samad Ismail: Pemikir yang Tajam* 19
   Dr. Usman Awang
4. *A. Samad Ismail: Wartawan, Ahli Politik dan Sasterawan* 23
   Mohd Said Abdul Hamid
5. *Perkembangan Persuratkhabaran Melayu dan Peranan Media* Mazlan Nordin 28

KEWARTAWANAN DAN PERSURATKHABARAN

1. *Perkembangan Bahasa Melayu dalam Persuratkhabaran* 45
2. *Hubungan Persuratkhabaran dengan Pemerintah* 56
3. *Kebudayaan dan Persuratkhabaran* 63
4. Utusan Melayu *dan Saya* 76
5. *Kerjasama Suratkhabar-suratkhabar Indonesia dan Malaysia* 86
6. *Masalah Melatih dan Memupuk Bakat* 92
7. *Peranan Sebaran Am dalam Usaha Mewujudkan dan Memupuk Keperibadian Kebangsaan Malaysia (Persuratkhabaran)* 98
8. *Masalah Melatih Wartawan-wartawan* 104

9. *Tun Adam Malik dalam Kenangan* 112
10. *Rahim Kajai: Antara Tugas dan Cita-cita Bangsa* 115
11. *Abdul Rahim Kajai: Benarkah Dia Seorang Konservatif?* 119
12. *Kewibawaan* Berita Harian *Tak Perlu Diragukan* 128
13. *Modal Asal* Utusan Melayu *Sumbangan Rakyat Miskin* 133
14. *Kewartawanan: Realiti Masa Lalu dan Hakikat Masa Kini* 142
15. *Masa Depan Akhbar-akhbar Harian Berbahasa Inggeris* 149
16. *Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) yang Istimewa* 155
17. *Media sebagai Warisan Negara* 159
18. *Suara Keramat Membawa Tradisi Baru* 175
19. *Sekadar Mengenang Suatu Zaman yang Begitu Besar* 188
20. *Kebebasan Akhbar: Di Mana Kita?* 194
21. *Wartawan Umpama Hakim* 212
22. *Tugas Wartawan Selepas Merdeka* 217

KESUSASTERAAN

1. *Sasterawan dan Daya Menciptanya* 231
2. *Perasaan dan Fikiran Seorang Sasterawan* 236
3. *Memperkatakan Novel Sepintas Lalu* 240
4. *Isi Novel (1)* 246
5. *Isi Novel (2)* 250
6. *Masalah Penulis-penulis Baru* 254
7. *Ulasan Novel* Pertentangan 270

8. *Tema dalam Tulisan Cerita Pendek* 274

9. *Petua-petua Penting dalam Penulisan Cerpen* 278

10. *Pembaca Tak Mahu Diajar Cara Melahir Emosinya* 284

11. *Raja Ali Haji dalam Sejarah Bangsa* 293

12. *Sastera Islam* 297

WAWANCARA

1. *A. Samad Ismail Bercakap tentang Kesedaran Nasional dan Generasi Sekarang* 303

2. *A. Samad Ismail Bercakap tentang Teguran PM dan Akhbar Hari Ini* 308

3. *A. Samad Ismail Bercakap Mengenai Masalah dan Kenyataan (dari Thatcher kepada Anwar Ibrahim)* 312

4. *Belajar dari Kejatuhan Numeiri* 316

5. *BERJAYA Gagal yang Menang Demokrasi* 320

6. *PBS dan BN Dua Imej yang Berlainan* 325

7. *Peristiwa Sejarah Patut Diingati dan Dipelajari oleh Generasi Sekarang* 329

8. Money Politics *Penyakit Parti yang Berkuasa* 334

9. *Kashoggi Turut Jatuhkan Numeiri* 338

10. *Kebudayaan Nasional: Kita Perlu Waktu* 342

11. *Sentiasa Menambah dan Mendalami Ilmu* 356

12. *Peranan Wartawan dan Kewartawanan* 361

13. *Nilai Seorang Wartawan Menurut Pak Samad* 368

UMUM

1.	*Meninjau Beberapa Masalah Politik, Ekonomi dan Sosial yang Sedang Kita Hadapi*	*377*
2.	*Sebuah Renungan: Setelah Sebelas Tahun Merdeka*	*385*
3.	*Tinjauan Pilihanraya Mei 1969*	*390*
4.	*Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia Masih Segar*	*396*
5.	*Politik Perkauman Terpancar dalam Akhbar-akhbar*	*401*
6.	*UMNO Tunjang PERIKATAN Menuntut Kemerdekaan*	*407*
7.	Survival *Melayu dan* Survival *UMNO*	*414*
Indeks		*423*



Judul	:	*Budak Beca* (novel)
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator)	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	156 halaman
Harga	:	$6.90

Cetakan Pertama (Jawi oleh H.C. Muhammad Abdul Rahman, Marang, 1957.
Cetakan Kedua (Rumi) oleh Marwilis Publisher and Distributors Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor, 1992.

Pencetak : Percetakan Sri Nakhoda Sdn. Bhd.
77, Jalan 17, Desa Jaya, Kepong,
52200 Kuala Lumpur..



Judul	:	*UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara*
Penyelenggara	:	Haji Zulkifli bin Md. Nasir A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	246 halaman
Harga	:	$15.00
Cetakan Pertama	:	1992
Penerbit	:	Buku Raya Media No. 540, Jalan F15, Fasa 5, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.
Pencetak	:	Kosnet Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Isi

Muka Surat

Catatan Penyelenggara

Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein (Allahyarham)
- *Tugas dan Tang gungjawab Memimpin UMNO (1971)* 2

Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman (Allahyarham)
- *Tindakan Baru Pemuda dan Wanita UMNO (1972)* 12
- *UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara (1973)* 24

Tun Hussein bin Datuk Onn (Allahyarham)
- *Kepimpinan Yang Luhur (19 74)* 35
- *Perpaduan Mengatasi Cabaran (1975)* 46

Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
- *Antara Cita-cita Dengan Pencapaiannya (1976)* 60
- *Kepimpinan Pemimpin (1977)* 74
- *Warisan (1978)* 86
- *Masa dan Pertukaran (1979)* 101
- *Rupa Bentuk dan Isi Kandungan UMNO (1980)* 118
- *Menyeru Kepada Kebaikan dan Menegah Yang Buruk (1981)* 140

Datuk Musa bin Hitam
- *Ke Arah Malaysia Yang Lebih Gemilang (1982)* 151
- *Gagasan Realiti (1983)* 160
- *Ketahanan UMNO (1984)* 169
- *Bersatu Bersetia Berkhidmat (1985)* 175
- *Demokrasi Dalam UMNO (1986)* 184
- *Pengunjung Obor Perjuangan (1987)* 195

Encik Abdul Ghafar bin Baba
- *UMNO Pengganti dan Penyambung Perjuangan (1988)* 205
- *Mencipta Sejarah Dalam Perpaduan (1989)* 215
- *Memantap dan Mengukuhkan UMNO (1990)* 229
- *Perjuangan Suci UMNO (1991)* 237

Sedikit Biodata Penyelenggara 245



Judul	:	*Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya & Korban Kesuciannya*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	140 halaman
Harga	:	$7.00
Cetakan Pertama	:	1993
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS, Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.



Judul	:	*Perjuangan Suci UMNO*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	256 halaman
Harga	:	$15.00
Cetakan Pertama	:	1993
Penerbit	:	Goodmark Enterprise, 29A, Jalan Jejaka 5. Taman Maluri, Jalan Cheras, 55100 Kuala Lumpur.
Pencetak	:	Kosnet Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Prakata	
Kata Sambutan	
Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein (Allahyarham)	
- *Tugas dan Tanggungjawab Memimpin UMNO (1971)*	*2*
Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman (Allahyarham)	
- *Tindakan Baru Pemuda dan Wanita UMNO (1972)*	*12*
- *UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara (1973)*	*24*
Tun Hussein bin Datuk Onn (Allahyarham)	
- *Kepimpinan Yang Luhur (1974)*	*35*
- *Perpaduan Mengatasi Cabaran (1975)*	*46*
Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad	
- *Antara Cita-cita Dengan Pencapaiannya (1976)*	*60*
- *Kepimpinan Pemimpin (1977)*	*74*
- *Warisan (1978)*	*86*
- *Masa dan Pertukaran (1979)*	*101*
- *Rupa Bentuk dan Isi Kandungan UMNO (1980)*	*118*
- *Menyeru Kepada Kebaikan dan Menegah Yang Buruk (1981)*	*140*
Datuk Musa bin Hitam	
- *Ke Arah Malaysia Yang Lebih Gemilang (1982)*	*151*
- *Gagasan Realiti (1983)*	*160*
- *Ketahanan UMNO (1984)*	*169*
- *Bersatu Bersetia Berkhidmat (1985)*	*175*
- *Demokrasi Dalam UMNO (1986)*	*184*
- *Pengunjung Obor Perjuangan (1987)*	*195*
Encik Abdul Ghafar bin Baba	
- *UMNO Pengganti dan Penyambung Perjuangan (1988)*	*205*
- *Mencipta Sejarah Dalam Perpaduan (1989)*	*215*
- *Memantap dan Mengukuhkan UMNO (1990)*	*229*
- *Perjuangan Suci UMNO (1991)*	*237*
- *Pengukuhan Bangsa, Politik, Ekonomi dan Islam (1992)*	*245*



Judul	:	*UMNO Tunggak Perpaduan Melayu*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	134 halaman
Harga	:	$10.00
Cetakan Pertama	:	1993
Penerbit	:	Aka Media 20M, Jalan SS 2/61, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Percetakan Mico (M) Sdn. Bhd. No. 87, Jalan Perhentian, 51100 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Pendahuluan	*i*
UMNO: Tunggak Perpaduan Melayu	*1*
Dato' Onn bin Jaafar (Allahyarham)	
- Kongres Melayu Yang Menebus Maruah Melayu	*13*
- UMNO: Hakikat dan Masa Depan	*20*
Tunku Abdul Rahman Putra (Allahyarham)	
- Perjuangan UMNO Menuntut Kemerdekaan	*33*
- Kejayaan Yang Dicapai oleh UMNO	*47*
Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussain (Allahyarham)	
- UMNO Memasuki Era Baru	*61*
- Manipol 11 Mei	*84*
- Kerajaan Yang Didukung oleh UMNO	*94*
Tun Hussein bin Dato' Onn (Allahyarham)	
- Memperingati Sejarah Penubuhan UMNO	*106*
Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad	
- UMNO Tunggak Perpaduan Umat Melayu	*117*



Judul	:	*Pemimpin dan Sasterawan*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	404 halaman
Harga	:	RM25.00
Cetakan Pertama	:	1993
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS, Ampang/Hulu Kelang. Selangor Darul Ehsan.

Kandungan

	Muka Surat
Kata Pengantar	*ix*
Manifesto Penulis	*xv*
Sasterawan Adalah Propagandis Zamannya Tun Abdul Razak Hussein	*3*
Masalah Penulis-Penulis Baru Tan Sri A. Samad Ismail	*13*
Penulis Sebagai Conscience *Atau Batin Sesuatu Bangsa* Dr. Kassim Ahmad	*33*
Sasterawan Sebagai Propagandis Zamannya Muhammad Balfas	*49*
Penulis Seorang Pelukis Hidup Manusia Tan Sri Senu Abdul Rahman	*59*
Penulis Adalah Pembentuk dan Pemimpin Zamannya Tun Syed Nasir Ismail	*69*
Tugas dan Tanggungjawab Pengarang Yahaya Ismail	*83*
Peranan Penulis Dalam Negara Membangun Dr. Muhammad Haji Salleh	*101*
Peranan Penulis Dalam Negara Membangun Baharuddin Zainal	*109*
Penulis Orang Yang Cintakan Idea Datuk Hassan Ahmad	*117*
Peranan Penulis Dalam Zaman Pembangunan Dato' Dr. Usman Awang	*125*
Masalah Bimbingan dan Penampungan Karya Penulis-Penulis Muda Datuk Hassan Ahmad	*131*

Penulis Sebagai Pembina Masyarakat
Dato' Wan Abdul Kadir Ismail 139

Penulis Ialah Seorang Yang Membuat Komentar
Tan Sri Ghazali Shafie 151

Penulis Sebagai Pengkritik Masyarakat
Tan Sri Hamzah Abu Samah 161

Tiga Dimensi Pemikiran Penulis
Tengku Ahmad Rithauddeen 169

Penulis Perlu Menghasilkan Karya Yang Lebih Serius
Tun Abdul Razak Hussein 174

Tugas Penulis Hari Ini Lebih Berat Dari Masa-Masa Lampau
Tun Abdul Razak Hussein 178

Penulis Perlu Menganalisis Hidup Manusia
Tun Hussein Onn 187

Peranan Sasterawan Terlalu Besar
Dato' Nik Hassan Abdul Rahman 193

Penulis Sebagai Pereka Bentuk Masyarakat
Tun Datu Mustafa Datu Harun 203

Penulis Nasional dan Bunga Kertas
Tun Abdul Rahman Yaakub 211

Penghargaan Negara Terhadap Penulis dan Pejuang Sastera
Tun Hussein Onn 218

Penulis Mesti Menghasilkan Karya Yang Bermutu
Datuk Ali Haji Ahmad 227

Untaian Peranan dan Perjuangan Penulis
Tan Sri Abdul Samad Idris 233

Tugas Terus Seorang Penulis
Masuri S.N. 241

Sasterawan dan Karyanya
Masuri S.N. 247

Penulis Tidak Seharusnya Mengabaikan Hakikat Hidup
Abdul Rahim Ishak 253

Penulis Sebagai Tenaga Penggerak Intelek
Dr. Nordin Selat 261

Penulis Perlu Menumbuhkan Keperibadian Masing-Masing
Ahmad Kamal Abdullah 267

Untuk Menjadi Seorang Penulis
Datuk Hassan Ahmad 273

Sasterawan Sebagai Khazanah Negara
Datuk Musa Hitam 281

Penulis Sebagai Pembentuk Pemikiran dan Akhlak Masyarakat
Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah 287

Menghayati Kesinambungan Sejarah
Datuk Musa Hitam 291

Penulis Perlu Mengasah Fikiran dan Mendalami Pengetahuan
Dato' Seri Anwar Ibrahim 297

Sasterawan Negara
Datuk Musa Hitam 301

Tanggungjawab dan Kebebasan Penulis
Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad 307

Sasterawan Sebagai Pembentuk Peribadi Rakyat
Datuk Haji Mohd. Noor Tahir 317

Penulis Mestilah Memelihara Hak-Hak Manusia
Tan Sri Mohamed Khalil Yaakub 325

Peranan Penulis Dalam Pembangunan Masyarakat dan Negara
Haji Awang Jabbar 331

Penulis Sebagai Pembina Akal Manusia
S. Othman Kelantan 337

Pengiktirafan Kepada Karyawan dan Sasterawan
Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak 345

Penulis Perlu Meningkatkan Kemahiran
Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib 351

Sasterawan Adalah Kumpulan Manusia Istimewa
Datuk Abdullah Ahmad Badawi 357

Sasterawan Perlu Mempunyai Cita-Cita Yang Tinggi
Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad 361

Sasterawan Harus Papar Hasrat Rakyat
Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad 365

Penulis dan Cabarannya
Abdullah Hussain 371

Peranan Positif Para Penulis
Encik Abdul Ghafar Baba 389

Indeks 393



Judul	:	*Ingin Jadi Pujangga: Kumpulan Cerpen 1944-1991*
Pengarang	:	A. Samad Ismail
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	833 halaman
Harga	:	RM60.00
Cetakan Pertama	:	1995
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS, Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Kandungan

	Muka Surat
Prakata	*ix*
Seulas Pinang	*xi*
Catatan Penyelenggara	*xiii*
Pengantar	*xxi*
Seorang Pengail	*1*
Ubi Kayu	*6*
Ke Bintan-To	*13*
Budak-budak Main soldadu	*20*
Antara Dua Kekasih	*24*
Insaf	*21*
Ingin Jadi Pujangga	*39*
Pertentangan	*60*
Surat kepada Tauke	*73*
Surat daripada Tauke	*82*
Putus Asa	*86*
Bung Leman	*103*
Cina Angkat Najis di Rumah Saya	*124*
Ah Khaw Masuk "Syurga"	*133*
Belum Baik-baik Lagi	*147*
Ke Rumah Cucu	*170*

Pak Yak Mahu Kahwin 197
Rumah Pak Haji Harun 221
Mastura 243
Kau Mesti Sunat, Kata Bapa 264
Puthu 285
Dongeng 300
Amelia 317
Mandi Kolam 335
Belajar Agama 351
Ruangan Wanita 380
Wak Ha! Ha! 410
Menunggu Teman Bebas 443
Soal Kereta 477
Impian Haji Tamim i 505
Hussein Zet 534
"Ahli" Bahasa 561
Edisi Pagi 590
Kisah Cinta di Kota Bharu 619
Titi 647
Rumah Kedai di Jalan Seladang 676
Penulis Tua 715
Peloncoan 753
Pak Cik Badong 799

Mr. Haf Pa Dollah 806
Ustaz 817



Judul *Tahan*	:	*Memoir Pak Sako-Putera Gunung*
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengumpul dan Penyusun:		A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	256 halaman
Harga	:	RM35.00
Cetakan Pertama	:	1997
Penerbit Malaysia	:	Penerbit Universiti Kebangsaan
Pencetak	:	Ampang Press Sdn. Bhd. 6 & 8, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Senarai Gambar	*9*
Kata Pendahuluan	*11*
Penghargaan	*27*
Kampung Segentang, Temerloh Tanah Tumpah Darah	*29*
Kehidupan Anak Kampung	*33*
Budaya Kampung	*37*
Bah Besar 1926-27	*42*
Alam Persekolahan	*46*
Zaman Remaja – Bersunat	*50*
Zaman Pendidikan Inggeris	*55*
Peristiwa Tali Leher Dihanyutkan	*60*
Lubuk Jadi Pantai, Pantai Jadi Lubuk	*66*
Sesudah Bah Besar	*71*
Bertukar ke Sekolah Inggeris Kerajaan Raub	*76*
Temuduga Jawatan MCS	*81*
Berkursus di Maktab Melayu Kuala Kangsar	*86*
Bekerja di Pejabat Daerah Temerloh	*91*
Kerja dengan Kerajaan	*95*
Menjadi DADO Bentong	*99*
Bertukar ke Rembau dan Berkahwin	*104*

Membawa Diri ke Tumpat 109
Sebagai Majistret Kelas Tiga 114
Membicarakan Kes Kahwin Cerai 119
Menjadi Majistret di Kuala Lumpur 124
Perbicaraan Kes Wayang Cina 128
Membicarakan Kes Hutang-Piutang 132
Menjadi Guru di Johor 136
Menjadi Peguam di Kemaman 141
Bekerja di Warta Malaya *dan Kena Tahan* 146
Kehidupan sebagai Banduan 151
Kesatuan Melayu Muda Bukan Tali Barut Barat 155
Dibebaskan dari Penjara 162
British Menyerah Kalah 167
Dalam Pemerintahan Jepun 172
Zaman Ubi Kayu Berakhir 176
Bintang Tiga Berkuasa Selama 13 Hari 181
British Kembali Berkuasa 186
Semangat Nasionalisme dan Darurat 190
Kena Tahan Lagi 194
Di Penjara Pudu 197
Seratus Hari Sebagai Banduan 200
Dipindahkan ke Khemah Tahanan Melaka 204
Mogok Lapar di Khemah Tahanan Bruas 209

Dipindahkan ke Khemah Tahanan Ipoh 213
Diskriminasi Kerajaan British Terhadap Tahanan Melayu 217
Berpindah ke Pusat Pemulihan Morib 221
Itik Betina Bertelur Tanpa Itik Jantan 225
Dibebaskan daripada Tahanan 228
Bertanding sebagai Calon Parti Buruh 232
Kebangkitan Semangat Melayu Menentang Penjajah 236
Za'ba Menaikkan Semangat Nasionalisme 241
Persidangan Besar Persatuan-persatuan Melayu 245
Konfrontasi Indonesia-Malaysia 249
Indeks 253



Judul	:	*Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	80 halaman
Harga	:	RM10.00
Cetakan Pertama	:	1996
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd., 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
Pencetak	:	Utusan Printcorp Sdn. Bhd. Lot 184, Section 92, Jalan Lima, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Pendahuluan	*i*
Biodata Ringkas Dato' (Dr.) Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)	*ix*
Putera Gunung Tahan (Sajak) oleh Nazri Sham	*xvii*
Namamu Tetap Mewangi (Sajak) oleh Pena Mutiara	*xviii*
Pak Sako yang Istimewa	*1*
Pak Sako yang Saya Kenali	*6*
Kenangan Dengan Pak Sako	*11*
Penghargaan Kepada Pak Sako	*23*
Ishak Haji Muhammad *Seorang Nasonalis Melayu Raya*	*27*
Pak Sako Penulis Komentar Yang Tajam	*36*
Pak Sako Juga Seorang Sasterawan	*40*
Mengenali Pak Sako Melalui Memoirnya	*44*
Mengenang Dato' (Dr) Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)	*65*



Judul	:	*Antara Pemikiran A. Samad Ismail*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	321 halaman
Harga	:	Tidak Tercatat
Cetakan Pertama	:	1997
Penerbit	:	Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 4, Jalan Pemaju U 1/15, Seksyen UI, Hicom-Glenmarie Industrial Park, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Printmate Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Isi

	Muka Surat
Kata Pengantar	*v*
Pendahuluan	*vii*
BAHAGIAN I	
Peranan Media	*3*
Media Berbahasa Melayu dalam Menghadapi Cabaran Kebudayaan Dunia Baru	*8*
Kewartawanan dan Penulisan: Satu Pandangan dan Pengalaman	*17*
Kaedah Penulisan Rencana untuk Media	*33*
Kewartawanan Melayu dalam Perjuangan dan Pengisian Kemerdekaan	*44*
Dasar Penerangan Negara: Suatu Penganalisisan Awal	*54*
Peranan Akhbar dalam Pembangunan dan Negara Bangsa: Satu Pengalaman dan Perjuangan di Malaysia	*62*
Penulisan Rencana: Satu Pengalaman Peribadi	*71*
Lat 30 Tahun Kemudian	*87*
Menggembleng Keterampilan Kartunis untuk Wawasan 2020	*92*
Beberapa Petunjuk Tentang Penulisan	*101*
Media Massa Menjelang 2020	*110*
Peranan Wartawan Hiburan	*116*
Komunikasi dan Kebudayaan	*119*
Menulis untuk Pembaca dan Kematangan Penulisan	*129*
Media Massa Dekad 1980-an	*141*

Pencapaian Penulisan, Penulis dan Gerakan Persatuan Penulis Malaysia Sejak Tiga Dekad: Satu Pandangan 144

Media Sejagat dan Wataknya 149

Tugas Pemberita/Pemberita Sambilan dan Etika Kewartawanan 160

BAHAGIAN II

Kepimpinan dan Kewibawaan Mahathir 175

Jangan Buka Luka Lama 186

Masa Depan Malaysia-China 191

Peralihan Paradigma dalam Senario Politik Malaysia 197

Sekitar Perjuangan Ibrahim Yaakob 202

Politik Malaysia Pada Masa Hadapan: Peranan Generasi Belia 206

Peningkatan Ekonomi Mencabar Nilai Tradisional? 212

Arah Politik Malaysia Selepas Pilihan Raya 1995 216

Majulah Singapura 222

PAS di Sepanjang Sejarah Antikolonial 230

Peranan dan Fungsi Pergerakan Sosial dalam Sejarah Negara Ini 235

BAHAGIAN III

Kajai dalam Kenangan 249

Kesusasteraan, Kewartawanan dan Pembangunan Negara Menjelang Abad ke-21 267

Menuju Sastera Melayu Baru 282

Kesusasteraan Melayu: Tugas dan Cabaran di Masa Depan 287

Pembinaan Bahasa dan Sastera: Pokoknya Kembali kepada Jati Diri 301

Suka Duka Editor Sastera *306*

Kesusasteraan Bandingan *312*

Indeks *317*



Judul	:	*Mutiara Fikir* *Sasterawan Negara Keris Mas*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	128 halaman
Harga	:	RM15.00
Cetakan Pertama	:	1997
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Utusan Printcorp Sdn. Bhd. Lot 184, Sec. 92, Jalan Lima, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Prakata	*i*
Pengantar oleh Anwar Ridhwan	*iv*
KERIS MAS (gambar)	*vii*
Biodata Keris Mas	*viii*
Keris Mas: *Kesusasteraan Adalah Perjuangannya* oleh Prof. Dr. Mohd. Taib Osman	*1*
Keris Mas: *Sasterawan Sekaligus Pemikir* oleh Prof. Datuk Haji Shahnon Ahmad	*5*
Universal Humanisme Wawancara dengan Awam -mil-Sarkam	*9*
Sastera Untuk Masyarakat Wawancara dengan Suhaimi Haji Muhammad	*14*
Asas 50, Revolusi Mental dan Sastera Islam Wawancara dengan S. Jaafar Husin	*26*
Politik dan Kesusasteraan Wawancara dengan Nadi Insan	*45*
Sastera Harus Mengangkat Darjat Manusia Wawancara dengan A. Rahman Yusof	*52*
Kehidupan Umum dan Pemikiran Melayu Wawancara dengan Dewan Budaya	*74*
Konsep Sastera dan Proses Kreatif Wawancara dengan Abdullah Tahir	*91*
Sasterawan Negara Tak Ada Bezanya Wawancara dengan Imlan Adabi	*117*



Judul	:	*Sastera dan Kemanusiaan: Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1996*
Penyusun	:	Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara
Pengumpul	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	126 halaman
Harga	:	RM10.00
Cetakan Pertama	:	1997
Penerbit	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Pencetak	:	Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS, Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Kandungan

Muka Surat

Pengantar *vii*

Keris Mas

Kesusasteraan ialah Perjuangannya
Mohd. Taib Osman *3*

Politik Sastera dan Sastera Politik
Keris Mas *8*

Shahnon Ahmad

Anak Kreatif Malaysia Merdeka
Ismail Hussein *19*

Cinta
Shahnon Ahmad *24*

Usman Awang

Penghubung Sastera Moden dengan Akar Tradisi
Muhammad Haji Salleh *33*

Suara Kemanusiaan Seorang Pengarang
Usman Awang *38*

A. Samad Said

Penulis yang Idealis dan Realis
Cheah Boon Kheng *47*

Menulis itu Resah yang Bahagia, Duka yang Indah
A. Samad Said *51*

Arena Wati

Penulis Berasaskan Rakaman Pengalaman
Krishen Jit *63*

Sastera sebagai Jurubicara Hati Nurani
Arena Wati 67

Muhammad Haji Salleh

Penyair yang Kembali ke Akar
Lim Chee Seng 75

Menyeberang Sejarah: Sastera Melayu di Ambang dunia
Muhammad Haji Salleh 79

Noordin Hassan

Anak Tanjung yang Dramatis
Hashim Awang 89

Jerat di Bumi ... ke Mana Sastera Kita
Noordin Hassan 95

Abdullah Hussain

Setengah Abad Bertaiso dengan Sastera
Farid M. Onn 103

Sastera Boleh Menolong Memperkukuh Kepercayaan Beragama
Abdullah Hussain 109

Indeks 123



Judul	:	*Melayu Hilang Keberanian? Suatu Polemik*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	123 halaman
Harga	:	RM15.00
Cetakan Pertama	:	1998
Penerbit	:	Pustaka Budaya Agency Sdn. Bhd. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Utusan Printcorp Sdn. Bhd. Lot 184, Sek. 92, Jalan Lima, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

Kandungan

	Muka Surat
Prakata	*i*
Kata Pengantar	*ii*
Penghargaan dan Terima Kasih	*iii*
Surat Tun Daim Zainuddin	*iv*
Perjuangan yang Belum Selesai (Sajak) - Mahathir Mohamad	*1*
Suara Melayu, UMNO dan Kerajaan - A. Kadir Jasin	*4*
Pandangan Daim Tentang Melayu - Lanang Sejagat	*10*
Orang Melayu Hilang Keberanian - Daim Zainuddin	*12*
Surat untuk Tun Daim Zainuddin - Jaafar Rahim	*15*
Gambaran "Keyakinan Palsu" Politik dan Ekonomi Melayu...? - Hussain Mohamed	*22*
Daim Menangguk di Air Keruh - Zainuddin Maidin (ZAM)	*28*
Daim Tebar Gagasan Melayu - Jamaluddin Abdul Aziz	*32*
Suara Berani, Suara sumbang - Rustam A. Sani	*35*
Daim Lebih Berani Jika Miliki Akhbar Bebas - Haji Subky Abdul Latif	*41*
Kemandulan Politik Melayu: Di Mana Puncanya - Mahadzir Mohd Khir	*46*

Siapakah Intelektual Melayu? 53
- A. Nazri Abdullah

Tidak Berani Atau Berpuas Hati 56
- Kassim Ahmad

Siapa Kata Melayu Hilang Berani 60
- Ramli Simbok

Suara Melayu: Bola Di Kaki Akhbar 63
- Mohd. Safar Hashim

Tiada Lagi Suara Melayu? 69
- M. Noor Azam

Suara Cerdik Pandai Melayu Tidak Lagi Lantang 75
- Abu Bakar Hamid

Tiupan Angin Perubahan? 80
- Syed Husin Ali

Memecah Kebisuan Intelektual Melayu 87
- Abdul Shukur Harun

Tulisan Daim: Bukan Kerana Tak Berani 92
- Nasrul Hadi

Peranan Intelektual Melayu 98
- Sanusi Osman

Nilai Neofeudal Meluas 108
- Syed Husin Ali

Pemandulan Intelektual 113
- Mohamad Abu Bakar

Penyumbang 120

Keratan Akhbar 123



Judul	:	*Putera Gunung Tahan*
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator)	:	A. Karim Haji Abdullah (1973)
Tebal	:	117 halaman
Harga	:	RM9.50

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Jamiliah Press Muar, 1938.
Cetakan Kedua (Jawi) oleh Geliga Ltd., Singapura, 1957.
Cetakan Ketiga (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik a. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1973.
Cetakan Keempat (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1980.

Edisi ejaan baru (rumi) pertama kali diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000.

Penerbit terkini : *Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.*
No. 1 & 3, Jalan 3/91A,
Taman Shamelin Perkasa, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.

Pencetak : *Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd..*
No. 29, Jalan 2/148A
Taman Sg. Besi Industrial Park
57100 Kuala Lumpur.



Judul	:	*Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W.*
Penyelenggara dan Penulis	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	56 halaman
Harga	:	Tidak Tercatat
Cetakan Pertama	:	Julai 2000
Penerbit	:	Bung Karim Enterprise No. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Percetakan Surya Sdn. Bhd.

Kandungan

	Muka Surat
Kesan dan Kenangan	*5 – 10*
Perlunya Perubahan Dalam Sambutan Majlis Maulidur Rasul	*21 - 29*
Biodata Ringkas Bung Karim	*30 – 36*
Bibliografi	*37 - 56*



Judul	:	*Bung Karim* *Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera*
Pengarang	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	19 halaman
Harga	:	Tidak Tercatat
Cetakan Pertama	:	Julai 2000
Penerbit	:	Bung Karim Enterprise 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Pencetak	:	Tidak Tercatat



Judul	:	*Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Pahang Darul Makmur*
Penyelenggara	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	116 halaman
Harga	:	RM20.00
Cetakan Pertama	:	Oktober 2000
Penerbit	:	Dewan Persuratan Melayu Pahang (Cawangan Kuala Lumpur) 73, Jalan Datuk Aziz, 46100 Petaling Jaya.
Pencetak	:	RK Letra Printing Press Sdn. Bhd., E 1319, Bangunan Warisan, Jalan Bukit Ubi, Kuantan.

Kandungan

	Muka Surat
Prakata	*i*
Kata Sambutan Ketua Satu DPMP (KL)	*iii*
Sekapur Sireh - Pengerusi Lembaga Muzium Pahang	*vi*
Bahasa Melayu, Islam dan Budaya Serantau - DYMM Tuanku Haji Ahmad Shah	*1*
Sasterawan Adalah Propagandis Zamannya - Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain	*5*
Tugas Sastera Sebagai Alat Perhubungan - Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain	*14*
Penulis – Seorang yang Membuat Komentar - Tan Sri Mohd Ghazali Shafie	*21*
Persefahaman ASEAN Melalui Kesusasteraan - Tan Sri Mohd Ghazali Shafie	*30*
Penulis Sebagai Pengkritik Masyarakat - Tan Sri Hamzah Abu Samah	*42*
Kerjasama Kebudayaan Serantau - Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak	*48*
Pengiktirafan Kepada Karyawan dan Sasterawan - Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak	*69*
Kesusasteraan Memberi Kekayaan Peradaban Sesuatu Bangsa - Tan Sri Sabaruddin Chik	*74*
Sasterawan dan Kesusasteraan Adalah Milik Masyarakat - Dato' Fauzi Abdul Rahman	*78*
Penulis Mestilah Memperjuangkan Kebenaran - Tan Sri Mohd. Khalil Yaakub	*88*

Bahasa Melayu Laksana Keris 93
- Dato' Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)

Politik Sastera 100
- Dr. Kamaludin Muhammad (Keris Mas)

Kesusasteraan Meningkatkan Nilai Kemanusiaan 109
- Dato' Abdul Rahim Bakar

Biodata Ringkas Penyelenggara 116



Judul	:	*Putera Gunung Tahan* (edisi pelajar)
Pengarang	:	Ishak Haji Muhammad
Pengalih huruf daripada tulisan jawi ke rumi (transliterator)	:	A. Karim Haji Abdullah
Tebal	:	92 halaman
Harga	:	RM3.45

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Jamiliah Press Muar, 1938.
Cetakan Kedua (Jawi) oleh Geliga Ltd., Singapura, 1957.
Cetakan Ketiga (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1973.
Cetakan Keempat (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency (milik A. Karim Haji Abdullah), Petaling Jaya, 1980.

Edisi ejaan baru (rumi) pertama kali diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000.

Cetakan pertama edisi pelajar : 2001

Penerbit terkini Sdn. Bhd. : Utusan Publications & Distributors
No. 1 & 3, Jalan 3/91A,
Taman Shamelin Perkasa, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.

Pencetak : Maziza Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan 111, Kepong Baru,
52100 Kuala Lumpur.

BAB LIMA

KATA PENGANTAR, PRAKATA, KATA PENDAHULUAN DAN CATATAN PENYELENGGARA YANG DITULIS OLEH A. KARIM HAJI ABDULLAH DALAM BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAANNYA

I. Pendahuluan Buku *Ceramah Bahasa dan Sastera* (1964)

ii. Sepatah Kata Buku *Warna Sari Kebudayaan* (1966)

iii. Pengantar Buku *Soal-soal Kebudayaan* (1971)

iv. Sepatah Kata Buku *Kepimpinan Dalam Kebudayaan* (1983)

v. Kata Pendahuluan Buku *Rekod Pembacaan Saya* (1984)

vi. Pendahuluan Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya* (1987)

vii. Pendahuluan *Catatan Pengalaman Pak Sako* (1987)

viii. Pendahuluan Buku *Pak Sako Bestari* (1988)

ix. Catatan Penyelenggara Buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan*(1991)

x. Catatan Penyelenggara Buku *UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara* (1992)

xi. Kata Pengantar Buku *Pemimpin dan Sasterawan* (1993)

xii. Prakata Buku *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu* (1993)

xiii. Pendahuluan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993)

xiv. Catatan Penyelenggara Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994)

xv. Pendahuluan Buku *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad* (1997)

xvi Pendahuluan Buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (1997)

xvii. Prakata *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* (1997)

xviii. Prakata Buku *Melayu Hilang Keberanian: Suatu Polemik?* (1998)

xix. Prakata Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Pahang Darul Makmur* (2000)

BAB LIMA

KATA PENGANTAR, PRAKATA, PENDAHULUAN DAN CATATAN PENYELENGGARA YANG DITULIS OLEH A. KARIM HAJI ABDULLAH DALAM BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAANNYA

Bakat kepengarangan, penulisan kreatif dan deskriptif Bung Karim bukan sahaja boleh dikesan dan dijejaki menerusi penulisan esei atau kertas kerja tetapi juga menerusi sesuatu kata pengantar, prakata, pendahuluan atau catatan penyelenggara yang ditulisnya dalam kebanyakan buku yang disusun dan diselenggarakannya yang diterbitkannya sendiri menerusi penerbitannya sendiri iaitu Pustaka Budaya Agency, Bina Karya Sdn. Bhd. mahupun penerbit lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Penerbit Universiti Kebangsaan, Fajar Bakti, Pustaka Aman Press, Bukukarya Media, Aka Media, Good Mark Enteprise, Bung Karim Enterprise, Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd. dan sebagainya.

Usaha menjejaki bakat kepengarangan dan penulisan deskriptif Bung Karim memerlukan seseorang pengkaji itu menyelongkar kesemua buku-buku yang pernah diselenggarakannya yang ada di antaranya tidak ditemui lagi di pasaran buku negara ini kecuali dengan mengunjungi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka atau bertanya sahabat-sahabat Bung Karim yang akrab dengan Allahyarham. Sememangnya tanggapan umum mengatakan Bung Karim bukan seorang penulis tetapi seorang penyelenggara atau pendokumentor sahaja tetapi sekiranya kita memperhalusi apa yang ditulis oleh Bung Karim dalam bentuk kata pengantar, prakata, pendahuluan atau catatan penyelenggara dalam hampir 30 buah buku yang diterbitkannya, di sana

terhimpun dan terpancar ketajaman mata pena dan keintelektualan Bung Karim sebagai penulis atau pengarang yang berbakat besar. Ikutilah sebahagian kata pengantar atau pendahuluan sesebuah buku yang diselenggarakannya untuk menikmati buah fikir dan pemikiran beliau yang tersendiri yang tentunya akan memudahkan pengkaji sastera atau pembaca buku beliau yang bertebaran itu menikmatinya dalam sebuah buku khas yang diperturunkan seperti berikut:

PENDAHULUAN BUKU *CERAMAH BAHASA DAN SASTERA* (1964)*

Memandang kepada besarnya perhatian kita terhadap perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu yang menjadi bahasa dan kesusasteraan kebangsaan dalam negara kita pada masa yang akan datang, maka berbagai-bagai kegiatan telah dijalankan untuk memaju, memperkembang dan memperluaskan lagi pemakaian bahasa dan kesusasteraan Melayu itu sehingga berjaya mencapai ertikata Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang sebenar-benarnya.

Perhatian itu sudah meluas pula di kalangan orang-orang yang bukan Melayu yang ingin turut serta memaju dan menggunakan bahasa kebangsaan itu sebagai satu alat yang dapat menyatupadukan seluruh rakyat di dalam negeri ini, yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan yang mempunyai berbagai-bagai kebudayaan. Dari semasa ke semasa kita lihat berbagai-bagai kegiatan dijalankan oleh pejuang-pejuang bahasa, pahlawan-pahlawan pena, peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan, badan-badan atau perkumpulan-perkumpulan bahasa untuk menanamkan semangat cintakan bahasa itu dan menggunakan bahasa itu seluas-luasnya. Kepada mereka – bahasa dan kesusasteraan Melayu – bukan lagi merupakan alat atau barang perhiasan semata-mata tetapi sudah merupakan alat yang penting dalam kehidupan mereka sehari-hari. Bahasa dan Kesusasteraan Melayu akan memainkan peranan yang lebih penting dalam perkembangan dan kedudukan negara kita pada masa yang akan datang. Buktinya sudah

* Sewaktu esei ini ditulis dan diterbitkan Bung Karim menggunakan nama pena Shahrim Abdullah. Shahrim adalah juga nama salah seorang anaknya iaitu Aznul Shahrim yang kini bertugas sebagai komputer engineer di Pulau Pinang.

banyak kita lihat sekarang ini bahawa bahasa Melayu boleh digunakan dalam apa jua lapangan. Ahli-ahli bahasa, tokoh-tokoh sastera, badan-badan persuratan telah menjalankan kegiatan mereka dalam memupuk semangat cintakan bahasa kebangsaan. Mereka mengadakan ceramah-ceramah bahasa, forum-forum, diskusi-diskusi buku dan lain-lain untuk membantu pelaksanaan cita-cita kebangsaan itu. Sebuah demi sebuah buku-buku Melayu dalam berbagai-bagai perkara telah diterbitkan pada waktu akhir-akhir ini, pendeknya zaman ini ialah zaman membanjirnya buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu. Ini adalah satu tanda yang sihat bahawa bahasa kebangsaan mempunyai kedudukan yang penting pada masa yang akan datang. Kekurangan buku-buku pengetahuan bukan lagi merupakan penghalang kepada cita-cita kita, asal saja ada daya usaha dari tiap-tiap anggota masyarakat itu yang cintakan bahasa dan negara ini.

Buku *Ceramah Bahasa dan Sastera* ini adalah hasil dari inisiatif saya yang ingin turut serta menambahkan sebuah lagi buku yang bercorak bahasa dan sastera ke dalam perbendaharaan perpustakaan Melayu. Kita sedar bahawa kita masih kekurangan bahan-bahan bacaan yang baik dan bermutu untuk menjadi makanan, rohani masyarakat kita. Dalam usaha kita untuk membangun dan memajukan bangsa, maka bahan-bahan bacaan yang tinggi dan bernilai amat berguna untuk memupuk minat dan kesedaran kita. Pembangunan dalam bidang apa sekalipun tidak memberi erti kalau rakyatnya masih kekurangan ilmu pengetahuan – baik pengetahuan itu hasil dari karya rakyat negeri ini mahupun dari karya-karya orang lain. Pendeknya kita mesti mengisi dada kita dengan berbagai-bagai ilmu pengetahuan untuk menjadi rakyat yang berguna kepada bangsa dan negara.

Sesungguhnya persoalan bahasa dan sastera itu merupakan satu faktor yang tidak dapat dipisahkan. Memperkatakan kesusasteraan bererti memperkatakan masyarakat dan mempelajari sastera bererti mempelajari kemajuan dan perkembangan fikiran dalam masyarakat itu. Hasil-hasil sastera – novel, cerpen, sajak, drama dan lain-lain – tiap-tiap satunya itu mencerminkan masyarakat sesuatu bangsa dalam sesuatu zaman. Dan manakala kita mempelajari sastera berertilah kita mempelajari dan mengenali masyarakat kita. Seperti kata Kassim Ahmad bahawa "Sastera itu ialah sebuah pengucapan yang sehabis langsung, sehabis tinggi dan sehabis mulia." Pendeknya bahasa dan sastera merupakan satu bahagian yang penting dalam susunan tubuh sesuatu bangsa dan bahasa itulah yang menyempurnakan wujudnya sesuatu bangsa dan tidak akan lengkap pula wujudnya sesuatu bangsa kalau tidak dengan bahasanya.

Keseluruhan isi buku ini mengandungi ceramah-ceramah bahasa dan sastera yang telah diberikan oleh beberapa orang penceramah yang ahli dalam lapangan masing-masing dan luas pula pengetahuan mereka dalam perkara - perkara itu. Tujuan saya mengumpulkan ceramah - ceramah itu dalam sebuah buku seperti ini ialah sebagai bahan tambahan kepada pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa dan kesusasteraan dalam peperiksaan-peperiksaan bahasa dan kesusasteraan dan juga untuk mereka yang ingin memperluaskan pengetahuan mereka dalam perkara-perkara tersebut. Dan diharapkan bahawa ceramah-ceramah yang termuat dalam buku ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya oleh pelajar-pelajar bahasa dan kesusasteraan. Saya sedar bahawa buku ini jauh daripada lengkap dalam ertikata bahawa bahan-bahan yang diperkatakan dan dihuraikan dalam buku ini cukup untuk maksud-maksud peperiksaan tetapi sebaliknya pelajar-pelajar juga hendaklah mencari bahan - bahan tambahan daripada buku

rujukan (*reference*), buku panduan yang lain, baik yang ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa lainnya. Di antara ceramah-ceramah yang ada dalam buku ini ada yang telah diceramahkan dalam tahun 1957 itu sebelum negeri ini mencapai kemerdekaannya dan ada pula ceramah-ceramah yang baharu. Tetapi memikirkan bahawa isi-isi ceramah itu amat baik dan berguna sebagai panduan kepada pelajar-pelajar sastera maka itulah disusun ke dalam buku ini.

Dalam buku ini terdapat dua buah ceramah mengenai pengajian sastera oleh Prof. Dr. R. Roolvink dan Prof. Sutan Takdir Alisjahbana. Ceramah yang pertama – *Pengajian Sastera Melayu Lama* dan ceramah yang kedua – *Pengajian Bahasa dan Sastera Melayu dan Indonesia di Universiti* – merupakan ceramah-ceramah yang berguna tentang pentingnya pengajian sastera itu, dikupas dan ditinjau secara mendalam oleh dua orang professor. Ceramah-ceramah yang lain adalah mengenai berbagai-bagai aspek perkembangan bahasa dan sastera.

Buku ini jauh daripada sempurna namun begitu saya sedia menerima teguran, nasihat daripada mereka yang telah menatap buku ini agar dapat diperbaiki pada masa yang akan datang.

Akhir sekali saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penerbit dan penceramah (seperti saya nyatakan dalam Kata Pengakuan) di atas kerjasama mereka membenarkan saya memetik ceramah-ceramah mereka yang telah saya kumpulkan ke dalam buku ini. Juga penghargaan saya kepada tiap-tiap seorang yang

telah memberi perangsang dan teguran dalam masa menyusun buku ini dan terutama sekali kepada penerbit Pustaka Aman Press yang telah sudi menerbitkannya.

BAHASA JIWA BANGSA

Kuala Lumpur.
31 Ogos 1964.

SHAHRIM ABDULLAH

SEPATAH KATA BUKU
WARNA SARI KEBUDAYAAN (1966)*

Semenjak diadakan Kongres Kebudayaan Melayu yang Pertama di Melaka dalam tahun 1958 dahulu maka dari sejak itu perhatian kita terhadap soal kebudayaan kian bertambah dan menggembirakan. Malah pada waktu yang akhir-akhir ini soal kebudayaan sudah merupakan satu persoalan yang penting lebih-lebih lagi dalam usaha kita menegakkan keperibadian bangsa. Soal kebudayaan itu bukan sahaja dipandang serta diambil perhatian yang berat oleh segolongan masyarakat sahaja malah pemerintah sendiri telah pun mengadakan satu kementerian yang khusus untuk menyelenggarakannya. Pendeknya masalah kebudayaan itu tidak kurang pentingnya daripada soal bahasa dan kesusasteraan yang sedang kita maju dan memperluaskan pemakaiannya. Dan tidak dapat disangkal lagi bahawa kebudayaan merupakan satu faktor yang penting dalam usaha kita untuk menyatupadukan kehidupan rakyat, terutama di dalam negara yang berbilang bangsa ini.

Oleh kerana soal kebudayaan itu merupakan satu soal yang sulit, satu soal yang banyak selok-beloknya, maka kita perlu sekali mendapat pengetahuan yang luas dan penerangan yang jelas terhadap perkara ini. Kita sedar bahawa soal memahami kebudayaan itu bukan sahaja sekadar mengenali kesenian-kesenian, seperti tarian-tarian atau pakaian-pakaian kita, tetapi yang lebih penting sekali ialah kita harus memahami kebudayaan kita itu dari segala aspek yang berhubung dengan *bangsa* kita – susunan ekonominya, sistem pelajaran kita, cara berfikir bangsa kita, pendeknya segala aspek mengenai kehidupan bangsa kita sesuai dengan kedudukan kita sebagai satu bangsa yang mempunyai peribadinya yang tersendiri.

* Sewaktu esei ini ditulis dan diterbitkan Bung Karim menggunakan nama pena Shahrim Abdullah.

Sesungguhnya amatlah sukar untuk memberikan satu takrif atau definisi yang tepat mengenai istilah kebudayaan itu. Masing-masing orang akan memberikan penghuraiannya yang tersendiri pula. Dan menurut satu kajian bahawa lebih daripada 160 pengertian telah diberikan oleh ahli-ahlinya tentang istilah ini. Ada yang berpendapat bahawa kebudayaan itu ialah hasil usaha dan perjuangan manusia menyesuaikan dirinya atau hidupnya dengan alam sekelilingnya, dan berbagai-bagai rumusan yang lain.

Buku ini lahir sebagai menampung sebahagian daripada beberapa pandangan terhadap soal-soal kebudayaan itu yang telah diberikan oleh mereka yang benar-benar luas pengetahuannya dalam bahagian ini. Dan diharapkan semoga bahan-bahan serta kajian-kajian yang luas dan dalam itu dapat pula dijadikan satu asas ke arah memahami soal kebudayaan kita.

Kita sedar bahawa kita masih kekurangan bahan-bahan yang berguna yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam usaha kita memahami soal kebudayaan itu. Buku-buku yang khusus membicarakan kebudayaan terutama buku-buku tentang ilmu kaji manusia dan ilmu kemasyarakatan yang bercorak teknikal serta teoritikal, boleh dikatakan tidak ada langsung di dalam perbendaharaan perpustakaan Melayu di Malaya. Malah buku-buku yang memberi keterangan yang lengkap dan objektif tentang masyarakat dan kebudayaan di Malaya masa ini, pun belum ada. Jadi, memandang kepada hal inilah maka kami cuba menyusun sebuah buku yang diberi nama *Warna Sari Kebudayaan* dengan tujuan menambahkan sebuah buku berupa pengetahuan kebudayaan ke dalam perbendaharaan perpustakaan kita.

Keseluruhan isi buku ini mengandungi ceramah-ceramah kebudayaan, rencana-rencana mengenai beberapa aspek kebudayaan serta kajian-kajian yang agak luas terhadap soal ini. Dengan terkumpulnya bahan-bahan ini di dalam sebuah buku seperti ini, maka akan memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar atau mereka yang ingin memperluaskan pengetahuan mereka dalam soal ini, dapat menatap dan membacanya dalam sebuah buku. Kepada mereka yang tidak berpeluang mendengar ceramah-ceramah ini dahulu, maka mereka dapat mengikuti ceramah-ceramah yang bernilai itu di dalam buku ini.

Di dalam buku kecil ini terdapat sebuah ceramah oleh Prof. Dr. R. Roolvink yang berjudul "Kebudayaan – Istilah dan Pengertiannya". Beliau telah menghurai dan memperkatakan istilah kebudayaan itu secara ilmiah. Semoga dengan huraian dan kupasan beliau itu dapat menambahkan sedikit pengetahuan kita. Selain daripada itu, Tuan Syed Hussein Ali di dalam rencananya yang bertajuk "Mengkaji Kebudayaan Melayu Lama Dari Kesusasteraan Melayu Lama" telah memberikan beberapa faktor yang berguna mengenai soal-soal kebudayaan yang terdapat di dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu Lama. Beliau menyatakan bahawa "kesusasteraan lama itu memendamkan bermacam-macam kekayaan yang sangat berguna bagi meluaskan ilmu pengetahuan mengenai bangsa kita sendiri". Selanjutnya beliau menegaskan bahawa "kita harus mengkaji kesusasteraan Melayu lama sebagai sumber pengetahuan kebudayaan Melayu lama."

Beberapa waktu yang lalu, telah timbul soal atau masalah menjadikan kebudayaan Melayu itu sebagai teras kebudayaan kebangsaan di Tanah Melayu. Dan hasil dari masalah ini, kita dapati berbagai-bagai pendapat atau saranan dikemukakan oleh

berbagai-bagai orang. Buktinya dapat kita lihat perbincangan-perbincangan atau polemik-polemik diadakan di dalam surat-surat khabar dan majalah-majalah. Ceramah Dr. Syed Hussein Alatas yang berjudul "Sekitar Kebudayaan Melayu dan Malayan" merupakan pendapat dan pandangan beliau terhadap soal ini dan diharap semoga pandangan beliau terhadap membentuk satu kebudayaan bagi masyarakat yang berbilang bangsa itu ada faedahnya untuk kita menungkan.

Ceramah-ceramah yang lain yang terkumpul di dalam buku ini merupakan tinjauan atau pandangan-pandangan perseorangan mengenai berbagai-bagai aspek kebudayaan Melayu dan Indonesia. Kami penuh yakin dan percaya bahawa setelah membaca keseluruhan ceramah-ceramah itu, maka akan bertambahlah sedikit pengetahuan kita terhadap soal ini dan akan sedarlah kita mengapa kita harus mempelajari kebudayaan atau sekurang-kurangnya mengikuti soal ini.

Kami sedar bahawa usaha kami ini jauh daripada sempurna atau lengkap namun begitu kelahiran buku ini adalah hasil kerjasama dari berbagai-bagai penerbit dan beberapa orang penceramah yang telah bermurah hati memberi izin kepada kami memetik ceramah-ceramah mereka yang kami susun di dalam buku ini. Kami mengucapkan terima kasih di atas galakan dan kerjasama mereka itu. Penghargaan kami juga kepada sahabat yang memberi nasihat dan teguran dan membina dalam masa menyusun buku ini, dan akhir sekali kepada Percetakan Pustaka Aman yang bersetuju menerbitkannya.

KEBUDAYAAN NILAI BANGSA

Shahrim Abdullah

Kuala Lumpur.

PENGANTAR BUKU *SOAL-SOAL KEBUDAYAAN* (1971)

Bahawa soal kebudayaan merupakan salah satu unsur yang penting sebagai asas perpaduan di negara kita sudah tidak dapat dinafikan lagi. Malah pada waktu yang akhir-akhir ini soal kebudayaan sudah menjadi satu faktor yang penting dalam usaha-usaha kita mengisi pembangunan nasional. Dalam piagam Rukun Negara kita sendiri ada dinyatakan tentang cita-cita pihak pemerintah hendak menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak itu.

Mengingat bahawa soal kebudayaan itu merupakan satu soal yang sukar difahami maka kita perlu sekali mendapat pengertian yang luas dalam perkara ini. Sesungguhnya memanglah agak sukar untuk memberikan satu definisi yang tepat mengenai istilah kebudayaan itu, dan menurut satu kajian bahawa ada lebih daripada 160 huraian dan rumusan telah dibaut oleh pakar-pakar dalam jurusan mereka masing-masing untuk mendapatkan pengertian yang setepat mungkin.

Kerana menyedari tentang kekurangan buku-buku mengenai kebudayaan dalam perpustakaan kita maka usaha menyusun buku ini ialah sebagai langkah untuk mengisi kekurangan itu. Keseluruhan isi buku ini mengandungi berbagai-bagai kupasan dan sari pendapat tentang soal-soal kebudayaan yang pernah ditulis oleh beberapa orang yang ahli dalam lapangan mereka. Kami mengharapkan agar buku ini berguna sebagai bacaan tambahan dan bahan rujukan untuk pelajar-pelajar yang mengikuti kursus kebudayaan di pusat-pusat pengajian tinggi, dan untuk bacaan umum.

Moga-moga usaha ini ada faedahnya.

- Penyusun.

PENDAHULUAN BUKU *ZAKARIA HITAM (PAK ZEK) BUDAYAWAN BERJASA* (1987)

Terlebih dahulu saya mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia taufik dan hidayah-Nya mendorongkan saya untuk menyusun buku yang diberi nama *Zakaria Hitam (Pak Zek) Budayawan Berjasa* ini.

Buku ini bukanlah sebuah buku kajian ilmiah tentang tokoh ini, tetapi lebih merupakan koleksi tulisan-tulisan tersebar mengenai Pak Zek yang tersiar dalam berbagai penerbitan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Tulisan tersebar itu dikumpulkan untuk bahan dokumentasi dan sebagai bahan rujukan yang berguna bagi mereka yang akan membuat kajian tentang penulisan dan pengumpulan sastera rakyat. Juga ia berguna bagi setiap pelawat yang mengunjungi ke rumah Pak Zek untuk menyaksikan "mini-muziumnya".

Dalam usaha saya mengumpulkan tulisan-tulisan ini saya banyak menerima kerjasama dan galakan dari berbagai pihak, terutama sekali dari Tuan Haji Zakaria Hitam (Pak Zek) yang banyak menghantarkan kepada saya bahan-bahan untuk buku ini. Saya juga suka merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan keapda pihak Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membenarkan saya menggunakan bahan-bahan dari fail dokumentasi mereka.

Barangkali ada lagi tulisan-tulisan mengenai Pak Zek yang terbit di luar negeri dalam bahasa-bahasa lain yang tidak dapat dikumpulkan atau di luar pengetahuan Pak Zek sendiri dan tidak diketahui sumbernya.Namun kumpulan demikian tulisan ini sudah

cukup memperlihatkan kegigihan dan usaha besar Pak Zek sebagai seorang tokoh penting Sastera Rakyat Malaysia.

Sementara itu, ada lagi beberapa tulisan penting oleh Pak Zek yang tidak termasuk dalam koleksi ini, seperti beberapa buah kertas kerjanya mengenai penulisan sastera rakyat. Diharapkan kertas kerja Pak Zek ini dapat diusahakan penerbitannya dalam sebuah buku lain.

Pak Zek sudah menjangkau usia lebih 75 tahun. Atas daya usaha dan dedikasinya mengumpulkan cerita-cerita sastera rakyat, beliau telah menerima beberapa penganugerahan sebagai tanda penghargaan sumbangannya. Beliau telah menerima Anugerah Budayawan Gapena (1978), Anugerah Ijazah Sarjana Sastera (kehormat – 1982) dan Anugerah Bapa Sastera Rakyat Pahang (1987) di samping beberapa bintang kebesaran dari Kerajaan Negeri Pahang. Kegigihan Pak Zek perlu dicontohi oleh generasi baru.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Abu Hassan Sham kerana kata-kata sambutan buku ini, dan kepada setiap penyumbang yang tulisan mereka dikumpulkan dalam buku ini, maka diucapkan setinggi-tinggi penghargaan.

Diharap buku ini *Zakaria Hitam (Pak Zek) Budayawan Berjasa* mendapat sambutan dan berguna untuk perpustakaan kita.

28 September 1987

A. KARIM HAJI ABDULLAH

SEPATAH KATA BUKU
KEPIMPINAN DALAM KEBUDAYAAN (1983)

Saya mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan keizinan-Nya menggerakkan hati saya untuk menyusun dan menerbitkan buku kecil ini.

Buku ini yang diberi nama *Kepimpinan Dalam Kebudayaan* sebenarnya merupakan koleksi esei-esei tersebar dari Prof. Ismail Hussein, Ketua Satu, Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), iaitu esei-eseinya berupa teks ucapan, ceramah dan kertas kerja yang sudah lama tersimpan dalam fail dokumentasi saya. Setelah meneliti kembali tulisan beliau itu maka terlintas pula dalam fikiran saya kiranya esei beliau itu baik diterbitkan dalam bentuk buku supaya dapat tersebar dengan lebih luas lagi dan dijadikan bahan kajian oleh pelajar-pelajar kebudayaan dan peminat sastera.

Bagi menjayakan kegiatan ini saya telah mendapat kerjasama dari Prof. Ismail sendiri yang mengizinkan saya menerbitkannya. Inilah hasilnya yang saya beri nama *Kepimpinan Dalam Kebudayaan*.

Sari pendapat Prof. Ismail Hussein yang banyak beliau utarakan dalam berbagai-bagai forum, seminar dan persidangan ataupun dalam upacara perasmian sesuatu peristiwa bahasa dan sastera, baik dalam negeri atau antarabangsa tidak syak lagi merupakan saranan-saranan yang penting untuk direnungkan, dan tidak dapat dinafikan bahawa analisa dan pendapat beliau itu merupakan satu sumbangan pemikiran dari tenaga intelektual kita yang amat berguna bagi masyarakat kita yang sedang membina keperibadiannya sendiri. Dalam hubungan ini saya berpendapat amat sesuai esei-esei beliau ini dikumpulkan dan dibukukan sebagai bahan rujukan dan dokumentasi.

Dalam kegiatan kebudayaannya, Prof. Ismail Hussein terus diberi kepercayaan memimpin badan penulis nasional. Sejak ianya ditubuhkan, beliau banyak menggunakan kesempatan untuk menerangkan tujuan-tujuan dan cita-cita Gapena dalam Seminar dan Persidangan yang disertainya. Sebahagian besar dari pandangan beliau itu, dapat diikuti dalam buku ini.

Akhirnya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Ismail yang mengizinkan saya mengumpulkan esei-esei ini. Juga terima kasih saya kepada Sdr. Yahaya Ismail kerana membenarkan saya memetik rencana beliau berjudul "Ismail Hussein Sebagai Budayawan dan Ilmiah" yang saya kira amat sesuai sebagai pengenalan kepada tokoh dan pemimpin Kebudayaan yang karyanya saya susun dalam buku ini.

A. Karim Haji Abdullah
Penyusun

Petaling Jaya
15 Januari, 1980.

KATA PENDAHULUAN BUKU
REKOD PEMBACAAN SAYA (1984)

Bahawa buku merupakan alat yang penting di dunia ini untuk mengekalkan dan menambahkan ilmu sudah tidak dapat dinafikan lagi. Peranan buku dalam pelaksanaan pembangunan masyarakat dalam sesebuah negara itu bukanlah kecil ertinya. Kita pernah mendengar ungkapan *buku yang merubah dunia* dan dengan hasil pembacaan buku pernah menukarkan keadaan corak masyarakat.

Apakah erti buku bagi negara kita dan bagi negara-negara lain yang sedang membangun dan menegakkan keperibadiannya? Sejarah telah membuktikan bahawa negara dan bangsa yang maju adalah seimbang dengan kemajuan pembacaan rakyatnya.

Membaca riwayat hidup pemimpin besar dunia, kita akan bertemu dengan tokoh-tokoh yang tidak pernah memisahkan hidup mereka dengan pembacaan. Pandit Nehru, misalnya, banyak menghabiskan masanya dengan membaca dan menulis waktu beliau dipenjarakan malah beliau telah menghasilkan beberapa karya yang besar. Mahatma Ghandi menceritakan bahawa buku merupakan sahabatnya yang paling karib. Presiden Kennedy dalam sebuah ucapannya kepada sebuah perpustakaan di Amerika pernah mengatakan bahawa *buku merupakan sebuah empayar pemikiran hati nurani manusia*. Abraham Lincoln menurut kisah hidupnya pernah berusaha mendapatkan segala buku yang ada di wilayahnya untuk dipinjam dan dibaca di bawah cahaya lampu semasa beliau muda dan dari beliau juga pernah keluar kata-kata *buku ialah universiti yang boleh dibawa-bawa*. Dr. Mohd Hatta tidak pernah memisahkan hidupnya dengan buku dan alam pembacaan.

Berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan minat membaca di kalangan masyarakat kita. Seminar dan persidangan diadakan dari masa ke semasa bagi mengkaji minat membaca. Perpustakaan-perpustakaan awam didirikan untuk memberi kesempatan mereka yang suka meminjam dan membaca buku. Tiap-tiap tahun pesta dan pameran buku diadakan di dewan-dewan pameran dengan tujuan untuk memberi peluang bagi masyarakat memerhatikan perkembangan dunia penerbitan dan di samping kegiatan menggalakkan minat membaca.

Buku ini – *Rekod Pembacaan Saya (My Reading Record)* – disusun untuk para pelajar dan pemuda-pemudi yang boleh menggunakannya sebagai buku panduan untuk merekodkan segala buku-buku yang sudah dibacanya. Tidak syak lagi segala rekod pembacaan itu merupakan satu khazanah peribadi yang amat penting di dalam hidupnya, dan seseorang itu akan berasa bangga melihat buku-buku yang dibaca itu direkodkannya.

Buku ini juga boleh digunakan oleh siapa sahaja yang suka merakamkan buku-buku yang dibacanya, dan berharap ia akan mendapat sambutan yang baik dari semua pihak.

A. KARIM HAJI ABDULLAH
Penyusun.

1 Oktober 1984.

PENDAHULUAN BUKU *PEMIKIRAN TUN RAZAK TENTANG BAHASA SASTERA BUDAYA* (1987)

Dalam sebuah ucapannya ketika menyampaikan Hadiah Karya Sastera 1974, Allahyarham Tun Razak antara lain berkata "meskipun lazimnya saya lebih sibuk dengan soal-soal negara sebagai seorang politik tetapi ini tidaklah mengurangkan minat saya kepada bidang kesusasteraan dan kebudayaan. Kita semua maklum kehidupan politik kita tidak akan bermanfaat kalau kemajuan dalam lapangan kebudayaan tidak seimbang dengan kemajuan dalam lapangan lain".

Demikian antara lain pemikiran Allahyarham Tun Razak tentang pentingnya soal-soal kebudayaan dalam usahanya menjadikan negara ini sebuah negara yang progresif, moden dari segi pembangunan fizikal dan pembangunan rohaniah untuk kesejahteraan rakyat.

Sebenarnya Allahyarham Tun telah memikirkan soal-soal kebudayaan dan kesusasteraan ini semenjak tahun 1940-an lagi. Di dalam majalah tahunan Maktab Melayu Kuala Kangsar, *The Malay College Magazine* keluaran tahun 1940 terdapat sebuah karangan yang bertajuk "*Belia-belia Melayu dengan Persuratan*" yang ditulis oleh seorang bernama A. Razak bin Husin. Pada masa itu A. Razak menjalani latihan setahun di maktab tersebut untuk menjadi Pegawai Tadbir Melayu. Tetapi lima belas tahun kemudian A. Razak bin Husin inilah yang menjadi Menteri Pelajaran yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu sehinggalah beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Yang Kedua bagi negara Malaysia. Pada 14 Januari 1976 Tun Abdul Razak meninggal

dunia di London dan jenazahnya dibawa pulang untuk disemadikan di Makam Pahlawan di perkarangan Masjid Negara.

Karangan beliau di dalam majalah *The Malay College* itu mengandungi tiga halaman. Tetapi di dalam karangan yang padat itu, penulisnya telah memberikan pandangan dan pemikiran beliau tentang sikap belia-belia Melayu yang berpendidikan Inggeris terhadap bahasanya sendiri dan beliau menyeru supaya belia-belia Melayu mengambil berat tentang bahasa dan persuratan Melayu, "Untukkanlah masa pada tiap-tiap hari, walaupun sekejap, bagi membaca-baca atau menulis atau menyiasat bahasa Melayu kita. Kemudian hari kelak tahulah tuan-tuan bagaimana rupanya bahasa Melayu yang dikatakan ada kecantikannya itu," katanya (lihat lampiran A).

Ternyata berdasarkan esei beliau itu, memperlihatkan bahawa Allahyarham Tun Razak telah memikirkan masalah bahasa, buku-buku dan majalah Melayu, suratkhabar dan wartawan-wartawan Melayu dan maruah bangsa semenjak tahun 1940 lagi.

Buku ini merupakan koleksi ucapan dan ceramah beliau yang menyentuh soal-soal bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu semenjak Allahyarham Tun menjadi Menteri Pelajaran sehinggalah beliau menjadi Perdana Menteri.

Di zaman Tun Razak juga berlaku peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah seperti Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka, Menandatangani Perjanjian Persahabatan Malaya – Indonesia, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia, Pelancaran Sistem Ejaan Baru Malaysia–Indonesia, Peraduan mengarang novel 10 tahun

merdeka, penyampaian hadiah karya sastera dan lain-lain peristiwa yang penting dalam sejarah perkembangan dan kemajuan bangsa kita yang merdeka ini.

Semasa menjadi Menteri Pelajaran yang pertama, Allahyarham Tun telah merapatkan dirinya dengan ahli-ahli bahasa, budayawan dan sasterawan dari Malaya, Singapura, Brunei dan Indonesia apabila beliau diberi penghormatan merasmikan pembukaan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang diadakan di Johor Bahru pada tahun 1956. Waktu merasmikan kongres tersebut Tun antara lain berkata, "Kongres ini bersidang di masa yang bersejarah di dalam perjalanan persuratan dan bahasa Melayu. Oleh itu kongres ini mempunyai tanggungjawab yang berat bagi mendatangkan syor-syor yang sebenar-benarnya berguna dan berfaedah serta dikehendaki oleh rakyat jelata bagi melaksanakan perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu."

Dari kongres yang bersejarah itulah lahirnya Dewan Bahasa dan Pustaka, yang sedang menjalankan tugas memikul amanah Kongres itu.

Semasa merasmikan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama pada tahun 1957 – satu-satunya kongres yang diadakan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan – Allahyarham Tun telah memberikan pemikirannya tentang kebudayaan. Katanya "Tidaklah sesiapa pun dapat menafikan bahawa kebudayaan itu adalah mengambil peranan yang penting di dalam kehidupan sesuatu bangsa,kerana kebudayaan itulah yang dapat menilaikan bagaimana tinggi atau rendahnya mutu tamadun dan budi pekerti bagi sesuatu bangsa di atas dunia ini. Kita patutlah berasa sombong dan bangga bahawa bangsa kita tidaklah miskin di dalam kebudayaannya dan dengan itu dapatlah sekalian bangsa di atas dunia ini menilaikan bagaimana tingginya mutu bangsa kita yang

memang telah masyhur dari semenjak zaman berzaman. Saya berani berkata bahawa Kebudayaan Melayu dapat ditanding dengan kebudayaan-kebudayaan bangsa lain, dan hal ini ternyata jika diadakan pertunjukan kebudayaan di antara bangsa-bangsa. Pada masa kita mengadakan sambutan beberapa bulan yang lepas, bangsa-bangsa lain yang telah datang menyaksikan bermacam-macam kebudayaan bangsa kita itu telah memandang tinggi akan adat resam dan kebudayaan bangsa kita."

Salah satu peristiwa yang bersejarah yang disertai oleh Allahyarham Tun semasa beliau memangku jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1959 ialah upacara menandatangani perjanjian persahabatan Malaya – Indonesia. Beliau mewakili kerajaan Persekutuan Tanah Melayu manakala Indonesia diwakili oleh Perdana Menteri Juanda. Di majlis yang bersejarah itu Tun dalam ucapannya menyatakan "Tidaklah dapat sesiapa pun menafikan bahawa kita ialah umat yang mempunyai darah dan keturunan yang satu yang telah diceraikan akibat dari perkembangan sejarah. Kami sentiasalah memerhati dari jauh segala langkah dan kemajuan yang dibuat oleh saudara-saudara kami di Indonesia itu dan kami sentiasalah mendapat semangat dan perangsang dari saudara-saudara yang kami sifatkan sebagai saudara tua kami itu dalam perjuangan kami kerana menebus kedaulatan bangsa dan negara."

Berucap dalam satu pertemuan dengan penulis-penulis di Pulau Pinang dalam tahun 1966, Allahyarham Tun memberikan pandangannya tentang peranan sasterawan. "Sasterawan adalah propagandis zamannya, manusia dan dunia dalam zamannya, dia melukiskan dan menggambarkan cita-cita hasrat dan perasaan masyarakat sekelilingnya dalam satu-satu ketika dan satu-satu saat yang bersejarah dan yang mengandungi erti

kepada penghidupan manusia kita telah menjadi *interpreter* atau pelukis zaman sekarang, zaman pembangunan bangsa dan negara?"

Penulis-penulis, tegas Tun, mestilah mengerti saat (*moments*) sejarah yang sedang dilalui oleh rakyat dan negaranya dan mempernyatakan kekaguman dan keharuan saat sejarah itu dalam bentuk cerita pendek dan novel yang indah, yang mengandung nilai sastera dan seni. Tuan-tuan dan puan-puan tentulah sedar bahawa kita sekarang hidup dalam zaman yang amat bersejarah, kejadian-kejadian dalam tanah air kita sekarang besar ertinya dari segi sejarah.

Empat belas tahun selepas beliau merasmikan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama di Melaka Tun juga diberi kesempatan merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 di Dewan Tunku Canselor. Di dalam ucapan perasmiannya Tun memberikan pandangan yang luas terhadap penyediaan bagi pembentukan Kebudayaan Kebangsaan, katanya .... Nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka itu, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa – *the reality of our multi-racial society*. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu

ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan mengelencung dari matlamat mendirikan bangsa yang bersatu."

Semasa berucap merasmikan Seminar Kesusasteraan Nusantara di Balai Seminar Dewan Bahasa Tun memberikan pandangannya terhadap usaha-usaha memajukan bahasa Malaysia dalam hubungannya untuk membina negara yang bersatu padu. Kata Tun "dalam usaha kita membina negara yang bersatu padu serta menentukan *national identity* sendiri, sudah tentulah tugas penulis hari ini lebih berat dari masa-masa yang lampau. Penulis hari ini hidup dalam suatu zaman yang jauh lebih kompleks di mana berbagai-bagai masalah dan keperluan-keperluan hidup manusia moden menghendaki perhatian dan juga huraiannya. Sistem hidup manusia moden memerlukan *approach* dan *solution* yang moden pula. Disebabkan oleh kemajuan pelajaran dan ilmu pengetahuan, masyarakat pembaca hari ini lebih kritis dan *sophisticated* dari masyarakat pembaca satu generasi terdahulu dan sebelumnya. Kemajuan bahasa Malaysia bukan sahaja akan dapat memperkayakan lagi sastera yang tertulis dalam bahasa Malaysia di negara kita tetapi juga akan melahairkan cabaran-cabaran baharu bagi penulis-penulis moden. Bilangan pembaca dalam bahasa Malaysia dari kalangan bukan Melayu akan bertambah ramai dan lama kelamaan keadaan ini akan mempengaruhi aliran satu corak perkembangan sastera nasional."

Demikianlah beberapa petikan dari ucapan-ucapan Allahyarham Tun Razak yang memperlihatkan betapa beliau mengambil berat tentang soal-soal bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan.

Sebagai Menteri Pelajaran pertama Tun Razak telah melancarkan konsep Sistem Pendidikan Kebangsaan yang telah mengasaskan penyatuan rakyat melalui pelajaran. Langkah ini bermula dengan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Jawatankuasa Pelajaran 1955 (yang kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956) yang dibentuk dengan tujuan untuk ".... menubuhkan suatu peraturan pelajaran kebangsaan" di negara ini, dan mempunyai matlamat untuk:

"... menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur." (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, perenggan 12).

Di samping sumbangan dan peranan beliau sebagai Menteri Pelajaran, Tun juga telah memainkan peranan yang penting dalam beberapa portfolio lain seperti Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Menteri Pertahanan dan beberapa jawatan yang lain. Allahyarham Tun Razak telah memainkan peranan yang penting dalam meletakkan asas-asas yang kukuh di dalam pembangunan negara dalam hampir semua bidang. Beliau merupakan nadi utama dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya negara Malaysia menuju ke matlamat sebagai sebuah negara moden dan progresif.

Selama hampir 25 tahun menjadi pemimpin Allahyarham Tun telah berkhidmat dan berjuang tanpa jemu untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. "Impian agung Tun ialah sebuah Malaysia yang padu, rakyatnya bersatu, bertindak serentak, bekerja

seiring ke arah keadilan sosial bagi seluruh rakyat Malaysia," demikian satu petikan dari akhbar *Straits Times*.

Dalam usaha saya mengumpulkan ucapan-ucapan dan ceramah beliau untuk isi buku ini maka saya hanya telah dapat mengumpulkan sebanyak 17 ucapan-ucapan beliau mengenai soal bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan. Barangkali ada lagi ucapan-ucapan beliau yang terlepas dari pengetahuan saya. Namun demikian ucapan-ucapan beliau yang terkumpul di dalam buku ini sudah cukup memperlihatkan tentang sikap, pendirian dan pemikiran beliau tentang soal-soal tersebut.

Saya harap buku ini berguna sebagai satu bahan dokumentasi bagi setiap rakyat yang suka menghayati pemikiran Allahyarham Tun terutama sekali pada angkatan baru yang akan membuat kajian ilmiah pada masa akan datang.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak Arkib Negara Malaysia, pihak perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di mana tempat saya mencari ucapan-ucapan Allahyarham Tun yang banyak tersebar dalam berbagai-bagai penerbitan. Terima kasih juga saya tujukan kepada Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Keris Mas) yang telah sudi menulis sebuah kata pengantar untuk buku ini. Rakaman penghargaan dan terima kasih kepada Sasterawan Negara Dr. Usman Awang dan Saudara Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) kerana petikan sajak-sajak mereka untuk melengkapkan buku ini, kepada YM Tengku Alauddin b. Tengku Abd. Majid, Yang diPertua Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), yang memberikan kata sambutan, kepada Puan Aishah Abdullah yang membantu membaca pruf, kepada saudari Juliana bt. Hj. Badri, yang membantu menaip manuskrip buku ini dan kepada tenaga pekerja ABC

Phototypesetting Centre, yang memberikan khidmat segera dan akhirnya kepada setiap orang yang memberikan kerjasama dan sokongan moral sehingga buku ini dapat diterbitkan.

A. KARIM HAJI ABDULLAH

30 September, 1987.

PENDAHULUAN *BUKU CATATAN PENGALAMAN PAK SAKO* (1987)

Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) seorang yang amat kaya dengan pengalaman. Beliau yang dilahirkan dalam tahun 1909 telah menempuh berbagai-bagai zaman, zaman Perang Dunia Yang Pertama, Zaman Perang Dunia Kedua, Zaman Pemerintahan Jepun, Zaman Darurat dan Zaman Kemerdekaan Tanah Air. Tidak syak lagi dalam setiap zaman itu berbagai-bagai peristiwa suka-duka dialaminya yang menambahkayakan pengetahuan dan pengalamannya.

Pak Sako pernah menjadi Pegawai Tadbir Melayu, menjadi majistret, menjadi guru, menjadi petani, menjadi pengarang dan wartawan di surat-surat khabar sebelum perang. Beliau juga pernah menjadi pemimpin politik kebangsaan (PKMM), menjadi seorang tahanan politik, menjadi editor dan kolumnis akhbar dan berbagai-bagai majalah di negeri ini. Dr. A. Samad Ismail menganggap Pak Sako sebagai 'gurunya' dalam dunia kewartawanan, dan Pak Samad juga menganggap "Ishak Haji Muhammad sebagai seorang nasionalis Melayu Raya."

Jika beliau menuliskan semua pengalaman-pengalamannya atau 'memoirnya' tentulah akan menjadi sebuah buku yang tebal. Namun demikian Pak Sako pernah beberapa kali menuliskan pengalamannya melalui berbagai jenis penerbitan. Bermula dalam tahun 1940, Pak Sako telah menulis pengalamannya sebagai wartawan yang tersiar dalam surat khabar *Utusan Zaman* selama beberapa keluaran. Tulisan beliau itu sudahpun diterbitkan dalam sebuah buku yang diberi nama *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura.*

Dalam tahun 1979 Pak Sako telah memulakan satu siri tulisan mengenai pengalaman hidupnya dalam akhbar *Mingguan Malaysia*. Beliau telah merakamkan pengalaman hidupnya dalam mingguan tersebut selama satu tahun. Memoir beliau itu patut dikumpulkan dalam sebuah buku untuk bahan kajian dan rujukan kerana ia merupakan dokumentasi yang amat berguna.

Dari bulan Januari hingga Disember 1983, Pak Sako telah menulis satu siri rencana-rencana pendek dalam majalah *Dewan Masyarakat* dalam ruangan yang diberi nama *Catatan Pengalaman Pak Sako*.

Selama setahun itu Pak Sako telah menceritakan pengalaman hidupnya dan pengalaman hidup bekas-bekas tahanan darurat di zaman pemerintahan Inggeris dulu. Mereka berpindah dan ditahan dari satu khemah ke satu khemah tahanan.

Dalam sebuah tulisannya Pak Sako mencatatkan kebanyakan bekas tahanan darurat itu sudah meninggal dunia. Maka itulah sebabnya kisah-kisah ini saya bukukan kerana ianya amat berguna dibaca oleh rakyat Malaysia zaman ini supaya janganlah hendaknya mereka menyangka bahawa kemerdekaan tanah airnya ini telah dicapai tanpa sebarang perjuangan yang hebat dan yang telah terkorban dalam perjuangan itu bukanlah seratus dua ratus orang sahaja..."

Catatan-catatan pengalaman saya ini, dan juga bekas-bekas tahanan yang lain, tegas Pak Sako, jikalau dituliskan semuanya akan menjadi sebuah buku yang tebal berguna dibaca oleh rakyat negara ini bertahun-tahun yang akan datang.

Apabila Kassim Ahmad, tegas Pak Sako, menyifatkan kisah-kisah beliau dalam tahanan ISA selama beberapa tahun yang baru lalu sebagai Universiti Kedua baginya maka kami orang-orang tahanan politik zaman darurat dahulu, masa pemerintahan British, boleh jugalah dikatakan kami telah belajar dalam beberapa buah universiti.

Buku ini mengandungi kumpulan tulisan Pak Sako yang bersiri-siri sepanjang tahun 1983 itu. Tujuannya supaya memudahkan pembaca menatapi semula segala pengalaman hidup tokoh nasionalis ini, dan berguna sebagai dokumen sejarah.

Buku-buku bercorak 'memoir' sudah mula bertambah mengisi perpustakaan kita. Tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin kita sudah ada yang menuliskan 'memoir' mereka. Jika Abdullah Munshi tidak menuliskan *hikayat* dan *kisah pelayarannya*, mungkin orang-orang zaman ini tidak mengetahui kisah dan peristiwa di zaman hidup pengarang itu.

Demikian juga 'memoir' Abdul Aziz Ishak *Katak Keluar Dari Bawah Tempurung*, merakamkan sebahagian riwayat hidupnya, dan peristiwanya menentang General Templer. Ahmad Boestamam menuliskan perjuangan hidupnya dalam memoir berjudul *Merintis Jalan Ke Puncak* dan *Lambaian Dari Puncak*. Dr. Kassim Ahmad merakamkan pengalaman dalam tahanan ISA, dengan karyanya berjudul *Universiti Kedua*.

Tokoh-tokoh sastera kita juga sudah ada yang menuliskan 'memoir' mereka. Keris Mas merakamkan *30 Tahun Sekitar Sastera*, Abdullah Hussain dengan *Sebuah Perjalanan*, Ahmad Boestamam *Memoir Seorang Penulis*, dan lain-lain lagi.

Pak Sako yang kini sudah menjangkau usia 78 tahun akan menulis satu siri baru dalam bulanan *Mastika*. Siri baru ini, juga akan mengisahkan pengalaman hidupnya, yang diberi nama *Dulu dan Sekarang*, yang tidak syak lagi akan merupakan bahan rujukan yang berguna untuk para pelajar, mahasiswa, penyelidik dan pensyarah yang sering mendatangi Pak Sako untuk mendapatkan bahan tesis atau maklumat-maklumat penting dari beliau. Tetapi siri baru beliau itu akan menjadi *Cermin Perbandingan*, bagi pengetahuan generasi sekarang dan generasi akan datang.

Pak Sako bukan sahaja kaya pengalaman tetapi banyak dan luas pengetahuannya, malah ada yang berpendapat Pak Sako ibarat perpustakaan hidup.

Saya suka merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur kerana membenarkan saya mengumpulkan tulisan-tulisan Pak Sako dari majalah *Dewan Masyarakat*.

Kita harap ramai lagi tokoh-tokoh dan pemimpin dalam semua lapangan menuliskan 'memoir' mereka seperti yang dilakukan oleh Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) ini.

A. KARIM HJ. ABDULLAH

28 September 1987.

PENDAHULUAN BUKU *PAK SAKO BESTARI* (1988)

Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) merupakan anugerah Tuhan yang besar dan bererti kepada bangsa dan negara kita. Riwayat hidupnya tidak dapat dipisahkan dari sejarah perjuangan nasional dan kemerdekaan tanah air kita ini. Hampir seluruh hidupnya dicurahkannya untuk kemuliaan bangsa dan kemajuan tanah airnya.

Pak Sako kini sudah hampir 80 tahun. Ramai teman-teman seperjuangannya sudah meninggal dunia, tetapi Allah telah melanjutkan usia Pak Sako sampai kini, dan berkesempatan menyaksikan hasil perjuangan yang dipeloporinya dahulu dan terus berjuang tanpa jemu melalui pencurahan ideanya melalui tulisan-tulisannya.

Pak Sako merupakan salah seorang tokoh besar tanah air kita. Beliau bukan sahaja terkenal dalam bidang perjuangan politik tetapi juga dalam lapangan kesusasteraan. Amat jarang kita jumpai dalam sejarah dunia, seorang tokoh yang dapat mengukir kecemerlangan namanya dalam bidang-bidang yang berlainan – politik, sastera dan kewartawanan.

Memang tepatlah apa yang diucapkan oleh Dr. Rajakumar di majlis "Menghargai Jasa Pak Sako" pada 5 Oktober 1987 yang lalu bahawa 'Pak Sako seorang tokoh besar dalam sejarah kita'. Katanya 'Pak Sako salah seorang bapa gerakan kemerdekaan, salah seorang perintis kesedaran politik rakyat akan terlaksana, dan generasi akan datang dapat menatapinya.

Namun demikian kami harap buku ini berguna kepada setiap orang yang mengikuti dan menghayati perjuangan hidup Pak Sako dan berguna sebagai satu bahan rujukan.

Sebagai penyelenggara, wajarlah saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Datuk Dr. Khoo Kay Kim, Tuan Haji Hashim Gera, Dr. Usman Awang, Dr. A. Samad Ismail, Dr. Raja Kumar, Datuk Prof. Ismail Hussein, Encik Shaharom Mohd. Dom, Encik Abdul Latif Abu Bakar, kepada pengarang akhbar dan majalah, dan kepada tiap-tiap orang yang nama mereka tercatat dalam buku ini kerana menggunakan tulisan dan rencana-rencana mereka untuk isi buku ini.

A. KARIM HAJI ABDULLAH
Penyelenggara.

6 September 1988.

CATATAN PENYELENGGARA BUKU *A. SAMAD ISMAIL: KETOKOHAN DAN KEWARTAWANAN* (1991)

Dalam kenyataan akhbarnya ketika mengumumkan nama tokoh yang akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 1987, Naib Canselor Universiti tersebut, Tan Sri Prof. Dr. Abdul Hamid Haji Abdul Rahman telah memberi gambaran tentang A. Samad Ismail sebagai "seorang wartawan yang pintar, intelektual yang tajam pemikirannya, nasionalis tulen, pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu, penulis kreatif yang giat, pembimbing bakal penulis dan wartawan, pengasas beberapa pertubuhan penulis dan parti politik dan lebih dari segala-galanya ialah seorang Melayu yang perjuangannya sangat kompleks dan tidak dapat dilupakan daripada sejarah perkembangan keintelektualan negara ini".

Tambahnya lagi, "UKM memilih Haji Abdul Samad Ismail untuk menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan adalah berdasarkan kecemerlangan beliau dalam mencurahkan ilmu pengetahuan dan kepimpinan ke arah pembinaan dan kemajuan bangsa tanpa jemu serta ketokohan beliau memimpin bangsanya sangat dihormati dan dikenang sepanjang zaman".

Bertolak dari kenyataan inilah, maka saya telah berusaha untuk mengumpulkan esei-esei dan pemikiran tersebar Dr. A. Samad Ismail dalam sebuah buku supaya pemikiran tokoh intelektual dan wartawan ulung di negara ini dapat dibaca dan dihayati kembali oleh generasi kini dan generasi akan datang. Esei-esei dan pemikiran Dr. Samad yang dapat saya kumpulkan dalam buku ini hanya merupakan sejumlah kecil dari ratusan

malahan ribuan esei-esei dan rencana-rencana pengarang dalam bahasa Melayu yang pernah ditulis oleh beliau.

Mengumpulkan esei-esei dan pemikiran tersebar oleh seorang tokoh seperti Dr. Samad ini – apatah lagi tokoh tersebut telah melibatkan diri dalam dunia penulisan dan kewartawanan lebih daripada lima puluh tahun bukanlah satu usaha yang mudah. Samad Ismail yang telah memulakan kariernya dalam bidang kewartawanan semenjak berusia 16 tahun dan telah menyumbangkan khidmat yang cemerlang dalam lapangan ini dengan menulis mengenai pelbagai topik, membuat ulasan dan komentar yang banyak tersiar dalam pelbagai jenis penerbitan di negeri ini tentulah amat sukar untuk mengumpulkan semua esei-esei beliau itu. Apa yang lebih menyulitkan ialah Samad Ismail banyak juga menulis dengan menggunakan pelbagai nama samaran, malah ada pula esei-eseinya tanpa menggunakan apa-apa nama.

Bagi sesiapa yang akan mengkaji perkembangan kesusasteraan Melayu moden dan perkembangan persuratkhabaran Melayu di negara ini, maka nama-nama seperti Almarhum Haji Abdul Rahim Kajai, Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako), A. Samad Ismail dan lain-lain lagi merupakan nama-nama yang tetap berdiri gagah dalam lapangan-lapangan tersebut. Mereka merupakan tokoh-tokoh yang banyak membawa perubahan dan pembaharuan dalam perkembangan kesusasteraan Melayu dan dunia persuratkhabaran Melayu.

Peranan Samad Ismail lebih terserlah lagi. Beliau seorang wartawan yang prolifik yang boleh menulis dengan cekap dan pantas dalam dua bahasa – Melayu dan Inggeris. Menurut pendapat Ahmad Sebi, selain dari penglibatan Samad dalam politik, maka dalam

tahun-tahun empat puluhan dan lima puluhan itu adalah satu perkara yang luar biasa bagi seorang wartawan Melayu yang boleh menguasai bahasa Inggeris terutama bagi seorang wartawan yang bekerja dalam sebuah akhbar harian di mana bilangan besar pembacanya terdiri dari mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Samad Ismail bukan baharu menulis dalam bahasa Inggeris. Beliau telah mula menyumbangkan artikel-artikelnya dalam bahasa Inggeris pada hujung tahun-tahun empat puluhan, malah beliau pernah berpolemik dengan wartawan Alex Josey dalam harian *Singapore Standard* dalam tahun-tahun lima puluhan.

Dalam awal-awal tahun lima puluhan, Samad banyak menulis esei dan cerpen yang tersiar dalam majalah *Mastika*. Dalam tahun-tahun tersebut Samad menggunakan nama Asmal, Orang Sikijang dan beberapa nama lain. Cerpen-cerpennya yang terkenal seperti *Ingin Jadi Pujangga, Bung Leman, Pertentangan, Putus Asa* ditulis dengan memakai nama Asmal, tersiar pada sekitar tahun lima puluhan, pada masa itu Samad Ismail berada dalam tahanan oleh pihak penjajahan Inggeris. Beberapa esei beliau yang menggunakan nama "Orang Sikijang" dapat dimuatkan dalam kumpulan ini. Esei-esei beliau dalam dokumentasi ini adalah esei-esei yang ditulis selepas tahun lima puluhan sahaja.

Samad Ismail bukan sahaja seorang wartawan yang cekap tetapi seorang sasterawan yang berbakat. "Dia telah menghasilkan sebelas novel, dua antologi cerpen, empat buku esei kesusasteraan dan kewartawanan, ribuan rencana dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang mencakup pelbagai masalah daripada soal bahasa dan sastera lalu

kepada politik, ekonomi, kebudayaan dan kemasyarakatan"" demikian Dr. Usman Awang dalam sebuah eseinya yang turut dimuat dalam buku ini.

"Daripada tangan dan didikannya," tegas Dr. Usman, "berderetan lahir para penulis kreatif dan non-kreatif, wartawan dan juga ahli politik yang kemudian menduduki kerusi parlimen dan menteri."

"A. Samad Ismail diakui oleh teman dan lawan sebagai wartawan yang berwibawa di dalam dan di luar negeri, seorang pemikir yang tajam, nasionalis tulen, tokoh politik yang dinamik, pembela keadilan yang jujur dan pelbagai julukan lagi. Ternyata Samad telah banyak memberi, termasuk bertahun usia dan derita diri dalam tahanan sebanyak tiga kali, tetapi terlalu sedikit menerima – meskipun Samad tidak mengharapkan segala yang dilakukannya dibalas," jelas Dr. Usman Awang.

Buku ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama mengandungi pandangan seorang ahli akademik, tiga orang sahabat akrab Samad Ismail, seorang wartawan muda dan berbakat yang pernah mendapat bimbingan dari Dr. Samad Ismail. Esei Dr. Wan Hashim Wan Teh merupakan teks penuh ucapan beliau sebagai pemidato umum di majlis Konvokesyen penganugerahan ijazah kehormat kepada Dr. Samad Ismail pada 1 Ogos 1987. Manakala esei Sasterawan Negara Dr. Kamaludin Muhammad dan Sasterawan Negara Dr. Usman Awang adalah esei-esei mereka tentang Samad Ismail yang pernah tersiar dalam *Dewan Sastera*, September 1987. Kertas kerja Encik Mazlan Nordin berjudul "Perkembangan Persuratkhabaran Melayu dan Peranan Media" telah beliau bentangkan dalam Seminar Wartawan Nusantara yang diadakan di Singapura pada 20-22 Ogos 1988, manakala esei Encik Mohd Said Abdul Hamid (Dino S.S.)

memperkatakan tentang Samad sebagai "Wartawan, Sasterawan dan Ahli Politik", yang tersiar dalam *Berita Minggu*, 15 April 1990 dan kata pengantar buku ini ditulis oleh Prof Madya Dr. Firdaus Haji Abdullah.

Bahagian kedua buku ini mengandungi esei-esei, ucapan-ucapan, kertas-kertas kerja, ulasan dan komentar, teks ceramah yang pernah tersiar dalam surat-surat khabar dan majalah dan ada esei yang belum pernah tersiar, yang sebelum ini saya simpan dalam fail dokumentasi saya. Manakala bahagian ketiga buku ini mengandungi pandangan dan pendapat Dr. Samad yang beliau utarakan melalui wawancara dengan wartawan-wartawan dan editor-editor majalah dan suratkhabar yang pernah tersiar.

Beberapa kertas kerja yang beliau pernah bentangkan dalam kongres, persidangan dan seminar telah dapat saya kumpulkan. Esei "Perkembangan Bahasa Melayu dalam Persuratkhabaran" merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga dalam tahun 1956, manakala esei beliau "Peranan Sebaran Am Dalam Usaha Mewujudkan dan Memupuk Keperibadian Kebangsaan Persuratkhabaran", telah dibentangkan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 di Universiti Malaya Kuala Lumpur. Dalam Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka tahun 1958, Samad Ismail telah menyampaikan satu ceramah khas kepada peserta-peserta kongres tersebut dengan judul "Kebudayaan dan Persuratkhabaran" di mana teks sepenuhnya dimuatkan dalam koleksi ini. Kertas kerjanya "Media sebagai Warisan Negara", telah dibentangkan dalam Seminar Akhbar anjuran Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1988. Sebuah esei beliau "Masalah Penulis-penulis Baru" merupakan teks ceramah beliau pada satu pertemuan Penulis-penulis Pantai Timur dalam tahun 1966, dan esei ini belum pernah tersiar di mana-mana.

Pada mulanya saya hendak menamakan buku ini dengan judul "Sikap dan Pemikiran A. Samad Ismail", tetapi atas saranan Dr. Firdaus Haji Abdullah, maka namanya ditukar menjadi *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan.*

Memang saya amat bersetuju dengan pandangan Dr. Firdaus bahawa "kita mengharapkan satu gambaran yang lebih lengkap dan menyeluruh mengenai 'pengalaman', 'pandangan', 'sikap' dan 'pemikiran' beliau yang ditulisnya sendiri. Cebisan-cebisan kenangan yang ditulisnya dalam pelbagai kolum akhbar dan majalah memancing keinginan kita untuk mengetahui lebih banyak mengenai pengalaman dan pemikiran beliau. Dengan lain-lain perkataan kita mengimpikan satu memoir atau autobiografi yang lengkap dan menyeluruh hasil karya A. Samad Ismail sendiri".

Dalam tahun 1985, wartawan Bachtiar Djamily telah menyusun sebuah buku yang diberi nama *Menyorot Karier, Peranan, Pandangan dan Latar Belakang A. Samad Ismail.* Buku ini menurut, Pak Bachtiar, bukanlah buku biografi dan bukanlah buku ilmiah dan akademik tentang A. Samad Ismail. Buku ini hanya merakamkan sedikit bukti dan fakta perjuangan Samad, penglibatannya dalam banyak bidang, yang diketahuinya secara dekat.

Sebuah rangkap dari sajak Pak Bachtiar yang menjadi hiasan kulit belakang bukunya yang setebal 261 halaman itu, terungkap baris-baris berikut: Untuk Bung Samad Ismail:

Hari petangmu kembali laksana hari pagimu
Masa tuamu tetap menyemarakkan Angkatan 50
Perjuanganmu di lapangan politik-kemasyarakatan
Di lapangan bahasa, sastera dan kewartawanan
Akan selamanya menggema dalam pangkuan insan merata
Akan tetap ternukil dalam catatan sejarah bangsa.

Sesungguhnya bangsa yang besar ialah bangsa yang tahu menghargai jasa pahlawan-pahlawannya, demikian kata seorang pemimpin besar.

Memang jasa dan perjuangan Samad Ismail sudah wajar menerima pengiktirafan baik oleh pihak kerajaan mahupun oleh organisasi dan institusi tertentu.

Dalam tahun 1976, Samad merupakan salah seorang tokoh yang menerima Anugerah Pejuang Sastera dari Kerajaan Malaysia. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Dalam tahun 1988, Institut Akhbar Malaysia telah menganugerahkannya dengan gelaran "Tokoh Wartawan Negara" yang disampaikan sendiri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Manakala dalam tahun 1990, Samad Ismail merupakan salah seorang tokoh dan karyawan yang memenangi hadiah "Asean Cultural Award For Journalism" kerana sumbangan dan jasa-jasanya yang cemerlang dalam lapangan kewartawanan di rantau ini.

"Samad bukan sekadar tali penyambung tradisi kewartawanan Melayu yang dipelopori oleh Ahmad Abdul Rashid Talu, Syed Sheikh Al-Hadi, A. Rahim Kajai, Pak Sako dan lain-lain. Beliau membawa kewartawanan Malaysia ke dalam era moden selepas Perang Dunia Ke-II, masuk ke era lepas merdeka, hingga sampai ke era komputer dan organisasi perniagaan korporat masa kini di mana Samad masih berdiri tegak dan teguh sebagai gergasi dalam dunia kerjayanya", demikian Dr. Wan Hashim dalam teks pidatonya.

Walaupun Samad Ismail sudah bersara dan tidak lagi berkhidmat dengan organisasi akhbar tetapi beliau terus menyumbangkan tulisan-tulisan dan mencurahkan

pengalaman dan pengetahuan yang banyak dengan membimbing mahasiswa-mahasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi. Kolum akhbarnya "Sauh Di Labuh" dalam *Berita Harian* dan "Sudut Pandangan" dalam majalah *Dewan Budaya* merupakan kolum-kolum yang popular. Beliau juga memberi kuliah tentang kewartawanan kepada mahasiswa Universiti Malaya, dan kini menjadi salah seorang karyawan tamu di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam tahun 1987, Dr. Cheah Boon Kheng dari Universiti Sains Malaysia telah menyusun sebuah buku yang diberi nama *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*. Buku ini antara lain mengandungi pandangan dan pendapat seramai sebelas orang tokoh-tokoh, sahabat-sahabat yang rapat dan juga tulisan allahyarhamah isterinya Puan Hamidah Hassan. Banyak maklumat yang menarik dalam buku ini, dan membaca tulisan tokoh-tokoh dan sahabat-sahabat serta isterinya tentang perwatakan dan peribadi Samad Ismail sungguh menyeronokkan.

Dalam buku susunan Dr. Cheah ini termuat juga sebanyak 30 artikel Samad yang pernah tersiar dalam akhbar *New Straits Times* di sekitar tahun 1964, 1967 dan 1974. Artikel-artikel yang dipilihnya itu, menurut Dr. Cheah, hanya merupakan sebilangan kecil dari ratusan artikel Samad Ismail dalam bahasa Inggeris. Artikel-artikel itu dipilihnya untuk contoh tulisan jurnalistik yang baik yang berguna untuk wartawan-wartawan baru. Dr. Cheah juga mencadangkan supaya esei-esei Samad yang banyak tersiar dalam surat-suratkhabar *Utusan Melayu* dan *Berita Harian* perlu dikumpulkan dan diterbitkan dalam sebuah buku yang lengkap.

Sebenarnya tidak banyak kajian dan penyelidikan dibuat tentang hasil-hasil karya kreatif Samad Ismail. Mahasiswa-mahasiswa yang mendatangi beliau banyak untuk mendapatkan bahan dan maklumat untuk menyiapkan tesis dan kajian ilmiah masing-masing sahaja. Belum ada usaha dan penyelidikan ilmiah yang bersungguh-sungguh dibuat untuk mengkaji karya-karya kreatif Samad dan tempat beliau dalam dunia kesusasteraan tanah air.

Perlu disebutkan di sini bahawa seorang sarjana Amerika Prof. David J. Banks dari Universiti Buffalo Amerika Syarikat telah membuat kajian dan analisa yang terperinci tentang karya-karya Samad Ismail dan peranan beliau dalam dunia sastera Melayu moden, sumbangan Samad yang amat bererti sebagai aktivis dunia keintelektualan di negara ini. Monograf Prof. David J. Banks ini berjudul *From Class To Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence*, merupakan satu kajian ilmiah yang perlu dibaca oleh setiap orang yang ingin menilai sumbangan Samad Ismail, dan lain-lain tokoh sastera Melayu. Beberapa bab dari monograf ini memperkatakan tentang sumbangan Samad Ismail yang amat bererti dalam perkembangan kesusasteraan Melayu. Karya dan penyelidikan Prof. Banks ini amat berguna sebagai bahan rujukan bagi mereka yang ingin mengkaji sastera Melayu dan tokoh-tokohnya.

Saya amat menyedari bahawa pengumpulan esei-esei Dr. Samad Ismail dalam buku ini jauh dari lengkap. Banyak barangkali esei-esei beliau yang terlepas dari pengetahuan saya. Samad juga banyak menulis teks ucapan untuk tokoh-tokoh tertentu mengenai pelbagai perkara, dan banyak juga esei-esei Samad yang pernah tersiar dalam penerbitan-penerbitan di luar negeri agak sukar untuk kita dapati lagi. Namun demikian saya berharap agar usaha yang telah saya mulakan ini akan diteruskan pula kemudian

oleh para penyelidik, para akademik dan oleh mereka yang berminat dengan kerja pendokumentasian karya tokoh ini pada masa-masa akan datang.

Saya juga berharap buku ini berguna untuk dijadikan buku rujukan bagi pelajar-pelajar dalam jurusan *mass-com*, mahasiswa-mahasiswa, para wartawan dan penulis dan juga berguna untuk mereka yang suka menghayati tulisan dan pemikiran Dr. A. Samad Ismail.

Dalam usaha saya menyusun buku ini saya banyak mendapat kerjasama dan dorongan dari berbagai-bagai pihak. Wajarlah saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada:

1. Dr. Haji A. Samad Ismail sendiri yang telah mengizinkan saya mengumpulkan esei-esei dan tulisan-tulisan tersebarnya dan banyak pula memberi panduan dalam usaha pengumpulan esei-eseinya dari berbagai sumber.
2. Dr. Wan Hashim bin Wan Teh dari UKM, kerana telah mengirimkan kepada saya teks ucapannya sebagai pemidato umum di majlis konvokesyen penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada A. Samad Ismail.
3. Sasterawan Negara Dr. Kamaludin Muhammad (Keris Mas) kerana mengizinkan saya menggunakan artikelnya yang tersiar dalam *Dewan Sastera* September 1987. Keris Mas juga banyak memberi nasihat yang amat manfaat kepada saya untuk menyusun buku ini.
4. Sasterawan Negara Dr. Usman Awang kerana menggunakan artikelnya yang pernah tersiar dalam *Dewan Sastera* September 1987.

5. Dr. Firdaus Haji Abdullah kerana telah sudi menulis kata pengantar untuk buku ini.
6. Tuan Mazlan Nordin kerana memberikan kepada saya kertas kerjanya dalam Seminar Wartawan Melayu Nusantara di Singapura tahun 1988.
7. Encik Mohd Said Abdul Hamid (Dino SS.) kerana menggunakan artikelnya.
8. Encik Baharuddin Zainal (Baha Zain) kerana mengizinkan saya memetik wawancara dengan Samad Ismail yang tersiar dalam majalah *Era*.
9. Ketua Pengarang Kumpulan *Utusan Melayu* kerana menggunakan artikel-artikel Samad Ismail yang pernah tersiar dalam *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia*, majalah *Mastika*, dan *Cenderamata Utusan Melayu*.
10. Ketua Pengarang *Berita Harian* dan *Berita Minggu* kerana menggunakan esei-esei A. Samad Ismail yang tersiar di akhbar tersebut.
11. Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar *Watan* kerana mengizinkan saya memetik dan menyiarkan kembali tulisan-tulisan A. Samad Ismail dan wawancara dengannya yang tersiar dalam *Watan*.
12. Editor-editor *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Budaya* kerana menggunakan semula esei-esei dan wawancara dengan Samad yang pernah tersiar dalam majalah-majalah ini.
13. Encik Johan Jaaffar, Ketua Bahagian Penerbitan Am DBP yang banyak menggalakkan saya untuk menyiapkan buku ini dan banyak memberi nasihat.

14. Encik Talib Samat, seorang penulis dan sekali gus editor buku ini yang memberikan kerjasama dan bekerja bersungguh-sungguh dalam menjayakan penerbitan buku ini.

15. Isteri saya, Aishah Abdullah, yang membantu menaip dan menyalin esei-esei dalam tulisan jawi kepada tulisan rumi dari majalah-majalah dan surat-suratkhabar.

16. Setiap orang yang memberikan kerjasama dan galakan baik secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan buku ini. Kepada Allah S.W.T. jua saya pohon agar membalas jasa dan budi baik anda sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat-Nya membolehkan saya menyusun buku ini.

Semoga buku ini *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* dapat menambahkan sebuah lagi khazanah perbendaharaan perpustakaan kita.

A. KARIM HAJI ABDULLAH
Penyelenggara

10 Mac 1991
Petaling Jaya.

CATATAN PENYELENGGARA BUKU *UMNO TERAS POLITIK MELAYU TERAS NEGARA* (1992)

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya membolehkan kami menyusun buku yang diberi nama *UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara* (1992) ini.

Tajuk buku ini diambil dari nama salah sebuah pidato Allahyarham Tun Dr. Ismail yang mempunyai tema yang sama semasa Allahyarham itu merasmikan Perhimpunan Agung bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO dalam tahun 1973.

Penerbitan buku ini merupakan usaha pertama kami untuk menghimpunkan pidato-pidato para pemimpin tertinggi UMNO semasa mereka melakukan upacara perasmian perhimpunan agung bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia bermula dari Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1971. Sebelum dari tarikh itu, Perasmian Serentak Mesyuarat Agung UMNO telah dilakukan oleh Presiden UMNO di mana perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO hadir bersama. Mulai tahun 1971 UMNO telah mengubah tradisi ini dan meminta Timbalan Presiden UMNO untuk merasmikan perhimpunan bersama Pemuda dan Wanita UMNO.

Koleksi pidato pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO dalam buku ini merupakan bahan dokumentasi yang amat berguna untuk dimiliki oleh setiap ahli UMNO, lebih-lebih lagi bagi generasi muda yang baru menjadi anggota UMNO supaya bahan pemikiran tokoh-tokoh UMNO itu dapat dikaji dan dihayati sebagai bahan rujukan dan renungan dalam usaha memahami sejarah dan arus perjuangan UMNO.

Pernah seorang pemimpin tertinggi UMNO menyarankan agar generasi muda mengambil daya usaha untuk mengkaji segala ideal politik penganjur-penganjur UMNO. Katanya: "Kaji balik sejarah perjuangan UMNO. Dari zaman Allahyarham Datuk Onn Jaafar membawa kepada era Tunku Abdul Rahman Putra. Dari zaman Tunku hingga ke zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Huseein. Kemudian membawalah ke zaman Tun Hussein Onn. Dan seterusnya kajilah UMNO di zaman YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kajilah segal perbezaan dan persamaan ideal perjuangan mereka. Kajilah segala kejayaan dan kelemahan perjuangan di zaman-zaman kepimpinan ini. Kalau terdapat kekurangan, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab saudara sekalian untuk memperbaikinya."

Beliau seterusnya menyarankan: "Kajilah semula segala ideal politik penganjur-penganjur Pemuda UMNO yang lalu seperti Kapten Hussein Onn, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Idris, Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar serta Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin. Himpunkanlah semula suara segala tokoh-tokoh lama seperti suara Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Syed Nasir, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad dan suara Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmi. Dan di kalangan wanita pula kajilah semula suara-suara perjuangan Allahyarham Khadijah Sidek; Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani dan juga suara-suara perjuangan Ynag Berbahagia Tan Sri Ibu Zain (Allahyarham).

Menyahut seruan dan saranan tokoh pemimpin inilah maka kami mengambil daya usaha untuk mengumpulkan dan menghimpunkan segala pidato pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO dalam sebuah buku yang kami beri nama *UMNO Teras Politik, Melayu*

Teras Negara. Sebagai ahli parti politik yang terbesar seperti UMNO yang kini sudah menjangkau hampir setengah abad, maka adalah wajar sekali ahli-ahli UMNO di seluruh peringkat menjadikan pemikiran pemimpin-pemimpin yang terhimpun dalam buku ini sebagai panduan yang amat berguna. Pemimpin datang dan pemimpin pergi, tetapi gagasan idea dan pemikiran mereka tetap kekal dalam lembaran sejarah sesebuah parti politik itu.

Kegiatan pendokumentasian dan perakaman bahan-bahan berguna untuk menjadi rujukan bagi para pengkaji dan penyelidik politik belum begitu banyak dilakukan di negara kita ini. Tetapi di negara-negara yang sudah maju dan membangun mereka mengabadikan bahan-bahan tersebut dalam gedung-gedung sejarah dan muzium-muzium tertentu. Para pengunjung ke gedung-gedung ini bukan sahaja dapat menyaksikan karya pemimpin itu, malah dokumen-dokumen peribadi seperti tulisan tangan, rakaman suara, draf-draf skrip ucapan dan surat-surat turut dipamerkan. Dari bahan-bahan ini, mereka juga dapat mengenali dan memahami watak dan peribadi seorang tokoh pemimpin itu.

Kami berharap buku ini bukan sahaja berguna untuk ahli-ahli UMNO tetapi juga berguna untuk pelajar-pelajar sains politik dan untuk mereka yang suka menghayati dan mengkaji pemikiran tokoh-tokoh UMNO dalam buku ini.

Dalam usaha kami mengumpulkan pidato-pidato tokoh-tokoh pemimpin yang menjadi isi buku ini, kami banyak menerima kerjasama dan galakkan dari berbagai pihak. Maka wajarlah kami merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang telah memberikan sokongan baik secara langsung atau tidak langsung dalam usaha kami menyiapkan buku ini, khususnya kepada Pemimpin - pemimpin tertinggi UMNO

yang pidato-pidatonya diabadikan dalam koleksi ini. Kami pohon Allah jua yang akan membalas budi baik anda sekalian.

Kami harap penerbitan buku ini akan menambahkan sebuah lagi khazanah penting untuk perbendaharaan perpustakaan kita.

Salam Hormat,
HAJI ZULKIFLI BIN MOHD NASIR dan
A. KARIM HAJI ABDULLAH

26 Oktober 1992.

KATA PENGANTAR BUKU *PEMIMPIN DAN SASTERAWAN* (1993)

Dalam kata perutusannya untuk buku *Cenderamata* bagi khemah penulis-penulis muda dalam tahun 1970, Allahyarham Tun Abdul Razak, negarawan ulung dan bekas Perdana Menteri Kedua Malaysia, telah menyarankan bahawa 'zaman baru ini memerlukan setiap rakyat daripada semua kaum berusaha menurut kebolehan dan kebijaksanaan masing-masing ke arah suatu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, yang liberal, demokratik dan progresif yang dapat menikmati keadilan dan kemakmuran bersama selaras dengan perkembangan sains dan teknologi moden. Untuk mencapai cita-cita ini setiap rakyat hendaklah mempunyai fikiran dan pedoman hidup yang baru. Para penulis sebagai satu tenaga yang mempengaruhi alam fikiran masyarakat bolehlah membantu memperjelas serta mempertegas kehendak-kehendak zaman baru ini supaya rakyat dapat didorong bertindak sebulat hati, sebulat suara dan sebulat tenaga ke arah mencapai cita-cita ini.'

Berdasarkan saranan Allahyarham Tun Razak itu, ternyata bahawa kepentingan dan kedudukan para penulis dan sasterawan dalam sebuah negara membangun tiada siapa dapat menafikannya. Para penulis dan sasterawan berupaya membentuk dan membina kekuatan dan keperibadian bangsa dan negara menerusi penghasilan karya mereka dalama pelbagai genre. Dalam sejarah peradaban dan tamadun manusia di dunia maka para penulis dan sasterawan yang berilmu, berkualiti dan bervisi berupaya mencetuskan kebangkitan intelektual sesuatu bangsa dan sekali gus menjadi tenaga penggerak dan pendukung yang kuat untuk merevolusimentalkan masyarakat manusia dengan lontaran dan sebaran idea dan pemikiran mereka ke tengah-tengah masyarakat yang terpancar dalam karya-karya mereka.

Idealisme, gagasan mesej seseorang penulis yang terjelma dalam karya-karya mereka yang diolah dengan pelbagai teknik, gaya, pendekatan yang tersendiri, bersesuaian dan bersungguh-sungguh berupaya merubah infrastruktur dan fenomena sesebuah masyarakat yang mundur dan statik kepada sebuah masyarakat yang dinamik dan maju.

Di mana-mana sejarah bangsa-bangsa di dunia ini kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh kaum penulis untuk merubah pemikiran masyarakat terasa cukup penting dan diperlukan. Contohnya, berkat dan kesan-kesan daripada tulisan-tulisan dan pemikiran reformis masyarakat Melayu yang sekali gus juga penulis seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaludin, Pendeta Za'ba, Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail, dan sasterawan-sasterawan dalam ASAS 50, dan angkatan-angkatan lain juga, telah memainkan peranan yang amat bererti dalam menyedarkan masyarakat Melayu daripada berbagai-bagai kelemahan dan kemunduran mereka. Ternyata bahawa sejarah kebangkitan dan kesedaran sosial sesuatu bangsa itu ada kaitannya dengan sumbangan dan penglibatan yang dimainkan oleh golongan penulis dan sasterawan.

Para penulis dan sasterawan sebagai pemimpin fikiran masyarakatnya senantiasa diperlukan sumbangan idea, pemikiran dan hasil karya mereka dari masa ke semasa. Kelebihan dan keistimewaan golongan penulis seperti yang diakui oleh semua bangsa di dunia ini ialah keupayaan mereka berkreativiti, bersensitiviti, menulis, berkarya, mentafsirkan hidup ini dengan pelbagai warna fikiran dan berkomunikasi dengan penggunaan media bangsa yang menjadi senjata tradisi perjuangan mereka pada semua masa, tempat dan ruang. Keistimewaan dan bakat yang ada pada golongan penulis dan

sasterawan seperti yang diakui oleh pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh negara dan masyarakat yang terdapat dalam buku ini sewajarnya dimanfaatkan untuk membangunkan dan mempertajamkan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian mentaliti, intelektual dan pemikiran bangsa Malaysia yang sedang pesat berusaha membina keperibadian dan identiti tersendiri sejajar dengan bangsa-bangsa lain yang bertamadun di dunia dan sejajar pula dengan *Wawasan 2020* seperti yang dibayangkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk melahirkan bangsa yang berkualiti dan masyarakat yang berkreatif.

Buku ini menghimpunkan sebanyak 49 esei (ucapan-ucapan, teks ceramah dan forum, kertas-kertas kerja, tulisan ilmiah dan rencana, pemikiran tersebar) yang pernah dihasilkan atau diucapkan oleh para pemimpin negara, pemimpin politik, tokoh-tokoh bahasa dan sastera, tokoh-tokoh korporat, tokoh-tokoh pentadbir, para intelek, yang mengupas dan menganalisis tentang peranan dan sumbangan penulis dan kesusasteraan.

Sebanyak 23 buah esei dalam buku ini merupakan cetusan pemikiran pemimpin di peringkat nasional mahupun di peringkat negeri yang rata-rata memberikan pandangan dan pendapat mereka tentang sikap kritis mereka terhadap fungsi, kedudukan dan sumbangan golongan penulis dan sasterawan sebagai pembentuk dan pemikir bangsanya.

Sebanyak 26 esei yang terungkap indah, jelas dan intelektual dalam buku ini merupakan pemikiran golongan sarjana, penulis, tokoh wartawan, pemimpin persatuan bahasa dan budaya, sasterawan terkenal tanah air yang ikut memberikan sumbangan berkesan dan tersendiri kepada perkembangan kesusasteraan dan kemajuan dunia penulisan di negara ini.

Barangkali inilah percubaan yang pertama untuk mendokumentasikan segala pendapat dan pemikiran daripada pelbagai golongan yang memperkatakan tentang peranan dan tanggungjawab penulis dan sasterawan dalam sebuah buku seperti ini supaya pemikiran-pemikiran tersebut dapat disebarluaskan di tengah-tengah masyarakat dan dapat pula dijadikan bahan rujukan dan perbincangan.

Para pemimpin negara dari dahulu hingga sekarang, sejak dari zaman pemerintahan kesultanan Melaka hingga ke zaman Malaysia merdeka yang sudah mengalami corak dan gaya pemerintahan empat orang Perdana Menteri juga memiliki tanggapan dan pemikiran tersendiri terhadap sumbangan, peranan dan pengorbanan kaum penulis dan sasterawan di negara ini. Para pemimpin dan pemerintah negara ini telah menghargai dan memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada kaum penulis dan sasterawan. Hal ini terbukti dengan pihak pemerintah mengadakan pelbagai anugerah, hadiah sastera, serta kemudahan menulis dan berkreatif kepada penulis dan sasterawan di negara ini.

Saranan, idea dan pelbagai mutiara pemikiran yang dicetuskan oleh para pemimpin dan pelbagai tokoh yang dirangkumkan dalam buku ini amat berguna untuk dijadikan bahan perbincangan dan perdebatan masyarakat khususnya di kalangan kaum penulis dan sasterawan sendiri yang terlibat secara langsung dalam pergolakan dan perkembangan dunia kesusasteraan di Malaysia ini.

Terdapat juga beberapa saranan mereka itu yang menarik, praktikal dan tidak kurang yang relatif sifatnya yang masih boleh diperdebatkan dan diperluaskan lagi untuk menyalakan obor fikiran dan semangat tradisi keilmuan dan mengembangkan daya

intelektual di kalangan bangsa kita yang sedang membangun dan membentuk keperibadiannya yang tersendiri.

Pandangan pelbagai pemimpin negara, dan tokoh-tokoh pelbagai bidang seperti yang terkumpul dalam buku ini dengan tegas dan jelas menghargai pengorbanan dan sumbangan yang tidak ternilai yang dicurahkan oleh kaum penulis dan sasterawan kepada proses pembangunan intelektual bangsa. Perakuan dan pengiktirafan para pemimpin masyarakat terhadap sumbangan yang berkesan dan berterusan kaum penulis dan sasterawan ini sewajarnya difahami dan diterima dengan fikiran terbuka dan rasional oleh setiap lapisan rakyat terhadap perjuangan, masalah, dilema, cita-cita, visi dan idealisme golongan penulis dan sasterawan yang jelas mempunyai kelebihan tersendiri, bakat yang dianugerahkan Allah berbanding dengan anggota masyarakat yang lain.

Penyusunan buku ini dibuat mengikut urutan kronologi tahun, supaya dengan demikian akan memudahkan kita mengkaji dan mengikuti perkembangan pemikiran para pemimpin dan tokoh-tokoh masyarakat, tokoh budaya dan sasterawan yang telah memperkatakan tentang peranan penulis sama ada melalui ucapan-ucapan dalam majlis perasmian sesuatu peristiwa bahasa dan sastera, melalui teks ceramah dan forum dan majlis perjumpaan dengan penulis dan wartawan.

Barangkali banyak lagi esei atau pemikiran yang seperti ini yang terlepas daripada pengetahuan saya. Namun demikian diharapkan koleksi ini dirasakan cukup untuk mewakili pandangan pelbagai tokoh dalam pelbagai lapangan yang memperkatakan tentang peranan penulis dan kesusasteraan.

Saya harap buku ini berguna untuk dijadikan rujukan, panduan dan sumber inspirasi bagi pelajar-pelajar, peminat-peminat sastera generasi baru, dan untuk semua pihak yang suka menghayati pemikiran pemimpin, tokoh-tokoh masyarakat dan sasterawan yang menyentuh tentang peranan, sumbangan dan tanggungjawab penulis dalam sesebuah negara yang membangun.

Kepada Allah S.W.T. juga saya mengucap syukur kerana dengan taufik dan hidayah-Nya menggerakkan hati saya untuk menyusun buku ini.

A. KARIM HAJI ABDULLAH

Petaling Jaya
8 Julai 1991.

PRAKATA BUKU
UMNO TUNGGAK PERPADUAN MELAYU (1993)

UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Kini usia UMNO hampir menjangkau setengah abad. Sepanjang usianya UMNO telah memainkan peranan penting membawa banyak kemajuan kepada pembangunan negara. Sebagai sebuah pertubuhan politik UMNO tidak terlepas daripada menghadapi berbagai cabaran dan krisis, tetapi dengan kebijaksanaan, kepintaran dan ketabahan pada pemimpin-pemimpinnya UMNO berjaya menghadapi cabaran dan krisis. Ini terbukti dengan bilangan ahli-ahli UMNO kian bertambah dan sudah pun menjangkau lebih dua juta ahli. UMNO terus menjadi tunggak perpaduan Melayu.

Buku ini *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu*, menghimpunkan ucapan-ucapan oleh Yang Dipertua/Presiden UMNO bermula dari Allahyarham Datuk Onn Jaafar hingga ke Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO sekarang. Ucapan-ucapan ini dianggap penting dibukukan supaya ia dapat dikaji dan dihayati kembali oleh ahli-ahli UMNO kerana melalui pemikiran dan gagasan yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin UMNO melalui ucapan-ucapan mereka itu terkandung banyak pengetahuan berguna yang perlu direnungkan kembali oleh ahli-ahli parti. Kandungan buku ini merupakan satu dokumentasi yang sangat berguna dimiliki oleh ahli-ahli UMNO dan berguna juga oleh pelajar-pelajar Sains Politik atau mereka yang berminat dengan perkembangan politik tanah air, khususnya politik UMNO.

Bermula dengan ucapan Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang berjudul *Kongres Yang Menebus Maruah Melayu*, di mana pada 1 hingga 4 Mac 1946, telah berhimpun

pertubuhan-pertubuhan Melayu di Kelab Sulaiman, Kampung Bharu, Kuala Lumpur, Datuk Onn telah memimpin kongres tersebut hingga membawa kepada gagasan menubuhkan UMNO. Semangat dan perasaan dari kongres bersejarah itu tergambar dalam ucapan Allahyarham Datuk Onn. Hal ini perlu diketahui oleh generasi baru.

Dari Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dirakamkan dua ucapan beliau dari dua peristiwa penting dalam karier beliau sebagai Presiden UMNO. Pertama, ucapan sulung Tunku sebagai Presiden UMNO setelah mengambil alih jawatan Presiden dari Allahyarham Datuk Onn Jaafar, dan kedua ucapan terakhir Tunku selaku Presiden UMNO. Banyak cetusan pemikiran Tunku yang perlu direnung kembali oleh ahli-ahli UMNO.

Demikian juga ucapan-ucapan dari Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn merupakan dokumen-dokumen yang perlu diketahui oleh ahli-ahli UMNO sebagai panduan yang berguna khususnya bagi mereka yang baru menyertai UMNO.

Amanat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diberi tajuk 'UMNO Tunggak Perpaduan Umat Melayu', merupakan satu dokumen yang penting, kerana melalui ucapan yang disampaikan di Majlis Perhimpunan Sambutan Hari Kelahiran UMNO di Istana Besar Johor Bharu pada 11 Mei 1989, Presiden UMNO telah menghuraikan secara terperinci dan panjang lebar akan perkembangan politik dan masyarakat negara sejak dari zaman penjajahan hingga membawa negara ini mencapai kemerdekaan di mana peranan UMNO tidak dapat dinafikan oleh sejarah tanah air ini. Amanat Presiden UMNO ini

merupakan satu dokumen yang perlu dimiliki oleh ahli-ahli UMNO khasnya dan oleh setiap rakyat negara ini amnya.

Penerbitan buku ini merupakan usaha pertama untuk mengumpulkan beberapa amanat penting dari Presiden-presiden UMNO supaya melalui koleksi ini akan memudahkan kita mengkaji semula ideal politik mereka. YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menyarankan bahawa "*sejarah perjuangan orang-orang Melayu dan sejarah UMNO perlulah diketahui oleh semua ahli UMNO. Sejarah kita adalah pengajaran bagi kita, adalah panduan perjuangan kita*".

Marilah sama-sama kita menyahut seruan dan saranan pemimpin kita dengan membaca kembali cetusan-cetusan pemikiran pemimpin-pemimpin yang tersurat dan tersirat dalam ucapan-ucapan dalam buku ini.

Diharapkan buku ini berguna dimiliki oleh setiap ahli-ahli politik parti, peminat-peminat politik tanah air.

Salam hormat,
A. KARIM HAJI ABDULLAH
Penyusun dan Penyelenggara.

Petaling Jaya
6 September 1993.

PENDAHULUAN BUKU
PERJUANGAN SUCI UMNO (1993)

Saya mengucap syukur ke hadrat Allah kerana dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya membolehkan saya menyelenggarakan buku yang diberi nama *Perjuangan Suci UMNO*.

Kandungan buku ini sebenarnya merupakan koleksi pidato pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO bermula dari pidato Allahyarham Tun Abdul Razak, diikuti oleh pidato Allahyarham Tun Dr. Ismail, Allahyarham Tun Hussein Onn, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Musa Hitam dan YAB Encik Ghafar Baba. Pidato-pidato pemimpin-pemimpin ini pernah diucapkan semasa mereka melakukan perasmian Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia. Pidato-pidato ini dihimpunkan dalam koleksi ini sebagai satu dokumentasi yang berguna untuk kemudahan kajian dan rujukan ahli-ahli UMNO seluruhnya, terutama bagi mereka yang baru menjadi ahli UMNO.

Pernah seorang pemimpin tertinggi UMNO menyarankan agar generasi muda mengambil daya usaha untuk mengkaji segala ideal politik penganjur-penganjur UMNO. Katanya: "Kaji balik sejarah perjuangan UMNO. Dari Allahyarham Datuk Onn Jaafar membawa kepada era Tunku Abdul Rahman Putra. Dari zaman Tunku hingga ke zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. Kemudian membawalah ke zaman YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kajilah segala perbezaan dan persamaan ideal perjuangan mereka. Kajilah segala kejayaan dan kelemahan perjuangan di zaman-zaman kepimpinan ini. Kalau terdapat kekurangan, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab saudara sekalian untuk memperbaikinya."

Beliau seterusnya menyarankan: "Kajilah semula segala ideal politik penganjur-penganjur Pemuda UMNO yang lalu seperti Kapten Hussein Onn, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Idris, Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar serta Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin. Himpunkanlah semula suara segala tokoh-tokoh lama seperti suara Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Syed Nasir, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad dan suara Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmi. Dan di kalangan wanita pula kajilah semua suara-suara perjuangan Allahyarham Khadijah Sidek, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani dan juga suara-suara perjuangan Yang Berbahagia Tan Sri Ibu Zain (Allahyarham).

Sesungguhnya banyak yang boleh direnung, dikaji dan dijadikan panduan dari cetusan-cetusan pemikiran pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang tersurat dan tersirat menerusi ucapan-ucapan mereka yang terhimpun dalam buku ini.

Diharap buku ini berguna untuk bahan rujukan yang perlu dimiliki oleh ahli-ahli UMNO khasnya dan peminat-peminat dan pemerhati-pemerhati politik tanah air amnya.

Salam hormat
A. KARIM HAJI ABDULLAH
Penyusun dan Penyelenggara.

Petaling Jaya,
15 September 1993.

CATATAN PENYELENGGARA BUKU *INGIN JADI PUJANGGA* (1994)

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin-Nya, dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya telah mendorong dan memperkuatkan minat saya untuk mengumpulkan cerpen-cerpen Tan Sri (Dr.) Haji A. Samad Ismail dalam sebuah antologi yang diberi judul *Ingin Jadi Pujangga*, mengambil sempena nama salah sebuah cerpen beliau. Cerpen-cerpen A. Samad Ismail ini pernah tersiar dalam pelbagai majalah dan suratkhabar seperti *Mastika, Utusan Zaman, Dewan Sastera, Dewan Budaya, Berita Minggu*, dan majalah-majalah dalam zaman Jepun. Hasil daripada pengumpulan itu akhirnya lahirlah buku ini untuk menjadi khazanah kesusasteraan Melayu.

Saya sebenarnya berasa tugas mengumpulkan cerpen-cerpen Tan Sri A. Samad Ismail ini sebagai satu tanggungjawab yang besar kepada bangsa dan negara. Beliau adalah salah seorang pelopor kesusasteraan Melayu moden yang banyak berjasa kepada perkembangan kesusasteraan tanah air. Keistimewaan beliau ialah menggunakan bidang sastera secara sedar untuk memperjuangkan cita-cita bangsa yang berdaulat dan merdeka di tanah air sendiri. Beliau telah berkarya tanpa mengira risikonya, menyebarkan ilmu dan keterampilannya dari satu generasi ke satu generasi penulis anak bangsanya.

Tokoh-tokoh sastera sekarang kebanyakannya secara langsung dan tidak langsung pernah menerima asuhan beliau. Sebelum kita mengenal bengkel penulis, beliau telah pun mengadakan bengkel-bengkel penulis di Kuala Terengganu, Kota Bharu, Seberang Perai, Johor Bahru, Seremban dan di Kuala Lumpur – mengasuh dan mendidik bakat-bakat penulis tanah air.

Allahyarham Keris Mas sering menyatakan betapa beliau banyak belajar teknik penulisan cerpen dan novel daripada A. Samad Ismail. Keris Mas terus-terang mengakui banyak terhutang budi kepada A. Samad Ismail yang tidak sahaja menjadi gurunya dalam politik malahan juga menjadi gurunya dalam bidang kesusasteraan dan kewartawanan.

A. Samad Ismail mulai menulis cerpen dalam masa pendudukan Jepun. Drs. Li Chuan Siu dalam bukunya, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*, menyatakan A. Samad Ismail ialah pengarang yang pertama kali membuka halaman bahasa dan sastera dalam akhbarnya ketika dia menjadi Ketua Pengarang *Berita Malai* dalam masa pendudukan Jepun.

Sejarah kesusasteraan tanah air membuktikan bahawa genre cerpen dan sajak di negara ini berkembang melalui akhbar. Akhbar *Utusan Melayu* memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan cerpen dan sajak selepas perang terutama dalam tahun-tahun 50-an. Sumbangan A. Samad Ismail kepada perkembangan cerpen dan sajak amatlah besar kerana di bawah kelolaan beliau dalam dekad 50-an maka bidang pencerpenan dan sajak mencapai kecemerlangannya sebagai wadah kebangkitan dan kesedaran bangsa.

A. Samad Ismail tidak sahaja membimbing sasterawan pada zaman itu dari segi teori penulisan malah dia turut memberi tunjuk ajar secara praktisnya. Dia bukan sekadar seorang sasterawan yang hanya memimpikan idealisme kemerdekaan malah dia turut berada di tengah-tengah masyarakat dan rakyat sebagai aktivis politik. Cerpennya "Ingin Jadi Pujangga", yang ditulisnya ketika di dalam tahanan Undang-undang Darurat British pada tahun 1951-1953 di Singapura, merupakan satu hasil karya *landmark* atau "titik pembaharuan" dalam teknik penulisan cerpen. Beberapa orang penulis generasi zaman

itu cuba meniru teknik tersebut tetapi tidak berhasil kerana "Ingin Jadi Pujangga" tidak sahaja membawa pembaharuan dalam teknik penulisan malahan ia juga memancarkan pemikiran yang *intense* daripada pengarangnya terhadap psikologi penulis generasinya. Prof. Dr. Mohd. Taib Othman pernah menyatakan bahawa cerpen itu merupakan satu karya yang telah mencapai tahap klasik. Persoalan yang ditimbulkan dalam "Ingin Jadi Pujangga", menurut Prof. Mohd. Taib, masih *relevant* pada zaman sekarang.

Seorang sarjana sosiologi Amerika, Prof. David J. Banks dalam monografnya "*From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence*", menulis tentang A. Samad Ismail seperti berikut:

> "Boleh dikatakan tidak ada seorang penulis di Malaysia yang dapat mengatasi keterampilan A. Samad Ismail. Karya-karyanya menjangkau suatu bidang yang luas baik di dalam ruang lingkup bidangnya mahupun di luar bidang kewartawanannya. Karya-karyanya memperlihatkan suatu komitmen yang dalam terhadap keadilan sosial yang akhirnya mengakibatkan dia dipenjarakan beberapa kali. Dia adalah penting sebagai seorang penulis novel kerana karya-karyanya menangani begitu tegas sekali isu-isu pasca kemerdekaan. Karya-karya A. Samad Ismail memperlihatkan orang-orang Melayu tertekan dengan tenaga-tenaga ekonomi tanpa disedari. Novel-novelnya membawa kita dari kota ke desa, melalui lorong-lorong masyarakat Malaysia yang hanya diketahui begitu akrab sekali oleh kaum wartawan."

Ada suatu keistimewaan A. Samad Ismail sebagai sasterawan yang tidak ada pada sasterawan lain. Sebelum beliau, belum ada sasterawan yang menyeludupkan karya-karya mereka dari penjara kepada penerbit akhbar untuk disiarkan. Cerpen "Ingin Jadi Pujangga", "Bung Leman", dan beberapa buah lagi seperti "Pertentangan", semuanya diseludupkan dari khemah tahanan Pulau Sekijang – tempat A. Samad Ismail sedang ditahan oleh British di bawah Undang-undang Darurat dari tahun 1951 hingga tahun 1953.

Cerpen "Ingin Jadi Pujangga", dan "Bung Leman", disiarkan dalam *Mastika* dengan memakai nama "Asmal" iaitu singkatan daripada nama "Asraf" dan "Kamal"

(Keris Mas). Cerpen "Pertentangan" memakai nama samaran "Naskha" iaitu nama singkatan seorang warder Melayu di Pulau Sekijang. "Pertentangan" memenangi hadiah pertama peraduan cerpen *Mastika*. Hadiah kedua dimenangi oleh Allahyarham Tan Sri Datuk Mohd. Asri dengan cerpennya berjudul "Janji", manakala hadiah ketiga dimenangi oleh Ahmad Sanusi atau Asni dengan cerpen berjudul "Asiah Tidak Menangis Lagi".

Menurut Allahyarham Keris Mas, dia tidak tahu cerpen "Pertentangan" itu dikirim oleh A. Samad Ismail kerana cerpen itu dikirim atas nama penulis yang memakai namanya sendiri, lengkap dengan alamat.

A. Samad Ismail biasanya mengirimkan cerpen-cerpennya dari tahanan dengan menulis cerpen-cerpen itu dalam buku *exercise*. Dia menulis tangan (*handwritten*). Oleh sebab banyak cerpen A. Samad Ismail ditulis dalam kem tahanan, menyebabkan Keris Mas terpaksa menggunakan pelbagai nama samaran selain "Asmal". Bagaimanapun, beberapa buah karya A. Samad Ismail yang dapat dikenal pasti dikirim dari kem tahanan Pulau Sekijang ialah cerpen-cerpen yang memakai nama samaran "Asmal" sahaja. Menurut Keris Mas, beberapa cerpen A. Samad Ismail disiarkan dengan memakai nama "Kamal" iaitu nama samaran Keris Mas dan "Mr. X".

Saya sering mendengar A. Samad Ismail berseloroh dengan Allahyarham Keris Mas, "Mal ... mengapa kaumasukkan cerpen-cerpen aku dalam antologi kau?" sambil menyebut nama cerpen-cerpennya itu. Maka Keris Mas akan cuba menolak, "Kau jangan merepeklah ... itu cerpen akulah!" Dan kedua-duanya pun akan tertawa besar. Kedua-dua sasterawan ini, Keris Mas dan A. Samad Ismail, tidak sahaja bersahabat akrab yang dijalin oleh persamaan cita-cita malah perhubungan mereka adalah sebagai sebuah keluarga.

Sebenarnya banyak hasil tulisan A. Samad Ismail baik dalam bentuk cerpen mahupun dalam bentuk rencana yang telah hilang begitu sahaja sebab A. Samad Ismail tidak menggunakan satu dua nama samaran secara tetap – sebaliknya beliau mempergunakan puluhan nama samaran yang lain. A. Samad Ismail dan teman-teman rapatnya pernah menceritakan bagaimana ketika beliau mengendalikan halaman peraduan cerpen *Berita Harian*, pada awal tahun 60-an dahulu telah menggunakan pelbagai nama samaran untuk cerpen-cerpen yang disiarkan. Antara cerpen itu ialah "Ah Khaw Masuk Syurga", yang menggunakan nama samaran "Nasha", singkatan daripada nama bakal suami adik iparnya. A. Samad Ismail menerangkan bahawa cerita itu ditulisnya secara tergesa-gesa untuk mengisi halaman cerpen. Halaman itu perlu disiapkan segera untuk mengejar *press time*. Seperti kebiasaan masalah yang sering menghantui pengarang sastera adalah untuk mendapatkan *copy* yang baik dan sesuai bagi mengisi halamannya – sama ada cerpen ataupun rencana. Masalah besar yang dihadapi oleh A. Samad Ismail setiap minggu pada masa itu adalah untuk mendapatkan cerpen-cerpen yang layak memenangi hadiah mingguan *RM100 Berita Harian*. Oleh yang demikian, setiap kali *Berita Harian* tidak menerima sebarang cerpen daripada penulis-penulis yang berbakat dan layak menenangi hadiah RM100 itu, terpaksalah A. Samad Ismail secara tergesa-gesa menaip sebuah cerpen yang sekira-kira baik mutunya untuk mengisi halaman cerpen tersebut. Maka lahirlah "Ah Khaw Masuk Syurga"" yang menurut A. Samad Ismail ditaip di rumahnya secara tergesa-gesa setelah dia pulang dari pejabat pada waktu malam untuk diserahkan kepada *lino operator* dan diset pada pagi esoknya. Sebagaimana tergesa-gesanya beliau menghasilkan cerpen begitulah juga caranya dalam penyediaan

rencana. Tetapi A. Samad Ismail telah biasa dan masak dengan kerja terburu-buru dan tergesa-gesa seperti ini kerana inilah cara bekerja di suratkhabar.

Menggunakan nama samaran untuk menulis rencana dan cerpen memang menjadi kebiasaan pada A. Samad Ismail sejak beliau menjadi Pengarang di *Utusan Melayu*. Peranannya sebagai wartawan dan sebagai pejuang politik menyebabkan A. Samad Ismail selalu menulis tanpa menggunakan nama sebenar untuk menjaga keselamatan. Selama puluhan tahun beliau menyamarkan identitinya dalam hasil-hasil tulisannya khususnya dalam bidang cerpen dan rencana. A. Samad Ismail merupakan satu-satunya penulis yang sangat *versatile* dalam menggunakan pelbagai gaya atau stail dalam tulisannya. Beliau boleh menulis sebagai seorang pelajar, sebagai seorang guru, membicarakan pelbagai subjek malah beliau boleh meniru stail orang lain. Petua A. Samad Ismail yang selalu dan tidak bosan-bosan diberikannya ialah biasakan menulis secara "*think on the typewriter*", iaitu fikiran hendaklah selari dengan kecekapan kita menaip. Begitu cepat kita mengetuk mesin taip, maka secepat itulah fikiran kita mengejarnya. A. Samad Ismail jarang menggunakan catatan untuk menaip cerpen atau rencana. Dia menaip terus seolah-olah antara fikiran serta idea dan jari-jarinya yang mengetuk mesin taip terdapat koordinasi yang begitu erat sekali.

Allahyarham Datuk Wan Kadir Ismail, bekas Timbalan Menteri Penerangan pernah menulis dalam *Utusan Melayu*, menceritakan bagaimana ketika melawat *Utusan Melayu* pada awal tahun 50-an dahulu, dia menemui A. Samad Ismail. A. Samad Ismail sedang menaip dan sambil menaip, dia melayan Datuk Wan Kadir berbual. Datuk Wan Kadir menulis bertahun-tahun kemudian dalam *Utusan Melayu*, dan beliau mengatakan bahawa jari-jari A. Samad Ismail bergerak seperti lipas kudung.

Pada ruangan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Tan Sri (Dr.) Haji A. Samad Ismail yang mengizinkan saya mengumpulkan cerpen-cerpen beliau serta memberi syor, pandangan dan galakan dalam proses penerbitan antologi ini. Kepada Prof. Madya Abdullah Tahir, terima kasih yang seikhlasnya, kerana telah sudi menulis kata pengantar buku ini. Penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana meluluskan buku ini untuk diterbitkan. Kepada Sdr. Mohamad Yussop Ishak yang menjadi editor, Sdr. Mazlan Nor pereka bentuk, dan Tuan Haji Mohamad Ali Zakaria selaku jurufoto buku ini, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Saya perlu merakamkan ucapan penghargaan kepada Sdr. Sutung Umar RS, kerana dengan dorongannya membolehkan Tan Sri A. Samad Ismail bergiat semula dalam penulisan cerpen yang banyak tersiar dalam *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*.

Antologi ini sewajarnya mengandungi lebih banyak lagi cerpen beliau yang pernah dihasilkan dengan menggunakan puluhan nama samaran dan nama teman-temannya. Namun demikian, penyelenggara berharap dengan terbitnya antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini sudah cukup untuk dijadikan pusaka khazanah sastera yang diwariskan oleh Tan Sri A. Samad Ismail kepada bangsanya.

A. KARIM HAJI ABDULLAH

Petaling Jaya
25 Mei 1994.

PENDAHULUAN BUKU *PAK SAKO DARI SUDUT PANDANGAN PAK SAMAD* (1997)

Saya bersyukurke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya, dengan rahmat dan rahim-Nya, telah mendorong minat saya untuk menyusun buku ini, yang diberi nama *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad*.

Buku ini mengandungi kumpulan rencana dan ceramah Tan Sri A. Samad Ismail mengenai Allahyarham Dato' Ishak bin Haji Muhamad atau Pak Sako. Saya mengumpulkan ceramah dan tulisan Pak Samad ini dari berbagai sumber. Sebenarnya tidak mudah usaha itu kerana Pak Samad jarang menyimpan naskhah asal atau salinan tulisan-tulisannya. Ini menyukarkan kerja "menyemak" apa yang tersiar dengan naskhah asal. Banyak pula ceramahnya mengenai Ishak dan A. Rahim Kajai tidak tersiar dalam media. Rencana dan ceramah Pak Samad mengenai Pak Sako yang saya kumpulkan ini ialah rencana/ ceramahnya yang berupa tulisan/ceramahnya di Malaysia khususnya di Semenanjung. Sebelum ini Pak Samad selalu memberikan ceramah mengenai Pak Sako dan A. Rahim Kajai ketika dia memimpin *Utusan Melayu* di Singapura. Ceramah-ceramah itu tidak dapat dikesan oleh saya kerana ia tidak tersiar dalam media ataupun naskhah asal tidak disimpan oleh Pak Samad.

Beberapa tahun lalu Pak Samad dijemput oleh KEMUDI – sebuah perkumpulan penulis kecil di ibu kota yang mengadakan suatu majlis memperingati Allahyarham Abdul Rahim Kajai di Sudut Penulis DBP. Beliau diundang untuk menceritakan pengalamannya dengan Rahim Kajai.

Pak Samad bercerita bahawa pada masa Utusan Melayu ditubuhkan di Queen Street Singapura dahulu, Kajai masih bekerja sebagai pengarang *Warta Malaya* di Cecil Street. "Tawkey" *Warta Malaya* ialah Syed Hussin Alsagoff. Suatu hari Kajai menghilang daripada Singapura. Dia pulang ke kampungnya di Setapak. Syed Hussin pun tergopoh gapah mencari Kajai berkejar ke Kuala Lumpur. Akhirnya mereka bertemu di pejabat *Majlis* di Batu Road.

Syed Hussin memujuk Kajai supaya jangan berhijrah ke Utusan Melayu yang ketika itu ketua pengarangnya ialah Ishak Haji Muhamad (Pak Sako). Setelah memujuk Kajai akhirnya Syed Hussin mengeluarkan *cheque book*nya dan berkata kepada Kajai:- "Pak Sheikh mahu berapa .. cakap sahaja jumlahnya ... ana akan *sign*".

Tetapi Kajai tidak dapat dipujuk. Dia telah memutuskan untuk meninggalkan *Warta Malaya* dan berpindah ke *Utusan Melayu*.

Saya telah lama berusaha untuk mendapatkan naskhah ceramah Pak Samad dalam majlis tersebut. Tetapi tidak berhasil sedangkan Pak Samad sendiri tidak menyimpan naskhah ceramahnya itu.

Pada tahun 1994, GAPENA pula mengadakan satu seminar di rumah GAPENA untuk mengenang genap 100 tahun usia Rahim Kajai jika masih hidup. Pak Samad dijemput memberikan ucapan perdana. Antara jemputan khas ialah beberapa putera Kajai termasuk Salim Kajai bekas pengarang *Berita Harian*.

Pak Samad memberikan ucapan panjang lebar. Agak menarik bahawa kandungan ucapan itu disiarkan sepenuhnya hanya dalam *Dewan Sastera*. Akhbar-akhbar harian Melayu tidak pun mengutip ucapan itu.

Tiap tahun Institut Akhbar Malaysia mengadakan anugerah kewartawanan yang tertinggi sekali iaitu *Hadiah Kajai* untuk wartawan Melayu demi mengabadikan nama Kajai.

Selayaknya ceramah panjang Pak Samad itu menerima perhatian wajar dari media bahasa Melayu. Inilah maksud saya bila saya mengatakan kesinambungan antara satu generasi dengan satu generasi sebenarnya telah terputus. Kenangan generasi sekarang terhadap Rahim Kajai hanya setakat mengenang namanya sahaja tanpa mengisinya dengan pengertian pusaka yang ditinggalkannya. Adalah menjadi satu hakikat bahawa manakala satu-satu bangsa mengkesampingkan warisannya, bangsa itu akan terlepas dari akar bangsanya. Ia nanti mencari identiti dan jati dirinya tetapi gagal kerana kecuaiannya sendiri. Maka terumbang-ambinglah ia dipukul ombak dan badai hidup tanpa masa hadapan yang mempunyai hala dan tujuan. Kerana akarnya rapuh, ia boleh tumbang ditiup ribut.

Apa yang menarik sekali mengenai tulisan-tulisan Pak Samad ini ialah beliau merupakan satu-satunya wartawan/ penulis yang berwibawa mengenal Pak Sako dan Rahim Kajai. Kajai dan Pak Sako mempunyai ramai sahabat dan kenalan di kalangan wartawan dan sasterawan. Tetapi hanya Pak Samad sahaja yang merakamkan pengalamannya dengan kedua-dua orang itu yang pernah menjadi gurunya. Nilai ini jarang sekali dihayati sekarang.

Tulisan-tulisannya mengenai mereka tidak sekadar menyentuh persahabatannya secara lahir sahaja melainkan Pak Samad menyelami tiap sisi personaliti mereka sebagai individu dengan begitu sensitif sekali.

Satu hal yang istimewa dari tulisan-tulisan Pak Samad dalam buku ini ialah keyakinan beliau menganalisa tidak sahaja kekuatan tetapi juga kelemahan subjeknya sebagai individu. Beberapa tulisannya tersiar ketika subjeknya iaitu Pak Sako masih hidup lagi. Tetapi ini tidak menghalang Pak Samad berterus terang menceritakan aspek-aspek yang agak sensitif dari subjeknya. Ini menunjukkan keyakinan beliau terhadap persahabatannya yang begitu kukuh dengan subjeknya.

Pak Samad hanya mengenal Kajai secara intim ketika dia berusia kira-kira 16 tahun sebagai pemberita, penterjemah dan penyunting di *Utusan Melayu* pada tahun 1941. Kajai meninggal dunia pada tahun 1944. Ini bererti Pak Samad hanya mengenali Kajai selama kira-kira 4 tahun sahaja. Begitu juga dengan Ishak. Samad mengenali Ishak di Singapura pada tahun 1941 ketika dia bekerja di *Utusan Melayu*. Tetapi persahabatan Pak Samad dengan Ishak amat rapat dan intim dalam masa tiga tahun setengah pendudukan tentera Jepun di Singapura. Dalam jangka waktu sesingkat itu, hubungan itu kaya dan padat dengan peristiwa dan pengalaman.

Samad bekerja terus di bawah Kajai dalam masa Jepun di *Berita Malai*. Demikian juga Pak Sako yang menjadi penolong Kajai di akhbar tersebut. Samad kemudian mengambil alih jawatan Ketua Pengarang Berita Malai daripada Pak Sako pada tahun 1945 setelah Pak Sako berhijrah ke Pulau Bentan sebagai petani. Ketika menjadi Ketua Pengarang Berita Malai, Pak Samad berusia 21 tahun.

Selepas perang, perhubungan Samad dan Pak Sako agak terputus. Pak Sako berpindah ke Tanah Melayu menjadi pengarang *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* serta memimpin *Parti Kebangsaan Melayu Malaya*. Sedangkan Pak Samad selepas ditahan beberapa bulan oleh British kembali bekerja di Utusan Melayu Singapura sebagai penolong pengarang.

Walaupun selalu bertemu tetapi perhubungan antara kedua-duanya tidak serapat persahabatan mereka dalam masa pendudukan Jepun dahulu. Kemudian Pak Samad berhijrah bersama keluarganya pada tahun 1959 untuk memimpin *Berita Harian* di Kuala Lumpur. Bagaimanapun perhubungan mereka tidak intim juga kerana masing-masing mempunyai karier sendiri – Pak Sako sebagai pejuang politik, Pak Samad sebagai wartawan. Begitu pun mereka masih menjadi sahabat dan manakala sekali sekala berjumpa, kedua-duanya semesra sebagaimana dalam masa pendudukan Jepun dahulu.

Apa yang jelas dari tulisan-tulisan Pak Samad mengenai Pak Sako selama ini ialah betapa intimnya perhubungan itu dan betapa halusnya sensitiviti Pak Samad terhadap persahabatan itu.

Kepekaan ini saya rasa ialah kerana Pak Samad menyifatkan kedua-dua tokoh itu – Kajai dan Ishak – sebagai gurunya. Sifat mengenang jasa guru ini barangkali hasil asuhan ayah Pak Samad yang juga seorang guru besar sekolah di Singapura, dan pengalaman Pak Samad sendiri pada masa kecil. Ayah Pak Samad ialah guru besar dari angkatan lama di Singapura. Dia juga seorang penulis dalam zamannya. Pak Samad pada masa kecil lebih terkenal sebagai "anak Cikgu Ismail" daripada dikenali namanya. Allahyarham Cikgu Mahmud Ahmad, budayawan Singapura yang terkenal pernah

menjadi guru Pak Samad. Allahyarham Abdul Hamid Abdul menjadi Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Singapura waktu Pak Samad masih di bangku sekolah Melayu. Hamid Abdul kemudian menjadi Setiausaha Agung Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan setelah itu bekerja pula sebagai pembantu Pak Samad di *Utusan Melayu*.

Samad bekerja di bawah Kajai ketika berusia 16 tahun. Demikian juga Samad mengenal Pak Sako waktu dia berumur belasan tahun. Pemuda dalam usia belasan tahun ialah seperti kain putih yang mudah dicorakkan oleh pengaruh orang yang telah dewasa. Pengaruh itu begitu kuat membentuk jiwa remaja itu hingga menjadi sebati dengan peribadinya.

Utusan Melayu sebelum perang ialah satu-satunya institusi penyebaran semangat nasionalisme Melayu. Di sinilah sekolah awal Pak Samad sebagai pemuda belasan tahun. Zaman pendudukan Jepun ialah zaman pendewasaan Pak Samad dan selama tiga tahun setengah itu ia terdedah kepada berbagai pengaruh sekitarannya, dan pengaruh paling kuat sekali pada watak dan jiwanya ialah pengaruh Pak Sako.

Banyak orang lain yang ikut menyumbang kepada pembentukan watak dan jiwa Pak Samad pada masa remajanya – orang-orang seperti Yusuf Ishak dan Ibrahim Yaakob. Tetapi hanya Kajai dan Pak Sako yang pengaruhnya meninggalkan kesan yang begitu mendalam kepada watak Pak Samad.

Daripada kedua-dua tokoh itu, Pak Samad mewarisi keperibadian dan ketokohan luar biasa sepanjang kariernya sebagai wartawan, sasterawan, pejuang politik, bahasa dan kebudayaan hingga menjadi legenda dalam zamannya.

Pak Samad menjadi menyambung warisan Kajai dan Ishak, menyambung zaman mereka untuk dipusakai pula oleh generasi demi generasi yang datang kemudiannya.

Pak Samad tidak mungkin berupaya memenuhi peranan sejarah sekiranya perjuangannya terputus sama sekali dari perjuangan generasi sebelumnya, sekiranya dia mengabaikan langsung jasa guru-gurunya, sekiranya dia mengkesampingkan kekuatan akarnya.

Dalam era pensejagatan sekarang, nilai ini jelas pupus dari generasi baru. Antara generasi lama dan generasi baru tidak wujud kesinambungan sebagaimana yang dijalin oleh Pak Samad dengan generasi Kajai dan Ishak.

Berapa ramai antara wartawan dan sasterawan sekarang yang sedia mengakui secara jujur bahawa mereka mewarisi tradisi Pak Samad? Berapa ramai teman yang pernah diasuh dan dididik oleh Pak Samad yang sanggup tampil kemuka secara terbuka mengakui mereka pernah berguru dengan beliau serta menceritakan dengan begitu sensitif sekali pengalaman mereka disentuhi dan dipengaruhi oleh ketokohan beliau?

Pak Samad dikatakan sebagai seorang yang penuh "enigma", penuh rahsia dan kontroversi. Berapa ramai antara wartawan dan sasterawan sekarang yang mampu menggali dan membongkar "enigma" beliau.

Sebagaimana generasi sebelumnya, Pak Samad mensebatikan peranannya sebagai pejuang politik dan kewartawanan. Dalam zamannya Pak Samad berkonfrontasi secara langsung dengan kuasa penjajah, menjadi manusia buruan dan intipan mereka. Pejabat *Utusan Melayu* di Cecil Street, Singapura berjiran dengan Ibu Pejabat Special Branch dan

CID British, selang sebuah rumah sahaja jaraknya dari pusat perisikan penjajah pada masa itu. Calang-calang orang tidak berani bekerja di *Utusan Melayu* malah tidak bersedia menghadapi risiko untuk berkawan dengan Pak Samad.

Pak Samad mewarisi tradisi Kajai dan Ishak tetapi memperhalus dan mempertajam lagi senjata kaum wartawan dan penulis dalam era baru perjuangan kemerdekaan. Dia meningkatkan lagi fungsi dan peranan kewartawanan dan penulisan dalam era penjajahan, menggunakan pengalamannya bekerja di bawah Kajai dan Ishak sebelum perang dan dalam zaman pendudukan Jepun untuk berkonfrontasi secara langsung dengan penjajah.

Tanpa mengerti dan memahami peranan generasi Pak Samad, kita tidak akan dapat mengerti dan memahami sumbangan generasi Kajai dan Ishak.

Pak Samad belajar disiplin dan etika kerja dari Kajai, dia belajar mengenal manusia dan sifat penyayang sesama manusia dari Pak Sako, katanya. Terutama sekali mereka menanam nilai-nilai cinta kepada bangsa dan tanah air dalam jiwanya.

Berupayakah teman-temannya menulis mengenai Pak Samad dan mampu menganalisa ketokohan dan personaliti beliau yang hingga hari ini masih belum terjawab? Profesor Dr. Cheah Boon Kheng pernah mengumpulkan tulisan-tulisan dari teman-teman Pak Samad mengenai dirinya dalam sebuah buku: *A. Samad Ismail – Politics and Journalism*".

Ramai wartawan dalam negeri dan luar negeri dari berbagai bangsa juga sering menulis mengenai Pak Samad. Namun Pak Samad masih merupakan personaliti penuh rahsia.

Apa yang jelas ialah belum ada seorang pun penulis kita atau penulis asing yang mampu menulis rencana demi rencana mengenai Pak Samad sebagaimana beliau menulis mengenai Pak Sako dan Kajai.

Anugerah Ramon Magsaysay kepada Pak Samad mengiktiraf jasanya mengasuh dan mendidik generasi demi generasi penulis dan wartawan kita tidak sahaja dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Tetapi lebih penting dari itu ialah mengasuh dan menanam nilai-nilai cinta kepada bangsa dan tanah air kepada mereka agar mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan demokrasi dalam sebuah masyarakat yang merdeka dan berdaulat.

Pak Samad menempat dan memartabatkan Kajai dan Ishak pada kedudukan mereka yang hak dan wajar dalam zaman nasionalism Melayu masih berputik. Kajai dan Ishak berperanan besar meletakkan asas kewartawanan dan sastera Melayu dalam era peralihannya menuju ke arah tahap kita sekarang.

Wajarlah saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tan Sri (Dr.) A. Samad Ismail, kerana membenarkan saya mengumpulkan esei-esei dan ceramah beliau dalam buku ini.

Mudah-mudahan buku ini dapat menyumbang kepada usaha kita mengenal akar warisan bangsa.

A. KARIM HAJI ABDULLAH
Petaling Jaya
17 Ogos 1996.

PENDAHULUAN BUKU *ANTARA PEMIKIRAN A. SAMAD ISMAIL* (1997)

Saya mengucap syukur ke hadrat Allah (s.w.t.) kerana dengan limpah izin-Nya, dengan rahmat dan rahim-Nya, telah mendorong minat saya untuk menyusun dan menyelenggarakan buku ini yang diberi judul *Antara Pemikiran A. Samad Ismail.*

Buku ini merupakan koleksi esei, ceramah dan tulisan Tan Sri Dr. A. Samad Ismail (Pak Samad) yang dikumpulkan dari tahun 1980-an hingga 1990-an. Koleksi ini pun belum lengkap sebenarnya. Masih banyak esei beliau yang tersebar dalam pelbagai penerbitan.

Pada tahun 1987, saya telah berusaha mengumpulkan esei-esei Tan Sri Samad dalam sebuah buku berjudul *A. Samad Ismail – Ketokohan dan Kewartawanan*, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Esei-esei beliau dalam buku ini bermula dari tahun 1940-an hingga 1970-an.

Mencari dan mengumpulkan manuskrip ceramah dan rencana Pak Samad memang tidak mudah. Tidak semua ceramahnya disiarkan oleh media. Kalau disiarkan pun hanya beberapa perenggan sahaja sebagai berita, jarang dengan sepenuhnya. Masalah saya menjadi lebih rumit kerana Pak Samad sendiri biasanya tidak menyimpan manuskrip asal ceramahnya. Beliau tidak menggunakan komputer melainkan mesin taip sahaja. Ada kalanya beliau menyiapkan ceramahnya dengan merakamkannya terlebih dahulu di pita rakaman. Sekiranya kesuntukan waktu, Pak Samad mencari jalan mudah dengan menaip sahaja ceramahnya.

Dalam keadaan seperti inilah saya selalu menghadapi masalah. Manakala manuskrip ceramahnya disiapkan dengan menggunakan mesin taip biasanya Pak Samad tidak membuat salinan. Sekiranya saya terlewat mendapatkan salinan asal ceramahnya, setelah beliau memberikan ceramah, selalunya salinan asal ceramahnya hilang begitu sahaja.

Sebagai penyelidik, saya terpaksa mengambil tahu jadual ceramahnya. Biasanya Pak Samad memberitahu saya jadual ceramahnya. Namun ada juga waktunya beliau terlupa memberitahu saya lebih awal programnya. Manakala mendapat tahu beliau telah memberi ceramah di sesuatu majlis, saya terpaksa menemuinya meminta manuskripnya untuk simpanan saya. Kadang-kadang saya hampa kerana Pak Samad kehilangan salinan asal.

Mengumpulkan manuskrip ceramah dan rencana Pak Samad memerlukan kesabaran. Pak Samad sepanjang kerjayanya sebagai wartawan, pengarang, sasterawan, penggiat politik, bahasa dan budaya, telah memberikan ratusan ceramah di Singapura dan di Malaysia.

Kalau sekiranya semua manuskrip ceramahnya itu dapat dikumpulkan, barangkali ia boleh diterbitkan dalam puluhan jilid.

Pak Samad mendidik dan mengasuh generasi demi generasi wartawan dan sasterawan sepanjang masa kerjayanya yang bermula pada tahun 1941 hingga sekarang. Demikian juga kader-kader politik semenjak selepas perang di merata tempat. Ceramah-ceramah itu penting kerana ia boleh menjadi kajian untuk mengikuti perkembangan idea, pemikiran dan tanggapannya dari zaman selepas perang hingga sekarang. Umpamanya

saya berusaha mencari naskhah-naskhah lama majalah *Fajar*, lidah rasmi Socialist Club pelajar-pelajar Universiti Singapura dalam tahun 1950-an dahulu. Pak Samad menulis beberapa rencana dalam majalah itu. Demikian juga rencana-rencana Pak Samad dalam akhbar harian bahasa Inggeris *Singapore Standard* dalam tahun 1950-an setelah Pak Samad bebas daripada tahanan darurat British di Singapura. Namun hingga hari ini saya gagal dalam usaha saya itu. Tahun-tahun 1950-an adalah penting kerana ketika itu gelombang antikolonialisme memuncak di Singapura dan di Semenanjung. Peranan Pak Samad pada masa itu amat menarik hati. Itulah era di mana kita mengadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Singapura dan di Johor Bahru; itulah juga masanya PAP ditubuhkan dan diasaskan oleh Pak Samad bersama Lee Kuan Yew. Itulah juga slogan 'Merdeka' dilaungkan sekeras-kerasnya oleh UMNO. Itulah juga zaman gemilang Asas 50. Itulah ketikanya *Utusan Melayu* dalam rencananya membela Pak Samad dalam tahanan darurat di Pulau Sekijang menyifatkan Pak Samad sebagai 'intelektual yang terulung'.

Saya berkali-kali bertanya Pak Samad: 'Mengapa Pak Samad tidaka menganggap penting untuk menyimpan naskhah-naskhah ceramahnya, ucapannya dan rencana-rencananya? Mengapa sebagai pengarang akhbar *Utusan Melayu* dan *Berita Harian*, Pak Samad jarang menyiarkan ceramah-ceramahnya sebagaimana orang lain.' Penjelasan Pak Samad agak aneh dan pelik juga. Katanya, 'Orang sezamannya pun begitu juga. Kajai, Ishak Haji Muhammad bahkan Dr. Burhanuddin, Ibrahim Yaakob dan Ahmad Boestamam tidak menyimpan ceramah dan ucapan mereka. Kajai dan Ishak juga selalu memberikan ucapan dan ceramah tetapi boleh dikatakan mereka tidak pernah menyiarkan ceramah mereka dalam akhbar mereka sendiri.Mereka takut riak dan takbur. Mereka

adalah pengarang. Tradisi yang aku warisi ialah kita mengutamakan fikiran pembaca. Fikiran pengarang dirakam dalam rencana dan tajuk pengarang. Tradisi pengarang zaman aku ialah sebagai pengarang kami tidak boleh menonjol diri sendiri dalam akhbar yang kami pimpin kecuali rencana sahaja. Kalau aku berucap, ucapan orang lain perlu diutamakan, bukan ucapan aku kerana kami takut dianggap masuk bakul, angkat sendiri.

'Bahkan ketika bekerja di *Straits Times* pun, inilah juga tradisi pengarangnya. Dalam tradisi media zaman aku, pengarang adalah *anonymous* iaitu tidak mempunyai nama. Akhbar lebih terkenal daripada pengarang. Kalau pengarang terkenal ialah kerana mutu dan gengsi akhbarnya. Pengarang datang dan pengarang pergi tetapi akhbar yang dipimpinnya tetap kekal. Wartawan terkenal bukan kerana ceramah-ceramahnya tetapi kerana tulisan-tulisannya dan kerana kualiti serta dasar akhbarnya. Akhbar diterbitkan secara kolektif bukan daripada hasil tenaga dan kepintaran pengarangnya sahaja. Personaliti pengarang terserlah kerana idea, gagasan dan dasar yang terpancar dari akhbar pimpinannya.'

Inilah sebabnya Pak Samad seperti tidak mengambil berat menyimpan manuskrip ceramahnya dan salinan rencananya, mengambil sikap sambil lewa sahaja sama ada manuskrip-manuskrip asal ceramah dan rencananya itu disimpan atau tidak untuk dikumpulkan dalam buku.

Kerana itu dalam mengumpulkan ceramah dan rencananya untuk buku ini, tidak semua ceramahnya yang dapat saya kumpulkan. Beberapa ceramahnya tidak disimpan naskhah asalnya dan tidak dapat dicari serta dikesan.

Pak Samad telah lama bersara tetapi masih aktif, pernah menjadi Penulis Tamu di Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara tugasnya ialah memberikan ceramah tetapi kebanyakan ceramahnya hilang begitu sahaja tanpa dirakamkan. Pak Samad tidak menyimpan naskhah asalnya. Ada masanya ceramahnya tidak menggunakan persiapan apa-apa melainkan secara spontan sahaja.

Saya juga selalu menggesanya supaya merakamkan kuliah-kuliahnya ketika beliau menjadi pensyarah di Jabatan Kajian Media di Universiti Malaya. Tetapi Pak Samad tidak pernah merakamkan kuliah-kuliahnya. Beliau tidak pernah menyediakan teks kuliah-kuliahnya sedangkan dia mengajar pelajar tahun pertama hingga tahun akhir tentang sebaran am dan kesusasteraan. Kuliah-kuliahnya itu sekiranya dikumpulkan dan dibukukan boleh memanfaatkan pelajar-pelajar sebaran am khususnya dan kaum penulis amnya.

Buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* ini sebenarnya tidak berlaku adil kepada Pak Samad.. Pertama sekali inilah sahaja yang dapat saya kumpulkan dari tahun 1980 hingga hari ini. Sedangkan kerjaya Pak Samad merangkumi zaman sebelum perang, dalam masa pendudukan Jepun, dalam masa selepas perang hingga selepas merdeka dan hingga ke hari ini.

Dia masih aktif lagi, menulis rencana untuk media, memberi ceramah di sana sini untuk pertubuhan-pertubuhan politik, media, kebudayaan dan pelajar.

Usaha ini adalah atas inisiatif saya sendiri kerana memikirkan penting mengumpulkan mana-mana ceramah dan tulisannya yang terdaya saya kesan dan

selamatkan untuk tatapan pembaca. Saya bukanlah seorang yang arif untuk menilai pemikirannya. Ini saya serahkan kepada pertimbangan masyarakat pembaca.

Pak Samad banyak berceramah tentang media dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris di majlis-majlis tajaan berbagai-bagai pertubuhan. Ada juga ceramah-ceramah beliau tentang politik dan kebudayaan.

Selama berdampingan dengannya, saya tahu Pak Samad tidak pernah menolak jemputan untuk memberikan ceramah tanpa mengira jenis pertubuhan yang mengundangnya, besar atau kecil, Melayu atau bukan Melayu, pelajar atau parti politik. Bahkan beliau tidak mengambil kira sama ada beliau dibayar atau tidak atau sekadar diberi *plaque* murah. Syaratnya ialah sekiranya beliau mempunyai waktu lapang untuk memenuhi jemputan itu dan sekiranya majlis itu di luar Kuala Lumpur umpamanya di Johor atau di Perak ataupun di Terengganu maka dia dibayar tambang untuk memenuhi undangan itu berserta tambang isterinya sekali.

Walaupun majlis ceramah diadakan di Kuala Lumpur, masalah selalunya ialah pengangkutan sebab Pak Samad tidak lagi terdaya memandu keretanya sendiri. Selalunya saya menjadi temannya membawa beliau ke majlis ceramah. Bagi saya tidak mengapalah payah dan penat sedikit menjadi temannya asal saya mendapat manuskrip ceramahnya untuk disimpan.

Menurut pengalaman saya berdampingan dengannya, mendengar ceramah Pak Samad manakala beliau tidak membaca teks, adalah lebih menyeronokkan daripada mendengar beliau membaca teks ceramahnya.

Satu contoh ialah ceramahnya kepada satu perhimpunan pegawai-pegawai Penerangan Pemuda UMNO di PWTC tajaan Datuk Zahid dan Datuk Nazri Tan Sri Aziz untuk meraikan Pak Samad menerima Anugerah Yayasan Ramon Magsaysay yang berprestij itu.

Pak Samad pun berucap tanpa teks. Ketika itulah dia mengkritik Pemuda UMNO kini tidak mempunyai idealisme. Namun caranya mengkritik Pemuda UMNO penuh dengan humor hingga seluruh dewan itu bergema dengan gelak ketawa dari mula hingga ke akhir.

Sayang sekali ceramah yang *impromptu* itu tidak dirakamkan.

Walaupun majlis yang diceramahnya itu berat dan serius, tetapi kritikannya disampaikan dengan gaya bersahaja, dengan anekdot-anekdot yang melucukan.

Sebagai seorang yang pernah bergiat dalam politik dan gerakan buruh, berpidato adalah satu hal yang lumrah kepada beliau. Dalam perjuangan menentang penjajah, pejuang politik harus juga berperanan sebagai *agitator* atau penghasut perasaan rakyat.

Pejuang politik biasanya mempunyai keterampilan berbicara dengan berbagai-bagai golongan dari golongan bawahan seperti pekerja dan petani hingga kepada golongan elit.

Walaupun sudah begitu lama tidak bergiat dalam politik ternyata Pak Samad masih mampu mencuit emosi dan perasaan khalayaknya menyesuaikan ceramahnya menurut golongan yang mendengar ucapannya.

Pak Samad paling suka berceramah kepada belia terutama wartawan generasi baru. Dalam satu majlis ceramahnya dengan wartawan-wartawan muda. Pak Samad bercakap tanpa teks dari pukul 9.00 pagi hingga jam 1.00 tengah hari tanpa rehat. Beliau seperti seorang tua 'berceloteh' kepada anak-anaknya, ada waktunya memarahi mereka, ada ketikanya mencarutkan mereka tetapi secara berseloroh dan berkelakar hingga tidak membosankan mereka yang mendengarnya.

Setelah selesai ceramahnya tibalah sesi soal jawab dan Pak Samad pun mencabar wartawan-wartawan yang hadir: "Tanyalah ... tanya apa saja ..." Dia begitu yakin kepada kemampuannya yang menjangkau lebih separuh abad sebagai wartawan.

Banyak ceramahnya seperti ini tidak dirakamkan dan dicatatkan kerana ceramah-ceramah itu diberikan tanpa teks dari sejak dahulu lagi.

Suatu hari ketika menghadiri majlis perkahwinan keluarganya di Kuala Lumpur tidak lama dahulu, seorang lelaki berusia dalam lingkungan 60-an tahun menemui Pak Samad dan memperkenalkan dirinya.

'Pak Samad kenal saya? Saya tinggal di Singapura dan berkeluarga juga dengan ayah pengantin.'

Pak Samad merenungi muka orang itu beberapa ketika. Kemudiannya dia berkata, 'Saya tidak ingat kamu.'

Lelaki itu menyebutkan beberapa nama. Antara nama-nama yang disebutnya ialah nama seorang yang diingati oleh Pak Samad.

'Aku ingat dia.... Dia ditangkap oleh British sebelum darurat atas tuduhan menghasut kaum pekerja. Dia dihukum dua tahun penjara. Setelah selesai mengakhiri hukumannya, dia dibuang negeri ke Sumatera,' kata Pak Samad.

Lelaki itu pun menerangkan bahawa pada tahun 1946 hingga tahun 1948 dia bersama-sama beberapa teman yang ditangkap oleh British itu adalah murid-murid kursus politik yang diadakan oleh Pak Samad di Singapura.

'Kami adalah anggota API (Angkatan Pemuda Insaf) dahulu. Pak Samad membuka kelas-kelas politik di Geylang Serai, di Kebun Ubi, di kampung Woodleigh, di Lorong Engku Aman, di Lorong 21, di No. 10, Bussorah Street dan di rumah Pak Samad sendiri waktu itu,' jelas lelaki tersebut.

'Aku sebenarnya memang lupa tentang hal itu,' katanya kemudian kepada saya bila saya bertanya adakah beliau masih menuimpan catatan atau naskhah-naskhah kursus politik itu. Sebagai pengkaji atau *researcher* karya-karyanya, saya tentu merasa amat kesal.

Setelah Allahyarham Kamaluddin Muhammad atau Keris Mas meninggal dunia, balunya Hajah Rosewita yang menjadi jiran saya, memberitahu bahawa ketika mengemas buku-buku dan surat-surat suaminya, dia menemui banyak surat Pak Samad kepada Allahyarham Keris Mas waktu Allahyarham bekerja di *Warta Negara*, Pulau Pinang.

Menurut keterangan Puan Hajah Rosewita, surat-surat Pak Samad kepada Keris Mas 'marah-marah' kerana Keris meninggalkan *Utusan Melayu* untuk bekerja di *Warta Negara*.

Keris Mas meninggalkan *Utusan Melayu* untuk bekerja di *Warta Negara* ketika Pak Samad dalam tahanan darurat di Singapura dari tahun 1951 hingga tahun 1953, tanpa memberitahu Pak Samad.

Keris keluar dari *Utusan Melayu* kerana berselisih faham dengan Yusof Ishak, Pengarang dan Pengurus Utusan Melayu.

Pak Samad tidak bersetuju Keris Mas keluar dari Utusan Melayu kerana mahukan Keris bertahan di Utusan walaupun digoda oleh Yusof. Semasa Pak Samad dalam tahanan, Yusof mengadakan 'pembersihan' di Jabatan Pengarang Utusan. Orang yang dianggap menjadi pengikut Pak Samad tersingkir dari jawatan-jawatan penting di Jabatan Pengarang.

Keris Mas diambil bekerja semula di Utusan Melayu setelah Pak Samad dibebaskan daripada tahanan darurat.

Sebagai pengkaji atau *researcher*, saya kesal sekali surat-surat Pak Samad kepada Keris Mas pada masa itu tidak disimpan lagi oleh balunya berikutan kematian Keris.

Surat-surat itu penting untuk kita mengetahui satu aspek dari pergolakan dalam Utusan Melayu pada awal tahun 1950-an itu.

Datuk Ahmad Sebi ketika membuat *research* tentang Pak Samad sebagai pengarang *Utusan Melayu* dalam tahun 1950-an dahulu sempat membaca surat-surat Pak Samad kepada Encik Misbah Tahir, wakil Utusan Melayu di Pulau Pinang.

Berdasarkan surat-menyurat antara Pak Samad dengan Misbah Tahir pada masa itu, Datuk Ahmad Sebi dapat menyingkap rahsia perhubungan Pak Samad sebagai pengarang dengan anak-anak buahnya di seluruh negara, betapa rapatnya Pak Samad menjalin perhubungan dengan wartawan-wartawan serta penulis-penulis *Utusan Melayu* mengasuh dan mendidik mereka sebagai wartawan.

Ahmad Sebi menjelaskan rahsia Pak Samad dapat mengikuti setiap degup jantung perkembangan politik di Semenanjung Tanah Melayu sekalipun Pak Samad memimpin *Utusan Melayu* di Singapura adalah terletak pada keakrabannya dengan hampir setiap wartawannya yang berselerak di seluruh negara.

Sebagai pengarang, Pak Samad berhubungan secara langsung dengan mereka. Inilah rahsia kejayaan Pak Samad sebagai pengarang.

Sayang sekali surat-surat Pak Samad kepada para penulis dan wartawannya tidak tersimpan untuk kita mengetahui rahsia keunggulannya sebagai seorang pengarang akhbar.

Ceramah dan rencana hasil karya Pak Samad yang terbit dalam buku ini hanya merupakan satu aspek kecil tentang keunggulan Pak Samad sebagai wartawan. Banyak lagi aspek kerjayanya sebagai pengarang masih belum digali oleh para pengkaji iaitu cara dan corak kepimpinannya sebagai seorang pengarang.

Pak Samad menjadi guru kepada generasi demi generasi wartawan dan sasterawan Melayu. Ramai yang secara langsung menjadi 'muridnya' dan ramai juga yang hanya menerima sentuhan dari beliau iaitu hanya merasakan pengaruh Pak Samad dari jauh

serta mendapat semangat dan ilham dari kecemerlangan kerjayanya sebagai pengarang, menjadikan keunggulannya sebagai contoh dan model.

Buku ini sekadar satu cebisan daripada keunggulan Pak Samad sebagai wartawan yang sumbangannya kepada bangsa dan negara menerima pengiktirafan tidak sahaja daripada kita tetapi juga daripada masyarakat antarabangsa seperti yang terbukti daripada anugerah yang diterimanya daripada Yayasan Ramon Magsaysay.

Antara rencana-rencana Pak Samad dalam bahasa Inggeris di *Singapore Standard* ialah jawapannya kepada kecaman Alex Josey, wartawan keturunan Yahudi, yang ketika itu telah berhijrah ke Singapura selepas berkhidmat sebagai Pengetua Perang Urat Saraf Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Alex Josey pernah berkhidmat di bawah Henry Gurney di Palestin.

Alex Josey mengecam inisiatif Pak Samad menubuhkan Persatuan Wartawan Melayu Singapura sebagai berbau perkauman. Lebih elok, kata Josey, untuk wartawan-wartawan Melayu menjadi anggota *Singapore Union of Journalists* yang tidak bercorak perkauman. Menurut keterangan beberapa teman, Pak Samad juga berpolemik dengan mendiang Leslie Hoffman yang ketika itu menjadi Ketua Pengarang *Straits Times* Hoffman menyokong parti Datuk Onn iaitu Independence of Malaya Party Pak Samad mengkritik IMP. Rencana Pak Samad itu juga disiarkan dalam *Singapore Standard*.

Saya juga ingin mencari beberapa rencana pengarang Pak Samad dalam *Utusan Melayu* mengkritik Asas 50 yang ditulisnya tidak lama selepas beliau dibebaskan daripada tahanan darurat pada tahun 1953.

Selama lebih kurang tiga tahun dalam tahanan di Pulau Sekijang, seperti termaklum, Pak Samad menyeludupkan beberapa cerpennya yang disiarkan dalam *Mastika* dan *Utusan Zaman*.

Sepanjang dalam tahanan, Pak Samad membaca akhbar *Utusan Melayu, Utusan Zaman* dan *Mastika*. Dia mengikuti terus perkembangan kesusasteraan sepanjang masa dia ditahan. Pak Samad dan teman-temannya dalam masa tahanan itu mengadakan perbincangan tentang cerpen-cerpen yang tersiar dalam *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Menurut Pak Samad, tahap perkembangan sastera pada masa itu jelas merosot. Rencana-rencana sastera berlegar pada isu pembayaran honorarium. Sindrom puji-memuji antara penulis amat ketara. Sebuah rencana memuji penyajak Masuri S.N. sama kedudukannya dengan Chairil Anwar.

Adalah wajar kalau kita mengkaji tulisan-tulisan dalam halaman sastera antara tahun 1951 dan tahun 1953 itu untuk memahami latar cerpen 'Ingin Jadi Pujangga' yang ditulis oleh Samad dalam masa tahanannya di Pulau Sekijang dan mengapa dia menulis lima atau enam rencana pengarang dalam *Utusan Melayu* mengkritik Asas 50.

Tanpa latar kedudukan politik pada masa itu, kita tidak dapat memahami sebenarnya maksud tulisan-tulisannya itu.

Dalam masa itu juga tercetus peristiwa Aziz Ishak digelar "Wartawan Tikus" oleh Sir Gerald Templer.

Utusan Melayu berperanan penting membela Aziz dan Pak Samad bertanggungjawab menjadikan peristiwa itu sebagai satu isu perjuangan. Itulah pertama

kali Templer digugat kewibawaannya dalam media. Peristiwa ini penting kerana ia menandakan permulaan gelombang antikolonialisme dalam masa darurat.

Isu itu bergema di kalangan masyarakat antarabangsa kerana Pak Samad melalui rangkaian teman-temannya di luar negara telah berjaya menonjolkan isu itu bukan sebagai satu peristiwa di mana seorang wartawan Melayu iaitu Aziz Ishak telah melakukan kesalahan tidak menghormati Queen Elizabeth tetapi sebagai satu isu kontroversi antara penjajah British dengan wartawan nasionalis.

Pak Samad memobilisasi dan mengerah agar kontak-kontaknya di seluruh negara menghujani surat pembaca kepada akhbar *Straits Times* untuk membela Aziz Ishak. Hingga tajuk rencana *Straits Times* pada masa itu mengakui lebih banyak surat yang diterimanya dari pembaca yang membela Aziz daripada yang membela Templer.

Pak Samad memperjuangkan isu sekatan-sekatan ke atasnya oleh polis Singapura setelah pembebasannya di bawah undang-undang darurat dalam media. Perjuangannya berkesan dalam erti sekatan-sekatan polis itu terpaksa dibatalkan dalam sekejap masa sahaja selepas Pak Samad dibebaskan.

Sejurus dibebaskan Pak Samad dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Pekerja-pekerja Percetakan Singapura lalu melancarkan mogok ke atas Syarikat Straits Times. Pemogokan ini gagal akhirnya tetapi ia menjadi titik permulaan Pak Samad membabitkan dirinya semula dalam gerakan *trade union* di Singapura.

Jangka waktu antara 1953 hingga tahun 1957 di Singapura dan juga di Semenanjung amat bersejarah. Sesetengah pengkaji politik termasuk beberapa pemimpin

menyifatkan masa itu penuh dengan kacau-bilau akibat angkara anasir-anasir komunis di Singapura kerana dikatakan mereka berperanan mencetuskan rusuhan-rusuhan para pelajar Cina dan rusuhan pemogok-pemogok syarikat bas Hock Lee.

Tetapi ia juga ialah peringkat masa yang melahirkan perjuangan yang memuncak menentang kolonialisme. Gelora itu menyapu Semenanjung Tanah Melayu dan melimpah ke Singapura, dengan golongan-golongan prokemerdekaan di Tanah Melayu bergabung wawasan dengan golongan-golongan antikolonial di Singapura.

Penubuhan PAP di Dewan Peringatan Victoria dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail dan Tun Tan Cheng Lock. Dengan itu PAP mendapat restu golongan pejuang-pejuang kemerdekaan Melayu di Semenanjung.

Perkembangan di Singapura dan di Semenanjung pada masa itu tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya saling pengaruh-mempengaruhi dan saling memberikan kekuatan kepada satu sama lain.

Perjuangan antikolonialisme di Singapura menjalar kepada perjuangan kebudayaan, bahasa dan kesusasteraan. Gerakan menentang kebudayaan kuning pada masa itu merangkumi pertubuhan-pertubuhan budaya segala bangsa sebagai satu platform antikolonial. Badan-badan seperti Perkumpulan Seni dan Sriwana ikut aktif dalam perjuangan itu.

Ciri-ciri perjuangan ini boleh dikatakan masih belum mendapat perhatian pengkaji-pengkaji sejarah. Pengkaji-pengkaji sejarah dan juga wartawan-wartawan Inggeris yang menulis babak-babak bersejarah itu mencari jalan mudah dengan

menyifatkan aktiviti-aktiviti itu sebagai dimanipulasi oleh anasir-anasir komunis. Sedangkan sebenarnya perjuangan itu disertai oleh berbagai-bagai golongan dalam masyarakat merangkumi semua kaum iaitu dari pejuang politik, kaum pekerja, budayawan dan seniman serta kaum wartawan dan intelektual.

Pada tahun-tahun 1950-an juga memperlihatkan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (Singapura) di puncak kegemilangannya melahirkan satu barisan pimpinan golongan pelajar yang menjalin perhubungan erat dengan pergerakan nasionalisme di luar kampus. Antara pemimpin-pemimpin itu ialah Lokman Musa, Aziz Yassin, Ungku Omar, S. Hussin Ali, Mohamad Sallehuddin, Mohd. Noah Abdullah, Abdullah Majid dan lain-lain. PBMUM ikut serta menaja dan melancarkan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ke-III.

Kesedaran antikolonial tidak sahaja meresapi pelajar-pelajar menengah Cina tetapi juga secara meluas menular kepada para mahasiswa universiti. Di Singapura kesedaran ini juga meresapi golongan menengah pendidikan Inggeris dan pegawai-pegawai bukan kulit putih dalam perkhidmatan awam seperti yang dibuktikan dalam perjuangan pegawai-pegawai kanan bukan *expatriate* di Singapura menuntut hak persamaan gaji dan layanan daripada kerajaan British.

Di kalangan anggota Asas 50 pada masa ini hanya segelintir sahaja yang turut aktif dengan sepenuh hati dalam pergolakan ini. Tertonjol di antara mereka ini ialah Datuk Usman Awang yang mulai menampakkan bakatnya sebagai pejuang budaya di tengah-tengah masyarakat yang sedang bergolak.

Perlu diingat bahawa pada masa ini juga diadakan perundingan di Baling, Kedah antara Chin Peng di satu pihak dan Tunku Abdul Rahman di satu pihak lagi.

Perundingan itu menunjukkan keyakinan Tunku terhadap pengaruhnya sebagai pemimpin perjuangan kemerdekaan rakyat berbilang kaum. Perundingan itu gagal tetapi tidak syak lagi tentang pentingnya peristiwa itu dalam sejarah negara ini.

Untuk Pak Samad juga, era itu mengandung erti yang sangat penting kerana pergolakan politik masa itu juga menjejaskan suasana dalam jabatan pengarang *Utusan Melayu*. Yusof Ishak mengatur siasatan bersama golongan tertentu di Kuala Lumpur dan di Singapura untuk menyingkirkan Pak Samad dari kedudukannya yang akhirnya memaksa Pak Samad menerima arahan Yusof untuk berhijrah ke Jakarta untuk suatu waktu yang tidak ditetapkan.

Detik itu berupa permulaan usaha menguasai *Utusan Melayu* sebagai sebuah akhbar kebangsaan yang bebas. Akhirnya ia mencetuskan pertembungan dan konflik dalaman yang membawa Yusof Ishak sendiri tersingkir daripada kedudukannya sebagai Pengarah Urusan Utusan Melayu tidak lama selepas ibu pejabat syarikat Utusan berpindah ke Kuala Lumpur. Peristiwa ini disusul pula oleh tercetusnya pemogokan para pekerja dan wartawan *Utusan Melayu* di Chan Sow Lin yang berlarutan selama lebih tiga bulan.

Rangkaian peristiwa ini yang antara satu sama lain bertalian dan bersambutan belum lagi dikaji dan diceritakan secara lengkap.

Pak Samad barangkali ialah satu-satunya tokoh yang boleh menyingkap sejarah ini secara menyeluruh kerana dia berada di tengah-tengah pergolakan itu sebagai pelakon yang penting dan yang utama.

Mudah-mudahan pada suatu hari kelas peristiwa-peristiwa sejarah ini dapat dicatatkan.

A. KARIM HAJI ABDULLAH

Petaling Jaya
16 April 1997.

PRAKATA
MUTIARA FIKIR SASTERAWAN NEGARA KERIS MAS (1997)

Saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan inayah-Nya, dengan rahmat dan rahim-Nya telah merangsang minat saya untuk menyelenggarakan buku ini yang diberi judul *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas*.

Buku ini sebenarnya merupakan koleksi wawancara oleh beberapa orang tokoh dan karyawan dengan Allahyarham Keris Mas, Sasterawan Negara (SN) yang pertama. Wawancara-wawancara ini pernah tersiar dalam pelbagai penerbitan.

Mengapa wawancara-wawancara ini amat diutamakan dalam buku ini sesungguhnya berkaitan pula dengan maksud 'wawancara' itu sendiri.

Dalam proses wawancara biasanya yang cuba ditemukan ialah pendapat-pendapat yang asli, jujur dan berterus-terang. Oleh itu, isi kandungan buku ini sebanyak sedikit menyingkap pendapat-pendapat SN Keris Mas secara asli, jujur, berterus-terang dan mendalam tentang dirinya dan juga pegangan kesusasteraannya.

Dengan kata-kata lain buku ini berusaha menampilkan Keris Mas sebagai sasterawan dan pemikir besar. Semua penulis berfikir tetapi tidak semua penulis menjadi sasterawan dan pemikir besar. Itulah keistimewaan SN Keris Mas. Kemunculannya sebagai sasterawan besar dilingkungi oleh keadaan zaman yang kacau – antara pedih pasca-Perang Dunia Kedua dengan kemerdekaan negara yang belum

pasti, dan dalam suasana pertubuhan politik yang sedang bergerak untuk menuntut kemerdekaan tanah air.

Pada dekad tersebut, angkatan penulis bukanlah merupakan suatu gaya hidup tetapi sebagai wadah perjuangan kehidupan. Apabila Keris Mas bergerak dalam ASAS 50, angkatan yang berpegang pada konsep 'Seni Untuk Masyarakat' telah berusaha untuk membebaskan minda bangsa daripada kebekuan dan feudalisme.

Angkatan ini diperkuatkan pula oleh tokoh-tokohnya yang berbakat yang komited terhadap perjuangan dan sedia bekerja keras. Keris Mas adalah salah seorang daripada tokoh-tokoh itu.

Beruntunglah Keris Mas kerana latar belakang keluarga, pendidikan agama, pekerjaan dan penglibatannya dalam politik telah membentuknya menjadi penulis dan aktivis yang berani, pintar berhujah dan cukup kukuh penulisan kreatif dan esei-eseinya. Apabila beliau diserang atau ASAS 50 dikritik, beliau menepis serangan atau kritikan itu dengan rasional – rasional sebagai seorang pemikir yang mendalam. ASAS 50 tentunya banyak terhutang budi kepada Keris Mas, sebagaimana Keris Mas pula terhutang budi kepada angkatan itu.

Tan Sri A. Samad Ismail dalam sebuah ceramahnya 'Mengenang Sasterawan Negara Keris Mas' di Sudut Penulis Dewan Bahasa pada 10 Jun 1997 menyatakan: "Keris adalah seorang yang teliti dan hati-hati, tidak tergesa dan terburu membuat satu-satu keputusan melainkan setelah menimbangkannya dengan cermat. Saya tertarik dengan kesederhanaannya dalam serba-serbi tindakannya. Dia bisa disalahertikan sebagai seorang yang berjiwa kerdil, takut berhadapan dengan risiko. Tetapi Keris berani dan

keras mempertahankan pendiriannya, seperti waktu ASAS 50 yang dicabar dan dikritik oleh setengah-setengah golongan pada awal tahun 1960-an dahulu. Keris sahaja teman-teman seangkatannya yang berani berdebat dan berpolemik di tengah umum mempertahankan ASAS 50. Keris petah bercakap dan saya rasa beliau seorang *debater* yang tidak mudah dikalahkan oleh lawan."

Tentang pegangannya mengenai konsep 'Sastera Untuk Masyarakat' Keris Mas dalam sebuah wawancaranya dalam buku ini menegaskan: "Sastera Untuk Masyarakat" yang saya anuti percaya kepada wujudnya kebahagiaan hidup manusia dengan pembentukan rukun masyarakat yang adil, sedangkan manusia tidak akan dapat membentuk rukun masyarakat yang adil dan bahagia ini kalau rohaninya kotor, kalau ia tamak, kalau ia haloba, kalau ia sanggup menindas orang lain untuk kebahagiaan diri sendiri. Maka itu 'Sastera Untuk Masyarakat' mestilah berurusan dengan jiwa manusia juga, berusaha dengan rohani, dengan moral, 'Sastera Untuk Masyarakat' bagi saya adalah kedua-duanya, moral dan material, rohani dan jasmani. Bagi saya 'Seni Untuk Masyarakat' bukan hanya slogan tetapi suatu falsafah, sautu konsep yang berurusan dengan penyusunan masyarakat yang adil dan bahagia oleh manusia."

Demikianlah begitu jelasnya pendirian dan pemikiran Keris Mas yang menjadi pegang dan landasan beliau berkarya.

Dalam usaha saya mengumpulkan wawancara Keris Mas, saya hanya berjaya mendapat sebanyak sembilan wawancara sahaja. Semua wawancara ini pernah tersiar dalam media cetak. Saya kira bukan sembilan wawancara sahaja yang telah dibuat oleh Keris Mas malah puluhan wawancara melalui radio dan media elektronik yang tidak

tersimpan. Barangkali masih ada lagi wawancara melalui media cetak yang terlepas dari pengetahuan saya. Tetapi sembilan wawancara ini, sudah memadai bagi kita mengikuti aliran pemikiran dan pegangan Keris Mas. Usaha ini merupakan percubaan pertama untuk mengumpulkan wawancara dengan Keris Mas sebagai bahan rujukan yang berguna bagi pelajar-pelajar dan peminat-peminat kesusasteraan Melayu moden khususnya tentang ketokohan Keris Mas.

Sebagai penyelenggara buku ini, wajarlah saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang istimewa kepada semua pewawancara yang telah memberi izin bertulis kepada saya menggunakan wawancara-wawancara mereka, kepada keluarga Allahyarham dalam buku ini. Penghargaan dan terima kasih kepada Encik Anwar Ridhwan yang telah sudi menulis kata pengantar buku ini, dan kepada Encik Abdul Ahmad dan Yusof Ishak, dua orang sahabat saya dari DBP yang telah berbincang dengan saya dan mencadangkan judul buku ini.

A.KARIM HAJI ABDULLAH

Petaling Jaya
31 Ogos 1997.

PRAKATA BUKU *MELAYU HILANG KEBERANIAN: SUATU POLEMIK* (1998)

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin-Nya, dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya telah merangsang dan mendorong minat saya untuk menyusun dan menyelenggarakan buku ini yang diberi nama *Melayu Hilang Keberanian – Suatu Polemik* (1998).

Perkataan *polemik* mengikut *Kamus Dewan* membawa erti perbahasan, (perdebatan) perbantahan dengan rencana atau tulisan dalam surat khabar, majalah dan lain-lain.

Dengan demikian, kandungan buku ini menghimpunkan esei, komentar tulisan dan reaksi terhadap esei Tun Daim Zainuddin bertajuk *Melayu Hilang Keberanian* yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 10 Mac 1996. Esei ringkas Tun Daim itu pun merupakan ulasan beliau terhadap rencana Datuk Kadir Jasin berjudul *Suara Melayu, UMNO dan Kerajaan* yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 18 Februari 1996.

Koluminis *Mingguan Malaysia*, *Lanang Sejagat*, sewaktu memperkenalkan tulisan Tun Daim antara lain menyatakan: 'Benarkah orang Melayu sudah hilang keberanian? Benarkah orang Melayu kini hanya pentingkan kekayaan sahaja? Apakah orang Melayu hanya menerima apa sahaja yang disogokkan kepada mereka secara membuta tuli?

Lanang Sejagat menegaskan "tulisan ini patut menjadi bahan perbincangan dan renungan. Isunya memang kontroversial. Tetapi penulisnya tentulah berniat baik untuk menyedar dan menggerakkan sekiranya benar bangsanya dalam kealpaan dan kekenyangan bagaikan tikus jatuh ke beras".

Bermula dengan tersiarnya kedua-dua artikel, Datuk Kadir Jasin dan Tun Daim itu, maka tercetuslah polemik dan perdebatan yang panjang dalam media massa kita. Selama beberapa bulan, telah disiarkan komentar, esei, dan reaksi terhadap kedua-dua tulisan dua orang tokoh itu. Pelbagai golongan termasuk tokoh korporat, para intelektual dan tokoh akademik, tokoh politik, wartawan dan editor, aktivis sosial turut menyumbang pandangan dan pemikiran mereka dalam akhabr-akhbar mingguan, majalah, jurnal yang membahaskan isu yang penting itu.

Memandangkan polemik yang berlaku dalam media massa itu merupakan salah satu polemik yang penting untuk menjadi bahan perbincangan dan renungan bersama, maka saya telah mengambil inisiatif mengumpulkan polemik itu dalam buku ini yang saya beri judul *Melayu Hilang Keberanian – Suatu Polemik?*, mengambil sempena judul artikel Tun Daim Zainuddin itu.

Ada juga beberapa artikel yang saya petik dari buku-buku yang tidak tersiar dalam media massa kita. Tetapi oleh kerana artikel tersebut amat relevan dengan topik perbincangan, maka saya mengambil artikel tersebut untuk dimasukkan dalam buku ini. Artikel Dr. Sanusi Osman bertajuk *Peranan Intelektual Melayu*, sebuah artikel beliau yang saya petik dari buku *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia* yang diterbitkan oleh UKM, 1989.

Demikian juga artikel Prof. Madya Mohamad Abu Bakar bertajuk *Pemandulan Intelektual* saya petik dari Majalah *Pemikir* yang judul asalnya ialah *Manusia Akademik Sebagai Intelektual* keluaran April-Jun 1996. Artikel Dr. Hussain Mohamed berjudul *Gambaran Keyakinan Palsu Politik dan Ekonomi Melayu* yang pertama kali tersiar dalam akhbar mingguan *Utusan Zaman*, 17 Mac 1996 telah dirombak dan diolah semula oleh beliau untuk disesuaikan dengan tujuan penerbitan buku ini.

Kepada Dr. Syed Husin Ali, saya mengucapkan terima kasih kerana telah menyerahkan kepada saya sebuah lagi esei beliau berjucul *Nilai Neofeudal Meluas* yang saya kira sesuai untuk buku ini.

Sesungguhnya agak jarang berlaku polemik yang serius seumpama ini tersiar dalam media massa kita. Kalau adapun tempoh polemik itu tidaklah panjang.

Saya menyedari bahawa masih banyak lagi esei, komentar dan tulisan membincangkan isu ini yang barangkali terlepas dari pengetahuan saya. Namun demikian pengumpulan esei-esei dan komentar yang terdapat dalam buku ini sudah memadai sebagai bahan kajian dan dokumentasi buat generasi kini dan generasi yang akan datang.

Dalam usaha penyusunan dan penyelenggaraan buku ini saya telah banyak mendapat kerjasama dan dorongan dari pelbagai pihak. Istimewanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada para penulis dan penyumbang yang telah memberi keizinan bertulis kepada saya bagi menggunakan esei-esei mereka. Kepada Tan Sri Dr. A. Samad Ismail (Pak Samad) yang telah sudi menulis kata pengantarnya. Kepada Encik Hamid Othman, Encik Mohd. Nor Othman

dari Utusan Printcorp yang banyak memberi kerjasama dalam proses penerbitan, Encik Rathuan Md. Som dan Cik Juwita Zainal Abidin dari Daya Grafik yang tidak jemu-jemu membantu dalam mengatur huruf kepada Sdr. Wahba dan Sdr. Talib Samat yang banyak menggalakkan saya mengusahakan penyelenggaraan buku ini, dan kepada sahabat saya Sdr. Jaafar Rahim yang selalu bertanya, bila buku akan terbit, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada anda sekalian.

Semoga buku ini dapat diterima sebagai satu bahan dokumentasi yang berguna kepada khazanah perpustakaan kita.

Salam hormat,
A. KARIM HAJI ABDULLAH
1 Mei 1998
Petaling Jaya.

PRAKATA BUKU *PERANAN SASTERAWAN DAN KESUSASTERAAN DARI SUDUT PANDANGAN PEMIMPIN DAN TOKOH-TOKOH PAHANG DARUL MAKMUR* (2000)

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah taufik, hidayah dan inayah-Nya membolehkan saya menyelenggarakan buku ini yang diberi nama *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-Tokoh Pahang Darul Makmur.*

Buku ini sebenarnya merupakan koleksi pandangan dan pemikiran tentang peranan sasterawan dan kesusasteraan dari tokoh dan pemimpin dari Pahang Darul Makmur yang menyentuh isu penulis dan kesusasteraan melalui ucapan perasmian sesuatu peristiwa bahasa dan sastera.

Pemikiran-pemikiran mereka perlu diabadikan dalam sebuah buku kerana ia akan menjadi bahan dokumentasi, dan bahan rujukan yang berguna pada masa akan datang.

Sebelum dari penerbitan buku ini saya telah mengumpulkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, buku yang berjudul *Pemimpin dan Sasterawan*, terhimpun seramai 40 orang tokoh yang membicarakan isu yang sama.

Seorang ahli falsafah Islam, pernah berkata "*Kata-kata yang benar itu tidak terikat oleh waktu*".

Dalam koleksi ucapan tokoh-tokoh yang terhimpun dalam buku ini, kita dapati banyak gagasan yang berguna untuk pemikiran dan renungan kita.

Titah ucapan DYMM Tuanku Ahmad Shah merasmikan *HARI SASTERA* 1987 merupakan dokumen yang penting.

Begitu juga pemikiran dan ucapan Tun Razak di Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tahun 1966. Katanya "Seorang sasterawan ialah seorang pelukis hidup zamannya. Dan betapa dia melihat proses pembangunan sekarang dari kaca mata seorang sasterawan akan besar gunanya esok untuk anak cucu kita memahami perkembangan yang bersejarah di tanah air kita hari ini."

Walaupun ia diucapkan hampir 40 tahun yang lalu tetapi pemikiran beliau tetap mengandungi kebenaran.

Sebagai pendokumentor sastera Melayu saya berminat untuk menghimpunnya dalam bentuk buku supaya menjadi kajian, renungan dan tatapan generasi akan datang kerana bahan-bahan ini tidak boleh didapati lagi, kalau seseorang tidak menyimpannya.

Dalam usaha saya mengumpul dan menyimpan dokumen-dokumen ini saya banyak mendapat galakan dari teman-teman, seperti Encik Yusof bin Ishak dari DBP, Tuan Haji Tajuddin Saman dari *Berita Harian*, Puan Mawar Shafie dari UKM, Tuan Haji Yaakub Isa (Presiden DPMP) dan lain-lain lagi yang memberi sokongan moral kepada saya.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada sahabat saya Dato Abu Hassan Sham yang menulis kata-kata aluan buku ini.

Juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YB Dato Abdullah Md Derus, Pengerusi Lembaga Muzium Pahang kerana "Sekapur Sirehnya".

Terima kasih dan penghargaan kepada DPMP kerana bersedia menerbitkannya.

Salam Hormat.

A. KARIM HAJI ABDULLAH
(Bung Karim)

BAB ENAM

KATA PENGANTAR, PRAKATA, KATA PENDAHULUAN ATAU PENGENALAN YANG DITULIS OLEH SARJANA SASTERA, SASTERAWAN ATAU TOKOH TERKENAL DALAM BUKU-BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

i. Kata Pendahuluan Buku *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) oleh *Abdul Aziz Salehuddin*

ii. Kata-kata Aluan Buku *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) oleh *Dato' Haji Harun bin Haji Idris*

iii. Pendahuluan Buku *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura* (1975) oleh *Pak Sako*

iv. Kata Pengantar Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya* (1978) oleh *Keris Mas*

v. Kata-kata Sambutan Buku *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa Sastera Budaya*(1978) oleh *Tengku Alauddin bin Tengku Abdul Majid*

vi. Ismail Hussein Sebagai Budayawan dan Ilmiawan (1983) oleh *Yahaya Ismail*

vii. Kata Pengantar Buku*Cerpen-cerpen Pak Sako* (1987) oleh *Hashim Awang*

viii. Kata Sambutan Buku *Zakaria Hitam (Pak Zek): Budayawan Berjasa* (1987) oleh *Dato' Dr. Abu Hassan Sham*

ix. Pengantar Buku *A. Samad Ismail:Ketokohan dan Kewartawanan*(1987) oleh *Prof. Dr. Firdaus Abdullah*

x. Suatu Penghargaan Kepada Zakaria Hitam Dalam Buku *Himpunan Pantun Pak Zek*(1991) oleh *Dharmawijaya*

ix. Sekapur Sirih Buku *Himpunan Pantun Pak Zek* (1991) oleh *Budayawan Dato' Haji Zakaria Hitam*

xii. Kata-kata aluan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993) oleh *Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak*

xiii. Kata Sambutan Buku *Perjuangan Suci UMNO* (1993) oleh *Datuk Seri Paduka Rafidah Aziz*

xiv. Prakata Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Dato' Paduka A. Aziz Deraman*

xv. Seulas Pinang Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

xvi. Pengantar Buku *Ingin Jadi Pujangga* (1994) oleh *Abdullah Tahir*

xvii. Penghargaan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap A. Karim Haji Abdullah Atas Usahanya Menyelenggara Buku *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan* (1996) oleh *Editor Penerbit UKM*

xviii. Kata Pengantar Buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (1997) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

xix. Kata Pengantar Buku *Memoir Pak Sako* (1997)

xx. Pengantar Buku *Sastera dan Kemanusiaan: Pidato Umum dan Pi dato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1996* (1997) oleh *Anwar Ridhwan*

xxi. Pengantar Buku *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* (1997) oleh *Anwar Ridhwan*

xxii. Kata Pengantar Buku *Melayu Hilang Keberanian: Suatu Polemik?* (1998) oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

xxiii. Penghargaan Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Terhadap Usaha A. Karim Haji Abdullah Merealisasikan Penerbitan Novel *Putera Gunung Tahan* (2000) oleh *Editor UP & D*

xxiv. Kata Sambutan Buku *Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W.* (2000) oleh *Dato' Haji Abdul Razak bin Abu*

xxv. Kata-kata Aluan Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Dari Pahang Darul Makmur* (2000) oleh *Dato' Dr. Haji Abu Hassan Sham*

xxvi. Sekapur Sirih Buku *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Dari Pahang Darul Makmur* (2000) oleh *Dato' Haji Abdullah Md. Derus*

BAB ENAM

KATA PENGANTAR, PRAKATA, KATA PENDAHULUAN, KATA SAMBUTAN, PENGHARGAAN ATAU PENGENALAN YANG DITULIS OLEH SARJANA SASTERA, SASTERAWAN ATAU TOKOH TERKENAL DALAM BUKU-BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

Penghargaan daripada pelbagai golongan masyarakat sama ada golongan penulis, sarjana, ilmuwan, penerbit atau tokoh masyarakat terhadap usaha gigih dan mulia Bung Karim menyelenggarakan pelbagai jenis buku terungkap juga dalam bentuk kata sambutan, kata pengantar, kata pendahuluan dan penghargaan dalam buku yang diterbitkannya sendiri atau diterbitkan oleh penerbit lain yang berwibawa.

Di antara golongan sarjana atau ilmuwan yang menulis tulisan berbentuk demikian yang menghargai usaha-usaha Bung Karim menyusun dan menyelenggara pelbagai jenis buku bermutu itu termasuklah Prof. Datuk Hashim Awang, Prof. Firdaus Abdullah, Prof. Abu Hassan Sham, Prof. Madya Abdullah Tahir (Allahyarham), Sasterawan Negara Keris Mas (Allahyarham), Tan Sri A. Samad Ismail, Dato' Haji Abdul Razak bin Abu (Presiden Kolej Islam Pahang), Tengku Alauddin bin Tengku Abdul Majid, A. Rahim Abdullah dan sebagainya.

Bung Karim biasanya mengundang tokoh-tokoh terkenal masyarakat yang punya autoriti dan kredibiliti untuk menulis kata pengantar atau kata sambutan dalam buku-buku yang diselenggarakannya itu sebagai menghargai tahap keilmuan dan kepakaran mereka dalam bidang sastera mahupun keilmuan yang berkaitan dengan skop tajuk atau fokus yang diselenggarakan dan disusunnya. Hal ini tentunya secara tidak langsung

menghargai keilmuan dan kepakaran tokoh tersebut yang juga menghargai sumbangan gigih, konsisten dan tidak mengenal jemu usaha Bung Karim dalam dunia perbukuan untuk memastikan generasi akan datang mengenali tokoh dan pemikiran bermanfaat tokoh itu sama ada yang masih hidup atau sudah meninggal dunia. Teliti dan hayati tulisan tokoh-tokoh itu seperti diperturunkan dalam bahagian ini untuk menghayati tulisan tokoh-tokoh berhubung pandangan mereka terhadap usaha-usaha gigih, mulia dan berprestij yang dilakukan oleh Bung Karim dalam dunia penyusunan dan penyelenggaraan buku-buku sastera, budaya dan politik.

KATA PENDAHULUAN BUKU *AMANAT TUN DR. ISMAIL* (1974)

oleh *Abdul Aziz Salehuddin*

Bismillah-hir-rah-man-nirahim.

Kami mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayah-Nya membolehkan pihak kami menerbitkan buku yang diberi nama *Amanat Tun Dr. Ismail*, yang mengandungi sebanyak dua puluh satu ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan bahawa Allahyarham Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang negarawan dan putera terbesar tanah air dan jasa-jasa Allahyarham tetap akan dikenang dan diabadikan dalam sejarah negara kita. Sebagai seorang pemimpin politik, Allahyarham semasa hayatnya banyak membuat ucapan, baik di dalam negeri mahupun di luar negeri, baik di dalam Parlimen atau di luar Parlimen. Dan tidak syak lagi bahawa ucapan-ucapan Allahyarham dalam beberapa upacara dan peristiwa bersejarah merupakan kata-kata sakti yang dapat dijadikan bahan pemikiran untuk semua pihak, baik dari angkatan lama dan angkatan baru dan perlu pula diabadikan untuk generasi akan datang. Memang benarlah apabila dikatakan bahawa sejarah tamadun manusia itu adalah satu sejarah dari rangkaian peristiwa-peristiwa yang pada umumnya dipengaruhi oleh pidato-pidato yang berkesan.

Usaha kami menerbitkan buku *Amanat Tun Dr. Ismail* ini ialah sebagai satu usaha murni mengenang jasa tokoh dan negarawan tanah air kita itu. Ucapan-ucapan yang termuat dalam buku ini hanya merupakan sebahagian dari ucapan-ucapan yang banyak

yang pernah diucapkan oleh Allahyarham, baik dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kami mengharapkan bahawa pada masa akan datang ada usaha dari pihak lain pula dapat mengumpulkan semua pidato Allahyarham itu untuk dapat diabadikan dalam sebuah buku yang besar.

Pernah seorang pemimpin besar mengatakan bahawa bangsa yang besar ialah bangsa yang tahu menghargai jasa-jasa pahlawan-pahlawannya. Kalau kita perhatikan kepada negara-negara yang maju, maka kita akan dapati bahawa nama-nama tokoh yang berjasa dalam berbagai-bagai lapangan itu diabadikan dengan berbagai cara – dengan mendirikan tugu, mendirikan bangunan dengan mengambil sempena nama tokoh-tokoh itu, mengadakan yayasan dan sebagainya. Maka atas kesedaran inilah, Pergerakan Pemuda UMNO Temerloh Timur menerbitkan buku ini sebagai usaha mengenang jasa tokoh pemimpin kita.

Akhir kata, kami dengan ikhlasnya merakamkan penghargaan terima kasih kepada beberapa pihak yang mendorong kami menjaya cita-cita ini. Kepada Yang Berbahagia Toh Puan Norashikin, yang telah mengizinkan kami menerbitkan ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail ini. Kepada YAB Datuk Haji Harun Idris, kerana kata-kata aluannya, kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membenarkan kami memetik sebuah karangan "Yang Ditinggalkannya Kepada Kita" yang disusun oleh A.F. Yassin dari majalah *Dewan Masyarakat*, Ogos 1973, kepada Sdr. Yusof Abdullah yang telah membantu menyemak teks dalam proses percetakan, kepada Sdr. Hamzah Muhammad yang membantu dalam penyusunan teknik dan akhirnya kepada *Sdr. Abdul Karim bin*

Haji Abdullah yang menyusun dan menyerahkan dokumentasi ucapan-ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail ini.

Abdul Aziz salehuddin,
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO,
Bahagian Temerloh Timur,
Pahang.
(1974).

KATA-KATA ALUAN BUKU *AMANAT TUN DR. ISMAIL* (1974)

oleh *Dato' Haji Harun bin Haji Idris*

Daya usaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh Timur menerbitkan buku pidato-pidato Allahyarham Tun Dr. Ismail adalah satu usaha yang baik sekali untuk mengenang perjuangan dan jasa-jasa Allahyarham.

Sempena dengan terbit buku ini, saya ingin menyampaikan sepatah dua kata sebagai penghargaan saya terhadap Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh Timur yang sentiasa menghargai dan mengenang orang-orang berjasa di negara kita.

Sesungguhnya, dalam arena politik di tanah air kita, nama Allahyarham Tun Dr. Ismail adalah sebagai seorang pemimpin yang disegani dan lambang kemegahan negara.

Sifat-sifat Allahyarham yang sentiasa tegas, pendirian yang teguh, kata-katanya yang penuh erti memberi kita inspirasi-inspirasi dalam membentuk Malaysia yang terdiri dari berbilang bangsa kepada sebuah negara bersatu di bawah satu bendera.

Saya sendiri adalah amat tertarik dengan kewibawaan Allahyarham Tun Dr. Ismail dalam menjadi seorang pemimpin. Kata-kata beliau yang penuh semangat dan erti sering saya ulangi dalam ucapan saya.

Amanat beliau 'bahawa politik negara mesti berteraskan politik Melayu untuk generasi akan datang' adalah satu kenyataan dan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak.

Begitu juga tentang amanahnya 'bahawa pemuda adalah merupakan satu *force* yang boleh membangunkan negara atau sebaliknya adalah satu perkara yang benar sekali kerana tenaga pemuda amat diperlui dalam sesebuah negara yang membangun.

Dengan adanya buku ini, saya berharap bukan sahaja ianya akan menjadi satu kenangan tetapi akan dapat mengembangkan idea-idea dan buah fikiran Allahyarham untuk pegangan generasi yang akan datang.

Semoga Allah cucuri rahmat ke atas rohnya.

DATO' HAJI HARUN BIN HAJI IDRIS
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

11 Mac 1974.

PENDAHULUAN BUKU
PENGALAMAN PAK SAKO TIGA TAHUN DI SINGAPURA
(1975)

oleh *Pak Sako*

Cerita saya menjadi wartawan kembali balik kepada tahun 1928 iaitu lebih kurang dua belas tahun dahulu. Dewasa itu saya masih mengaji di sekolah Inggeris Kuala Lipis dalam darjah lapan (Junior).

Kawan-kawan sedarjah dengan saya kerapkali sangat menyatakan angan-angan mereka itu apabila lepas sekolah. Ada yang menyatakan mahu jadi Polis Inspektor, Settlement Officer. Ada pula yang bercita-cita hendak jadi kerani sahaja.

Angan-angan dan bual-bualan mereka itu telah menyebabkan saya menulis suatu rencana dalam suratkhabar *Warta Negeri* dalam tahun 1929 di bawah tajuk 'Membesarkan Angan-angan'.

Dalam tahun 1931 tatkala saya di Malay College Kuala Kangsar saya telah mencuba menterjemahkan suatu rencana berkenaan tawarikh Melayu daripada majalah *Royal Asiatic Society Cawangan Malaya* dengan kebenaran pihak Society atau persekutuan itu. Cubaan itu tidak berjaya kerana tidak habis terjemahannya. Meskipun begitu sebahagian daripadanya dapat disiarkan dalam surat khabar *Bahtera* yang terbit di Pulau Pinang. Dewasa itu saya dapat juga menulis satu dua rencana bagi surat-surat khabar di Pulau Pinang.

Keluar daripada Malay College Kuala Kangsar saya mulai bekerja sebagai pelatih pegawai Melayu dalam Pejabat Tanah Temerloh Pahang iaitu di akhir tahun 1932. Dewasa itu sungguhpun saya boleh dikatakan sibuk dengan pekerjaan kerajaan tetapi kegemaran saya kepada surat khabar Melayu bertambah. Surat khabar yang saya sangat suka membaca pada masa itu ialah *Majlis* terutama sekali makalah-makalah yang ditulis oleh 'Ibhi'.

Saya pernah juga menulis dan karangan-karangan saya itu disiarkan oleh *Majlis*. Pada suatu masa saya telah berbahas dengan Tuan Ibhi fasal main ronggeng. Pada masa itu yang sebenarnya saya belum kenal dengan Ibhi tetapi lama-lama saya dapat tahu rupanya Ibhi itu ialah Ibrahim bin Haji Ya'acob seorang guru sekolah yang mengajar di sekolah Melayu Bentong iaitu suatu bandar yang jauhnya lebih kurang 50 batu daripada Temerloh tempat saya bekerja.

Semenjak itulah saya bersahabat baik dengan Encik Ibrahim dan beberapa kali kami berdua bermesyuarat panjang atas berbagai-bagai perkara. Kami telah bersumpah iaitu pada suatu masa kelak kami kedua akan berhenti daripada jawatan kerajaan dan akan mengeluarkan surat khabar ataupun majalah bersama-sama.

Tetapi cerita saya daripada tahun 1928 hingga kepada tahun 1937 iaitu sebelum saya bekerja dengan *Warta Malaya* itu tiadalah dapat disiarkan di sini kerana terlalu panjang. Insya-Allah dalam masa akan datang apabila dunia sudah aman semula saya harap dapat menyusunkannya.

Sekarang silalah sudikan membaca perihal pengalaman-pengalaman saya sebagai seorang wartawan selama perhubungan saya dengan *Warta Malaya* yang sebenarnya

dimulakan dalam tahun 1936 iaitu dewasa saya mengembara di negeri Kelantan. Kemudian daripada setahun lebih saya dalam negeri Johor menjadi guru Inggeris di Madrasah Haji Taib dan menjadi pembantu pengarang majalah *Masa* dengan nama pemjelmaan saya iaitu Ahmad Baharuddin Khasbi.

Maka dari tahun itulah saya menulis beberapa makalah yang disiarkan dalam *Warta Ahad.* Setengah daripada makalah-makalah saya yang tersiar ialah: (1) Huru-hara Sedunia Sedang Berbunga – *Warta Ahad* 27 September 1936, (2) Kejadian-kejadian di Palestin – Kepada Melayu Cermin 3 Oktober 1936, (3) Peluang Yang Keemasan 25 Oktober 1936. Taraf pegawai-pegawai Melayu dan lain-lain lagi.

Sesudah rata saya menjajah Negeri Kelantan maka berpindah pula saya ke dalam Negeri Terengganu melihat dan memerhatikan hal keadaan di sana.

Pada akhir bulan Oktober 1936 tatkala saya di Kuala Terengganu maka saya telah menerima sepucuk surat yang panjang daripada Penguasa Syarikat Warta Malaya mengatakan bahawa makalah-makalah saya ada mendapat pandangan yang baik serta meminta saya menulis lagi bukan sahaja untuk *Warta Ahad* tetapi juga *Warta Jejaka* yang baharu diterbitkan dan ketika itu baharu berumur sebulan lebih sedikit.

Dari Kuala Terengganu saya berpindah pula ke jajahan-jajahan yang lain iaitu di Dungun, Kemasek dan Kemaman hingga sampai ke dalam tahun 1936. Di Kemaman saya tinggal lama kerana di awal tahun 1936 saya telah dapat kebenaran menjadi peguam atau *lawyer* di sana. Kebetulan pula pada masa itu seorang saudara saya ada bekerja di sana dan ia menahan saya jangan berpindah ke mana-mana lagi.

Saya telah mengadakan suatu pejabat yang besar kerana pekerjaan peguam dan saya sambilkan juga menjadi *commission agent*. Maka mulai dari tahun itu saya menjadi penulis khas *Warta Malaya* bagi jajahan Kemaman Terengganu dan juga Kuantan Pahang kerana kedua-dua tempat itu tidak berjauh-jauhan antara satu dengan lain meskipun jalannya satu sahaja iaitu ikut laut dengan motorbot-motorbot sewa.

Di akhir bulan Mac 1937, tatkala saya di bandar Kuantan maka nelayan-nelayan Melayu di Kuantan telah mogok yakni enggan bekerja kerana Cina-Cina peraih ikan di sana bermuafakat membeli ikan-ikan yang ditangkap oleh mereka itu dengan sehabis-habis murah. Mendengarkan kejadian itu dan setelah menyiasat benarkah atau tidak maka dengan tidak berlengah lagi saya mengutus sepucuk kawat kod *Warta Malaya* memberitakan hal itu.

Keesokannya apabila cerita itu tersiar saya telah pergi ke kampung nelayan-nelayan Melayu mengumpulkan beberapa orang daripadanya lalu saya bacakan perkhabaran itu dan juga ulasan pengarang *Warta Malaya* dan nelayan-nelayan yang mendengarnya sangat berkenan. Saya telah mengesyorkan – barangkali lebih munasabah dikatakan menghasut mereka itu – supaya mengadakan tempat jualan yang berasingan daripada tempat Cina. Dua tiga bulan di belakang syor itu berjaya, tempat jualan ikan yang berasingan diadakan hingga sampai sekarang.

KATA PENGANTAR BUKU *PEMIKIRAN TUN RAZAK TENTANG BAHASA SASTERA BUDAYA* (1978)

oleh *Keris Mas*

Kebanyakan negarawan dan cendekiawan berpendapat bahawa soal kewujudan dan pertumbuhan kebudayaan dapat lahir dan tumbuh serta selesai dengan sendirinya apabila wujud kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Manusia berbudaya dan seterusnya berkesenian kerana adanya kondisi hidup yang tenteram, aman dan sejahtera. Dalam kondisi seperti itulah terbentuknya tamadun. Dan kebudayaan adalah pelengkap untuk kesempurnaan sebuah tamadun. Bahawa bahasa merupakan unsur penting dalam pembentukan kebudayaan nasional kerana bahasa itu merupakan alat komunikasi yang menghubungkan dan merapatkan kelompok manusia yang hidup bersama dalam satu masyarakat atau negara, juga dianggap suatu perkara yang dapat tumbuh dan berkembang serta selesai dengan sendirinya bila wujud perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial serta kestabilan politik. Maka kerana itu, kerana pandangan seperti itu, infrastruktur untuk perkembangan kebudayaan dan bahasa kebangsaan dianggap masalah kedua pentingnya. Masalah yang diutamakan ialah ekonomi, politik dan sosial.

Almarhum Tun Razak mengambil sikap yang lain. Dia tidak sekadar cendekiawan yang kaya ilmu dan teori, lebih dari itu, dia seorang negarawan tulen yang berwibawa sebagai pemimpin dan pelaksana yang amat tegas. Dalam tangannya kuasa politik dipergunakan sepenuhnya untuk merealisasikan tujuan dan matlamat wujudnya

sebuah negara. Dia membuat keputusan dengan bijaksana berdasarkan kebenaran sejarah masa lampau, suasana dan keadaan masa kini dan matlamat serta aspirasi bangsa dan negara masa depan. Maka dalam hubungan kebudayaan dan bahasa kebangsaan dia tidak berhenti pada titik teori kewujudan dan pertumbuhan saja. Dia melihat lebih jauh dan bertindak lebih tegas ke dalam unsur-unsur fungsi kewujudan kebudayaan itu dalam tubuh sebuah negara yang baru merdeka. Dia melihat betapa sebuah bangsa baru yang terdiri dari berbagai kebudayaan dan bahasa perlu digembeling menjadi satu bangsa yang bersatu-padu melalui fungsi satu bahasa kebangsaan dan satu kebudayaan kebangsaan. Maka beliau tidak hanya memusatkan dan tidak berpuashati hanya menggarap masalah kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial saja untuk menyelesaikan soal menubuhkan dan membangunkan sebuah bangsa yang kuat, bermaruah dan bersatu-padu itu. Kewujudan dan perkembangan kebudayaan digarapnya sama penting dengan soal-soal politik, ekonomi dan sosial.

Daripada ucapan-ucapan beliau yang sedikit (beliau bukan orang yang suka banyak bercakap) yang terkumpul dalam buku ini dapat kita lihat imbasan fikiran dan cita-cita serta sikap beliau akan pentingnya fungsi dan peranan kebudayaan serta bahasa kebangsaan dalam pembentukan bangsa yang bersatu-padu yang sudah tentu diharapkannya mempunyai kesanggupan untuk mendukung sebuah negara idaman yang dicita-citakannya berdasarkan aspirasi rakyat yang telah berjuang melahirkan negara merdeka ini.

Kita dapat melihat dari ucapan-ucapan yang terkumpul ini bahawa beliau bukanlah seorang yang suka berteori, sebaliknya jelas menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pelaksana teori dan pelaksana dasar kebangsaan yang amat tegas.

Sikapnya tentang bahasa kebangsaan bukanlah sikap seorang yang berkempen mementingkan slogan dan semangat parti atau semangat kaum. Strategi bahasa kebangsaan baginya adalah berakar pada falsafah kebangsaan yang tulen yang diasaskan pada kebenaran sejarah masa lampau, keadaan masa kini dan cita-cita masa depan negara.

Dia membuat keputusan dengan tegas dan melaksanakannya dengan berani serta bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, bukan kepada kepentingan parti atau kaum. Dia menghadapi kerumitan membentuk dan melaksanakan dasar kebangsaan dengan amat tegas dan berani tetapi tetap bijaksana. Banyak pihak yang menentang dasar yang dibentuknya. Banyak pula pihak yang mencuba menggagalkan tugas pelaksanaan dasarnya itu. Namun dia tidak pernah kehilangan arah. Dia tidak menentang sikap perkauman dengan sikap perkauman. Dia tidak menolak sikap parti dengan kepentingan partinya sendiri. Dia, dalam suasana apapun, tetap menunjukkan ketegasan bahawa dasar yang dibentuknya dan pelaksanaan yang dijalankannya adalah dasar dan pelaksanaan yang semata-mata berakar pada falsafah dan ideologi kebangsaan yang digerakkan oleh aspirasi rakyat dan cita-cita kebangsaan.

Dalam zamannya semua orang dari segala golongan dan kaum mulai merasakan bahawa dasar bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan tidak mengandungi unsur-unsur kepentingan parti dan kaum tertentu. Sebab itu selepas peristiwa 13 Mei 1969 negara ini dapat bergerak dengan aman dalam pembentukan perpaduan di samping dapat bergerak cergas membentuk kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Polarisasi dalam masyarakat timbul kemudian apabila kepentingan-kepentingan kaum dan parti menonjol lalu menterbalikkan dasar bahasa kebangsaan dan kebudayaan

tidak lagi menjadi alat mencapai perpaduan sebaliknya menjadi isu untuk dipertikaikan dan akhirnya menimbulkan unsur-unsur pertelingkahan.

Almarhum Tun Razak adalah pemimpin negara Malaysia yang pertama menunjukkan ketegasan bahawa kegiatan dan usaha-usaha pelaksanaan bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan menjadi suatu kegiatan asas di samping kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Golongan bahasa dan sastera serta golongan budayawan lainnya, baik awam mahupun umum, baik melalui agensi-agensi kerajaan mahupun badan-badan rakyat merasakan bahawa kegiatan mereka adalah penting dalam kegiatan pertumbuhan sebuah bangsa, sama pentingnya dengan kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Dalam zaman Tun Razaklah bermulanya pengangkatan darjat bahasa, sastera dan kebudayaan. Dalam zamannya timbul kesedaran yang praktikal di samping kesedaran teori berhubung dengan pembangunan bangsa melalui pembangunan bahasa, sastera dan kebudayaan.

Pengumpulan ucapan-ucapan Almarhum Tun Razak ini dan penerbitannya oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang adalah tepat pada masanya. Sebahagian dari kita sudah mulai melupakan falsafah perjuangan pemimpin ulung itu. Kita makin hari makin surut ke belakang, kembali kepada semangat parti, semangat kaum dan semangat teori, yang semuanya mengarah kepada tumpulnya senjata bahasa dan budaya sebagai alat perpaduan kebangsaan. Kita juga cenderung kepada sikap mengutamakan prestasi ekonomi, politik dan sosial dan mempercayai kembali bahawa kebudayaan, bahasa dan sastera adalah soal sampingan yang kelak akan selesai dengan sendirinya.

Mudah-mudahan kumpulan ucapan Almarhum pemimpin kebangsaan dan juara negarawan, Tun Razak ini, dapat dibaca dengan tenang dan dengan sikap dan falsafah almarhum itu sendiri. Dan mudah-mudahan usaha pengumpul dan penerbitnya menerima aprisiasi yang wajar dari kita sekalian.

Keris Mas.

KATA-KATA SAMBUTAN BUKU *PEMIKIRAN TUN RAZAK TENTANG BAHASA SASTERA BUDAYA* (1978)

oleh *Tengku Alauddin bin Tengku Abdul Majid*

Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sesungguhnya berasa gembira kerana dapat menerbitkan sebuah buku yang diberi nama *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera dan Budaya*, yang merupakan koleksi pandangan dan pendapat Allahyarham Tun Abdul Razak, negarawan Malaysia yang ulung. Buku ini telah diusahakan oleh Saudara A. Karim Haji Abdullah, salah seorang anggota pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang tahun 1957.

Memang kita tidak dapat menafikan bahawa Allahyarham Tun Razak telah banyak memberikan pemikirannya mengenai bahasa, sastera dan budaya semenjak beliau menjadi Menteri Pelajaran sehinggalah beliau meninggal dunia dalam tahun 1976 sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Pemikiran dan pendapat beliau itu dilahirkannya melalui pidato-pidato beliau di dalam sesuatu peristiwa bahasa, sastera dan budaya. Dan pidato-pidato Allahyarham itulah yang menjadi isi buku ini yang telah diusahakan pengumpulannya oleh Saudara A. Karim Haji Abdullah. DPMP mengucapkan tahniah dan syabas kepada penyelenggara buku ini sehingga dapat terbit sebagai sebuah buku dan dokumentasi yang berguna.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Allahyarham Tun Razak terkenal sebagai seorang pemimpin yang banyak menumpukan perhatiannya kepada soal-soal pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Tetapi sebagai seorang nasionalis, Tun

Razak juga tidak ketinggalan memikirkan soal-soal perkembangan dan kemajuan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan bagi negara ini. Tun amat menyedari bahawa pembangunan fizikal mestilah seimbang dengan pembangunan rohaniah. Allahyarham Tun pernah menegaskan, "saya berusaha memperseimbangkan dan menstabilkan kehidupan bangsa kita dalam semua lapangan. Kehidupan material dan kehidupan budaya sebaik-baiknya hendaklah maju sama serentak kerana kedua-dua itu sangkut menyangkut satu dengan yang lain."

Sesungguhnya memang banyak lagi lapangan-lapangan pembangunan negara yang telah diusahakan oleh Tun Razak yang perlu dibuat kajian, waluapun kita tahu buku mengenai peranan Tun dalam politik belum begitu banyak lagi diterbitkan. Kita senantiasa mengalu-alukan kajian dan penyelidikan mengenai peranan Tun Razak dalam berbagai-bagai bidang itu supaya dapat dipelajari dan dikaji oleh generasi akan datang.

Sebagai Yang Di Pertua DPMP saya harap buku ini mendapat sambutan dan perlu dimiliki oleh setiap aktivis budaya, dan setiap orang yang suka menghayati pemikiran negarawan ulung kita itu.

Perlu disebutkan di sini bahawa DPMP juga mempunyai rancangan untuk mengkaji tentang tokoh-tokoh penting di Negeri Pahang ini supaya dapat dijadikan sebuah buku untuk dibaca dan diketahui oleh anak cucu kita di masa akan datang. Kisah-kisah tokoh-tokoh terkenal dan terbilang di negeri ini perlu dirakam dan diabadikan untuk generasi akan datang.

Tun Razak telah meninggalkan kita buat selama-lamanya. Tetapi pemikiran Allahyarham itu hidup sepanjang zaman. Memang benar kata-kata yang baik itu tidak

terikat oleh waktu. Bangsa yang besar ialah bangsa yang tahu menghargai perkhidmatan putera-puteranya yang berjasa. Dan diharap dengan penerbitan buku ini dapat diterima sebagai salah satu usaha kami mengenang jasa-jasa Allahyarham Tun Razak, yang jasa dan namanya tetap terukir di langit sejarah tanah air.

Tengku Alauddin bin Tengku Abdul Majid
Yang Dipertua
Dewan Persuratan Melayu Pahang.

ISMAIL HUSSEIN SEBAGAI BUDAYAWAN DAN ILMIAWAN*

oleh *Yahaya Ismail*

Dari satu aspek novel Abdullah Hussein – *Kuala Lumpur Kita Punya* – ada kebenarannya. Tiga orang putra dari Pak Hussein, petani miskin dari Sungai Limau, Yan, Kedah, menjadi orang-orang penting di ibu kota Kuala Lumpur.

Abdullah Hussein yang paling tua terkenal dalam bidang penulisan novel, terjemahan, dan juga kewartawanan.

Adiknya, Ibrahim Hussein, mencari kekuatan dari dunia seni lukis dan kini menjadi "pelukis tamu" di Universiti Malaya.

Ismail Hussein mencari dunia ilmiah untuk ia bertapak tapi masih menaruh cinta dan kasih pada kesusasteraan dan kesenian seperti kedua-dua orang saudaranya juga.

Berbeza dari kedua-dua saudaranya, Ismail Hussein menjadi tokoh yang kontroversial kerana fikiran-fikirannya tentang kesusasteraan dan kebudayaan.

Ini sesuai dengan dunia ilmiahnya yang sering mencabar itu di mana seorang ilmiawan yang konsekwen seringkali cuba melontarkan berbagai idea untuk menggugat *status quo* keilmuan yang sedia ada.

* Esei ini dijadikan pengantar buku *Kepimpinan Dalam Kebudayaan* yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah (1983).

Banyak yang mengkaguminya hingga ia dikultuspribadikan. Ada juga yang menentang idea-ideanya dan menganggap ia seorang budayawan aktivis nombor wahid. Ini perkara biasa.

Namun begitu orang tidak bisa menafikan tentang bakat kepimpinan dan keilmuan Prof. Ismail Hussein.

Orang bisa menolak beberapa gagasan idea-idea tentang kesusasteraan dan kebudayaan darinya, namun orang tidak bisa melupai jasa-jasanya untuk meninggikan mutu kesusasteraan bangsa serta keazamannya untuk menyatupadukan berbagai golongan penulis di bawah naungan GAPENA.

Malah pada setengah pemuja-pemuja Prof. Ismail "GAPENA itu adalah Prof. Ismail, dan Prof. Ismail iatu adalah GAPENA".

Dalam soal organisasi kaum penulis yang banyak ragam itu, Ismail tetap menjadi juara yang tak ada tandingannya setakat ini.

Banyak pemimpin-pemimpin penulis lain sedia berkorban untuk kesusasteraan tetapi belum ada yang bersedia untuk mengorbankan wang ringgit sendiri, waktu dan tenaga untuk menggembelengkan seluruh tenaga kaum penulis.

Berkat usaha kepimpinan Ismail kekuatan penulis terlaksana dalam GAPENA dan kini kekuatan penulis sudah diakui oleh pemerintah. Dengan usahanya juga GAPENA sudah mendapat tempat dalam forum-forum internasional.

Dalam kegiatannya untuk menyatukan tenaga kaum penulis Ismail Hussein terpaksa turun dari menara gadingnya dan membuang perasaan malunya untuk berhadapan dengan para peminat kesusasteraan.

Penglibatan Ismail dalam soal kebudayaan dan kesusasteraan adalah total dan tidak pintar terteori sahaja seperti kebanyakan kaum ilmiawan yang 'berkasta Brahmin' itu.

Dunia kebudayaan tidak semata-mata dunia ilmiah di mana seorang sarjana cuma berpaut pada teori-teori mentereng atau berangan-angan dalam penjara kaca buatan sendiri tanpa menghayati bakat alam dan bakat yang bisa dibimbing dari seniman-seniman di luar kampus.

Ismail menyedari hal ini, dan justeru itu meletakkan harapan dan impiannya dari dua dunia-dunia ilmiah yang disayangi dan alam kesenimanan yang dicintai.

Dari dunia ilmiah Ismail terus menerus mencari kekuatan untuk menjadi pegangan hidup keilmuannya yang paling kuat. Ia menyelami ke dalam kesusasteraan klasik, bermesra dengan bahasa-bahasa Nusantara seperti Aceh, dan Jawa, cuba berjinak-jinak dengan ilmu linguistik dari berbagai mazhab, tapi akhirnya ia kembali kepada kesusasteraan Nusantara moden.

Di sinilah Ismail terus membina kekuatannya kerana bersesuaian pula dengan minatnya untuk lebih memahami aspirasi kaum penulis yang ramai itu.

Berdasarkan ilmu dan pengamatannya yang tajam terhadap fenomena-fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia

umumnya, Ismail melontarkan gagasan ideanya iaitu kesusasteraan Malaysia harus mengungkapkan cita-cita kaum agraris.

Ismail melihat perkembangan kebudayaan kita sebagai kontinuiti dari tradisi Melayu yang subur itu di mana kebanyakan dari bangsa Melayu terdiri dari kaum tani, nelayan miskin yang kaya dengan fantasi hidup tapi miskin dari segi kedudukan ekonomi.

Sebagai seorang aktivis dan pemimpin kebudayaan, Ismail amat mengkagumi bakat-bakat alam dari dunia seniman dan sasterawan di luar ibu kota Kuala Lumpur.

Beliau berhasrat agar kelompok-kelompok seniman dan sasterawan terus muncul dan berkembangan di luar Kuala Lumpur oleh kerana K.L. seperti yang diungkapkan dalam karya-karya sastera, adalah kota kosmopolitan, yang sarat dengan unsur-unsur dekadennya.

Jiwa romantik Ismail kelihatan dari gagasannya itu di mana beliau sendiri mengalami konflik jiwa *love and hate* yang paling hebat seperti juga dengan para seniman dan sasterawan lainnya.

Kuala Lumpur yang dibenci adalah juga kota yang dicintai bukan saja bagi Ismail tapi kebanyakan para penulis lainnya.

Segala infrastruktur kebudayaan, politik dan ekonomi wujud di sini. Seseorang tidak dapat menolak segala nilai-nilai baik dari kota kesayangan tersebut.

Prof. Ismail seperti juga dengan sikap seniman-seniman lain dapat mewujudkan cita-cita kebudayaan yang multi-pusat yang terpancar dari Kangar hingga ke Kuching dan Kota Kinabalu.

Namun tempat berlakunya segala penentuan nasib, baik politik mahupun kebudayaan, masih pada kota Kuala Lumpur ini.

Memang baik kalau Prof. Ismail tidak mahu menjadi Si Malim Kundang tapi kehidupan moden selalu membuat seseorang memberontak dari kehidupan yang *status quo*.

Sebagai pemikir kebudayaan Prof. Ismail juga dibuai kebimbangan bila beliau meluahkan rasa pesimismenya tentang kepimpinan kebudayaan dua atau tiga abad yang mendatang. Pada waktu itu Prof. Ismail dan kita semua tidak ada lagi untuk menilai untung dan ruginya strategi politik kebudayaan yang ada sekarang ini.

Tapi berdasarkan fakta-fakta yang wujud dan sikap politik-kebudayaan dari bangsa Melayu sendiri besar kemungkinan kepimpinan kebudayaan Malaysia akan ditentukan oleh masyarakat "Malaysian-Malaysia" kelak.

Suara sendu Prof. Ismail adalah juga suara sedih nasionalis Melayu lainnya yang takut kisah "Lebai Malang" berulang selalu.

Mungkin kekuatan puisi yang terbit dari perasaan yang luka tidak dapat mengembalikan sesuatu yang telah hilang, bila roman sejarah cuma menyingkap episod-episod nostalgia. Kata-kata sudah mati, harapan sudah menghilang.

Sebagai seorang ilmiawan dan pemikir kebudayaan, Prof. Ismail duduk dalam berbagai komiti untuk merencana berbagai acara baik yang di bawah kelolaan kerajaan mahupun dari badan-badan kebudayaan sukarela. Seminar demi seminar, simposium demi simposium, dia masuk dan keluar untuk meninggalkan sedikit kesan pada dirinya dan juga orang lain.

Tentu ia menyedari bahawa ukuran kejayaan dalam pemikiran kebudayaan tidak dapat dibuktikan dari graf pasaran saham dari *Stock Exchange*.

Justeru itu banyak orang tidak dapat hendak menilai kebudayaan kepada bangsa Malaysia secara liberal apalagi bagi setengah pegawai-pegawai PTD yang bekerja di Perbendaharaan.

Tapi Prof. Ismail Hussein terus memperjuangkan misi hidupnya walaupun setengah-setengah golongan orang memandang serong terhadap perjuangannya. Ia masih yakin pada konsep "seni untuk masyarakat" dan puisi-puisi Masuri S.N. dan Usman Awang tetap menjadi teman tidurnya; namun demikian ia tetap mempertahankan keutuhan peribadinya yang tersendiri.

Dalam jangkauan hidup manusia seorang individu tetap akan mengalami perubahan baik dari segi fizikal mahupun dari segi mental. Begitu juga dengan Prof. Ismail.

Kebelakangan ini ia merasakan suatu lonjakan ilham dari tradisi pemikiran keislaman yang menjiwai kehidupan budaya bangsa Melayu.

Ia melihat tradisi Islam sebagai sesuatu yang sempurna dan perlu disebatikan dalam penciptaan kreatif dan juga dalam kehidupan kebudayaan umumnya.

Mungkin setengah-setengah orang menganggap ini pun sebagai suatu *craze* bila orang menyamakan *craze* itu dengan tarian hulla hoop, pakaian jeans dan *bush-jacket*. Betapa banalnya sikap seperti itu. Keyakinan pada Islam bukan dapat disamakan dengan suatu *craze* fesyen atau semacam ideologi politik kepartian.

Kalau sekarang lebih ramai tertarik pada falsafah Islam dan cuba mendekati Islam tidaklah bermakna seseorang itu sudah menjadi kurang rasional.

Islam adalah kekuatan, Islam adalah ilham yang menerangi manusia di tengah kegelapan hidup. Islam adalah agama yang menyedarkan manusia di tengah-tengah kezaliman, kekayaan yang melimpah ruah dan kepuasan nafsu yang tak terkawal.

Prof. Ismail menyedari kekuatan Islam tersebut dan mula ia membuat perhitungan baru dalam bidang pemikiran kebudayaan.

Pada tubuhnya yang tinggi gempal, dan dalam bicara atau pidatonya yang kental itu, Prof. Ismail juga seorang pemberontak kebudayaan. Tapi cara pemberontakannya begitu diplomatis hingga orang menjadi tertanya-tanya di mana sebenarnya *stand* Ismail Hussein.

Ia mendekati para politisyen, dan didekati oleh mereka. Melalui hubungan politik kebudayaan, GAPENA berjaya mendapatkan bantuan kewangan dan Tun Datu Mustapha untuk mengadakan sayembara novel.

Melalui saluran rasmi pula GAPENA berjaya mendapat berbagai bantuan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejak beberapa tahun ini dan juga dari berbagai yayasan lainnya.

Nampaknya kaum budayawan tidak bisa hidup tanpa dukungan kaum politisyen oleh kerana merekalah yang menentukan corak hidupnya kebudayaan walaupun acapkali terdapat bentrokan pendapat antara kedua-dua golongan ini.

Prof. Ismail dalam kegiatan kebudayaannya cuma mencari jalan tengah agar kaum politisyen mengerti hasrat budayawan, dan pihak budayawan pula dapat menyesuaikan sikap dengan perkembangan politik yang ada sekarang.

Dari *Sarina*, Februari 1977.

KATA PENGANTAR BUKU *CERPEN-CERPEN PAK SAKO* (1987)

oleh *Hashim Awang*

ADALAH amat benar dan tepat apabila Ishak Haji Muhammad, dalam upacara penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kesusaseraan (D. Lit.) untuknya pada 29 Jun 1973 di Universiti Malaya telah diberikan gelaran "Gergasi Kesusasteraan Melayu". Sifat 'kegergasiannya' terlihat jelas bukan sahaja pada keupayaan dan tenaganya untuk terus menulis sehingga kini, tetapi juga pada nilai kekuatan yang terdapat dalam karya-karya cerpen yang tercipta dalam zaman sebelum Perang Dunia II, iaitu sekitar tahun-tahun 30-an dan awal 40-an yang tersaji dalam antologi ini.

Cerpen-cerpen dalam antologi ini memperlihatkan beberapa keistimewaan tersendiri. Pertama: Persoalan-persoalan yang mendapat tumpuan garapannya. Hampir keseluruhan cerpennya berkisar pada kehidupan golongan rakyat bawahan yang tinggal di kampung, yang memiliki cara hidup mudah dengan sifat-sifat rendah diri dan selalu jujur serta beradab sopan. Mereka ini dipertentangkan dengan golongan bangsawan atau pemimpin yang hidup mewah tetapi berkelakuan buruk, iaitu kelakuan yang merangkumi sifat-sifat hipokrit, tamak, penzina dan pengkhianat bangsa.

Golongan bangsawan yang demikian sifatnya sering digambarkan sebagai berada dalam kelalaian sehingga mereka dapat dijadikan alat oleh orang-orang luar untuk kepentingan tertentu, khususnya untuk kepentingan-kepentingan politik dan ekonomi. Akibatnya golongan rakyat kampung, yang rata-ratanya jujur dan taat setia itu, menjadi

korban. Kehidupan mereka tertindas, terkebelakang dan miskin, sedangkan golongan luar atau pendatang bergerak maju dan mewah.

Keruntuhan kehidupan rakyat yang jujur digambarkan pula bukan sahaja bersebab daripada golongan bangsawan yang lalai dan pendatang yang licin, tetapi juga oleh golongan-golongan DKA dan DKK yang tamak tetapi kedekut. Ekoran daripada itu, persoalan takrif Melayu yang dihubungkan dengan penglahiran dan penglibatan golongan DKA serta DKK dalam kehidupan masyarakat Melayu turut mendapat perhatian olahan pengarang dengan agak besar dan berat.

Demikianlah apa yang dapat dilihat dalam sebahagian cerpen-cerpen di dalam antologi ini seperti "Satu Cerita dari Kampung" , "Hilang di Mata", "Jalan Hiburan", "Musim Gelora", "Istana Berembun", "Anak Dibuat Denak", "Amin! Kepada Encik Amin dan Aminah" dan "Siti Muhibah".

Keistimewaan kedua terlihat pada cara atau teknik pengarang mengungkapkan persoalan-persoalan tadi. Dalam konteks ini, pengarang menggunakan beberapa kaedah tertentu. Apa yang jelas terlihat ialah beliau banyak mengambil teknik dalam cerita-cerita rakyat Melayu, terutamanya cerita-cerita jenis penglipur lara. Salah satu daripada kaedah-kaedah tersebut yang paling biasa digunakan ialah memasukkan unsur 'pengembaraan'. Unsur ini digunakan sebagai satu cara menggerakkan watak dan mencetuskan banyak peristiwa. Ia juga menjadi sebab untuk cerita memiliki sifat episodik dan panjang, seperti yang biasa terlihat pada cerita-cerita penglipur lara.

Dalam penceritaan begini, watak utama atau wira diletakkan dalam suatu keadaan yang memaksanya untuk keluar mengembara.Dia melakukannya untuk mencari sesuatu

mungkin kerja, rahsia, kekuatan atau identiti sendiri. Dalam proses pencarian itu, wira seringkali akan mengalami pelbagai masalah sebelum matlamat atau sasaran akhirnya diperolehi. Walau bagaimnapun, wira akan berjaya mengatasinya kerana dia seringkali akan mengalami pelbagai masalah sebelum matlamat atau sasaran akhirnya diperolehi. Walau baaimanapun, wira akan berjaya mengatasinya kerana dia seringkali pula mempunyai kebolehan atau kekuatan yang agak kasar. Sekiranya dia agak lemah, maka ada pertolongan yang akan diterimanya dari orang tua budiman atau punca-punca lain. Demikianlah maka urutan cerita dapat bergerak dengan lebih menarik dan penuh tanda tanya seperti yang terdapat dalam cerpen-cerpen "Anak Luar", "Jalan Hiburan", "Musim Gelora", "Anak Harimau", "Menuba Ikan", "Mari Kita Menyanyi", "Surat-surat Sesaat", dan "Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang".

Seiringan dengan ini terdapat pula unsur penyamaran yang biasa dapat ditemui dalam cerita-cerita Panji Melayu. Penyamaran itu diberikan dalam beberapa bentuk atau corak tertentu pula. Ada penyamaran yang bercorak pura-pura pertukaran jantina; biasanya watak wanita penyamaran berlaku dalam bentuk pertukaran nama; biasanya nama yang diambil oleh watak untuk maksud penyamaran ialah nama golongan bangsawan.

Penyamaran yang demikian sesungguhnya dapat melahirkan kebaikan-kebaikan tertentu apabila dilihat dari segi teknik penceritaan, dengan sendirinya dapat menimbulkan rasa ingin tahu di kalangan pembaca dan si pembaca akan terus berasa dalam ketegangan sebelum cerita berakhir. Penceritaan itu juga dapat ditonjolkan dalam pergerakan yang agak lambat, tetapi lebih bertenaga dan mudah untuk diperpanjangkan.

Begitulah yang terlihat pada sejumlah cerpen-cerpen dari antologi ini seperti "Menang Berjudi Terpinjam Budi", "Anak Harimau" dan "Anak Luar".

Dalam corak perceritaan yang demikian pula, akan menjadi lebih wajar untuk berakhir dengan kebahagiaan pada pihak wira – satu lagi unsur bercerita penglipur lara, yang terdapat dalam hampir semua plot cerpen-cerpen Ishak Haji Muhammad.

Seterusnya, keistimewaan cerpen-cerpen beliau juga terlihat pada pewarnan watak-watak ceritanya. Hanya dua warna watak sahaja yang diberikan, iaitu hitam dan putih. Seperti yang dapat dibayangkan oleh sifat warna-warna tersebut, hitam memihak kepada watak-watak antagonis yang jahat, manakala putih pula mencorakkan watak-watak protagonis yang baik. Sifat warna ini menjadi lebih jelas tertonjol kerana pengarang terlalu melebihkan pelukisan kedua-dua pihak watak tersebut.

Watak yang baik digambarkan sebagai memiliki segala sifat kelebihan, baik pada fiziknya mahupun pada mental dan budi pekertinya. Segalanya kekal tidak berubah dari awal hingga ke akhir cerita. Keadaan gambaran yang sama berlaku pada watak yang jahat; sifat jahatnya melebihi dari segala sifat yang lain, malah tidak ada "baik" pun pada mereka dari mula sampai kepada tamat penceritaan.

Pelukisan watak yang demikian memang disengajakan. Ia dianggap sebagai memiliki beberapa kebaikan, baik bagi diri pengarang mahupun pembaca.

Dengan cara penonjolan demikian pengarang menjadi lebih senang untuk mengolah cerita dan seterusnya menyampaikan persoalan cerita. Sifat watak yang ternyata lebih kaku itu menjadi lebih mudah untuk dikawal oleh pengarang, sebab

pewarnaannya tidak kompleks. Watak bergerak dengan cara yang mengarah kepada kemahuan atau kehendak pengarang, bukan tercetus dari motivasi dan peribadinya sendiri. Watak itu, biarpun diberikan peranan tertentu, tidak lebih daripada boneka yang seluruh tindakannya adalah dikuasai sepenuhnya oleh pengarang. Dalam bentuk pewarnaan dan pergerakan watak yang begitulah maka pengarang, secara lebih bebas dan senang, dapat menyalurkan persoalan-persoalan yang penuh terisi dengan nada-nada didaktis dan idealis.

Bagi pembaca pula mereka menjadi lebih mudah untuk mengikuti dan mengenali peranan dan tindakan watak. Perahan fikiran yang berlanjutan tidak perlu dilakukan langsung, kerana segala-galanya sudah ternampak jelas pada mereka. Lebih jauh dari itu mereka dapat melihat secara dekat dan tepat watak mana yang boleh dijadikan contoh teladan dan watak mana pula yang harus dijadikan ukuran sempadan. Dengan cara ini cerpen-cerpen Ishak Haji Muhammad dapat memenuhkan matlamat utamanya untuk menjadi alat bagi tujuan mengajar atau mendidik masyarakat bangsanya.

Tetapi maksud itu tidak pula disampaikan dalam satu kaedah penceritaan yang sentiasa formal dan serius. Di sana sini, dalam hampir semua cerpen-cerpen Ishak Haji Muhammad untuk antologi ini, terdapat unsur kelucuan atau *humour*. Unsur ini lebih banyak dikemukakan pada watak-watak cerita, terutamanya pada penyebutan nama-nama dan penggambaran tindakan-tindakan mereka.

Nama sebahagian watak-watak cerpennya, baik dari golongan rakyat mahupun bangsawan, diberikan dalam sebutan-sebutan yang boleh mencetuskan rasa geli hati dan naluri ketawa. Biasanya, seperti yang terlihat dalam cerpen-cerpen pada antologi, ada dua

cara penyebutan nama watak yang demikian dilakukan. Pertama, watak-watak dinamakan dengan sebutan yang mengandungi nada-nada mengejek serta menyindir seperti Indera Wijaya Getah Para, Mat Kerengga atau Bah Bee. Kedua, nama-nama watak itu diberikan berpasangan, khususnya pada watak-watak wira dan wirawati, seperti Ramli-Ramlah, Amin-Aminah atau Said-Saudah. Memanglah penyebutan nama-nama yang demikian dapat mencuit perasaaan pembaca untuk tertawa atau merasa geli hati dan riang. Apatah lagi apabila watak-watak tersebut digambarkan pula sebagai bertindak lucu, bersesuaian dengan kelucuan nama yang menjadi milik mereka.

Dan keistimewaan terakhir pada cerpen-cerpen Ishak Haji Muhammad ini terserlah pada aspek gaya bahasanya. Keseluruhan cerpen-cerpen itu memperlihatkan pemakaian bahasa yang lurus, *monotone* dan mudah diikuti. Jiwa bahasa wartawan turut tercerna dalam bentuk yang begitu padu dan kukuh, sehinga pada tempat-tempat tertentu – khususnya dalam pelukisan latar cerita – pemakaiannya menjadi kurang puitis dan indah. Walau bagaimanapun keadaan ini dapat pula diimbangi oleh kecenderungan pengarang sendiri untuk memasukkan bentuk-bentuk puisi lama, terutamanya pantun, dalam pengolahan cerita. Dialog-dialog watak pula lebih hidup kerana adanya keupayaan pengarang dalam penguasaan bahasa harian dan daerah serta perbendaharaan kata. Semuanya berpadu erat untuk menghasilkan suatu corak pemakaian bahasa yang dapat diterima oleh masyarakat pembaca zamannya.

Demikianlah maka cerpen-cerpen Ishak Haji Muhammad menjadi amat bererti buat masyarakat atau generasi baru zaman jelas membayangkan keikhlasan dirinya untuk mengabdikan perjuangannya untuk kesedaran dan kemajuan hidup golongan rakyat. Dan cerpen-cerpen itu juga turut memantulkan jiwa masyarakat zamannya – zaman sebelum

Perang Dunia II- yang penuh dengan suara rintihan dalam usahanya untuk mempertingkatkan nilai-nilai kehidupan dan harga diri. Semuanya dapat dilihat dan dirasakan melalui antologi penulis "generasi" ini.!

Hashim Awang
Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya, KualaLumpur
Mei 1987.

KATA SAMBUTAN BUKU
ZAKARIA HITAM (PAK ZEK): BUDAYAWAN BERJASA
(1987)

oleh: *Dato' Dr. Abu Hassan Sham*[*]

Saya amat mengalu-alukan penerbitan buku, *Zakaria Hitam (Pak Zek): Budayawan Berjasa* yang mengandungi tulisan-tulisan tersebar mengenai Pak Zek sama ada yang diterbitkan dalam akhabr-akhbar atau majalah-majalah. Usaha Saudara A. Karim Haji Abdullah ini patutlah diberi sanjungan yang tinggi kerana dengan adanya kumpulan esei ini dapatlah para penyelidik mahupun para peminat Sastera Rakyat menatapi usaha-usaha dan jasa-jasa Pak Zek dalam bidang pengumpulan dan penerbitan cerita-cerita rakyat khasnya cerita rakyat Pahang.

Pak Zek dan Sastera Rakyat Pahang nampaknya tidak boleh dipisahkan lagi. Sesiapa yang mahu mengkaji Sastera Rakyat Pahang tetapi tidak menatapi usaha-usaha yang dilakukan oleh Pak Zek, maka sumbang atau kurang lengkaplah kajiannya itu. Begitulah besar jasanya Pak Zek terhadap Sastera Rakyat Pahang. Jasanya ini bukan sahaja akan dikenangi oleh generasi sekarang tetapi juga oleh generasi anak cucu kita akan datang. Adalah tidak memadai dengan hanya menganugerahkan gelaran "Bapa Sastera Rakyat Pahang" sahaja kepada beliau, tetapi kita hendaklah memikirkan ganjaran-ganjaran lain yang setimpal dengan usaha-usaha beliau ini. Selain dari ganjaran yang berupa wang, hendaklah kita fikirkan ganjaran yang dapat mengabadikan nama

[*] Sewaktu esei ini ditulis penulisnya berjawatan Prof. Madya di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

beliau. Umpamanya ditubuhkan satu tabung penyelidikan kebudayaan di bawah nama beliau.

Buku *Zakaria Hitam (Pak Zek): Budayawan Berjasa* memperlihatkan pandangan masyarakat terhadap Pak Zek. Ini dicerminkan melalui hasil tulisan dari berbagai-bagai tokoh sama ada ia seorang wartawan ataupun sasterawan mahupun para cendekiawan. Tulisan yang beraneka ragam yang dihasilkan oleh berbagai-bagai golongan ini memperlihatkan pandangan yang beraneka ragam pula. Tetapi pada keseluruhannya mereka bersetuju bahawa Pak Zek adalah tokoh atau Bapa Sastera Rakyat Pahang yang ulung.

Lebih menggembirakan lagi dimuatkan pandangan orang luar terhadap Pak Zek yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Dengan berbagai-bagai pandangan ini baik dari luar atau dari dalam, baik dari penulis Melayu mahupun dari penulis asing, menunjukkan perhatian yang istimewa oleh dunia terhadap ketokohan Pak Zek. Oleh itu tidaklah sia-sia Pak Zek menghabiskan usia dan tenaganya mengumpul dan menerbitkan Sastera Rakyat Pahang ini.

Usaha Pak Zek ini adalah usaha seorang amatur, tentu ada kekurangan-kekurangannya jika dipandang dari sudut ilmiah. Pak Zek telah mengubahkan gaya cerita rakyat tersebut ke dalam gaya bahasa tulisan ala Pak Zek sendiri. Ini sudah tentu mengecewakan pada peneliti yang ingin mahu melihat dialek Pahang sebagaimana yang dituturkan oleh penuturnya sendiri. Usaha yang dilakukan oleh mahasiswa Jabatan Pengajian Melayu menyalinkan cerita itu dalam bentuk fonetik adalah lebih saintifik jika kita mahu melihat dari sudut keasliannya. Tetapi kita mesti memahami pula latar

belakang Pak Zek yangtidak pernah menjejakkan kaki ke universiti, tentu ilmu fonetik itu tidak pernah dipelajarinya. Tambahan pula sasaran audiens yàng hendak ditujukannya bukan kepada golongan cendekiawan tetapi kepada golongan kanak-kanak, sudah tentu cara persembahan Pak Zek ini lebih sesuai.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Saudara A. Karim Haji Abdullah yang dapat mengumpulkan esei mengenai Pak Zek ini untuk dipersembahkan kepada khalayak ramai. Usaha seperti ini baru bermula dan kita patut lanjutkan kepada tokoh-tokoh yang lain pula. Tidak syak lagi usaha seperti ini dapat menanamkan perasaan kebanggaan pada diri kita yang kita memiliki tokoh yang besar dan bangsa kita kaya dengan khazanah Sastera Rakyat yang setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Prof. Madya Abu Hassan Sham
Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

21 September 1987.

PENGANTAR BUKU
A. SAMAD ISMAIL: KETOKOHAN DAN KEWARTAWANAN
(1987)

oleh *Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah*•

Sewaktu dipelawa menulis kata pengantar bagi buku ini, satu perkara yang serta-merta teringat oleh saya ialah sebuah sajak pendek yang saya tulis bila mengalu-alukan penganugerahan Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia kepada A. Samad Ismail, pada pertengahan tahun 1987 yang lalu. Beginilah bunyi sajak tersebut:

Tuan adalah obor
yang tak kunjung padam
mendukung idealisme bangsa
menyambung perjuangan
di hujung lidah dan pena
mengilhami
generasi demi generasi
menjunjung tinggi
martabat dan akal budi

Kandungan buku yang sedang kita tatap ini (baik karangan lima orang penulis yang memperkatakan ketokohan Samad dan begitu juga pelbagai karangan pendek hasil tulisan beliau sendiri) dengan sendirinya merupakan sebahagian bukti atau dalil yang memperkuat kebenaran "semangat" dan "isi" sajak tersebut. Buku ini memanglah amat besar manfaatnya kepada para pembaca, sama ada untuk mengetahui diri Samad dari dekat atau untuk melihat contoh-contoh karangannya yang pelbagai ragam dan senantiasa segar itu. Selain memaparkan sebahagian daripada perjuangan A. Samad Ismail "di hujung lidah dan pena", buku ini adalah juga merupakan sumber ilham bagi generasi-

• Sewaktu esei ini ditulis penulis berjawatan Prof. Madya Dr. Firdaus Abdullah.

generasi yang akan datang dalam menyalakan terus api idealisme serta mempertinggi martabat dan akal budi. Oleh kerana itu kemunculannya amatlah wajar dialu-alukan.

Tetapi sambil kita mengalu-alukan kemunculan buku ini dan sambil kita mengiktiraf manfaatnya yang sangat banyak kita janganlah lupa bahawa ini hanyalah "sebahagian" daripada gambaran keagungan tokoh dan kekayaan karya A. Samad Ismail. Kita mengharapkan satu gambaran yang lebih lengkap dan menyeluruh mengenai "pengalaman", "pandangan", "sikap", dan "pemikiran" beliau yang ditulisnya sendiri. Cebisan-cebisan kenangan yang ditulisnya dalam pelbagai kolum akhbar dan majalah memancing keinginan kita untuk mengetahui lebih banyak mengenai pengalaman dan pemikiran beliau. Dengan perkataan-perkataan lain kita mengimpikan satu "memoir" atau autobiografi yang lengkap dan menyeluruh hasil karya A. Samad Ismail sendiri!

Saya difahamkan bahawa pada mulanya buku ini hendak diberi judul *Sikap dan Pemikiran A. Samad Ismail.* Tetapi dirasakan bahawa judul itu agak terlalu "berat" sedangkan kandungan buku ini belum lagi dapat "memikul" sepenuhnya "sikap dan pemikiran" tokoh gergasi wartawan yang sekali gus juga dianggap sebagai sasterawan *ideologue* dan *theoretician* itu. Oleh kerana itu, judul yang agak sederhana dan barangkali lebih sesuai ialah *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan.*

Kandungan buku ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada lima bab (termasuk kata pengantar) yang merupakan huraian tentang ketokohan A. Samad Ismail yang dihidangkan oleh penulis-penulis yangmengenali beliau daripada pelbagai dimensi. Saya kurang jelas sejauh mana perkenalan Dr. Wan Hashim Wan Teh dengan A. Samad Ismail. Tetapi saya yakin bahawa untuk keperluan huraiannya dalam

buku ini Dr. Wan Hashim telah melakukan penyelidikan yang lumayan mengenai A. Samad Ismail. Mengenai hubungan Usman Awang dan Keris Mas dengan beliau, saya tahu secara pasti, sangatlah rapat dan mempunyai sejarah yang panjang. Antara mereka (terutama dengan Usman Awang) terdapat jalinan hubungan yng sangat erat dan akrab. Dan saya sendiri berasa bertuah kerana berpeluang bekerja sebagai wartawan langsung di bawah pengawasan beliau selama tiga setengah tahun (Januari 1963 – Jun 1966). Ini memungkinkan kita untuk merumuskan bahawa lima karangan yang menghuraikan ketokohan beliau adalah hasil daripada pengamatan yang rapat dengan latar belakang ruang, masa, situasi dan pandangan yang pelbagai ragam.

Bahagian kedua dan terpenting terdiri daripada 22 bab yang merupakan hasil tulisan A. Samad Ismail sendiri yang sebahagian besarnya berkaitan dengan hal-ehwal kewartawanan atau penulisan, dan beberapa bab yang lain ialah mengenai masalah-masalah politik, ekonomi dan kebudayaan. Semuanya itu sekali gus memperlihatkan fikiran dan kemahiran yang lincah dan serba boleh, memancarkan satu gambaran peribadi dan minda yang sangat *versatile*. Namun demikian, semuanya itu masih lagi hanya 'sebahagian' daripada gambaran ketokohan dan keistimewaan A. Samad Ismail. Dia adalah seorang penulis yang sangat prolifik dan menulis mengenai pelbagai perkara merangkumi sastera, budaya, sosial, politik dan ekonomi,malah juga falsafah. Karyanya bukan sekadar bersifat *factual* dan *analytical*, malah juga *creative* dan *fictional*. Bahagian-bahagian lain sama ada dalam bentuk rakaman wawancara atau tulisannya sendiri menonjolkan ketokohan dan keunggulannya memperkatakan pelbagai isu berhubung dengan dunia kewartawanan, kesusasteraan, sosiopolitik, budaya, ekonomi

dan pergolakan tanah air dan antarabangsa daripada kaca mata dan pemikirannya yang matang dan kritis.

Demikianlah beliau menghasilkan puluhan novel dan cerpen di samping ratusan (malah mungkin ribuan) tulisan-tulisan kewartawanan mengenai pelbagai bidang kehidupan, meliputi peristiwa-peristiwa harian yang sangat biasa dan sederhana hinggalah kepada isu-isu politik dan kenegaraan yang rumit dan berbelit. Tetapi semuanya dihidangkan dengan gaya penulisan yang menarik serta bahasa yang segar dan mudah diikuti, baik dalam bahasa Melayu begitu juga dalam bahasa Inggeris.

Keistimewaan A. Samad Ismail tidak terbatas kepada kebolehannya memperkatakan pelbagai ragam perkara. Yang tidak kurang istimewanya ialah bahawa pelbagai perkara yang diperkatakannya itu ditulisnya dengan bahasa yang mudah dan menarik, padat dan segar, serta licin dan lancar. Oleh yang demikian, walau apapun yang ditulis oleh A. Samad Ismail, kita akan mendapati tulisannya sekali gus menghibur dan mendidik. Beliau mempunyai kemahiran memilih keterangan dan fakta yang sesuai (relevan) untuk meluaskan pengetahuan dan pandangan kita, sama ada untuk memahami keadaan semasa atau untuk memenuhi tuntutan-tuntutan nostalgia serta memahami hal-ehwal masa lampau. Fikiran kita sentiasa mendapat rangsangan daripada analisisnya yang tajam dan peka. Empat puluh satu karangannya yang terkumpul dalam buku ini di samping wawancara dengannya memperlihatkan pelbagai keistimewaan tersebut.

Berdasarkan kepada beberapa perkara yang disentuh setakat ini, saya melihat buku ini mempunyai potensi untuk memenuhi sekurang-kurangnya tiga fungsi: i) memaparkan ketokohan A. Samad Ismail dengan segala keistimewaan pengalaman dan

keanehan peribadinya, yang sekali gus bermakna memberi inspirasi serta teladan kepada angkatan-angkatan yang lebih muda; ii) meluaskan pengetahuan serta merangsang fikiran mengenai pelbagai isu dan perkara yang dibincangkannya dalam 41 karangan yang dipilih; iii) memberikan contoh atau "model" tentang cara-cara memaparkan dan menganalisis pelbagai fenomena. Dengan perkataan-perkataan lain, buku ini sekali gus akan menjadi sumber inspsirasi (berkat ketokohan dan keistimewaan A. Samad Ismail), sumber pengetahuan dan rangsangan fikiran (berkat pelbagai perkara yang dibincangkannya secara informatif dan analitis), dan sumber teladan atau contoh penulisan (berkat kemahirannya mengolah satu-satu karangan). Oleh yang demikian, pada hemat saya, buku ini amat sesuai bagi angkatan muda yang ingin berjuang di medan politik dan gerakan massa, yang ingin mendalami pengetahuan dan pemahaman mengenai pelbagai isu, yang ingin meningkatkan kemahiran menulis atau mengolah karangan sama ada yang bersifat sastera atau kewartawanan mahupun yang bersifat esei dan penganalisaan. Khususnya bagi angkatan muda yang meningkat dewasa dan mencapai kematangan pada zaman pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, buku ini mempunyai keistimewaan sendiri dalam memberikan kefahaman tentang pelbagai isu terutama dari perspektif sejarah di samping perspektif sosial, politik dan kebudayaan.

Selain daripada kata pengantar ini, huraian oleh lima orang penulis yang lain mendedahkan kita kepada pelbagai dimensi mengenai ketokohan A. Samad Ismail: Sebagai seorang pemikir yang tajam tetapi mempunyai pelbagai keanehan sebagai seorang pentadbir; sebagai seorang guru yang arif, yang pelajarannya mudah difahami dan pengajaran mudah diikuti tetapi liku-liku peribadinya sukar diselami; sebagai seorang pemimpin yang pintar dan karismatik tetapi mempunyai sejenis "keangkuhan" tetapi juga

sekali gus mempunyai kegemaran untuk berkucindan seperti anak-anak muda belasan tahun.

Kedudukannya sebagai seorang intelektual yang ulung dan wartawan yang unggul serta penganalisa politik yang peka, memang sukar ditandingi untuk selama beberapa generasi. Seorang sarjana sejarah dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang juga pernah menjadi wartawan dan mengenalnya dari dekat, antara lain pernah mengungkapkan keistimewaan A. Samad Ismail dengan kata-kata berikut, "*It was A. Samad Ismail's nationalist and left-wing past, his political views and professional acumen which combined to make him into a fine political journalist – the finest in the country.*"

Ketua Satu GAPENA Datuk Profesor Ismail Hussein pula pernah menyifatkan A. Samad Ismail sebagai seorang "wartawan, sasterawan, *theoretician, ideologue* seorang politikus – wartawan yang tajam dan licin, anak kota yang kosmopolitan". Saya sendiri, dalam kata pengantar untuk terbitan baru novelnya *Kail Panjang Sejengkal*, antara lain mengungkapkan sebagai berikut: "...(beliau adalah) seorang tokoh masyarakat peringkat kebangsaan yang mempunyai hubungan rapat dengan para menteri dan sentiasa mesra dengan rakyat jembel. Bagi puluhan orang muda yang pernah (atau setidak-tidaknya mengaku pernah) menjadi "murid" atau *protégé* kepada beliau, A. Samad Ismail adalah seorang yang aneh dan *puzzling*. Peribadi dan gelagatnya sering dirasakan *charming* dan menarik serta mempunyai kemesraan yang karismatik. Tetapi adakalanya beliau dirasakan agak 'angkuh' hingga memaksa para pemujanya menjauhkan diri".

Watak yang seakan-akan mempunyai unsur percanggahan itu dihuraikan lebih lanjut oleh Keris Mas dalam tulisannya "A. Samad Ismail – Wartawan-Sasterawan Melayu yang Ulung" yang terkandung dalam kumpulan ini. Tentu dapat kita fahami bahawa tulisan Keris Mas ini hanyalah merupakan rakaman ringkas daripada secebis pengalaman dan ingatan mengenai A. Samad Ismail. Tentu banyak lagi yang boleh ditulis oleh Keris Mas mengenai seorang tokoh yang pernah menjadi rakan sepejabat dan seperjuangannya dan pernah pula menjadi pujaan dan sumber inspirasinya pada zaman muda remaja. Maksudnya, Keris Mas mempunyai bahan dan kelayakan yang lebih daripada cukup untuk menulis ratusan halaman mengenai A. Samad Ismail. Rakaman ringkasnya dalam buku ini bolehlah dianggap sebagai satu pengenalan yang benar-benar ringkas, tetapi menarik dan jelas serta membangkitkan keinginan kita untuk mengetahui lebih banyak mengenai A. Samad Ismail. Dengan demikian, ini juga menimbulkan sejenis inspirasi di kalangan generasi muda.

Rakaman ringkas Usman Awang dalam kumpulan ini, tidak kurang menariknya. Sebagaimana biasa tulisan Usman Awang sedap dibaca kerana kelancaran lenggang bahasanya yang manis dan puitis dan kadang-kadang dipedaskan pula dengan sindirannya yang tajam tetapi *subtle*. Usman memang sentiasa berasa akrab dan mesra serta kagum terhadap A. Samad Ismail. Semuanya itu tergambar pada tulisannya dalam buku ini. Sekali lagi, seperti rakaman Keris Mas tadi catatan Usman Awang membangkitkan keinginan kita untuk tahu lebih banyak mengenai pelbagai dimensi diri A. Samad Ismail.

Tulisan Profesor Madya Dr. Wan Hashim adalah naskhah ucapannya sebagai pemidato umum di istiadat penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia kepada A. Samad Ismail. Justeru itu, tulisan Dr. Wan

Hashim telah menyingkapkan beberapa dimensi tambahan terhadap gambaran yang dirakam oleh Keris Mas dan Usman Awang.

Namun begitu masih banyak yang ingin kita baca mengenai diri dan pengalaman, serta mengenai misteri dan pemikiran A. Samad Ismail. Memanglah buku yang disusun oleh saudara A. Karim Haji Abdullah ini tidak syak lagi akan dapat memenuhi sebahagian daripada keinginan kita itu. Tetapi seperti dinyatakan di atas tadi buku ini hanyalah sebahagian daripada gambaran keagungan tokoh dan kekayaan karya A. Samad Ismail. Kita mengharapkan satu gambaran yang lebih lengkap dan menyeluruh mengenai pengalaman, pandangan, sikap dan pemikiran beliau yang ditulisnya sendiri. Dengan perkataan-perkataan lain seperti pernah disuarakan oleh Dr. Cheah Book Kheng, kita mengimpikan satu memoir atau autobiografi yang lengkap dan menyeluruh hasil karya A. Samad Ismail sendiri! Semoga Pak Samad mengabulkan harapan murid dan pemujanya yang memang sangat ramai itu.

Prof. Madya Dr. Firdaus Abdullah

SUATU PENGHARGAAN KEPADA ZAKARIA HITAM DALAM BUKU *HIMPUNAN PANTUN PAK ZEK* (1991)

oleh *Dharmawijaya*

Pada 20 Jun 1912, Kampung Benta, Mukim Langgar, Pekan, Pahang telah menyambut tangis pertama seorang anak yang kemudiannya bernamakan Zakaria bin Hitam. Berkat serasi nama pilihan ayah bondanya, berkat tuah tanah kelahiran yang mengilhami gerak jiwanya, maka anak itu kini amat erat hubungannya dengan kekayaan khazanah sastera dan budaya bangsa kita.

Zakaria bin Hitam menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Langgar sehingga Darjah V sebelum memasuki Sekolah Inggeris Pekan pada tahun 1926. Tiga tahun kemudian berpindah ke Sekolah Inggeris Clifford, Kuala Lipis sehingga tamat Junior Cambridge dalam tahun 1932. Dan tahun 1934, beliau mula bekerja sebagai kerani di Cameron Highland di samping meneruskan pelajaran secara bersendirian sehingga lulus Peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1937.

Semasa bekerja sebagai kerani di Cameron Highland inilah nama beliau mula muncul dalam lapangan kesusasteraan Melayu, apabila beliau menghasilkan cerpen sulungnya 'Nasib Si Yamin' dalam *Majalah Cerita*, Julai 1939. Kebetulan pula kemunculannya ini sezaman dengan Abdul Samad Ahmad, yang ketika itu menghasilkan cerita bersiri 'Singapura dilanggar Todak' dalam akhbar *Majlis*.

Tetapi selepas ini, Zakaria bin Hitam telah menumpukan minatnya kepada cerita-cerita penglipur lara dan barang-barang yang melambangkan tamadun bangsa di zaman

lampau. Minat dan kegiatan yang dimulakannya sejak tahun 1951 inilah yang menempatkan dirinya sebagai pengumpul cerita rakyat dan barang purba, yang terkemuka di negara kita.

Dalam usaha mengumpulkan cerita rakyat, Zakaria Hitam amat banyak mengorbankan masa lapang dan cuti hujung minggunya, kerana menjelajahi daerah pedalaman di negeri Pahang untuk menemui orang-orang tua yang mengetahui cerita-cerita tersebut, terutama di kalangan pawang dan bomoh. Dengan gigih dan penuh ketabahan, beliau menjelajah dari Ulu Tembeling ke Kuala Tembeling, dari Kuala Kerau ke Tanjung Jelai yang langsung ke Kuala Pahang, dari Pagar Sasek ke Kuala Kecau, dari Lubuk Sasah Labuh ke Kuala Ceni dan dari Kuala Semai ke Kuala Teriang.

Demikianlah kini, lebih daripada 200 tajuk cerita rakyat telah dapat dikumpulkannya, yang terdiri daripada cerita penglipur lara, cerita kanak-kanak dan cerita nasihat. Suatu penemuan yang amat berharga oleh pengumpulannya ialah cerita penglipur lara *Raja Donai Bahtera Kulit Kacang*, yang didapati di Kuala Atok, Raub. Cerita tersebut mungkin merupakan cerita penglipur lara Melayu yang paling panjang dan amat jelas memperlihatkan kelainan bentuk puisinya daripada yang pernah dapat dikumpulkan oleh R.O. Winstedt melalui Pawang Ana dan Mir Hassan.

Sejumlah 31 tajuk dari cerita rakyat tadi telah pun diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, manakala dua tajuk lagi oleh Pustaka Timur, Kuantan. Cerita rakyat *Si Bijak di Hutan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, pada tahun 1966, telah menerima hadiah UNESCO pada tahun 1967. Dan sekarang dengan amat tekun pula beliau

menyiapkan terjemahan ke bahasa Inggeris *The Folktales of Malaysia*, yang bakal diterbitkan oleh sebuah penerbit di India.

Usaha beliau telah juga mendapat perhatian yang luas dari para sarjana luar negeri. Antaranya, Prof. V.A. Zharov dari Institute of Oriental Studies, Moscow dan Prof. A. Teeuw. 'Usaha Zakaria Hitam ini mempunyai erti yang besar bukan sahaja untuk kegunaan para sarjana yang mengkaji sastera Melayu, tetapi juga berfaedah kepada generasi muda yang sewajarnya mengetahui, bahawa tradisi Melayu asli mempunyai mutu yang tinggi'. Demikian Prof. V.A. Zharov menyuarakan pandangannya.

Di samping pengumpulan cerita rakyat yang begitu besar jumlahnya, Zakaria Hitam juga telah dapat mengumpulkan lebih daripada 400 barang purba, yang berupa barang tembikar, batu lintau, pinggan-mangkuk, senjata lama Melayu dan tulang. Antaranya terdapat tiga barang yang paling menarik, iaitu 'Cangkir' yang diperbuat daripada tembaga berusia kira-kira 3,000 tahun, 'Pinggan Inggeris' yang berusia lebih 200 tahun dan 'Tulang Ikan Duyung' yang panjangnya hampir 5 kaki.

Untuk mendapat barang-barang ini, Zakaria Hitam bukan sahaja terpaksa menjelajah ke beberapa tempat tetapi juga mengorbankan wang gajinya untuk membeli barang-barang tersebut dari si pemiliknya.

Demikianlah pada akhirnya, rumah beliau yang ketika itu di No. 197-T, Jalan Teluk Sisik, Kuantan telah menjadi 'muzium kecil' yang sentiasa dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negeri, seperti dari England, Amerika, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura, yang kemudiannya membawa pulang kesan yang mengagumkan dan amat

mempesonakan mereka. Umpamanya dalam *buku catatan pelawat* yang disediakan oleh Zakaria Hitam di 'sudut muzium kecil'nya itu, Puun J. Nancy Dickinson, telah menulis:

> Di sinilah suatu tempat paling istimewa dan menarik hati sekali yang pernah saya lawati di Asia Tenggara ini.

Pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit yang telah dicurahkan oleh Zakaria Hitam, untuk memelihara kekayaan khazanah sastera dan budaya bangsanya supaya tidak lenyap ditelan zaman, tidak banyak di kalangan kita yang mampu melakukannya. Tetapi dalam 'keterpencilan' dunia yang menjadi kecintaannya itu, rakyat dan negara tetap pula bersedia untuk merakamkan rasa terhutang budi kepadanya. Pernyataan rasa ini, memang telah terbukti dari penganugerahan berbagai bintang kebesaran yang dirangkaikan di hujung namanya.

Kini Zakaria Hitam yang menjangkau usia 66 tahun telah bersara dari jawatan kerajaan sejak tahun 1970 dengan jawatan terakhirnya sebagai Pegawai Kerja di Jabatan Hutan dan Galian Negeri, Pahang. Tetapi tidak pula menyatakan keinginan untuk menutup pintu cintanya ke arah usaha memperkaya khazanah sastera dan budaya bangsanya. Malah pada setiap jelaan nafasnya yang masih tersisa itu, tanpa mengucapkan lelah-payah, pedih-getir, akan terus melalui jalan yang telah ditempuhnya sejak 40 tahun lalu.

Dengan itu Zakaria Hitam atau 'Pak Zek', panggilan hormat-mesra di kalangan teman budayawan-sasterawan, telah tepatlah pada waktunya pula GAPENA memberikan penghargaan dengan kemampuan yang ada, tetapi jelas mencerminkan perjuangan cita-citanya selama ini. Lalu di sinilah, malam di Kuala Terengganu ini, menjadi saksi

keramat seorang pengabdi kepada tradisi dan kebudayaan bangsa, diketemukan hatinya dalam limpahan sanjung-budi:

Dari Langgar ke Kampung Benta
Singgah di Pekan bandar diraja
Lambang mekar mengenang jasa
GAPENA sampaikan Anugerah Budaya.

Disediakan oleh Dharmawijaya.

SEKAPUR SIRIH BUKU *HIMPUNAN PANTUN PAK ZEK* (1991)

oleh *Budayawan Dato' Haji Zakaria Hitam*

PANTUN

Dari Teluk hilir ke Benta,
dari sana terus ke Pekan;
Masa datuk nenek kita,
pantun sangat dimuliakan

Pokok sena, pokok beruas,
pokok bidara, pokok pinang;
Pantun digunakan dengan meluas,
dalam upacara pinang meminang.

Buah nangka, buah kelapa,
buah saga, buah kelubi;
Pantun juga digunakan mereka,
bila-bila masa disukai.

Ikan timun, ikan layaran,
ikan puput, ikan betutu;
Serangkap pantun boleh menjelaskan,
sesuatu maksud yang tertentu.

Rotan relang, rotan sega,
rotan gajah orang berkata,
Itulah sebab orang berkata,
Pantun adalah bunga bahasa.

Burung kasa, burung pekaka,
burung kedidi, burung kakak tua;
Bunga bahasa pengindah kata,
hingga menjadi seni budaya.

Bunga raya, bunga seroja,
bunga melati, bunga cempaka;
Seni budaya perlu dijaga,
kerana Budaya Identiti Bangsa.

Haji Zakaria bin Hitam

KATA-KATA ALUAN BUKU *PERJUANGAN SUCI UMNO* (1993)

oleh *Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak*

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menulis kata-kata aluan di dalam buku *Perjuangan Suci UMNO* yang diselenggarakan oleh Saudara A. Karim bin Haji Abdullah, bekas Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Pahang.

Kandungan buku ini merupakan koleksi ucapan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO semasa mereka merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia sejak tahun 1971. Koleksi ucapan para pemimpin UMNO ini merupakan satu dokumentasi dan khazanah yang amat berguna dimiliki terutamanya oleh ahli-ahli yang baru menyertai UMNO. Ia perlu dikaji dan dihayati agar semua anggota parti jelas mengenai falsafah perjuangan UMNO.

Idea atau pemikiran yang diutarakan oleh para pemimpin-pemimpin UMNO melalui ucapan mereka merupakan bahan yang amat berguna untuk diketahui oleh ahli-ahli UMNO sebagai usaha mereka memahami arus perjuangan dan perkembangan parti. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi pemikiran mereka yang terhimpun dalam ucapan-ucapan mereka kekal abadi dalam lembaran sejarah sesebuah perhimpunan itu.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Saudara A. Karim Haji Abdullah atas kegigihan beliau menghimpunkan ucapan pemimpin-pemimpin UMNO dalam buku yang diberi nama *Perjuangan Suci Umno*.

KATA SAMBUTAN BUKU *PERJUANGAN SUCI UMNO* (1993)

oleh *Datuk Seri Paduka Rafidah Aziz*

Koleksi ucapan para pemimpin UMNO adalah merupakan satu dokumentasi yang berguna dibaca dan dikaji oleh ahli-ahli UMNO amnya dan oleh orang-orang awam, kerana melalui ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin itu dapat disedut saranan yang boleh dijadikan panduan kepada ahli-ahli parti serta dapat difahami tentang perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO tersebut.

Isu-isu semasa juga biasanya dikupas oleh pemimpin-pemimpin dalam ucapan mereka dan dengan itu akan dapat menjadi bahan-bahan sejarah bagi generasi-generasi akan datang.

Usaha mengumpulkan ucapan-ucapan tersebut tentu sekali memperkayakan bahan-bahan dokumentasi politik negara ini.

Terima kasih.

Rafidah Aziz

4 Oktober 1993.

PRAKATA BUKU
INGIN JADI PUJANGGA (1994)

oleh *Dato' Haji A. Aziz Deraman*

Tan Sri (Dr.) A. Samad Ismail terkenal di dalam dan di luar negeri sebagai wartawan yang berwibawa. Beliau juga diakui sebagai wartawan yang pintar, intelektual yang tajam pemikirannya, nasionalis tulen, pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu, penulis kreatif yang giat, pembimbing bakal penulis dan wartawan, pengasas beberapa pertubuhan penulis dan parti politik, dan lebih daripada segala-galanya, seorang Melayu yang perjuangannya sangat kompleks dan tidak dapat dilupakan daripada sejarah perkembangan intelektual negara ini. Dengan kata-kata lain, A. Samad Ismail sudah merupakan sebuah institusi dan telah membentuk legenda tersendiri.

Atas segala sumbangan dan khidmatnya, beliau telah menerima pelbagai hadiah dan anugerah baik daripada pihak kerajaan mahupun daripada organisasi tertentu. Pada 31 Ogos 1994, beliau dianugerahi Hadiah Ramon Magsaysay dalam bidang kewartawanan, kesusasteraan dan seni kreatif komunikasi. Anugerah ini telah meletakkan A. Samad Ismail sebagai wartawan dan sasterawan yang terulung dan terkemuka di seluruh Asia.

Sebagai penulis kreatif, beliau telah menghasilkan sebelas buah novel, berpuluh-puluh cerpen, beratus-ratus esei dalam pelbagai perkara yang ditulis dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa Inggeris semenjak beliau terlibat dalam dunia persuratkhabaran ketika berusia 16 tahun lagi. Beliau mula menulis cerpen dalam zaman

pemerintahan Jepun, dan isi cerpen-cerpennya mengandungi falsafah perjuangan hidupnya.

Berdasarkan keistimewaan inilah maka pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berasa bertanggungjawab menerbitkan antologi cerpen beliau yang diberi judul *Ingin Jadi Pujangga* ini.

Semoga antologi cerpen Tan Sri (Dr.) A. Samad Ismail yang diselenggarakan oleh Sdr. A. Karim Haji Abdullah dengan kata pengantar oleh Prof. Madya Abdullah Tahir ini akan menjadi satu koleksi dan dokumentasi yang berguna bagi mereka yang mempelajari kesusasteraan Melayu moden, dan seterusnya menjadi khazanah perpustakaan kita.

A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
24 Rabiulawal 1415
1 September 1994.

SEULAS PINANG
BUKU *INGIN JADI PUJANGGA* (1994)

oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

SAYA sangat terhutang budi kepada ramai teman yang berusaha menerbitkan antologi cerpen *Ingin Jadi Pujangga* ini. Cerpen-cerpen saya yang terkumpul dalam antologi ini mula disiarkan dalam akhbar dan majalah pada tahun 1944 hingga 1991. Kerja-kerja menyelenggarakan penerbitan antologi ini tidaklah mudah dan memerlukan kesabaran serta ketekunan yang tinggi seperti yang ada pada *Sdr. A. Karim Haji Abdullah.*

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka kerana menerbitkan kembali kumpulan cerpen saya ini. Ucapan terima kasih saya tujukan khas kepada *Sdr. A. Karim Haji Abdullah* selaku penyelenggara, Sdr. Mohamad Yussop Ishak sebagai editor dan Sdr. Mazlan Haji Mohd. Nor (Along) pereka bentuk buku yang sentiasa memberikan kerjasama yang erat lagi mengilhamkan. Kerjasama antara penyelenggara, editor dan pereka bentuk inilah yang memungkinkan antologi ini diterbitkan dalam suasana penuh ceria dan memberangsangkan. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Abdullah Tahir dari Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya kerana kesudiannya mengulas antologi tersebut. Seterusnya saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sdr. Ismail Latiff yang sudi mengizinkan sebahagian daripada lukisan beliau berjudul "Sri Tioman", digunakan untuk latar kulit buku ini.

Saya menulis dalam tiga zaman – zaman pendudukan Jepun ketika tenteranya menguasai Singapura dan seluruh Asia Tenggara. Pada zaman itu tentera Jepun memerangi tentera Berikat untuk *survival* empayar Dai Nippon. Tidak mudah menulis pada zaman seperti itu kerana tiap tulisan yang tersiar ditapis, dikaji dan diteliti agar tidak merugikan kepentingan perang Jepun. Kita menggadaikan nyawa kita setiap kali kita menulis.

Pada zaman perjuangan kemerdekaan pula, golongan penulis terutama wartawan seperti saya, yang bercita-cita untuk menghancurluluhkan sistem kolonialisme Barat, telah memperalatkan bidang sastera pada hakikatnya merupakan satu lagi medan tempat kita bertempur dengan musuh-musuh kita itu. Bidang sastera menjadi medan pertarungan idea, nilai dan fahaman.

Manakala pada zaman pasca merdeka pula, perjuangan itu masih belum selesai – semata-mata kerana cita-cita untuk mewujudkan satu bangsa yang benar-benar merdeka dan berdaulat belum tercapai seperti yang menjadi idealisme kita pada zaman penjajah dahulu.

Antologi ini hanya mencerminkan satu sisi sahaja daripada perjuangan dan cita-cita saya keseluruhannya. Mudah-mudahan ia berguna kepada pembaca dan penulis generasi sekarang dan generasi yang akan datang.

A. Samad Ismail
Petaling Jaya
22 Julai 1994

PENGANTAR BUKU
INGIN JADI PUJANGGA (1994)

oleh *Abdullah Tahir*

A. Samad Ismail lebih terkenal sebagai tokoh jurnalis Melayu, tetapi beliau juga aktif menulis karya-karya kreatif khususnya bentuk cerpen semenjak zaman pendudukan Jepun lagi. Antara cerpen yang dihasilkannya ialah "Seorang Pengail" (*Semangat Asia*, Februari 1944), "Ubi Kayu" (*Semangat Asia*, Mac 1944), "Ke Bintan-To" (*Semangat Asia*, April 1944), dan cerpen "Budak-budak Main Soldadu" (*Fajar Asia*, Mei 1944). Cerpen-cerpen yang dihasilkan pada zaman pendudukan Jepun itu walaupun sedikit jumlahnya, telah mendapat sorotan yang mendalam terutama oleh para sarjana sastera, ahli sosiologi dan sejarawan baik di peringkat tempatan mahupun luar negeri. Mereka meneliti cerpen-cerpen tersebut bukan sahaja untuk menilainya sebagai karya sastera, tetapi juga bagi mengkaji keadaan hidup masyarakat di Singapura dan Tanah Melayu pada waktu itu.

Sebagai sasterawan A. Samad Ismail memulakan penulisan kreatif dalam bentuk cerpen dan pada dekad 60-an barulah beliau mencipta karya-karya berbentuk novel dan buku-buku tentang kewartawanan. Cerpen-cerpen zaman awalnya banyak terkumpul dalam antologi bersama seperti *Mekar dan Segar* (1959), iaitu kumpulan cerpen yang memuatkan karya tokoh-tokoh terpenting Angkatan Sasterawan 50 atau ASAS 50, manakala cerpen-cerpen yang ditulis dalam dekad 60-an terkumpul dalam dua buah kumpulan persendiriannya yang diberi judul *Temasya Tinta* (Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur (1967), dan *Mastura* (Pustaka Gunong Tahan, Kuala Lumpur, 1967). Dalam jangka masa 10 tahun, dari 1966 hingga 1975 beliau berjaya menghasilkan 11

buah novel dan empat buah buku untuk bimbingan kepada penulis dan wartawan. Selepas tahun 1975 beliau tidak begitu giat menulis karya kreatif lagi hinggalah dalam tahun 1988 (sesudah bersara) beliau menulis beberapa buah cerpen untuk majalah *Dewan Sastera*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Seperti cerpen-cerpen beliau yang terdahulu, cerpen-cerpen baru itu juga sangat panjang dan mengambil latar zaman sebelum perang khususnya di Singapura. Beliau baru sahaja menghasilkan sebuah memoir yang berjudul *Memoir A. Samad Ismail di Singapura* (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994).

Walaupun kekuatan A. Samad Ismail dalam bidang penulisan kreatif adalah dalam bentuk novel, namun cerpen-cerpennya juga mempunyai kekuatan dari segi tema dan persoalan. Cerpen-cerpen zaman awalnya seperti "Ubi Kayu", "Ah Khaw Masuk Syurga", dan "Ingin Jadi Pujangga", mempunyai persoalan yang ditarik daripada peristiwa politik semasa. Melalui cerpen "Ubi Kayu" misalnya beliau telah menyindir dengan halus dan tersembunyi betapa ubi kayu itu lebih tinggi nilainya daripada nilai wang kertas Jepun. Cerpen "Ingin Jadi Pujangga" pula yang ditulis sewaktu beliau berada dalam tahanan agak ideal cita-citanya dan mempunyai nilai estetika yang tinggi serta dapat mempengaruhi penulis-penulis muda yang menganggotai ASAS 50 pada waktu itu.

Sebahagian besar cerpen A. Samad Ismail yang dimuatkan dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini membawa kisah suka duka kehidupan kaum wartawan, baik yang menjadi pemimpin akhbar seperti pengarang, penyunting, ahli lembaga pengarah, pemberita biasa, sampailah kepada pembaca pruf, pengatur huruf dan malah kepada budak pejabat. Penglibatan para wartawan itu bukan sahaja dalam pekerjaan mereka sehari-hari, seperti tentang perjuangan pembebasan akhbar, malah juga menyangkut

kepada kegiatan politik para wartawan sehingga mereka dicurigai dan ditangkap oleh penjajah Inggeris. Hal-hal yang membabitkan perhubungan antara dua negara serumpun dan berjiran turut dilukiskan secara penuh perlambangan dalam satu tema percintaan seperti yang terdapat dalam cerpen "Titi". Meneliti gelagat manusia wartawan yang menjiwai tokoh-tokoh yang menggerakkan cerita dalam kumpulan cerpen ini sekali gus dapat mencerminkan sebahagian besar daripada kehidupan A. Samad Ismail bersama teman-temannya yang lain seperti A. Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Jiro, Ahmad Boestamam dan beberapa orang anak buah wartawan yang rapat dengannya. Pelukisan dunia surat khabar begitu jelas dan lengkap sekali sehingga pembaca benar-benar berada dalam situasi yang dihadapi oleh setiap tokoh wartawan yang menggerakkan cerita.

Kehidupan manusia golongan wartawan sesungguhnya cukup kompleks dengan pelbagai masalah. Kaum wartawan terpaksa hidup dalam seribu suasana. Dia berinteraksi dengan banyak pihak, daripada buruh kasar hingga kepada pemimpin tertinggi sesebuah negara; dia bersahabat dengan pelbagai golongan manusia, daripada seorang pelacur hinggalah kepada seorang Perdana Menteri atau pegawai tinggi kerajaan. Demikianlah kita dapati cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan ini, manusia wartawan itu digambarkan terpaksa hidup dalam seribu suasana; tegang, terpaksa berpura-pura, ditekan oleh perasaan cemburu dan cinta yang mendalam, dan juga suasana rumah tangga yang pelbagai rupa. Selain itu suasana yang cukup mencabar ialah ketika para wartawan menjalankan tugas mereka. Mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan karenah birokrasi seperti karenah ketua pengarang, editor, penyunting, lembaga pengarah hatta dengan kawan-kawan sesama wartawan dan juga dengan teman-teman yang datang mengunjungi mereka di pejabat.

Masalah kerjaya dan kehidupan peribadi sehari-hari manusia wartawan digambarkan dengan jelas dan terperinci oleh A.Samad Ismail dalam beberapa buah cerpen. Umpamanya, masalah hubungan suami dengan isteri dan cerpen "Belajar Agama", masalah dengan sahabat terpancar dalam cerpen "Hussein Zet" dan masalah kenderaan dalam cerpen "Soal Kereta". Dalam cerpen "Belajar Agama" terdapat dua persoalan yang ingin ditonjolkan oleh A.Samad Ismail. Pertama, selain daripada masalah biasa yang dihadapi oleh wartawan seperti Encik Dolah sebagai "Saya" (orang pertama pencerita) dan Tahir wartawan yang bekerja di bawahnya, terdapat masalah peribadi yang dialami oleh kedua-dua wartawan itu. Tahir sebagai "tahi kuda" dan "kaki kabaret, sedangkan isterinya, Ustazah Khatijah seorang guru agama; manakala Encik Dollah pula seorang wartawan yang selalu alpa akan tanggungjawabnya terhadap agama dan sering membahas (kadang-kadang mempermainkan agama) apabila beliau diingatkan oleh isterinya, Zaiton supaya melakukan amal ibadat seperti yang sepatutnya.

Zaiton yang mengambil inisiatif belajar agama daripada Ustazah Khatijah dan direstui oleh suaminya telah banyak berubah, bukan sahaja kepada dirinya – tetapi dia berusaha untuk "mendakwah" Encik Dollah. Hal ini digambarkan secara terperinci dengan teknik deskripsi oleh pengarangnya. Pengarang banyak melukiskan cara Zaiton "mendakwah" suaminya dalam bentuk dialog.

Perubahan yang berlaku kepada diri Zaiton telah menimbulkan masalah pula kepada Encik Dollah. Sebagai seorang yang sibuk dan tidak berpegang kuat kepada ajaran agamanya, Encik Dollah merasakan satu bebanan untuk memenuhi kehendak isterinya itu. Beberapa kali Encik Dollah bertanyakan Tahir: "Tahir, apa bini kau ajar bini aku?" Beberapa kali dia mengugut Tahir dengan mengatakan bahawa adalah menjadi satu

kesalahan kalau seseorang itu mengajar agama tanpa surat izin pihak berkuasa. Sebetulnya pula Tahir tidak mempunyai banyak masalah ketika bekerja di pejabat akhbarnya sebagai penyunting, tetapi dia sudah mula jatuh cinta dengan judi lumba kuda dan sering berjoget di BB Park. Daripada pandangan Ustazah Khatijah, Tahir adalah seorang yang warak. Pernah satu kali Ustazah Khatijah memberitahu Zaiton, "Abang Tahir tak pernah tinggal sembahyang".

Masalah besar hanya ditanggung oleh Encik Dollah apabila Ustazah Khatijah beberapa kali mengadukan hal dan meminta bantuannya supaya menasihati Tahir dan tidak menyuruh Tahir bekerja sampai malam. Encik Dollah terkejut apabila mendengar aduan itu kerana setahunya Tahir hanya bekerja sampai pukul lima petang pada setiap hari atau kadang-kadang Tahir meninggalkan pejabat lebih awal daripada itu. Encik Dollah terpaksalah berbohong kepada Ustazah Khatijah dengan mengatakan bahawa dia akan membincangkan hal dan masalah itu dengan Tahir, walhal dia tidak pernah menasihati Tahir.

Cerpen yang memaparkan masalah yang dihadapi oleh para wartawan terdapat dalam "Soal Kereta" dan "Hussein Zet". Dalam "Soal Kereta" menunjukkan betapa sebuah syarikat akhbar yang agak besar pada waktu itu lokek untuk membeli kenderaan baru bagi kemudahan wartawan/pemberitanya menjalankan tugas. Apabila kita selesai membaca cerpen tersebut kita dapat menyimpulkan bahawa sebetulnya bukan soal kereta yang lebih ditonjolkan oleh A. Samad Ismail. Sebenarnya persoalan lain yang diselitkan bersama sebagai persoalan sampingan itulah yang menjadi fokus utama beliau. Umpamanya, masalah gaji pemberita yang dirasakan tidak adil terutama oleh Shamsuddin (pemberita akhbar Semenanjung), juga tentang masalah kesatuan sekerja di

syarikat akhbar itu yang tidak berani bertindak. Masalah ini ditonjolkan oleh pengarang dengan begitu jelas seperti dalam petikan yang memakai teknik dialog sebagai yang berikut:

> "Mereka nak piket di Empress Place," kata Isa.
>
> "Union kita tak guna." Atan mengeluh.
>
> "Mengapa?" Talib bertanya.
>
> "Tak berani tuntut naik gaji." Atan sengih.
>
> "Mereka segan dengan Bakarlah." Talib mencelah.
>
> "Kerana dia dah masuk jel, kawan baik dengan pembangkang." Shamsuddin menyambung.
>
> "Dengan *Union-union kiri*." Taib menambah.
>
> "Aku dah cakap dulu dengan orang-orang *Union*. Mereka kata *Semananjung* syarikat nasional. Tak sama dengan Herald. Herald syarikat penjajah. Jadi, *Union* boleh keras-keras sikit. Semenanjung tak mampu nak bayar gaji seperti *Herald*," kata Shamsuddin.

Jika diteliti dialog para wartawan seperti yang terdapat dalam petikan ini jelas sekali sikap pengarang yang menyenangi supaya *Union* jangan cepat bertindak untuk berpiket semata-mata mereka dibayar gaji yang murah. Peranan akhbar *Semenanjung* sebetulnya bukan untuk mengatasi pengangguran, tetapi ia mempunyai tugas yang lebih besar daripada itu. Akhbar itu adalah media bagi orang-orang Melayu menyatakan peranan dan idea mereka. Ini berbeza dengan *Herald*, akhbar berbahasa Inggeris yang lebih kaya. Mereka lebih berorientasikan perniagaan sedangkan akhbar kebangsaan *Semenanjung* mempunyai tugas lain – tugas menyalurkan semangat kebangsaan kepada bangsa Melayu yang sedang berjuang untuk mencapai kemerdekaan daripada penjajah British.

Masalah melayan kawan-kawan yang mengunjungi pejabat akhbar juga menjadi satu masalah bagi para wartawan, lebih-lebih lagi kepada penyunting atau editor yang mempunyai kuasa memilih dan menyiarkan sesebuah rencana. Lebih sukar lagi apabila kawan tersebut adalah seorang penulis dan penganggur yang bergantung hidup dengan

tulisan-tulisannya. Demikianlah masalah yang dialami oleh Amir dalam cerpen "Hussein Zet". Hussein adalah sahabat Amir sewaktu di Singapura dahulu. Beliaulah yang banyak membantu Amir mendapatkan pekerjaan di Singapura dengan majalah *Bintang Filem*, *Penghibur* dan akhbar *Duta Rakyat*, malah beliau tinggal sebilik secara percuma bersama Hussein Zet. Kini Hussein telah datang untuk mencari rezeki di Kuala Lumpur dan kebetulan dia datang menemui Amir. Pada mulanya dia menimbulkan masalah juga kepada Amir, seperti terpaksa melayan Hussein, tetapi Hussein tidak mahu menyusahkannya, hanya Hussein selalu datang membawa rencana dan cerpen untuk disiarkan oleh akhbar tempat Amir bekerja. Hanya itu sahaja masalah yang dihadapi oleh Amir, iaitu bagaimana dia boleh menyiarkan karya-karya atau tulisan-tulisan Hussein sahaja. Masalah Amir ini tidaklah berterusan apabila Hussein rapat pula dengan Bung Jamil. Meskipun begitu Amir berasa terganggu apabila Hussein meminta dia diperkenalkan kepada bapa saudara Amir untuk menolongnya mendapatkan lesen membalak di hutan Pahang.

Nampaknya A. Samad Ismail berusaha mengemukakan pelbagai watak manusia yang ada hubungkait dengan kerjaya kewartawanan. Watak-watak itu terdiri daripada lembaga pengarah, editor, penyunting, pemberita, penjaga halaman, wartawan wanita, pengatur huruf, budak pejabat dan lain-lain lagi. Sebahagian besar daripada watak ini hanya memegang watak sampingan yang kurang penting dalam pergerakan plot cerita. Dalam beberapa buah cerpen terdapat pelukisan secara tidak langsung tentang watak sama ada secara deskripsi mahupun melalui dialog watak-watak tersebut. Pembaca secara tidak langsung dapat memahami selok-belok pentadbiran dan perjalanan syarikat-syarikat akhbar baik ketika dalam zaman British di Singapura atau pada zaman selepas

kemerdekaan di Malaysia. Zaman selepas kemerdekaan ini cukup jelas terdapat dalam cerpen "Titi" dan "Kisah Cinta di Kota Bharu". Walau bagaimanapun, tema atau persoalan yang lebih dominan dalam kedua-dua buah cerpen ini adalah masalah "percintaan". Gambaran kerjaya kaum wartawan dilukiskan di sana sini secara sambil lalu sahaja. Umpamanya wartawan Manaf yang menghadapi masalah hendak mengirim berita dari Jakarta ke Kuala Lumpur semasa zaman konfrontasi dahulu. Pada waktu itu hubungan diplomatik dan komunikasi lain belum pulih sepenuhnya. Demikian juga dengan Nasir, seoarng wartawan akhbar yang dimarahi oleh ketuanya melalui telefon apabila beliau tidak tepat melaporkan berita ucapan Tun di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

Dalam hubungan dengan kerjaya wartawan ini A. Samad Ismail juga mengemukakan beberapa perbezaan antara golongan wartawan hari ini dengan kegigihan perjuangan wartawan pada masa lampau. Perbezaan ini jelas dikesan dalam Cerpen "Soal Kereta". A. Samad Ismail telah menggambarkan dengan agak jelas akan sikap pemberita zaman sekarang (dekad 50-an dan 60-an) yang tidak begitu produktif berbanding dengan pemberita zaman serba sulit dahulu. Sebagai contoh cuba kita lihat dan perhatikan petikan yang berikut:

> Bakar menarik nafas panjang. "Budak-budak muda karang memang begitu. Tak sabar. Tak tahan perit sedikit," fikirnya dalam hati.

Dialog para pemberita dalam cerpen ini sebetulnya bukanlah menunjukkan kerja menulis *editorial* itu suatu kerja yang mudah, tetapi sebenarnya memerlukan kecekapan, kemahiran dan pengalaman yang luar biasa. Masalah yang sengaja ditimbulkan oleh Shamsuddin ketika bercakap-cakap dengan teman-teman pemberita di kedai kopi di simpang jalan itu sebetulnya sebagai melepaskan perasaan geram sahaja. Shamsuddin

memangnya selalu kena panggil oleh Bung Bakar selaku ketua pengarang kerana dia tidak lagi produktif menulis berita seperti pada masa-masa sebelumnya. Shamsuddin juga bersikap negatif kerana kecewa dengan gajinya yang terlalu rendah berbanding dengan orang lain.

Ada tiga buah cerpen yang secara terperinci membawakan persoalan pergolakan politik semasa dan mempunyai hubung kaitnya dengn manusia wartawan. Cerpen-cerpen itu ialah "Menunggu Teman Bebas", "Titi" dan "Kisah Cinta di Kota Bharu". Pergolakan politik semasa itu dijadikan persoalan yang dominan dalam "Menunggu Teman Bebas" dan "Titi", manakala cerpen 'Kisah Cinta di Kota Bharu" lebih banyak dapat ditanggapi oleh pembaca secara tidak langsung. Ini terjadi kerana pengarang juga mengemukakan kisah cinta seorang wartawan bernama Nasir dengan seorang gadis bernama Kamariah setelah mereka bertemu secara kebetulan apabila Nasir ditimpa kemalangan kecil ketika bertugas di bandar Kota Bharu.

Cerpen yang benar-benar mengemukakan kisah wartawan yang terbabit dengan kegiatan politik semasa ialah "Menunggu Teman Bebas" . Cerpen ini mengisahkan Anwar seorang wartawan yang dikatakan mempunyai fahaman kiri telah ditangkap oleh penjajah Inggeris. Cerita ini berlaku di Singapura dan Anwar adalah timbalan pengarang kepada akhbar *Warta Rakyat*, sebuah akhbar yang menjadi saingan kepada akhbar *Harian Pelita*, Anwar pernah ditangkap pertama kali pada tahun 1945, kali kedua pada tahun 1952 akibat daripada peristiwa Natrah yang dikatakan membabitkan 18 orang terbunuh dan 173 orang cedera. Anwar dianggap oleh British sebagai nasionalis pelampau. Cerpen ini dimulai dengan berita Anwar akan dibebaskan tidak berapa lama lagi. Di kalangan teman-teman wartawannya telah heboh berita itu yang kononnya

diketahui melalui James (juga wartawan) yang mengaku mengetahui hal itu daripada pihak gabenor tetapi tidak direkodkan.

Meskipun A. Samad Ismail menyatakan watak-watak dalam kumpulan cerpen ini "hanyalah rekaan semata-mata", tetapi daripada gambaran yang diberikan, pembaca dengan mudah dapat meneka siapakah watak-watak yang menjiwai pergerakan ceritanya. Watak-watak yang dimaksudkan ialah Sidik Anwar, Musa, Zainuddin, Yazid, Datuk Jalil dan James. Hal kedua yang agak menarik ialah bagaimana ahli lembaga pengarah syarikat akhbar *Warta Rakyat*, memikirkan apakah mahu mengambil Anwar bekerja semula apabila dibebaskan kelak. Di sinilah terdapat satu konflik antara Sidik selaku ketua pengarang dengan Datuk Jalil ahli lembaga pengarah syarikat yang nampaknya tidak suka mengambil Anwar bekerja semula. Bagi mereka yang sudah mahir dengan jatuh bangun dunia kewartawanan, hal seperti ini adalah perkara biasa sahaja.

Dalam dunia realiti negara kita Malaysia memangnya mempunyai putera-putera yang benar-benar bersemangat nasionalis seperti wartawan Anwar itu. Nampaknya nasib Anwar tidak dibela oleh akhbarnya sendiri kerana takut ditutup oleh pihak Inggeris. Namun beberapa pertubuhan dari parti politik tetap juga bersimpati dan memperjuangkan kebebasan Anwar. Ini termasuklah parti UMNO, sebuah parti orang Melayu yang terkuat pada masa itu memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Anwar mengetahui segala perkembangan yang berlaku di pejabat akhbar *Warta Rakyat* sepanjang masa tahanannya kerana beliau banyak menerima surat dan selalu dikunjungi oleh teman-teman dan isterinya. Segala sangkaan teman-teman terhadap perubahan yang bakal berlaku kepada diri Anwar apabila keluar daripada tahanan meleset belaka. Begitu juga sangkaan Sidik salah sama sekali, kerana apabila Anwar bebas dari

tahanan orang pertama yang ditemuinya ialah Sidik yang waktu itu sedang sakit di rumahnya.

Cerpen "Titi" dan "Kisah Cinta di Kota Bharu" meskipun berbau tema percintaan, masih boleh dilihat sebagai satu dokumentasi kepada dua episod politik negara yang penuh sejarah. Dalam cerpen "Titi", terpancar sejarah pemulihan semula hubungan diplomatik antara dua buah negara serumpun – Indoensia dan Malaysia yang sedang berkonfrontasi. Dan dalam cerpen "Kisah Cinta di Kota Bharu" pula mencerminkan sejarah ke arah pemulihan hubungan politik antara Kerajaan Pusat di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, pimpinan Tun Abdul Razak dengan Kerajaan PAS yang menguasai pentadbiran negeri Kelantan Darul Naim semenjak lebih 20 tahun.

Suatu hal yang barangkali disengajakan oleh pengarang dalam pengolahan kedua-dua buah cerpen ini ialah ceritanya dibumbui oleh kisah cinta wartawan yang ditugaskan membuat laporan di Jakarta (Manaf) dan di Kota Bharu (Nasir). Yang sangat menarik di sini ialah kedua-dua buah cerpen ini merupakan satu bahan sejarah politik yang amat mengesankan kerana pelukisan yang dibuat amat simbolik terutama dalam hubungan percintaan atau boleh sahaja dikatakan persahabatan antara Manaf dengan Titien (Titi), yang juga secara harfiah bermakna jambatan yang menghubungi satu tebing ke satu tebing, atau jambatan yang menghubungkan kembali antara Malaysia dan Indonesia setelah sekian lama tegang dan bermusuhan kerana Sukarno melancarkan konfrontasi apabila Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963).

Manaf adalah wartawan kanan akhbar yang dihantar ke Jakarta untuk membuat liputan tentang peringkat terakhir upacara menandatangani perjanjian tamatnya konfrontasi antara kedua-dua buah negara. Sebelum ini Manaf juga dihantar oleh

akhbarnya untuk membuat liputan drama pengakhiran konfrontasi di bangkok, akan tetapi drama penamatan konfrontasi itu dilakukan oleh pihak Kogam bersama Tunku dan Tun di Kuala Lumpur dan Alor Setar. Sebagai orang yang pernah beberapa tahun tinggal di Jakarta dan pernah bermesra dengan keluarga Titi, kepergiannya ke Jakarta itu tidak menghadapi banyak masalah, kecuali masalah hendak mengirimkan berita sahaja. Itu pun telah dapat diselesaikan oleh pihak tentera Indoensia.

Kesempatan pergi ke Jakarta itu diterima oleh Manaf dengan perasaan senang sekali. Pertama, dia akan dapat menjalankan tugas yang hanya boleh dilakukan oleh wartawan kanan sesebuah akhbar. Dan kedua, dia akan dapat menemui Titi bekas kekasihnya yang kini sudah bergelar isteri dan ibu. Manaf menemui teman-teman wartawan lama di sana dan dengan bantuan mereka, dia mendapat banyak maklumat yang diperlukannya. Pemulihan hubungan akan memakan masa yang lama. Propaganda Subandrio-PKI selama tiga tahun terpaksa dikikis habis hingga ke akar-akarnya. Masih ada lagi rakyat Indonesia yang menganggap Malaysia sebagai projek neokolonialisme. Lebih daripada itu pembaca akan mendapat kesan yang mendalam terutama gambaran yang dibuat oleh pengarang sewaktu melaporkan peristiwa yang bersejarah itu dari Jakarta. Sebab itulah kita dapat menganggap kedua-dua cerpen ini, "Kisah Cinta di Kota Bharu" dan "Titi:" sebagai dua buah cerpen yang menjadi dokumen penting dalam sejarah politik tanah air, terutama politik sesudah kemerdekaan.

Wartawan juga adalah manusia biasa. Sebab itu mereka tidak terlepas daripada melakukan apa sahaja yang dibuat oleh manusia biasa. Demikianlah kita dapati kisah cinta golongan wartawan diungkapkan dengan banyak oleh A.Samad Ismail dalam kumpulan cerpennya ini. Dan percintaan mereka itu ada yang gagal dan ada pula yang

sementara sifatnya. Ada empat buah cerpen yang agak jelas mengemukakan kisah cinta. Cerpen-cerpen tersebut ialah "Kisah Cinta di Kota Bharu", "Titi", "Belajar Agama" dan Ruangan wanita".

Kisah cinta yang amat ketara ialah kisah cinta wartawan Manaf dan Titi (Titien) seorang gadis manis ketika Manaf tinggal di Jakarta dalam tempoh beberapa tahun. Seluruh kisah cinta mereka itu dapat dirasakan oleh pembaca apabila selesai membaca cerpen ini. Oleh sebab kisahnya disampaikan lebih banyak secara imbas kembali, dan hanya pada akhir cerita secara aksi, maka penyelesaian cerita sungguh menyentuh perasaan. Manaf, dalam keadaan sibuk membuat liputan berita upacara rasmi menandatangani perjanjian tamatnya konfrontasi antara Malaysia-Indonesia (yang diwakili oleh Tun Abdul Razak dan Presiden Sukarno) masih sempat mencari rumah Titi yang ditinggalkannay semenjak sembilan tahun yang lalu. Dia berjaya mencari rumah Titi lewat tengah malam. Dia disambut oleh Titi dengan perasaan terharu. Ternyata Titi dalam keadaan berdukacita oleh sebab suaminya, pekerja sebuah bank sedang ditahan untuk disiasat oleh pihak pemerintah. Manaf pergi ke rumah Titi untuk bertemu mata dan menyampaikan buah tangan yang dibawanya dari Kuala Lumpur, iaitu kain songket kegemaran Titi. Manaf juga membawa alat-alat solek yang berisi wangian untuk Titi. Pertemuan itu sekurang-kurangnya dapat juga melepaskan perasaan rindu Manaf terhadap Titi yang sudah beranak dua itu, iaitu Puspa tiga tahun dan adiknya Hirwati. Titi meminta Manaf bermalam di rumahnya, tetapi Manaf menolak dengan lembut kerana terpaksa pulang ke hotel. Manaf berjanji akan datang lagi menemui Titi, datang bersama-sama isterinya. Malah secara amat simbolik Manaf berjanji: "Terima kasih, Ti. Tapi lain

kalilah saja. Lain kali, bila hubungan Malaysia dan Indonesia pulih sepenuhnya, aku datang lagi ke mari."

A.Samad Ismail mengakhiri kisah cinta yang simbolik ini dengan pelukisan yang sungguh mengharukan. Beliau menutup dan mengakhiri cerpen ini sebagai yang berikut:

> Manaf meminta diri pulang dan Titi menghantarnya hingga ke luar perkarangan dan apabila mereka bersalam, Manaf merasa jari-jari Titi begitu dingin.
>
> "Datang lagi, Nap!" Titi membisikkan ke telinganya, memegang bahunya. Hanya apabila dia bergerak menuju ke Jipnya, barulah jari-jari yang halus itu terlepas dari bahunya.
>
> "Aku pulang Ti," Dia membisik, memicit tangan Titi.

Kisah cinta yang dijadikan subplot seperti halnya dengan cerpen "Titi" terdapat juga dalam cerpen "Kisah Cinta di Kota Bharu". Percintaan dalam cerpen ini antara wartawan Nasir dengan anak gadis Nik Mat dan Som yang bernama Kamariah. Kisah percintaan ini kurang menyentuh perasaan pembaca kerana kisahnya tidak sama dengan kisah cinta yang dilalui oleh Manaf dengan Titi. Kalau Manaf dengan Titi gagal mendirikan rumah tangga akibat Manaf pulang ke tanah air lantaran konfrontasi, tetapi ada tanda-tanda yang dapat dimengertikan bahawa Nasir mungkin berjaya mendirikan rumah tangga bersama Kamariah yang cantik manis itu. Plot cerpen ini agak kacau sedikit dan terasa melompat-lompat. Cerita hanya pada bahagian akhir cerita – sedangkan tiga suku bahagian awal adalah tentang telatah para pemberita dari Kuala Lumpur dan Nasir sendiri yang terlalu ghairah hendak mendapatkan mek-mek Kelantan yang didengarinya itu. Tetapi akhirnya ternyata cerita-cerita yang mereka dengar itu indah khabar dari rupa. Lagipun pertemuan Nasir dengan Kamariah sendiri hanya secara kebetulan. Inilah kelemahan teknik *deus-ex-machina* yang dilakukan oleh seorang penulis

veteran seperti A.Samad Ismail. Selain itu beliau juga kerap menggunakan teknik surat kiriman untuk menyelesaikan cerita.

Persahabatan dan pertolongan daripada seseorang itu kadang-kadang boleh merapatkan hubungan dan akhirnya boleh menimbulkan perasaan cinta kepada seseorang. Demikianlah yang terjadi dalam cerpen "Ruangan Wanita". Kehadiran Siti Mardina menjadi wartawan dan kemudian ditugaskan menjadi pengasuh ruangan wanita telah merapatkan hubungan "Aku" (atau Nos) dengan Siti. Aku selalu digalakkan oleh Pak Kadir (Ketua Pengarang) supaya membantu Siti Mardina. Aku dapat tahu Siti seorang janda. Kecantikan Siti mempersonakan Aku. Ini menyebabkan Iskandar yang bekerja di akhbar yang sama berasa cemburu kerana Aku dan Siti Mardina terlalu rapat. Kadang-kadang Aku merasakan Siti sebagai kakak, tetapi jauh di lubuk hati "mencintai" janda manis itu. Segala-galanya hancur sama sekali apabila pada suatu hari Aku bertembung Siti Mardina yang sedang melakukan hubungan sulit dengan Iskandar, pemberita yang pura-pura tidak rapat dengan Siti Mardina sewaktu di pejabat itu. Iskandar yang baru berumur 25 tahun itu rupa-rupanya pakar mengecek perempuan.

A.Samad Ismail juga menyedari hakikat nasib hari tua seseorang wartawan yang kebiasaannya tidak mempunyai faedah pencen apabila bersara seperti yang dinikmati oleh para pegawai kerajaan. Pengarang memerhatikan ada juga wartawan yang pada hari tuanya meminta jasa-jasa mereka itu dikenang seperti diberikan bintang penghormatan, misalnya. Hal ini digarap oleh pengarang dalam dua buah cerpennya yang berjudul "Wak Ha! Ha!", dan "Impian Haji Tamimi". Dalam cerpen "Impian Haji Tamimi", selain daripada cuba menunjukkan perbezaan surat khabar zaman dahulu dengan zaman sekarang (dekad 50-an), pengarang juga mengemukakan kisah bekas wartawan, Haji

Tarmimi dan akhbar *Suara Melayu* yang berhenti kerja kerana merajuk pada tahun 1947. Tetapi dalam usia setua itu Haji Tamimi masih mempunyai hasrat hendak bekerja semula memandangkan akhbar-akhbar hari ini sudah tidak senonoh, asyik menyiarkan berita-berita lucah, pakaian moden dan cerita-cerita tentang ratu cantik. Dalam percakapannya dengan sahabatnya Haji Kasban dan Haji Kassim, beliau selalu menimbulkan perasaan kesalnya itu. Dan beberapa kali juga dia menyuarakan hasratnya hendak bekerja semula dengan akhbar yang sangat disayanginya itu sehingga dia tetap mengikuti perkembangan akhbar itu pada setiap waktu. Gambaran keinginan Haji Tamimi ini dilukiskan dengan penuh sinis oleh A.Samad Ismail.

Hasrat Haji Tamimi hendak bekerja itu semakin bertambah apabila beliau didatangi oleh Datuk Izzuddin, salah seorang pengarah akhbar *Suara Melayu*. Datuk Izzuddin mempelawa Haji Tamimi supaya bekerja semula sebagai Pengarang *Suara Melayu*. Tawaran ini sungguh mengejutkan Haji Tamimi, tetapi tidaklah sampai "orang mengantuk disorongkan bantal", kerana ternyata kemudiannya beliau terpaksa menolak tawaran itu. Lebih-lebih lagi setelah mendengar nasihat isterinya dan rakan karibnya Haji Kassim.

Apa yang dialami oleh bekas wartawan Haji Tamimi agak berbeza dengan apa yang dirasai oleh Waha (Wahab), wartawan tua yang tidak pernah naik pangkat. Kebolehan dan keupayaan Waha dipertikai oleh pihak majikan. Malah ada anak muda seperti Alias yang dahulunya bekerja di bawah penyeliaan Waha, kini sudah menjadi pengarang akhbar *Duta Rakyat*, tempat mereka bertugas itu. Waha sebetulnya belum cukup tua sebagai seorang wartawan. Beliau berumur 49 tahun. Tetapi lantaran kekecewaannya itu dia selalu pulang ke rumah dalam keadaan mabuk-mabuk.

Perilakunya itu tidak boleh dipersalahkan kepada orang lain, sama ada kepada pihak pengurusan mahupun wartawan-wartawan muda yang bukan sahaja berkelulusan tinggi malahan cekap bekerja. Waha sendiri cuma berkelulusan rendah, bekerja hanya mampu berdasarkan pengalaman sahaja. Waha akhirnya dapat merasakan bahawa dirinya telah dianggap oleh anak-anak muda di pejabatnya itu sebagai tidak lebih daripada sebuah "Qur'an buruk" sahaja.

Waha memang menyedari hakikat ini. Dia dapat merasakan wartawan-wartawan muda di pejabatnya tidak menghormatinya lagi, sekurang-kurangnya sebagai seorang yang lebih tua di pejabat itu. Dan tembelang serta kewibawaannya benar-benar tercabar apabila Alias berlepas ke Jepun untuk beberapa hari dan ruangan *editorial* terpaksa beliau tulis sendiri. Kemampuannya menulis *editorial* sememangnya terbatas. Lalu untuk menyelesaikan masalah itu beliau terpaksa berbaik-baik dengan wartawan muda supaya dapat menuliskan *editorial* untuknya. Demikianlah kita dapati nasib malang yang dialami oleh seorang wartawan tua yang tidak pernah mahu memperbaiki diri dan hanya berbangga dengan jasa-jasanya pada masa yang lalu yang tidak seberapa itu. Waha kemudiannya ditukarkan ke Pulau Pinang sebagai ketua biro kawasan dengan tambahan elaun yang agak lumayan. Walaupun "Saya" (pencerita) menerima surat Waha yang bukan lagi mencecer tentang perasaan kecewanya berhubung dengan tugas dan gaji, tetapi suratnya kali ini melahirkan rasa kekecewaannya kerana jasanya tidak dikenang orang. Rupa-rupanya dia minta dianugerahkan bintang!

Demikianlah kita dapati sebahagian besar cerpen yang termuat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini dipenuhi oleh kisah-kisah hidup sehari-hari, perjuangan, kerjaya dan suka duka manusia terutama kaum wartawan dan para nasionalis dalam seribu

suasana yang penuh cabaran. Pengarang dengan jelas mendasarkan segala peristiwa yang menguasai cerita kepada pengalaman peribadinya sebagai wartawan, baik pada zaman sebelum kemerdekaan (terutama dekad 50-an), mahupun pada zaman sesudah merdeka (terutama dekad 60-an). Dalam beberapa buah cerpennya A. Samad Ismail mengambil latar belakang lebih jauh daripada itu seperti tahun-tahun 40-an ketika beliau sendiri bertugas sebagai wartawan di Singapura pada zaman penjajahan British. Oleh sebab beliau mendasarkan pengisahan ini kepada pengalaman peribadi selama 40 tahun sebagai wartawan, maka kita dapati pelukisannya cukup hidup meskipun cara dan teknik pengolahannya agak sama. A.Samad Ismail lebih banyak memakai sudut pandangan *serba tahu dan orang pertama pencerita*, iaitu dengan memakai ganti nama *Saya*.

Saya kira pengarang telah berjaya mengemukakan beberapa kisah nyata rempah-ratus kehidupan sebenar semua golongan manusia di negara ini, sama ada daripada kalangan dewasa mahupun yang masih muda. Dan saya kira setiap mereka yang menamakan diri mereka wartawan sepatutnya membaca antologi yang bukan sahaja mengajar tetapi juga menghiburkan ini. Kejayaan besar A. Samad Ismail dalam antologi ini ialah kemampuannya mengolah semula dengan agak baik dan sederhana segala pengalamannya sebagai wartawan dengan dunia kewartawanannya.

Abdullah Tahir
Jabatan Pengajian Media
Universiti Malaya
27 Mei 1994.

PENGHARGAAN PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TERHADAP A. KARIM HAJI ABDULLAH ATAS USAHANYA MENYELENGGARA BUKU *MEMOIR PAK SAKO: PUTERA GUNUNG TAHAN* (1996)

oleh *Editor Penerbit UKM*

Memoir ini asalnya ialah tulisan Allahyarham Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) dalam *Mingguan Malaysia* pada tahun 1976. Universiti Kebangsaan Malaysia merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada sahabat akrab Allahyarham Pak Sako, Sdr. A. Karim Haji Abdullah yang telah bersusah payah menghimpun dan menyusun semula tulisan Allahyarham. Beliau juga telah berusaha mendapatkan izin bagi menerbitkan memoir ini daripada balu Allahyarham, Datin Hajjah Aishah binti Hussein serta Puan Jamilah Ishak (Inda Sako), anak Allahyarham. Gambar-gambar dalam memoir ini juga adalah koleksi peribadi Sdr. A. Karim Haji Abdullah. Kepada beliau, kami sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih. Sumbangan beliau dalam penerbitan memoir ini sudah tentu akan mengangkat memoir menjadi sebuah dokumentasi sejarah yang berguna untuk tatapan kita semua serta generasi akan datang.

KATA PENGANTAR BUKU
ANTARA PEMIKIRAN A. SAMAD ISMAIL (1997)

oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak yang telah bermurah hati menolong dengan jujur dan ikhlas dalam penerbitan buku ini. Terutama sekali saya ingin menyatakan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat saya Tuan Haji Karim Haji Abdullah yang semenjak beberapa lama yang lalu bersusah payah mengesan, mengumpulkan dan kemudian mengatur hingga memungkinkan buku ini diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Juga kepada pihak-pihak lain yang sama-sama menjayakan usaha menerbitkan buku ini juga diucapkan terima kasih atas jasa mereka yang tidak ternilai itu.

Penerbitan buku ini adalah diilhamkan oleh beliau sendiri yang kemudiannya mengumpulkan ceramah-ceramah saya iaitu mana-mana yang dapat dikesannya. Tanpa kegigihannya dan ketekunannya saya yakin buku ini tidak akan terbit.

Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang memberikan galakan dan rangsangan kepada kami agar usaha ini dimulakan dan diselenggarakan hingga sesempurna mungkin.

Usaha ini pada lahirnya memang kelihatan mudah tetapi untuk seorang pengkaji seperti Tuan Haji Karim kerja mencari, mengesan kemudian menyusun serta mengumpulkan naskhah-naskhah ceramah atau rencana saya bukanlah satu kerja yang mudah.

Biasanya saya tidak menyimpan naskhah-naskhah asal ceramah saya ataupun rencana-rencana saya. Saya tidak mengamalkan sistem memfail setiap naskhah asal ceramah atau rencana saya. Cara saya tidak menggunakan komputer melainkan menaip semua ceramah atau rencana saya. Biasanya hanya *copy* asalnya sahaja tanpa salinannya. Dan saya jarang menyimpannya.

Bagaimanapun, saya bersyukur beliau telah dapat mengumpulkan ceramah dan rencana saya dengan susah payah hingga dapat diterbitkan dalam sebuah buku.

Tan Sri A. Samad Ismail

KATA PENDAHULUAN BUKU *MEMOIR PAK SAKO* (1997)

oleh: *Tan Sri A. Samad Ismail*

Memoir ini adalah kumpulan tulisan Allahyarham Ishak Haji Muhammad dalam beberapa penerbitan dalam masa hayatnya mengenai riwayat hidupnya. Saya mengenali Pak Sako sejak tahun 1941 di Singapura waktu dia memimpin *Utusan Melayu* bersama Abdul Rahim Kajai. Pada masa itu saya hanya seorang pemberita memuja Sako sebagai wartawan dan sasterawan yang ulung di tanah air.

Sebagai remaja, model saya bukan wartawan atau sasterawan di Amerika atau di Eropah. Model saya ialah Sako dan Kajai. Malah Sako menjadi wira generasi muda sebelum perang. Beberapa tulisan saya sebelum ini menyatakan sikap saya terhadap Sako. Sako ketika itu merupakan seorang anak muda yang gagah dan tampan. Dia sudahpun menempa nama sebagai wartawan dan sasterawan juga sebagai nasionalis yang mempunyai karismanya sendiri. Dia dan Kajai kenal dengan ayah saya yang juga seorang guru dan penulis veteran. Dia pernah datang ke rumah begitu juga Kajai. Ayah saya ialah seorang bekas anggota Kesatuan Melayu Singapura dan menjadi sahabat beberapa pemimpin Kesatuan Melayu pada masa itu.

Saya mengenali Sako secara dekat melalui tulisan-tulisannya dalam *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* meminati terutama sekali pojoknya "Hantu Raya" dan cerpen-cerpennya dalam *Utusan Zaman*. Keluarga kami adalah penyokong kuat Kesatuan Melayu dan ikut terbabit dalam kempen menjual saham-saham *Utusan Melayu* sebelum penubuhannya sebagai sebuah syarikat.

Penubuhan Syarikat Utusan Melayu pada tahun 1939 itu adalah satu detik penting dalam sejarah orang-orang Melayu Singapura. *Utusan Melayu* menjadi bukti kejayaan jati diri mereka mendirikan sebuah syarikat yang dimodali dan dikendalikan sendiri oleh orang-orang Melayu. Ia merupakan satu pencapaian yang besar bagi orang-orang Melayu Singapura khususnya dan orang-orang Melayu di Semenanjung umumnya. Itulah pertama kali bangsa Melayu mempunyai sebuah syarikat yang menerbitkan sebuah akhbar harian yang dimodali seratus peratus oleh orang-orang Melayu jati di Singapura, Ishak Haji Muhammad memainkan peranan yang penting dalam penubuhan Syarikat Utusan Melayu. Dia bersama-sama berkempen di merata negeri di Semenanjung mencanangkan rancangan Kesatuan Melayu untuk menubuhkan syarikat tersebut. Manakala akhirnya syarikat itu terdiri pada tahun 1939 ia merupakan satu detik sejarah yang gemilang dalam perjuangan bangsa tidak sahaja di bidang ekonomi tetapi khususnya di bidang kewartawanan kerana sebelum itu bidang kewartawanan Melayu boleh dikatakan dikuasai oleh orang-orang Arab dan India Muslim.

Faktor yang mendorong saya menyertai bidang kewartawanan ialah gelombang nasionalisme Melayu pada zaman itu. Tegasnya aspirasi bangsa Melayu untuk menampilkan satu generasi wartawan-wartawan Melayu yang bebas daripada kongkongan golongan elit Arab dan India Muslim. Sako dan Kajai adalah wira yang berjuang di barisan hadapan untuk memperjuangkan aspirasi ini.

Kita melihat ini sebagai satu perkembangan yang agak ganjil dalam konteks perjuangan bangsa Melayu dalam era sekarang. Tetapi pada zaman itu perjuangan Ishak dan Kajai serta teman-teman mereka adalah satu perjuangan yang wajar untuk

membebaskan bangsa Melayu daripada kongkongan golongan bangsawan Arab dan India Muslim.

Penubuhan Syarikat Utusan Melayu pada tahun 1939 itu adalah puncak daripada kejayaan perjuangan Kesatuan Melayu menebus maruah dan kemunduran bangsa Melayu.

Malaya dan Singapura merupakan dua tanah jajahan Inggeris. Pada tahun 1939 dunia sedang diancam oleh peperangan dan bangsa Melayu terpaksa bergantung kepada kekuatan dirinya sendiri untuk maju. Tidak ada MARA, tidak ada Bank Bumiputra dan tidak ada sebuah kerajaan yang dikuasai oleh bangsa Melayu sendiri untuk membantu usaha orang-orang Melayu pada masa itu menubuhkan syarikatnya sendiri. Saham-saham Syarikat Utusan Melayu adalah saham-saham yang dibeli oleh golongan miskin – drebar teksi, budak-budak pejabat, guru-guru sekolah dan sebagainya.

Ishak Haji Muhammad dan Kajai pada masa itu sudahpun mempunyai jawatan yang tinggi dalam syarikat akhbar harian *Warta Malaya* kepunyaan keluarga al-Sagof di Cecil Street. Tetapi kedua-duanya sanggup mengorbankan jawatan tinggi mereka di *Warta Malaya* untuk membantu penubuhan Syarikat *Utusan Melayu* sedangkan gaji mereka di *Utusan Melayu* jauh lebih rendah daripada gaji yang diterima mereka di *Warta Malaya*. Tidak sahaja Kajai dan Ishak berkorban untuk memimpin *Utusan Melayu* tetapi ramai pekerja di *Warta Malaya* ikut bersama mereka berhijrah ke *Utusan Melayu* dengan gaji yang lebih kecil.

Utusan Melayu menghadapi masa depan yang tidak menentu kerana belum pasti Syarikat *Utusan Melayu* akan berjaya. Pada masa itu *Warta Malaya* merupakan syarikat

akhbar harian Melayu yang terbesar di Singapura dan juga di Semenanjung. Tetapi Ishak dan Kajai sanggup menghadapi masa depan yang tidak menentu itu untuk memimpin Syarikat Utusan Melayu.

Kita hanya akan mengerti pengorbanan Kajai dan Ishak serta teman-teman mereka sekiranya kita mengambil kira tahap kebangkitan nasionalisme Melayu pada masa itu di mana golongan wartawan Melayu rata-rata terdiri daripada guru-guru sekolah dan golongan cerdik pandai yang berpendidikan Melayu dan Arab di tengah-tengah satu masyarakat yang miskin dan mundur.

Sayang sekali bahawa Ishak dalam memoirnya ini tidak menceritakan babak perjuangan orang-orang Melayu pada masa itu untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu dan juga peranan beliau, Ibrahim Haji Yaakob dan teman-teman yang lain dalam usaha mereka untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu khususnya peranan *Utusan Melayu* merangsang kongres atau perhimpunan besar pertubuhan-pertubuhan Melayu seluruh tanah air sebanyak tiga kali – kongres ketiga batal disebabkan ancaman perang Pasifik.

Pada masa itu saya masih bersekolah lagi tetapi di rumah saya pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu sering mengadakan rundingan dengan orang tua saya mengenai rancangan untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu. Antara pemimpin Kesatuan Melayu pada masa itu ialah Haji Ambuk Soloh dan Haji Abdul Ghani, Allahyarham Pak Manan Mohamad Ali dan lain-lain. Haji Ambuk Soloh dan Haji Abdul Ghani, Allahyarham Pak Manan Mohamad Ali dan lain-lain. Haji Ambuk Soloh dan Haji Abdul Ghani adalah bekas murid-murid ayah saya. Pak Manan merupakan sahabat

baik ayah saya. Pak Manan yang kemudiannya kuat memujuk ayah saya agar membenarkan saya bekerja di *Utusan Melayu*.

Sebanyak sedikit saya mengikuti rundingan-rundingan awal untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu. Allahyarham Daud Mohamd hah JP juga besar sumbangannya sebagai satu-satunya hartawan pada masa itu yang ikut menyediakan modal untuk mendirikan Syarikat Utusan Melayu.

Memoir Ishak Haji Muhammad ini sebenarnya tidak banyak menceritakan hal-hal yang penting dalam kerjaya pada masa lalu. Ishak menetap di Singapura bertahun-tahun lamanya sejak berpindah dari Semenanjung ke Singapura bekerja di *Warta Malaya*. Ishak melalui satu zaman yang penuh liku dan yang mendebarkan serta penuh erti di Singapura sebelum perang dahulu. Tidak banyak yang Ishak ceritakan tentang perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Singapura sedangkan ingatan saya masih segar betapa Ishak menjadi seorang pemimpin muda Kesatuan Melayu yang aktif pada masa itu.

Mengapa Sako keluar dari *Utusan Melayu* setelah hanya beberapa bulan memimpin akhbar itu sebelum Abdul Rahim Kajai? Mengapakah dia tiba-tiba dan senyap-senyap meninggalkan *Utusan Melayu*? Apakah perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Muda setelah menghilang dari *Utusan Melayu*. Ishak menjadi pengarang *Warta Malaya* berikutan pembelian *Warta Malaya* oleh Ibrahim Yaakob dari Syed Hussein al-Sagoff, tuan punya syarikat tersebut.

Peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* daripada Syed Hussein al-Sagoff menggemparkan dunia kewartawanan Melayu pada masa itu. Kami tertanya-

tanya dari manakah Ibrahim Yaakob mendapat wang untuk membeli Syarikat Warta Malaya? Pada masa itu khabar-khabar angin mengatakan Ibrahim membeli *Warta Malaya* dengan wang Jepun sebanyak 30 ribu ringgit. Kami tertanya-tanya bagaimanakah Ibrahim dapat memujuk Jepun untuk memberikan modal kepadanya membeli *Warta Malaya*?

Pada masa itu bahaya peperangan dengan Jepun mulai dirasakan oleh kami. Jepun pada masa itu mempunyai sebuah suratkhabar harian Inggeris di Singapura bernama *Singapore Herald* dan kebetulan suratkhabar kepunyaan Jepun itu terbit agak serentak dengan waktu Ibrahim membeli *Warta Malaya*. Pada masa itu Kesatuan Melayu Muda sudahpun terdiri di Kuala Lumpur dan *Utusan Melayu* berpolemik agak panjang dengan *Majlis* yang ketika itu dipimpin oleh M. Sallehuddin. *Majlis* menyokong penubuhan Kesatuan Melayu Muda sedangkan Kajai tidak senang dengan penubuhan KMM.

Memoir Sako tidak menceritakan hal-hal ini yang pada saya amat penting dalam sejarah persuratkhabaran Melayu sebelum perang. Pada masa itu Sako sudahpun berada di puncak popularitinya sebagai seorang wartawan dan seorang sasterawan. Novelnya *Anak Mat Lela Gila* merupakan satu perkembangan baru dalam sastera Melayu pada masa itu. *Anak Mat Lela Gila* menggemparkan kerana ternyata novel itu merupakan satu pembaharuan dalam penulisan novel.

Saya adalah antara seorang yang rapat dengan Sako sebelum perang dahulu dan dalam masa pendudukan Jepun tetapi dia tidak pernah menceritakan kepada saya tentang peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* ataupun tentang latar belakang beliau

keluar dari *Utusan Melayu*. Kajai sendiri tidak menceritakan mengapa Sako berhenti dari *Utusan Melayu* secara mendadak. Demikian juga Yusuf Ishak atau Zainal Abidin Alias (Zabha). Saya begitu rapat dengan Kajai dan juga begitu rapat dengan Yusuf Ishak. Saya dengan Yusuf Ishak seperti adik beradik. Hubungan kami seperti kuku dengan isi.

Yusuf tidak silu-silu meluahkan isi hatinya kepada saya. Akan tetapi Yusuf tidak pernah menceritakan kepada saya mengapa Ishak meninggalkan *Utusan Melayu*.

Semasa saya bekerja di *Utusan Melayu* pada tahun 1941 itu nama Ishak jarang disebut lagi dalam Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*. Seolah-olah secara tidak rasmi nama Sako menjadi pantang larang di Utusan. Kalau nama Sako disebut sekali pun maka ia disebut secara bisik-bisik. Tetapi saya mendapat tahu dari risik-risik dan bisik-bisik itu dalam Jabatan Pengarang Utusan pada masa itu dan juga daripada pekerja-pekerja *Utusan Melayu* bahawa Sako sebenarnya disingkirkan secara halus dan digeser dari jawatannya. Tetapi cerita sebenarnya tidak ada siapa yang tahu melainkan Sako sendiri.

Sepanjang perhubungan saya dengan Sako dari dahulu hinggalah hari dia meninggal, saya tidak pernah bertanya dia tentang peristiwa itu.

Apabila Jepun mula-mula menduduki Singapura, setelah beberapa minggu, Yusuf Ishak tiba-tiba ditahan oleh Jepun. Saya lupa berapa lama dia ditahan tetapi khabarnya dia ditahan oleh orang-orang Kesatuan Melayu Muda bukan oleh Jepun tetapi oleh orang-orang FUJIWARA dari KMM. Pada waktu itu Ramli Haji Tahir dan Zabha serta saya mengendalikan *Utusan Melayu* di Queen Street. *Utusan Melayu* belum dibubarkan lagi oleh Jepun. *Utusan Melayu* masih diperlukan dalam bentuk huruf Jawi lagi. Risik-risik yang saya dengar pada masa itu ialah Yusuf ditahan kononnya untuk keselamatan dirinya

sendiri. Pengikut-pengikut Ibrahim Yaakob dari barisan FUJIWARA bimbang Jepun akan menangkap Yusuf Ishak kerana *Utusan Melayu* dalam masa perang bersikap anti-Jepun dan melancarkan tabung untuk Askar Melayu DiRaja. Dasar *Utusan Melayu* dalam masa peperangan Pasifik itu memang menyokong kuasa Berikat. Tetapi saya kuat percaya bahawa Yusuf Ishak ditahan kerana *Utusan Melayu* mengambil sikap menentang penubuhan Kesatuan Melayu Muda. Kajai dalam masa krisis Yusuf Ishak itu tidak berada di Singapura.

Ketika perang Jepun sedang hangat, Kajai membawa keluarganya pulang ke Kuala Lumpur. Barangkali kalau Kajai berada di Singapura, dia juga akan turut ditahan bersama Yusuf Ishak.

Dalam memoirnya Sako menceritakan bagaimana teman-temannya dibebaskan oleh Inggeris dari penjara Outram. Mereka berjalan kaki ke pejabat *Warta Malaya* di Cecil Street. Setakat itu sahaja cerita Sako. Pada masa itu saya belum menemui Sako lagi. Saya masih bekerja di *Utusan Melayu* di Queen Street. Yusuf ditahan hanya selama kira-kira seminggu dua sahaja. Kemudian dia dibebaskan dan balik ke *Utusan Melayu*. Setelah itu Jepun menggabungkan *Utusan Melayu* dengan *Warta Malaya* dan mendirikan *Berita Malai* berpusat di bekas bangunan *Straits Times* Singapura di Cecil Street. Yusuf Ishak dilantik oleh Jepun sebagai *Pengurus* di *Berita Malai*. Allahyarham Daud Mohamad Shah dilantik sebagai Pengarah Urusan *Berita Malai*. Kajai dipanggil dari Kuala Lumpur untuk menjadi Ketua Pengarang Berita Malai dengan Ishak Haji Muhammad sebagai pembantunya. Saya pula menjadi pembantu Ishak. *Berita Malai* diterbitkan dalam huruf Rumi diletakkan di bawah kuasa sebuah jabatan Jepun bernama *Sendenhan*. Dua pegawai Jepun iaitu pegawai *civil* menjadi ketua kami. Pada masa awal

itu boleh dikatakan seluruh wartawan Melayu Singapura dikerah oleh Jepun untuk bekerja dengan *Berita Malai*. Pengarang-pengarang lama seperti Osman Kalam, Ibrahim Mahmud, M. Sallehuddin, Encik Hashim bekas pengarang *Warta Malaya* yang seangkatan dengan Kajai mereka ini dikerah oleh Jepun untuk bekerja dengan *Berita Malai*. Kemudian Osman Kalam berpindah ke Radio Syonan, Ibrahim Mahmud pulang ke Pulau Pinang dan Encik Hashim kerana telah tua lalu bersara tak lama kemudiannya. Tetapi Kajai tinggal tetap sebagai ketua pengarang.

Saya perhatikan perhubungan Yusuf Ishak dengan Sako agak kekok dan tidak begitu mesra sedangkan hubungan Ishak dengan Rahim Kajai agak mesra. Ishak menghormati Kajai sebagai seorang tua dan sebagai seorang wartawan yang menjadi gurunya. Saya pula rapat dengan kedua-dua Yusuf Ishak dan Sako. Mengapa demikian hubungan mereka saya tidak tahu dan saya pula tidak bertanya kepada Yusuf atau kepada Ishak mengapa mereka tidak begitu mesra. Adakah kerana hubungan mereka telah retak dari sejak Ishak bekerja di *Utusan Melayu* dahulu?

Yusuf sebagai pengurus *Utusan Melayu* sebelum perang dahulu kuat berpegang kepada disiplin sedangkan Sako bekerja mengikut gerak hatinya sendiri. Satu sebab mereka bergeser pada masa itu mungkin kerana pertentangan peribadi. Sako seorang yang *relax*, Yusuf seorang yang keras. Saya tidak tahu adakah hubungan mereka itu menjadi retak kerana Yusuf menyangka Sako bertanggungjawab maka dia ditahan oleh KMM untuk beberapa waktu setelah Jepun menakluki Singapura. Yusuf juga tidak mesra dengan Ibrahim Yaakob malah tidak ghairah dengan KMM dan anak-anak buah Ibrahim di *Berita Malai*.

Sako tidak menceritakan latar belakang penubuhan *Berita Malai* dalam memoirnya sedangkan saya tahu penubuhan *Berita Malai* itu selain hasil dari inisiatif Jepun juga merupakan satu inisiatif Ibrahim Yaakob. Dalam masa peringkat awal pendudukan Jepun, Sako masih aktif sebagai seorang pemimpin KMM. Dia masih mempercayai bahawa Jepun akan berusaha memberikan kemerdekaan kepada orang-orang Melayu. Sako memperjuangkan agar di Tanah Melayu dan di Singapura, Jepun akan menubuhkan Dewan-dewan Rakyat seperti di Jawa di mana wakil-wakil orang Melayu, orang Cina dan orang India dapat ikut serta dalam mencorakkan pentadbiran Tanah Melayu dan Singapura. Dia hampa sekali apabila Jepun tidak menjalankan dasar pro-Melayu melainkan hanya melantik pemimpin-pemimpin dari kalangan orang-orang yang tidak berpengaruh untuk menjadi ketua kaum masing-masing. Dia juga hampa sekali apabila Jepun membubarkan KMM. Sako mulai tawar hati dengan Jepun. Mulailah dia mengabaikan tugas-tugasnya sebagai pengarang. Dia berselisih faham dengan Ibrahim Yaakob lalu merajuk dan memimpin satu rombongan petani-petani Singapura untuk membuka tanah ladang di Pulau Bintan membawa isterinya ke sana lalu jatuh sakit dan merana. Kami terpaksa menghantar rombongan untuk membawa dia pulang ke Singapura dalam keadaan sakit dengan badannya berkudis dan menghidap penyakit malaria. Sako tidak menceritakan hal ini dalam memoirnya.

Sebelum Jepun menyerah, Sako pulang ke Temerloh. Khabarnya dia berusaha untuk lari ke dalam hutan dan berjuang sebagai gerila. Kononnya dia cuba menghubungi orang-orang Melayu yang ketika itu khabarnya telah memasuki hutan di Pahang. Dia tidak ditangkap oleh Inggeris sekembalinya Inggeris ke Tanah Melayu sebagaimana saya. Saya ditahan oleh Inggeris sebaik Inggeris menawan semula Singapura. Sako tidak

menceritakan pengalamannya di *Berita Malai* juga tentang pengalamannya di *Warta Malaya* dan di *Utusan Melayu* apalagi pengalamannya di Pulau Bintan sedangkan babak-babak hidupnya itu menarik.

Adakah dia merajuk dengan Ibrahim Yaakob maka dia membawa diri ke Pulau Bintan? Bagaimana pula perhubungannya dengan Ibrahim sepanjang masa tiga tahun setengah pendudukan Jepun itu?

Saya tahu Sako merajuk dengan Ibrahim. Sepanjang masa Sako di Pulau Bintan, Ibrahim tidak berusaha memanggil Sako dari pulau itu untuk pulang ke Singapura. Teman-teman seperti Melan Abdullah dan saya serta Taha Kalu yang lebih mengambil berat tentang nasib Sako di Pulau Bintan pada masa itu.

Sako sebagai seorang manusia tidak pandai mengata orang. Dia tidak pandai membebel hal orang. Akan tetapi dia memang kuat merajuk, mudah tersinggung dan sangat sensitif.

Dalam memoirnya ini dia banyak menceritakan hal kampungnya, tentang kaum keluarganya, tentang kehidupan orang-orang kampung yang dikenalinya dan tentang kerjayanya sebagai seorang pegawai pentadbir di bawah Inggeris. Apa yang menarik sekali daripada kisahnya ialah ingatannya begitu kuat sekali tentang pengalamannya pada masa lalu terutama sekali tentang kampung halamannya. Nilai-nilai ini semakin jelas manakala Sako menjangkau umur yang lanjut. Falsafah hidupnya jelas daripada tulisan-tulisannya di *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* serta di *Utusan Malaysia*. Tulisan-tulisannya "Di Simpang-Simpang Jalan" dengan memakai nama pena 'Pak Pandir Moden' dan ruangan "Ini, Itu dan lain-lain" dengan memakai nama penanya 'Hantu

Raya' membayangkan Sako sebenarnya adalah seorang tradisionalis. Dia menolak modenisme kerana modenisme menghakis nilai-nilai hidup tradisional orang-orang Melayu. Dia lebih gemar berpantun, bersyair, berseloka dan bergurindam daripada bersajak kerana pada Sako pantun adalah satu warisan yang paling dekat kepada jiwa orang-orang kampung. Orang-orang Melayu sekarang tidak makan pucuk ubi, tidak makan ikan-ikan sungai, anak-anak muda sekarang tidak pernah melihat kijang dan pelanduk melainkan di kebun binatang, Sako selalu merungut.

Saya pernah bersama Sako dalam satu majlis meraikan kami berdua dianjurkan oleh teman-teman wartawan di sebuah restoran Melayu di ibu kota. Sako datang dipapah oleh teman-teman turun dari teksi. Dia kelihatan uzur. Saya diminta memberi ucapan. Setelah saya berucap tiba pula giliran Sako memberikan ucapan. Sako tidak memberikan ucapan. Dia berpantun dan bergurindam kemudian dia mengadakan satu peraduan pantun. Dia membacakan dua rangkap kemudian dia minta hadirin melengkapkan dua rangkap lagi. "Siapa yang menang," katanya. "Aku beri duit." Tetapi wang itu sebenarnya adalah koleksi dari teman-teman dalam majlis itu. Teman-teman menjual singlet dan t-shirt yang dicap dengan slogan "We Love Pak Sako" untuk dilelong dalam majlis itu. Saya membeli sehelai T-shirt itu membayar kira-kira RM80 kepada Sako. Tetapi Sako menggunakan wang itu sebagai hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan pantunnya. Anak-anak muda begitu ghairah sekali menyambut peraduan itu. Sako pun memberikan hadiah. Siapa yang menang diberikan sepuluh, dua puluh dan tiga puluh ringgit. Saya agak resah lalu saya membantah kepada teman-teman agar jangan menerima wang itu. Wang itu ialah untuk derma kepada Sako, kata saya.

Sako ialah seorang yang disayangi oleh anak-anak muda. Sebagai seorang pejuang politik dia sebenarnya seorang yang kontroversial. Selamanya beliau berjuang di barisan yang anti-establishment. Dia menentang penjajahan Inggeris, dia memimpin parti-parti kiri. Tulisan-tulisannya tajam menentang Inggeris dan menentang segala bentuk penindasan. Tetapi Sako tidak dibenci oleh lawan-lawannya. Allahyarham Tun Razak memberitahu Allahyarham Keris Mas pada suatu waktu bahawa dia (Tun Razak) sedia memberikan sebarang pekerjaan yang diingini oleh Sako kalau hanya Sako sedia menulis sepucuk surat walaupun di atas kertas buku catatan kepada Tun. Tetapi Sako ialah seorang yang sangat menjaga harga dirinya. Dia peramah dan tidak suka bertengkar dengan orang. Sekiranya dia tidak bersetuju dengan pendapat anda dia diam sahaja tidak mahu membantah. Kalau dia tidak suka pada anda dia menjauhkan diri. Dia tidak suka merintih atau mengadu atau menceritakan hal orang. Dia merasa agak kesal kerana adakalanya rencana-rencananya yang ditulisnya untuk *Utusan Malaysia* dipotong-potong oleh pengarang. Barangkali kerana terlalu panjang atau kerana pendapatnya tidak selari dengan dasar *Utusan Malaysia* tetapi dia tidak pernah merungut melainkan hanya memendam rasa sahaja.

Persepsinya terhadap pembangunan negara agak terkebelakang. Dia tidak begitu senang melihat pembangunan negara menghakis nilai-nilai hidup kampung dan tradisi bangsa.

Meneliti memoir Sako terutama sekali kenangan-kenangannya tentang pegawai-pegawai Inggeris yang pernah bekerja bersamanya kita dapati bahawa dia tidak mempunyai prasangka atau prejudis terhadap mereka sebagai individu dan sebagai manusia. Ternyata bahawa Sako bukanlah seorang yang membenci orang-orang Inggeris

sebagai manusia. Kebenciannya ialah terhadap sistem kolonialisme Inggeris bukan kepada individu-individu. Setengah-setengahnya yang dikenalinya memuji Sako. Apakah kefahamannya yang mendorongnya memasuki gerakan kebangsaan mulanya menjadi pemimpin Kesatuan Melayu Singapura kemudian menganggotai Kesatuan Melayu Muda bersama Ibrahim Yaakob? Selepas perang dia ikut menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu kemudian menjadi pemimpin Parti Buruh dan menjadi pemimpin Barisan Sosialis. Dia bertanding sebagai calon Parti Buruh dan Barisan Sosialis. Tetapi apakah dia sebenarnya seorang sosialis yang komited kepada ideologi sosialis?

Saya pernah berkata bahawa Sako sukar menjadi seorang politik kerana wataknya tidak sesuai sebagai seorang *politician* yang komited terutama sekali peribadinya yang tidak dapat menerima disiplin yang keras yang diperlukan oleh sebuah parti politik terutama parti politik kiri. Jiwanya lembut yang menyukarkan dia sebagai seorang pemimpin politik membuat satu-satu keputusan yang tegas dan keras. Dia tidak pandai ber*intrigue*, dia tidak pandai memperalatkan orang. Dia bukan seorang yang pandai menjadi dalang atau *manipulator*. Dia terlalu lurus, jujur dan pengasihan.

Dia banyak menceritakan pengalamannya dalam tahanan. Dia ditahan sebelum meletus Perang Dunia Kedua. Dia ditahan sekali lagi oleh Inggeris sebagai *subversive* di bawah Undang-undang Darurat pada tahun 1948. Setelah itu dia ditahan lagi kononnya terlibat dalam konfrontasi Malaysia dengan Indonesia tetapi tidak lama. Memoirnya banyak menceritakan kehidupannya sebagai seorang tahanan darurat. Tidak banyak cerita tentang sejarah awal KMM bagaimana ia ditubuhkan, apakah sebenarnya tujuan perjuangan KMM ketika ditubuhkan dahulu, mengapa Sako bekerja di *Warta Malaya*

bersama Ibrahim Yaakob setelah akhbar itu dibeli dari Syed Hussain al-Sagof? Adakah sebagai persiapan menghadapi perang Jepun-British di Malaya?

Adakah benar modal itu diberi oleh Jepun? Ketika Jepun hampir menyerah diri pada tahun 1945 saya menjadi wakil KRIS cabang Singapura untuk menghadiri kongresnya di Kuala Lumpur. Kongres itu tidak dapat diteruskan kerana Jepun telah menyerah diri, Sako yang ketika itu sudah pulang ke Pahang datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kongres itu. Saya menemuinya di Kuala Lumpur bersama Dato' Onn bin Jaafar dan Dr. Burhanuddin. Akan tetapi cerita kongres itu hingga hari ini masih samar-samar sedangkan menurut rencana asal Ibrahim Yaakob, kongres itu dikatakan akan memproklamir kemerdekaan daripada Inggeris. Sebelum kongres itu berlangsung Ibrahim Yaakob pulang ke Singapura dan dari Singapura Ibrahim dibawa oleh Jepun ke Indonesia bersama isterinya serta Onan Haji Siraj dan Hassan Manan. Ini adalah satu peristiwa penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu pada hemat saya.

Cerita peristiwa itu masih kabur hingga hari ini, Sako tidak menceritakan tentang peristiwa itu. Beberapa orang tahu tentang persiapan KRIS untuk kongres itu antaranya Allahyarham Dr. Burhanuddin al-Helmi dan tentunya Ibrahim Yaakob sendiri. Apakah peranan Sako dalam perancangan kongres itu? Setahu saya Sako tidak lagi mengadakan perhubungan dengan Ibrahim apabila dia pulang ke Temerloh dari Singapura. Tetapi Sako datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kongres itu tentunya atas undangan Ibrahim Yaakob sendiri. Sako telah merajuk namun jelas dia masih setia kepada Ibrahim sebagai pemimpin. Cerita yang saya dengar ialah sekumpulan pemimpin pemimpin KRIS sekalipun kongres itu tidak berlangsung telah mengadakan satu rapat di Kampung Baru untuk memproklamir kemerdekaan Malaya. Antara mereka yang hadir dalam rapat

itu ialah Allahyarham Dr. Burhanuddin al-Helmi. Seorang sarjana bangsa Norway memberitahu saya beberapa tahun lalu bahawa dia pernah membaca sebuah berita yang disiarkan oleh sebuah akhbar harian Inggeris Kuala Lumpur yang bersumber dari Domei News Agency melaporkan bahawa sekumpulan pemimpin Melayu telah memproklamir kemerdekaan Malaya menjelang penyerahan Jepun kepada tentera British.

Sako tidak menceritakan latar peranannya memimpin Parti Kebangsaan Melayu ataupun peranannya dalam Parti Buruh dan Sosialist Front. Mengapa dia ditahan oleh permerintah dalam masa konfrontasi di Indonesia? Adakah benar dia terbabit dalam konspirasi itu? Dia tidak cuba menyangkal Kertas Putih yang diterbitkan oleh kerajaan mengenai peristiwa itu.

Para pengkaji sejarah ingin mengetahui perubahan parti-parti kiri Melayu yang pada mulanya berjuang untuk menggabungkan Malaya dalam Indonesia Raya tetapi setelah itu melepaskan konsep perjuangan itu untuk memperjuangkan hanya kemerdekaan Malaya dan Singapura seperti yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Rakyat. Ada pihak mendakwa bahawa Parti Kebangsaan Melayu adalah lanjutan daripada Kesatuan Melayu Muda. Ibrahim Yaakob berbangga bahawa perjuangan Kesatuan Melayu Muda telah dilanjutkan oleh PKMM, dan API serta AWAS. Memang benar bahawa kebanyakan pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Angkatan Pemuda Insaf adalah terdiri daripada bekas pemimpin KMM sebelum perang tetapi sebenarnya kami pada masa itu tidak lagi menganggap bahawa kami memperjuangkan cita-cita KMM. Selepas Perang Dunia Kedua perjuangan kami khusus untuk kemerdekaan Malaya dan Singapura.

Pergolakan masyarakat Malaya dan Singapura pada masa itu lahir dari semangat antikolonialisme. Memang kami masih berpegang kepada cita-cita Malayu Raya atau Indonesia Raya tetapi tekanan kami waktu itu ialah memperjuangkan kemerdekaan Malaya dan Singapura. Sako tidak menyentuh aspek ini dari perjuangan golongan kiri Melayu sedangkan beliau merupakan seorang tokoh penting yang pada mulanya mendasarkan perjuangan menggabungkan Malaya dan Singapura dalam Indonesia Raya.

Memoirnya tidak menceritakan perhubungan Sako dengan Dato' Onn, dengan Dr. Burhanuddin dan dengan pemimpin-pemimpin lain. Ia juga tidak menceritakan tentang hubungannya dengan Kajai dan dengan teman-teman wartawan lain, dengan Syed Hussein al-Sagof, dengan Haji Dahlan Mas'ud, dengan Ibrahim Mahmud sedangkan semuanya ini pernah bekerja bersama-samanya di Singapura. Pergaulannya luas walaupun dia seorang yang dianggap agak luar biasa tentang perangainya dan peribadinya. Pergaulannya tidak terbatas hanya pada teman-teman yang sefahaman dengannya. Sepatutnya sebagai seorang pemimpin radikal dan seorang tokoh yang dikatakan kontroversial dia tentunya mempunyai musuh. Tetapi saya tidak pernah mendengar orang mengata Sako. Paling-paling orang mengatakan dia seorang *eccentric*. Barangkali ini kerana wataknya yang peramah dan tidak sombong. Dia tidak sepetah Boestamam membangkitkan semangat dalam pidato-pidatonya. Pidato-pidatonya tidak menyentuh sahsiah lawan-lawan politiknya. Dalam perbualan dengan teman-teman dia tidak pernah mengata peribadi mereka atau mencaci batang tubuh mereka.

Sebelum perang dahulu walaupun sebagaimana Kajai dia menulis rencana-rencana yang anti Arab dan India Muslim ataupun menulis cerpen-cerpen yang anti orang-orang asing iaitu Cina dan India tetapi pergaulannya dengan mereka itu agak luas.

Dia mempunyai ramai teman di kalangan orang-orang Arab dan orang-orang India Muslim di Singapura demikian juga dengan orang-orang Cina dan orang-orang India.

Identiti Sako sebagai seorang politik agak kurang menonjol daripada imejnya sebagai seorang wartawan. Sako lebih dikenali sebagai seorang penulis atau sebagai seorang sasterawan lebih daripada seorang tokoh politik. Dia lebih dikenali dengan nama jolokannya "Hantu Raya" bukan sebagai presiden Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau sebagai ketua Parti Buruh atau sebagai pemimpin Socialist Front.

Saya jarang sekali membaca tulisan orang lain yang memetik pendapat atau fikiran Sako sebagai seorang pemimpin politik. Sako lebih dikenali sebagai pengarang novel *Putera Gunung Tahan* atau pengarang *Anak Mat Lela Gila*, daripada sebagai pemimpin PKMM.

Hingga ke saat-saat akhir hayatnya Sako masih mampu menarik anak-anak muda dan kaum remaja. Memang dia lebih senang bergaul dengan orang-orang muda dari sejak dahulu lagi. Kesederhanaannya dan sifatnya yang cepat mesra dengan orang lain ialah satu daripada wataknya yang menarik orang lain cepat bermesra dengannya. Cara hidupnya sederhana dari sejak saya mengenalinya di Singapura dahulu. Dia tidak pernah mempunyai kereta malah tidak tahu pun memandu kereta. Ada juga orang bertanya saya siapakah guru Ishak Haji Muhammad dalam politik? Adakah gurunya Ibrahim Yaakob? Saya tidak dapat menjawab soalan itu. Setahu saya Sako bukanlah seorang yang mendalami teori politik atau falsafah seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi. Tetapi Sako kuat membaca dan pembacaannya luas, fikirannya terbuka dan tidak terkongkong oleh satu-satu aliran fahaman, ideologi ataupun falsafah. Jiwa kemelayuannya kuat dan

idealismenya bertunjang pada tradisi dan nilai hidup kampung. Dia sering juga mengejek saya bahawa saya sebenarnya belum mengenali masyarakat Melayu kerana saya kelahiran kota Singapura. Saya tidak mengenali dari dekat kehidupan rakyat yang mati-matian nasibnya cuba saya perjuangkan.

Kejawaan saya masih kuat, kata Sako. Saya lebih meminati dan memuja pemimpin-pemimpin seperti Sukarno, Tan Malaka, Sutan Shahrir serta pujangga-pujanggan baru Indonesia daripada mendalami *Syair Siti Zubaidah*.

Di *Berita Malai* dahulu dalam masa Jepun, Jabatan Pengarang merupakan bilik darjah ajaran politik. Antara beberapa teman di *Berita Malai* waktu itu terdapat sekelompok wartawan yang sebaya dengan saya. Mereka mempunyai keinginan yang kuat untuk tidak sahaja belajar ilmu kewartawanan tetapi juga ilmu politik. Sambil bekerja kami selalu berbincang soal-soal politik tanah air dan perkembangan serantau terutama sekali mengenai masa depan bangsa Melayu dan rumpun Melayu.

Dalam masa Jepun satu ciri yang agak luar biasa ialah kesempatan untuk mendapatkan buku-buku sejarah perjuangan bangsa-bangsa di benua Asia. Buku-buku Indonesia yang tadinya diharamkan oleh Belanda muncul dalam masa pendudukan Jepun. Kami berbincang mengenai pemberontakan orang-orang Aceh menentang Belanda, belajar agak mendalam tentang perjuangan Imam Bonjol dan Deponegoro, belajar tentang perjuangan rakyat Filipina menentang penjajah Sepanyol dan Amerika, mengkaji sastera dan warisan budaya bangsa Asia termasuk juga mengenali pahlawan bangsa Filipina iaitu Jose Rizal.

Sudah tentu ketua diskusi *group* ini yang tidak tersusun atau tidak teratur bentuknya ialah Sako sendiri dan Ibrahim. Dalam masa pendudukan Jepun itu kami disogok tiap hari dengan propaganda Jepun tetapi sebenarnya pemikiran kami berkembang kerana minda kami terbuka kepada sejarah manusia Asia yang sebelumnya tidak kami ketahui. Peperangan Jepun terhadap penjajahan Inggeris dan Belanda mencetuskan satu keinginan besar kepada kami untuk mengetahui akar kami dan warisan peradaban kami sebenarnya serta sejarah perjuangan bangsa-bangsa Asia yang tadinya tertindas oleh penjajah. Sebelum itu kami tidak tahu tentang kemenangan Jepun terhadap Rusia pada awal kurun ke-20. Kami tidak tahu tentang Perang Candu di negeri China yang akhirnya mengakibatkan Inggeris menakluki Hong Kong dan membuka negara China kepada Imperialisme Barat. Kami belajar lebih mendalam tentang Imperialisme Barat, sejarahnya dan perjuangan bangsa-bangsa di Asia, tentang revolusi Perancis dan Rusia untuk melepaskan diri mereka daripada belenggu Barat dan kaum feudal.

Ada pelakon-pelakon lain yang ikut menekankan pengaruh kepada perkembangan nasionalisme dalam masa Jepun. Pelakon itu ialah pemimpin-pemimpin nasionalis India seperti Subhas Chandra Bose dan Rash Bihari Bose. Chandra Bose mendirikan Tentera Kebangsaan India (INA) untuk memerangi British di India bersama Rash Bihari Bose. Sebagai wartawan, saya menginterbiu kedua-dua tokoh besar itu ketika mereka di Singapura.

Dengan kata lain, itulah pertama kali kami pelajari watak penjajahan Barat yang sebenarnya. Propaganda Jepun berusaha menggambarkan Jepun sebagai pembela bangsa-bangsa Asia dan dalam proses menonjolkan dirinya sebagai penyelamat bangsa-bangsa Asia, Jepun sengaja menggali dan membongkar sejarah penjajahan Barat hingga

mencetuskan keinginan kami untuk mendalami lagi ilmu politik dan mengajar kami melihat Inggeris dari kaca mata yang baru.

Sako adalah seorang yang rendah diri yang tidak membanggakan pencapaiannya dalam bidangnya. Dia tidak pernah menulis tentang dirinya. Umpamanya bagaimana dia berkarya menghasilkan novel *Anak Mat Lela Gila* ataupun *Putera Gunung Tahan* ataupun mengajar saya agar mencontohi gaya bahasanya ataupun bagaimana dia menulis pojok 'Hantu Raya'nya yang menonjolkan namanya sebelum perang dahulu. Sako tidak pandai menjadi seorang guru. Kita yang ingin menjadi muridnya terpaksa belajar sendiri. Ishak mempunyai ramai pengikut tetapi tidak punya murid. Saya rasa hati kecilnya kecewa bahawa perjuangannya tidak mencapai hasil yang dicita-citanya. Dia ingin mengubah pemikiran orang-orang Melayu supaya berdikari untuk memajukan bangsa dan tanah air.

Dalam masa pendudukan Jepun itu Sako tidak sahaja menulis tetapi juga berusaha secara praktik untuk menanam nilai-nilai baru di kalangan masyarakat kota Singapura. Saya memberikan satu contoh. Sako cuba menanam semangat bergotong-royong di kalangan anak-anak muda Melayu di Singapura untuk tiap minggu membersihkan masjid-masjid dan tanah perkuburan di Singapura secara bergotong-royong, berusaha memujuk gadis-gadis Melayu Singapura agar memakai seluar panjang untuk lebih mudah bergerak sebagai buruh atau kerani. Kempennya gagal. Dia menyeru pemuda-pemuda Melayu supaya jangan memilih kerja, jangan hanya mahu bekerja sebagai kerani tetapi harus berani menghayun cangkul untuk bercucuk tanam.

Dia mempunyai impian besar tetapi impiannya itu tidak terancang dan tidak disusul serta diisi dengan satu wawasan tindakan yang konkrit dan realistik. Berlainan dengan Ibrahim Yaakob yang mempunyai impiannya sendiri dan berusaha melalui tindakan-tindakannya untuk mengisi wawasannya. Sako terlalu bergantung kepada tulisan-tulisannya untuk membangkitkan perasaan dan kesedaran pembaca-pembacanya. Dalam keadaan peperangan pada masa itu tentunya usaha ini berupa satu usaha yang sukar. Sejauh mana Jepun dapat membenarkan kami pada waktu itu memupuk dan membangkitkan nasionalisme Melayu tanpa menjejaskan kepentingan peperangan Jepun? Dalam proses alat-memperalat tentera Jepun lebih beruntung kerana mereka mempunyai kekuatan tenteranya sendiri. Ibrahim mendidik kader-kadernya sendiri untuk memperjuangkan wawasannya. Ibrahim mempunyai "*Giyu Gun*".

Saya kira walaupun Ishak menjadi presiden Parti Buruh, Parti Kesatuan Melayu Malaya dan Socialist Front, dia tidak mempunyai ambisi yang lebih besar selain daripada memimpin parti politiknya. Dia pernah bertanding dalam pilihan raya dua kali tetapi kalah. Setakat itu sahaja agaknya ambisi Ishak sebagai seorang *politician*.

Ishak berhasrat menjadi seorang wakil rakyat di barisan pembangkang. Saya rasa tidak pernah terlintas di hatinya untuk menjadi seorang Perdana Menteri. Seorang pemimpin pembangkang sebenarnya melalui jalan hidup yang agak sukar. Ishak hanya disanjung oleh pengikut-pengikutnya sendiri dan jalan hidupnya terletak di luar arus perdana. Tetapi watak Ishak begitu rupa sehingga dia dapat diterima oleh semua golongan dan tidak merasa tersisih dari masyarakatnya. Pemuda yang tidak pernah membaca *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* yang tidak kenal zaman sebelum perang dahulu masih tetap menganggapnya sebagai wartawan dan sasterawan

yang unggul. Perjuangan politiknya tidak pernah mencetuskan konflik yang tajam dengan golongan-golongan lain dan politiknya tidak mempengaruhi nilai-nilainya sebagai seorang manusia yang rendah diri yang mudah mesra dan sifat kemelayuannya.

Memoir Pak Sako ini barangkali agak dibatasi oleh hakikat bahawa dia menulis untuk media. Beliau merasa bahawa tidak perlu menceritakan hal-hal yang tidak wajar dinyatakan dalam siri rencana-rencananya itu. Begitu pun memoir ini besar manfaatnya kepada kita untuk menyelami lubuk hati beliau sebagai seorang pemimpin dan pejuang politik, juga sebagai seorang wartawan dan sasterawan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Karim bin Haji Abdullah kerana kegigihannya dan dedikasinya mengumpulkan rencana-rencana Pak Sako ini dan juga kepada Penerbit UKM kerana prihatin terhadap usaha beliau. Sekurang-kurangnya kita dapat mengenali Pak Sako dari dekat melalui memoirnya.

A. Samad Ismail
Petaling Jaya.

PENGANTAR BUKU *SASTERA DAN KEMANUSIAAN: PIDATO UMUM DAN PIDATO PENERIMAAN SASTERAWAN NEGARA 1981-1996* (1997)

oleh *Anwar Ridhwan*

Anugerah Sastera Negara mula diperkenalkan pada awal tahun 1980-an. Penerima anugerah yang pertama ialah Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Keris Mas) pada tahun 1981. Mulai tarikh tersebut, majlis penganugerahan ditandai dengan tradisi pidato oleh penerima Anugerah Sastera Negara yang dikenali sebagai "pidato penerimaan", dan pidato memperkenalkan latar belakang serta sumbangan penulisan penerima anugerah, yang biasanya disampaikan oleh salah seorang anggota Panel Anugerah Sastera Negara yang dikenali sebagai "pidato umum".

Apabila Sasterawan Negara Keris Mas menerima anugerah ini pada 26 April 1981, beliau telah diperkenalkan melalui pidato umum oleh Prof. Dr. Mohd. Taib Osman, "Kesusasteraan ialah Perjuangannya". Sementara Sasterawan Negara Keris Mas menyampaikan pidato penerimaannya yang berjudul "Politik Sastera dan Sastera Politik".

Pada tahun berikutnya, tepatnya pada 9 Oktober 1982, Datuk Prof. Ismail Hussein menyampaikan pidato umum tentang penerima anugerah pada tahun itu, iaitu Shahnon Ahmad, yang dianggap sebagai "Anak Kreatif Malaysia Merdeka". Sebagai penerima anugerah pula, Shahnon Ahmad dalam pidato penerimaannya bercakap tentang "Cinta".

Pada 7 Disember 1983, Usman Awang muncul sebagai penerima anugerah yang ketiga. Dalam pidato umum yang disampaikan oleh Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh, Usman Awang telah disifatkan sebagai "Penghubung Sastera Moden dengan Akar

Tradisi". Sebagai penerima anugerah pula, pidato penerimaan Usman Awang berjudul "Suara Kemanusiaan Seorang Pengarang".

Anugerah ini tidak lagi menjadi acara tradisi pada tahun 1984 dan 1985 kerana tiada sesiapa pun di kalangan sasterawan yang dikurniai anugerah ini. Namun begitu pada tahun 1986, anugerah ini muncul kembali. A. Samad Said telah dipilih untuk menerima anugerah ini. Dalam majlis penyampaian anugerah pada 25 Februari 1986 di Universiti Pertanian Malaysia, pidato umum Dr. Cheah Boon Kheng tentang penerima ini berjudul "Penulis yang Idealis dan Realis". Pidato penerimaan A. Samad Said pula berjudul "Menulis itu Resah yang Bahagia, Duka yang Indah".

Sebagai dokumentasi peristiwa, wajarlah dinyatakan di sini bahawa sehingga lima penganugerahan, hanya penganugerahan kepada A. Samad Said tidak dilakukan di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen Malaysia. Ini disebabkan kerja-kerja pengubahsuaian di dewan tersebut. Apabila penganugerahan kelima diberikan dua tahun kemudian, iaitu kepada Arena Wati (pada 18 Jun 1988), majlis tersebut kembali ke tempatnya yang asal di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen Malaysia. Dalam majlis tersebut, pidato umum yang berjudul "Penulis Berasaskan Rakaman Pengalaman" telah disampaikan oleh Prof. Madya Krishen Jit. Sebagai penerima anugerah pula, Arena Wati menyampaikan pidato penerimaannya yang berjudul "Sastera sebagai Jurubicara Hati Nurani".

Selepas Arena Wati, tiga orang lagi penulis telah dinobatkan sebagai sasterawan Negara. Mereka ialah Muhammad Haji Salleh, Noordin Hassan dan Abdullah Hussain. Muhammad Haji Salleh, penyair dan sarjana terkenal itu dinobatkan pada 21 Disember

1991. Prof. Madya Lim Chee Seng melalui pidato umumnya menyifatkan Muhammad sebagai "Penyair yang Kembali ke Akar". Muhammad dalam pidato penerimaannya telah memilih judul "Menyeberang Sejarah: Sastera Melayu di Ambang Dunia".

Sehingga kini, satu-satunya tokoh drama tanah air yang dikalungkan Anugerah Sastera Negara ialah Noordin Hassan. Bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen, pada 15 Disember 1993, di hadapan ratusan undangan, Dr. Hashim Awang memperkenalkan Noordin sebagai "Anak Tanjung yang Dramatis". Noordin pula dalam pidato penerimaannya membuat pertanyaan "Jerat di Bumi ... ke Mana Sastera Kita"?

Penganugerahan kepada Abdullah Hussain dilangsungkan pada 5 April 1996 di Dewan Nirwana, Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Ketika memperkenalkan Abdullah Hussain, Dr. Farid M. Onn menyampaikan pidato umum yang bertajuk "Setengah Abad Bertaiso dengan Sastera", antaranya menyentuh tentang jangka masa lebih 50 tahun Abdullah Hussain menceburi dan menekuni bidang sastera. Dalam pidato penerimaan beliau, Abdullah Hussain memperkatakan tentang "Sastera Boleh Memperkukuh Kepercayaan Beragama". Dalam pidato tersebut antara lain beliau menegaskan kepentingan sastera dalam tamadun sesuatu bangsa dan pentingnya hadiah-hadiah sastera disatukan.

Kedua-dua pidato dalam setiap majlis penyampaian anugerah amatlah besar maknanya dan penting. Pidato umum itu biasanya memuatkan latar belakang penerima, sumbangan penting dan pemikiran bernas yang telah disumbangkan oleh penerima anugerah selama penglibatannya yang penuh komitmen dan dedikasi dalam kesusasteraan Melayu. Ciri-ciri penting kepengarangan pemenang, juga kualiti yang mengangkat taraf

mereka melalui karya-karya bermutu juga diperkatakan. Sungguhpun pidato umum biasanya mengangkat fakta dan huraian penting daripada buku *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara* (yang diterbitkan serentak untuk setiap majlis penyampaian anugerah; terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia), pidato umum itu dalam beberapa hal mengandungi ciri-ciri serta pemikiran yang tajam, yang biasanya disampaikan dengan stail yang tertentu. Kekuatan penerima anugerah itu sebagai penulis kreatif dan pemikir, yang menjadikannya lebih unggul daripada penulis atau calon yang lain, dihujah dalam pidato ini.

Namun pidato yang tidak syak lagi lebih penting dalam setiap majlis penyampaian Anugerah Sastera Negara ialah pidato penerimaan oleh sasterawan negara yang dipilih. Pidato tersebut biasanya bukan sahaja menyentuh detik-detik suka duka Sasterawan Negara selama mengharungi gelora dunia kreatif itu, malah secara jujur dan sedar berbicara tentang sikap mereka terhadap seni dan kehidupan, menegaskan kembali fahaman atau wawasan mereka terhadap sastera dan kemanusiaan, juga harapan-harapan terhadap kebudayaan baru umat manusia. Barangkali tidaklah keterlaluan jika disimpulkan bahawa pidato penerimaan itu merupakan pati atau inti sari daripada sikap dan pemikiran Sasterawan Negara selama mereka mengharungi dunia kreatif yang disampaikan secara terbuka dan jujur dalam majlis penuh penghormatan untuk mereka.

Cetusan pemikiran yang penting itu tentunya akan terus menjadi bahan renungan, pemikiran serta kajian kesusasteraan Melayu moden, baik oleh para penulis yang lain, pelajar, sarjana dan orang ramai. Bagi penulis, cetusan pemikiran itu mungkin menjadi faktor pendorong untuk menghasilkan karya-karya bermutu; sementara pelajar dan sarjana memanfaatkannya untuk hasil kajian yang lebih berwenang; dan orang ramai pula

akan lebih memahami dan menghayati karya-karya kesusasteraan. Suasana dan peranan yang saling melengkapi ini amatlah perlu demi masa depan kesusasteraan kita.

Sungguhpun pidato-pidato yang telah dinyatakan di atas pernah diterbitkan (umpamanya dalam majalah *Dewan Sastera* dan akhbar-akhbar) sebagai teks yang menyusuli peristiwa majlis penyampaian anugerah, pihak urus setia berasa perlu mengumpulkan dan membukukan pidato tersebut agar lebih mudah dirujuk kerana nilainya yang tersendiri itu. Lapan pidato penerimaan dan lapan pidato umum dalam buku ini menghimpunkan pembicaraan serta pemikiran suatu tahap penting dalam kesusasteraan Melayu moden yang diwakili oleh Sasterawan-sasterawan Negara Keris Mas, Shahnon Ahmad, Usman Awang, A.Samad Said, Arena Wati, Muhammad Haji Salleh, Noordin Hassan dan Abdullah Hussain.

Akhir sekali, pihak urus setia ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada *Saudara A. Karim Haji Abdullah* yang telah mengumpul dan menyusun kembali pidato-pidato daripada Sasterawan Negara dan tentang lima penerima Anugerah Sastera Negara daripada penerima yang pertama sehingga yang kelima. Usaha beliau itu dengan sendirinya menggambarkan minat luar biasa seorang anggota khalayak sastera terhadap perjalanan dan perkembangan Anugerah Sastera Negara ini. Bagi melengkapkan buku ini, pidato-pidato daripada Sasterawan Negara dan tentang penerima Anugerah Sastera Negara yang keenam, ketujuh dan kelapan turut dimuatkan.

Anwar Ridhwan
Setiausaha
Panel Anugerah Sastera Negara
Kuala Lumpur
12 April 1996
23 Zulkaedh 1416

PENGANTAR BUKU
MUTIARA FIKIR SASTERAWAN NEGARA KERIS MAS
(1997)

oleh *Anwar Ridhwan*

Sesiapa sahaja yang mengikuti perkembangan kesusasteraan Melayu moden tentu akan mendapati betapa keistimewaan Keris Mas. Genre cerita pendek yang baru sahaja berputik dalam kesusasteraan Melayu moden pada awal tahun 1920, telah diranumkan oleh Keris Mas dalam tahun 1950-an. Beliau merupakan pemimpin ASAS 50 yang terkemuka, yang 'berdiri tegak' di atas konsep 'Seni Untuk Masyarakat'. Beliau berperanan sebagai pemangkin perkembangan sastera melalui tugasnya di akhbar dan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau Sasterawan Negara yang pertama (1981). Dan sesungguhnya, banyak lagi keistimewaan penulis ini.

Manusia istimewa ini membawa bersama-samanya sejumlah kualiti yang tertentu pula. Sebagai sasterawan, kualiti pertama yang menjadi ukuran ialah karya-karyanya – baik cerpen-cerpennya, atau novel-novelnya seperti *Anak Titiwangsa, Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* atau *Rimba Harapan.* Kedua, pemikiran-pemikirannya tajam serta maju.

Pemikiran-pemikiran Keris Mas bukanlah tentang sastera semata-mata. Beliau turut memberikan idea tentang pelbagai persoalan yang menyangkut aspek sosio, ekonomi, politik dan bahkan sikap beragama masyarakatnya. Pemikiran-pemikiran tersebut bukan sahaja dialirkan melalui esei-eseinya, malah ditegaskan dalam forum-forum, diskusi-diskusi, serta dijelmakan secara halus lagi indah dalam karya-karyanya.

Mengikuti cerpen-cerpen serta novel-novel Keris Mas bermakna berhadapan dengan karya seni yang mampu menawarkan bahasa yang amat jernih lagi kreatif, stail yang mempesona, keindahan, serta yang tidak kurang pentingnya ialah pengalaman intelektual melalui pemikiran-pemikirannya itu.

Keris Mas adalah satu contoh tentang peribadi seorang sasterawan mengikut definisi yang sepatutnya. Seorang sasterawan adalah seorang pemikir. Sasterawan ialah pemikir zamannya.

Jumlah sasterawan sedemikian tidaklah banyak di negara kita.

Oleh yang demikian, usaha-usaha merakamkan pemikiran sasterawan yang berwibawa, terutamanya melalui wawancara, amatlah penting. Wawancara biasanya cuba mendalami pemikiran seseorang tentang sikapnya serta wawasannya. Soal jawab yang langsung, serta soalan yang lebih rinci disela-sela jawapan, merupakan proses yang lazim ditemui dalam wawancara, dalam usaha menggali lebih dalam lagi sikap serta wawasan tokoh yang diwawancarai. Dengan yang demikian pewawancara besar kemungkinan akan menemui beberapa pendapat baru tokoh yang diwawancarai, yang selama ini tidak terungkap di dalam esei atau karya kreatifnya.

Biasanya, pewawancara yang lebih akrab dengan peribadi tokoh yang diwawancarai, serta pewawancara yang terus mengikuti perkembangan tokoh yang diwawancarai, dan melalukan penyelidikan yang mendalam sebelum melakukan wawancara, akan memperoleh pulangan yang lumayan dalam bentuk jawapan-jawapan yang lebih berterus-terang, belum pernah dinyatakan sebelumnya serta lebih asli.

Dengan hal yang demikian wawancara merupakan suatu kaedah untuk menyelami pemikiran dan wawasan seseorang tokoh, iaitu suatu kaedah yang mula kukuh dalam tradisi penelitian di tanah air kita. Oleh itu wajarlah wawancara-wawancara seperti itu diabadikan dalam penerbitan yang dapat diikuti oleh khalayak yang lebih luas, termasuk generasi yang lebih muda.

Buku ini adalah sebahagian daripada usaha mengabadikan pemikiran dan wawasan Keris Mas terutamanya terhadap kesusasteraan Melayu. Kita tentunya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Haji Abdul Karim Abdullah yang telah menyelenggarakan buku ini.

Mengenali Tuan Haji Abdul Karim Abdullah sejak 20 tahun yang lalu, sedikit sebanyak dapat saya mengikuti rasa kekagumannya terhadap Keris Mas sebagai sasterawan dan pemikir. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan Keris Mas, baik tentang karya-karyanya, buah fikirannya, malah tentang kesihatannya. Beliau cukup mengambil berat tentang Keris Mas sehingga beliau memiliki dokumentasi yang lumayan tentang Sasterawan Negara yang pertama ini.

Dengan latar belakang yang demikian, disertai dengan iltizam beliau yang tinggi, tidak hairanlah buku seperti ini dapat diterbitkan untuk tatapan kita bersama.

Beberapa wawancara dalam buku ini didahului dengan dua pidato yang penting tentang manusia istimewa Keris Mas ini. Pidato pertama daripada Prof. Dr. Mohd. Taib Osman, sebagai pemidato umum yang memperkenalkan Keris Mas serta sumbangannya, dalam majlis penyampaian Anugerah sastera Negara di Dewan Bankuet Bangunan Parlimen Malaysia pada malam 26 April 1981.

Kedua, pidato daripada Datuk Prof. Shahnon Ahmad, iaitu pidato penghargaan sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada Keris Mas daripada Universiti Sains Malaysia pada 5 Ogos 1989.

Kedua-dua pidato ini, yang menjadi mukadimah bagi dua penganugerahan penting kepada Keris Mas, amatlah wajar dimuatkan dalam buku ini. Kedua-duanya memberikan faedah yang tidak sedikit (terutamanya kepada pembaca yang kurang mengenali Keris Mas) untuk mengetahui latar belakang insan istimewa ini, kemunculan serta perkembangannya sebagai seorang sasterawan, pendirian serta sikap kesusasteraannya, juga pemikiran-pemikirannya seperti yang terpancar dalam karya kreatif serta esei-esei beliau. Penyorotannya meliputi jajaran waktu yang agak panjang iaitu mulai kira-kira akhir tahun 1940-an hingga pertengahan tahun 1980-an.

Dengan adanya dua pidato ini, wawancara-wawancara yang menyusul pada halaman-halaman berikutnya menjadi lebih mudah diikuti, kerana pembaca telah dibekalkan dengan latar belakang Keris Mas.

Wawancara ini menyentuh berbagai-bagai soalan, serta disambut dengan jawapan-jawapan yang diwarnai dengan pelbagai nada dan emosi. Semua itu bagi saya adalah nukilan daripada sejarah sastera, sosial dan politik yang agak panjang, yang di dalamnya Keris Mas turut bernafas dan berjuang sebagai aktivis dan sasterawan yang berprinsip.

Pada 9 Mac 1992, sasterawan besar ini meninggalkan kita semua untuk selama-lamanya. Namun seperti maksud pepatah Melayu, beliau pergi meninggalkan nama.

Nama yang terpuji kerana iltizam serta pemikiran-pemikirannya dalam bentuk teks atau supra-teks, tentang sastera, tentang martabat manusia seluruhnya.

Mudah-mudahan rohnya sentiasa mendapat kerahmatan Allah, ditempatkan bersama-sama sekalian roh yang dikasihi-Nya. Amin.

Anwar Ridhwan, Kuala Lumpur.

KATA PENGANTAR BUKU *MELAYU HILANG KEBERANIAN: SUATU POLEMIK?* (1998)

(1997)

oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

Rencana Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin dalam *Mingguan Malaysia* 10 Mac 1996 ringkas sahaja tetapi ia mencetuskan perdebatan yang rancak dalam masyarakat antara cerdik pandai. Usaha Tuan Haji Karim Haji Abdullah mengumpulkan rencana-renacna yang tersiar dalam media kita yang ditulis oleh berbagai tokoh mengenai fikiran Daim yang provokatif itu, perlu diberi penghargaan.

Tentulah pendapat dan pandangan masing-masing penulis tidak sekata tetapi tulisan-tulisan itu wajar menjadi renungan kita kerana topik yang dibincangkan adalah tepat sekali dengan keadaan kita sekarang.

Adakah benar kita kini takut memberikan pendapat? Adakah akhbar-akhbar kita keberatan menyiarkan pendapat yang bertentangan dengan aliran fikiran kerajaan? Adakah cerdik pandai kita takut menyuarakan pendapat mereka secara terbuka kerana hendak mempertahankan kepentingan kedudukan dan pangkat? Penulis-penulis yang rencana-rencana mereka dikumpulkan oleh Haji Karim dalam buku ini cuba menjawab sebanyak sedikit pertanyaan itu.

Saya pernah memberikan ceramah tidak lama dahulu mengenai peranan cerdik pandai dalam pembangunan bangsa dan negara sekarang. Golongan cerdik pandai Melayu kini jauh lebih besar dan lebih pandai dari masa sebelum perang dan sebelum merdeka dahulu. Sebelum perang cerdik pandai yang lantang suaranya ialah kaum guru

Melayu hingga kepada dekad sebelum merdeka. Peranan mereka cukup dan memadai untuk memenuhi keperluan perjuangan zaman mereka. Tetapi kini kita membangun sebuah negara dan suatu bangsa. Maka itu tentulah golongan cerdik pandai yang kita perlukan tidak sekadar orang yang pandai meneriakkan slogan politik dan berpidato di atas pentas kepada khalayak orang-orang kampung.

Adakah benar kita sekarang takut menyatakan pendapat kita yang tidak selari dengan pandangan kerajaan? Saya tidak fikir kita kini diserang budaya takut untuk bersuara menyatakan pendapat kita. Bahkan media kita juga tidak selamanya akur sahaja dengan pendapat pihak berkuasa.

Sekiranya kita menganggap tulisan yang kritis terhadap kerajaan harus bercorak kritikan semata-mata memang tulisan sedemikian jarang tersiar melainkan dalam akhbar pembangkang. Tetapi kritikan terhadap kerajaan bisa mengambil berbagai bentuk dan juga cara.

Satu soal yang timbul ialah apakah kerajaan meminggirkan golongan intelektual? Atau sebaliknya adakah golongan cerdik pandai kita sengaja mengasingkan dan menjauhkan diri mereka dari kerajaan?

Ada golongan intelektual yang menyerapkan diri ke dalam arus perdana *establisment* dan berperanan sebagai pengkritik dalaman yang menurut mereka lebih berkesan. Di samping itu peranan itu memberikan faedah juga dalam erti mereka dapat menikmati ganjaran yang agak setimpal dengan gaya hidup mereka sebagai golongan menengah.

Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah terdapat pengkritik yang '*neutral*'?

Buku yang diselenggarakan oleh Haji Karim ini berguna sekali kerana ia memaparkan fikiran dan pendapat dari pelbagai individu, masing-masing dengan pendekatannya yang tersendiri.

Kepada YB Tun Daim Zainuddin, bahawa tulisannya begitu luas menjadi perhatian umum tentu memeranjatkannya juga. Setinggi-tinggi tahniah kepada beliau kerana dapat mencetuskan polemik dan perdebatan yang sihat mengenai apa yang dianggapnya sebagai satu gejala yang menarik di kalangan kaum cerdik pandai kita sekarang.

Saya mengenali YB Tun Daim Zainuddin agak rapat dan satu dari wataknya yang menarik ialah sikapnya yang berterus terang dalam menyatakan pendapatnya. Rencananya yang singkat dalam *Mingguan Malaysia* itu memang cocok sekali dengan wataknya.

Tan Sri A. Samad Ismail
28 April 1998.

PENGHARGAAN PENERBIT UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD. TERHADAP USAHA A. KARIM HAJI ABDULLAH MEREALISASIKAN PENERBITAN NOVEL *PUTERA GUNUNG TAHAN* (2000) DAN EDISI PELAJAR (2001)

oleh *Editor UP & D*

Penerbit merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji A. Karim Haji Abdullah kerana inisiatif dan kerjasama erat yang beliau berikan dalam merealisasikan penerbitan edisi ini (pelajar-p).

KATA SAMBUTAN BUKU *PAMERAN BUKU RIWAYAT HIDUP DAN SIRAH RASULULLAH S.A.W* (2000)

oleh *Dato' Haji Abdul Razak bin Abu*

Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) sebagai sebuah institusi yang baru ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang berasa amat beruntung apabila pelbagai pihak bersedia memberikan pelbagai bentuk bantuan dalam usaha Kolej memperkembangkan aktivitinya.

Sempena Majlis Perasmian dan Majlis Konvekesyen Pertama KIPSAS pada 8 Julai 2000 ini, satu pameran yang bertemakan Tamadun Islam turut diadakan. Dan dalam menyediakan pengisian bagi pameran tentang Sejarah Kedatangan Islam ke Pahang, Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah, seorang penulis, sasterawan penggiat budaya yang terkenal telah bersedia meminjamkan koleksinya yang berupa buku-buku Sejarah Nabi Muhammad S.A.W. dalam bahasa Melayu dan Inggeris, yang berjumlah lebih 300 judul untuk dijadikan bahan pameran.

Sesungguhnya, mengumpul buku-buku yang memperkatakan sejarah Pemimpin Besar umat Islam sebanyak itu bukanlah suatu usaha kecil dan tidak juga suatu usaha yang senang. Selain memerlukan peruntukan kewangan, kesukaran mendapatkannya juga merupakan suatu persoalan. Melalui masa, sebahagian daripada buku tersebut kini telah dapat digolongkan sebagai buku nadir dan tentunya mempunyai nilai yang cukup tinggi. Lebih daripada itu, koleksi ini dengan sendirinya memberikan pengajaran kepada kita betapa prihatinnya masyarakat Islam – terutama masyarakat intelektualnya – terhadap sejarah kehidupan dan kenabian Junjungan Nabi Besar kita ini.

Akhirul kalam, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Saudara Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah di atas sumbangannya yang cukup bermakna kepada Kolej ini.

Dato' Haji Abdul Razak bin Abu
Presiden Kolej Islam Pahang.

KATA-KATA ALUAN BUKU *PERANAN SASTERAWAN DAN KESUSASTERAAN DARI SUDUT PANDANGAN PEMIMPIN DAN TOKOH-TOKOH DARI PAHANG DARUL MAKMUR* (2000)

oleh *Dato' Dr. Haji Abu Hassan Sham*

Marilah sama-sama kita mengucapkan tahniah kepada A.Karim bin Haji Abdullah (Bung Karim) yang telah dapat menyiapkan buku yang mengandungi ucapan pemimpin-pemimpin terkenal Pahang seperti DYMM Baginda Tuanku Haji Ahmad Shah, Tun Abdul Razak, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Hamzah Abu Samah, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Tan Sri Sabaruddin Chik, Dato' Fauzi Abdul Rahman, Tan Sri Mohd. Khalil Yaakub dan Dato' Abdul Rahim Bakar. Di samping itu terdapat ucapan dua orang tokoh penulis terkenal Pahang iaitu Pak Sako dan Keris Mas. Pemimpin-pemimpin dan penulis-penulis tersebut kebetulannya adalah tokoh-tokoh nasional. Oleh itu dapatlah kita menganggap suara mereka mewakili pendapat pemimpin dan penulis tanah air keseluruhannya.

Tun Abdul Razak bukan sahaja terkenal sebagai Bapa Pembangunan tetapi juga seorang pemimpin yang peka dengan aspirasi penulis. Beliau sedar tentang pentingnya peranan para sasterawan yang boleh mencorakkan arah atau destinasi sesebuah negara itu. Beliau amat menghargai jasa kaum penulis. Beliaulah Perdana Menteri yang pertama yang melancarkan Hadiah Sastera bagi mengenang jasa penulis kepada negara.

Beliau mahukan penulis Melayu bukan sahaja menulis mengenai orang Melayu tetapi juga mengenai kaum-kaum lain kerana ini akan mendapatkan audiens yang lebih luas. Beliau juga menyeru supaya kaum bukan Melayu menulis dalam bahasa Malaysia

(Melayu) kerana dengan ini aspirasi mereka juga diketahui oleh orang Melayu. Tulisan-tulisan penulis Malaysia diharapkannya mencerminkan juga hasrat rakyat seluruh Asia Tenggara. Ini disuarakannya sewaktu merasmikan *Seminar Kesusasteraan Nusantara* di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 11 April 1973.

Tan Sri Ghazali Shafie tidak kurang tajam pemerhatiannya terhadap sastera. Beliau seperti juga Tun Abdul Razak mengharapkan penulis menjadi agen untuk mengubah minda rakyat dari kekolotan menuju ke arah kemodenan khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi. Beliau mahukan penulis memandang ke hadapan menulis karya-karya bercorak futuristik. Beliau juga mahukan penulis-penulis Malaysia sama-sama merancang membina masa hadapan Asean antara lainnya menterjemahkan karya-karya Sastera Asean ke dalam bahasa Melayu dan mengadakan "*Asean Literary Award*".

Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak seperti juga ayahandanya Tun Razak juga menaruh perhatian kepada golongan sasterawan ketika merasmikan Hadiah Sastera Malaysia 1986 mengatakan bahawa Hadiah Sastera ini sebagai bukti pengiktirafan kerajaan kepada golongan penulis. Beliau juga menyeru supaya pengajaran Kesusasteraan di sekolah-sekolah adalah perlu diperbaiki lagi.

Lain-lain tokoh Pahang ialah Tan Sri Dato' Mohd Khalil Yaakub kini sebagai Menteri Penerangan Malaysia. Beliau menyeru penulis memperjuangkan kebenaran kerana kebenaran itu amat penting bagi menegakkan keadilan. Beliau juga amat peka dengan mutu Kesusasteraan Melayu dan menyeru supaya mutunya dipentingkan. Di samping itu perlu juga ditubuhkan Persatuan Editor untuk meningkatkan corak persembahan karya sastera kita.

Tan Sri Sabaruddin Chik pula memuji pihak swasta seperti Malayan Banking sama-sama menaja Hadiah Sastera. Dengan ini menggalakkan perkembangan sastera tanah air. Dato' Rahim Bakar pula mengharapkan penglahiran sastera dapat meningkatkan nilai kemanusiaan. Dato' Fauzi Abdul Rahman menilai sastera dapat menghalang masyarakat daripada berkiblatkan kepada kebendaan semata-mata. Sasterawan patutlah menyedarkan masyarakatnya untuk bergerak ke arah yang lebih baik. Ucapan Tan Sri Hamzah Abu Samah juga turut dimasukkan ke dalam buku ini. Beliau juga menganggap sasterawan sebagai penyedar kepada masyarakat. Penulis baginya adalah sebagai pengkritik masyarakat.

Di kalangan sasterawan sendiri dimuatkan ucapan Pak Sako dan SN Keris Mas. Pak Sako sebagai pengarang veteran mengharapkan penulis zaman moden ini tidak merupakan bahasa Melayu klasik terutama penggunaan pantun kerana bahasa tersebut dapat menegur masyarakat secara tidak langsung dan ini menambahkan tinggi kesenian dan keberkesanan mesej yang hendak disampaikan.

Keris Mas mahu menggunakan sastera sebagai alat perjuangan menegakkan kebenaran. Beliau memperjuangkan Sastera Islam tulen dan menolak pengaruh sastera Barat ke dalam sastera Melayu. Sebagai tokoh ASAS 50 beliau menyedari pentingnya sastera terutama memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Dengan lahirnya buku ini tidak syak lagi, ia dapat menghimpunkan pemikiran tokoh-tokoh dari Pahang dan sebenarnya ia jua mewakili tokoh di peringkat kebangsaan.

Kita sekali lagi mengucapkan tahniah kepada A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) yang berjaya menyelenggarakan buku ini untuk dipersembahkan kepada khalayak ramai.

Dato' Dr. Haji Abu Hassan Sham
Ketua Satu DPMP (Kuala Lumpur).

SEKAPUR SIRIH BUKU *PERANAN SASTERAWAN DAN KESUSASTERAAN DARI SUDUT PANDANGAN PEMIMPIN DAN TOKOH-TOKOH DARI PAHANG DARUL MAKMUR* (2000)

oleh *Dato' Haji Abdullah Md. Derus*

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Haji A. Karim bin Haji Abdullah (Bung Karim) yang telah meminta saya untuk menulis kata sambutan dalam buku yang beliau selenggarakan ini.

Sebagai Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pahang Darul Makmur, saya ingin mengucapkan tahniah seikhlasnya atas usaha beliau menghimpun ucapan pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh dari Pahang yang menyentuh dan memperkatakan "peranan sasterawan dan kesusasterawan" yang sangat berguna untuk menjadi bahan rujukan dan bacaan generasi akan datang.

Seperti yang kita sedia maklum Tuan Haji A. Karim bin Haji Abdullah adalah seorang putera Pahang yang begitu gigih dalam kegiatan pendokumentasian tulisan-tulisan sejarah dan khazanah bangsa. Kerja-kerja pendokumentasian seumpama ini tidak banyak dilakukan kerana ia memerlukan minat yang mendalam dalam kerja-kerja penyimpanan teks yang berguna diketahui umum pada masa akan datang.

Kalau di Indonesia, mereka mempunyai Allahyarham H.B. Jassin, di Malaysia, kita bangga dengan usaha Bung Karim. Siapa di antara peminat sastera sekarang yang ada menyimpan titah ucapan DYMM Sultan Ahmad Shah, sewaktu merasmikan Hari

Sastera 1987 kecuali Bung Karim seorang. Siapa yang ada menyimpan teks ucapan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam tahun 1966 melainkan Bung Karim.

Sumbangan Bung Karim cukup besar dan bererti dalam perkembangan sastera moden kita. Sumbangan Bung Karim tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Beliau adalah seorang anggota pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) pada tahun 1957.

Pihak Lembaga Muzium Negeri Pahang akan menyimpan buku-buku seperti ini sebagai koleksi yang bernilai dan besar faedahnya untuk generasi baru.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif Bung Karim sebagai penyimpan khazanah bangsa.

Sekian.

Dato' Haji Abdullah Md. Derus, DIMP, AMN.
Pengerusi
Lembaga Muzium Negeri Pahang.

BAB TUJUH

ULASAN PENGKRITIK DAN PENULIS TERHADAP ISI KANDUNGAN BUKU-BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

i. *Cerpen-cerpen Pak Sako*: Penuh Sindiran oleh *Mohamad Daud Mohamad*

ii. Pak Sako Tokoh Masyarakat Yang Popular oleh *Talib Samat*

iii. Perginya Sasterawan Penting Negara Dato' (Dr.) Ishak Haji Muhammad *Talib Samat* (Pak Sako) Novelis *Putera Gunung Tahan* oleh *Aripin Said*

iv. Pemimpin, Sasterawan Gandingan Pemikiran Masa Depan oleh *Dino SS*

v. Ulasan Buku Melayu Hilang Keberanian? Mengundang Polemik oleh *Tajuddin Saman*

vi. Karya Samad Papar Pengalaman Peribadi oleh *Pena Mutiara*

vii. Rekod Pembacaan Bung Karim oleh *Shaharom TM Sulaiman*

viii. Pak Samad Angkat Martabat Sastera, Bahasa di Akhbar oleh *Pena Mutiara*

BAB TUJUH

ULASAN PENGKRITIK DAN PENULIS TERHADAP ISI KANDUNGAN BUKU-BUKU SUSUNAN DAN SELENGGARAAN A. KARIM HAJI ABDULLAH

CERPEN-CERPEN PAK SAKO: PENUH SINDIRAN

oleh *Mohamad Daud Mohamad*

Pak Sako yang kita kenal adalah seorang ilmuwan yang kreatif dan produktif serta melibatkan diri dalam aneka ragam kreativiti seperti politik, sastera, perundangan dan kebudayaan secara luas. Beliau juga merupakan seorang wartawan dan penulis yang tegas, berani melemparkan kecaman dan sindiran terhadap penyelewengan yang berlaku di tanah airnya. Wajarlah jikalau A. Samad Ismail (di luar kulit antologi cerpen – *Cerpen-cerpen Pak Sako*) mengatakan bahawa perwatakan Pak Sako agak 'unik' yang pada banyak orang dianggap ganjil dan luar biasa. Seterusnya A. Samad Ismail mengatakan bahawa Pak Sako berani menyindir penjajah, yang latar belakang hidupnya berlainan daripada cara hidup manusia biasa pada zamannya.

Keberanian Pak Sako menghadapi hidup dan menyelami kehidupan, menonjolkan dia sebagai seorang pengarang, beliau juga merupakan salah seorang tokoh politik yang terang-terangan berorientasi ke arah kerakyatan (marhaen). Orientasi Pak Sako ini juga ternyata tercermin daripada penampilan dan dialog antara tokoh serta insiden-insiden dalam cerpen-cerpennya yang ditulis sekitar tahun 1936-1940 – kemudian dikumpulkan

oleh Hashim Awang dan A. Karim Hj. Abdullah dengan judul *Cerpen-cerpen Pak Sako*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 1-237.

Melalui cerpen-cerpennya itu tercerminlah ideanya yang menonjolkan kehidupan rakyat bawahan dengan pelbagai pola kehidupannya dan dipertentangkan dengan pola kehidupan masyarakat atasan yang memiliki sifat-sifat hipokrit, tamak, penzina dan pengkhianat bangsa (lihat Hashim Awang, "Kata Pengantar", meneropong hidup dan kehidupan masyarakatnya (sebagaimana tercermin dalam cerpen-cerpennya) memberikan erti yang besar sebagai pengabdian kerakyatan, yang secara sedar mengharapkan terjadinya perubahan pola berfikir masyarakatnya.

Cerpen Pak Sako mencerminkan kesinambungan idea yang senada iaitu membicarakan fenomena "kejujuran" yang dipertentangkan dengan "keserakahan nafsu" manusia sebagai objek utamanya. Misalnya tercermin pada cerpen "Satu Cerita dari Kampung" yang mengetengahkan tokoh utamanya Sulung yang memiliki sifat-sifat terpuji, tetapi terdapat kecacatan fizikal dipertentangkan dengan Si Ngah sebagai watak kedua yang memiliki sifat-sifat buruk. Antara kedua-dua watak ini, ternyata daripada aspek sosiologisnya, Sulung lebih diperhatikan oleh masyarakat sekitarnya. Seperti pada petikan ini : "Kalau abangnya (Sulung) mahulah kami menerimanya. Adiknya (Si Ngah) kami tak mahu," (hlm. 1). Demikianlah, tentang gambaran kehidupan masyarakat yang diungkapkan oleh Pak Sako melalui cerpennya ini.

Tentang "keserakahan nafsu" yang menyebabkan manusia terhanyut dalam arus kehidupan yang merugikan diri sendiri, digambarkan oleh Pak Sako menerusi cerpennya "Sikat Emas" (hlm. 5-8) dan "Muslihat Rumah Tangga" (hlm. 14-20). Hanya daripada

segi struktur penceritaan sahaja berbeza. Cerpen "Sikat Emas" mengetengahkan watak seorang penjahat yang menyamar sebagai seorang alim dengan menggantikan namanya kepada Tuan Haji Abdullah al-Yubi. Tujuan penyamaran itu adalah untuk menipu sultan yang gila akan perempuan yang cantik. Dengan tipu-helahnya yang licik, akhirnya dia berjaya mendapatkan wang yang banyak daripada sultan. Sedangkan perempuan yang dijanjikan tidak pernah wujud. Cerpen ini lebih tepat merupakan sindiran terhadap pembesar yang hanyut dengan keserakahan nafsu, sanggup menghamburkan wang ringgit demi tuntutan biologisnya. Cerpen "Muslihat Rumah Tangga", meskipun struktur penceritaan berkisar pada persoalan rumah tangga Encik Said, tetapi persoalannya hampir sama menceritakan Encik Said yang tanpa segan silu berusaha untuk mengahwini anak angkatnya sendiri.

Masalah integrasi budaya juga tidak terlepas daripada pengamatan Pak Sako. Cerpen "Macam Gergaji Dua Mata" (hlm. 21-24) menonjolkan tentang sikap masyarakat Cina yang bermastautin di Malaya sekitar tahun 30-an. Ternyata golongan tua masyarakat Cina masih teguh berorientasi kepada tanah besar kelahiran leluhurnya berbanding dengan golongan muda Cina yang sudah lama bergaul dengan masyarakat Melayu di sini. Dalam cerpen ini juga Pak Sako mengetengahkan tentang peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan di antara kaum.

Pencerminan kesenian rakyat yang diasosiasikan dengan perjudian dalam cerpennya "Menang Berjudi Terpinjam Budi" (hlm. 25-29), cukup sederhana diungkapkan oleh pengarang. Budin seorang janda yang menyamar sebagai lelaki melawat ke Kelantan dan menyaksikan temasya berlaga lembu. Selain itu, dia juga sempat berjalan-jalan ke dalam kota dan memerhatikan gerak-geri kehidupan masyarakat

Melayu yang diserang dengan gejala ke baratan, baik daripada segi berpakaian mahupun cara makan (bergarpu dan bersudu). Penyamaran Budin terungkap apabila dia menemui seorang janda yang kalah dalam perjudian dan mereka masing-masing menyuarakan nasib mereka selanjutnya. Teknik penceritaan dalam cerpen ini mirip dengan cerita-cerita penglipur lara seperti *Syair Siti Zubaidah, Syair Dendang Setia* dan lainnya, di mana sang puteri menyamar sebagai lelaki untuk menyelamatkan suami masing-masing. Pola penceritaan seperti ini tercermin juga dalam cerpennya "Anak Laut" (hlm. 30-37); "Jalan Hiburan" (hlm. 38-43); "Anak Harimau" (hlm. 44-48); "Musim Gelora" (hlm. 49-57); "Menuba Ikan" (hlm. 59-65); "Mari Kita Menyanyi" (hlm. 66-72) dan beberapa cerpennya yang lain.

Setelah meneliti keseluruhan cerpen Pak Sako, meskipun segala bentuk masih terikat dengan unsur konvensional dan gaya bahasa *Sejarah Melayu*, namun pengolahan ideanya cukup berkesan. Fenomena tentang aneka ragam kehidupan yang membawa erti positif penggarapan Pak Sako dalam meletakkan nafas pengucapan kreatifnya.

Keistimewaan penggunaan bahasa dalam cerpen Pak Sako ialah kemudahannya, dan penggunaan kalimat yang pendek dan senang ditanggapi. Demikian juga dengan teknik penceritaannya tidak sukar untuk ditandai. Boleh dikatakan keseluruhan cerpen dalam antologi ini memakai teknik *limited omnicient point of view* dan teknik penokohan.

Setelah membaca dan meneliti sepintas lalu *Cerpen-cerpen Pak Sako* dapat ditarik kesimpulan bahawa *Cerpen-Cerpen Pak Sako* tetap bertitik tolak daripada kehidupan rakyat marhaen yang selalu diperalatkan kerana kejujuran dan keikhlasan hidup mereka. Meskipun *Cerpen-Cerpen Pak Sako* memakai teknik yang mudah ditandai, namun

Cerpen-Cerpen Pak Sako tetap meninggalkan kesan yang baik khususnya dalam membina dan membentuk pemikiran masyarakatnya: seangkatan dengannya dan sesudahnya.

Dewan Sastera, Januari 1988.

PAK SAKO TOKOH MASYARAKAT YANG POPULAR

oleh: *Talib Samat*

Penerbitan dan kemunculan buku *Pak Sako Bestari* yang diselenggarakan A. Karim Hj. Abdullah dirasakan amat besar faedah dan manfaatnya kepada masyarakat umum yang ingin mengenali Pak Sako secara mendalam dan terperinci.

Menurut penyelenggara buku ini, dalam satu pertemuan dengannya, buku ini diterbitkan sempena menyambut hari jadi Pak Sako ke-79 yang jatuh pada 24 September 1988 lalu.

Usaha-usaha gigih, berterusan, mencintai ilmu dan menyebarkannya yang dilakukan oleh A. Karim Hj. Abdullah yang mengumpul, menyusun dan menerbitkannya sendiri bahan-bahan, komentar dan apa orang lain kata tentang Pak Sako merupakan suatu usaha yang besar, mulia dan sewajarnya disambut dengan sikap positif oleh masyarakat pembaca.

Buku yang diterbitkan dalam bentuk popular ini sebenarnya lebih merupakan himpunan dan koleksi pandangan serta tulisan beberapa orang tokoh masyarakat yang diakui kewibawaannya tentang Pak Sako dan sumbangannya dalam pelbagai aspek termasuk kesusasteraan, kewartawanan, bahasa, politik dan kehidupan jatuh bangun bangsa Melayu di tanah airnya sendiri.

Tulisan-tulisan Pak Sako sendiri ikut dimuatkan dalam buku ini yang diperlengkapkan dengan gambar-gambar kenangan abadi yang melibatkan Pak Sako dan masyarakat umum.

Misalnya dalam buku ini, Pak Sako menulis tentang "Bahasa Melayu Laksana Keris". Tulisan ini merupakan ucapan Pak Sako di Majlis Konvensyen Universiti Malaya sewaktu menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya pada 29 Jun 1973. Pak Sako merupakan sasterawan dan penulis Malaysia yang pertama menerima anugerah tersebut yang belum pernah diterima oleh mana-mana penulis sebelumnya.

Hujah yang mengatakan beliau adalah gergasi dunia kesusasteraan Melayu adalah tepat dengan pengiktirafan Universiti Malaya tersebut. Dan beliau sepatutnya juga tokoh sasterawan dan penulis yang pertama dikurniakan Anugerah Sasterawan Negara, tapi hal ini tidak menjadi kenyataan semasa hayatnya.

Pak Sako adalah pengarang akhbar *Utusan Melayu* yang pertama dan akhbar ini juga boleh dianggap sebagai sebuah universiti yang telah melahirkan ramai tokoh-tokoh sasterawan-sasterawan yang terkenal kemudiannya. Bahkan beberapa orang penerima Anugerah Sasterawan Negara seperti Usman Awang, Keris Mas, A. Samad Said merupakan tokoh-tokoh yang pernah berkhidmat di *Utusan Melayu*, terkemudian daripada Pak Sako. Jelasnya Pak Sako merupakan *godfather* yang pernah mendidik dan membentuk ramai wartawan dan sasterawan yang bertebaran di pelbagai media massa dan syarikat persuratkhabaran di negara ini.

Pak Sako yang sudah berusia 79 tahun kini masih gigih menulis dan sungai idea dan pemikirannya terus memancarkan mutiara-mutiara fikiran untuk direnungi dan difikirkan oleh pembaca-pembaca tulisannya yang meliputi semua peringkat rakyat dan masyarakat. Semua orang mengenali Pak Sako seperti orang mengenali P. Ramlee yang begitu popular di kalangan rakyat negara ini.

Dalam buku ini juga dimuatkan tulisan dan komentar beberapa orang penulis lain yang melontarkan sikap dan pemikiran tentang Pak Sako. Tidak ketinggalan misalnya dalam buku ini ikut dimuatkan tulisan Datuk Prof. Khoo Kay Kim, Hashim Gera, Mahmud Ahmad, Dr. Usman Awang, Dr. A. Samad Ismail, Dr. Rajakumar, Datuk Prof. Ismail Hussein, Allahyarham Datuk Ahmad Boestamam, Shahrom Mohd. Dom dan Abdul Latiff Abu Bakar. Abdul Latiff Abu Bakar juga pernah membuat latihan ilmiah (tesis) tentang *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948* yang kemudiannya diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya.

Penyelenggara buku ini, A. Karim Hj. Abdullah menghimpunkan pelbagai pandangan masyarakat tentang Pak Sako dan karyanya dari halaman 9 hingga 39. Beliau begitu gigih mengumpulkan pelbagai pandangan mereka menerusi keratan akhbar, majalah, buku, ucapan dan sebagainya yang kemudiannya disusunatur dengan teliti dalam sebuah buku yang menarik dan tidak jemu dibaca.

Dr. A. Samad Ismail pernah berkata, "Pak Sako adalah sebutir permata berharga yang perlu dipelihara dengan baik kerana ia tidak ada gantinya lagi," (*Watan*, 26 September 1987).

Pergaulan dan pengalaman berjuang dengan Pak Sako mendatangkan kesan psikologi kepada seseorang. Dr. Rajakumar misalnya menulis, "Dalam tempoh sepertiga abad saya telah belajar banyak perkara daripada manusia aneh ini. Paling penting bahawa saya belajar daripadanya tentang rendah diri. Setiap kali bersamanya saya bercerita tentang kehidupan, dan biasanya setelah pulang saya menjadi lebih pemikir, berasa lebih rendah diri dan bersalah." (hlm. 75)

Manakala Shahrom Mohd. Dom dalam tulisannya berjudul "Ishak Sebagai Ahli Politik dan Sasterawan", antara lain menyebutkan, "Peranan Ishak Haji Muhammad dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan adalah sama hebatnya dengan melibatkan beliau sendiri, teristimewa pada zaman sebelum merdeka. Tetapi agak dikesalkan kerana dengan kemampuan dan pengalaman yang paling kaya (tiga kali ditahan) sepatutnya telah lahir seorang Kawabata atau Pinyak atau sebuah novel yang bermutu dan gagah seumpama *One Day in the life of Ivan Denisovich*, karya Alexander Solzhenitsyn. "Ini membuktikan bahawa pengalaman sahaja tidak akan melahirkan sasterawan agung!" (lihat hlm. 89-90).

Gambar-gambar bersejarah yang diletakkan di akhir buku ini cukup mengingatkan nostalgia kita kepada pejuang-pejuang dan nasionalisme kemerdekaan yang banyak berjasa seperti Ibrahim Yaacob (IBHY). Begitu juga gambar-gambar di sekitar kehidupan Pak Sako seperti pahlawan yang dilupakan tentunya dihasilkan oleh seorang penyelenggara yang kreatif dan imaginatif seperti A. Karim Hj. Abdullah.

Buku ini saya percaya akan menjadi sumber rujukan yang cukup berguna bagi mereka yang ingin mendalami dan memahami sumbangan berkesan dan tidak ternilai Pak

Sako kepada negara ini. Bagi masyarakat umum sama ada ianya penulis, mahasiswa, pelajar, ahli politik, pencinta seni budaya bangsa dan kesusasteraan tanah air ini akan membantu mereka mengenali Pak Sako dan suka dukanya menganyam kehidupan yang penuh warna warni ini.

Pak Sako memang dikenali seorang yang *genius* dan intelektual. Ini terbukti dengan kejayaannya lulus peperiksaan Senior Cambridge dengan Gred I di negeri Pahang sewaktu masyarakat Melayu sedang hebat dicengkam bahang api penjajahan kolonial Inggeris yang menindas bangsa Melayu terus-terusan sehingga kini dalam bentuk penjajahan fikiran, budaya dan politik.

Pak Sako juga boleh dianggap penulis yang mempelopori penulisan novel satira politik dengan terhasilnya novel *Putera Gunung Tahan* yang padat dengan simbol, mitos dan perlambangan sastera dalam usahanya menghalau penjajah menerusi penulisan dan seni sastera yang amat halus sifatnya itu.

Datuk Prof. Khoo Kay Kim pernah menulis tentang Pak Sako seperti katanya, "Bagaimanakah sumbangan beliau kepada kesusasteraan? Ishak Haji Muhammad sesungguhnya seorang sasterawan yang kontroversial ada yang mencemuhkan usaha beliau dan ada yang mendewa-dewakan beliau. Timbulnya kontroversi tentang tulisan Ishak Haji Muhammad dengan sendirinya memperlihatkan kejayaan beliau untuk menarik perhatian peminat sastera. Karya-karya sastera memang sepatutnya dibaca dan ditafsirkan dalam konteks yang tertentu." (hlm. 43).

Khabarnya sekarang Pak Sako sedang menyiapkan novel terbarunya berjudul *Mat Media*. Kita amat berharap Pak Sako berjaya dalam usaha tersebut. Begitu juga usaha-

usaha gigih A. Karim Abdullah dan Baharuddin C.D. untuk menulis biografi lengkap Pak Sako akan berhasil dengan kadar yang segera untuk dinikmati oleh masyarakat sastera. Pihak DBP khabarnya akan menerbitkan novel dan biografi Pak Sako sebagai menghargai sumbangan beliau yang berterusan kepada dunia sastera dan penulisan di negara ini sejak zaman sebelum dan selepas merdeka.

Terlepas daripada segala persoalan dan perdebatan buku *Pak Sako Bestari* setebal 124 halaman ini wajar dimiliki oleh semua lapisan masyarakat. Begitu juga semua perpustakaan sekolah, maktab, universiti dan perpustakaan awam wajar mendapatkan senaskhah buku ini untuk rujukan kaum pembaca yang ingin mengetahui secara lebih mendalam seorang tokoh rakyat yang popular di negara ini. Pak Sako! Pak Sako baru-baru ini muncul dengan buku terbarunya *Di Simpang-Simpang Jalan* terbitan Karangkraf Sdn. Bhd. Selamat membaca buku yang berfaedah dan menarik ini sebagai tambahan ilmu pengetahuan kepada pembaca yang berminat dan gemar mengetahui kehidupan dan sumbangan tokoh-tokoh masyarakat yang berjasa kepada tanah air!

Watan, 21 Januari 1988.

RIMBA HARAPAN NOSTALGIA ANAK PAHANG

oleh *Keris Mas*

"Saya anak Malaysia," kata sebuah lagu kanak-kanak. Tetapi di samping anak Malaysia, saya juga anak Pahang, kata hati saya sendiri. Kata itu seolah-olah melatari fikiran saya waktu menulis RIMBA HARAPAN.

Saya dilahirkan di kampung Ketari. Hampir semua orang Pahang, kecuali yang tidak pernah pergi ke mana-mana, tahu di mana kampung Ketari. Tiap-tiap orang yang hendak pergi ke luar Pahang melalui jalan raya mesti melalui Simpang Ketari, terutama orang dari Temerluh dan Mentakab. Orang dari Raub dan Lipis mungkin ada yang mengikuti simpang Teranum. Orang Jerantut, Kuantan dan Pekan pun harus melalui Simpang Ketari untuk ke Kuala Lumpur bahkan untuk ke Raub dan Lipis. Itu dulu, waktu saya masih kecil. Sekarang mungkin sedikit ceritanya. Jalan raya sudah ada di mana-mana, memotong-motong, membelah-belah negeri Pahang Darul Makmur ini.

Orang-orang lama yang umurnya lebih kurang sama dengan saya tentu masih ingat betapa indahnya Ketari zaman dulu, pada awal hingga suku pertama abad kedua puluh ini; sebuah kampung Melayu yang benar-benar Melayu, lengkap dengan sawah padi, dusun dan sungai-sungainya. Sebuah lembah yang dikelilingi bukit dan gunung dengan hawa yang amat nyaman.

Menurut sejarah yang belum begitu lama usianya, negeri Pahang yang awal dimasuki industri getah dan lombong bijih ialah Bentung. Seperti daerah Raub menarik pelabur luar dengan kandungan emas di

* Artikel ini berguna untuk pelajar-pelajar Tingkatan Lima yang mempelajari novel Rimba Harapan (Jungle of Hope) khususnya bagi mata pelajaran kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris. Begitu juga guru-guru yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran ini.

dalam buminya, demikianlah Bentung menarik pelabur luar dengan bijih timah yang terkandung dalam buminya. Masa saya kecil wan saya memang bekerja melanda bijih. Anak-anak Sungai Perting, Sungai Nilam, Ulu Gementi bahkan di tempat-tempat yang cetek dalam Sungai Bentung dan Sungai Benus, menjadi tempat orang-orang perempuan melanda bijih. Seorang orang Sabai (Karak) bernama Mat Nata menjadi tauke bijih sebelum Lok Yew datang membuka lombong dan palung dan kemudian membuka ladang-ladang getah.

Sekarang ini bila nostalgia datang mengingati keindahan dan kedamaian hidup di Ketari masa kecil dulu, saya pergi ke Janda Baik atau Lebu. Di sana masih kelihatan iras-iras Ketari masa silam. Ketari sendiri seperti kebanyakan bekas tanah lombong telah hampir menjadi pekan kosmopolitan, menjadi sebahagian dari bandar Bentung, malah termasuk dalam kawasan majlis bandarannya.

RIMBA HARAPAN adalah sebahagian dari nostalgia ini. Tetapi kerana saya sudah lama hidup dan jauh berjalan banyaklah peristiwa yang telah saya lihat dan adalah sedikit pengalaman yang menjadi guru penghidupan saya. Maka RIMBA HARAPAN bukan hanya nostalgia tetapi juga pentafsiran terhadap suatu kejadian sejarah yang saya rasa penting dalam perkembangan hidup dan pemikiran orang Melayu. Ketari dan Janda Baik hanya sebuah contoh dari jejak sejarah yang menginjak tanah air kita di mana-mana, terutama di Selangor dan Perak. Kalau kita mendengar nama Tanjung Karang di Selangor dan Sungai Manik di Perak bolehlah digambarkan asal-usulnya seperti asal-usul Janda Baik di Pahang. Semuanya menjadi bukti hidup dari hasil pengusiran orang Melayu dari tanah asal mereka yang mengandungi bijih timah.

Saya melihat betapa kelompok-kelompok dusun di dalam sawah luas itu ditebang dan dihapuskan. Saya melihat betapa rumah-rumah diruntuhkan. Saya melihat betapa orang kampung, keluarga demi keluarga menghilang dari Ketari dan Benus. Saya dengar bahawa mereka pindah membuka kampung halaman yang baru ke Lebu dan Janda Baik. Dan kemudian saya melihat tanah diterbalikkan dan

mendengar bunyi kapal korek menggemuruh pagi, petang, siang dan malam tidak berhenti-henti. Umur muda saya masa kanak-kanak digemuruhi oleh bunyi kapal korek itu. Kemudian saya meningkat belasan tahun lalu meninggalkan Ketari kerana menuntut ilmu. Bila saya pulang, kampung halaman yang indah dan nyaman itu telah menjadi padang pasir dan gerabak batu. Pandangan yang hijau dan subur sudah menjadi gersang dan kering memanjangi seluruh baruh kampung kami yang terletak di sebelah darat yang tidak terusik oleh perlombongan. Sepanjang-panjang Sungai Bentung sampai ke kuala Sungai Benus di mana kedua sungai itu bertemu dan bersatu mengalir untuk menyertai Sungai Semantan, menjadi padang pasir dan gerabak batu.

Kawan-kawan yang dulu sama sekolah dengan saya tidak kelihatan lagi. Bapa-bapanya kelihatan sekali-sekali datang ke pekan Ketari atau ke Bandar Bentung membawa labu dan kundur beberapa biji dengan karier basikal untuk dijual. Muka mereka kering-kering, tubuh mereka kurus-kurus, pakaian mereka usang dan kumal.

Apabila saya meningkat remaja dan akhirnya menjadi orang muda saya mula memahami inti dari keadaan itu. Saya mulai merasa sedih dan kemudian saya mulai merasa marah. Saya akhirnya menjadi orang politik dan orang suratkhabar. Di dalam kepala saya tidak pernah hilang rasa sedih dan rasa marah akan kejadian pengusiran orang Ketari dan Benus ke hutan rimba Janda Baik dan Lebu itu. Makin saya mengerti dan memahami apa ertinya peluasan industri getah dan timah bagi penjajah Inggeris makin jiwa saya memberontak terhadap kejadian-kejadian itu.

Waktu saya menjadi orang muda yang radikal, menjadi wartawan dan aktivis politik anti penjajah di Singapura gangguan-gangguan jiwa masa kecil itu masih belum hilang, malah semakin bernyala oleh pengetahuan bahawa semuanya berasal dari polisi penjajah dalam usahanya meluaskan industri timah dan getah.

Saya menulis banyak cerpen, dan gangguan-gangguan peristiwa

penjualan tanah oleh orang kampung saya itu timbul tidak berhenti lalu masuk ke dalam cerpen saya. Sebuah cerpen saya tahun 1948 (40 tahun yang lalu) berjudul "Menjual Tanah Air" persis mempunyai pokok persoalan pada peristiwa tersebut ditambah imaginasi perjuangan politik dan kritik sosial.

Tetapi itu tidak mengurangkan gangguan dalam jiwa saya. Beberapa buah karya saya masih sedikit sebanyaknya berlatarkan peristiwa sedih tersebut. Kalau tidak latar penjualan tanah kampung untuk "lari" masuk hutan, sekurang-kurangnya Ketari tetap melatarinya. "Kedai Sederet di Kampung kami", ANAK TITI WANGSA, malah SAUDAGAR BESAR DARI KUALA LUMPUR, tidak luput dari kenangan kepada Ketari dan peristiwa penjualan tanah;

Akhirnya RIMBA HARAPAN khusus saya tulis untuk peristiwa tersebut. Saya tahu cerpen dan novel tidak dapat dijadikan buku atau esei pelajaran sejarah tetapi saya juga yakin semangat sejarah hanya dapat disampaikan dengan berkesan dengan kreativiti dan imaginasi berdasarkan sejarah. Pengalaman batin, pengalaman fikiran dan pengalaman hidup anggota masyarakat tidak dapat dicatat oleh buku sejarah. Pengalaman-pengalaman itu adalah berunsur perasaan yang hanya dapat disampaikan dengan perasaan.

Tetapi RIMBA HARAPAN bukanlah semata-mata imaginasi dan kreativiti perasaan. Ia juga pemikiran dan penelitian terhadap manusia dan persekitarannya. Ia juga kesan interaksi antara manusia, masyarakat dan alam.

Bagi saya zaman "pelarian" orang Ketari dan Benus ke Janda Baik dan Lebu adalah zaman yang amat penting dalam sejarah perubahan fikiran, sikap dan cita-cita hidup orang Melayu.

Ada beberapa golongan manusia yang melatari zaman tersebut. Pertama golongan tradisional Melayu yang menolak segala perubahan. Dalam RIMBA HARAPAN golongan ini diwakili oleh Pak Kia. Kedua, golongan moden yang sedang melihat datangnya perubahan

politik, ekonomi dan agama. Golongan ini diwakili oleh Zaidi, Cikgu Brahim dan Pendekar Atan. Ketiga, golongan orang Melayu yang jahil dan malas yang tidak terusik oleh apa yang bercorak perubahan. Golongan ini diwakili oleh Tapa dan Tutung. Masing-masing golongan itu mempunyai sikap dan tindakannya, bertembung antara satu sama lain menghadapi kesan perubahan dasar pemerintahan Inggeris yang menjalankan dasar perluasan perusahaan getah dan bijih timah sebagai jawapan kepada akibat perang dunia pertama.

Bagi saya, kesedaran orang Melayu terhadap perkembangan modenisme Barat yang menjalari masyarakat kita adalah bermula ketika itu, dari akibat perang dunia pertama yang melahirkan beberapa dasar baru kerajaan British di tanah air kita yang ketika itu dijajahnya.

Pada masa itulah orang mendengar wakil-wakil Melayu dalam "*Federal Council*" (Majlis Mesyuarat Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu) di Kuala Lumpur mulai menuntut supaya Melayu diperlindungi, diberi hak-hak istimewa, yang menunjukkan bahawa orang Melayu sudah mulai merasa terdesak kerana penghijrahan kaum-kaum pendatang yang dibawa oleh British ke negeri ini untuk melombong dan memajukan ladang-ladang getah. Pada masa itu juga tumbuhnya semangat Melayu di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Guru-guru Melayu mulai menyertai kaum wartawan menulis makalah-makalah bersemangat Melayu. Pada masa itu mula bertumbuhnya semangat Melayu dalam kalangan masyarakat yang kemudiannya melahirkan pertubuhan dan Persatuan-persatuan Melayu di tiap-tiap negeri. Pada masa itu juga merebaknya gerakan Kaum Muda yang menyebarkan ajaran reformasi Islam yang menentang pengajaran lebai-lebai kolot mengenai ekonomi dan sosial, bahkan politik, yang secara tak langsung menyokong gerakan kesedaran kaum guru dan kaum wartawan.

Buku-buku sejarah yang menyingkapkan tabir permulaan kesedaran Melayu ini sepatutnya ditulis banyak-banyak, menyeluruhi semua aspek fakta dan latarnya dengan jelas dan terperinci. Tetapi saya hanya seorang penulis cerita yang diberi gelar oleh orang sekarang

sebagai sasterawan. Fakta dan latar orang sastera bercampur dengan imaginasi dan sensitiviti terhadap hal-hal manusia dan masyarakat. Hasilnya bukan semata-mata ilmu yang objektif tetapi banyak juga yang subjektif.

Waktu menulis RIMBA HARAPAN saya cuba memelihara fakta sejarah sedapat mungkin. Dan yang saya pentingkan ialah mencuba mentafsirkan peristiwa sejarah itu dengan menggambarkan reaksi manusia terhadap yang berlaku dalam peristiwa tersebut. Bagi saya pokok sejarah dan pokok sastera tidak banyak bezanya, iaitu interaksi antara manusia dengan alam ini, tindak dan tindak balas antara manusia dengan alam dan sebaliknya.

Tindak balas manusia Ketari terhadap peristiwa sejarah, iaitu peristiwa terbukanya lombong bijih oleh syarikat lombong orang putih di daerah itu memperlihatkan berbagai sikap orang Melayu yang khusus. Di antaranya sikap tradisional yang mati-matian ingin meneruskan cara hidup orang Melayu asal yang sudah turun-temurun diwarisi, iaitu berkampung halaman mestilah lengkap dengan dusun dan sawah padinya dan segala yang berhubungan dengan itu; kerbau kambing, kelapa durian, ladang dan humanya. Ciri-ciri kebudayaan dan agamanya juga khusus tradisional. Golongan ini menentang sikap yang menerima perubahan, sama ada perubahan sosial, ekonomi dan agama. Saya menciptakan Pak Kia sebagai protagonis golongan ini. Pak Kia dengan semua orang yang pindah randah ke Janda Baik memperlihatkan kegigihan orang Melayu, mengalahkan hutan rimba dengan segala kayu-kayan, semak belukar, gajah harimau, babi monyet; musim hujan dan panasnya, bahkan penyakit dan hantu syaitannya. Kegigihan dan keberanian Melayu tradisional itu membuktikan hasilnya dengan kejayaan pembukaan Janda Baik. Dan Pak Kia mempunyai doa sepanjang hayatnya supaya Janda Baik akan kekal karar menjadi warisan tradisional untuk anak cucunya di belakang hari.

Jolokan-jolokan yang mengatakan orang Melayu adalah bangsa yang malas memanglah tidak benar. Tetapi seperti semua manusia dari bangsa apa pun memang ada yang malasnya. Dan orang Melayu

memang ada yang pemalas. Apakah reaksi golongan ini terhadap peristiwa sejarah terjualnya tanah Ketari kepada syarikat lombong orang putih itu. Orang-orang ini duduk di kedai kopi, main judi, main bola, main sepak raga, pergi ke Kuala Lumpur hampir tiap minggu untuk menghabiskan wang banyak yang diperoleh dari penjualan tanah masing-masing. Mereka juga meminta tanah untuk menjadikan perkampungan dan hidup baru tetapi tidak berjaya. Saya melahirkan Tutung dan Tapa menjadi wakil mereka.

Tetapi di samping golongan Pak Kia yang tradisional dan gigih mempertahankan sikap tradisionalnya dan di samping golongan Tutung dan Tapa yang tidak menghiraukan masa lalu dan masa depan, ada golongan maju yang bertindak tegas untuk masa depan dan mengembalikan hak-hak dan kemuliaan yang sudah hampir hilang. Golongan ini ingin dan berusaha mengembalikan kewibawaan Melayu dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Golongan ini juga ingin dan berusaha membentuk barisan muda untuk menyatukan orang Melayu menghadapi gejala-gejala sosial, ekonomi dan politik yang negatif yang mula kelihatan mengancam kedudukan orang Melayu. Dan golongan ini juga menerima kedatangan pengaruh Kaum Muda yang menggerakkan reformasi Islam yang berasal dari Muhammad Abduh dan Jamaluddin El-Afghani dari Mesir untuk menghapuskan segala yang menjadi punca yang menyebabkan syariat Islam disalahertikan sebagai semata-semata urusan mati, urusan akhirat.

Saya ciptakan Zaidi, Cikgu Brahim sebagai protagonis golongan ini dan Pendekar Atan sebagai watak negatifnya.

Apakah idealisme saya dapat dikemukakan oleh sebuah buku cerita yang diberi nama RIMBA HARAPAN ini. Saya tidak tahu. Tetapi ia bukan idealisme yang romantik. Saya mencuba untuk melahirkan sebuah gambaran yang surealistik mungkin melalui pelukisan latar, perwatakan dan peristiwa yang sedapat mungkin cocok dengan masa dan suasana. Bahasa dan pengucapan saya adalah bahasa dan pengucapan saya, tidak mungkin diubah atau diseragamkan dengan bahasa dan pengucapan orang lain. Segala kelemahan yang wujud di

dalam pengucapan itu adalah kelemahan saya. Saya tidak mahu dan tidak boleh memperkatakan novel ini sebagai wacana atau "discourse" penilaian sastera. Saya hanya boleh dan mampu memberikan latar belakang bagaimana dan mengapa novel ini saya tulis.

Memang ada benarnya bahawa semua yang tertulis itu ada hubungannya dengan nostalgia saya terhadap Ketari dan ada hubungan dengan harapan saya pada Janda Baik sebagai tugu hidup yang menandakan wujudkan Melayu yang bertamadun dan berkebudayaan. Bila saya diminta menulis untuk buku ini, saya merasa ragu-ragu apakah sumbangan saya kepada Pahang dalam kehidupan saya sebagai penulis. Buku RIMBA HARAPAN dan cerpen dan novel lain, yang berisi dan berlatar penjualan tanah oleh orang Melayu untuk mengisi polisi peluasan industri bijih timah penjajah Inggeris dulu, dan mengisi polisi pembangunan ekonomi Melayu zaman sekarang adalah salah satu dari percubaan saya untuk berbakti kepada tanah air saya, Pahang Darul Makmur khususnya.

PEMIMPIN, SASTERAWAN GANDINGAN PEMIKIRAN MASA DEPAN

oleh: *Dino SS*

Di Indonesia hanya ada seorang H.B. Jassin, tokoh dokumentasi di negara itu yang mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana usaha gigihnya sejak empat dekad mengumpul bahan mengenai sastera dan budaya. Di Malaysia hanya ada seorang A. Karim Abdullah yang sejak sekian lama mengumpul dan menyusun bahan untuk diterbitkan. Selain buku picisannya yang berunsur politik, Karim berjaya menghasilkan sembilan buku yang berkaitan dengan sastera dan budaya.

Begitu pandangan saya apabila meneliti buku terbaru yang diusahakan oleh penyelidik ini berjudul *Pemimpin dan Sasterawan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1993).

Walaupun Karim tidak dikenali sebagai seorang ahli dokumentasi yang cekal, sebagaimana orang mengenali Jassin, beberapa usaha Karim sebelum ini menyusun tulisan serta ucapan penting mengenai sastera dan dunia kelilingnya, telah memberikan jolokan bahawa Karim boleh menjadi seorang 'Jassin' di Malaysia.*

Tidak mudah untuk menyusun sesebuah buku, adakalanya memakan puluhan tahun lamanya. Buku *Pemimpin dan Sasterawan* ini saja menjadi bahan yang menjangkau jarak masa hampir 30 tahun, iaitu dari 1966 hingga 1991.

* Ini adalah tulisan pertama daripada kalangan penulis Malaysia, A. Karim Haji Abdullah atau Bung Karim diiktiraf atau diberi gelaran H.B. Jassin Malaysia atas usaha-usaha gigih dan konsistennya menyelenggara dan mendokumentasi karya-karya sastera dan umum. – Talib Samat (penyelenggara buku ini).

Berdasarkan panjangnya jangkauan masa terbabit, dan tokoh yang turut memberikan inti kepada buku yang dimaksudkan, buku setebal 404 halaman ini boleh dianggap sebagai satu khazanah. Ia mengemukakan 41 tokoh dengan pandangan yang pelbagai mengenai penulis dan sumbangan mereka terhadap masyarakat.

Keseluruhannya buku ini mengandungi 48 teks (bukan 49 seperti yang disebut dalam kata pengantar) dan satu manifesto yang dinamakan Manifesto Penulis suara bicara Persatuan Penulis Nasional (Pena) yang dibentangkan dalam mesyuarat agung persatuan itu pada 25 Julai 1976.

Secara umumnya semua bahan menyentuh dunia penulisan, termasuk pengaruh, sentimen, peranan penulis, visi dan sikap mereka serta perubahan yang dilalui dan harus dilalui bagi mendukung cita-cita dan harapan masyarakat.

Penyumbang dalam buku *Pemimpin dan Sasterawan* adalah negarawan, dari Perdana Menteri dan Menteri yang berpengaruh hingga kepada tokoh berwibawa, termasuk kalangan penulis sendiri.

Mereka ialah Tun Abdul Razak Hussein yang mengisi tiga rencana petikan 1966, 1972, 1973, A. Samad Ismail (1966), M. Balfas (1966), Senu Abdul Rahman (1966), Syed Nasir Ismail (1967), Yahya Ismail (1968), Muhammad Salleh (1969), Baharuddin Zainal (1969), Hassan Ahmad (1969, 1970, 1979), Usman Awang (1969), Wan Abdul Kadir (1970), Ghazali Shafie (1971), Hamzah Abu Samah (1972), Tengku Ahmad Rithauddeen (1972), Hussein Onn (1973, 1975), Nik Hassan Abdul Rahman (1973), Tun Datu Mustapha Datu Harun (1973), Abdul Rahman Yaakub (1974), Ali Ahmad (1976), Abdul Samad Idris (1976), Masuri SN (1977, 1977), Abdul Rahim Ishak (1977), Nordin

Selat (1978), Ahmad Kamal Abdullah (1984), Musa Hitam (1982, 1983, 1983), Mahathir Mohamad (1983, 1987, 1987), Tengku Razaleigh Hamzah (1981), Anwar Ibrahim (1983), Mohd Noor Tahir, Mohd Khalil Yaakub (1984), Awang Jabbar (1984), S. Othman Kelantan (1986), Mohd Najib Tun Razak (1986), Muhammad Muhd Taib (1987), Abdullah Ahmad Badawi (1987), Abdullah Hussein dan Abdul Ghafar Baba (1991).

Kecuali teks yang diungkapkan oleh Mohd Noor Tahir dan Abdullah Hussein, penyusun telah memberikan juga tarikh dan tahun, serta acara yang bersangkutan, sehingga terbitnya kenyataan itu.

Sebagai sebuah hasil kerja pengumpulan, buku ini cukup besar ertinya kepada seluruh masyarakat, terutama dalam melihat perkembangan fikiran kalangan intelektual bangsa dalam melihat seni sastera sepanjang tiga dekad lalu. Apakah yang terjadi dan sedang bergelombang dalam maysarakat turut mendapat tempat, sehingga pembaca boleh membuat perbandingan dan penganalisaan, seterusnya meramalkan perkembangan yang harus akan terjadi selanjutnya.

Pada bahagian awal penyusun menggerakkan minda pembaca dengan memetik ucapan negarawan ulung kita, iaitu Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri yang ketika itu menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri berucap pada Malam Kesenian Penulis Pulau Pinang dan Seberang Prai, 20 Februari 1966.

Pada malam itu beliau dengan tegas berpesan agar penulis mempunyai perasaan cinta terhadap negara sendiri dengan memahami serta turut menangani masalah yang sedang dihadapi oleh negara.

Katanya: "Penulis mestilah mengerti saat (*moments*) sejarah yang sedang dilalui oleh rakyat dan negaranya dan menpernyatakan kekaguman dan keharuan saat sejarah itu dalam bentuk cerita pendek dan novel yang indah, yang mengandungi nilai serta seni. Tuan-tuan dan puan-puan tentulah sedar bahawa kita kini hidup dalam zaman yang amat bersejarah, kejadian-kejadian dalam tanah air kita sekarang besar ertinya dari segi sejarah."

Dalam saat negara sedang melepasi diri dari belenggu penjajahan, dan seterusnya meneroka pengalaman baru, kata-kata Tun Razak itu boleh dianggap sebagai nafiri yang meniupkan semangat nasionalisme ke dada kalangan penulis. Ia menjadi peringatan bahawa sejarah yang dilalui itu tidak akan berulang. Oleh itu ia perlu dicatatkan bagi kegunaan generasi akan datang.

Tun Razak ternyata tidak berlebihan dalam peringatannya itu. Sejarah penting tertentu hanya akan berlaku pada saat yang tertentu.

Harapan tinggi terhadap penulis diungkapkan berulang-ulang kali, termasuk oleh pemimpin yang lebih muda. Timbalan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, orang muda yang ternyata lebih agresif dan mempunyai pengalaman yang luas dalam gerakan belia, mempunyai pegangan yang jelas terhadap kalangan penulis.

Sebagai seorang intelektual yang mewakili generasi baru yang berfikiran luas, beliau percaya bahawa kalangan penulis adalah aset kepada sebuah tamadun. Sasterawan harus diberikan tempat sewajarnya. Oleh itu sejak 1983, ketika memberi ucapan pada Majlis Makan Malam dan Penyampaian Hadiah Sastera Esso Gapena, beliau menegaskan:

"Kita percaya bahawa kementerian, dengan kerjasama erat daripada perkumpulan budaya dan sastera, akan dapat membina dan menggerakkan '*cultural literacy*' yang menyeluruh di kalangan rakyat; satu kesedaran untuk menghayati unsur-unsur kebudayaan yang dapat membina keluhuran jiwa dan ketahanan semangat."

Namun ini bukan ucapannya yang terakhir. Acap kali apabila berhadapan dengan kalangan penulis, Anwar akan menyatakan perasaan dari hati kecilnya bahawa penulis adalah salah satu agen kepada gerakan pembangunan dan pembina nilai-nilai murni.

Pembaca juga boleh membuat perbandingan antara pandangan A. Samad Ismail yang terdidik seluruhnya dalam denyut arus penulisan sejak zaman remajanya dengan pandangan Baharuddin Zainal atau Muhammad Salleh atau Kassim Ahmad yang menghayati sastera melalui pendidikan ilmiah.

Melalui pengalaman yang panjang dalam dunia penulis, Samad meyakini betapa dunia sastera mengharapkan penulis beriltizam. Usaha yang tekun adalah satu-satunya jalan untuk membina seseorang penulis. Dalam ceramahnya kepada penulis Pantai Timur di Terengganu pada 1966, Samad menasihatkan penulis mempersiapkan diri dengan menegaskan: "Belum cukup untuk saudara-saudara hanya mempunyai cita-cita dan nafsu dan semangat untuk menulis. Cita-cita itu mesti diisi oleh pengajian dan latihan, oleh disiplin yang kuat, oleh pengetahuan dan ilmu."

Sementara Muhammad pula membawa penulis ke lingkungan ideologi yang terasa seperti sangat mengharu fikirannya. Sewaktu memberi pandangan pada forum anjuran Kelab Sosialis Universiti Malaya (1969), beliau berkata: '...sebagai seorang pengkritik, penulis mestilah juga mempunyai pendirian, konsep atau prinsip atau ideologi

yang sesuai untuk dia menganalisis keadaan di sekelilingnya. Setahu saya di negeri yang membangun konsep sastera yang diikuti ialah konsep sosialis realisme. Konsep ini revolusiner sekali, seperti fahaman Marxism juga.

"Penulis yang menganut aliran ini percaya bahawa masalah dalam sesuatu masyarakat itu dapat diatasi selepas kita mendapat jawapan kepada persoalan '*class struggle*' yang berlaku sekarang ini. Aliran yang agak dekat kepada aliran sosialis realisme ini terdapat dalam sastera Melayu dalam kebanyakan penulis kita seperti penulis Asas 50 dan juga penulis 50-an."

Pembaca juga akan dapat merasakan degup jantung Usman Awang dan Abdullah Hussein, Yahya Ismail dan Ahmad Kamal Abdullah (Kemala). Kesedaran tulen yang timbul dalam benak Ali Ahmad dan Abdullah Ahmad Badawi. Semuanya memberikan pengertian sebagaimana juga cetusan hati Ghazali Shafie dan Tun Datu Mustapha. Ataupun pandangan yang boleh dipancing dari ucapan Hassan Ahmad atau Kassim Ahmad yang lebih mendekati pengalaman masing-masing.

Pokoknya *Pemimpin dan Sasterawan* boleh memberikan catatan berangkai mengenai jalinan pemikiran antara generasi, mengenai pengaruh yang membendung, pegangan hidup mereka serta arah mana mereka condong. Ia merupakan cetusan rasa, sekali gus percikan kesedaran yang menjadi dasar penafsiran masing-masing. Karim, penyusun buku ini, seolah-olah mengajak pembaca menyingkap makna pada kata-kata yang tersurat bagi meninjau beberapa kemungkinan.

Tidak lain yang ingin dinyatakan, secara umumnya ialah penulis memiliki pengaruh yang cukup besar, dan ini turut dijelaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad, Perdana Menteri ketika beliau merasmikan Zamalah Sastera *Berita Harian* pada 20 November, 1983.

Katanya: "Dengan perkataan lain, pemikiran dan masa depan sesuatu masyarakat, secara langsung dan tidak langsung, dikuasai oleh para intelek dan penulis," Sayangnya buku ini tidak memuatkan pandangan tokoh wanita dan tokoh lain yang amat berwibawa seperti Ismail Hussein, Shahnon Ahmad dan A. Samad Said. Jika pandangan mereka disertakan pasti akan memantapkan lagi buku ini.

Berita Minggu, 26 Disember 1993.

ULASAN BUKU
MELAYU HILANG KEBERANIAN? MENGUNDANG POLEMIK

oleh: *Tajuddin Saman*

Persoalan Melayu sebenarnya dibicarakan sejak zaman sebelum merdeka hingga kini. Kalau sebelum merdeka, cerdik pandai sentiasa menumpukan perhatian kepada soal nasionalisme, sesudah itu fokus lebih ditumpukan kepada soal membangunkan kemunduran bangsa kesan penjajahan.

Secara umum, apa jua persoalan yng disuarakan cerdik pandai mengenai dunia Melayu sejak dulu hingga sekarang, berkait rapat dengan maruah bangsa yang sering tercabar.

Selepas hampir 40 tahun negara merdeka, suara perjuangan Melayu semakin sayup-sayup kedengaran, kecuali kalau lantang pun, ia lebih mirip kepada ekonomi sebagai agenda utama.

Beberapa persoalan lain seperti patriotisme bagaikan bukan agenda penting dan diberikan rangsangan sewajarnya hinggalah secara tidak langsung pada pertengahan dekad 90-an ini, timbul semula perbicaraan mutakhir yang ada hubung kait dengan maruah Melayu.

Kali ini ia dicetuskan oleh seorang ahli korporat dan politik Melayu yang baru saja menyertai semula Kabinet, Tun Daim Zainuddin. Rencana beliau yang berjudul "Melayu Hilang Keberanian?" dalam *Mingguan Malaysia* pada 10 Mac 1996 mencetuskan polemik berpanjangan mengenai maruah Melayu.

Mungkin tidak semua yang berkesempatan membaca rencana itu kerana ia tersiar dalam akhbar yang terbit pada hari berkenaan saja. Bagaimanapun, dalam kesempatan yang terhad itu, kita bernasib baik kerana ada yang prihatin mengenai perjuangan dan maruah Melayu.

Beliau ialah A. Karim Abdullah yang tanpa henti dan jemu merakamkan semula segala dokumentasi penting seperti polemik "Melayu Hilang Keberanian" ini dalam bentuk buku.

Sudah pasti dengan kehadiran buku ini, setiap daripada mereka yang prihatin kepada perjuangan bangsa berpeluang mendalami persoalan yang ditimbulkan oleh Daim itu.

Judul rencana itu tidak syak lagi menarik perhatian pelbagai pihak hingga akhirnya mengundang pemikiran yang berjela-jela daripada cerdik pandai lain untuk mengupas dan menyingkap pelbagai aspek mengenai keberanian Melayu memperjuangkan maruah di tanah air sendiri.

Mengikut A. Karim, rencana Daim itu adalah ulasannya terhadap rencana Datuk Kadir Jasin yang berjudul "Suara Melayu, Umno dan Kerajaan" juga dalam *Mingguan Malaysia* (18 Februari 1996).

Sesudah rencana Daim tersiar, kira-kira 20 cerdik pandai berasa terpanggil mengupas rencana itu. Antara mereka termasuk Lanang Sejagat (Pandangan Daim Tentang Melayu); Jaafar Rahim (Surat Untuk Tun Daim Zainuddin); Bekas Pengarang Utusan Melayu, Datuk Zainuddin Maidin (Zam) (Daim Menangguk di Air Keruh):

Rustam A. Sani (Suara Berani, Suara Sumbang); tokoh pembangkang, Subky Latif (Daim Lebih Berani Jika Miliki Akhbar Bebas).

Pengarang Kumpulan Berita Harian; Datuk A. Nazri Abdullah (Siapakah Intelektual Melayu?); Kassim Ahmad (Tidak Berani atau Berpuas Hati?); Ramli Simbok (Siapa Kata Melayu Hilang Berani).

Mohd Safar Hashim (Suara Melayu: Bola Di Kaki Akhbar); M. Noor Azam (Tiada Lagi Suara Melayu?); Abu Bakar Hamid (Suara Cerdik Pandai Melayu Tidak Lagi Lantang); Syed Husin Ali (Tiupan Angin Perubahan?).

Menerusi suara cerdik pantai itu, lahirlah pelbagai dimensi pemikiran mengenai maruah bangsa yang selama ini bagaikan pelita kehabisan minyak. Satu daripadanya terbit daripada pemikiran tokoh wartawan, Tan Sri A. Samad Ismail yang menulis kata pengantar buku ini.

Satu daripada kenyataan A. Samad mengenai keberanian Melayu yang saya kira berkesan dan patut menjadi titik menungan ialah: "Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah wujud pengkritik yang bebas?"

Persoalan ini mencakup suatu dimensi yang boleh diperdebatkan lagi kerana berani itu menjadi satu faktor kepada perjuangan keadilan tetapi keberanian yang neutral itu mungkin mencakupi pelbagai maksud yang boleh dihuraikan oleh cerdik pandai dengan lebih mendalam. Apakah perjuangan yang neutral itu dan benarkah ia wujud seperti dipersoalkan A. Samad Ismail.

Secara keseluruhan, buku ini memang membentangkan wadah penting kepada perjuangan bangsa. A. Karim memulakan mukadimah buku ini dengan puisi istimewa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan Yang Belum Selesai.

Berita Minggu, 26 Julai 1998

KARYA SAMAD PAPAR PENGALAMAN PERIBADI

oleh *Pena Mutiara*

KUMPULAN cerpen A. Samad Ismail ini mengandungi 41 buah cerpen yang dihasilkan dari tahun 1944 hingga 1991. Cerpen yang terkumpul dalam kumpulan *Ingin Jadi Pujangga* ini diselenggarakan oleh Allahyarham A. Karim Abdullah, atau lebih dikenali dengan panggilan Bung Karim.

A.Samad Ismail lebih menonjol namanya sebagai tokoh wartawan daripada sasterawan. Pembabitannya dalam dunia kewartawanan bermula sejak berusia 16 tahun hinggalah bersara dari dunia surat khabar pada tahun 1988.

Sebagai wartawan, Samad bukan saja menerima pengiktirafan dari Kerajaan Malaysia, malah dari luar negara. Pengiktirafan terakhir yang diterima Samad ialah dari Yayasan Ramon Magsaysay, Filipina pada tahun 1994. Yayasan Ramon Magsaysay mensifatkan Samad sebagai wartawan terulung Asia.

Kumpulan cerpen *Ingin Jadi Pujangga* adalah kumpulan cerpen yang tebal pernah diterbitkan oleh DBP. Kumpulan ini mempunyai 833 halaman. Melalui kumpulan ini kita dapat mengikuti liku hidup Samad sebagai seorang remaja, sebagai seorang politik dan sebagai seorang pengkritik sosial.

Judul kumpulan ini diangkat dari judul sebuah cerpennya yang disiarkan *Mastika.* Samad menulis cerpen ini sewaktu dalam penjara. Waktu disiarkan cerpen berkenaan, Samad menggunakan nama samaran ASMAL.

Selain cerpen *Ingin Jadi Pujangga*, cerpen *Rumah Kedai Di Jalan Seladang* juga saya kira amat menarik. Lewat cerpen ini, Samad mengimbau kembali liku kehidupannya sebagai remaja ketika pendudukan Jepun.

Cerpen *Ubi Kayu* yang ditulis Samad dalam masa pendudukan Jepun mencerminkan sebanyak sedikit wataknya sebagai seorang pemuda prihatin terhadap masyarakatnya pada masa itu.

Cerpen lain yang tak kurang juga menariknya ialah cerpen *Ah Khaw Masuk Syurga*. Cerpen ini mengemukakan tema agama. Menerusi cerpen ini dapat dilihat pendirian Samad, bahawa kita harus peka terhadap budaya dan tradisi orang-orang bukan Islam yang ingin kita pujuk untuk memeluk agama Islam. Cerpen ini bolehlah dianggap sebagai satu kritikan halus terhadap pendakwah kita.

Kumpulan cerpen *Ingin Jadi Pujangga* ini memperjelaskan lagi kepada kita kedudukan Samad dalam dunia kesusasteraan Melayu di negara ini. Walaupun sekarang Samad semacam sudah bersara dari menulis cerpen dan novel, tetapi mindanya masih segar dan tajam. Hari ini tulisan Samad masih dapat kita baca di *Berita Harian* setiap minggu dalam kolumnya *Bila Sauh Di Labuh*.

Berita Harian, 12 Februari 2001

REKOD PEMBACAAN BUNG KARIM

oleh *Shaharom TM Sulaiman*

"Dunianya adalah dunia buku: Mengumpul dan menyimpan buku, menyelenggara dokumen sastera dan lebih daripada itu, kecintaannya pada buku amat luar biasa," itulah gambaran rigkas ketokohan Allahyarham Abdul Karim Abdullah atau lebih akrab dengan panggilan Bung Karim yang telah kembali ke rahmatullah pada 5 Februari lalu kerana menghidap pelbagai penyakit serius.

Sebulan yang lalu, ketika menziarahinya di hospital, Allahyarham masih sempat berpesan kepada penulis supaya koleksi buku-bukunya disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Memang, Bung Karim tidak dapat dipisahkan dari dunia buku. Tidak hairanlah di kalangan penulis, Bung Karim dikenali sebagai 'H.B. Jassin Malaysia' kerana ketukunannya mengumpul pelbagai bahan sastera termasuk ucapan tokoh-tokoh besar Malaysia seperti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, Allahyarham Keris Mas dan tokoh-tokoh lain lagi. Kesemua bahan dan dokumen sastera yang dikumpulkan itu diselenggarakannya dan kemudian diterbitkan.

Minat Allahyarham terhadap penyelenggaraan buku sebenarnya diwarisi daripada bapanya, Allahyarham Abdullah Mohd. Ali yang pernah berkhidmat sebagai penterjemah di Jabatan Karang Mengarang, Maktab Perguruan Sultan Idris. Abdullah yang pernah bertugas bersama dengan Allahyarham pendeta Za'ba, kemudiannya menjadi penyunting dan editor Melayu Malaysia di Parlimen.

Minat yang diwarisi oleh Bung Karim itu akhirnya membentuk kecintaannya pada dunia buku dan alam pembacaan. Minatnya itu menyebabkan Bung Karim menerbitkan sebuah buku yang bersifat panduan pembacaan yang bertajuk *Rekod Pembacaan Saya* (1984), diterbitkan sempena Pesta Buku Malaysia yang pertama pada tahun 1984.

Dalam kata pendahuluan buku tersebut, Allahyarham menulis "Buku ini – *Rekod Pembacaan Saya* disusun untuk para pelajar dan pemuda yang boleh menggunakannya sebagai buku panduan untuk merekodkan segala buku-buku yang sudah dibacanya. Tidak syak lagi segala rekod pembacaan itu merupakan satu khazanah peribadi yang amat penting di dalam hidupnya.

Bagi Bung Karim, merekod buku-buku yang telah dibaca merupakan perkara besar dalam sisi kehidupan kita kerana buku merupakan sebuah empayar pemikiran hati nurani manusia. Tidak hairanlah Abraham Lincoln pernah berusaha mendapatkan segala buku yang ada di wilayahnya untuk dipinjam dan dibaca serta direkodkan buku-buku yang pernah dibacanya.

Begitulah tokoh-tokoh besar dunia tidak pernah memisahkan hidup mereka dengan dunia pembacaan. Jawaharlal Nehru, misalnya banyak menghabiskan masa dengan membaca dan menulis waktu beliau dipenjarakan malah beliau telah menghasilkan beberapa karya penting.

Apa yang menarik dalam buku *Rekod Pembacaan Saya*, ialah ia mencatatkan tarikh mula buku-buku dibaca dan tarikh tamat membacanya serta catatan ruang kosong yang menyatakan kesan pembacaan daripada buku-buku yang dibaca.

Dengan kata lain, buku *Rekod Pembacaan Saya* samalah seperti sebuah 'diari' harian yang kita miliki.

Buku ini sebenarnya amat ringkas (bersahaja) wajah fizikal dan kandungannya, akan tetapi ia penting sekiranya dilihat dari segi penghayatan budaya membaca dalam diri seseorang. Ia menjadi lebih penting lagi kerana ramai di antara kita tidak menyedari hal-hal atau perkara 'semudah' ini dalam kehidupan kita.

Minat Bung Karim mengumpul bahan-bahan bacaan serta mendokumentasikannya merupakan suatu minat yang luar biasa yang tidak dipelajari atau diajar di mana-mana universiti, sebaliknya ia hanya suatu komitmen terhadap dunia buku dan dunia ilmu.

Minat semacam ini memang selalu dipinggirkan jika dibandingkan minat luar biasa orang untuk 'mengumpul kekayaan'.

Pengalaman penulis sepanjang berdamping dengan Allahyarham, terpaksa mengakui bahawa penulis banyak belajar daripada Allahyarham khususnya dalam hal keunikannya 'mencinta' buku dan mendokumen bahan-bahan sastera, walaupun penulis sendiri berkelulusan dalam bidang sains perpustakaan.

Tidak hairanlah ada teman-teman Allahyarham menganggap Bung Karim sebagai 'Pustakawan Sastera' kerana sifat semula jadi kerja-kerja yang dilakukannya adalah berorientasikan kepustakawanannya.

Malah Allahyarham sendiri pernah bekerja di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1961 selama setahun. Dan, pengalaman singkat di perpustakaan telah benar-benar dimanfaatkan oleh Allahyarham sehingga hasil kerja beliau dapat kita nikmati hari ini.

Sepanjang hayatnya, Allahyarham telah menyelenggara lebih daripada dua puluh buah buku termasuk yang paling terbaharu dan terakhir ialah *Peranan Sasterawan dan*

Kesusasteraan: Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan tokoh-Tokoh Pahang Darul Makmur (2000), yang diterbitkan atas nama Dewan Persuratan Melayu Pahang, Cawangan Kuala Lumpur.

Buku ini diusahakan oleh Allahyarham semasa keadaan kesihatannya tidak mengizinkan (sebelum memasuki hospital). Buku ini sebenarnya merupakan koleksi pandangan dan pemikiran tokoh-tokoh dan pemimpin besar Pahang seperti Tun Abdul Razak, Pak Sako, Tan Sri Ghazali Shafie dan lain-lain lagi termasuk DYMM Sultan Pahang, Tuanku Ahmad Shah tentang isu-isu penulis dan kesusasteraan melalui ucapan perasmian sesuatu peristiwa bahasa dan sastera.

Ada ucapan yang terdapat di dalam buku ini telah pun berusia hampir empat puluh tahun, tetapi pemikiran yang diungkapkan tetap mempunyai relevan sehingga hari ini. Kata Bung Karim dalam prakata buku tersebut: "Sebagai pengdokumentor sastera Melayu, saya berminat untuk menghimpunkannya dalam bentuk buku supaya menjadi kajian, renungan dan tatapan generasi akan datang kerana bahan-bahan ini tidak boleh didapati lagi, kalau seseorang tidak menyimpannya".

Di samping itu terdapat tiga buah buku (manuskrip) yang sudah disiapkan dan hanya tinggal untuk diterbitkan, *iaitu Sasterawan Negara Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh & Sarjana; Pemimpin Kecil Dari Kuala Lumpur: Antologi Cerpen Penulis-Penulis Pahang* dan *Mengenang Asri.*

Mungkin pada suatu masa nanti, generasi muda tidak mengenali Bung Karim tetapi mengenali usaha gigihnya yang cukup besar jasanya kepada negara melalui pendokumentasian khazanah harus dipelihara dan dimanfaatkan.

Dalam konteks Malaysia, sudah sampai masanya pihak-pihak terentu mengadakan anugerah penulisan kepada penyelenggara produktif, sebagaimana kita mengadakan anugerah kepada buku terbaik, penulis dan editor terbaik.

Jasa-jasa penyelenggara-penyelenggara buku tidak kurang besarnya, bahkan di Barat, usaha-usaha penyelenggara semacam ini mendapat pengiktirafan yang tinggi.

Namun ironisnya, sumbangan besar anak kelahiran Temerloh, Pahang ini tidak diberi penghargaan sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu.

Memetik kata-kata Bung Karno yang dipetik oleh Bung Karim dalam kata pengantar buku selenggaraannya *Pak Sako Bestari* (1988), "Bangsa yang berjiwa besar adalah bangsa yang mengenang tokoh-tokohnya."

Namun begitu tradisi mengenang tokoh-tokoh khususnya persuratan dan budayawan sering dipinggirkan kerana sumbangannya yang tidak nampak 'hasil segera' melainkan selepas puluhan tahun atau hanya selepas tokoh itu sudah tiada lagi.

Utusan Malaysia, 13 Februari 2001

PAK SAMAD ANGKAT MARTABAT SASTERA, BAHASA DI AKHBAR

oleh *Pena Mutiara*

Atas daya usaha Allahyarham Abdul Karim Abdullah (lebih dikenali dengan panggilan Bung Karim) yang gigih, cerpen karya A Samad Ismail (kini Tan Sri) dari 1944 hingga 1991 sudah berjaya dikumpulkan dalam sebuah antologi setebal 833 halaman.

Antologi mengandungi 41 cerpen itu diberi judul *Ingin Jadi Pujangga*. Buku itu diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1994.

Sebenarnya 41 cerpen dalam jangka masa 47 tahun tidaklah boleh dikatakan satu hasil yang besar daripada seorang yang lebih terkenal sebagai wartawan daripada sasterawan.

Sebagai wartawan, Samad pernah menerima pengiktirafan daripada Yayasan Ramon Magsaysay, Filipina yang meletakkan Samad sebagai wartawan terulung di Asia.

Anugerah Ramon Magsaysay yang diterima Samad pada Ogos 1994 itu juga satu pengiktirafan kepada Samad sebagai seorang sasterawan yang banyak berjasa memperkembangkan sastera Melayu Moden.

Seorang ahli antropologi Amerika, Profesor Dr. Joseph F. Banks, dalam kajiannya mengenai Samad, menganggap beliau sebagai seorang sasterawan yang berketrampilan.

Menurut Profesor Banks lagi, Samad adalah jambatan yang menyambung sasterawan generasi Ishak Muhammad (Pak Sako) dengan penulis generasi selepas perang.

Walaupun Samad pernah menerima anugerah daripada Kerajaan Malaysia sebagai Pejuang Sastera pada 1976, namun nasib Samad tidak sebaik rakannya. Samad seolah-olah dipinggirkan oleh pertubuhan penulis tanah airnya sendiri. Samad tidak pernah dicalonkan untuk menerima SEA Write Award ataupun Sasterawan Negara.

Tidak dinafikan, Samad memang selamanya dibayangi sejarah dan latar hidupnya sebagai seorang pejuang politik radikal. Samad bersama Ishak jelas sekali terpinggir dari arus perdana atau *main stream* sastera tanah air kerana latar hidup mereka yang dikatakan sebagai tokoh sayap kiri nasionalis Melayu.

Namun demikian, sebagai wartawan, ketokohan Samad terbukti sekali tidak dapat dipinggirkan begitu saja.

Samad begitu dominan sebagai wartawan. Beliau menjalani hidup sebagai wartawan dari sejak sebelum perang membawa kepada zaman Jepun hingga selepas perang dan selepas merdeka. Samad membentuk dan mencorakkan watak media bangsa dan negaranya hingga tidak dapat ditolak sama sekali peranan dan sumbangannya di bidang persuratkhabaran yang demikian besar.

Dalam bidang sastera, Samad semacam dipinggirkan kerana Samad sebagai sasterawan dianggap tidak begitu giat dan komited seperti Usman Awang misalnya. Begitu pun, pengkaji sastera tidak dapat menolak Samad sebagai seorang sasterawan yang tergolong sebagai pelopor bidang sastera.

Samad menjadi mahaguru kepada generasi demi generasi sasterawan muda tanah air dari sejak dahulu hingga bersara daripada dunia persuratkhabaran. Allahyarham Keris Mas pernah mengakui Samad sebagai mentornya.

Antologi cerpen *Ingin Jadi Pujangga* yang diterbitkan oleh DBP beberapa tahun lalu itu adalah bukti sumbangan Samad dalam antologi itu adalah karya yang setanding dengan karya Allahyarham Keris Mas ataupun A. Samad Said.

Kekurangan Samad adalah kerana beliau tidak pernah menulis sajak, walaupun Samad sebagai pengarang akhbar banyak berjasa mengasuh penyair generasinya.

Ketika memimpin *Berita Malai* dalam masa pendudukan Jepun, Samad memperkenalkan Masuri SN dalam majalah *Semangat Asia* yang diterbitkan oleh *Berita Malai* Samadlah juga yang membawa Allahyarham Keris Mas bekerja di bawahnya bagi membantu beliau mengendalikan *Utusan Zaman* dan *Mastika* pada 1948.

Dalam satu ceramahnya kepada pelajar di Kuala Lumpur tidak lama dulu, Samad menerangkan bagaimana dia memperkenalkan Allahyarham Keris Mas kepada sastera Inggeris. Dia mengasuh Allahyarham berjinak dengan Hemingway, Tolstoy, Balzac, Guy de Maupassant dan pujangga besar Barat.

Samad, ketika Allahyarham Keris Mas mula berkerja di Utusan Melayu, setiap minggu memberikan novel Inggeris kepada Allahyarham untuk dibaca. Setelah itu Allahyarham harus menceritakan kepada beliau apa yang telah dibacanya dan mereka berbincang mengenai novel itu.

Setelah bebas dari tahanan pada 1953, ketika Allahyarham Yusof Ishak hendak menarik halaman sastera *Utusan Zaman*, Samad tampil mempertahankan halaman itu. Yusof agak keberatan membuka halaman sastera *Utusan Zaman* kerana menurutnya sastera tidak menguntungkan *Utusan Melayu* dari segi jumlah cetak.

Usman Awang pernah menulis bagaimana ketika ketiadaan Samad di *Utusan Melayu* (ketika beliau ditahan oleh Inggeris), halaman sastera *Utusan Zaman* dan *Mastika* menghadapi tekanan daripada Yusof dan golongan antisastera dalam *Utusan Melayu*.

Samad bersungguh-sungguh mempertahankan halaman sastera dan pada waktu yang sama merangsangkan terus halaman itu hingga merupakan satu tradisi surat khabar *Utusan Melayu*.

Demikian juga berlaku dalam *Berita Harian*, Samad membuka seluas-luasnya halaman sastera akhbar itu untuk penulis muda dan mapan. Suatu masa dulu *Berita Harian* satu-satunya akhbar di negara ini yang menganjurkan Peraduan Cerpen setiap minggu.

Yayasan Ramon Magsaysay memperakui Samad sebagai seorang pembangun sastera Melayu moden. Samad ialah penyambung tradisi akhbar Melayu dari zaman Kajai sebagai pengarang dan sekali gus sebagai sasterawan. Halaman sastera dalam *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* dalam zaman kepemimpinan Samad merupakan halaman terpenting.

Pengarang akhbar pada zaman Samad adalah juga pejuang sastera dan bahasa. Sesungguhnya tidak ada pemisahan dalam tugas dan peranan pengarang dan tugasnya

sebagai pemimpin bahasa dan sastera. Pada zaman Samad, pengarang bertanggungjawab langsung dengan maju mundurnya halaman bahasa dan sastera akhbarnya.

Dalam akhbar harian berbahasa Melayu hari ini, sastera dan bahasa tidak lagi memainkan fungsi penting seperti pada zaman Samad dahulu. Halaman ekonomi, hiburan dan sukan lebih banyak diberi perhatian. Peranan bahasa dan sastera hari ini nampaknya semacam terpinggir dari arus perdana pembangunan negara.

Yang sedia dimaklumi, negara kita kini lebih menumpukan pembangunan ekonomi. Perkembangan bidang hiburan dan sukan juga nampaknya menarik minat kebanyakan pembaca. Hiburan kini merupakan satu industri besar. Hanya segelintir masyarakat sahaja yang meminati halaman sastera dan bahasa.

Dalam satu ceramah di Institut Bahasa tidak lama dulu, Samad membicarakan masa depan sastera Melayu dalam konteks perjuangan negara sekarang untuk mencapai Wawasan 2020.

Samad menganjurkan sasterawan Melayu harus mencari jalan menempuh era baru dengan menimba nilai dan tradisi bangsa untuk mengangkat sastera bangsa.

Beliau juga mengingatkan sasterawan Melayu, bahawa dalam era pensejagatan sekarang, kita harus mencari akar kita sendiri. Jangan meminjam nilai orang lain untuk mengenal diri kita. Sebagaimana teori kewartawanan harus berjejak kepada keperluan dan tradisi serta sejarah hidup masyarakat Malaysia, maka teori kesusasteraan juga harus terus berpijak pada tradisi dan sejarah masyarakat Malaysia sendiri.

Oleh yang demikian, kata Samad, sasterawan kita harus dapat melepaskan diri daripada dikongkong oleh pemikiran dan pengaruh budaya Barat. Bagaimanapun, Samad beranggapan tidak semua teori Barat harus dilontar keluar dari tingkap. Menurutnya, kita mengambil mana-mana yang baik dan menolak yang mengekang perkembangan sastera kita.

Sasterawan Malaysia, kata Samad lagi, perlulah berani mengkritik diri sendiri serta melihat muka sendiri di cermin. Jangan terlalu mudah memuji satu sama lain. Kita harus kritis pada diri sendiri.

Samad berpendapat, bidang sastera akan terus terpinggir dari perkembangan dan pembangunan negara sekiranya sasterawan kita tidak peka kepada sekitarnya dan proses perubahan dalam masyarakat dan dunia.

Sastera kita, bagi Samad, telah mencapai tahap perkembangan yang membanggakan, tetapi masih diselubungi pemikiran dan pendekatan yang terlalu condong menerima nilai Barat tanpa mempersoalkan sama ada nilai itu sesuai atau tidak dengan tradisi kita.

Kita menghadapi cabaran untuk membangun bangsa dan negara agar sejajar dengan kemajuan negara maju. Hari ini Barat sedang mengalami krisis moral dan krisis kerohanian yang parah. Yang demikian, kita perlulah berhati-hati dan tidak terburu-buru menjadikan barat sebagai contoh perkembangan sastera kita.

Kita tidak menolak teknik penulisan dari Barat ataupun pengaruh Barat, tetapi kita harus menyaring dan menapis pengaruh itu supaya kita tidak kehilangan pedoman dan keaslian kita sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun sendiri.

Samad juga selalu mengingatkan, bahawa perubahan adalah dorongan yang membawa manusia membangun peradapan dan kebudayaan mereka.

Berita Minggu, 18 Februari 2001

BAB LAPAN

KOMENTAR ORANG LAIN TERHADAP USAHA A. KARIM HAJI ABDULLAH SEBAGAI PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR SASTERA

1

Assalamualaikum ....

Bung saya minta maaf kerana hampir setahun baru saya dapat memenuhi janji untuk bagi artikel mengenai Dato' Asri. Sebenarnya sudah cari tak jumpa, Bung fahamlah sendiri tentang dunia dan persekitaran hidup penulis!

Apa projek terbaru? Saya tahu Bung tidak pernah sunyi daripada mengumpul bahan. Saya tabik pada kegigihan dan juga kerajinan Bung kerana tidak ada orang yang sanggup buat koleksi seperti Bung. Orang tengok kerja itu remeh, tapi nilainya amat tinggi sekali pada sejarah bangsa.

Saya juga sedang tulis buku Insya-Allah akan diterbitkan sedikit masa lagi. Nanti kalau sudah siap saya akan bagi tahu Bung. Akhirnya selamat berkarya.

Mohd. Sayuti Omar
13 Mei 1998.

Bung Karim semasa akhir hayatnya bercadang menerbitkan sebuah buku berjudul *A. Karim Hj. Abdullah (Bung Karim): Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu* berdasarkan komentar orang lain terhadap apa yang diusahakannya sejak tahun 1960-an hingga 2001. Bagaimanapun buku itu tidak sempat diterbitkannya berikutan kepulangannya ke rahmatullah pada 5 Februari 2001 dan bahagian bab buku ini adalah berdasarkan apa yang diusahakannya semasa hayatnya itu.

2
BUNG KARIM YANG SAYA KENAL

Saya, Hj. Ahmad bin Hj. Mohd. Taib, seorang pesara yang pernah menjadi Pengarah Projek-projek, Pinjaman Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia di Bahagian Pembangunan dan Bekalan, Kementerian Pendidikan Malaysia, ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada saudara serta sahabat saya, Tuan Hj. Abd. Karim Hj. Abdullah di atas usahanya sebagai Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera Melayu di Tanah Air kita yang tercinta, MALAYSIA.

Saya mengenali Bung Karim semenjak ia masih di bangku sekolah lagi. Ada kalanya saya pernah bermalam di rumahnya (pada ketika itu) di Bukit Petaling berhampiran dengan ISTANA NEGARA. Bapanya adalah sepupu kepada bonda saya. Jadi tak hairanlah kalau saya rapat dengan Bung Karim.

Semenjak di sekolah lagi beliau memang berminat dalam lapangan sastera. Ia telah mengumpulkan banyak buku-buku hasil karya penulis-penulis dan pujangga Melayu terkenal seperti Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako), KERIS MAS, TONGKAT WARAN, ABD. RAHIM KAJAI, SHAHNON dan ADIBAH AMIN. Di samping itu beliau menyimpan juga buku-buku keluaran Indonesia yang dihasilkan oleh PAK HAMKA, SUTAN TAKDIR ALISYAHBANA, dan beberapa penulis lain yang terkenal.

Secara kebetulan Bung Karim pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia selama beberapa tahun sehinggalah ia bersara. Minatnya dalam sastera memang sentiasa terserlah, dan sehingga sekarang tidak pudar sama sekali. Bahkan pada masa ini beliau menumpukan sepenuh perhatian kepada bidang ini. Kalau berkunjung ke

rumahnya dapat kita lihat buku-buku sahaja di setiap ruang kediamannya. Inilah menunjukkan Bung Karim berminat sungguh dalam bidang sastera. Selain daripada mengumpul buku-buku, Bung Karim juga ialah seorang penulis yang berbakat. Sudah banyak buku-buku yang ditulisnya terutama mengenai karyawan-karyawan yang telah saya sebutkan tadi. Hasil dari usahanya menulis, Bung Karim sudah menjadi terkenal dan boleh diiktiraf sebagai seorang pakar rujuk. Baru-baru ini, waktu saya berkunjung ke rumahnya terdapat beberapa orang pelajar UiTM, Shah Alam yang cuba mencungkil kepakarannya dalam bidang sastera. Sudah pasti Bung Karim tidak melepaskan peluang yang baik untuk menunjukkan kepada pelajar-pelajar muda belia itu betapa enaknya cerita-cerita Melayu dan betapa luasnya pengetahuan beliau dalam bidang sastera.

Sesungguhnya, saya rasa, kita orang-orang Melayu patut berbangga dengan adanya seorang penulis yang berbakat seperti Bung Karim.

Haji Ahmad bin Hj. Mohd. Taib

3

"Ibarat lilin membakar diri" begitulah pandangan saya terhadap Pak Karim atau lebih dikenali dengan Bung Karim. Pak Karim yang saya kenali adalah seorang tokoh yang begitu gigih dalam mengumpulkan bahan-bahan penting sebagai pendokumentor dan penyelenggara hasil-hasil karya dan tulisan tertentu terutama bidang sastera dan bangsa Melayu umumnya. Kerja sebagai penyelenggara dan pendokumentor bukanlah merupakan kerja mudah sebaliknya adalah merupakan satu kerja yang paling rumit kerana tanpa pengetahuan yang luas, pembacaan yang bermutu serta penyelidikan yang mendalam pasti tidak akan menghasilkan satu karya selenggaraan yang komprehensif dan bermutu.

Karya-karya berbentuk selenggaraan merupakan sumber maklumat yang begitu bernilai kepada masyarakat kita yang dahagakan ilmu pengetahuan dalam apa bidang sekalipun.

Melaluinya warisan persuratan bukan sahaja dapat dipelihara untuk generasi akan datang malah akan dapat membantu bidang kajian dan penyelidikan demi mempertingkatkan kemajuan agama, bangsa dan negara. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas ditujukan kepada Pak Karim di atas usaha murni ini.

Che Ros Rahim
Pustakawan
Pusat Dokumentasi Melayu
Dewan Bahasa dan Pustaka.

2 Ogos 2000.

"Di negara kita tidak ramai yang benar-benar serius menjadi penyelenggara dan pendokumentor sastera. Kerjaya ini cukup rumit dan mencabar. Justeru itu usaha Bung Karim mengumpul tulisan kertas-kertas kerja dan ucapan dari tokoh-tokoh penulis dan politik di negara ini untuk dijadikan buku patut dipuji dan dihargai. Bung Karim adalah seorang tokoh seperti H.B. Yassin di Indonesia."

PENA MUTIARA
Taman Keramat Permai,
Kuala Lumpur.

2 Ogos 2000.

Sejak muda, semasa berada di bangku sekolah dan kemudian sebagai seorang dewasa yang bekerja dan berkarya Bung Karim telah mengabdikan dirinya terhadapl perkembangan dan kemajuan sastera dan budaya Melayu. Pengabdian tersebut berterusan hingga beliau melewati umur 60-an dengan cara dan penekanan (seperti prioriti) yang tersendiri. Dengan demikian saya tidak ragu-ragu menggelarkan beliau sebagai seorang penggemar, penghayat, penggiat dan pendokumentar sastera yang patut jadi contoh teladan. Semoga sifat-sifat terpuji ini dapat diteruskan hingga umurnya mencapai 70-an dan 80-an, Insya-Allah.

Prof. Dato Dr. Firdaus Haji Abdullah
9 Ogos 2000.

Pada pendapat saya, usaha Bung Karim menyelenggara dan mendokumentasikan berbagai-bagai khazanah sastera Melayu, dikumpulkan menjadi sebuah buku, adalah amat baik dan berfaedah serta dihargai untuk tatapan pembaca hari ini, khasnya dan generasi muda amnya.

2. Usaha ini memudahkan para pembaca mengikuti dan menikmati buah fikiran serta pandangan seseorang tokoh yang berselerak di dalam lembaran akhbar, majalah, kertas-kertas kerja serta di dalam sebaran am yang lain, dengan hanya memiliki atau membaca sebuah buku.

3. Saya memiliki beberapa buah buku yang diselenggarakan oleh Bung Karim, antaranya *Amanat Tun Dr. Ismail*, diterbitkan oleh Pustaka Budaya Agency, bagi pihak Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh Timur, Pahang, pada tahun 1974. Walaupun buku ini diterbitkan 26 tahun yang lalu, saya dapati isi buku ini amat berharga untuk dijadikan panduan dan renungan. Di dalamnya terkumpul mutiara kata seorang Tokoh Pejuang UMNO pada peringkat awal, iaitu Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman (Putera Johor) yang setara jasa dan baktinya kepada negara bersama Allahyarham Tunku Ab. Rahman Putra Alhaj (Putera Kedah) dan Allahyarham Tun Ab. Razak bin Husin (Putera Pahang) yang kini dilupakan oleh orang ramai, bahkan oleh pemimpin UMNO sendiri.

4. Tun Dr. Ismail adalah seorang negarawan yang disegani lawan dan kawan. Ucapannya tegas dan pendiriannya teguh. Beliau adalah di antara tonggak yang

berdiri teguh bersama-sama Tunku Ab. Rahman Putra dan Tun Ab. Razak dalam usaha mencapai kemerdekaan dan pembangunan negara.

5. Saya berdoa semoga Bung Karim sihat walafiat supaya dapat meneruskan usaha menggali/mencungkil khazanah bangsa yang masih banyak lagi tersembunyi di celah-celah lipatan sastera kita.

Pada cempedak baiklah nangka,
Pada tidak baiklah ada.
Usaha yang baik jangan ditunda,
Khazanah kan hilang ditelan masa.

Datuk Borhan Md. Yaman
10 Ogos 2000.

7

BUNG KARIM TIDAK SAMA H.B. JASSIN

Usaha kakanda Bung Karim, walaupun tidak sehebat namun mirip usaha Allahyarham H.B. Jassin. Pendirian saya masih menyamai apa yang telah saya nyatakan dalam sebuah rencana, tersiar dalam media massa beberapa tahun yang lalu.

Seperkara yang menarik, sewaktu menuntut dalam tingkatan enam di SMART, Kuantan, saya amat gemar membaca puluhan majalah *Dewan Bahasa*, terutama dekad-dekad awal penerbitannya yang mana Bung Karim acap menulis dalam ruangan editorial. Masa berlalu, saya semakin dewasa, sedangkan Bung semakin uzur serta tua dan kami bersahabat baik, kerap pula beliau mengunjungi kantor saya di sudut *Mastika*, *Utusan Melayu*.

Waktu itu, kami masih berganding bahu untuk menyiapkan buku *Putera Melayu* (Biografi kreatif Dr. Abdul Rahman Talib, Allahyarham), selain saya terbabit secara aktif selama dua tahun selepas itu (mewawancarai lebih daripada 1,000 responden yang 'tenggelam') untuk menghasilkan Jilid Pertama *50 Tahun UMNO Pahang Berjuang* (1940-an-1990) bersama ayahanda Dato' Haji Khairuddin Haji Kawi, mantan Speaker DUN Pahang. Kedua-dua buku tersebut gagal kerana masalah teknikal yang menghantui, namun maklumat kami mengenai rahsia-rahsia Melayu dan UMNO agak banyak tersimpan.

Mengenai usaha persendirian Bung Karim, saya tertarik pada pengumpulan dokumen penting mengenai wira-wira tulen Melayu khususnya Allahyarham Tuan Haji Ishak Haji Muhammad (sastera-politik), Tuan Haji A. Samad Ismail, Wartawan Negara dan Allahyarham Tuan Haji Kamaluddin Muhammad. Dibandingkan dengan H.B. Jassin, agak sayang, Bung Karim kurang menghasilkan esei dan kritikan khusus berkaitan dengan sastera, budaya dan siasah Melayu.

Rasanya, belum terlambat jika kakanda kita ini merealisasikan penerbitan sebuah dua buku semisalan bertajuk *Bersama Pak Sako, Hari-hari Awal dan Terakhir* dan *Proses Kreatif Pak Sako, Samad Ismail dan Keris Mas: Kaca Mata Bung Karim*. Jika para sahabat kita di Indonesia mampu menghasilkan buku *100 Tahun Agus Salim* dan *Menulis dalam Air*, tidak mustahil pula Kakanda Bung Karim mampu menghasilkannya dalam tempoh terdekat ini; jika terhasil, mutiaranya jauh lebih bersinar daripada segala dokumen yang dikumpulnya kerana bakat kepengarangan Bung sebagai esei jauh lebih tajam ketimbang M. Noor Azam.

Ramli Haji Mat Akil
Penceramah/Pengarang
Pengurus Daeng Ramliakil Productions & Consultants,
B-60, Lorong Air Putih 2, Jalan Beserah, 25300 Kuantan.

23 Ogos 2000.

8

Bung Karim

Menyelenggara dan pendokumentor bahan sastera bukanlah satu kerja yang mudah. Penelitian, kesabaran dan prihatin terhadap genre sastera masa lalu dan kini akan menentukan kejayaan usaha tersebut. Di atas usaha saudara selama ini adalah satu aset ke arah menaikkan martabat sastera untuk dinilai oleh generasi Malaysia pada masa depan.

Tahniah!

Daripada:
Haji Saedon Hj. Ibrahim
Kuala Lumpur.

7 Oktober 2000.

9

Bung Karim,

Anak kelahiran Kampung Bangau, Temerloh, Pahang ini telah menumpahkan cintanya kepada seni dan budaya bangsa. Lebih separuh daripada usianya dihabiskan dengan kegiatan pengumpulan dan dokumentasi sejak mula bergiat dalam Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP).

Jika Datuk Haji Zakaria Hitam (Pak Zek) mengumpul cerita rakyat, takar lama dan mencari asal usul sejarah kampung. Bung Karim meneruskan tradisi itu, tetapi lebih kemas dan tersusun sejajar dengan alaf baru.

Usahanya mengumpul teks ucapan, cerpen, novel, tulisan, artikel yang ditulis oleh tokoh ternama seperti Tun Haji Abd. Razak Hussein, Pak Sako, Pak Samad Ismail membuktikan kredibilitinya dalam bidang ini.

Kita jangan lupa bukti, atau dokumentasi adalah lakar sejarah yang amat berharga bagi sesuatu bangsa. Kejayaan sesuatu bangsa itu bergantung kepada cinta yang mendalam kepada kejayaan bangsanya.

Aminudin Mansor @ Ami Masra
(Pendidik, Penulis/Penyair/Wartawan)
No. 14, Jalan USJ 4/1D,
Subang Jaya,
47600 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

10 Oktober 2000.

10

BUNG KARIM MASIH GIGIH

Walaupun usianya telah meningkat, namun dalam kesepian malam dan keheningan suasana sepi, Bung Karim masih gigih, gigih dengan usaha untuk memartabatkan sastera Melayu, mengayakan khazanah bangsa. Keringat tuanya masih mengalir dengan kesedaran dan keinsafan bahawa bahasa itu bangsa dan hilang bangsa kerana hilangnya bahasa. Dia memberi petunjuk, memberi ingatan kepada generasi baru bahawa mereka jangan alpa terhadap tugas dan tanggungjawab mereka mempertahankan maruah bahasa dan menjamin keutuhan bangsa.

Darah, darah perwira yang masih mengalir sejak Asas 50 tetap subur di jiwa Bung Karim walaupun pejuang-pejuang lama seperti Pak Sako telah lama meninggalkan kita. Bung Karim tetap dengan perjuangannya. Entah bila beliau akan berhenti ....

Haji Yidris bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

21 Oktober 2000.

Syukur kepada Allah kerana anda insan prihatin kepada sastera dan tahniah pada usaha yang murni itu. Usaha ini memartabatkan kaum penulis kerana berjaya mengutarakan rekod serta prestasi dan proses penulisan tokoh dengan terinci dan tidak dapat diperolehi daripada mana-mana sumber selain daripada Bung Karim sendiri.

Cara Bung Karim mengambil gambar, mencetak cerita benar penulis itu dapat mengelakkan kepalsuan fakta atau hal-hal yang kurang tepat. Hal ini dapat mendidik masyarakat peka akan pencapaian seseorang tokoh yang perlu diingati sepenuhnya secara menyeluruh bukan sekadar mengambil mana-mana bahagian yang dapat sahaja. Usaha ini juga mendidik masyarakat supaya menyimpan rekod sejarah pencapaian pendidikan dan butir-butir peribadi yang lebih lengkap kerana:

i. sebagai dokumentasi peribadi
ii. untuk dikongsi kegemilangan/kejayaan
iii. membanyakkan bahan bacaan yang sahih dan dapat dipertanggungjawabkan.

Usaha Bung Karim ini seharusnya patut diberi pengiktirafan dari pihak-pihak yang berwibawa seperti DBP, KKK&P Malaysia kerana langkah mendokumentasikan bahan sejarah individu sangat kurang.

Agus Salim,
Mahaya Mohd. Yassin,
59, Lorong Cenderawasih 2,
Taman Paroi Jaya,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

10 November 2000.

12

Bung Karim Yang Saya Kenali (TUAN HAJI ABD. KARIM HAJI ABDULLAH) PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR SASTERA

Usaha Saudara Bung Karim menyelenggara dan mendokumenkan sastera dan buku-buku Melayu seharusnya disanjung kerana ia merupakan usaha yang amat terpuji. Tidak ramai yang ingin melibatkan diri secara serius dalam hal perbukuan di negara kita ini. Pada hemat saya usaha beliau ini amat tinggi nilainya.

Sastera dan buku-buku Melayu merupakan salah satu warisan bangsa. Dalam hal ini Saudara Bung Karim telah dapat menyelenggara dan melaksanakan tugas ini dengan tersusun dan baik sekali. Dengan membaca dan mengkaji buku-buku yang beliau usahakan, generasi muda dapat memahami dan mempelajari pelbagai ilmu yang dapat digunakan untuk diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Ini amat diperlukan dan ia selaras dengan usaha kerajaan dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia yang berhasrat mewujudkan masyarakat berilmu menerusi buku dan pembacaan. Orang tua-tua telah mengungkapkan kata-kata hikmat untuk direnungi oleh anak cucu mereka yang berbunyi:

> "Kekayaan yang paling tinggi nilainya
> ialah akal fikiran"
> "Kemelaratan yang paling parah
> ialah kebodohan"

Sesungguhnya usaha Saudara Bung Karim ini dapat membantu mengingatkan generasi muda kita kepada kata-kata hikmat tersebut.

Syabas Saudara Bung Karim.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMBACA JAMBATAN ILMU"

Yang ikhlas,

SIATAN AHMAD
Setiausaha
Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.

20 November 2000.

13

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan dimaklumkan bahawa di sini saya ingin mengulas iaitu tentang komen saya terhadap Bung Karim sebagai Penyelenggara dan Pendokumentor sastera sebagai satu usaha yang murni dan baik bagi dunia sastera negara dan khususnya kepada kaum bumiputera dan saya berharap agar Bung dapat teruskan usaha murni tersebut demi untuk mengembangkannya ke seluruh pelosok tanah air dan negara dalam menghasilkan buku-buku bacaan Melayu yang bermutu tinggi bagi kegunaan generasi-generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, saya menyokong penuh di atas usaha Bung tersebut dan berharap agar Bung dapat teruskan usaha tersebut demi agama, bangsa dan negara.

Dato' Haji Faisal bin Haji Abdullah
A-7168, Lorong 13, Taman Datin Maharom,
Medan Tok Sira,
Alor Akar,
25050 Kuantan.

23 November 2000.

14

Kerja mengumpul dokumentasi adalah satu usaha yang memerlukan ketekunan luar biasa. Ia membabitkan kesabaran dan juga ilmu yang sewajarnya bagi menghidupkan cerita yang diolah. Bung Karim telah berjaya membawa kedua-duanya ke dalam realiti penulisan sehingga dapat memberi gambaran yang jelas kepada dokumentasi yang dikumpulkannya. Ini satu kerja yang mahal nilainya dan perlu mendapat sanjungan. Sebenarnya di Malaysia ada seorang sahaja pengumpul dokumentasi yang berjaya. Dialah A. Karim Abdullah atau dikenali dengan Bung Karim. Dia telah banyak mengumpul dokumentasi mengenai orang-orang ternama, iaitu penulis-penulis yang perlu mendapat pengiktirafan antaranya A. Samad Ismail, A. Samad Ahmad, Keris Mas, Pak Sako dan lain-lain.

Saya harap beliau dapat meneruskan kerja-kerja mengumpul dokumentasi ini dengan segar.

DINO SS

30 November 2000.

Catatan:

"Dino tidak dapat menulis sendiri sebab dia sakit separuh badan – hampir tiga bulan" – Maznon (isteri Dino SS).

Usaha Bung Karim .... patut diberikan sanjungan dan sokongan: sokongan semangat setia kawan dan sokongan material seperti membeli hasil usaha beliau yang berupa buku dan apa sahaja bahan bacaan yang terbukti amat menarik dan mencabar keupayaan minda seseorang yang arif menilai bahan bacaan jenis sastera, khasnya kesusasteraan Melayu, misalnya, usaha Bung Karim menyelenggarakan sebuah buku yang memuat buah fikiran Keris Mas – *MUTIARA FIKIR SASTERAWAN NEGARA, KERIS MAS.*

Sumbangan Bung Karim sepatutnya mendapat sokongan padu daripada para mahasiswa dan para pensyarah IPT yang terbanyak; yang berminat dan bergiat dalam usaha-usaha menghidupkan semula cahaya kesusasteraan Melayu yang kini kian malap. Sebagai seorang bekas guru dan pensyarah IPT saya tidak menolak kemungkinan usaha Bung Karim akan mendapat tempat di mana-mana sahaja seperti di perpustakaan-perpustakaan, sekolah menengah dan Universiti yang masih kekurangan bahan bacaan sastera yang tinggi mutunya seperti yang pernah diusahakan (diterbitkan) oleh Bung Karim.

Berbuat baiklah ayuhai rakan
Ke dalam laut kamu campakkan
Jika tidak dimakan ikan
Tuhan tahu iakah bukan

- Petikan dari Pendita Za'ba *I l m u Mengarang Melayu* (1952)

Ikhlas daripada saya:

DRS. HAJI AWANG MOHAMAD AMIN
Bekas Pensyarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu (1975-1989) UPM – pesara Drs. (Indon.) BA Hons (London); M.Sc. (UPM); SITC & MPB (Malaya).

30 Oktober 2000.

Satu usaha yang patut diteruskan kerana cara ini dapat mengumpulkan artikel Melayu yang bermutu untuk generasi akan datang. Usaha ini bukanlah perkara mudah dan daya kreatif/ilmu ini dapat diperturunkan kepada generasi muda agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Syabas diucapkan kepada Bung Karim.

Ikhlas dari sahabat.

(MOHD ZAMZURI ABU OTHMAN)
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
Bahagian Kewangan,
Tingkat 14, Wisma Tanah, Jalan Semarak
50574 Kuala Lumpur.

31 Oktober 2000.

17

Sasterawan Terbilang

Pak Karim budiman
Kau mutiara yang terpendam
Tersisih di dasar lautan
Hanya jauhari mengenal manikam

Bahasa dan sastera berhutang padamu Pak Karim
Dalam gamat bicara
Lidahmu halilintar
Menyingkap jendela minda
Meniup semangat perkasa
Sepanas api bara

Jernih niatmu
Seputih kapas di tampuknya

Pak Karim budiman
Kau sasterawan, budayawan terbilang

HAJI MOHAMAD YUSOP ISHAK
Bahagian Pengembangan Sastera Antarabangsa,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

10 November 2000.
13 Syaaban 1421.

Saya amat menyanjung penglibatan gigih Bung Karim dalam kegiatan sastera dan budaya khususnya kegiatan yang berkaitan dengan DPMP. Pada fikiran saya, orang seperti Bung Karim ini perlu sangat ada terutamanya dalam sebuah badan seni dan budaya seperti DPMP. Kegigihan Bung Karim lebih-lebih lagi sebagai dokumentator membolehkan setiap detik kegiatan badan itu direkod dan didokumentasikan. Saya percaya kerja-kerja yang dilakukan oleh Bung Karim itu bukanlah satu kerja yang mudah untuk dilakukan. Tambah lagi ianya sudah tentu memerlukan minat mendalam, dedikasi dan tidak kurang juga sanggup berkorban.

Sepanjang yang saya kenal Bung Karim ini, sifat-sifat yang disebutkan itu memang ada pada diri beliau. Kita semua berharap agar segala hasil usaha gigih Bung Karim sebagai dokumentator itu akan dapat dimanfaatkan oleh generasi pelapis yang baru dalam DPMP. Dan yang tidak kurang pentingnya ialah agar DPMP dan kegiatannya selama ini akan dapat diketahui oleh generasi kini dan juga oleh generasi akan datang.

NASIR MAMAT
79C, Jalan Hamzah,
Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur.

8 Disember 2000.

19

Gedung perbendaharaan sejarah perlu digali dan ditimba agar dapat disambung mata rantai yang terputus akibat proses modenisasi dan sekularisasi. Dan mata rantai itulah yang disambung dan didokumentasikan oleh Saudara A. Karim Abdullah sehingga lewat abad ini. Beliau adalah seorang pendokumentor, penerbit, penyelidik, sasterawan dan budayawan tersohor abad ini. Sinonim H.B. Jassin terulung Indonesia dan satu-satunya sasterawan terulung Melayu di peringkat antarabangsa. ".....Sececah cahaya, di malam suram sama ertinya dengan setitis embun di Gurun Sahara". Demikianlah

Dewan indah sudah tersurat,
Bahasa dan sastera berkembang erat;
Budi tuan sudah tersurat,
Menjadi kenangan sepanjang hayat.

DRS. HANAPIAH SUDIN
Pohon Cemara (11),
Kuala Lumpur.

10 Disember 2000.

20

Saya mula mengenali Tuan Haji Karim Haji Abdullah [saya lebih selesa dengan panggilan Pak Karim] pada sebuah acara baca naskhah cerpen Keris Mas di Sudut Penulis, DBP [10 Jun 1997]. Sejak itu saya lebih mengenali Pak Karim sebagai seorang yang rajin mengumpul, menyusun, menyelenggara, membaca dan menulis tentang tokoh-tokoh besar negara. Sesuatu yang istimewa tentang upaya Pak Karim ini, ia agak melebar bukan saja dalam bidang sastera malah agama, budaya, politik dan falsafah. Banyak bahan bacaan dalam beberapa genre ini ditemui di perpustakaan di rumah Pak Karim. Banyak juga yang dihadiahkan khususnya tulisan tentang Pak Sako, A. Samad Ismail dan Keris Mas.

Pengalaman bekerja bersama Pak Karim [menerusi *Koleksi Cerpen Awam-il-Sarkam* dan *Yang Bernama Cinta*], rupa-rupanya banyak mengajar saya makna menghargai khazanah bangsa. Saya juga mengenali Pak Karim sebagai seorang yang pemurah dengan bercerita tentang pengalaman terutama dalam penulisan. Setiap kali bercakap menerusi telefon atau berjumpa, Pak Karim mesti 'melaporkan' projek penulisan yang sedang dilakukannya. Dan saya akan berkata sendiri: Wah, saya sudah ditinggal jauh. Antara kata-kata Pak Karim yang sentiasa mengingatkan saya kepada kebaikannya ialah: Kita harus rajin bekerja, tidak boleh kata nanti dulu. Dan itu membuat saya berusaha untuk melakukan apa yang terbaik untuk mandala sastera Melayu. Kepada Pak Karim: Tahniah dan terima kasih atas sumbangan besar anda!

Mawar Shafei
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia.

21

Bung Karim,

Tahniah di atas kejayaan anda sebagai pendokumentor yang gigih dan tabah. Kerja yang bung lakukan tidak mudah dilakukan oleh orang lain. Ia hanya boleh dilakukan oleh seseorang yang memiliki jiwa penyabar, rajin, tekun dan didorong oleh minat yang mendalam. Sesungguhnya Bung telah melakukan kerja yang sangat mulia dan berfaedah kepada dunia penulisan dan kesusasteraan.

Bung adalah perakam zaman dan tokohnya. Bung menyimpan khazanah bangsa dan negara. Khazanah ini pula mencerminkan ketamadunan sesuatu bangsa.

Jika Indonesia berbangga memiliki H.B. Jassin (Allahyarham), Malaysia juga patut berbangga kerana memiliki Bung Karim. Malah dalam banyak hal, Bung Karim lebih berwibawa dan lebih banyak kebolehannya.

Sebagai rakan yang sentiasa mengikuti perkembangan Bung Karim, saya doakan usaha-usaha Bung itu diredai dan diberkati oleh Allah jua. Amin

Wahba

Jurnal PEMIKIR

Utusan Melayu.

22

USAHA BUNG KARIM SEBAGAI PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR SASTERA

Tuan Haji Abd. Karim Haji Abdullah (Pak Karim bagi saya, Bung Karim bagi teman-teman yang sebaya) telah sejak sekian lama menumpukan banyak perhatian dan tenaga membuat pengumpulan pelbagai bahan sastera, budaya, politik, agama dan analisis sosial. Usaha ini telah membuahkan banyak hasil. Beliau bukan sahaja menjadi pengumpul data yang baik tetapi juga banyak menerbitkan bahan yang dikumpulkannya dalam bentuk buku. Di tengah kealpaan banyak para sarjana, penelaah dan pendokumentasi profesional, Pak Karim memberi perhatian pada kerja-kerja yang meletihkan ini bermandikan titik peluh dan berbekalkan minat dan kesungguhannya.

Sekiranya diberikan peluang dan kesempatan, Pak Karim boleh menjadi H.B. Jasin Malaysia.

DATUK JOHAN JAAFFAR
Sasterawan/Budayawan.

23

USAHA BUNG KARIM SEBAGAI *"LABOUR OF LOVES"*

Saya amat mengkagumi Sdr. A. Karim Abdullah dengan usahanya yang gigih mengumpulkan bahan-bahan sastera yang kemudian dimanfaatkan untuk orang ramai. Tidak banyak orang di negara kita ini yang boleh berbuat demikian kerana ianya bukan tradisi kita. Kebanyakannya mengumpul untuk keperluan peribadi. Usaha Sdr. A. Karim walaupun tidak sebesar dan sehebat H.B. Jassin dengan Pusat Dokumentasi Sastera H.B. Jassin di Jakarta dan Prof. Dr. Ali Hasjmy dengan Perpustakaan Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy di Banda Aceh, tetapi sebagai satu '*labour of loves*' maka kita harus memberi penghargaan dan pujian yang sewajarnya kepada beliau di atas usahanya yang berkebajikan itu.

Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain

24

USAHA MENYELENGGARA DAN MENDOKUMENTASI SASTERA BUKAN SATU USAHA YANG MUDAH

Penyelenggaraan terhadap bahan-bahan sastera sebagai satu dokumen bukanlah satu usaha yang mudah dan boleh dilakukan oleh siapa sahaja. Sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera ia memerlukan disiplin mencari, mengumpul kemudian mengklasifikasikan bahan-bahan tersebut dengan sabar dan tekun.

Maka usaha Sdr. A. Karim Haji Abdullah menyelenggara dan kemudian mendokumentasikan bahan-bahan sastera tanah air sebagai satu usaha yang sangat berlian dan perlu mendapat penghargaan daripada semua pihak yang cintakan sastera bangsa.

A. Rahman C.M.

Kunjungan singkat saya ke rumah Bung Karim bukan sahaja membuka ruang kepada saya menjengah perpustakannya, tetapi lebih jauh daripada itu, fikiran saya membayangkan betapa rajin dan gigihnya Bung Karim mengumpul bahan-bahan tentang tokoh sastera dan karya terutamanya, yang barangkali tidak mampu dilakukan oleh sarjana sastera sekalipun. Kegigihan Bung Karim mengumpul dokumen-dokumen tokoh sastera tanah air seperti Allahyarham Keris Mas, Allahyarham Pak Sako, Allahyarham Arman Sani dan Tan Sri A. Samad Ismail antaranya, merupakan kegigihan seorang pendokumentor yang benar-benar meminati dan tahu menilai akan kepentingan dokumen-dokumen itu. Tidak mungkin tanpa minat yang tinggi, Bung Karim akan melakukan kerja-kerja yang mungkin dipandang remeh oleh sebilangan orang.

Mohamad Shaidan
No. 12, Jalan 4/1
Bandar Tun Hussein Onn
43200 Cheras.

26

Saya mengenali nama A. Karim Abdullah, menerusi Televisyen Malaysia di awal 1970-an. Dia sering muncul dalam forum dan wawancara. Apabila saya berhijrah ke Kuala Lumpur dan datang ke Dewan Bahasa dan Pustaka, saya mulai mengenali orangnya lebih dekat lagi. Saya baru tahu bahawa beliau salah seorang sidang pengarang majalah *Dewan Masyarakat*.

Beliaulah orang pertama yang mewawancara saya untuk disiarkan di TV Malaysia pada tahun 1972, sewaktu berlangsungnya Malam Cempaka Berbunga di Taman Budaya, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Saya terkejut dan senang sekali apabila pada pagi minggunya wajah saya keluar di TV sambil memberikan komentar dan pendapat mengenai program tersebut.

Kegigihannya sebagai pengacara di TV mahupun dalam majlis dialog dan forum, memperlihatkan keterampilannya yang tersendiri. Begitu juga sifatnya sebagai seorang dokumentator yang gigih – mengagumkan saya.

Projek kami berdua yang cukup menarik, penting, bersejarah dan meninggalkan kenangan tersendiri ialah usaha membukukan Pemikiran Keris Mas Menurut Perspektif Para Sarjana Sastera. Usaha kami ini cukup mencabar dan memakan masa yang panjang. Projek ini kami mulakan pada tahun 1993, tetapi ia hanya menjadi realiti pada akhir tahun 2000!

A. RAHIM ABDULLAH
Universiti Utara Malaysia
Kedah Darul Aman

Pak Karim Abdullah merupakan seorang pendokumentor sastera Melayu yang rajin dan berwawasan. Selain itu beliau juga seorang penyelenggara dan penerbit. Usaha beliau terutama mengusahakan penerbitan semula karya tiga orang tokoh sastera Malaysia terutama Pak Sako, Keris Mas dan A. Samad Ismail wajar diberi pujian dan sokongan moral yang berterusan.

Jasa beliau sesungguhnya telah menambah khazanah korpus sastera tanah air.

DR. ROSNAH BAHARUDIN

28

PENYULAM DAN PEMILIN *MAGNUM OPUS* MELAYU...APA KHABAR?

Tidak ramai khalayak ketahui tugas apakah yang disandang oleh salah seorang bekas sidang pengarang majalah-majalah *Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*. Yang lebih mengharukan, ayah Tuan Haji A. Karim pernah bertugas bersama-sama dengan Almarhum Pendeta Dr. Za'ba (linguis unggul di Asia) di Pejabat Karang Mengarang – institusi awal yang berperanan menyiapkan buku-buku bacaan sekolah di negara ini.

"Saya melakukan pelbagai kerja dan saat ini, saya menjadi Setiausaha Sulit Dato' Fauzi Abdul Rahman, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia. Yang tidak rasmi, masih saya teruskan tugasan yang saya mulakan sejak berusia 17 tahun," ujar Bung Karim lembut dibauri riang bukan kepalang.

Berkunjung ke rumahnya di 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, Petaling Jaya, kita ketemu kira-kira 3,000 judul buku, himpunan fail-fail yang mengandungi mahakarya (*magnum opus*) para pengarang agung negara kita berupa cerpen-cerpen, novel, teks ucapan dan esei. Kesemua khazanah yang menelan belanja kira-kira RM90,000 itu tersimpan rapi dalam dua buah kamar dokumentasinya.

Bung Karim sudah berusaha membukukan karya-karya eceran itu agar 'hidup' kembali. Antara yang ada di pasaran ialah *Amanat Tun Dr. Ismail* (Pustaka Budaya Agency, 1974), *Gema Suci – Segugus Puisi Zulkifli Muhammad* (Pustaka Budaya Agency, 1975), *Zakaria Hitam – Pak Zek Budayawan Berjasa* (Bina Karya Sdn. Bhd.,

1987), *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa-Sastera-Budaya*, (DPMP, KL, 1987), *Cerpen-cerpen Pak Sako* (DBP, 1987), *Pak Sako Bistari* (Bina Karya Sdn. Bhd., 1988), *Perjuangan Suci UMNO* (Good Mark Enterprise, 1993), *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu* (Aka Media, 1993), *Pemimpin dan Sasterawan* (DBP, 1993) dan *Ingin Jadi Pujangga* (1995).

"Minat saya untuk membantu bakal-bakal graduan sastera masih tebal. Biar mereka sedar betapa agungnya karya-karya terdahulu yang kian ditelan debu zaman dan apabila dibukukan, mudah mereka menganalisisnya," katanya.

"Untuk itu, antara buku yang dalam proses penerbitan ialah *Memoir Pak Sako – Putera gunung Tahan* (Penerbit UKM), *Tentang Karya Keris Mas* diusahakan bersama A. Rahim Abdullah, terbitan DBP, *Wawancara dengan Keris Mas* (DBP), *Cerpen Para Pengarang Pahang* dan beratus buah lagi yang sedang diedit: ujar Bung Karim sambil tertawa.

Dokumentator mirip usaha Pak Haus Bague Jassin ini dilahirkan di Kampung Bangau, Temerloh ini pada 6 September 1937, kini berusia 59 tahun. Beliau pernah menjawat guru di beberapa buah sekolah, penolong pengarang di DBP, PRO, Setiausaha Malay Timber Traders dan Pengurus Jualan United Estate Projects Bhd.

"Rutin saya mudah sekarang, selalu ke pejabat, juga ke Arkib. Waktu dinihari, gemar sekali saya membaca Quran di masjid dan kerja-kerja menyelenggara buku saya peruntukkan masa pada hujung minggu," ujar Bung lagi.

Tidak dinafikan kini usaha mencari pelapis SN Shahnon Ahmad, A. Samad Said, Usman Awang, Nordin Hassan, Muhammad Haji Salleh, Arena Wati dan Abdullah Hussein kian mudah, maka wajar pula kita sama-sama berusaha 'mencipta' dokumentator baru. Untuk mengesan betapa mustahaknya manusia pakar seperti ini, kita boleh mengajukan soalan kepada para penyedia tesis beraliran sastera. Atau, kritikus dan wartawan-sasterawan....

DAENG RAMLI AKIL

Bung Karim sememangnya seorang tokoh yang memiliki wibawa tersendiri di persada sastera tanah air dalam melakukan kerja-kerja sebagai penyelenggara dan pendokumentasi pelbagai bentuk karya yang telah dihasilkan oleh sasterawan tanah air. Dan di tanah air kita, tidak ramai orang yang sepertinya. Selain Bung Karim dalam sastera, terdapat beberapa nama dalam bidang agama, umpamanya Ustaz Mohd. Saghir Abdullah di Kuala Lumpur dan Ustaz Mohamad Mahmud di Kelantan yang memiliki ciri-ciri yang sama.

Kerja-kerja sebagai penyelenggara dan pendokumentasian itu akan menjadi lebih lengkap sekiranya beliau menghasilkan tulisan-tulisan dalam bentuk asal mengenai tokoh-tokoh yang amat akrab dengan beliau seperti Allahyarham Pak Sako, mahupun Pak Keris Mas, ataupun Pak Samad Ismail. Saya percaya, autobiografi Bung Karim yang ditulis langsung dari sudut pandangannya terhadap tokoh-tokoh sasterawan dan pejuang bangsa ini akan lebih bermakna dan memberikan manfaat yang besar untuk khazanah kesusasteraan tanah air. Saya katakan demikian kerana Bung Karim terlalu rapat dengan tokoh-tokoh ini, dan sudah tentu banyak hal-hal penting tentang mereka amat diketahui oleh Bung Karim, dan tidak diketahui oleh generasi muda kita.

RAHIMIDIN ZAHARI

23 Oktober 2000

30

PAK KARIM SEBAGAI PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR WARISAN DAN INTELEKTUAL BANGSA

Bagi saya, usaha murni, gigih dan konsisten serta tidak menuntut keuntungan apa-apa dalam perjuangan menyelenggara dan mendokumentasi hasil-hasil kesusasteraan, pemikiran dan intelektual para sasterawan, budayawan, wartawan dan seumpamanya yang berkaitan merupakan kerja mulia, ibadah yang tidak ternilai dan sukar ditandingi dalam suasana masyarakat Malaysia hari ini yang begitu mengutamakan nilai-nilai materialisme, turun naik harga saham dan aspek-aspek kebendaan lainnya.

Insan seumpama Pak Karim yang berjuang secara sendirian khasnya dalam kerja-kerja rumit, mencabar dan memerlukan ketekunan serta pengorbanan besar yang sukar dinilai dengan harta benda. Masa dan sejarah akan menjadi saksi betapa sumbangan bernilai Pak Karim akan abadi dalam lipatan sejarah kesusasteraan dan kebudayaan Malaysia moden. Persoalan yang sering timbul di fikiran saya sejak sekian lama siapakah agaknya yang akan meneruskan perjuangan murni, serius, komited dan tidak mengharapkan apa-apa keuntungan kebendaan seperti insan yang bernama Pak Karim ini. Pihak DBP, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan institusi pengajian tinggi wajar mengambil teladan, iktibar, langkah dan strategi berkesan untuk melahirkan lebih ramai insan seumpama Pak Karim yang sanggup bersusah payah memelihara warisan intelektual dan pemikiran bangsa Melayu yang secara tidak langsung mengangkat martabat sastera bangsa ke tempat sewajarnya.

Talib Samat
Pensyarah Kesusasteraan Moden
Jabatan Sastera, Fakulti Bahasa,
UPSI, Tanjung Malim.

Usaha Saudara Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah (Bung Karim) sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera dan buku-buku Melayu adalah dihargai dan disanjung tinggi.

Bagi menyuburkan bahasa Melayu bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan tapi sebagai salah satu bahasa dunia kelak, maka perlulah dipertingkatkan kualiti dan kuantiti sastera Melayu. Sebarang usaha mendaulatkan bahasa Melayu di Malaysia dan di persada dunia berhak menerima penghormatan.

Syabas Bung Karim!

Tan Sri Kamarul Ariffin
Kuala Lumpur.

1 Disember 2000.

Bung Karim bukan sahaja aktif tetapi benar-benar berminat dalam bidang usahanya yang khusus tertumpu kepada mengumpul, merakam dan mendokumentasi pelbagai bahan kesusasteraan, persuratan, persejarahan dan pertokohon Melayu. Usaha beliau itu, saya sedar setelah berkenalan dengannya sejak 1996, telah lama bermula dan berterusan sehingga kini. Segala bahan tersebut yang berupa keratan akhbar, kertas kerja, teks ucapan, gambar, manuskrip dan pita tersimpan di dalam koleksi peribadinya yang kini bertimbun tersusun di atas rak buku di rumahnya. Sebahagian daripada bahan tersebut telah disisihnya mengikut tokoh, tema dan subjek, lalu diselenggaranya bagi diterbitkan untuk dimanfaatkan oleh generasi sekarang dan penyelidik. Saya percaya, para penyelidik dalam bidang berkenaan akan merasa amat senang mendampinginya dan bertuah kerana adanya manusia sepertinya.

Saya bukan seorang ahli sastera, tidak juga seorang ahli persuratan Melayu, dan jauh sekali seorang ahli sejarah. Tetapi subjek-subjek tersebut dekat kepada saya. Pada 1996, saya diminta untuk memperkenalkan buku Pak Sako, berjudul *Memoir Pak Sako* dalam upacara perlancaran buku berkenaan di Temerloh, tanah kelahiran tokoh tersebut. Buku itu, yang diterbitkan oleh Penerbit UKM, adalah salah satu usaha selenggaraan Bung Karim, dan asalnya ialah tulisan bersiri Pak Sako yang disiarkan di dalam *Mingguan Malaysia* pada 1978(?). Dalam usaha saya untuk mengenali Pak Sako dengan lebih mendalam, saya diperkenalkan oleh seorang kawan kepada Bung Karim yang lalu, membenarkan saya meneliti koleksinya yang lengkap tentang Pak Sako. Ketika inilah saya sedar betapa berfaedahnya usaha Bung Karim kepada masyarakat, termasuk para

penyelidik dan generasi akan datang. Sungguhpun begitu, tidak semua orang mempunyai minat yang mendalam dan kesungguhan serta keahlian seperti Bung Karim. Saya tidak tahu jika ada orang lain yang juga melakukan usaha yang sama seperti beliau. Kalaupun mungkin tidak bersendirian, Bung Karim tentu sekali sesuai diangkat sebagai penyimpan ulung khazanah budaya, kesusasteraan, persuratan dan persejarahan Melayu.

Saya sungguh bergembira kerana hubungan saya dengan Bung Karim berlanjutan yang kadangkala diperteguhkan melalui beberapa sesi pertemuan di rumah Tan Sri Pak Samad Ismail, seorang lagi tokoh kewartawanan dan kesusasteraan Melayu. Sezaman Pak Sako, saya percaya hubungan saya dengan beliau, sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera Melayu, tentu saja boleh saya manfaatkan lagi.

Prof. Madya Sulong Mohamad

Satu-satunya kekurangan dalam tamadun Melayu ialah usaha pendokumentasian yang menuntut kesabaran dan kegigihan semangat dalam melaksanakannya. Ini kerana ia bukan satu bidang yang menarik atau dapat membawa hasil yang segera justeru tidak ramai orang berminat menceburinya. Apabila saudara Haji Karim memilih untuk menjadi seorang pendokumentor karya-karya politik atau sastera, beliau memberi sumbangan penting kepada persuratan Melayu. Semoga terdapat tokoh-tokoh lain yang akan tampil bagi meneruskan usaha baik ini.

Wan Mohd. Mahyiddin
Penulis dan aktivis politik.

34

Bismillahirrahmanirrahim

PANDANGANKU TENTANG BUNG KARIM SELAKU PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR SASTERA DAN BUKU-BUKU MELAYU

Dengan penuh jujur saya katakan bahawa sahabat saya yang bernama A. Karim Haji Abdullah atau Bung Karim sahaja itu adalah seorang intelektual Melayu Malaysia yang telah mengambil daya usaha secara sukarela dan berterusan sepanjang tempoh 50 tahun yang lalu (1950-2000) untuk mengumpul sejumlah hasil sastera yang ditulis sendiri oleh sejumlah tokoh dan pemimpin Melayu di negara ini atau sejumlah hasil sastera mengenai tokoh-tokoh dan pemimpin berkenaan yang ditulis oleh orang lain.

Antara tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin berkenaan termasuklah Allahyarham Tengku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, Allahyarham Ibrahim Yaacob, Allahyarham Pak Sako, Allahyarham Keris Mas dan lain-lain lagi. Tidak syak lagi ia adalah suatu usaha besar dan gigih yang memerlukan minat yang mendalam dan berterusan, suatu usaha murni yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun kecuali Bung Karim!

Sehingga ini lebih 30 judul buku hasil penulisan, pengumpulan, suntingan Bung Karim telah pun berjaya diterbitkan. Sebahagiannya diterbitkan oleh beliau sendiri, manakala sebahagian lagi diterbitkan oleh DBP dan beberapa penerbit yang lain.

Selain itu, sejumlah hasil karya beliau yang lain masih di dalam proses percetakan, manakala sejumlah yang lain lagi masih di dalam proses penyelenggaraan.

Di antara karya-karya beliau yang telah pun diterbitkan itu (sama ada hasil tulisan beliau sendiri ataupun hasil pengumpulan, suntingan, penyelenggaraan beliau termasuklah *Cerpen-cerpen Pak Sako* (DBP, 1987), *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (DBP, 1991), *Pemimpin dan Sasterawan* (DBP, 1993), *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya* (DBP, 1993), *Ingin Jadi Pujangga* (DBP, 1995) dan sejumlah besar buku yang diterbitkannya sendiri menerusi penerbitannya iaitu Pustaka Budaya Agency atau penerbit lain seumpama Pustaka Aman Press, Penerbitan Fajar Bakti, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., dan sebagainya.

Berdasarkan kepada peranan dan sumbangan beliau yang begitu besar di dalam kerja-kerja pengumpulan, penyelenggaraan, penulisan, penyuntingan hasil sastera dan buku-buku Melayu yang mencakupi pelbagai tokoh dan persoalan itu, maka dengan ini saya tidak ragu-ragu lagi untuk mengatakan bahawa saudara Bung Karim wajar sekali dinobatkan sebagai seorang tokoh penyelenggara-pendokumentor sastera dan buku-buku Melayu yang pertama dan yang terulung di negara ini yang mewakili dua abad-baik akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 (1950-2050). Sekali gus ia menuntut saat pengiktirafan nasional dan pembayaran sejumlah ganjaran yang selayaknya kepada beliau atau keluarga beliau daripada pihak pemerintah-pusat dan negeri!

Sebaik-baiknya pengiktirafan dan pemberian ganjaran itu hendaklah disempurnakan semasa beliau masih hidup!!

Daripada/oleh:

Lotfi Ismail
(Pengarang-Wartawan-Penerbit)
1018, Kampung Pancur, Kemumin
16100 Pengkalan Chepa
Kota Bahru, Kelantan.

1 Oktober 2000
Telefon: 09-7732386

BAB SEMBILAN

TULISAN DAN PANDANGAN PENULIS TERHADAP SUMBANGAN A. KARIM HAJI ABDULLAH DALAM KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENDOKUMENTASIAN KARYA SASTERA YANG TERSIAR DALAM MEDIA MASSA

i. Penyelenggara Sastera Yang Gigih oleh *Pena Mutiara*

ii. Bung Karim Pengumpul Dokumen Yang Gigih oleh *Daeng Ramliakil*

iii. Mendekati Pendokumentor Yang Gigih oleh *Pena Mutiara*

iv. Bung Karim Mengikut Jejak H.B. Jassin oleh *Wahba*

v. Rumah Bung Karim Bagaikan Mini Arkib oleh *Tajuddin Saman*

vi. Bung Karim: Penyelenggara dan Pendokumentor Yang Gigih oleh *Shaharom TM Sulaiman*

vii. Melihat Bung Karim Sebagai "Pustakawan" Sastera oleh *A.F. Yassin*

viii. Kegiatan Bung Karim Selepas Bersara oleh *Tajuddin Saman*

ix. Pahang Lahir Ramai Tokoh Penulis oleh *Roselan Ab. Malek*

x. Bung Karim: Bubarnya Sebuah Gedung Ilmu oleh *Noor Azam Shairi*

xi. Bung Karim Dokumentor Sastera Unggul oleh *Jamudin Idris*

xii. Sukar Cari Pengganti Sehebat Bung Karim oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

xiii. Bung Karim Sahabat Setia Pak Sako oleh *Nazri Nong Samah*

xiv. Hilangnya Pendokumentor Sastera dan Politik oleh *Mat Piah Teh Deris*

xv. Bung Karim Yang Saya Kenali oleh *Aziz Jahpin*

xvi. Bung Karim Tinggalkan Khazanah Berharga oleh *Pena Mutiara*

xvii. Keris Mas Sentiasa Dikenang oleh *Suarnieza Mamat* dan *Jasmina Ibrahim*

xviii. Sumbangan A. Karim Haji Abdullah Dalam Bidang Penerbitan dan Pendokumentasian Wajar Dihargai oleh *Talib Samat*

BAB SEMBILAN

TULISAN DAN PANDANGAN PENULIS DAN WARTAWAN TERHADAP SUMBANGAN A. KARIM HAJI ABDULLAH DALAM KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENDOKUMENTASIAN KARYA SASTERA YANG TERSIAR DALAM MEDIA MASSA

PENYELENGGARA SASTERA YANG GIGIH

oleh *Pena Mutiara*

Abdul Karim Abdullah seorang penulis esei yang baik, tapi minat beliau lebih terarah kepada kerja-kerja menyelenggara tulisan pengarang-pengarang terkenal tanah air. Beliau berusaha sedaya mungkin mencari dan mengumpul tulisan-tulisan dari pengarang-pengarang terkenal seperti Allahyarham Keris Mas, Allahyarham Pak Sako, A. Samad Ismail dan lain-lain dari awal penglibatan tokoh-tokoh penulis itu dalam dunia penulisan.

Karim yang lebih dikenali dan mesra di kalangan teman-teman penulis dengan panggilan 'Bung Karim', pernah menjawat jawatan guru sebelum memasuki Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1961. Waktu bertugas di DBP, Bung Karim pernah menganggotai sidang pengarang *Dewan Sastera* dan *Dewan Masyarakat*.

Penulis dan sekali gus penyelenggara yang gigih ini baru saja selesai mengumpul dan menyelenggara pelbagai esei dan kritikan terhadap 'Karya-Karya Keris Mas' yang diusahakan bersama A. Rahim Abdullah. Buku itu kini dalam proses penilaian.

Sementara itu, buku terbaru selenggaraan Bung Karim yang akan terbit bulan November ini ialah *Ingin Jadi Pujangga*. Buku setebal 850 halaman itu diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku *Ingin Jadi Pujangga* menghimpun sebahagian besar cerpen-cerpen Pemenang Anugerah Magasaysay 1994, iaitu Tan Sri A. Samad Ismail.

Menyentuh buku tersebut, Bung Karim memberitahu bahawa beliau mengambil masa hampir empat tahun mencari dan mengumpul cerpen-cerpen Pak Samad dari pelbagai majalah dan akhbar sejak dari tahun 1944 hingga tahun 1991.

"Kerja-kerja menyelenggara ini cukup rumit. Ia perlu sabar, tekun dan gigih," beritahu Bung Karim yang kini menjadi Setiausaha Sulit kepada YB Datuk Fauzi Abdul Rahman, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia.

Buku selenggaraan Bung Karim yang sudah berada di pasaran, antaranya *Pemimpin Dan Sasterawan, Cerpen-Cerpen Pak Sako, A. Samad Ismail Ketokohan Dan Kewartawanan, Amanat Tun Dr. Ismail, UMNO Tunggak Perpaduan Melayu, Perjuangan Suci UMNO dan Zakaria Hitam (Pak Zek) Budayawan Berjasa.*

Di samping itu, buku-buku yang sudah disiapkan oleh Bung Karim dan menunggu penerbitan, antaranya *Mengenang Asri, Wawancara Dengan Sasterawan Negara Keris Mas, Perginya Seorang Patriot Pak Sako Dalam Kenangan, Memoir Pak Sako Dalam Tahanan, Cerpen-Cerpen Pak Sako Tiga Zaman, Antara Pemikiran A. Samad Ismail, Pemikiran Almarhum Prof. Zulkifle Muhammad, Pemikiran Dr. Mahathir Tentang*

Bahasa, Sastera, Budaya dan Kewartawanan dan Ibrahim Yaakob Pejuang Kebangsaan Melayu.

Melihat senarai buku yang sudah dan akan terbit, nyata Bung Karim seorang penulis dan penyelenggara yang gigih. Kegigihannya sejauh ini masih belum ada tandingannya.

Usaha Bung Karim mengumpul tulisan, kertas-kertas kerja dan ucapan dari tokoh-tokoh penulis dan politik di negara ini untuk dijadikan buku patut dipuji. Buku-buku yang diselenggarakan oleh Bung Karim itu kelak akan menjadi bahan kajian dan penyelidikan generasi akan datang yang ingin mengetahui perkembangan sastera, budaya dan politik bangsanya pada masa-masa lalu.

Adalah diharapkan penulis yang lahir di Kampung Bangau, Temerloh, Pahang pada tahun 1937 ini akan terus gigih menyelenggara tulisan-tulisan pengarang-pengarang terkenal tanah air.

Utusan Malaysia, 5 November 1994.

BUNG KARIM PENGUMPUL DOKUMEN YANG GIGIH

oleh *Daeng Ramliakil*

A.Karim Haji Abdullah atau Bung Karim sinonim dengan aktiviti pengisian Wawasan 2020 dari segi ilmu dan maklumat khususnya bidang pentadbiran, sastera, pendidikan dan kewartawanan.

Sudah hampir 30 tahun Bung Karim berhempas-pulas menyelenggara teks ucapan tokoh-tokoh bangsa dan diterbitkan dalam bentuk buku.

Dari Almarhum Tunku Abdul Rahman, hinggalah kepada tokoh-tokoh hari ini iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak terlepas daripada minat Bung Karim. Ratusan teks ucapan bersejarah semua Perdana Menteri kita, telah dikumpulnya dan ada di antaranya telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, antaranya A. Samad Ismail: *Ketokohan dan Kewartawanan, Pemimpin dan Sasterawan dan UMNO.*

"Bahan-bahan tersebut banyak yang saya dapat daripada Arkib Negara," ujar Bung Karim sewaktu ditemu bual baru-baru ini. "Jika usaha diterbitkan dalam bentuk buku, usaha BINA DIRI dan BINA NEGARA menjadi lebih mudah. Siswa siswi, guru-guru dan pemimpin pelapis boleh digunakannya sebagai bahan renungan yang bermanfaat."

Usaha begitu dapat memupuk sikap menghargai bangsa sendiri. Sekali gus, rasa taat kepada pemimpin dan negara dapat dipupuk.

Walaupun sudah hampir 20 buku berbentuk begini sudah diusahakannya, pada saat ini dia semakin aktif menyimpan draf terakhir buku-buku tentang IBRAHIM HAJI YAAKUB, PAK SAKO, HAJI ASRI MUDA dan CERPEN PENULIS PAHANG.

Beliau kini bertugas sebagai Setiausaha Khas Datuk Fauzi Abdul Rahman di Kementerian Penerangan sebelum ini adalah editor ulung jurnal Dewan Bahasa Terbitan DBP dan banyak menyumbang esei untuk Dewan Masyarakat.

Jasa Bung Karim kepada tokoh-tokoh seperti Almarhum Pak Sako, Pak Samad Ismail, Almarhum Pak Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) lantaran setia mencari dan menyimpan ratusan ribu dokumen penting tokoh-tokoh bangsa Melayu turut dihargai oleh ramai para sahabat.

"Bung Karim itu cermat dan baik orangnya," ujar Almarhum Pak Sako kepada saya kira-kira seminggu sebelum beliau meninggal dunia. "Surat tamat tugas saya di Utusan pun disimpannya," jata Pak Sako.

Pak Samad Ismail dan Almarhum Pak Keris Mas pun pernah menyatakan kepada saya kalau mereka hendak mencari dokumen ilmu tentang diri mereka sendiri, dicarinya Bung Karim. Sudah tentu bagi Pak Keris Mas lebih mudah kerana rumah mereka bersebelahan.

Mingguan Watan, 29 Januari 1995

MENDEKATI PENDOKUMENTOR YANG GIGIH

oleh *Pena Mutiara*

Minat dan cintanya yang mendalam kepada tulisan-tulisan lama dari pengarang-pengarang terkenal tanah air mendorong seorang penulis mengumpul tulisan-tulisan itu dan kemudian mengketengahkannya kepada masyarakat dalam bentuk buku. Ini dilakukan beliau dengan harapan buku-buku itu akan menjadi sumber rujukan atau kajian generasi akan datang yang ingin melibat perkembangan dunia sastera dan budaya negara ini pada masa-masa lalu.

Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh A. Karim Abdullah selama ini amat besar ertinya. Sejauh ini, hanya beliau satu-satunya penulis di negara ini yang gigih mengumpul dan menyelenggara tulisan pengarang-pengarang terkenal. Kerja-kerja begini memerlukan kesabaran, ketekunan, ketelitian dan juga menuntut banyak masa dan tenaga.

A. Karim Abdullah yang lebih mesra dengan panggilan 'Bung Karim' di kalangan teman-teman penulis dan budayawan, baru sahaja selesai menyelenggara dan mengumpul pelbagai esei dan kritik terhadap karya-karya Keris Mas yang diusahakan bersama bekas pegawai sastera DBP, A. Rahim Abdullah (kini Ketua Unit Sastera Berita Harian). Buku itu kini dalam proses penilaian pihak penerbit.

Buku terbaru yang diselenggarakan oleh Karim yang berada di pasaran berjudul *Ingin Jadi Pujangga*, iaitu koleksi cerpen-cerpen Tokoh Wartawan Negara Tan Sri (Dr.) A. Samad Ismail. Buku setebal 850 halaman dan diberi kata pengantar oleh Prof. Madya

Abdullah Tahir dari Universiti Malaya ini merupakan kumpulan cerpen perseorangan yang paling tebal yang pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Saya mengambil masa hampir empat tahun mencari dan mengumpul cerpen-cerpen Pak Samad dari pelbagai majalah dari zaman Jepun hingga ke tahun 1991," beritahu Karim sewaktu ditemui di rumahnya di Seksyen 14, Petaling Jaya. Rumah Karim bersebelahan dengan rumah Sasterawan Negara Allahyarham Keris Mas. Namun demikian, Karim menyatakan rasa kesal sedikit kerana tidak dapat mencari cerpen-cerpen Pak Samad disebabkan Pak Samad banyak menulis cerpen dengan menggunakan nama samaran dan nama teman-teman yang beliau sendiri sudah lupa.

Samad yang baru-baru ini menerima Anugerah Magasaysay dari kerajaan Filipina, turut menulis kata-kata aluan dalam buku *Ingin Jadi Pujangga* ini. Selain *Ingin Jadi Pujangga*, Karim pernah mengumpul dan menyelenggara esei-esei dan ucapan-ucapan Samad yang tersebar dalam seminar, forum, bengkel atau pertemuan yang diberi judul *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* terbitan DBP. Buku setebal 441 halaman ini diterbitkan dalam tahun 1991.

Buku terbaru Karim yang berada di pasaran berjudul *Pemimpin dan Sasterawan* terbitan DBP. Buku ini menghimpunkan sebanyak 49 orang tokoh dalam pelbagai bidang yang memperkatakan peranan sasterawan dan kesusasteraan.

"Jangka masa pendapat dan pemikiran yang terhimpun dalam buku ini menjangkau 30 tahun bermula dari tahun 1966 hingga 1992. Dari Allahyarham Tun Razak hingga ke Encik Ghaffar Baba," terang Karim.

"Saya juga telah berusaha merumikan dua novel awal Sasterawan Negara Keris Mas iaitu *Pahlawan Rimba Malaya* dan *Korban Kesuciannya*, tambah Karim. Buku tersebut terbit tahun lalu mengandungi 140 halaman.

Penulis dan pendokumentor budaya yang gigih ini lahir di Kampung Bangau, Temerloh, Pahang pada tahun 1937. Ayah Karim, Allahyarham Abdullah, pernah menjadi salah seorang penterjemah Melayu di Pejabat Karang Mengarang MPSI (kini IPSI), Tanjung Malim di bawah pimpinan Allahyarham Pendita Za'ba, di samping bekas editor Melayu di Jabatan Parlimen Malaysia.

Semasa bersekolah di Temerloh, Karim ikut aktif dalam persatuan penulis. Beliau adalah salah seorang ahli yang mengasaskan Dewan Persuratan Melayu Pahang atau ringkasnya DPMP.

Dalam tahun 1958, Karim mewakil badan penulis itu ke Kongres Kebudayaan Melayu di Melaka bersama-sama Shahmad Malaya, Wan Ahmad Tajuddin dan Allahyarham Gu Jaafar Awang Pekan.

Setelah tamat persekolahan, Karim memulakan kerjayanya sebagai Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur.

Tahun 1961 Karim meninggalkan kerjaya guru untuk memulakan kerjaya barunya di DBP sebagai penyiasat luar. DBP ketika itu beroperasi di Jalan Young, Kuala Lumpur di bawah pimpinan Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail.

Sewaktu di DBP, Karim juga pernah menjadi penterjemah buku-buku pelajaran selama beberapa tahun di bawah Ketua Bahagian Penterjemahan waktu itu, iaitu Tuan

Haji Abdul Rahman Yusop. Tuan Haji Abdul Rahman adalah bekas seorang penterjemah Melayu di Pejabat Karang Mengarang.

Mulai tahun 1968, Karim menjadi salah seorang anggota sidang pengarang majalah *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*. Ketua Pengarangnya ialah Allahyarham Keris Mas. Allahyarham Keris Mas juga adalah merupakan Ketua Bahagian Perkembangan Sastera waktu itu.

Di bahagian ini banyak memberi kesempatan kepada Karim untuk bergaul dan sekali gus bekerja bersama-sama dengan Datuk M. Noor Azam (kini Pengerusi Eksekutif UMBC), Datuk (Dr.) Usman Awang, Abdullah Hussain, Awam il-Sarkam, Salleh Daud, Kemala, Datin Hamsiah, Anwar Ridhwan, Shamsuddin Jaafar, Ayob Yamin, Syed Jaafar Husin, A.F. Yassin, A. Ghani Abdullah, Allahyarham A.M. Thani dan lain-lain.

Karim salah seorang Ahli Jawatankuasa pengasas penubuhan Kesatuan Sekerja DBP. Di bidang politik, beliau pernah menjadi Setiausaha Pemuda Umno Negeri Pahang dari tahun 1974 hingga 1979.

Walaupun sibuk dengan tugasnya kini sebagai Setiausaha Sulit kepada YB Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia, Datuk Fauzi Abdul Rahman, Karim masih meluangkan waktunya untuk menulis, mengumpul dan menyelenggara beberapa buah buku.

Antara buku-buku yang sudah disiapkan oleh Karim dan menunggu penerbitan ialah "Mengenang Asri" (400 halaman), "Wawancara Dengan Pak Sako Dalam Kenangan" (350 halaman), "Pemikiran Almarhum Prof. Zulkiflee Muhammad" (500

halaman), "Komentar Keris Mas" (150 halaman), "Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Bahasa, Sastera, Budaya dan Kewartawanan" (400 halaman) dan "Ibrahim Yaakob: Pejuang Kebangsaan Melayu" (400 halaman).

Selain buku-buku di atas, Karim pernah menerbitkan buku yang mengumpulkan cerpen-cerpen Allahyarham Pak Sako sebelum perang yang diselenggarakan bersama Prof. Dr. Hashim Awang dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Buku tersebut diterbitkan pada tahun 1987 oleh DBP. Dan tahun lalu Karim turut menerbitkan dua buah buku-buku politik, iaitu *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu (koleksi pidato bekas-bekas Presiden UMNO)* dan *Perjuangan Suci UMNO (koleksi pidato Timbalan-Timbalan Presiden UMNO).*

Menyentuh dua buah buku politik yang diselenggarakan itu, Karim berkata, "Buku-buku ini diterbitkan sebagai satu dokumentasi yang berguna dan perlu dihayati dan direnungkan oleh mereka yang baru menjadi ahli UMNO."

Karim juga ada menerbitkan koleksi pidato Tun Dr. Ismail sebaik saja tokoh politik yang berwibawa di negara kita itu meninggal dunia. Buku-buku lain yang sudah terbit yang diselenggarakan oleh Karim ialah *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera dan Budaya, Catatan Perjalanan Pak Sako* dan *Gema Suci (koleksi puisi Zulkiflee Muhammad).*

Di rumah Karim terdapat banyak buku-buku lama, antaranya terdapat novel awal Allahyarham Keris Mas yang diterbitkan oleh Utusan Melayu Bhd dalam tahun 50-an, iaitu novel *Pahlawan Rimba Malaya* dan *Korban Kesuciannya.* Dalam simpanannya juga, Karim mempunyai buku karya Allahyarham Pak Sako yang berjudul *Bersatulah*

Sekarang yang mula diterbitkan oleh Annies Printing Works, Johor Bharu dalam tahun 1946.

Karim telah berangkat ke Makkah bersama isteri untuk menunaikan haji pada tahun 1993. Sekembalinya dari Makkah, Karim telaha membentuk satu hobi baru, iaitu mengumpul buku-buku mengenai riwayat hidup, sirah dan perjuangan Rasulullah s.a.w. Dalam koleksi peribadinya kini sudah terkumpul sebanyak 200 buah buku.

Sebagai pengumpul dan pendokumentasi budaya yang gigih, Karim didatangi oleh pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi yang ingin membuat rujukan atau kajian dan sekali gus meminta bantuan bagi meminjamkan dokumen tentang tokoh-tokoh tertentu seperti Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako), Kamaluddin Muhammad (Keris Mas), A. Samad Ismail (Pak Samad), Ibrahim Yaakob (Ibhy) dan lain-lain lagi.

Sebagai pendokumentor, Karim memberi perhatian kepada perkara yang relevan dengan tokoh-tokoh, umpamanya memiliki tulisan tangan jawi Allahyarham Pak Sako, pita rakaman ceramah dan ucapan A. Samad Ismail, guntingan akhbar tentang tokoh-tokoh tertentu.

Menurut Karim, semuanya itu berguna sebagai khazanah untuk keperluan penyelidikan dan kajian generasi akan datang.

Datuk (Dr.) Usman Awang, juga salah seorang Sasterawan Negara di negara kita, menyifatkan usaha yang dilakukan oleh Karim itu sebagai sumbangan yang tak ternilai harganya. Kepada Karim, Datuk (Dr.) Usman berkata: "Teruskan usaha saudara menjadi pengumpul, penyimpan dan pengkhazanah sastera dan budaya Melayu."

Buletin Utama, Bil. 83 (23 Julai 1995) dan Bil. 84 (30 Julai 1995).

BUNG KARIM MENGIKUT JEJAK H.B. JASSIN

oleh *Wahba*

Banyak penulis di Malaysia menganggap A. Karim Hj. Abdullah adalah H.B. Jassin Malaysia. Betapa tidak, dari kalangan penulis, beliau adalah seorang pengumpul dan pengkaji bahan sastera yang sangat rajin dan dedikasi.

Sejak zaman muda sehingga sekarang beliau sangat tekun mengumpul bahan-bahan sastera hasil karya tokoh-tokoh penulis terkemuka tanah air.

Tugas ini nampak mudah tetapi sebenarnya sangat sukar untuk dilaksanakan kerana ia memerlukan ketekunan yang amat luar biasa.

Siapakah yang sanggup mengumpul setiap bahan termasuk hasil tulisan (rencana, cerpen, puisi) atau apa-apa sahaja yang berkaitan dengan seseorang penulis itu kecuali A. Karim Haji Abdullah.

Tanyakan kepadanya apa sahaja karya yang berkaitan dengan Pak Sako, Keris Mas, A. Samad Ismail dan lain-lain pasti beliau mempunyainya. Malah tulisan jawi Pak Sako (Allahyarham) pun disimpannya dengan teliti.

Hasil ketekunannya menyimpan bahan-bahan penulisan tersebut, Bung Karim seperti yang sering dipanggil oleh teman-teman rapatnya berjaya menghasilkan beberapa buah buku yang rasanya tidak dapat dihasilkan oleh penulis-penulis lain.

Beliau umpamanya telah berjaya menerbitkan buku *Cerpen-cerpen Pak Sako* yang diusahakan bersama Prof. Hashim Awang. *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak*

Samad, Pemimpin dan Sasterawan dan lain-lain lagi. Beberapa buah buku barunya bakal diterbitkan tidak lama lagi, antaranya "Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas" yang merupakan himpunan rencana hasil wawancara penulis dengan Keris Mas. "Pemimpin Kecil Dari Kuala Semantan" iaitu antologi cerpen penulis-penulis Pahang lama dan baru. "Antara Pemikiran A. Samad Ismail" yang mengandungi esei-esei Pak Samad dan buku "SN Keris Mas dari tanggapan tokoh dan sarjana yang diselenggarakan bersama A. Rahim Abdullah terbitan DBP.

Kerajinannya mengumpul bahan-bahan tulisan hasil karya tokoh-tokoh penulis itu membuahkan hasil untuknya sehingga dapat menerbitkan buku-buku berkaitan.

Kadangkala penulis berkenaan sendiri tidak mengumpul bahannya tetapi Bung Karim ada menyimpannya dengan sempurna.

Bung Karim bukan sahaja aktif menyimpan bahan-bahan tersebut tetapi beliau juga aktif dalam persatuan penulis di mana beliau adalah Ketua Dua kepada Dewan Persuratan Melayu Pahang Cawangan Kuala Lumpur.

Kerana kegigihannya jugalah baru-baru ini beliau berjaya mengadakan seminar dan pameran mengenai penglibatan Pak Sako dalam dunia penulisan di Perpustakaan Negara.

Bung Karim juga tidak lupa kepada Allahyarham Keris Mas, di mana baru-baru ini beliau dengan kerjasama Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia telah berjaya mengadakan Majlis Mengenang Keris Mas di Sudut Penulis DBP, yang mana A. Samad Ismail turut memberikan ceramahnya mengenai Pak Keris. Dalam majlis tersebut juga

Bung Karim mendedahkan yang Keris Mas sebelum meninggal dunia pernah merancang untuk melahirkan sebuah novel yang berjudul "Ruh-Ruh 13 Mei".

Walaupun Bung Karim seakan-akan mewarisi aktiviti H.B. Jassin di Indonesia tetapi beliau sebenarnya agak segan atau malu apabila disamakannya dengan tokoh penulis dari negara seberang itu. Beliau mahu Bung Karim dikenali sebagai Bung Karim bukan sebagai orang lain.

Bagus Bung Karim, rajin-rajinlah selalu.

Karya, 25 Oktober 1997.

RUMAH BUNG KARIM BAGAIKAN MINI ARKIB

oleh *Tajuddin Saman*

Dari luar, rumah Abdul Karim Abdullah di Jalan 14/29 Petaling Jaya, nampak biasa saja. Tapi, apabila menjengah beberapa bilik di rumah itu, ia tidak ubah seperti mini arkib yang menyimpan segala khazanah penting tanah air.

Tiga daripada empat atau lima bilik dalam rumah itu penuh dengan longgokkan buku dan kertas.

Malah, pada usia 61 tahun sekarang, Abdul Karim atau lebih mesra dengan panggilan Bung Karim di kalangan kawan-kawannya, terus aktif menulis dan mengumpul khazanah lama yang dilakukan sejak 30 tahun lalu.

Apakah semua itu kerana wang? "Bukan!" Beliau menyanggah cepat dan menambah: "Apalah ada pada wang? Royalti? Berapa sangat yang saya dapat. Tapi ini minat dan minat timbul daripada kesedaran. Betapa penting khazanah bangsa disimpan, dipelihara, dirakam dan diabadikan bagi tatapan anak cucu masa akan datang."

Selain itu, Abdul Karim yang juga Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berharap usaha itu menjadi amal jariah dirinya kepada agama, bangsa dan tanah air.

Beliau sendiri menghasilkan kira-kira 20 buku yang merakamkan pelbagai khazanah bangsa.

Mengimbas detik awal pembabitannya merakamkan khazanah bangsa, Abdul Karim berkata: "Bapa saya pernah berkhidmat sebagai penterjemah di Jabatan Karang Mengarang Melayu Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim.

"Pada waktu itu, Pendeta Za'ba juga bertugas di situ. Kemudian, bapa saya bertugas sebagai penyunting di Parlimen."

Kerjaya itu turut diwarisi Abdul Karim. Beliau bagaimanapun menjadi penyunting di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Tugas itu dengan sendiri mendekatkannya kepada dunia penulisan. Pada 1962, bukunya yang pertama, *Ceramah Bahasa dan Sastera* diterbitkan oleh Pustaka Aman Press. Buku itu mengisi pelbagai ceramah tokoh sastera, termasuk Sutan Takdir Ali Shahbana dan Zulkefli Muhammad.

Abdul Karim berkata, menyiapkan buku, *Ingin Jadi Pujangga* setebal 850 muka yang mengandungi cerpen A.Samad Ismail sejak 1944-1991, paling mencabar sekali.

"Saya mengambil masa empat tahun untuk menyiapkannya dan dalam tempoh itu, saya terpaksa berulang alik ke DBP, Arkib Negara dan Perpustakaan Negara," katanya.

Ketika ini, Abdul Karim sedang mengumpul khazanah tulisan dan ucapan beberapa pejuang tanah air seperti Ahmad Boestamam, Ibrahim Yaakob, Za'ba, A. Samad Ismail serta pidato pemimpin negara, Datuk Onn Jaafar hinggalah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga sedang menyusun pelbagai pandangan tokoh dari Indonesia terhadap A.Samad Ismail dalam buku, *A.Samad Ismail : Pejuang Multi Warna.* Beliau mempunyai banyak bahan mengenai Samad Ismail dan Pak Sako.

Pada 1987, beliau bersama Prof Hashim Awang menghasilkan buku, *Cerpen-cerpen Pak Sako Sebelum Perang* dan ia kini diulang cetak kali keempat.

Satu lagi buku sedang disiapkan ialah antologi cerpen penulis Pahang berjudul *Pemimpin Kecil Dari Kuala Semantan* sempena judul cerpen Sasterawan Negara, Keris Mas.

Buku ini mengandungi 40 cerpen, termasuk karya Keris Mas, Pak Sako, Zakaria Hitam dan Ibrahim Omar. Ia dijangka diterbitkan tidak lama lagi oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang.

Sebuah buku menarik sedang disiapkannya ialah *Melayu Hilang Keberanian? (Satu Polemik).* Buku ini mengandungi perdebatan hangat mengenai sikap orang Melayu.

Menurutnya, ia bermula daripada tulisan Datuk A.Kadir Jasin bertajuk *Suara Melayu Umno dan Kerajaan* dalam *Berita Harian* (18 Februari 1996). Ia kemudian disusuli tulisan Tun Daim Zainuddin berjudul *Orang Melayu Hilang Keberanian* dalam *Mingguan Malaysia* (10 Mac 1996).

Abdul Karim berkata, isu ini turut dibicarakan oleh lebih 20 tokoh lain dan tulisan itu dikumpul serta diabadikan dalam *Melayu Hilang Keberanian?*

BUNG KARIM: PENYELENGGARA DAN PENDOKUMENTOR YANG GIGIH

oleh *Shaharom TM Sulaiman*

"Kalau ingin maklumat lengkap tentang Allahyarham Pak Sako, Tan Sri A.Samad Ismail dan Keris Mas, jumpalah Bung Karim," beritahu seorang teman kepada penulis. Beliau merupakan satu-satunya insan yang banyak menyimpan tulisan ketiga-tiga tokoh tersebut (yang mana tokoh itu sendiri tidak menyimpannya).

Ini dibuktikan sendiri oleh Bung Karim yang banyak menyelenggara buku tokoh-tokoh tersebut seperti *Antara Pemikiran A. Samad Ismail, Ingin Jadi Pujangga, Pak Sako Menurut Pandangan Pak Samad, Memoir Pak Sako, Mutiara Fikir Keris Mas* dan lain-lain lagi.

Bung Karim atau nama sebenarnya Abd. Karim Abdullah berasal dari Temerloh, Pahang dan pernah bertugas sebagai guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Serdang dan Gombak Setia sebelum memasuki Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1961.

Di DBP, Bung Karim bertugas di bahagian *perpustakaan* dan pernah menjadi penterjemah dan menganggotai sidang pengarang majalah *Dewan Sastera* dan *Dewan Masyarakat* di bawah Keris Mas, Usman Awang dan Noor Azam. Dari segi aktiviti luarnya, Bung Karim pernah menjadi pengacara majalah TV Radio Televisyen Malaysia selama enam tahun dan bekas Presiden Kelas 33 Dale Carnegie Course in Public Speaking & Human Relations pada tahun 1967, di samping ahli pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang pada 1957.

Sekarang, Bung Karim adalah aktivis dan pendokumentor sepenuh masa mengenai hal-hal sosial, budaya, sastera dan politik Melayu. Di kalangan penulis, Bung Karim dianggap sebagai 'H.B. Jassin Malaysia' kerana ketekunannya mengumpul pelbagai bahan sastera termasuk ucapan tokoh-tokoh besar Malaysia seperti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad, Keris Mas, Allahyarham Tun Razak, dan lain-lain tokoh lagi.

Kerja mengumpul ini telah dijalankan sejak zaman mudanya sehinggalah didokumentasikannya dalam bentuk penyelenggaraan buku.

Tugas ini nampak mudah tetapi sebenarnya sangat sukar untuk dilakukan kerana ia memerlukan ketekunan luar biasa. Apatah lagi, tugas ini menuntut beliau menyelidik maklumat di Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan DBP, Arkib Negara, RTM dan institusi-institusi lain.

"Kerja-kerja menyelenggara ini cukup rumit. Ia perlu sabar, tekun dan gigih dan terpaksa mengeluarkan duit poket sendiri," menurut Bung Karim. Apakah ini semua kerana wang? "Bukan sama sekali!" sanggah Bung Karim. Sebaliknya beliau menambah; "Apalah ada pada wang, berapa sangat yang saya dapat, ini semua kerana minat saya yang mendalam. Bagi saya, kesedaran mendokumen dan memelihara khazanah bangsa amat penting dan dirakam serta dibadikan bagi tatapan anak cucu kita dan generasi akan datang."

Memang harus diakui sumbangan dan jasa Bung Karim amat besar, bahkan ramai tokoh yang mana bukuya diselenggarakan, terhutang budi kepada Bung Karim kerana

mereka sendiri *lost track* dengan tulisan-tulisan lama mereka yang tersiar di pelbagai majalah dan akhbar.

Di kalangan penyelidik pula, bantuan Bung Karim amat bermakna khususnya membuat penyelidikan tentang tokoh-tokoh tertentu. Sebenarnya, amat jarang orang mempunyai minat dan hobi yang luar biasa ini dan menghasilkannya pula dalam bentuk buku.

Tidak hairanlah, rumah Bung Karim umpama mini arkib yang menyimpan segala khazanah penting tanah air. Minat Bung Karim terhadap penyelenggaraan buku sebenarnya diwarisi dari bapanya, Allahyarham Abdullah Mohd. Ali yang pernah berkhidmat sebagai penterjemah di Jabatan Karang Mengarang Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim sebelum bersara dan bertugas pula bersama Allahyarham Pendeta Za'ba, kemudiannya menjadi penyunting dan editor Melayu Malaysia di Parlimen.

Buku pertamanya yang diselenggarakan oleh Bung Karim bertajuk *Ceramah Bahasa dan Sastera* yang diterbitkan oleh Pustaka Aman Press pada tahun 1962 yang menghimpun pelbagai ceramah sastera oleh Almarhum Sultan Takdir Ali Syahbana, Allahyarham Prof. Zulkifli Muhammad dan lain-lain lagi. Sehingga kini, Bung Karim telah menyelenggara lebih daripada 20 buah buku termasuk yang paling terbaru iaitu *A.Samad Ismail: Pejuang Multi Warna.*

Antara buku-buku yang pernah diselenggarakannya ialah *Cerpen-cerpen Pak Sako Sebelum Perang; Perjuangan Suci UMNO, Pemimpin dan Sasterawan; Zakaria Hitam: Budayawan Berjasa: Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera dan*

Budaya; A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan; Ingin Jadi Pujangga; Amanat Tun Dr. Ismail; Soal-soal Kebudayaan dan lain-lain lagi. Sebuah buku yang menarik yang diselenggarakannya ialah *Melayu Hilang Keberanian? Satu Polemik*. Buku ini mengandungi perdebatan hangat mengenai sikap orang Melayu.

Melayu Hilang Keberanian?: Satu Polemik

Menurut Bung Karim. Buku ini bermula daripada tulisan Datuk A. Kadir Jasin bertajuk *Suara Melayu UMNO dan Kerajaan* (*Berita Harian*, 18 Februari 1996), kemudiannya disusuli oleh tulisan Tun Daim Zainuddin bertajuk *Orang Melayu Hilang Keberanian* (*Mingguan Malaysia*, 10 Mac 1996).

Buku ini menghimpunkan berbagai pandangan lebih daripada 20 tokoh yang turut terlibat dalam polemik tersebut seperti Zainuddin Maidin (ZAM), Kassim Ahmad, Datuk Mahadizir Mohd Khir.

Tulisan yang terdapat dalam buku ini patut menjadi bahan perbincangan dan renungan. Isunya memang kontroversial. Tetapi penulisnya tentulah berniat baik yang berlatar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing untuk menyedar dan menggerakkan sekiranya benar bangsa Melayu dalam kealpaan dan kekenyangan bagaikan 'tikus jatuh ke beras'.

Tan Sri A.Samad Ismail yang memberi kata pengantar buku tersebut menyifatkan "buku yang diselenggarakan oleh Haji Karim (Bung Karim) ini berguna sekali kerana ia memaparkan fikiran dan pendapat dari pelbagai individu, masing-masing dengan pendekatannya yang tersendiri."

Satu lagi sumbangan Bung Karim pada dunia ilmu ialah bahan-bahan dalam koleksi perpustakaan peribadinya sering dipinjam oleh institusi pengajian tinggi, Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengadakan pameran mengenai tema-tema atau tokoh-tokoh tertentu.

Dan yang terbaru, koleksinya yang merangkumi tiga ratus naskhah buku mengenai riwayat hidup dan sirrah Rasulullah s.a.w. telah menjadi tema pameran buku sempena pembukaan rasmi kolej Islam Pahang pada 8 Julai yang lalu.

Segala usaha gigihnya yang memakan masa hampir 30 tahun dalam dunia 'penyelenggaraan dan pendokumentasian', telah diabadikan dalm buku *Bung Karim: Penyelenggara & Pendokumentor Sastera* (2000) yang menyenaraikan bibliografi buku-buku yang diselenggara dan yang disusunnya termasuk buku-buku selenggaraannya yang dalam proses penerbitannya berjumlah 18 tajuk.

Menyoroti buku-buku yang diselenggarakannya sepanjang 30 tahun pembabitannya, tidak dapat dinafikan buku-buku tersebut mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan amat penting dalam konteks memahami perkembangan sastera, politik dan budaya tanah air. Lebih-lebih lagi tulisan yang dibukukan itu ada yang belum tersiar di mana-mana penerbitan.

Usaha Bung Karim mengumpul tulisan, kertas kerja dan ucapan dari tokoh-tokoh penting tanah air sememangnya harus dipuji, bahkan perlu diberi penghargaan yang sewajarnya dari mana-mana badan dan persatuan penulis tanah air. Gelaran 'H.B. Jassin' yang diberikan kepadanya memang wajar bahkan itulah yang menggambarkan kegigihan

dan ketekunan Bung Karim dalam dunia penyelenggaraan buku yang amat jarang diceburi secara aktif oleh penulis-penulis lain.

Mungkin di suatu masa nanti, generasi muda tidak mengenali Bung Karim tetapi mengenali usaha gigihnya yang cukup besar jasanya kepada negara melalui pendokumentasian khazanah bangsa yang sememangnya harus dipelihara dan dimanfaatkan. Dalam konteks Malaysia, tidak ramai yang menceburi bidang penerbitan khususnya yang melibatkan hal-hal penyelenggaraan dan pendokumentasian sedangkan di Barat, pekerjaan seumpama ini mendapat pengiktirafan yang tinggi dari institusi penyelidikan, para penerbit dan tidak kurang pula dari universiti-universiti.

Sekiranya kita menelusuri sejarah pendokumentasian bahan-bahan mengenai alam Melayu, usaha-usaha ini banyak dilakukan oleh para sarjana Inggeris seperti R.O. Winstedt, John Bastin, Ian Proudfoot, William Roff, G. Marrison, yang mana ketika itu orang-orang Melayu sendiri tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang budaya pendokumentasian dan pengumpulan bahan-bahan terbitan. Dan, akhirnya kita sendiri terpaksa banyak bergantung kepada sumber-sumber mereka dalam menulis sejarah kita sendiri.

Di atas kegigihan dan kesungguhannya menyimpan khazanah berharga ini, tidak syak lagi beliau menjadi perhatian ramai pelajar universiti dan penyelidik sastera untuk datang ke rumahnya di No. 73, Jalan Datuk Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya bagi membuat rujukan dan penyelidikan.

Usaha dan kerja-kerja pengumpulan bahan dan pendokumentasian bukanlah kerja yang mudah, apatah lagi nilai komersialnya amat mendukacitakan tetapi sumbangan yang

Satu lagi sumbangan Bung Karim pada dunia ilmu ialah bahan-bahan dalam koleksi perpustakaan peribadinya sering dipinjam oleh institusi pengajian tinggi, Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengadakan pameran mengenai tema-tema atau tokoh-tokoh tertentu.

Dan yang terbaru, koleksinya yang merangkumi tiga ratus naskhah buku mengenai riwayat hidup dan sirrah Rasulullah s.a.w. telah menjadi tema pameran buku sempena pembukaan rasmi kolej Islam Pahang pada 8 Julai yang lalu.

Segala usaha gigihnya yang memakan masa hampir 30 tahun dalam dunia 'penyelenggaraan dan pendokumentasian', telah diabadikan dalm buku *Bung Karim: Penyelenggara & Pendokumentor Sastera* (2000) yang menyenaraikan bibliografi buku-buku yang diselenggara dan yang disusunnya termasuk buku-buku selenggaraannya yang dalam proses penerbitannya berjumlah 18 tajuk.

Menyoroti buku-buku yang diselenggarakannya sepanjang 30 tahun pembabitannya, tidak dapat dinafikan buku-buku tersebut mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan amat penting dalam konteks memahami perkembangan sastera, politik dan budaya tanah air. Lebih-lebih lagi tulisan yang dibukukan itu ada yang belum tersiar di mana-mana penerbitan.

Usaha Bung Karim mengumpul tulisan, kertas kerja dan ucapan dari tokoh-tokoh penting tanah air sememangnya harus dipuji, bahkan perlu diberi penghargaan yang sewajarnya dari mana-mana badan dan persatuan penulis tanah air. Gelaran 'H.B. Jassin' yang diberikan kepadanya memang wajar bahkan itulah yang menggambarkan kegigihan

dan ketekunan Bung Karim dalam dunia penyelenggaraan buku yang amat jarang diceburi secara aktif oleh penulis-penulis lain.

Mungkin di suatu masa nanti, generasi muda tidak mengenali Bung Karim tetapi mengenali usaha gigihnya yang cukup besar jasanya kepada negara melalui pendokumentasian khazanah bangsa yang sememangnya harus dipelihara dan dimanfaatkan. Dalam konteks Malaysia, tidak ramai yang menceburi bidang penerbitan khususnya yang melibatkan hal-hal penyelenggaraan dan pendokumentasian sedangkan di Barat, pekerjaan seumpama ini mendapat pengiktirafan yang tinggi dari institusi penyelidikan, para penerbit dan tidak kurang pula dari universiti-universiti.

Sekiranya kita menelusuri sejarah pendokumentasian bahan-bahan mengenai alam Melayu, usaha-usaha ini banyak dilakukan oleh para sarjana Inggeris seperti R.O. Winstedt, John Bastin, Ian Proudfoot, William Roff, G. Marrison, yang mana ketika itu orang-orang Melayu sendiri tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang budaya pendokumentasian dan pengumpulan bahan-bahan terbitan. Dan, akhirnya kita sendiri terpaksa banyak bergantung kepada sumber-sumber mereka dalam menulis sejarah kita sendiri.

Di atas kegigihan dan kesungguhannya menyimpan khazanah berharga ini, tidak syak lagi beliau menjadi perhatian ramai pelajar universiti dan penyelidik sastera untuk datang ke rumahnya di No. 73, Jalan Datuk Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya bagi membuat rujukan dan penyelidikan.

Usaha dan kerja-kerja pengumpulan bahan dan pendokumentasian bukanlah kerja yang mudah, apatah lagi nilai komersialnya amat mendukacitakan tetapi sumbangan yang

diperolehi dari kerja-kerja ini cukup bermakna pada dunia penerbitan, dunia 'kesarjanaan' dan dunia ilmu secara keseluruhannya.

Massa, 22 Julai 2000

MELIHAT BUNG KARIM SEBAGAI "PUSTAKAWAN" SASTERA

oleh *A.F. Yassin*

Khamis lalu, terima surat dari Haji A. Karim Abdullah, disenangi dengan julukan Bung Karim. Bersama surat itu disertakan dua buah buku kecil, *Pameran Buku Riwayat Hidup Dan Sirah Rasulullah S.A.W. dan Bung Karim Penyelenggara dan Pendokumentor Sastera*. Menariknya, kedua-dua buku ini diterbitkan oleh Bung Karim Enterprise. Kandungan kedua-dua buku ini mirip biografis. Maksudnya banyak menyentuh tentang Bung Karim sendiri yang ditulis secara kronologis dan bibliografis.

Kedua-dua buku ini diusahakan berdasarkan koleksi peribadi Bung Karim sendiri. Namun setelah mengimbas lalu kedua-dua buku berkenaan, didapati maklumat yang diberikan menjangkau lebih jauh sekadar "peribadi". Maklumat yang ada secara tak langsung melibatkan sejarah perjuangan beberapa tokoh tertentu, khasnya dari Pahang Maklumat juga melibatkan sejarah Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP). Maklumat juga melibatkan hubungan intim Bung Karim dengan Pak Sako dan Keris Mas.

Contohnya, terdapat pelbagai buku tentang Pak Sako dan Keris Mas yang telah diterbitkan yang melibatkan Bung Karim sebagai penyelenggara. Pada tahun 1987, terbit buku *Cerpen-Cerpen Pak Sako* yang diselenggarakan Bung Karim bersama Hashim Awang. Ada pula *Pak Sako Bistari* yang diterbitkan setahun sesudahnya. Sembilan tahun kemudian Bung Karim menyusun pula buku *Pak Sako dari Sudut Pandangan Pak Samad*. Setahun sebelumnya lahir buku *Memori Pak Sako*. Mulai alaf baru ini Bung

Karim akan menyelenggrakan penerbitan beberapa buah lagi buku tentang Pak Sako, antaranya *Pak Sako Sasterawan Rakyat, Karya Klasik Putera Gunung Tahan Dari Pelbagai Aspek* dan *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan (Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-Tokoh dari Pahang Darul Makmur* dan *Moostapir Monolog – Cerpen-cerpen lain Pak Sako.*

Untuk Keris Mas, Bung Karim menyelenggarakan *Mutiara Fikir SN Keris Mas* pad tahun 1997 dan pada tahun ini Bung Karim akan menerbitkan *SN Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh & Sarjana*. Buku ini diselenggarakan bersama A. Rahim Abdullah. Sebuah lagi buku selenggaraannya yang bakal terbit ialah *Keris Mas – Sasterawan Nasionalis*. Malah untuk tokoh Awam-il-Sarkam, Bung Karim (sebagai kawan karib barangkali) telah mengusahakan bersama Mawar Shafie buku antologi cerpennya berjudul *Pengintipan* yang juga bakal terbit tahun ini.

Selain Pak Sako dan Keris Mas ada lagi beberapa tokoh Pahang yang kisah perjuangannya dan sumbangan mereka diselenggara, diterbit dan didokumentasikan. Bung Karim menyelenggarakan buku tentang pemikiran Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein yang diberi judul *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa-Sastera-Budaya*. Ada pula buku tentang Zakaria Hitam, *Pak Zek Budayawan yang Berjasa, Koleksi Pantun Pak Zek*. Buku *Ibrahim Yaakub-Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu* telah diselenggarakan Bung Karim dan dijangka terbit pada tahun ini.

Bagi yang mengenali Bung Karim lebih dekat, dokumentasi di rumah Bung Karim cukup lengkap. Jarang amat diperoleh maklumat dan dokumentasi selengkap dan seterperinci yang dimiliki Bung Karim. Seorang teman yang rapat dengannya pernah

berkata "Bung Karim bukan sahaja menyimpan maklumat tetapi menerbitkannya sekali, baik oleh institusi penerbitan mahupun olehnya sendiri." Seorang penulis pernah menganggap Bung Karim sebagai "pendokumentor yang gigih" manakala majalah *Karya* terbitan 25 Oktober 1997 menganggap Bung Karim "mengikuti Jejak H.B. Jassin" dari Indonesia yang bahan dokumentasinya memenuhi setiap inci ruang rumahnya.

Demikianlah, Bung Karim yang punya minat menyimpan dan menerbit semua bahan persuratan yang ada kaitannya dengan bahasa, sastera dan budaya. Tidak keterlaluan jika Bung Karim boleh dianggap sinonim dengan H.B. Jassim. Kalau di Indonesia semua orang maklum tentang kehadiran H.B. Jassin di persada persuratan negara itu. Dan mungkin di Malaysia semua maklum akan kehadiran nama Bung Karim di persada persuratannya pula. Ketika di rumah Bung Karim sebulan yang lalu, saya melihat buku dan bahan-bahan persuratan berada di mana-mana. Di ruang tamu, di meja makannya dan saya boleh teka bahawa ada buku di katil tempat tidurnya. Beberapa buah buku agama tersusun di satu sudut. Menurutnya, jumlah koleksi buku agama sahaja lebih 150 judul.

Diyakini nama Bung Karim ini mula dikenali umum ketika menjadi juruacara Majalah TV, terbitan Televisyen Malaysia pada akhir 60-an. Pernah juga kita melihatnya sebagai "pembaca warta berita" dan sesekali berlakon dalam drama TV. Saya diperkenalkan kepada Bung Karim oleh Usman Awang pada 7 September tahun 1972.Ketika itu saya mula bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka. Keakraban mula dirasakan apabila saya menyertainya dan Awam-il-Sarkam (Pak Awam a.k.a Abdul Wahab Muhamad) sebagai anggota sidang pengarang majalah *Dewan Masyarakat*. Ketua editor *Dewan Masyarakat* ketika itu Keris Mas dan editornya Usman Awang.

Bekerja dengan Bung Karim banyak manfaatnya. Paling-paling Bung Karim boleh bantu meringankan beban tugas terutama untuk tujuan "*check* dan *re-check* fakta". Bung Karim amat gemar mencari dan mengumpul bahan. Di atas mejanya dipenuhi dengan pelbagai bahan editorial. Yang sedang digunakan dan yang tidak digunakan. Ada sesetengah bahan itu "kotai" dan dimakan zaman, namun ia tetap dibenahi Bung Karim sebagai bahan dokumentasi berguna pada masa akan datang. Bukan tidak mungkin sesetengah daripada bahan itu masih ada di rumahnya ketika ini.

Bung Karim adalah orangnya yang diminta Usman Awang menemani saya dalam pertemuan "sukar" dengan pemimpin-pemimpin persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia di kampus UKM di Pantai, Kuala Lumpur pada tahun 1974. Pertemuan kami dengan persatuan mahasiswa itu adalah ekoran daripada sebuah majalah yang mempersoalkan tahap penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar UKM. Makalah itu mendapat reaksi dan bantahan keras dari mahasiswa yang kami temui ialah Shafie Abu Bakar (sekarang ADUN PAS di Selangor), Asiah Sarji dan Halim Arshat. Berkat bantuan Bung Karim, masalah itu dapat diselesaikan dengan baik. Kami bersetuju untuk menyiarkan reaksi persatuan kepada makalah itu dalam *Dewan Masyarakat* edisi berikutnya.

Saya menganggap Bung Karim merupakan "orang tengah" yang berwibawa dalam menyelesaikan masalah prasangka pemimpin mahasiswa UKM itu terhadap saya, sebagai penulis makalah. Ada ketikanya apabila saya tanyakan sesuatu kepada rakan setugas Pak Awam, lantas Pak Awam meminta saya berjumpa Bung Karim. "Kau tanya aku buat apa. Tanyalah Karim. Dia lebih tahu dari aku," katanya. Dua hari lalu, Saleh Daud Bendahari Gapena sedikit "geram" dengan *Dewan Sastera* keluaran terbaru dan

menyebut nama Bung Karim. Katanya ada penulis yang masih tidak tahu mengeja namanya dengan betul. Sepatutnya editornya lebih bertanggungjawab. "Dia orang boleh tanyakan Karim Abdullah untuk pastikan ejaan nama yang betul, kalau tak dapat saya."

Bung Karim lebih banyak tahu "dari aku", malah lebih tepat Bung Karim lebih banyak tahu dari kebanyakan orang. Terutama hal-hal yang menyangkut masalah bahasa, sastera dan kebudayaan. Bung Karim tidak segan mendampingi ramai tokoh masyarakat. Dan ada yang menganggap rasa tidak segan Bung Karim inilah yang menjadikannya begitu gigih dan berminat dalam kegiatan pendokumentasian ini. Bung Karim bagaikan sedang bercinta dengan tokoh dan perwatakan tokoh itu. Bung Karim melahirkan rasa sentimen dan emosi yang tinggi apabila berdepan dengn tokoh sehingga dengan demikian Bung Karim akan menyimpan apa sahaja yang diperolehinya atau yang diberikan kepadanya.

Begitulah. Dengan tokoh wartawan A.Samad Ismail, Bung Karim menyimpan segala sesuatu yang ditulis wartawan veteran itu. A. Samad Ismail tidak punya salinan tetapi Bung Karim punya. Pada tahun 1997 Bung Karim berjaya menyelenggarakan buku *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* dan tidak lama lagi bakal terbit pula dua buku baru selenggaraan Bung Karim tentang Samad yang berjudul *A. Samad Ismail – Pejuang Multiwarna* dan *Dialog Dengan A.Samad Ismail.* Satu dekad sebelum ini Bung Karim menyelenggarakan buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawnan.*

Kelebihan Bung Karim sebagai penyimpan bahan dokumentasi ialah keinginannya untuk tidak dianggap sebagai hanya "tukang simpan bahan". Bung Karim ingin bahan-bahan itu disusun dan diterbitkan. Pernah katanya, "Saya akan cuba

mendapatkan penajaan untuk menerbitkan. Kalau tidak duit, saya sendiri akan terbitkan setakat yang termampu." Ada 18 buah judul yang telah diselenggarakan dan dalam proses mahu menerbitkannya. Saya membayangkan jika kesemua 18 judul ini mahu diterbitkan tahun ini, Bung Karim memerlukan sekurang-kurangnya RM180,000.00 dengan andaian kos menerbitkan sebuah judul berjumlah RM10,000.00. Dan dengan harga bahan cetakan yang meningkat hari ini Bung Karim memerlukan lebih suku juta ringgit.

Harapan Bung Karim terlalu besar. Pemikirannya tentang pendokumentasian terlalu ideal. Bung Karim hanya insan biasa yang tidak akan termampu untuk menyelia dan mengawet bahan dokumentasinya secanggih Perpustakaan Negara. Namun komitmennya terhadap penyimpanan khazanah persuratan yang berharga ini adalah lebih 100%. Barangkali 150%. Manakala kemampuannya dari segi material (kewangan) hanya setakat 30%. Soalnya bagaimanakah Bung Karim boleh menyelesaikan masalah baki persen yang jauh lebih besar berbanding kemampuannya?

Ada ura-ura Bung Karim ingin menyerahkan sebahagian besar bahan dokumentasinya kepada institusi pendidikan tinggi atau perpustakaan. Andainya ini berlaku apakah nanti status Bung Karim sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera? Apakah rumahnya di No. 73, Jalan Datuk Aziz 14/29, Petaling Jaya itu akan "sepi" daripada bahan-bahan yang sejak hampir empat dekad yang lalu dikumpulkan dengan begitu komited? Saya tidak dapat mengagak apakah berada dalam fikiran Bung Karim ketika dia hanya didampingi siteri, Aishah Abdullah, dua anaknya Aznul Shahrim dan Azlina dan lima cucunya tanpa buku dan bahan dokumentasi di sekelilingnya. Bagi seorang insan penelaah makalah dari Kampung Bangau, Temerloh ini yang mencapai

usia 63 tahun pada 6 September depan, tentunya Bung Karim akan berdepan dengan suasana "keseorangan" tanpa buku di keliling pinggangnya.

Utusan Zaman, 6 Ogos 2000

KEGIATAN BUNG KARIM SELEPAS BERSARA

oleh *Tajuddin Saman*

Pengalaman Abdul Karim Abdullah, 63, atau lebih mesra dengan panggilan Bung Karim di kalangan kawan-kawannya, memang penuh warna warni. Ini kerana sepanjang 35 tahun sejak 1958, beliau menyertai 17 bidang kerja.

Bermula sebagai guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, kemudian ke Sekolah Kebangsaan Gombak Setia, Kuala Lumpur. Sesudah itu beliau menjadi guru Bahasa Malaysia di Shaw Institute, Kuala Lumpur.

Antara pekerjaan lain yang dilakukan Bung Karim ialah sebagai penyiasat luar DBP, penterjemah buku pelajaran dan umum DBP, penyunting majalah DBP, pembantu sastera di bahagian perkembangan sastera DBP, penolong pengarang bahagian perkembangan sastera DBP.

Beliau juga pernah menjadi pegawai perhubungan pekerja di Lesong Timber Kuantan, Pahang, Setiausaha Eksekutif Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Pahang, Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beberapa jawatan lain di syarikat swasta.

Melihat senarai pekerjaan yang pernah disertainya, jelas menunjukkan Bung Karim seorang yang sentiasa bergerak cergas dalam kehidupannya sejak dulu hingga sekarang.

Justeru, disebabkan sudah menjadi kebiasaannya bekerja dan melakukan sesuatu yang disukainya, Bung Karim tidak pernah menyemat istilah 'bersara' dalam kamus hidupnya.

Sebaliknya, selepas memasuki alam persaraan pada 1992, Bung Karim terus menyambung perkhidmatannya secara kontrak sebagai Setiausaha Sulit Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun lalu.

Dalam erti kata lain, Bung Karim sebenarnya tidak pernah bersara daripada tugasnya. Beliau hanya meninggalkan semua perkhidmatan itu atas sebab kesihatan.

Meskipun demikian, Bung Karim pernah bergiat cergas dalam kerja sukarela seperti menjadi Naib Yang di-Pertua Dewan Persuratan Melayu Pahang dan Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Penulis Nasional (GAPENA).

Pada usianya sekarang, Bung Karim tidak lagi mampu bergerak selincah dulu. Dalam keadaan itu pun, beliau belum mahu berhenti daripada melakukan kerja yang diminatinya sebagai pengumpul dan penyimpan koleksi bahan penulisan mengenai tokoh sastera dan politik tanah air.

Pekerjaan itu sebenarnya dilakukan oleh Bung Karim sejak usia mudanya lagi. Pada 50-an, Bung Karim sudah mula mengumpul dan menerbitkan buku yang mengandungi dokumen bernilai mengenai pemimpin dan tokoh sastera serta politik negara. Bagi Bung Karim, kerja yang dilakukannya itu amat penting untuk generasi akan datang.

"Kalau kita tidak simpan dan bukukan semua dokumen penting tokoh sastera dan politik tanah air, tidak lama lagi khazanah itu akan hilang dan pupus begitu saja. Dengan itu generasi akan datang tidak akan kenal lagi siapa tokoh besar kita seperti Pak Sako, Ibrahim Yaakob, Zulkifli Muhammad dan lain-lain.

Kalau sekarang pun ada anak muda yang tidak kenal siapa Pak Sako, bahkan kalau kita tanya siapa Pak Sako, mungkin ada antara mereka yang menjawab ia adalah satu batu pepejal yang terdampar di Teluk Chempedak!

"Siapa pula Ibrahim Yaakob?" Mungkin ada yang menjawab beliau ialah seorang mamak yang menjual teh tarik di Kuantan! Begitulah kemungkinan yang akan berlaku kalau khazanah negara tidak dijaga dan dipelihara," katanya.

Memikirkan semua kepentingan nasional itu dan mengingatkan tiada siapa yang mahu bersusah payah merakam dan mengabdikan semua dokumen tokoh penting negara zaman silam itu dalam bentuk buku yang tentunya lebih kekal sifatnya maka Bung Karim meneruskan usaha itu dengan gigih sejak 50-an hingga sekarang.

Sehingga kini, beliau sudah menghasilkan lebih 30 buku yang mengandungi pelbagai dokumen penting tokoh sastera dan politik negara, termasuk Pak Sako, Ibrahim Yaakob dan Keris Mas yang kebetulan berasal dari Pahang belaka.

Tugas itu bukan mudah tetapi Bung Karim tetap melakukannya dengan penuh semangat. Ketika ini beliau baru saja menyiapkan 18 lagi buku baru mengandungi pelbagai dokumen mengenai tokoh politik dan sastera negara, termasuk Allahyarham Datuk Mohd. Asri Muda dan tokoh wartawan negara, Tan Sri A. Samad Ismail.

Satu fenomena biasa yang menjadi kesan daripada pekerjaan Bung Karim sekarang ialah suasana rumahnya yang bersepah dengan serakan kertas dan buku. Keadaan itu sudah tidak asing lagi bagi kawan-kawan yang pernah ke rumah Bung Karim di Jalan 14/29 Petaling Jaya.

Setiap hari beliau akan 'meranduk' sepahan kertas dan buku untuk mencapai mesin taip bagi mencatatkan sesutu mengenai bahan koleksi terbarunya. Apabila segalanya selesai ditaip dan disemak, ia segera dihantar kepada penerbit atau terus ke percetakan dengan mengeluarkan kos sendiri terlebih dulu.

Apa yang diharapkan oleh Bung Karim daripada pekerjaan itu? "Bukan wang yang dikejar walaupun wang itu penting untuk kelangsungan hidup dalam dunia moden sekarang tetapi mengatasi semua itu ialah kepuasannya sendiri.

"Saya berasa puas apabila melihat semua dokumen penting mengenai kehidupan tokoh politik dan sastera tanah air diabadikan dalam bentuk buku," katanya.

Berita Minggu, 20 Ogos 2000

PAHANG LAHIR RAMAI TOKOH PENULIS

oleh: *Roselan Ab Malek*

Pahang tidak kering melahirkan tokoh berwibawa dalam bidang penulisan yang terkenal bukan sahaja di bumi makmur itu tetapi juga di peringkat nasional.

Nama tersohor seperti Pak Sako, Pak Zek, Ahmad Kotot, Keris Mas, Arman Sani, Ibrahim Omar, A. Karim Abdullah dan Sahmad Malaya cukup sinonim dengan perkembangan penulis di negeri itu.

Malah ia terus subur apabila nama-nama baru seperti Yaakub Isa, Aripin said, Ami Masra, Mohd Mansur Abdullah, Masli N.O, Arisa BA, Hassanuddin Mat Isa, Daeng Ramli Akil serta Nazri Sham yang bergiat dalam genre masing-masing masih terus berkarya.

Tetapi di mana generasi baru penulis Pahang yang diharap dapat menyambung dunia penulisan dalam kancah sastera tanah air? Beberapa nama yang dikenal pasti tenggelam timbul. Apakah mereka tidak serius dalam bidang itu atau sekadar untuk mengisi masa lapang?

Sehubungan itu, Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Pahang mengadakan Perkampungan Penulis Pahang Keempat dengan hasrat untuk mempertemukan seluruh warga DPMP menerusi satu program wacana.

Dengan memilih tema 'Pemeriksaan Kesinambungan DPMP Ke Alaf Baru', kira-kira 100 penulis terdiri daripada penulis mapan, penulis baru dan peminat sastera berhimpun di Taman Budaya Negeri di Kuantan selama tiga hari baru-baru ini

Menurut Ketua Satu DPMP, Yaakob Isa, satu barisan penulis baru perlu dalam usaha memperkukuh dan memantapkan perkembangan sastera di negeri ini.

DPMP sebagai sebuah organisasi harus mengenal pasti dan membimbing mereka ke arah satu matlamat iaitu membentuk mereka supaya terus berkarya.

Katanya, perkampungan itu boleh dijadikan wadah perbincangan dan bertukar pandangan di kalangan sasterawan di samping meningkatkan profesionalisme dalam bidang penulisan.

"Ia diharap dapat mempertingkatkan peranan penulis sebagai penggerak atau pemangkin pembangunan mental masyarakat di samping mempertingkatkan kreativiti dari segi kuantiti dan kualiti," katanya.

Perkampungan dimulakan dengan mesyuarat agung DPMP yang kemudiannya diadakan acara pengucapan puisi oleh peserta perkampungan. Hari kedua diisi dengan ucapan utama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid dengan kertas kerja 'Penulis Sebagai Perakam Zaman'.

Kertas kerja kedua disampaikan oleh Dr. S. Othman Kelantan dengan tajuk 'Azam Penulis' manakala A. Karim Abdullah membentangkan 'DPMP Memasuki Alaf Baru'.

Sebelah petang diadakan forum membincangkan tajuk 'Pemeriksaan Kesinambungan DPMP Ke Alaf Baru' terdiri daripada DPMP sebagai panelnya iaitu Abdul Mutalib Ghani, Syed Ahmad Abdullah dan Nazri Sham yang dipengerusikan oleh Subari Ahmad.

Metro Ahad, 28 Januari 2001

BUNG KARIM: BUBARNYA SEBUAH GEDUNG ILMU

oleh *Noor Azam Shairi*

Pemergian Bung Karim, seorang pengumpul bahan-bahan sastera dan kebudayaan Melayu semalam (5 Februari 2001) boleh disifatkan sebagai satu tragedi kepada dunia ilmu, maklumat dan perbukuan negara.

Besar atau kecil tragedi itu adalah sesuatu yang subjektif; bergantung kepada pemahaman dan tanggapan kita tentang hidup dan jasanya.

Ketika Bung Karim menghembuskan nafasnya yang terakhir di Hospital Universiti Petaling Jaya pagi semalam, dunia ilmu, maklumat dan perbukuan kehilangan seorang tokoh yang begitu penting.

Bung Karim, 63, atau A. Karim Abdullah menutup mata di sisi isteri tercintanya, Aishah Abdullah setelah lebih dua bulan berperang dengan pelbagai penyakit. Allahyarham meninggalkan dua anak dan lima cucu.

Allahyarham Bung Karim menjadi penting diperkatakan bukan kerana apa yang ditulisnya tetapi sejumlah buku yang beliau sendiri usaha menerbitkannya.

Hari ini, kalau ada di kalangan mahasiswa atau sarjana mahu menulis tentang katakan, Ishak Hji Muhammad atau A. Samad Ismail, mereka pasti tidak dapat mengelak daripada merujuk kepada buku-buku selengaraan Bung Karim.

Sepanjang hayatnya, Allahyarham gigih dan tekun mengumpulkan tulisan, catatan, kertas kerja serta teks ucapan tokoh-tokoh tertentu. Kalau ucapan itu tanpa teks, Allahyarham akan berusaha mendapatkan rakamannya.

Di rumahnya yang sederhana besar di Petaling Jaya, Allahyarham menghimpun banyak kertas yang digunting daripada akhbar atau yang diperolehnya daripada seminar.

Kertas-kertas yang Allahyarham dokumentasikan itu kemudian beliau usaha terbitkan dalam bentuk buku.

Daripada usahanya yang berterusan sejak tahun 1950-an itu, lahirlah beberapa buku yang merakamkan pemikiran dan pandangan tokoh-tokoh itu.

Tentang tokoh wartawan seperti Samad sahaja ada beberapa buah buku penting yang pernah ditangani oleh Bung Karim. Ini termasuk *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1987), *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (1997) dan antologi cerpen *Ingin Jadi Pujangga* (1995).

Pak Sako pula tokoh yang dekat di mata dan hatinya kerana mereka sama-sama datang dari Temerloh, Pahang.

Tentang Pak Sako, Allahyarham meninggalkan kepada kita antaranya *Cerpen-cerpen Pak Sako* (1987) yang diselenggarakan bersama Dr. Hashim Awang, *Pak Sako Bestari* (1988) dan *Memori Pak Sako* (1996).

Tetapi tentang kedua-dua tokoh itu, ada satu buku yang menarik iaitu *Pak Sako Dari Sudut Pandangan Pak Samad* (1997).

Bagaimanapun, adalah tidak adil untuk melihat sumbangan Allahyarham kalau hanya dalam lingkungan dua tokoh persuratkhabaran dan sastera itu.

Selain Pak Sako dan Pak Samad, ada ramai tokoh penulis lain, budayawan malah pemimpin politik negara yang tidak terlepas daripada menjadi bahan dokumentasi Bung Karim.

Zakaria Hitam atau lebih mesra dengan nama Pak Zek adalah salah seorang daripadanya. Daripada himpunan kertas dan catatan yang tersimpan di rumah sederhana besar di Petaling Jaya itu lahirlah *Zakaria Hitam: Pak Zek Budayawan Berjasa* (1978) dan *Koleksi Pantun Pak Zek*.

Allahyarham juga menghimpunkan ucapan-ucapan penting Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang dia bukukan dalam *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974).

Selain tokoh-tokoh, Allahyarham juga pengamat budaya, sosial dan politik semasa. Salah satu buah tangannya yang menarik tentang isu semasa ialah buku nipis bertajuk *Melayu Hilang Keberanian: Suatu Polemik*. Buku yang terbit pada tahun 1998 itu merakamkan episod debat tentang budaya politik orang Melayu yang cukup kontroversial tetapi nyata menginsafkan.

Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh Bung Karim selama hayatnya itu sebenarnya cukup mulia, malah ia terasa amat berharga terutama setelah dia tiada.

Tetapi Allahyarham tidak memperoleh banyak wang sebaliknya membelanjakan banyak wangnya sendiri selama usahanya itu.

Tetapi Allahyarham melakukan semua itu sebagai satu tanggungjawab memelihara khazanah bangsa untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Itulah juga nada tulisannya hampir di setiap penghujung pendahuluan buku-bukunya, betapa dia mahu usahanya itu memberi manfaat kepada orang lain dan menjadi koleksi penting perpustakaan.

Apa yang diusahakan oleh Bung Karim barangkali sama seperti yang dikerjakan oleh Pak Zek dalam hal-hal kebudayaan. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Pak Zek, kalau yang cicir tidak dikutip, yang hilang tidak dicari warisan kita akan hilang.

Pentingnya kerja seorang pendokumentasi seperti Bung Karim itu pernah diungkapkan oleh pakar sosiologi Indonesia, Ignes Kleden. Ignes ketika itu menulis tentang tokoh sastera negaranya yang juga seorang pendokumentasi, H.B. Jassin.

Kata Ignes: "Sejarah adalah sebuah alamat, ke mana seorang tahu akan kembali, atau ke mana berkirim surat. Seorang yang tak kenal masa lampaunya, tak kenal sumber identitinya, akan lupa diri. Dan seorang yang mengabaikan tempatnya bertumbuh dan berkembang, iaitu sejarahnya, tak tahu ilmu bumi hidupnya dan mudah lupa daratan."

Katanya lagi, kalau Indonesia mempunyai lima tokoh seperti Jassin "maka mungkin sekali ingatan kita akan tertolong, mungkin banyak kesalahan dapat terhindar, dan mungkin pula kita sudah maju beberapa langkah lebih ke depan dari sekarang, dan tidak terlalu sering salah alamat."

Dan kalau kita di Malaysia mempunyai lima atau sepuluh tokoh seperti Bung Karim, alangkah!

Begitulah, kalau memperkatakan tentang Allahyarham Bung Karim, kita akan cepat teringat kepada Jassin, tokoh yang pernah disifatkan sebagai 'paus sastera Indonesia'.

Tetapi sepanjang hayatnya, Bung Karim tidak pernah mahu disamakan dengan Jassin. Allahyarham dikatakan agak segan atau malu apabila disamakan dengan Jassin. Dia hanya mahu dikenali sebagai Bung Karim, bukan orang lain.

Kalau dulu, semasa hidupnya, rumah Allahyarham di Petaling Jaya itu sentiasa terbuka menerima kunjungan mahasiswa yang datang membuat kajian tentang tokoh-tokoh tertentu.

Tetapi rumah itu sekarang akan terasa sunyi. Mereka tidak lagi akan ke rumah sederhana besar di Petaling Jaya itu kerana semua koleksi Allahyarham telah dipindahkan ke Perpustakaan Negara.

Seperti yang pernah diungkapkan oleh Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid tentang Jassin, kita semua juga sebenarnya cukup banyak terhutang kepada Bung Karim.

Hutang budi dan hutang ilmu kerana istiqamahnya meninggalkan warisan berharga tentang nama-nama besar di sekeliling kita.

Pemergian orang seperti Bung Karim bukan sekadar kehilangan satu nama, tetapi bubarnya sebuah gedung atau institusi ilmu. Itulah tragedinya.

Utusan Malaysia, 6 Februari 2001

BUNG KARIM DOKUMENTOR SASTERA UNGGUL

oleh *Jamudin Idris*

Apalah maknanya cerpen usang atau artikel yang dihasilkan Sasterawan Negara seperti Keris Mas. Bagi orang tertentu, makalah itu tidak mempunyai makna. Bagaimanapun ada insan yang menyedari idea yang dicurahkan menerusi makalah itu sebenarnya penting pada masa akan datang kerana mengandungi gagasan tertentu.

Bukan senang mencari seorang yang mampu 'menangkap' gagasan itu dan seterusnya menyimpan dengan rapi, tetapi itu yang dilakukan oleh Allahyarham Abdul Karim Abdullah yang lebih dikenali sebagai Bung Karim di kalangan rakannya, sejak muda lagi.

"Saya puas apabila melihat semua dokumen penting mengenai kehidupan tokoh politik dan sastera dan tanah air diabadikan dalam bentuk buku," kata Bung Karim kepada seorang teman, Tajuddin Saman yang menemuinya, Ogos tahun lalu.

Sehingga kini Bung Karim sudah menyelenggarakan lebih 30 buku yang merakam pelbagai dokumen penting mengenai tokoh politik, sastera dan budayawan tanah air termasuk Allahyarham Datuk Mohd Asri Muda; Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A. Samad Ismail , Ishak Muhammad (Pak Sako), Ibrahim Yaakob dan Keris Mas.

Buku terbaru selenggaraannya termasuk *SN Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh & Sarjana* (selenggara dengan A.Rahim Abdullah) dan *Pengitipan* (Cerpen Awam-il-Sarkam) yang diselenggara bersama Mawar Shafie dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bagaimanapun buku *Dialog Dengan A Samad Ismail, Karya Klasik Putera Gunung Tahan* (Pak Sako) *dari Pelbagai Aspek* dan *Yang Bernama Cinta* (himpunan mutiara kata mengenai cinta) tidak dapat dipastikan sudah siap dicetak atau sebaliknya.

Ramai yang beranggapan Bung Karim mengikuti jejak HB Jassin dari Indonesia yang giat mengumpul pelbagai bahan dan tidak syak lagi Bung Karim adalah penyelenggara dan dokumentor sastera yang penting di negara ini.

Editor Kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Ahmad berkata, Bung Karim suka mengumpul cerpen, artikel dan makalah dan menariknya penulis itu sendiri tidak menyimpannya tetapi Bung Karim berbuat demikian.

Katanya, kerja mengumpul dan menyelenggara tulisan pengarang terkenal bukan suatu kerja senang tetapi beliau melakukan kerja itu dengan penuh kesabaran, ketekunan dan ketelitian dan menuntut banyak masa dan tenaga.

Semua kerja yang dilakukan itu menunjukkan beliau mempunyai minat dan kecintaan mendalam kepada tulisan lama daripada pengarang terkenal tanah air. Semuanya dikumpul dan diketengahkan kepada masyarakat dalam bentuk buku.

"Ini dilakukan dengan harapan buku itu menjadi sumber rujukan dan kajian kepada generasi akan datang selain ingin melihat perkembangan dunia sastera dan budaya berkembangan segar," kata Abdul.

Bung Karim juga memperkenalkan sastera di radio dan televisyen. Beliau pernah menjadi juruacara *Majalah TV* di RTM selama enam tahun.

Dilahirkan di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh pada 6 September 1937, beliau belajar di Sekolah Melayu di Temerloh, Raub, Victoria Institution Kuala Lumpur dan akhir tingkatan enam di CYMA School, Kuala Lumpur.

Beliau memulakan kerjaya sebagai guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur pada 1958 serta beberapa sekolah lain di Kuala Lumpur dan DBP pada 1961. Jawatan terakhir di DBP ialah Penolong Pengarang, Bahagian Perkembangan Sastera DBP.

Beliau menyertai syarikat pembalakan, dewan perniagaan, syarikat pemaju perumahan dan akhir sebagai Setiausaha Sulit kepada Datuk Fauzi Abdul Rahman yang pernah menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Selain menjadi Naib Yang Dipertua Dewan Persuratan Melayu Pahang, Bung Karim aktif sebagai Ketua Dua, Dewan Persuratan Melayu Pahang cawangan Kuala Lumpur manakala program budaya yang terakhir disertainya ialah menyertai Pertemuan Dunia Melayu di Jeddah, Jun tahun lalu.

Satu fenomena biasa yang menjadi kesan daripada pekerjaan Bung Karim ialah suasana rumahnya yang bersepah dengan serakan kertas dan buku. Keadaan ini sudah tidak asing bagi rakan yang berkunjung ke rumahnya.

Hal ini tentu tidak dapat dielakkan kerana untuk buku *Ingin Jadi Pujangga* dilaporkan mengambil masa selama empat tahun mencari dan mengumpul cerpen Pak Samad dari pelbagai majalah dari zaman Jepun hingga ke awal 1990-an.

Bagaimanapun beliau mengalami kesukaran kerana Pak Samad banyak menggunakan nama pena.

Di rumah Karim banyak buku lama antaranya novel awal Keris Mas yang diterbitkan pada 1960-an iaitu *Pahlawan Rimba Malaya* dan *Korban Kesuciannya*.

Beliau turut menyimpan buku karya Pak Sako *Bersatulah Sekarang* yang diterbitkan di Johor Bahru pada 1946. Sebagai pengumpul dan dokumentor budaya yang gigih, Karim sering menjadi rujukan.

Kini tokoh penting itu sudah meninggalkan kita apabila Allah memanggilnya lebih dahulu daripada kita. Sebagai orang Islam kita mendoakan rohnya ditempatkan bersama roh orang yang soleh. Amin.

Berita Harian, 10 Februari 2001

SUKAR CARI PENGGANTI SEHEBAT BUNG KARIM

oleh *Tan Sri A. Samad Ismail*

Kematian Abdul Karim atau lebih terkenal sebagai Bung Karim pada Isnin, 5 Februari lalu, adalah satu kehilangan besar kepada bangsa dan negara kerana Allahyarham adalah satu-satunya tokoh yang khusus menumpukan fikiran dan tenaganya untuk menjadi pencatat dan perakam tokoh politik, budaya dan sastera di negara ini. Allahyarham dianggap sebagai HB Jassin Malaysia.

Beliau banyak menulis mengenai berbagai isu politik, budaya dan sastera dan terkenal sebagai seorang penulis yang gigih. Seorang wartawan ketika menulis mengenai kematian Bung Karim menyifatkannya sebagai satu tragedi kepada dunia ilmu, maklumat dan perbukuan negara.

Bagi diri saya sendiri, kematiannya merupakan satu kehilangan besar. Kehilangan seorang sahabat yang karib dan setia. Beliau turut menulis beberapa buku mengenai diri saya.

Malah, sebelum kematiannya, Allahyarham bercita-cita untuk menulis sebuah biografi mengenai diri saya. Beliau ingin menulis mengenai perjuangan saya dalam politik, terutama penglibatan saya dengan perjuangan Allahyarham Ibahim Yaakob dalam masa sebelum perang hinggalah kepada masa Jepun, lebih-lebih lagi perjuangan saya menubuhkan PETIR atau parti PAP bersama Lee Kuan Yew.

Sejak beberapa tahun lalu, Allahyarham mengumpulkan hampir semua ucapan dan ceramah saya. Boleh dikatakan setiap kali saya berceramah, beliau akan meminta salinan teks ucapan atau ceramah untuk disimpannya sebagai bahan rujukan.

Seperti lazimnya, saya jarang sekali menaip teks ucapan saya kerana ceramah atau ucapan saya adalah secara spontan dan Bung Karim akan membawa alat perakam suara untuk merakam ucapan atau ceramah saya. Beliau boleh dikatakan menjadi setiausaha sulit saya dalam banyak hal. Catatan saya banyak dalam simpanannya.

Beberapa bulan sebelum meninggal dunia, Allahyarham ingin menyusun biografi saya tetapi seingat saya, beliau hanya sempat merakam temu bual dengan saya sebanyak dua kali saja.

Tetapi Bung Karim tidak putus asa dalam setiap usahanya. Beberapa tahun lalu, beliau cuba menulis riwayat Allahyarham Datuk Abdul Rahman Talib, bekas Menteri Pendidikan Malaysia.

Untuk beberapa lama, beliau cuba mengumpulkan segala ucapan Allahyarham Abdul Rahman tetapi malangnya usaha itu tidak dapat disempurnakan kerana tidak banyak bahan tulisan atau ucapannya yang disiarkan akhbar.

Memang tepat sekali pendapat wartawan *Utusan Malaysia* yang menganggap pemergian Bung Karim sebagai satu tragedi kepada dunia ilmu, maklumat dan perbukuan negara.

Pada hemat saya, tidak ada seorang pun penulis di negara kita yang begitu tekun dan gigih berusaha membukukan riwayat hidup dan perjuangan tokoh politik, sastera dan bahasa seperti Bung Karim.

Dalam simpanannya banyak bahan dan catatan mengenai tokoh politik, sastera serta bahasa yang belum sempat disunting dan dibukukannya.

Bung Karim menerbitkan bukunya dengan perbelanjaannya sendiri tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Ada juga dermawan yang secara sukarela membantu beliau dengan membiayai penerbitannya tetapi setahu saya beliau sendiri yang bertungkus-lumus mengusahakan penerbitan buku-bukunya.

Baru-baru ini, Allahyarham menghadiahkan buku dalam khutub-khanahnya kepada sebuah pertubuhan bahasa dan persuratan di Pahang. Antara buku yang diterbitkannya ialah mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak dan Pak Sako.

Beliau sangat rapat dengan Pak Sako. Bukan kerana mereka berasal dari Temerloh tetapi kerana hubungan mereka ialah sebagai guru dengan anak murid. Pak Sako merupakan sumber ilhamnya.

Bung Karim juga adalah bekas pemimpin Pemuda Umno di Pahang. Pernah menjadi guru bahasa Inggeris dan bekas Pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka. Persahabatan kami bermula di Dewan Bahasa dan Pustaka hingga ke akhir hayatnya.

Satu projek yang tidak sempat diusahakannya ialah mengumpulkan bahan mengenai tokoh negara seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Allahyarham ingin sekali mencatatkan riwayat perjuangan saya di Singapura, terutama dalam bidang politik. Beliau ingin merakamkan sejarah pertubuhan PAP Singapura dan penglibatan saya dalam penubuhan parti itu dan juga sebab-sebab saya keluar daripada parti itu.

Seingat saya, beliau hanya sempat merakam temu bual mengenai peristiwa itu untuk sekali saja.

Saya kehilangan seorang sahabat karib tetapi negara kehilangan seorang pencatat sejarah yang ulung. Kematiannya adalah satu kerugian daripada bangsa yang sukar dicari gantinya. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Al-Fatihah.

Berita Harian, 10 Februari 2001

BUNG KARIM SAHABAT SETIA PAK SAKO

oleh *Nazri Nong Samah*

Pada subuh Isnin 5 Februari 2001 yang lalu, dunia penulisan tanah air dikejutkan dengan berita kematian Bung Karim yang merupakan sahabat karib Pak Sako (Dato' Doktor Ishak Haji Muhammad atau Hantu Raya).

Apa yang menarik untuk diperkatakan ialah Bung Karim atau nama penuhnya Abdul Karim Abdullah, 63, itu merupakan seorang penulis dan pengumpul dokumentasi terpenting bagi dunia kesusasteraan tanah air.

Khazanah bagi dokumentasi yang paling banyak dikumpul oleh Bung Karim ialah mengenai tokoh idola dan sahabat karibnya iaitu Pak Sako.

Mereka sama-sama berasal dari Temerloh, Pahang dan berjaya mencipta nama dalam bidang penulisan di peringkat nasional sekali gus akan dicatat dengan tinta emas di dalam lipatan sejarah tanah air.

Bung Karim bekerja keras sehingga siri "Kenangan Hidup Pak Sako" yang pernah disiarkan di dalam akhbar *Mingguan Malaysia* pada tahun 1970-an dahulu berjaya diterbitkan dengan penuh kualiti oleh penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Seterusnya Bung Karim juga bekerja keras mempengaruhi Utusan Publication, anak syarikat Utusan Melayu (M.) Berhad sehingga novel klasik tahun 1930-an berjudul

Putera Gunung Tahan karya Pak Sako itu berjaya diterbitkan semula pada tahun 2000 lalu.

Itu hanya secebis gambaran kecil mengenai betapa gigihnya Bung Karim berusaha menjulang martabat Pak Sako, malah *Utusan Malaysia* keluaran 6 Februari 2001 menerusi ruangan Belasungkawa telah membuat judul hebat "Bung Karim: Bubarnya Sebuah Gedung Ilmu" tulisan Saudara Noor Azam Shairi.

Ketika kematian Pak Sako pada tahun 1991 dahulu, Bung Karim juga adalah antara insan yang setia memikul keranda Pak Sako yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Buntut Pulau, Temerloh, Pahang.

Bagaimanapun jenazah Bung Karim tidak dihantar pulang ke kampung halamannya di Kampung Bangau, Temerloh, sebaliknya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Jalan Damansara, Petaling Jaya.

Sebenarnya ketika sedang berjalan kaki di bandar Kota Kinabalu pada pagi 5 Februari 2001 itu, penulis dikejutkan dengan deringan telefon bimbit yang dibuat oleh Noor Azam Shairi dari Ibu Pejabat Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

Dengan nada hiba, suara Noor Azam Shairi sayup-sayup memberitahu bahawa "Sahabat kita Bung Karim telah kembali ke rahmatullah" pada pukul 6.50 pagi 5 Februari 2001 setelah sekian lama terlantar di Hospital Universiti Petaling Jaya, tidak jauh dari rumah Allahyarham kerana serangan sakit jantung, kencing manis dan paru-paru berair.-

Penulis terus menyedekahkan sepotong surah *al-Fatihah* kepada Arwah Bung Karim yang dianggap sebagai hamba Allah berhati mulia dan sempat menghasilkan buku *Sirah Rasulullah* kira-kira setahun sebelum kematiannya itu.

Penulis juga menerima panggilan telefon yang sama membawa khabar duka mengenai kematian Bung Karim itu disampaikan oleh sasterawan Aripin Said dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor dan bekas wartawan Utusan, Nasir Mamat dari Kuala Lumpur.

Kira-kira sembilan bulan yang lalu, Bung Karim ada menelefon penulis mengenai usaha beliau menulis buku *Sirah Rasulullah* itu dan berharap ia akan menjadi amal jariah apabila sudah meninggalkan dunia yang fana ini.

Dalam perbualan itu, beliau juga melahirkan rasa gembira dengan perkembangan politik Umno di Pahang kerana buat pertama kalinya tokoh dari Pahang Barat iaitu Dato' Sri Adnan Yaakob telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang.

Bung Karim berdoa agar Adnan mampu membawa nafas baru kepada kemajuan Pahang Barat yang sentiasa terpinggir daripada arus perdana pembangunan negeri khasnya dan negara amnya.

Seterusnya beberapa bulan kemudian pada tahun 2000 lalu, Bung Karim begitu beria-ia mengajak penulis supaya datang ke rumahnya di Seksyen 14, Petaling Jaya sempena penubuhan Kelab bekas kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur kerana beliau adalah bekas kakitangan organisasi itu.

Beliau juga berjanji untuk memberikan koleksi istimewa bahan-bahan yang berkaitan dengan Pak Sako yang dikumpulnya kepada penulis supaya dapat memperkayakan lagi sumber penulisan mengenai Pak Sako.

Rupa-rupanya itu adalah pertemuan terakhir penulis dengan Bung Karim dan kemesraan tidak dapat dilupakan buat selama-lamanya kerana beliau adalah anak Temerloh yang kekal mempertahankan keluhuran budi bahasa meskipun sudah lama menetap di Petaling Jaya dan antara kariernya pernah menjadi guru bahasa Inggeris di sekitar ibu negara.

Selain berjaya membuat koleksi yang dibukukan mengenai Pak Sako, Bung Karim yang mempunyai penerbitan sendiri ini juga berjaya menghasilkan tidak kurang dari 20 buah karya berbentuk biografi tokoh-tokoh.

Antara karya Bung Karim yang pernah diterbitkan itu ialah *Gema Suci: Kumpulan Puisi Zulkifli Muhammad, A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan, Ingin Jadi Pujangga, Ceramah Bahasa dan Sastera, Mutiara Fikir Keris Mas* dan *Warnasari Kebudayaan.*

Sesungguhnya kematian Bung Karim adalah satu kehilangan besar kepada kegigihannya dalam bidang pendokumentasian dunia penulisan tanah air yang sukar dicari ganti.

Sewaktu hayatnya, Bung Karim pernah dianggap setaraf dengan H.B. Jassin, tokoh persuratan yang terkenal di Indonesia.

Bung Karim tetap Bung Karim dan H.B. Jassin tetap H.B. Jassin," tegas Bung Karim yang ingin terus kekal dengan keunggulan identitinya dalam satu perbualan dengan penulis pada tahun 2000 iaitu beberapa bulan sebelum penulis bertukar ke Biro Utusan Melayu, Kota Kinabalu.

Kini kedua-dua sahabat karib penulis iaitu Pak Sako dan Bung Karim dari Pahang telah kembali ke rahmatullah sekali gus mari sama-sama kita hening cipta sambil bersedekah *al-Fatihah* buat roh mereka.

Justeru diharap kepada penulis dari Pahang yang masih hidup seperti sasterawan Ibrahim Omar, Aripin Said, Yaakub Isa, Sahmad Malaya, Haji Alang Ahmad, Yasin Saleh, Ami Masra, Nasir Mamat, Daing Ramli Akil, Baharudin Haji Zakaria, Nazri Sham, Marsli N.O., Roslan Madon, Hamzah Latih dan ramai lagi dapat meneruskan perjuangan memartabatkan dunia penulisan tanah air.

Utusan Melayu, 10 Februari 2001

HILANGNYA PENDOKUMENTOR SASTERA DAN POLITIK

oleh *Mat Piah Teh Deris*

Kegigihan "Bung Karim" atau nama sebenarnya Haji Abdul Karim Haji Abdullah sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera jelas terbukti bila pemergian beliau pada awal minggu ini (5 Februari 2001) masih meninggalkan satu senarai buku-buku yang agak panjang yang masih dalam rangka proses penerbitannya.

Dari senarai buku-buku itu, ternyata Bung Karim bukan sahaja memberikan tumpuan kepada buku atau tokoh-tokoh sastera tetapi juga meliputi tokoh-tokoh politik tanah air.

Antara lapan belas judul atau tajuk buku-buku yang tersenarai dalam proses penerbitannya juga mencakupi bidang politik seperti *Antara Yang Difikir dan Ditulis* (esei tersiar Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri).

Beberapa judul lain yang membabitkan tokoh-tokoh politik termasuklah *Mengenang Tun Doktor Ismail – Wira Bangsa*; *Mengenang Ahmad Boestamam, - Pejuang Kemerdekaan*; *Ibrahim Yaakob – Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu dan Mohamad Asri Muda*, Bekas Yang Dipertua Agong PAS).

Sebuah lagi buku yang terdapat di dalam senarai tersebut ialah pidato-pidato pilihan tokoh-tokoh tanah air yang khabarnya sedang diusahakan bersama salah seorang rakan penulisnya, Shaharom T.M Sulaiman yang bertugas sebagai Pustakawan di Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.

Lain-lain tajuk yang disenaraikan mencakupi genre sastera dan tokoh-tokoh penulis tanah air termasuklah *S.N. Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh dan Sarjana* (penyelenggara bersama A. Rahim Abdullah (DBP, 2000) *Pemimpin Kecil dari Kuala Lumpur – Semantan* (Antologi cerpen penulis-penulis Pahang, DPMP, 2000), *Pak Sako- Sasterawan Rakyat; A. Samad Ahmad – Budayawan Nasionalis*, Keris Mas *– Sasterawan Nasionalis; A. Samad Ismail – Pejuang Multiwarna.*

Pengintipan (cerpen-cerpen *Awam-il-Sarkam* diselenggarakan bersama Mawar Shafie dari U.K.M.); *Moostapir Monolog* (cerpen-cerpen lain Doktor Ishak Haji Muhamad (Pak Sako); *Dialog dengan A.Samad Ismail*; Yang Bernama Cinta (Himpunan *Mutiara Kata Tentang Cinta*); *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan (Dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-Tokoh Dari Pahang Darul Makmur)* dan *Karya Klasik Putera Gunung Tahan (Pak Sako) Dari Pelbagai Aspek.*

Di samping itu, semasa hayatnya Bung Karim telah berjaya menerbitkan sebanyak dua puluh buah buku meliputi pelabgai judul sebagai penyusun atau penyelenggaranya dengan kerjasama berbagai pihak termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (U.K.M.), Dewan Bahasa dan Pustaka (D.B.P.) dan beberapa penerbit swasta termasuk Pustaka Budaya Agensi yang dimilikinya sendiri.

Dengan kegiatan dan usaha-usaha gigih tidak mengenal jemu dan penat yang dilakukannya itulah agaknya hingga ada pihak tertentu yang sanggup memberikan gelaran "H.B. Jassin Malaysia" kepada Bung Karim yang mempunyai sedikit persamaannya walaupun sumbangan dan peranan yang dimainkan antara kedua-dua tokoh ini ada perbezaannya.

Sebagai contohnya, H.B. Jassin terkenal sebagai pakar rujuk dan seorang pengkritik sastera yang amat disegani di Indonesia di mana peranan tersebut tidak dimainkan oleh Bung Karim di Malaysia yang juga mungkin diilhamkan untuk menggunakan gelaran "Bung" dipanggil namanya daripada Bung Karno iaitu gelaran rakyat kepada Presiden Sukarno selaku Ketua Negara pertama Republik jiran itu.

Bung Karim pernah merancang dan berusaha untuk menerbitkan sebuah buku tentang tokoh-tokoh Pahang dalam pelbagai bidang meliputi tokoh politik, budaya dan agama dengan mempelawa tokoh-tokoh dan penulis yang berasal daripada negeri Pahang Darul Makmur itu sendiri menulis tentang tokoh-tokoh berkenaan.

Antara tokoh-tokoh yang berasal dari Pahang yang disenaraikannya bukan sahaja terdiri dari tokoh-tokoh sastera seperti Pak Sako, Keris Mas, Arman Sani, Ahmad Kotot, Pak Zek (Zakaria Hitam) tetapi juga meliputi tokoh-tokoh politik seperti Tun Abdul Razak, Tan Sri Yahya Muhamad Seh, Ibrahim Yaakob, Jaafar Husin dan ramai lagi.

Dua orang tokoh dalam bidang seni yang turut disenaraikan oleh Bung Karim termasuklah seniman S. Roomai Nor, tokoh filem yang lebih awal dan tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan seniman agung, Tan Sri P. Ramlee dan Sudirman Hj. Arshad yang berasal daripada Pahang yang telah mencatatkan sejarah dalam bidang masing-masing dan kini menjadi legenda bagi seluruh rakyat negara ini.

Bung Karim juga pernah menceritakan kepada saya, dia juga sedang berusaha untuk menerbitkan sebuah buku yang dinamakan "Trilogi Pak Sako" yang memuatkan semula tiga buah novel Pak Sako termasuk novel klasik *Putera Gunung Tahan* yang telah banyak diperkatakan oleh kalangan sasterawan tanah air.

Memandangkan judulnya yang agak klise dan dari segi komersilnya, saya pernah mencadangkan dan dipersetujui oleh Bung Karim agar buku tersebut diberi nama "Pak Sako 3 dalam 1" tapi khabarnya tidak pula mendapat restu dari S. Othman Kelantan yang diberikan tanggungjawab meneliti dan menulis kata-kata pengantar buku tersebut.

Berita terakhir daripada Bung Karim yang saya terima menjelang bulan Ramadan baru lalu bila beliau menghantar surat pekeliling yang tentunya juga dihantar kepada ramai lagi kawan-kawannya meminta dituliskan sedikit komen tentang peranannya sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera yang katanya akan dibukukan

Kali terakhir kami bertemu ialah dalam majlis "Brain Storming" DPMP Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Ketua Satunya, Profesor Dato' Abu Hassan Sham bertempat di Perpustakaan Negara Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada 7 Oktober tahun lalu. Turut hadir ialah Setiausaha DPMP Kuala Lumpur, Shaharom TM Sulaiman dan beberapa ahli jawatankuasa kerjanya serta beberapa tokoh Pahang yang menetap di ibu negara yang turut diundangnya.

Apa yang menariknya, Bung Karim selaku ketua II telah bersusah payah mengambil inisiatif menyediakan satu rangka kerja yang agak lengkap bagi DPMP Kuala Lumpur bagi tahun 2001 termasuk merancang untuk menganjurkan wacana intelektual pemikiran sasterawan negara Keris Mas dan pelbagai kegiatan dalam bidang penerbitan, seni dan kebudayaan.

Sayangnya, Bung Karim telah menghantar surat perletakan jawatannya kepada Ketua I DPMP/KL tidak lama selepas itu.

Sebenarnya Abdul Karim yang lebih senang dipanggil dengan gelaran "Bung Karim" di samping dikenali sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera itu bukan sahaja dikenal sebagai pengumpul dan penyelenggara bahan-bahan sastera semata-mata.

Di samping bergiat dalam bidang penulisan rencana dan buku-buku, beliau juga merupakan seorang aktivis sastera dan pernah bergiat dalam bidang politik walaupun di peringkat bahagian dan negeri kelahirannya, Pahang.

Dalam bidang politik Bung Karim pernah menjawat pelbagai jawatan, menjadi ahli jawatankuasa pemuda dan Umno bahagian Temerloh dan peringkat negeri termasuk penolong setiausaha pemuda Umno Pahang dan ahli jawatankuasa Biro Penerangan Umno Pahang.

Bung Karim ialah salah seorang daripada pengasas Dewan Persuratan Melayu, Pahang (DPMP) yang merupakan badan tunggal penulis-penulis Pahang yang ditubuhkan sempena kemerdekaan tanah air pada tahun 1957.

DPMP banyak melahirkan tokoh-tokoh penulis tanah air yang pernah menganggotai badan tersebut merupakan salah sebuah persatuan penulis yang tertua yang masih bergerak aktif di negara ini.

Bung Karim yang pernah menjadi Naib yang di-pertua DPMP pada satu ketika dulu mempunyai cawangan di tiap-tiap daerah negeri itu kemudiannya mengambil inisiatif dengan beberapa orang kawan penulis berasal daripada Pahang yang berada di

ibu kota menubuhkan DPMP cawangan Kuala Lumpur yang sedikit sebanyak telah berjaya menyemarakkan lagi nama dewan itu.

Penubuhan DPMP Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Keris Mas dan dipengerusikan oleh Profesor Dato' Abu Hassan Sham sebagai Ketua Satunya dan Bung Karim sebagai Ketua Dua sehingga beliau meletakkan jawatan itu atas sebab-sebab kesihatan beberapa bulan sebelum berpulangnya ke rahmatullah dalam usia 64 tahun pada 5 Februari 2001.

Beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa kerja Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) yang dipimpin oleh Tan Sri Profesor Ismail Husein.

Abdul Karim dilahirkan pada 6 September 1937 di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh, Pahang mendapat didikan awal di Temerloh, Raub dan Kuala Lumpur termasuk Sekolah Menengah Abu Bakar Temerloh pernah menjadi pendidik, menjadi anggota sidang pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Kuala Lumpur sebelum berhenti awal dan menceburkan diri dalam sektor swasta.

Beliau kemudiannya menjawat jawatan sebagai Setiausaha Sulit kepada Dato' Fawzi Abdul Rahman yang pernah menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dan Kementerian Tanah dan Kemajuan Koperasi dan kemudiannya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam keadaan kesihatan yang tidak begitu mengizinkan, Bung Karim juga telah mengetuai perwakilan DPMP Kuala Lumpur di perkampungan penulis Pahang ke-4 yang terakhir berlangsung dari 11 hingga 13 Ogos tahun lalu diadakan sempena mesyuarat agung tahunan DPMP di Kuantan.

Walaupun terpaksa bertongkat, beliau tidak melepaskan peluang itu semata-mata untuk berjumpa dan bertemu dengan kawan-kawan lama terutama kaum penulis negeri itu.

DPMP yang menjadi penganjur perkampungan penulis Pahang itu dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negeri telah memberi penghormatan kepada Bung Karim bagi menyampaikan kertas kerjanya bertajuk "DPMP memasuki Alaf Baru" di samping S. Othman Kelantan dan Dato' Tengku Alauddin Abdul Majid, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang memberikan ucap utama di majlis tersebut.

Kegiatan Bung Karim bukan sahaja terhad dalam bidang penyelenggara dan pendokumentor sastera Melayu semata-mata, malah beliau juga telah berjaya mengumpul dan mengadakan pameran buku "Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah s.a.w" sempena dengan pembukaan rasmi Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah dan Konvensyen pertamanya pada 8 Julai tahun lalu.

Bung Karim telah mempamerkan sebanyak 150 judul buku-buku agama koleksi peribadinya yang khabarnya telah diserahkan kepada pihak Kolej Islam Pahang itu.

Beliau pernah menyatakan kepada saya untuk menjualkan kesemua buku-buku agama koleksi peribadinya yang amat berharga dan besar nilainya itu kepada pihak yang berkenaan.

Oleh itu, ternyatalah kegiatan dan sumbangan Bung Kasrim tidak hanya terhad sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera Melayu tetapi juga mencakupi bidang pendidikan, agama dan politik tanah air terutama di Pahang dan tempat tinggalnya di Petaling Jaya.

Persoalan yang timbul di kalangan orang sastera dan persuratan Melayu sekarang khususnya bagi negeri Pahang, apakah usaha-usaha yang telah dirintis oleh Bung Karim itu mempunyai kesinambungannya atau ada penggantinya yang dirasakan mungkin belum kelihatan buat masa ini?

Sebenarnya di sinilah terletaknya kekuatan dan sumbangan besar yang telah dimainkan oleh Bung Karim semasa hayatnya sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera Melayu yang boleh dianggap sebagai *rear species* atau spesies yang jarang-jarang terdapat di kalangan penulis tanah air.

Sebagai seorang anggota masyarakat, beliau juga telah banyak menaburkan jasa-jasa dan baktinya sebagai aktivis masyarakat di sekitarnya dengan menyumbangkan tenaga dan idea-idea menjadi penaja atau penggerak pelbagai badan dan pertubuhan yang dianggotainya.

Dalam hubungan ini, pemergian Allahyarham sebenarnya bukan sahaja satu kehilangan kepada anggota keluarga terutama isterinya, Hajah Aishah Abdullah dan dua

orang anaknya, Aznul Shahrim dan Azlina tetapi sekurang-kurangnya juga tentu amat dirasakan oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang khususnya DPMP cawangan Kuala Lumpur dan persatuan bekas-bekas pekerja dan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di mana beliau menjadi salah seorang daripada penaja atau pengasasnya.

Dari Allah kita datang – kepada Allah kita pulang: begitu jualah dengan Bung Karim yang kini dikenali sebagai Abdul Karim bin Haji Salamah. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Utusan Zaman, 11 Februari 2001

BUNG KARIM YANG SAYA KENALI

oleh *Aziz Jahpin*

Abdul Karim Abdullah berasal dari Temerloh, Pahang. Beliau dilahirkan pada 6 September 1937, lebih muda sembilan tahun daripada saya. Bersekolah Melayu di Bangau dan Mahmud School, Raub, sebelum ke Batu Road dan Victoria Institution, beliau kembali semula ke Temerloh, dan akhirnya CYMA School di Kuala Lumpur.

Pelbagai pekerjaan dilakukan oleh Bung Karim sejak tahun 1958. Antaranya sebagai guru bahasa Inggeris dan Melayu di Selangor dan Kuala Lumpur. Pada tahun 1961, Allahyarham berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Penyiasat Luar, Penterjemah, Penyunting, Pembantu Sastera, dan Penolong Pengarang. Mulai tahun 1974 beliau menjadi Setiausaha, Pengurus Korporat dan kemudian pada tahun 1982 beliau dilantik sebagai Pegawai Seranta dan Setiausaha Sulit, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Fauzi Abdul Rahman hingga tahun 1999.

Dalam satu majlis agama awal tahun 1998, barulah kami bertemu kembali, setelah masing-masing sibuk dengan kerjaya. Allahyarham banyak mengajukan soalan mengenai tugas saya di Jabatan Penerangan dan Filem Negara Malaysia. Kebanyakannya mengenai ucapan menteri dan orang kenamaan serta perwatakan mereka yang saya kenali. Saya membawanya ke rumah kerana banyak risalah ucapan mereka saya uruskan sendiri. Persahabatan makin rapat kerana isterinya pula sekampung dengan isteri saya.

Meskipun demikian, saya masih belum tahu lagi hobi Bung Karim sebenarnya hinggalah dihadiahkan buku-buku terbitannya iaitu mengenai Pak Sako, Keris Mas, dan

Pak Samad Ismail. Nama ini memang rapat dengan saya. Mungkin Bung Karim sendiri tidak mengetahui betapa gembiranya saya membaca kisah tokoh tersebut yang sememangnya ada pertalian dengan diri saya.

Bung Karim pernah menerangkan kepada saya bagaimana beliau mengikuti dan menyimpan ucapan seseorang tokoh itu hingga ada kalanya mereka sendiri tidak tahu pernahkah berucap atau menulis sesebuah karya itu hingga terbacanya sendiri dalam koleksi Bung Karim! Patutlah beliau dipanggil orang Bung Karim sekalipun tidak digemarinya. Teringat saya kepada H.B. Jassin di Indonesia, yang mendokumentasikan karya-karya sasterawan Indonesia hingga dapat beliau menerbitkan buku-buku ilmiah yang sangat berharga bagi pengkaji kesusasteraan Indonesia.

Antara buku yang diusahakan oleh Bung Karim ialah *Cerpen-cerpen Pak Sako* (DBP, 1987), *Pak Sako Bistari* (Bina Karya, 1988), *Memoir Pak Sako* (UKM, 1996), dan *Pak Sako dari Sudut Pandangan Pak Samad* (Pustaka Budaya, 1997). Sasterawan Negara Keris Mas pula melalui *Mutiara Fikir SN Keris Mas* (Pustaka Budaya, 1997). Manakala mengenai kewartawanan Pak Samad Ismail dengan judul *Ketokohan dan Kewartawanan* (DBP, 1993), *Ingin Jadi Pujangga-Koleksi Cerpen A. Samad Ismail* (DBP, 1995) dan *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Penerbit Fajar Bakti, 1997). Tidak tertinggal ahli politik dan budayawan seperti *Pemikiran Tun Razak tentang Bahasa-Sastera-Budaya* (Dewan Persuratan Melayu Pahang, 1978), *Amanat Tun Dr. Ismail* (Pustaka Budaya, 1974), *Gema Suci Puisi Zulkifli Muhammad* (Pustaka Budaya, 1975), *Zakaria Hitam – Pak Zek Budayawan Berjasa* (Bina Karya, 1978), dan *Koleksi Pantun Pak Zek*. Selain tokoh, beliau mengusahakan perkara umum yang menyentuh negara seperti *Perjuangan Suci UMNO* (Good Mark Enterprise, 1993), *UMNO Tunggak*

Perpaduan Melayu (Aka Media, 1993), *Pemimpin dan Sasterawan* (DBP, 1993) dan *Melayu Hilang Keberanian* (Pustaka Budaya, 1998).

Bagi diri saya sendiri, selepas diserang angin ahmar pada awal tahun 1998 doktor memberi amaran kepada saya. Apabila terlihat koleksi karya dan bahan rujukan sejak tahun 1940-an, sedih juga mengenangkan nasib bahan dan koleksi saya yang bakal hilang ditelan zaman. Teringat pula Bung Karim yang suka menyimpan tulisan antik. Tetapi apa yang berlaku? Bacalah sebahagian ucapan saya ketika menyerahkan warisan kepada Perpustakaan Negara Malaysia pada 11 Februari 1998:

> *"Segera saya mendapatkan Bung Karim, H.B. Jassin kita, hendak menyerahkan harta intelek yang ada dalam rumah. Takut agaknya tiada bertempat tidur nanti kalau diambil juga harta intelek itu ke rumahnya, lantas diperkenalkan Encik Shaharom TM Sulaiman dari Perpustakaan Negara yang kemudiannya melaporkannya kepada Puan Amanah. Dan seterusnya dipersetujui pula oleh Ketua PNM, Y. Bhg. Datin Mariam. Syukur alhamdulillah. Dengan usaha Bung Karim bertempatlah bagi separuh dari jiwa saya di sini...."*

Bung Karim tidak sekali-kali menghampakan saya. Sekalipun tidak menjadi penyimpan khazanah saya, dia kerap menemani dan membawa saya ke majlis sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bung Karim yang memperkenal saya kepada sasterawan baru dan lama sambil menyambung silaturahim. Sejak disondol orang dua kali, saya tidak berani memandu kereta jauh dari rumah. Lebih-lebih lagi dihantui angin ahmar yang akan menyerang tidak tentu masa dan tempat.

Dalam mengejar masa menyiapkan segala kerja yang belum sudah, tiba-tiba terdengar dalam telefon suara yang agak sukar dituturkan. Ya Allah! Bung Karim baru kembali dari hospital beliau mengesahkan telah terjatuh kerana tekanan darah tinggi!

Baru sahaja saya menyerahkan karya-karya yang belum diterbitkan, antaranya sebuah drama televisyen yang berjudul *Darah Tinggi: Lemah Jantung!*

Syukurlah. Beliau seorang yang gigih tidak mempedulikan penyakit malah terus bekerja mengikut rancangan cita-citanya selaku aktivis sosial, budaya, dan politik Melayu sejak tahun 1957. Malah dalam sakit pun dapat juga beliau memandu kereta malam hari menemankan saya ke jamuan perkahwinan anak seorang penulis.

Tetapi sekembalinya dari Pertemuan Dunia Melayu di Tanah Suci, Jun 2000, sungguh sedih melihatnya tertengkot-tengkot dengan tongkat berjumaat di masjid.

Giliran saya pula menemani beliau (bukan saya tetapi anak saya yang memandu kereta) ke majlis Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public ke-15. Dapatlah saya melihat cara beliau menjalankan hobinya. Belum pun pihak akhbar mendapatkan teks ucapan, beliau sudahpun mengelek fail siaran daripada tokoh penting selain menemu ramah pemenang anugerah. Sungguh peramah dan mesra beliau dengan yang dikenal dan yang sebaliknya.

Tetapi beliau tidak sedar, bahawa hari itu hari bersejarah bagi saya kerana mendapat dua hadiah. Pertama, cerpen "Milik Laduni" bukan sahaja sudi diterbit oleh pihak Utusan, bahkan memenangi hadiah pula! Kedua, salah seorang anak "gendong" saya, Siti Jasmina ada bersama-sama menerima hadiah. Mungkin pihak Utusan juga tidak mengetahui hal ini apabila gambarnya disiarkan bersama-sama dengan gambar saya esoknya. Bung Karim tidak henti-henti mendebuk belakang saya kerana merahsiakan satu fakta bagi koleksinya!

Sayang sekali, sewaktu menerima Hadiah Sastera Perdana di DBP, beliau masih meringkuk setelah keluar dari hospital. Sebelum saya ke selatan menemui saudara-mara pada hari-hari lebaran baru-baru ini, beliau telah memberitahu (rupa-rupanya inilah kata-kata terakhir beliau kepada saya) bahawa beliau bakal masuk hospital lagi, kali ini menyucikan darahnya. Sekembali dari kunjungan, saya memang memencilkan diri untuk mengejar waktu menyudahkan sebuah novel yang membawa saya ke empat buah negara ASEAN dan Eropah mendapatkan bahan.

Pada pagi Khamis, 1 Februari, sedang menghadap komputer, tiba-tiba Haji Qamaruddin, bekas pegawai DBP dan rakan sekolah saya memberitahu Bung Karim sudah tidak mengenal tamu di Universiti Hospital! Memang benar. Wayar sudah berselerak di badannya dan beliau disambungkan dengan mesin. Muka beliau bengkak, mata beliau terpejam. Hanya terdengar dengkuran lembut. Perasaan kesal menyelubungi diri. Petangnya saya datang kembali bersama-sama isteri. Tiada seorang pun di katilnya. Alhamdulillah. Dapatlah saya hidupkan sunah Nabi s.a.w. dan syariat Allah S.W.T. tanpa disalahertikan oleh orang.

Pada pagi Ahad, saya bersama-sama Haji Affandi Hassan mengunjunginya lagi. Kelihatan lebih tenang Bung Karim, sekalipun hanya terdengar dengkuran lembutnya. Tetapi setelah meminta izin daripada isterinya, Hajah Aishah saya melakukan lagi apa yang telah dilakukan oleh saya tempoh hari. Saya menjelaskan kepada isterinya pengalaman seorang yang hampir maut namun hidup kembali setelah dilakukan amalan ini. Isterinya menerangkan bahawa Bung Karim juga pernah memberitahunya dalam bahasa Inggeris, "*I've been to Twilight Zone*". Bila ditanya keadaan di sana, "*Fine. Wonderful,*" jawabnya.

Kira-kira jam 10.00 pagi Isnin 5 Februari, Haji Affandi menelefon bahawa jenazah Bung Karim sudahpun dibawa ke rumahnya di Petaling Jaya. Allahyarham menghembus nafas terakhir jam 6.50 pagi, dalam usia hampir 64 tahun.

Semoga ditabahkan hati isteri dan dua orang anak serta lima orang cucu dan seluruh keluarganya. Perginya Allahyarham bermakna hilanglah satu institusi. Bagi mereka yang masih mengharapkan beliau sebagai pakar rujuk, tunggulah keluaran 18 buah karyanya yang masih dalam penerbitan atau tatapilah koleksinya di Perpustakaan Negara Malaysia kelak.

> *"Dari Allah dia datang: kepada-Nya dia kembali. Ya Allah, ampunilah segala dosanya. Tempatkannyalah di makam yang lebih baik daripada di dunia ini. Cucurilah sentiasa rahmat-Mu ke atas rohnya."*
>
> Amin, Ya Rabbul Alamin."

Al-Fatihah.

Dewan Sastera, Mac 2001.

BUNG KARIM TINGGALKAN KHAZANAH BERHARGA

oleh *Pena Mutiara*

Minat dan cinta yang mendalam kepada tulisan lama daripada pengarang terkenal tanah air mendorong seorang penulis mengumpul tulisan itu dan mengketengahkannya kepada masyarakat dalam bentuk buku. Ini dilakukannya dengan harapan buku itu menjadi sumber rujukan generasi akan datang yang ingin melihat perkembangan dunia sastera, politik dan budaya negara pada masa lalu.

Setakat ini, hanya beliau yang gigih mengumpul dan menyelenggara tulisan pengarang terkenal. Kerja begini memerlukan kesabaran, ketekunan, ketelitian dan menuntut banyak masa dan tenaga.

Hari ini penulis itu sudah tiada lagi bersama kita. Beliau telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya pada jam 6.50 pagi tanggal 5 Februari lalu. Penulis yang dimaksudkan ialah Abdul Karim Abdullah, atau lebih mesra dengan panggilan Bung Karim.

Saya mengenali Allahyarham secara dekat pada awal tahun 90-an. Orang yang menemukan saya dengan Allahyarham ialah Talib Samat yang waktu itu berkerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kali terakhir saya bertemu Allahyarham pada Ogos tahun lalu ketika mengunjungi rumahnya di Seksyen 14, Petaling Jaya. Itu pun selepas beberapa kali Allahyarham menelefon saya supaya saya datang ke rumahnya untuk mengambil buku yang ingin dihadiahkannya.

Allahyarham menunjukkan kepada saya beberapa buku yang diselenggarkannya. Menurut Allahyarham, bukunya yang hampir terbit ialah *Pemimpin Kecil Dari Kuala Lumpur – Semantan* (Koleksi cerpen penulis Pahang) dan *Yang Bernama Cinta*.

Buku yang bakal menyusul antaranya *Mengenang Asri, SN Keris Mas: Dari Tanggapan Tokoh Dan Sarjana, Mengenang Tun Dr. Ismail – Wira Bangsa dan Mengenang Ahmad Boestamam – Pejuang Kemerdekaan*.

Terlintas hasrat menghubungi Allahyarham pada hari raya lalu, tapi ada saja halangannya. Hinggalah pada suatu malam Talib memberitahu Allahyarham koma di hospital. Esoknya, 3 Februari saya pergi ke Hospital Universiti. Allahyarham terbaring dengan mata terpejam. Pelbagai wayer dan mesin mengelilingi kepala katilnya. Selang sehari selepas kunjungan itu, Allahyarham meninggal dunia.

Ketika hayatnya Bung Karim adalah penulis dan pendokumen budaya yang gigih. Beliau lahir di Kampung Bangau, Temerloh, Pahang pada 6 September 1937. Bapanya, Abdullah Mohd. Ali pernah menjadi penterjemah di Pejabat Karang Mengarang MPSI (kini UPSI), Tanjung Malim di bawah pimpinan Pendita Za'ba.

Ketika bersekolah di Temerloh, Bung Karim aktif dalam persatuan penulis. Beliau antara ahli yang mengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP). Pada 1958, Bung Karim mewakili badan penulis itu ke Kongres Kebudayaan Melayu di Melaka bersama Shahmad Malaya, Wan Ahmad Tajuddin dan Gu Jaafar Awang.

Allahyarham memulakan kerjayanya sebagai guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur. Pada 1961 Allahyarham memulakan kerjaya barunya di DBP sebagai Penyiasat Luar.

Bung Karim menjadi penterjemah buku pelajaran beberapa tahun di bawah Ketua Bahagian Penterjemah waktu itu, iaitu Abdul Rahman Yusop.

Pada 1968, Bung Karim menjadi anggota Sidang pengarang majalah *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*. Ketua pengarangnya ialah Keris Mas yang juga Ketua Bahagian Perkembangan Sastera waktu itu.

Ketika itu Bung Karim berkesempatan bekerja bersama Datuk M Noor Azam, Datuk Dr Usman Awang dan Datuk Abdullah Hussain.

Bung Karim adalah Ahli Jawatankuasa pengasas Kesatuan Sekerja DBP. Dalam politik, Bung Karim pernah menjadi Setiausaha Pemuda Umno Negeri Pahang dari 1974 hingga 1979.

Pekerjaan terakhir Bung Karim sebelum bersara ialah Setiausaha Sulit kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Walaupun sibuk dengan tugas hariannya, Allahyarham sempat menulis, mengumpul dan menyelenggara buku.

Allahyarham turut menyelenggara lebih 20 buku yang kini berada di pasaran. Antaranya *Ingin Jadi Pujangga* (koleksi cerpen Tan Sri A. Samad Ismail), *Pemimpin Dan Sasterawan* (koleksi ucapan pemimpin negara), A Samad Ismail: *Ketokohan Dan Kewartawanan* (koleksi esei Samad dan tulisan/ucapan Samad dalam pelbagai bidang), *Catatan Pengalaman Pak Sako* (koleksi tulisan Pak Sako di majalah *Dewan Masyarakat*), *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa, Sastera Dan Budaya* dan *Zakaria Hitam*.

Bung Karim juga mengumpul cerpen Pak Sako sebelum perang yang diselenggarakan bersama Datuk Prof. Dr. Hashim Awang. Buku itu diterbitkan pada 1987 oleh DBP. Pada 1986, Allahyarham menerbitkan dua buku politik, iaitu *Umno Tonggak Perpaduan Melayu* (koleksi pidato bekas Presiden Umno) dan *Perjuangan Suci Umno* (koleksi pidato Timbalan Presiden Umno).

Sebuah lagi naskhah yang dilaksanakan Bung Karim ialah *Amanat Tun Dr. Ismail.*

Bung Karim menunaikan ibadat haji pada 1993. Sekembalinya dari Makkah, Allahyarham membentuk hobi baru, iaitu mengumpul buku mengenai riwayat hidup, sirah dan perjuangan Rasulullah. Allahyarham sempat mengumpul lebih 200 buku. Koleksi buku itu dipindah dan dijual oleh Allahyarham kepada Kolej Islam Pahang.

Sebagai pengumpul dan pendokumentasi budaya yang gigih, Allahyarham sering didatangi pelajar pusat pengajian tinggi yang ingin membuat rujukan atau kajian, dan sekali gus meminta bantuan bagi meminjamkan dokumen tokoh tertentu Pak Sako, Kamaluddin Muhammad (Keris Mas), A Samad Ismail (Pak Samad) dan Ibrahim Yaakob (Ibhy).

Sebagai pendokumentasi, Bung Karim memberi perhatian kepada perkara yang releven dengan tokoh, umpamanya memiliki tulisan tangan jawi Pak Sako, pita rakaman ceramah dan ucapan A Samad Ismail serta guntingan akhbar mengenai tokoh.

Allahyarham pernah memberitahu saya, semua itu berguna sebagai sumbangan yang tak ternilai harganya. Sumbangan dan jasa Allahyarham kepada pembinaan sastera

dan budaya bangsanya cukup tinggi nilainya. Pemergian Allahyarham kehilangan bagi dunia sastera dan budaya negara ini.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat selalu dan ditempatkan bersama orang yang dikasihi-Nya. Amin.

Berita Harian, 7 Mac 2001

KERIS MAS SENTIASA DIKENANG

oleh *Suarnieza Mamat dan Jasmina Ibrahim*

Sasterawan Negara, Kamaluddin Mohamad (Keris Mas) adalah lambang seorang yang teliti dan berhati-hati, tidak tergesa dan terburu membuat sesuatu keputusan, selepas ditimbang dengan cermat.

Kawan dan lawan tertarik dengan kesederhanaan dalam serba serbi tindakannya dan bagi orang yang tidak memahaminya, mungkin menyalahertikan Keris berjiwa kerdil dan takut berhadapan dengan risiko.

Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A. Samad Ismail berkata, Keris berani dan keras mempertahankan pendiriannya, sewaktu Angkatan Sasterawan '50 (Asas 50) dicabar dan dikritik dan Keris saja di antara teman seangkatan yang berani berdebat dan berpolemik mempertahankan Asas 50.

"Keris petah bercakap dan beliau seorang *debater* yang tidak mudah dikalahkan," kata Samad pada majlis 'Hari Mengenang dan Baca Cerpen Keris Mas' anjuran Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) dengan kerjasama Jabatan Pengembangan dan Penyelidikan Sastera DBP, kelmarin.

Samad berkata, Keris seorang nasionalis berpendidikan agama yang terbuka dan liberal daripada orang yang berlatarbelakangkan pendidikan agama. Ini kerana dipengaruhi oleh pejuang parti Islam Indonesia.

Akar keislaman Keris begitu kuat dan kerana itu walaupun beliau anak Pahang tetapi ikut terseret dalam perjuangan dengan ramai teman seangkatan mengangkat senjata di hutan pimpinan Parti Komunis Malaya ketika Darurat pada tahun 1948.

"Dia memilih untuk menjadi wartawan melanjutkan perjuangan menentang penjajah menurut caranya sendiri dan di *Utusan Melayu*, Keris mendapat seluas kesempatan tidak saja mengasah bakat tetapi menyambung perjuangannya," katanya.

Ketika ramai teman dalam PKMM dan API menyeberang ke barisan kerajaan tetapi Keris tetap dengan pendiriannya, bukan mengangkat senjata tetapi mengasah penanya membuka medan baru untuk membela bangsanya.

Samad juga memberitahu, Keris pernah ditawarkan oleh Allahyarham Tun Razak untuk menjadi calon UMNO dalam pilihan raya umum di Pahang tetapi menolak kerana cenderung menjadi pegawai tinggi di DBP.

Keris tidak lagi aktif dalam politik apabila menyertai DBP tetapi ada temannya aktif dalam politik dan bersara. Penulis A. Karim Abdullah pula berkata, Keris Mas pernah berhasrat untuk menulis sebuah novel bertemakan perpaduan kaum ekoran peristiwa 13 Mei. Novel itu hanya sempat siap rangkanya yang diberi judul *Roh-Roh 13 Mei*.

Sebagai seorang penulis, Karim masih menyimpan esei wawancaranya dengan Keris Mas selain turut menyimpan keratan akhbar mengenai tokoh ini.

Dewan Persuratan Melayu Pahang (Kuala Lumpur) akan mengadakan majlis 'Siri Syarahan Perdana Keris Mas' dan buku bertajuk *Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas* akan dilancarkan.

Karim mengimbas kembali kenangan ketika Keris terlantar di hospital dan pada saat beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 9 Mac 1992.

Sebagai orang yang rapat dengan Keris, Karim menceritakan secara terperinci detik-detik sedih itu.

Di akhir ceramah, Karim membaca dua sajak Keris Mas bertajuk *Sepuluh Tahun Dakwat Mengalir* dan *Pelita Yang Tak Padam-Padam.* Sepanjang hayatnya, Keris hanya menghasilkan 10 sajak.

Dalam majlis itu, Siti Zaleha Hashim membaca cerpen *Runtuh* manakala cerpen *Halusinasi* diperdengarkan oleh Mawar Shafie.

Berita Harian, 12 Jun 1997

SUMBANGAN A. KARIM HAJI ABDULLAH DALAM BIDANG PENERBITAN DAN PENDOKUMENTASIAN WAJAR DIHARGAI

oleh *Talib Samat*

Suatu hal yang mungkin tidak terfikirkan oleh para pengkaji atau peneliti sastera ialah sumbangan A. Karim Haji Abdullah (1937-2001) dalam menjayakan pelaksanaan komponen sastera dalam bahasa Melayu (Komsas) ialah sumbangannya yang tersendiri dengan menerbitkan semula novel *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad yang dialihkan tulisannya daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi pada tahun 1973.

Novel *Putera Gunung Tahan* yang terpilih sebagai buku teks sastera Komsas bagi Tingkatan 5 dan digunakan di semua aliran sekolah mulai tahun 2001. Pada mulanya novel ini diterbitkan oleh Jamaliah Press, Muar pada tahun 1938 dan dicetak kali kedua oleh Geliga Limited Singapura pada tahun 1957 yang kesemuanya dalam tulisan jawi.

Pada tahun 1973, A. Karim Haji Abdullah mengambil daya usaha merumikan novel *Putera Gunung Tahan* ini yang diterbitkannya sendiri menerusi penerbitannya Pustaka Budaya Agency dan dicetak semula pada tahun 1985. Novel ini sememangnya telah lama disuarakan oleh pelbagai pihak di negara ini agar dijadikan buku teks sastera tetapi belum menjadi kenyataan sehinggalah riuh-rendah Kementerian Pendidikan Malaysia mahu memperkenalkan pengajaran sastera dalam Bahasa Melayu khususnya sewaktu Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pendidikan.

Pandangan jauh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya pada era Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan kini yang mahu melaksanakan Komsas di semua

aliran sekolah yang mahu melahirkan para pelajar yang bukan sahaja berminat dalam bidang sains yang sangat diperlukan dalam kehidupan sekarang tetapi juga pelajar atau manusia yang lebih bersifat manusiawi dan berperi kemanusiaan seterusnya di antara keperluan rohani dan jasmani agar hidup lebih seimbang, ceria dan tidak rakus mengejar kebendaan yang nisbi dan fana sifatnya.

Selain daripada pelajaran agama Islam, pelajaran sastera dalam Bahasa Melayulah yang boleh dimanfaatkan untuk menjadikan para pelajar lebih menghargai nilai-nilai kesenian, kebudayaan, budi, kemanusiaan dan sifat kasih-mengasihi di antara sesama manusia yang semakin kurang dan terhakis dalam masyarakat manusia moden.

Dengan terpilihnya novel *Putera Gunung Tahan* yang asalnya diterbitkan dalam tulisan jawi yang kemudiannya dirumikan oleh A. Karim Haji Abdullah dan untuk edisi pelajar dan edisi terkini diterbitkan semula oleh anak syarikat Utusan Melayu iaitu Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. yang dicetak dengan jumlah yang banyak sesuai dengan keperluan buku teks sastera dan tergolong juga untuk buku Skim Pinjaman Buku Teks bagi kegunaan pelajar yang sekolahnya menggunakan novel *Putera Gunung Tahan*, khususnya di negeri Melaka, Johor dan Kelantan.

Sekiranya diteliti sejarah susur galur novel ini dan pengarangnya, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) penerbitan novel ini oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. dan Pak Sako sejarah bagaikan berulang kembali. Pak Sako adalah pengarang pertama Utusan Melayu dan penerbitan semula novel ini oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. adalah bagaikan pengiktirafan terhadap sumbangan bersejarah Pak Sako dalam dunia kesusasteraan dan kewartawanan negara ini. Hal ini menjadi lebih

bernilai lagi bila novel *Putera Gunung Tahan* dijadikan teks sastera Tingkatan 5 bagi pengajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu dan lebih 120,000 orang pelajar menggunakan novel ini sebagai teks wajib untuk lulus dalam kertas Bahasa Melayu di peringkat SPM.

Hal ini ibarat sirih pulang ke gagang. Ertinya sesuatu karya yang bernilai itu wajar diletakkan di tempatnya yang hak dan abadi seperti yang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Novel *Putera Gunung Tahan* karya Pak Sako yang dirumikan oleh A. Karim Haji Abdullah membuktikan kedua-dua orang tokoh ini diiktiraf jasa dan sumbangannya walaupun kedua-duanya telah meninggal dunia.

Pengarang asal *Putera Gunung Tahan* ini iaitu Pak Sako telah meninggal dunia pada 7 November 1991 dan A. Karim Haji Abdullah orang yang bertanggungjawab merumikan novel ini sejak tahun 1973 atau lebih awal dari tarikh itu telah meninggal dunia pada 5 Februari 2001 lalu.

Sumbangan A. Karim Haji Abdullah merumikan novel ini pada tahun 1973 dan diterbitkan semula menerusi penerbitnya sendiri, Pustaka Budaya Agency merupakan suatu usaha yang besar dan tidak ternilai untuk memastikan karya besar Pak Sako yang bercorak satira ini apalagi sarat dengan perjuangan meniupkan semangat patriotik di kalangan pembacanya terus beredar di persada sastera bangsanya.

Sebenarnya A. Karim Haji Abdullah bukan sahaja berusaha merumikan novel *Putera Gunung Tahan* yang asalnya ditulis dalam tulisan jawi tetapi juga novel-novel Pak Sako yang lain termasuklah *Pengantin Baru* (1975), *Budak Beca* (diterbitkan semula oleh Marwilis Publisher and Distributors Sdn. Bhd., 1992) malahan cerpen-cerpen Pak Sako

sehingga berhasil menyelenggara penerbitan *Cerpen-cerpen Pak Sako* (1987) bersama Hashim Awang. Malahan beliau juga merumikan siri tulisan Pak Sako dalam *Utusan Zaman* 5, 12, 19 dan 26 Oktober1940 sehingga dibukukannya sendiri dalam buku kecil berjudul *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun di Singapura* (1975).

Sebelum kematiannya pada 5 Februari 2001, A. Karim Haji Abdullah juga merumikan dan menyusun cerpen-cerpen lain Pak Sako yang belum dibukukan dengan judul *Moostapir Monolog* tetapi tidak sempat diterbitkannya berikutan kepulangannya ke rahmatullah. Suatu hal menarik yang menjadi tanda apakah nasib dan masa depan *Moostapir Monolog* atau manuskrip lain selenggaraan A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) yang tidak sempat diterbitkannya itu yang berjumlah lebih 20 buah itu.

Sekiranya diteliti judul-judul manuskrip yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah itu sebenarnya tergolong karya-karya penting, besar dan berguna dalam sejarah pemikiran bahasa dan bangsa Melayu. Mungkin penerbit-penerbit besar seperti DBP, UP & D, Fajar Bakti, Pelandok, Thinkers Library, dan sebagainya boleh mengambil inisiatif tertentu untuk menerbitkan buku-buku selenggaraan dan susunan A. Karim Haji Abdullah itu yang kini sudah berada di Perpustakaan Negara Malaysia. Atau idea lain pihak Perpustakaan Negara Malaysia boleh menerbitkannya atau memberi laluan kepada penerbit yang berminat menerbitkannya agar 20 buku itu lebih tersebar di jiwa pembaca, dan masyarakat umum dan tidak terbiar kaku.

Sumbangan A. Karim Abdullah dalam menyelenggara pelbagai jenis buku sastera, tokoh, ucapan tokoh, esei budaya dan pemikiran bangsa Melayu yang berjumlah lebih 30 buah sewajarnya dihargai juga oleh masyarakat Malaysia yang prihatin menerusi

penerbitan sebuah buku khas misalnya membincangkan biografi, pemikiran dan pandangan pelbagai tokoh sastera dan masyarakat terhadap sumbangan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah dalam bidang pendokumentasian, penyelenggaraan dan penerbitan buku di negara ini.

Sebenarnya memang ada usaha pihak-pihak tertentu khususnya kalangan kawan rapat Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang mengusahakan pengumpulan esei pandangan pelbagai tokoh, tulisan-tulisan tersebar Bung Karim dan pengkritik tentangnya dalam sebuah buku khas berjudul *Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu* yang sedang penulis usahakan. Bagaimanapun sekiranya jika diukur di segi nilai komersial yang dicari oleh penerbit masa kini memangnya buku ini sukar untuk dijual kecuali ada yayasan atau korporat yang ingin menaja kos penerbitan, percetakan dan diedarkan secara wajar atau percuma ke perpustakaan sekolah dan awam bagi memastikan biografi dan ketokohan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah tetap abadi dalam lipatan sejarah bangsanya sesuai dengan sumbangannya yang besar selama ini.

Sekiranya pihak-pihak tertentu seperti Yayasan Pahang, penerbit atau individu yang sukarela ingin menaja penerbitan buku *Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu* bolehlah menghubungi penulis pada talian 013-3993439 dan 05-4529534 dan menulis surat di alamat No. 16, Jalan Bernam 13, Taman Bernam Baru, 35900 Tanjung Malim, Perak.

A. Karim Abdullah dilahirkan pada 6 September 1937 di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh, Pahang Darul Makmur dan meninggal dunia pada 5 Februari 2001 di Hospital Universiti, Petaling Jaya.

Sekiranya diteliti Allahyarham A. Karim Abdullah dan Pak Sako adalah dua orang putera Pahang yang berjasa. Negeri Pahang harus membuat sesuatu sebagai menghargai jasa dan sumbangan Allahyarham A. Karim Abdullah agar nama dan jasanya tetap abadi dalam sejarah intelektual negeri Pahang dan Malaysia. Misalnya dengan cara yang paling mudah ialah menerbitkan dan mencetak buku *Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu* serta mengedarkannya secara percuma kepada sekolah dan perpustakaan di Pahang.

Mungkin ada pihak tertentu yang berasa terpanggil dengan saranan ini sama ada di Yayasan Pahang, Menteri Besar Pahang, atau institusi lainnya memang dialu-alukan untuk memastikan buku biografi tokoh budaya, sastera, intelektual Pahang diterbitkan dan tersebar ke tengah masyarakat.

Dewasa ini ribuan pelajar Tingkatan 5 yang menggunakan novel *Putera Gunung Tahan* karya Pak Sako khususnya di negeri Melaka, Johor dan Kelantan mungkin tidak mengetahui siapakah tokoh di belakang tabir yang merumikan dan menimbulkan balik novel itu dan novel-novel lain Pak Sako. Sekiranya buku *Biografi A. Karim Haji Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu* dapat diterbitkan oleh mana-mana pihak yang berwawasan jauh sekurang-kurangnya dapat membantu kefahaman pelajar atau guru-guru yang mengajar untuk

mengetahui biografi A. Karim Abdullah dan Pak Sako secara terperinci yang termuat dalam buku itu.

Pelbagai buku ulasan, panduan dan bimbingan yang ditulis oleh para pengulas dan pengkritik sastera yang tumbuh seperti cendawan kini mengulas novel *Putera Gunung Tahan* tidak sebaris pun menyebut fakta penting ini seolah-olah fungsi dan peranan Bung Karim tidak wujud langsung. Sesungguhnya bangsa yang berjiwa kerdil sahaja tergamak membiarkan fenomena tidak menghargai pemikir dan pendokumentasinya berterusan walhal dalam masyarakat Malaysia yang menghargai nilai-nilai murni, moden dan canggih hal ini tidak sepatutnya berlaku.

Allahyarham A. Karim Abdullah (Bunga Karim) bukan sahaja tokoh budaya dan pendokumentasi Pahang khasnya tetapi juga Malaysia amnya yang belum dihargai sewajarnya semasa beliau masih hidup dan kewujudannya hanya satu dalam seribu wajar membuka mata banyak pihak agar dihargai pula sesudah ketiadaannya misalnya dengan menerbitkan buku-buku yang ditinggalkannya atau menerbitkan buku-buku yang menceritakan kisah hidup atau perjuangannya menyelenggara dan menyusun puluhan buku bahasa, sastera, politik, budaya, tokoh dan agama yang sebenarnya 'hilang tiada berganti'.

BAB SEPULUH

PAMERAN BUKU RIWAYAT HIDUP DAN SIRAH RASULULLAH S.A.W. YANG DIUSAHAKAN OLEH A. KARIM HAJI ABDULLAH SEMASA HAYATNYA

1. Senarai Buku dan Bibliografi oleh *A. Karim Haji Abdullah*
2. Perlunya Perubahan Dalam Sambutan Majlis Maulidur Rasul oleh *Talib Samat*

BAB SEPULUH

PAMERAN BUKU RIWAYAT HIDUP DAN SIRAH RASULULLAH S.A.W. YANG DIUSAHAKAN OLEH A. KARIM HAJI ABDULLAH SEMASA HAYATNYA

Allahyarham A. Karim Haji Abdullah semasa hayatnya telah melakukan usaha yang cukup serius dan positif yang tentunya belum terfikir oleh mana-mana ahli jawatankuasa masjid atau surau di negara ini mahupun mungkin di dunia Islam juga ialah usahanya mempamerkan buku-buku sejarah hidup Rasulullah S.A.W. yang ditulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris sewaktu menyambut dan mengadakan majlis Maulidur Rasul.

Usaha pertama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah mempamerkan buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. ialah pada 28 September 1994 di Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Fauzi Abdul Rahman yang ketika itu adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia. Saya sempat dan berpeluang menyaksikan pameran itu dan merasakan pameran itu lebih memudahkan dan mendekatkan diri kepada buku-buku yang mengisahkan sejarah hidup Nabi Muhammad S.A.W. dengan lebih mudah, mesra dan intim.

Allahyarham mengadakan sekali lagi pameran buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. sewaktu berkhidmat di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia pada tahun berikutnya dan mendapat sambutan hangat daripada para pengunjung pameran itu.

Usaha dan pameran terakhir mengadakan pameran buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. ialah pada 8 Julai 2000 sempena pembukaan rasmi Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) yang terletak di kilometer 8, Jalan Gambang, Kuantan, Pahang dan konvensyen pertama kolej tersebut.

Pameran terakhir yang diadakan oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah di KIPSAS, Kuantan, Pahang itu diperlengkapkan dengan penyediaan, penulisan dan penerbitan buku kecil tentang senarai dan ringkasan buku-buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. yang berjumlah 300 buah sempena pameran itu untuk mudah dihayati oleh para pengunjung pameran bersejarah itu

Dalam buku *Pameran Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W.* (2000), Allahyarham A. Karim Haji Abdullah mencatatkan isi kandungannya adalah "Kesan dan Kenangan" (hlm. 5-10), "Perlunya Perubahan Dalam Sambutan Majlis Maulidur Rasul" (hlm. 21-29), "Biodata Ringkas Bung Karim" (hlm. 30-36) dan "Bibliografi" (hlm. 37-56).

Suatu hal yang menarik diusahakan dan dilakukan oleh Allahyarham dalam buku kecil ini ialah beliau memberikan semacam garis panduan dan petunjuk untuk mana-mana umat Islam khususnya ahli jawatankuasa masjid atau surau di Malaysia tentang cara-cara mengadakan pameran buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. bagi yang berminat mahu meneruskan tradisi itu. Dalam bahagian "Bibliografi" buku kecil ini yang sekarang mungkin sudah tidak tersebar lagi kerana dicetak dalam jumlah terhad, Allahyarham menyenaraikan buku-buku sedemikian mengikut susunan abjad nama pengarang buku berkenaan. Malahan Allahyarham menyediakan ringkasan atau

keterangan umum tentang kandungan buku itu untuk diketahui oleh para pengunjung atau pembaca secara segera dan drastik.

Menyedari kepentingan bahagian bibliografi atau senarai buku riwayat hidup dan sirah Rasulullah S.A.W. yang boleh dijadikan panduan kepada umat Islam untuk mengadakan pameran sedemikian sempena majlis Maulidur Rasul atau lainnya saya menurunkan kandungan bibliografi itu yang dipindahkan terus ke dalam buku ini untuk faedah pembaca kerana buku kecil yang dibuat oleh Allahyarham itu tidak ditemui lagi di pasaran buku negara ini.

SENARAI BUKU DAN BIBLIOGRAFI*

Oleh *A. Karim Haji Abdullah*

1. A. Abdul F.T
2. Abbadah, Muhammad Umais
3. Abdul Hayei Abdul Sukor
4. Abdul Rahman Rukaini
5. Abdul Rahman Rukaini
6. Abdul Rahman Rukaini
7. Abdul Wahab Hamudah
8. Abdul Wahab Zakaria
9. Abdullah A.M
10. Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh
11. Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh
12. Abdurrahman, Aisyah
13. Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah
14. Adi, Setia
15. Adnan bin Haji Alang Abdul Mutalib
16. Ahmad bin Tunggal
17. Al Banna, Al Shahid Imam Hassan
18. Al Husaini H.M.H Al Hamid

* Bahagian ini dipindahkan terus daripada buku kecil *Pameran Buku, Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah S.A.W.* yang diterbitkan sendiri oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang boleh dijadikan panduan bagi mereka yang berminat mengadakan pameran seperti itu.

19. Al Husaini H.M.H Al Hamid
20. Ala Maududi, Abdul
21. Al-Ajuuz, Asy-Syaikh Ah. Muhjiddin
22. Al-Albaani, Muhammad Naasiruddiin
23. Al-Awadhi, Asy-Syaikh Usaamah Muhammad
24. Al-Ghazaly, Muhammad
25. Al-Ghazaly, Muhammad
26. Al-Hasani, Muhammad Alwi Al-Maliki
27. Ali Shah, Sirdar Ikbal
28. Ali, Maulana Muhammad
29. Al-Ismail Tahia
30. Al-Jambuli, Muhammad Isa
31. Al-Jauziyyah, Ibnu Qayyim
32. Al-Jauziyyah, Ibnu Qayyim
33. Al-Kandahlawi, As-Sheikh Muhammad Yusof
34. Al-Kandahlawi Muhamad Yusof
35. Al-Maliki, Muh, Alwy
36. Al-Math, Muhammad Faiz
37. Al-Muhdhor, Yunus Ali
38. Al-Murabit, Syaikh Abdal Qadir As-Sufi
39. Al-Qari, Abdullah
40. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
41. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah

42. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
43. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
44. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
45. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
46. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
47. Al-Sahhar, Abdul Hamid Jaudah
48. Aly Yahya Ahmad, Asy-Syaikh Faishal
49. An-Nadwy, Abul Hasan Ali Al-Hasany
50. Aqqod, Abbas Mahmud
51. Ar Rahimah, Mulyati
52. Ar Rahman, Mulyati
53. Arifin, Bey
54. Arifin, Bey. H
55. As Sadawi, Muhammad Hamzah
56. As-Saayin, Muhammad
57. As-Sahhar, Abdul Hamid Judah
58. As-Sahhar, Abdul Hamid Judah
59. As-Sahhar, Abdul Hamid Judah
60. As-Sayuthi, Jalaluddin Abdurrahman
61. Azam, Abdul Rahman
62. Azam, Abdul Rahman
63. Bahreisy, KH. Salim
64. Bakry, H. Hasbullah

65 Bari, F.M. Nadeem

66. Bashar, Ainul

67. Behmat, Ahmed Ibrahim

68. Chalil, K.H. Moenawar

69. Deedat, Ahmad

70. Doa Rasulullah, di Indonesia oleh Bey Arifin. Surabaya: Pt Bina Ilmu

71. Far, Mahfuz Ibrahim

72. Firdaus, K.H.

73. Firdaus, K.H.

74. Ghanim, Abdul Aziz

75. Haddad, Imam Habib Abdullah

76. Hadimaja, Anas K

77. Hadith 40: Terjemahan dan Syarahnya; susunan Imam Muhjiddin Abu Zakariyya Yahya Bin Sharif

78. Haidir Ismail

79. Hamka

80. Hamka berkisah tentang Nabi Muhammad S.A.W.; diceriterakan oleh M. Saribi Afn, Jakarta:

81. Hamka membahas soal-soal Islam diedit oleh H. Rusydi Afif. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1983

82. Hasjmy, A.

83. Hawwa, Sa'ed

84. Hawwa, Sa'ed

85. Hawwa, Sa'ed

86. Hykal, Muhammad Husein

87. Hisham, Abu Muhammad Abdal Malik

88. Hosain, Safdar

89. Intisari Sirah Muhammad bin Abdullah S.A.W: mendedahkan teori-teori kepimpinan, disusun

90. Intisari Sirah Muhammad bin Abdullah S.A.W. sumbangan Qutb Al-Syahid Abul Hasan Ali

91. Iqbal Afzal

92. Islam dan Al-Hadith: satu analisis ke atas usaha-usaha merosakkan peribadi dan autoriti

93. Islam dan Al-Hadith: Satu Analisis Ke Atas Usaha-Usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti

94. Isteri-isteri Rasulullah S.A.W. & kepahlawanan wanita Islam: penterjemah Ummu'Urwah.

95. Jamaluddin Kafie

96. Khalid Muhammad Khalid

97. Khalid, Khalid Muh

98. Khalid, Khalid Muhammad

99. Khatab, Abdul Muiz

100. Kisah pernikahan nabi-nabi & isteri-isteri Rasulullah S.A.W.; penyusun Mohd. Najib.

101. Labib M.Z.

102. Lings, Martin

103. Lofti Ismail

104. M. Saalim, Asy-Syaikh'atiyyah

105. M. Salim

106. Mahayuddin Hj Yahaya

107. Mashoor, S.M.H.

108. Mohd. Isa Jalil

109. Mohd. Isa Selamat

110. Mohd Napiah Abdullah

111. Muda'im, Ali Hamidi

112. Muhammad Abd. Wahhab

113. Mustaffa Suhaimi

114. Nasr, Seyyed Hoessein

115. Naufal, Abdul Razzak

116. Nawawi, Duski

117. Nooraini Abdullah

118. Noraini Ishak

119. Nursi, Bediuzzaman Said

120. Pedoman Hidup dari Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W.; dikumpulkan oleh: As-Sayyid Ahmad

121. Poligami: Mengapa Rasulullah berbilang Isteri; susunan: Norain Ishak, Kuala Lumpur: Pustaka

122. Qaiyyim, Ibnu

123. Qamihah, Jabir

124. Qamihah, Jabir

125. Raheem, M.R.M. Abdur

126. Rahman, Afzalur

127. Rahman, Al-Fazlur

128. Rasulullah dalam puisi; diselenggarakan oleh Haji Muhammad Bukhari Lubis dan Hamidah Osman.

129. Rasulullah s.a.w. pemimpin Mithali, diterjemah oleh: H. Abdul Hadi Basulthonah, Kuala Lumpur:

130. Rasulullah S.A.W. sebagai hamba Allah, pemimpin, pendakwah, sahabat, bapa & suami

131. Ridha, Syed Muhammad Rasyid

132. Ringkasan sejarah hidup Muhammad s.a.w.; disusun oleh Moh. Idris Jauhari. Maduri: Koperasi

133. Sabiq, Sayid

134. Said bin Che Ros

135. Salim, Athiyah Muhammad

136. Salim, Athiyah Muhammad Salim

137. Salim, Athiyah Muhammad Salim

138. Samiy, Mahmud

139. Siddizi, Naim

140. Siddiqui, Muhammad Yasin Mazhar

141. Sifat-sifat syurga dan negara berdasarkan hadis-hadis sahih, dikumpulkan oleh Wahid Abdus
142. Siraj, Muhammad
143. Syalaby, Saad Ismail
144. Syariati, Ali
145. Taib Azamuddin, Mohd. Taib
146. Wasil, Nasr Farid
147. Ya'qub, H. Hamzah
148. Yasien, Asy Syaikh Khalil
149. Yasir, S. Ali
150. Zainal Arifin Abbas

A. ABDUL F.T
Nabi Muhammad S.A.W. oleh Fr. A. Abdul F.T. disusun oleh M. Fauzan Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1991
3 Bahagian
Bahagian I: Kisah Nabi S.A.W. dan lahir hingga hijrahnya
Bahagian II: Jihadnya dalam berdakwah
Bahagian III: Kehidupannya yang khusus dan umum

ABBADAH, MUHAMMAD UMAIS
Sekelumit kebesaran Rasulullah Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1984.
148 muka surat.

ABDUL HAYEI ABDUL SUKOR
Ulasan dan terjemahan hadith 40 Jil. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
252 muka surat.

ABDUL RAHMAN RUKAINI
Ringkasan riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992
71 muka surat

ABDUL RAHMAN RUKAINI
Nabi Muhammad S.A.W. junjungan kita 1-3 . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

ABDUL RAHMAN RUKAINI
Nabi Muhammad S.A.W. junjungan kita 2-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

ABDUL WAHAB HAMUDAH
Teladan Rasulullah di dalam kekeluargaan dan rumahtangga. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 1997.

ABDUL WAHAB ZAKARIA
Konsep kepimpinan dalam Islam: pesanan seorang da'i. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1992.
205 muka surat.

ABDULLAH AL-QARI BIN HAJI SALLEH
Muhammad Rasulullah: makhluk pilihan dan rasul contoh. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1985.
441 muka surat.

ABDULLAH AL-QARI BIN HAJI SALLEH
Muhammad Rasulullah: makhluk pilihan dan rasul contoh. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1991
441 muka surat

ABDULLAH A.M.
Sirah Rasulullah s.a.w. penghulu para anbiya A.S. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1994
131 muka surat.

ABDURRAHMAN, AISYAH
Isteri-isteri Nabi oleh Prof. Dr. Aisyah Abdurrahman, penerjemah Abdul Kadir Mahdamy.

ABU ISA MUHAMMAD BIN ISA BIN SAURAH
Terjemah hadis mengenai peribadi dan budi pekerti Rasulullah s.a.w.; alih bahasa Drs. M. Tarsyi Hawi. Klang: Klang Book Centre, 1987.

ADI, SETIA
25 rasul; penulis Adi Setia dan Sidang Pengarang Pustaka Salam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992
116 muka surat

ADNAN BIN TUNGGAL
Kisah perjalanan Rasulullah S.A.W. daripada Makkah ke Hadratul Quddus. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, 19.
88 muka surat

AHMAD BIN TUNGAL
Amalan kecemerlangan rohani. Edisi baru. Johor: Sekolah Menengah Sains Muar, 1994
204 muka surat.

ALI, MUALANA MUHAMMAD
The living thoughts of the Prophet Muhammad. Lahore: Ahmadiyya Anjuman Isha'at Islam, 1992
156 muka surat

ALI SHAH, SIRDAR IKBAL
Muhammad the prophet.Lahore: Hijra International Pub., 1983
296 muka surat

AL-AJUUZ, ASY-SYAIKH AH. MUHJIDDIN
Riwayat Nabi Muhammad sejak kecil sampai wafat alihbahasa dan selingan oleh Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh. Kenali: Pustaka Asa, 1992
Jil.1 – Jil. 4.

AL-AL BAANI, MUHAMMAD NAASIRUDDIN
Contoh sembahyang nabi s.a.w. oleh Muhammad Naasiruddiin Al-Albaani; terjemahan dan penjelasan oleh Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh. Kenali: Pustaka Asa, 1986
169 muka surat

AL-AWADHL, ASY-SYAIKH USAAMAH MUHAMMAD
Membongkar rahsia penyelewengan bermimpi jumpa Nabi dan tafsiran melihat di Kala Jaga oleh Asy-Syaikh Usaamah Muhammad Al-Awadhi, penterjemah oleh Abdullah Qari bin Haji Salleh Kuala Lumpur: Dinie Publisher, 1994
138 muka surat

AL BANNA,AL SHAHID IMAM HASSAN
Al' Mathurat: Wirid dan Doa Rasulullah, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
32 muka surat

AL-GHAZALI, MUHAMMAD
Al-Ghazali menjawab 40 soal Islam abad 20. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed, 1989
260 muka surat

AL-GHAZALY, MUHAMMAD
Fiqus-sirah: menghayati nilai-nilai riwayat hidup Muhammad Rasul Allah SAW oleh Abu Laila Muhammad Tohir, Klang: Klang Book Centre, 1997
774 muka surat

AL-HASANI, MUHAMMAD ALWI AL-MALIKI
Mengapa kita mesti merayakan keputeraan Nabi S.A.W; alih bahasa Syed Zain Alhabsyi.
Kuala Lumpur: Penerbit Penamas, 1989
25 muka surat

AL HUSAINI H.M.H., AL HAMID
Baitun-Nubuwwah: rumah tangga Nabi Muhammad S. A.W. Jakarta: Yayasan Al Hamidy, 1992
1054 muka surat

AL HUSAINI H.M.H. AL HAMID
Riwayat kehidupan nabi besar Muhammad S.A.W. Jakarta: Yayasan Al Hamidy, 1993 100 muka surat

AL-ISMAIL TAHIA
Kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. oleh Tahia al-Ismail; penterjemah Siti Sujinah Sarnap. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996
520 muka surat

AL-JAMBULI, MUHAMMAD ISA
Doa orang terniaya: antologi hikayat pendek Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995
183 muka surat

AL-JAUZIYYAH, IBNU QAYYIM
Fatwa-fatwa Rasulullah s.a.w. penterjemah: S. Ziyah Abbas: Pustaka Panjimas, 1990
260 muka surat

AL-JAUZIYYAH, IBNU QAYYIM
Fatwa-Fatwa Rasulullah s.a.w.; Jil. 1; penterjemah: S.Ziyah Abbas: Jakarta,
Pustaka Panjimas, 1991
204 muka surat

AL-KANDAHLAWY, MUHAMAD YUSOF
Kehidupan para sahabat Rasulullah S.A.W. oleh Muhamad Yusuf Al-Kandahlawy; alih bahasa Bey Arifin dan Yunus Ali Al-Muhdhar. Singapura: Pustaka Nasional, 1983
584 muka surat

AL-KANDAHLAWY, AS-SHEIKH MUHAMMAD YUSOF
Hayatus sahabah: kehidupan para sahabat Rasulullah S.A.W.; terjemahan Abdul Khairy Al-Latifi.
Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1994
Jil. 3 (308 muka surat)
Jil. 5 (331 muka surat)

ALMALIKI, MUH, ALWY
Insan Kamil: Muhammad s.a.w.; diolah bahasa: Hasan Baharum (SL SN)
365 muka surat

ALMATH, MUHAMMAD FAIZ
1100 hadis terpilih sinar ajaran Muhammad oleh Muhammad Faiz Almath; disusun semula Sidang Pengarang Kintan. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 1993
414 muka surat

AL-MUHDHOR, YUNUS ALI
Kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. dan Amirul Mu'minin Ali bin Abi Thalib RA. Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1993
722 muka surat

AL-MURABIT, SYAIKH ABDAL QADIR AS-SUFI
Muhammad: messenger of Allah; translated by Aisha Abdarrahman Bewley. 2nd e. Granada. Madinah Press, 1992

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Hijrah oleh Abdul Hamid Jaudah al-Sahhar; penterjemah Safiah Abd. Razak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
305 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Kaum Quraisy, penterjemah Paiman Abdul Yusuf, Rokiah Abd. Kadir, Sutinah Sulaiman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
290 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Kelahiran Rasulullah s.a.w.; penterjemah: Sutinah Sulaiman, Safiah Abd. Razak, Khadijah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
280 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Khadijah Binti Khuwalid; penterjemah Safian Abd. Razak, Sutinah Sulaiman.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
254 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Peperangan Badar; penterjemah Safiah Abd. Razak.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
301 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Peperangan Khandar; penterjemah Safiah Abd. Razak, Wan Abdul Rahman.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
328 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Peperangan Uhud; penterjemah Safiah Abd. Razak.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
277 muka surat

AL-SAHHAR, ABDUL HAMID JAUDAH
Dakwah Nabi Ibrahim A.S; penterjemah Sutinah Sulaiman.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
301 muka surat

AL-QARI, ABDULLAH
50 Anugerah Istimewa kepada Rasulullah s.a.w.; alihbahasa dan tambahan: Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh, Kelantan: Pustaka Asa kenali; 1991.
66 muka surat

ALA MAUDUDI, ABDUL
Sistem pemerintahan di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w; penterjemah Abu Abdul Rahman; Brickfields, Kuala Lumpur: 1985
38 muka surat

ALY YAHYA AHMAD, ASY-SYAIKH FAISHAL
Sistem Kaderisasi Rasulullah s.a.w.; penterjemah: Salim Wahid 1989
Indonesia Solo: CV. Pustaka Mantia
192 muka surat

AN-NADWY, ABUL HASAN ALI AL-HASANY
Riwayat hidup Rasulullah s.a.w.; alibahasa: Bey Arifin, Yunus Ali Muhdhar, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1983
551 muka surat

ARIFIN, BEY. H.
Maria, Yesus Dan Muhammad, Surabaya: Bina Ilmu, 1991
265 muka surat

ARIFIN, BEY
Kumpulan Khutbah Jum'at. Edisi Malaysia. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1993
272 muka surat

AR RAHMAN, MULYATI
Ketika rasulullah menghadapi masa sulit. Bandung: Penerbit PT Remaja, 1991
77 muka surat

AR RAHMAN, MULYATI
Sikap dan perilaku Dakwah Rasulullah s.a.w.; Bandung: PT Remaja Risdakarya, 1991
128 muka surat

AS-SAAYIN, MUHAMMAD
Himpunan jampi-jampi perubatan Nabi S.A.W.; alibahasa dan tambahan oleh Abdullah Al-Qari bin Hj. Salleh. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, 1994
97 muka surat

AS SADAWI, MUHAMMAD HAMZAH
Himpunan 33 mukjizat Rasulullah S.A.W. terjemahan oleh Mustaffa Kamal Mahyuddin.
Batu Caves: Pustaka Ilmi, 1996
117 muka surat

AS-SAHHAR, ABDUL HAMID JUDAH
Sejarah Rasulullah s.a.w.; disusun oleh: Sidang Pengarang Kintan; Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn Bhd, 1991
250 muka surat

AS-SAHHAR, ABDUL HAMID JUDAH
Sejarah Rasulullah s.a.w.; disusun oleh: Sidang Pengarang Kintan; Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd, 1994
250 muka surat

AS-SAHHAR, ABDUL HAMID JUDAH
Sejarah Rasulullah oleh Hamid Indah As-Sahhar; disusun oleh Sidang Pengarang Kintan. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 1994
250 muka surat

AS-SUYUTHI, JALALUDDIN ABDURRAHMAN
Pengubatan cara Nabi S.A.W. oleh Jalaluddin Abdurrahman As-Suyuthi; penterjemah Luqman Hakim dan Ahsin Mohammad. Bandung: Pustaka Hidayah, 1997
281 muka surat

AQQOD, ABBAS MAHMUD
Keagungan Muhammad s.a.w. oleh Dr. Abbas Mahmoud Aqqod; penterjemah Abdulkadir Mahdamy. Edisi Indonesia, Jakarta: Pustaka Mantiq-Solo, 1990
247 muka surat

AZAM, ABDUL RAHMAN
Keagungan Nabi Muhammad s.a.w.; kepahlawanan dan keindahan perikehidupan Rasulullah;
Penterjemah: Drs. Abdullah Shonhadji: 1988
Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya
211 muka surat

AZAM, ABDUL RAHMAN
Keagungan Nabi Muhammad s.a.w.; kepahlawanan dan keindahan perikehidupan Rasulullah;
Batu Caves, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd, 1988
212 muka surat

BAHREISY, KH. SALIM
Menyaksikan 35 Mukjizat Rasulullah s.a.w.; diterjemahkan oleh; Muhammad Hamzah As, Sadawi, Surabaya: Pustaka Progressif, 1991
144 muka surat

BAKRY, H. HASBULLAH
Nabi Isa dalam Al-Quran dan Nabi Muhammad dalam Bible, Kota Bahru: Kelantan:
Pustaka Aman Press Sdn Bhd, 1979
222 muka surat

BARI, F.M. NADEEM
Muhammad the best of humanity by F.M. Nadeem Bari; translated by Zaheer Iqbal Khawaja. Faisalabad: M.A. Azeez, 19.
127 muka surat

BASHAR, AINUL
Cara Rasulullah S.A.W mengelak dan menyembuhkan penyakit disedut dan dialihbahasa dari Kitab Tibbun Nabawi oleh Ainul Bashar; dengan kerjasama Nurul Basri; disusun oleh Ibnu Qaiyim. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas,
176 muka surat

BEMAT, AHMED IBRAHIM
Insan teladan sepanjang zaman; penyusun Mufti Ahmed Ebrahim Benat; terjemahan Abdul Aziz Abdul Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1994
408 muka surat

CHALIL, K.H. MOENAWAR
Kelengkapan tarikh Nabi Muhammad s.a.w.; Jakarta: Bulan Bintang, 1977
Jil. 1A, IB, IIA, IIIB, IVA, IVB
39 m

Doa Rasulullah; di Indonesiakan oleh Bey Arifin. Surabaya: Pt Bina Ilmu
71 muka surat

FARJ, MAHFUZ IBRAHIM
Sunnah Raulullah tentang solat susunan Dr. Mahfuz Ibrahim Farj; penterjemah oleh Drs. Syahrin Nasution. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1993
176 muka surat

FIRDAUS, K.H.
Detik-Detik Terakhir kehidupan Rasulullah. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1979
165 muka surat

FIRDAUS, K.H.
Detik-detik terakhir kehidupan Rasulullah. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 1996
250 muka surat

GHANIM, ABDUL AZIZ
Perang dan damai di masa pemerintahan Rasulullah. Jakarta: Gema Insani Press, 1992
118 muka surat

HADDAD, IMAM HABIB ABDULLAH
Nasihat agama dan wasiat iman oleh Imam Habib Abdullah Haddad; alibhasa Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional, 1981
472 muka surat

HADIMAJA, ANAS K
Muhammad akhir. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana, 1984.
247 muka surat

Hadith 40: Terjemahan dan syarahnya; susunan Imam Muhjiddin Abu Zakariyya Yahya Bin Sharif Al-Nawawi; Terjemahan oleh: Mustafa Abdul Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1992
441 muka surat

HAIDIR ISMAIL
Riwayat hidup Rasulullah s.a.w.; Tampai: Bismi Publishers, 1992
2 jilid (Jil. 1:81 muka surat; Jil. 2: 83 muka surat)

HAMKA
Doa 2 Rasulullah, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 19...
31 muka surat

Hamka membahas soal-soal Islam diedit oleh H. Rusydi Afif. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1983
456 muka surat

Hamka berkisah tentang Nabi Muhammad S.A.W.; diceriterakan oleh M. Saribi Afn, Jakarta:
PT Pustaka Panjimas, 1984
202 muka surat

HASJMY, A.
Pahlawan-Pahlawan Islam yang gugur di zaman Nabi, Singapura: Pustaka Nasional, 1971
321 muka surat

HAWWA, SA'ID
Ar-rasul Muhammad S.A.W. oleh Sa'id Hawwa; penterjemah Kathur Suhardi, Solo: CV Pustaka Mantiq, 1991
611 muka surat

HAWWA, SA'ED
Hikmah Mukjizat Rasulullah s.a.w.; Kg Baru; Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1994
200 muka surat

HAYKAL, MUHAMMAD HUSEIN
The Life of Muhammad, Translated of & ed. By Ismail Raji A. Al Faruqi, 1993.
Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
639 muka surat

HISHAM, ABU MUHAMMAD ABDAL MALIK
The Life of the Prophet by Ibn Hisham; rendered into English by Dr. Ibrahim Zaki Khurshid; revised by Abdalhakim Winter B.A. a simplified edition. Kuala Lumpur: Darulfikir, 1990
Vol. 2-8; 10

HOSAIN, SAFDAR
Who was Mohammed Lahore: Kazi Publications, 1979
132 muka surat

Intisari sirah Muhammad bin Abdullah S.A.W.: mendedahkan teori-teori kepimpinan, disusun oleh Mustafa Ramadhan; diselenggarakan oleh Yusof Ismail. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1991
122 muka surat

Intisari sirah Muhammad bin Abdullah saw sumbangan Syed Qutb Al-Syahid Abul Hasan Ali An Nadwi, Abul A'la Al Maududi, Naeem Siddiqi; terjemahan Mustafa Ramadhan [et.al]; diselenggarakan oleh Yusof Ismail. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1991.
126 muka surat.

Islam dan Al-Hadith: Satu Analisis ke Atas Usaha-Usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah s.a.w.; penyelenggara: Abd. Halim Al-Muhammady, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, 1991
193 muka surat

Islam dan Al-Hadith: satu analisis ke atas usaha-usaha merosakkan peribadi dan autoriti Rasulullah s.a.w.; penyelenggara: Abd. Halim El-Muhammady, Kajang: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1991
184 muka surat

Isteri-isteri Rasulullah S.A.W. & kepahlawanan wanita Islam; penterjemah Ummu'Urwah.
Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987
176 muka surat

IQBAL AFZAL
Diplomasi Rasulullah S.A.W. oleh Afzal Iqbal; penterjemah Azaman Muhammad, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992
159 muka surat

JAMALUDDIN KAFIE
Benarkah Al-Quran ciptaan Muhammad?: Satu analisa baru.
Singapura: Pustaka Nasional, 1981
60 muka surat

KHALID, KHALID MUH
Mengenai pola kepimpinan umat dari karakteristik perihidup.: Khalifah Rasulullah; alihbahasa Mahyuddin Syaf, Bandung: CV Diponegoro, 1990
784 muka surat

KHALID, KHALID MUHAMMAD
Kemanusiaan Muhammad; penterjemah Abu Syauqi Baya'sud dan Ibrahim Mansur, editor Bahasa Melayu M. Zain Abd. Ghani. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 1994.
225 muka surat

KHALID MUHAMMAD KHALID
Sepuluh hari berkesan dalam kehidupan Rasulullah SAW.; penyunting Nasruddin.
Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 1994
250 muka surat

KHATHAB, ABDUL MUIZ
Musuh-musuh nabi s.a.w.; penterjemah: Kathur Suhardi. Indonesia: Pustaka Mantiq, 1992
120 muka surat

Kisah pernikahan nabi-nabi & isteri-isteri Rasulullah S.A.W.; penyusun Mohd Najib. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 1993.
112 muka surat.

LABIB, M.Z.
Pembelaan Umat Muhammad: Rahsia Poligami Rasulullah s.a.w.; Gersik. CV Bintang pelajar
457 muka surat.

LINGS, MARTIN
Muhammad his life based on the earliest sources. Petlaing Jaya: Foundation for Traditional Studies and A.S. Noordeen.
339 muka surat

LOTFI ISMAIL
Mastika hadis Rasulullah Jilid pertama: Saripati dan Ulasan Kitab. Pengkalan Chepa, Kelantan: Pustaka Wijaya, 1987
66 muka surat

M. SAALIM, ASY-SYAIKH'ATIYYAH
Adab menziarahi maqam dan masjid nabi s.a.w.; alih bahasa dan tambahan: Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh, Kuala Lumpur: Dinie Pub., 1994
125 muka surat.

M. Salim
Muhammad: his life and mission. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991
150 muka sutat

MAHAYUDDIN HJ YAHAYA
Sirah Nabi Muhammad s.a.w. (Zaman Makkah); Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993)
55 muka surat

MASHOOR, S.M.H.
Muhammad the prophet who gave a new Dimension; Lahore: Sh. Muhammad Ashraf., Pub.; 1993
55 muka surat

MOHD. ISA JALIL
Menuju alam baqa: kenikmatan kesengsaraannya dan 114 wasiat Rasulullah S.A.W.; Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, 1991
128 muka surat.

MOHD. ISA SELAMAT
Ke arah kemuliaan hati Rasulullah S.A.W.; hijrah budi dan hati nurani. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1993
128 muka surat.

MOHD NAPIAH ABDULLAH
Hadith: Ikhtisar sejarah perkembangan dan kaedah penyusunan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989
199 muka surat

MUDA'IM ALI HAMDI
Ramalan-ramalan Rasulullah s.a.w.: tentang akhir zaman Klang: Klang Book Centre, 1989
119 muka suat

MUSTAFFA SUHAIMI
Shalat Rasulullah. Kuala Lumpur: Progressive Publishing, 1993
163 muka surat

NASR, SEYYED HOESSEIN
Muhammad insan kamil Seyyed Hossein Nasr, penterjemah: Baharuddin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
80 muka surat

NAUFAL, ABDUL RAZZAK
Nabi Muhammad S.A.W, oleh Abdul Razzak Naufal; alih bahasa oleh Osman bin Jantan, Syed Abdillah Aljufri dan Abdul Aziz Al-Murshidy. Edisi baru-Singapura: Pustaka Nasional, 1988
233 muka surat

NAWAWI, DUSKI
Kisah ringkas kehidupan Rasulullah s.a.w.; Batu Caves, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd Malaysia, 1994
273 muka surat

NOORAINI ABDULLAH
Kasihkan Allah (swt) dan rasulnya Muhammad S.A.W. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1990
41 muka surat

NORAIN ISHAK
Poligami: mengapa Rasulullah berbilang isteri. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1988
50 muka surat.

NURSI, BEDIUZZAMAN SAID
Mukjizat-mukjizat Rasulullah S.A.W oleh Bediuzzaman Said Nursi; penterjemah Zanariah Yahya. Kuala Lumpur: Syarikat Nuruhas, 1414
191 muka surat

Pedoman Hidup dari Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W.; dikumpulkan oleh: As-Sayyid Ahmad Al-Hisyimi dan Al-Imam an-Nawawi; Kota Bharu, Kelantan: Dian Darulnaim Sdn. Bhd, 1989
301 muka surat

Poligami: Mengapa Rasulullah berbilang Isteri; susunan: Norain Ishak, Kuala Lumpur: Pustaka Al Mizan, 1988
50 muka surat

QAIYYIM, IBNU
Cara Rasulullah s.a.w. mengelak dan menyembuhkan penyakit. Gombak, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.
152 muka surat

QAMIHAH, JABIR
Sirat-sifat Rasulullah (s.a.w.) bekalan untuk pendakwah oleh Dr. Jabir Qamihah; terjemahan Mudasir Rosder dan Dr. Mohd Zawawi Abdullah. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1991
66 muka surat

QAMIHAH, JABIR
Rasulullah s.a.w. pemimpin Mithali, diterjemah oleh: H. Abdul Hadi Basulthonah. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1993
139 muka surat

RAHEEM, M.R.M. ABDUR
Muhammad the prophet. 2nd ed. Singapore: Pustaka Nasional, 1988
794 muka surat

RAHMAN, AFZALUR
Muhammad the educator of mankind London: the Muslim Schools Trust, 1980
473 muka surat

RAHMAN, AL-FAZLUR
Muhammad panglima tentera oleh Al-Fazlur Rahman; diterjemahkan oleh Syed Putra Syed Ahmad Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990
317 muka surat.

Rasulullah dalam puisi, diselenggarakan oleh Haji Muhammad Bukhari Lubis dan Hamidah Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986
114 muka surat

Rasulullah S.A.W sebagai hamba Allah, pemimpin, pendakwah, sahabat, bapa & suami diselenggarakan oleh Muhammad Shafique. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher, 1995
351 muka surat

RIDHA, SYED MUHAMMAD RASYID
Wahyu Ilahi kepada Muhammad Edisi Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991

Ringkasan sejarah hidup Muhammad s.a.w.; disusun oleh Moh. Idris Jauhari. Maduri: Koperasi Pelajar Al-Amien
144 muka surat.

SABIQ, SAYID
Aqidah Islam. Klang: Klang Books Centre, 1987
522 muka surat

SAID BIN CHE ROS
Fadilat membaca selawat. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1990
60 muka surat

SALIM, ATHIYAH MUHAMMAD
Bersama Rasulullah di bulan Ramadhan; penterjemah Achmad Najiah. Surabaya: Penerbit Pustaka Progressif, 1991
178 muka surat

SALIM, ATHIYAH MUHAMMAD SALIM
Berserta Rasulullah s.a.w. dalam bulan Ramadan, Kg. Bharu. Alor Setar: Kedah, 1993
99 muka surat

SALIM, ATHIYAH MUHAMMAD SALIM
Berserta Rasulullah s.a.w. dalam bulan Ramadan. Alor Setar: Kalam Ilham, 1993
99 muka surat

SAMIY, MAHMUD
70 salawat pilihan: riwayat, manfat dan keutamaannya; penterjemah Idrus Hasan. Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1993
107 muka surat

SIDDIQI, NAEEM
Muhammad Pembina Umat; penterjemah: Abdul Rahman Hussin, 1990; Kuala Lumpur: Pustaka Salam
357 muka surat

SIDDIQUI, MUHAMMAD YASIN MAZHAR
Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah, Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui; penterjemah: Khalil Mohd. Zain, Md. Yunus Md. Said. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995
588 muka surat

Sifat-sifat syurga dan neraka berdasarkan hadis-hadis sahih, dikumpulkan oleh Wahid Abdus Salam Bali, alih bahasa Syed Ahmad Samait; Muhamad Fauzi Ali Zahra. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1990

SIRAJ, MUHAMMAD
Cinta kasih Rasulullah; penterjemah Abu Afizah. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1992
110 muka surat

SYALABY, SAAD ISMAIL
Allah melindungi Rasulullah oleh Prof. Dr. Saad Syalaby, penterjemah Fadilah Md. Tahar: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
35 muka surat

SYARIATI, ALI
Wanita di mata dan hati Rasulullah: ceramah di gereja Jesuit Paris; Jakarta: Risalah Masa, 1992
90 muka surat

TAIB AZAMUDDIN, MOHD. TAIB
Keistimewaan Rasulullah s.a.w.; Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1986
59 muka surat

YA'QUB, H. HAMZAH
Kuliah ilmu tauhid (ilmu kalam). Singapura; Pustaka Nasional, 1988
149 muka surat

YASIEN, AS SYAIKH KHALIL
Muhammad Di mata Cendekiawan Barat; penterjemah H. Salim Basyarahil, Jakarta, Gema Insani Press, 1989
245 muka surat

YASIR, S. ALI
Di balik poligami Rasulullah S.A.W. Singapura: Pustaka Nasional, 1983
88 muka surat

WASIL, NASR FARID
Muhammad s.a.w. pejuang Islam dan kedamaian oleh Dr. Nasr Farid Wasil; terjemahan Ismail b. Mohd. Hassan. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1980

ZAINAL ARIFIN ABBAS
Sejarah dan perjuangan Nabi Muhammad. Jil. 1 – Jil. 10. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. 1968 – 1991
Berbagai muka surat

PERLUNYA PERUBAHAN DALAM SAMBUTAN MAJLIS MAULIDUR RASUL

oleh *Talib Samat*

MAULIDUR RASUL adalah acara memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. yang diadakan setiap tibanya 12 Rabiulawal atau sepanjang bulan Rabiulawal dan Rabiulakhir. Sesungguhnya setiap umat Islam pada setiap peringkat amat bergembira dengan kedatangan sambutan Maulidur Rasul itu. Tiap umat manusia khususnya umat Islam sebenarnya dianugerah rahmat dengan kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.

Sehubungan dengan sambutan Maulidur Rasul yang diadakan pada 28 September, 1994 bersamaan 20 Rabiulakhir 1415 lalu, Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya telah mencipta sejarah baru dalam upacara sambutan Maulidur Rasul di negara ini khasnya dan dunia amnya.

Hal ini ketara bila Masjid Tun Aziz seksyen 14 Petaling Jaya melakukan sedikit kelainan dan peruahan positif dan kreatif dengn mengadakan sesi pameran buku mengenai *Riwayat Hidup Sirah Rasulullah s.a.w.* dan mempamerkan lebih 200 judul buku tentang biografi Rasulullah s.a.w. yang ditulis dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Indonesia.

Pada kebiasaannya, setiap kali diadakan majlis sambutan Maulidur Rasul di negara ini atau rantau Asia Tenggara ini, acara tradisi yang diadakan oleh ahli jawatankuasa masjid atau badan agama masjid atau institusi tertentu ialah menjemput atau memanggil penceramah agama tersohor, mufti, kadi, tokoh akademik dan

cendekiawan Islam untuk bercakap tentang kisah-kisah hidup Rasulullah yang tentunya dikaitkan dengan isu semasa yang berkait rapat dengan masalah hidup umat Islam hari ini.

Hal ini berbeza dengan Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya, bila ahli jawatankuasanya mengadakan revolusi yang tersendiri dalam acara sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini iaitu dengan mengadakan sesi pameran buku mengenai riwayat hidup (biografi) Rasulullah s.a.w. dalam pelbagai aspek hidup selama seminggu yang diadakan dari 28 September hingga 5 Oktober 1994.

Di samping mengadakan sesi ceramah tentang sambutan Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Mufti Negeri Sembilan iaitu Datuk Mustaza Sheikh Ahmad, sedikit jamuan dan edaran bunga telur, Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya menjadikan pameran buku mengenai riwayat hidup/sirah Rasulullah s.a.w. yang ditulis oleh pelbagai penulis dari seluruh dunia sebagai agenda utama dan teras perjuangan musim ini.

Suatu hal yang menjadi lebih menarik lagi sebahagian besar buku-buku tentang riwayat hidup Rasulullah s.a.w. dalam segala isu yang berkaitan dengannya adalah sumbangan dan koleksi **Tuan Haji Abdul Karim Abdullah**, seorang penulis dan penggiat sastera yang gigih di negara ini yang memang sudah tidak asing lagi dalam bidang penyelenggaraan dan penerbitan buku-buku ilmu pengetahuan di negara ini.

Tepat jika dikatakan, keseluruhan daripada buku-buku biografi dan riwayat hidup Rasulullah s.a.w. yang dipamerkan di Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya itu adalah milik peribadi **Tuan Haji Abdul Karim Abdullah** yang dibeli dari pelbagai

penerbitan dengan usaha gigih dan perbelanjaannya sendiri yang sesungguhnya memang mengkagumkan dan memberangsangkan.

Jika diteliti secara mendalam, usaha bersungguh-sungguh dan beriltizam yang dilakukan oleh Tuan Haji Abdul Karim Abdullah dan ahli jawatankuasa Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya adalah usaha penting dan bertepatan dengan semangat untuk mencetuskan budaya ilmu di kalangan umat Islam yang sepatutnya dicontohi dan diteladani secara serius oleh masjid-masjid lain di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Fauzi Abdul Rahman, Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan Malaysia dalam ucapan perasmian Pameran Buku mengenai Riwayat Hidup/Sirah Rasulullah s.a.w. antara lain menyebut: *Setiap tahun apabila tiba musim mengerjakan fardu haji, maka bilangan jemaah haji yang menziarahi makam Rasulullah sudah berjuta-juta orang. Mereka datang menzairahi makam pemimpin agung Islam. Mereka memberi penghormatan kepada Junjungan Besar kita dengan diiringi doa dan selawat. Ini memang dituntut oleh Islam. Tetapi saya penuh percaya bahawa sebilangan besar dari jemaah-jemaah itu, tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang sejarah, riwayat hidup dan sirah Rasulullah. Maka melalui usaha tuan-tuan mempamerkan buku Riwayat Hidup Pemimpin Agung ini dan membaca kisah dan sirah ini maka kita akan mendapat gambaran lebih jelas lagi akan keagungan dan kebesaran Rasulullah.*

Yang Berhormat Dato' Fauzi Abdul Rahman juga menyebutkan dalam ucapannya *Kisah hidup Rasulullah mengatasi kisah hidup pemimpin besar di dunia hari ini. Rasulullah memperkatakan isu kesejagatan dan bukan isu-isu yang remeh-temeh.*

Baru-baru ini kita digemparkan dengan persoalan kononnya Rasulullah berdialog dengan seorang pemimpin gerakan Islam. Dalam dialog berkenaan, kononnya Rasulullah menyentuh isu krisis UMNO dan krisis Raja-raja. Ini pastinya akan mengelirukan umat Islam. Rasulullah diutuskan membawa obor rahmat ke seluruh alam.

Sesungguhnya usaha ahli jawatankuasa Masjid Tun Aziz Seksyen 14, Petaling Jaya mengadakan sesi pameran buku seumpama ini sebenarnya mengembalikan fungsi masjid sebagai pusat kegiatan dan ilmu umat itu sendiri. Masjid bukan saja sebagai tempat mendirikan solat dan ibadat tetapi juga punya fungsi penting iaitu untuk menyebarkan dan mengilmukan masyarakat dengan ilmu-ilmu Islam dan moden untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sangat tepatlah jika disarankan pada setiap masjid di negara ini mengadakan sudut perpustakaan dan bilik bacaan untuk membolehkan para pengunjung memanfaatkan masa yang ada dengan membaca buku-buku ilmu yang berguna dan berfaedah kepada kita.

Jika diteliti kembali secara serius, apa yang dilakukan oleh pimpinan Masjid Tun Aziz Seksyen 14 ini adalah benar sekali dengan wahyu yang pertama diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang menyarankan falsafah iqrak. Wahyu pertama diturunkan yang terdapat dalam Surah al-Alaq berbunyi: *Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Usaha Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya mengadakan pameran buku mengenai riwayat/sirah Rasulullah sememangnya mencapai matlamat untuk mengembalikan keagungan ilmu, fungsi masjid dan membudayakan masyarakat agar benar-benar mengenali dan menjiwai perjuangan Rasulullah s.a.w.

Hal ini sejajar dengan ucapan **Yang Berhormat Dato' Haji Fauzi Abdul Rahman** yang menyebut: *Pameran buku-buku tentang Nabi Besar kita yang tuan-tuan adakan sebagai mengambil sempena Perayaan Sambutan Maulidur Rasul tahun ini, wajarlah diberi penghargaan. Seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyelenggaraan tadi bahawa salah satu tujuan mengadakan pameran ini ialah untuk mendekatkan ibu bapa supaya lebih gemar membeli buku-buku riwayat hidup Junjungan Besar Nabi Muhammad agar dapat menggalakkan anak-anak mereka membaca dan menanamkan semangat cintakan Rauslullah, dan apabila anak-anak kita yang akan menjadi warga negara masa depan sudah tertanam di jiwa mereka akan kebesaran dan keagungan Rasulullah, maka dengan demikian tidak mudah mereka terpengaruh dengan ajaran dan fahaman yang boleh mengelirukan mereka.*

Iktibar yang boleh diambil daripada usaha ahli jawatankuasa Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya ialah betapa perlunya tiap masjid di negara ini tiap kali kitabnya sambutan Maulidur Rasul di samping mengadakan sesi ceramah tokoh-tokoh agama tersohor tentang perjuangan hidup Rasulullah ialah perlunya mereka mengadakan pameran buku-buku mengenai riwayat hidup/sirah Rasulullah s.a.w. seperti yang dilakukan oleh Masjid Tun Aziz.

Hal ini akan menjadi lebih berkesan di samping mendengar ceramah tentang perjuangan Rasulullah s.a.w. yang diadakan itu diperkuatkan lagi dengan pameran buku riwayat hidup/ sirah Rasulullah dan seterusnya mengadakan sesi pembacaan buku-buku berkenaan secara berkumpulan atau bersendirian untuk mencetuskan budaya ilmu dan budaya mencintai Rasulullah s.a.w. dan segala segi perjuangan hidupnya.

Dalam pada itu disarankan juga agar setiap masjid, surau, musallah dan rumah ibadat di negara ini mengadakan perpustakaan dan bilik bacaan untuk membolehkan para pengunjung masjid di samping beribadat dan menggunakan masa yang ada untuk membelek dan membaca buku-buku atau bahan bacaan bermutu yang diadakan untuk mempertajamkan minda dan pemikiran. Sebaiknya juga ditempatkan seberapa banyak buku-buku tentang riwayat hidup Rasulullah s.a.w., para sahabat, ulama dan ilmuwan Islam untuk dibaca oleh para jemaah atau anak-anak mereka yang mengunjungi masjid untuk beribadat.

Jika semua idea dan saranan dalam tulisan ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan umat Islam, saya percaya usaha menyemaikan budaya ilmu dan usaha mencintai Rasulullah s.a.w. akan menjadi lebih berkesan menyeluruh dan berupaya mencetuskan revolusi sosial yang tersendiri dan besar nilainya.

Hal ini juga sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya: Barang siapa cintakan aku maka dia telah cintakan Allah. Barang siapa yang taat kepadaku, maka dia telah taat kepada Allah.

Semoga tulisan ini akan meninggalkan kesan mendalam di jiwa umat Islam dalam usaha mengembalikan fungsi masjid sebagai pusat ibadat, ilmu, sosial dan budaya mencintai dan meneladani apa yang diperjuangkan oleh Rasulullah s.a.w. Insya-Allah.

Berita Minggu, 22 Oktober 1994

BAB SEBELAS

PUISI-PUISI TENTANG A. KARIM HAJI ABDULLAH

i. Hari-hari Terakhirmu oleh *Ami Masra*

ii. Antara Bayi, Tesis dan Hubungannya Dengan Bung Karim oleh *Talib Samat*

BAB SEBELAS

PUISI-PUISI TENTANG A. KARIM HAJI ABDULLAH

HARI-HARI TERAKHIRMU
(*al-Fatihah buat Bung Karim*)

Tiba-tiba kau mengutip teritip
kenangan catatan masa lalu
kau simpan di fail dokumentasi
sebelum kau berangkat kembali
yang hilang mesti dicari ganti
yang cicir disimpan waris generasi
kau baiki pintu dan tingkap
kau tebas jalan kelahiran negeri
kau melihat mentari dan bulan
menghantar isyarat berat pengalaman
ketika senja menggulung cahaya
dengan tenang kau tutup mata
kau seorang pengumpul setia
kehilangan besar kepada negara.

Ami Masra
USJ Subang Jaya

Mingguan Malaysia, 4 Mac 2001

ANTARA BAYI, TESIS DAN HUBUNGANNYA DENGAN BUNG KARIM

Pada 1 Februari 2001
hatiku bagai digesa-gesa agar menelefon
penyelia tesis Ph.Dku, Prof. Md. SallehYaapar
bertanya dari hati ke hati
adakah aku boleh konvokesyen di USM pada bulan Julai tahun 2001 ini
katanya boleh sekiranya kena caranya
hatiku cukup gembira bukan kepalang
keesokan harinya, Jumaat, 2 Februari 2001
aku menziarahi *Pak Karim Abdullah*
yang terlantar di Hospital Universiti
dia tidak sedarkan diri beberapa lama
sesudah dibedah tulang belakangnya
aku sempat melihat *Pak Karim Abdullah* yang
terlantar sewaktu nafasnya masih ada
tapi bacaan komputernya menunjukkan sesuatu
yang membimbangkan dan takdir Allah pasti akan berlaku.

Subuh hari Sabtu, 3 Februari 2001
isteriku memberitahu air tuban mulai keluar
dia meminta aku menghantarnya ke Hospital Kuala Kubu Bharu
aku turuti saja kemahuannya
takut-takut dia bersalin
meskipun jangkanya dia akan bersalin pada 4 Mac 2001
aku berasa lega kerana sempat tiba ke hospital
sebelum apa-apa terjadi
dia terus dimasukkan ke wad

doktor mengesahkan kandungannya songsang
kaki bayi berada di bawah
aku terus tenang saja
aku gunakan waktu yang ada untuk menyemak
Bab 4 tesis Ph.Dku kerana aku perlu menyiapkannya segera
untuk dihantar kepada penyelia di USM
seperti yang dipesankan benar olehnya jika mahu konvo
tahun ini, tapi tidak mungkin
kerana sepatutnya semua bab dihantar bulan Disember 2000
lalu.

Aku memberitahu Rosli Saludin tentang kandungan
isteri yang songsang
katanya ada bidan kampung di Kalumpang, Selangor yang
boleh
membetulkan kandungan itu
tapi semua bidan itu takut untuk dibawa ke hospital Kuala
Kubu Bharu
jururawat dan misi tidak membenarkan ianya diurut
oleh mana-mana bidan kampung khuatir berlaku
sesuatu yang buruk
isteriku pun takut untuk diurut
aku tidak boleh berkata apa-apa asalkan ianya selamat
hari Ahad, 4 Februari aku membawa anak-anak
ke hospital Kuala Kubu Bharu
kata isteriku air tuban terus menitik
dan pembedahan akan dibuat kiranya perlu
dalam masa yang sama aku terus menyemak bahagian-bahagian
hujung tesis

Pagi subuh, 5 Februari 2001, Isnin
aku terus memperbaiki bibliografi tesis
untuk mengejar masa yang semakin singkat
dan perlu dihantar ke tangan jurutaip di DBPKL

untuk ditaip secara komputer dan teratur
aku singgah di hospital Kuala kubu Bharu untuk mengetahui
kedudukan isteriku sama ada sudah bersalin atau tidak
teman sebilik wad isteriku memberitahu
isteriku sudah dihantar ke Hospital Selayang
jururawat juga memberitahu hal itu
isteriku sudah dihantar ke Hospital Selayang
dengan kereta ambulans
jururawat sebelum itu sudah menelefonku
tapi tidak dapat dihubungi
mungkin masa itu aku sedang mengecas bateri telefon bimbitku
aku terus ke Kuala Lumpur mengikut jalan lama
melintasi Rasa, Batang Kali, Rawang, Selayang
aku terpandang logo 'Hospital Selayang"
pasti aku singgah ke tempat itu petang nanti.

Aku terus berkejar ke DBP untuk mencari Swee Lan
aku minta jasa baiknya menaip bibliografi tesis dalam masa
sehari atau secepat mungkin
kerana bahagian itu saja yang tertinggal lagi
firasat aku bagaikan diilhamkan oleh Allah
aku mesti menyerahkan hujung tesis itu iaitu bibliografi
untuk ditaip segera untuk memudahkan isteriku bersalin
kerana di antara kedua-duanya ada hubungan simbiosis
hatiku lega sesudah menyerahkan tesis itu
sekiranya dia mahu bersalin pun dia sudah berada di bawah
pengawasan doktor pakar di Hospital Selayang
apa perlu dirisaukan lagi, Allah akan memeliharanya
sewaktu menuruni tangga DBP aku terpandang
surat pemberitahuan "*Pak Karim sudah meninggal dunia*

pada jam 6.50 pagi waktu subuh di hadapan isterinya"
aku sudah menduga keadaan itu berdasarkan bacaan komputernya
yang kulihat di Hospital Universiti, Jumaat lalu, 2 Februari
2001
syukurlah aku dapat menemuinya di hospital itu
dan menziarahi keluarganya
dari Allah kita datang, begitulah kita kembali
semuanya sudah ditentukan Allah dalam Loh Mahfuz

Aku tidak membuang masa lagi, aku terus pergi
ke hospital UKM untuk menemui Misni Sidek bagi menyerahkan
surat gerenti letter UPSI kepadanya kerana rawatan mataku
dan akhbar *Bebas* yang menyiarkan artikel tentang biografi
Hamka semasa kecil
dan dia memulangkan buku *Hamka Di Mata Hati Umat*
yang sebelumnya kupinjam daripada perpustakaan DBP
untuk dipinjam pula olehnya
aku membatalkan hasratku untuk berbekam di Klinik Bekam
Ustaz Ibrahim
esok masih ada lagi, fikirku.

Aku terfikir untuk singgah
di pejabat majalah *Tamadun* di Taman Permata, KL
untuk menghantar artikel tentang 'Shaharom Husain'
dan artikel-artikel lain untuk mengisi ruangan sastera
aku cuba mencari Azim Salleh untuk menagih hutang
jualan buku *99 Nama Allah Yang Termasyhur*
dia tiada di pejabat
kawannya cuba menghubunginya
aku bercakap seketika dengannya
dia meminta aku tunggu sejam lagi
aku kata tidak boleh lagi
kerana isteriku sudah ada dirawat di Hospital Selayang

sedang bergelut untuk bersalin
aku tinggalkan nombor akaun bank GIRO BSN di pejabatnya
aku tidak pasti apakah dia bayar atau tidak jualan buku terdahulu
aku teruskan perjalanan ke Hospital Selayang
aku singgah di stesen minyak Petronas Taman Melati, Kuala Lumpur
untuk mengisi minyak dan membuang air karat
dalam tangki air kereta agar tidak membahayakan diriku
dan penumpang-penumpang di dalamnya.

Aku terus mencari Hospital Selayang
yang selama ini hanya kulihat logonya di tepi jalan Selayang
kini aku jadi tetamunya berkat bayi dalam kandungan
aku tiba di Hospital Selayang yang masih baru
dan lengkap dengan tenaga pakar
aku segera mencari isteri di tingkat 5, Wad Bersalin
di bilik pembedahan
isteriku memberitahu dia akan dibedah pada jam 11.00 malam ini
sekiranya tidak bersalin juga
aku memberinya kata-kata semangat dan perangsang
supaya tidak takut dengan suasana yang dihadapinya
yang tidak pernah berlaku sebelum ini
perbanyakkan selawat dan membaca ayat kursi
aku beritahunya Pak Karim sudah meninggal dunia jam 6.50 pagi tadi
aku segera balik ke rumah di Tanjung Malim
yang jauhnya 70 kilometer dari Hospital Selayang
aku singgah di masjid Hulu Bernam untuk solat asar
aku berdoa agar isteriku selamat bersalin secara normal
aku kemudian pergi ke Sekolah Menengah Khir Johari untuk mengambil anakku
Norsyuhada dan Muhammad Salehuddin
anak sulungku, Norsaleha tidak pergi tiusyen pada malam itu
sesudah solat berjemaah maghrib aku membaca *Surah Yassin*

untuk disedekahkan kepada arwah pak mentua, arwah Pak Darwis,
arwah *Pak Karim Abdullah* yang baru saja meninggal dunia subuh tadi
dan utamanya kepada Rasulullah S.A.W.
dan aku tujukan juga kepada isteriku yang sedang bergelut mahu bersalin di Hospital Selayang
aku berdoa kepada Allah agar isteriku selamat bersalin secara normal dan tidak dibedah
kerana hal ini mengundang pelbagai risiko pada kemudian hari

Sesudah solat isyak, aku mengajak anak lelakiku
menuju ke Hospital Selayang yang jauhnya 70 km dari rumahku
aku membelah kegelapan malam sambil berselawat beratus kali
agar isteriku selamat bersalin secara normal

Aku memberitahu anak lelakiku, Muhammad Salehuddin
mungkin ibumu sudah bersalin secara normal
tak pastilah aku
aku segera melajukan sedikit kereta di lebuhraya utara-selatan
dan segera memasuki tol Rawang
sebaik saja tiba di Hospital Selayang
aku terus bertanya jururawat di tingkat 5B
katanya isteriku sudah bersalin jam 8.48 malam
secara normal dan tidak menjalani apa-apa pembedahan
lega rasa hatiku
aku segera mencari katil 16
kulihat isteriku sihat
dia memberitahu bayi itu lelaki
berdasarkan perjuangan sukar untuk melahirkan
dan dia bersalin belum cukup bulan iaitu 8 bulan 1 hari
aku dapati bayi itu beratnya 2.31 kg

aku kemudian mengambil wuduk dan terus mengambil bayi itu
dari jagaan jururawat
aku azankan bayi itu sebagaimana mestinya
tergerak hatiku untuk menamakan anak itu, MUHAMAD FIRDAUS
iyya, Muhammad Firdaus lahir ke dunia pada jam 8.48 malam
5 Februari 2001, Isnin bersamaan 11 Zulkaedah 1421 Hijrah
tarikh lahirnya cukup kuingat
kerana subuhnya, sahabat karibku, *Pak Abdul Karim Abdullah*
meninggal dunia sesudah sakit beberapa lama
tiadalah lagi deringan telefon daripadanya
antara kelahiran anakku yang keenam, Muhamad Firdaus
dan kematian sahabatku, *Pak Karim Abdullah*
seperti ada titik pertemuan
mungkinkah anakku ini nanti bila besarnya kelak
akan menyambung perjuangan sahabatku itu atau diriku
dalam bidang penulisan atau kegiatan dokumentasi sastera
atau perjuangan menegakkan agama Allah
seperti imam-imam dan mujahid-mujahid Islam dahulu
hanya Allah jua Yang Maha Mengetahui-Nya tersimpul
di dalam Loh Mahfuz
aku kerdil untuk mengetahuinya
tetapi itulah tanda-tanda kebesaran Allah dan hikmahnya
mengatur semua kejadian ini
suatu pihak ada makhluk-Nya yang dilahirkan ke dunia
keluar dari rahim ibunya untuk menjenguk alam dunia yang
serba mencabar ini
dan berani mengharung apa jua ujian Allah
untuk menguji iman masing-masing
dalam suasana tenang dan damai
sesudah keadaan bergelora di jiwaku kembali reda
rupanya nama anakku, Muhamad Firdaus
ada aku coretkan tanpa sengaja dalam novel sejarahku

Tengku Mentari yang mengisahkan sejarah negeri Perak
pada abad kesembilan belas
yang suatu ketika nanti akan menggegarkan dunia sastera
Malaysia, insyaAllah

Aku kemudiannya balik ke rumah di Tanjung Malim
dan singgah di hentian Rawang untuk belanja anakku,
Muhammad Salehuddin makan kerana perutnya lapar
aku tiba di rumah kira-kira jam 1.00 pagi, Selasa, 6 Februari
2001
aku mengerjakan solat sunat syukur dan tahajud
kerana dikurniakan seorang lagi anak lelaki
jadi seimbanglah anakku, tiga lelaki, tiga perempuan
Seperti kaum keluargaku di Johor yang mempunyai
enam orang adik-beradik setengah dozen,
itulah antara nikmat pemberian Allah bila dua tahun aku berhijrah
di bumi sejarah Tanjung Malim, Perak hampir tiga tahun pada
1 Oktober 2001 ini.

Talib Samat
Jam 12.35 malam
14 Februari 2001
Tanjung Malim, Perak.

BAB DUA BELAS

NOSTALGIA DBP

A. KARIM HAJI ABDULLAH DAN KELAB VETERAN DBP

i. A. Karim Haji Abdullah dan Kelab Veteran DBP oleh *Talib Samat*

ii. Menjelang Penubuhan Kelab Veteran DBP oleh *A.F. Yassin*

iii. Pertemuan Nostalgia DBP oleh *A.F. Yassin*

peristiwa bahasa seperti itu tentunya sukar dilupakan dan menjadikan jiwa dan dirinya begitu dekat dengan DBP meskipun sesudah bersara wajib. Beliau sering mengikuti perubahan dan perkembangan yang berlaku di DBP pada era pengundurannya dari DBP dan hal ini berterusan sehingga tahun-tahun terakhir kehidupannya di dunia ini.

Bung Karim cukup menyedari hampir pada setiap tahun ramai kakitangan DBP yang bersara wajib, pilihan atau berhijrah ke tempat lain yang lebih hijau dan subur padangnya mencari penghidupan baru dan memikirkan perlunya mereka ini disatukan di bawah sebuah persatuan atau kelab yang diberi nama Kelab Veteran DBP untuk membolehkan mereka terus berhubung dan mengadakan hubungan silaturahim dan tidak meminggirkan terus DBP, tempat mereka pernah mencari rezeki untuk sekian lama.

Bung Karim merasakan pengunduran dari DBP bagi mereka yang sudah berundur tidak bererti harus memutuskan hubungan persahabatan atau silaturahim atau bertanya khabar berita dan sewajarnya menjalinkan hubungan seperti biasa kerana mereka sebenarnya masih saling perlu memerlukan untuk membawa bendera DBP di tempat lain dalam bentuk, saluran dan wadah yang tersendiri dan unik. Hal ini memang saya alami sendiri, sesudah berundur dari DBP pada 30 September 1998, hubungan dengan DBP tetap berjalan seperti biasa dan masih terus mengunjungi DBP sama ada berjumpa rakan-rakan, membeli buku atau menghadiri seminar sastera yang semuanya tetap berguna dan relevan dalam kehidupan kini.

Mungkin di antara faktor ini dan banyak lagi faktor yang difikirkan oleh Bung Karim yang mendorongnya menubuhkan Kelab Veteran DBP yang mengadakan pertemuan nostalgia di rumahnya sendiri pada 10 September 2000 untuk menemukan

pelbagai tokoh dan kalangan bekas kakitangan DBP dalam suatu majlis jamuan dan pertemuan hati ke hati. Bagaimanapun dengan kepulangan beliau ke rahmatullah, masa depan Kelab Veteran DBP menjadi tanda tanya akan ke manakah Kelab Veteran DBP ini sesudah ketiadaan teraju utamanya iaitu Bung Karim.

Meskipun ramai tokoh-tokoh lain yang mampu atau berkeupayaan menggerakkan Kelab Veteran DBP tetapi mungkin tidak seramah atau segigih dan semesra beliau dalam menghubungi teman-teman yang sudah bersara atau meninggalkan DBP atas pelbagai sebab. Hal ini mungkin menjadi suatu kerugian kerana banyak kebaikannya jika Kelab Veteran DBP yang diasaskan oleh Bung Karim dapat diteruskan semula daripada terbiar sepi tanpa pusara.

Semasa hayatnya Bung Karim, beliau pernah menyebutkan tentang perlunya Kelab Veteran DBP memohon atau diberikan sebuah bilik khas di bangunan baru DBP yang sudah hampir siap untuk membolehkan Kelab Veteran DBP menjalankan operasi dan kegiatannya yang tentunya akan menjadi jambatan dan talian penghubung di antara generasi lama dan generasi baru DBP yang mentadbir DBP sekarang. Saya tidak pasti sejauh manakah keprihatinan Ahli Jawatankuasa Kelab Veteran DBP tentang perkara ini yang tentunya wajar diperingatkan semula tentang perkara ini.

Sebenarnya ketokohan Bung Karim menggerakkan pertemuan nostalgia DBP pada 10 September 2000 di rumah beliau sendiri, memang sukar dilupakan dan dicari ganti sehingga sanggup mengeluarkan belanja sendiri untuk meraikan tetamu yang datang ke rumahnya yang tentunya dengan kos yang bukan sedikit demi merapatkan hubungan silaturahim sesama manusia.

Dalam bahagian ini diperturunkan dua buah tulisan A.F. Yassin meskipun isinya hampir sama tetapi cukup penting sebagai dokumentasi dan catatan sejarah penubuhan Kelab Veteran DBP yang begitu gigih diperjuangkan oleh Bung Karim dan rakan-rakan seangkatannya yang sehati dan sejiwa dengan beliau.

MENJELANG PENUBUHAN KELAB VETERAN DBP

oleh *A.F. Yassin*

Kalau tidak ada aral melintang, sejumlah besar kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan bertemu di kediaman Haji Abdul Karim Abdullah di Petaling Jaya pada 10 September akan datang. Dijangka 250 orang akan hadir. Mereka terdiri daripada kakitangan DBP yang sudah bersara atau yang telah berhenti dari DBP.

Ada bekas pembantu pejabat, ada bekas Ketua Pengarah. Ada yang berhenti kerana merajuk, ada yang kena curi oleh pihak swasta dan ada yang bersara setelah disambung tugas setahun dua. Demikian, Karim menjelaskan tentang status mereka yang hadir.

Karim merupakan tunggak pertemuan. Atas inisiatifnyalah pertemuan ini bakal berlangsung. Karim menubuhkan satu panitia penyelenggara yang dianggotai 14 orang bekas kakitangan DBP yang beliau ketuai sendiri. Karim melantik dirinya Ketua Satu. Ada Timbalan Ketua Satu, ada Ketua Dua dan ada Timbalan Ketua Dua.

Jelas Karim lagi, tujuan pertemuan adalah untuk memperbaharui dan menyanjung obor silaturrahim antara bekas kakitangan DBP dari tahun 1956 hingga 2000. Di samping itu pertemuan diadakan untuk memelihara dan mengekal ukhuwah Islamiah.

Dan tidak kurang pentingnya ialah pertemuan mempunyai matlamat menubuhkan "Kelab Veteran Dewan Bahasa dan Pustaka". Mesyuarat pertama panitia diadakan Ahad

lalu untuk sekadar sesi sumbang saran sebagai usaha memantapkan lagi program pertemuan.

Mengapa Karim yang merancang pertemuan ini dan tidak veteran DBP yang pernah memegang peranan penting di DBP seketika dulu adalah menarik untuk dicari jawapannya. Apakah Karim didorong oleh ikatan sentimen yang dibalut nostalgia zaman lampau semasa bertugas dengan DBP? Apakah Karim masih punya sisa-sisa ketaksuban terhadap kewujudan dan perjuangan DBP dalam bidang bahasa dan sastera?

Atau Karim tidak sabar lagi melihat Persatuan Bekas Kakitangan DBP yang ditubuhkan beberapa tahun yang lalu yang berada dalam keadaan hidup segan mati tak mahu. Sehingga sekarang tidak kedengaran apakah persatuan itu masih wujud atau sudah "menjadi arwah".

Ada yang berkata Karim mahu menjayakan pertemuan kerana hubungan peribadinya yang akrab dengan sebahagian besar veteran dan bekas kakitangan DBP. Karim tidak dapat memisahkan dirinya daripada hubungan itu kerana beliau adalah di antara yang paling veteran, bertugas di DBP, hatta sejak DBP berada di sebuah bangunan di Jalan Young lagi. Hari ini Karim tidak dapat menahan diri daripada tidak menghadiri sebarang pertemuan yang diadakan di DBP. Sebut sahaja apa acara pertemuan yang berunsur sastera dan bahasa, Karim akan hadir.

Karim bagaikan telah mempunyai jalinan kejiwaan dengan institusi yang bernama Dewan Bahasa dan Pustaka. Jalinan kejiwaan inilah yang menjadikan Karim orang yang paling sesuai untuk merancang pertemuan. Barangkali ada seorang dua lagi veteran DBP

yang mempunyai jalinan idealisme seperti Karim, tetapi Karim punya minat dan kemampuan untuk merealisasikan rancangannya itu.

Karim ibarat pusat sumber bagi bekas kakitangan dan veteran DBP. Malah Karim tahu persis siapa yang telah bersara dan siapa yang telah meninggalkan DBP, lengkap dengan alamatnya sekali. "Kalau tak semua, banyak jugalah," katanya. Karim akan cuba mendapatkan tiga bekas pengarah DBP yang masih hidup untuk hadir dalam pertemuan itu.

Mereka ialah Profesor Diraja Ungku Aziz, Datuk Dr. Hassan Ahmad dan Datuk Haji Jumaat Mohd. Noor. Bekas Timbalan Ketua Pengarah, Datuk Mohd. Noor Azam, Datuk Baharuddin Zainal dan Datuk Hassan Ibrahim dijangka turut hadir sama menyerikan majlis.

Kurang pasti apakah bekas Pengerusi Lembaga Pengelola DBP seperti Datuk Musa Mohamad (sekarang Menteri Pendidikan Malaysia) akan ikut diundang memandangkan Datuk Rahim Bakar, pengerusi yang ada sekarang diundang sama.

Kemudian ada pula tokoh DBP yang sekarang ini aktif dalam politik, malah telah menjadi menteri. Apakah Karim harus meninggalkan tokoh seperti Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Menteri Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Suleiman Mohamad, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Johan Jaaffar, bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.

Dari pertemuan itu akan terukir sejarah, khasnya dalam bidang bahasa dan sastera. Tokoh-tokoh yang turut menjadi perancang terhadap halacara pembinaan dan

pengembangan bahasa dan sastera tanahair akan bertentang mata di perkarangan kediaman Karim Abdullah.

Pastinya mereka akan bernostalgia. Barangkali apakah yang akan dibincangkan dalam santai-santai petang hari di bawah khemah yang dipasang khas untuk pertemuan. Ungku Aziz, Datuk Hassan Ahmad, Datuk Jumaat, Datuk Hassan Ibrahim, Datuk Noor Azam, Datuk Baha Zain tidak mungkin akan menyendiri dalam majlis nostalgia itu. Ramai ingin "mendekatkan telinga" andainya Noor Azam berbisik-bisik dengan Hassan Ibrahim.

Atau Hassan Ibrahim dengan Maarof Saad. Atau Haji Jumaat dengan Haji Aziz Deraman, Ketua Pengarah yang sekarang. Atau Hassan Ahmad berbisik-bisik dengan Yahaya Ismail, pengarang akhbar *Bebas*. Terlalu banyak yang ingin mereka bisikkan!

Barangkali ada baiknya panitia memberikan setiap seorang daripada tokoh ini 10 minit untuk berbicara secara formal dan tidak hanya Ungku Aziz. Ada suara yang meminta Maarof Saad, Ketua Kesatuan Sekerja DBP berucap mewakili bekas kakitangan dan veteran DBP. Maarof merupakan tokoh sekerja peringkat nasional yang telah banyak berjasa menaikkan status kakitangan DBP dari sudut tuntutan gaji.

Boleh dibayangkan betapa riuh rendahnya. Salleh Yusof, salah seorang anggota panitia pasti mahu bertemu dengan Saleh Daud dan Awam-il-Sarkam. Adi Muara barangkali ingin berbincang dengan atau Shamsuddin Jaafar, mahupun Suhaimi Haji Muhammad tentang puisi kerana mereka tokoh puisi.

Dharmawijaya mungkin ingin membuat perhitungan dengan Kemala siapa yang lebih banyak "mengoyak dan menampal *dummy*" dalam sebulan ketika bertugas di Bahagian Majalah, DBP. Dharmawijaya bertanggungjawab mempersiap bahan untuk *Dewan Pelajar* manakala Kemala untuk *Dewan Sastera*.

Datuk Abdullah Hussain barangkali mahu berdakap-dakapan dengan Usman Awang atau Wan Hamid, Setiausaha Pertama Lembaga Pengelola DBP. Mana tahu Ungku Aziz ingin berbincang santai pula dengan beberapa bekas kakitangan bawahannya ketika DBP berada di Jalan Young.

Adalah dibimbangi oleh sebab mereka asyik berbisik, maka acara akan menjadi tidak teratur, ucapan formal oleh Ungku Aziz, Mohd. Noor Azam, Hassan Ahmad, Wan Hamid Wan Salleh dan Zaleha Ismail (Datin Paduka dan bekas menteri kabinet) akan tenggelam dalam sorak-sorai nostalgia dan bisik-membisik di kalangan hadirin.

Maklum ada yang tidak bersua sejak sekian dekad. Suasana akan menjadi lebih tidak teratur apabila tokoh-tokoh dunia *glamour* yang juga bekas kakitangan DBP, turut hadir. Ramai akan berkerumun ingin mendapatkan cerita terkini dari Imuda, Abun atau Sabri Yunus.

Dan andainya Mishar diundang, ramai pula ingin tahu kisahnya sebagai pengasas majalah *Gila-Gila* terutama kisah peminggirannya daripada majalah berkenaan. Atau Mishar akan bernostalgia dengan Othman Zainuddin tentang lakonan mereka berdua dalam teater "Ikan-ikan Di Kaca" arahan Yassin Salleh dan persembahan Badan Keluarga DBP pada tahun 1974.

Kemudian, andainya Shaharom Mohamad Dom ada bersama, barangkali beliau setelah menjadi bekas kakitangan DBP ingin berkongsi pengalaman pula dengan Zakaria Ariffin dalam bidang perfileman dan teater. Ajikik, Ainon Muhammad, Dr. Sufian Husin, Fadzil Agussalim dan Sutung Umar RS bagaimana. Mereka turut mewarnai dunia DBP dengan gaya dan kerenahnya masing-masing. Sekarang khabarnya Sufian berternak itik, Fadzil berternak ayam, Ainon dengan pemikiran lateralnya, Ajikik dengan kontrak terjemahan dan Sutung aktif sebagai aktivis sastera dalam media.

Ada pula mantan pegawai DBP Amdun Hussain, yang sekarang menjadi "orang besar" Institut Terjemahan Negara (ITNM). Ismail Dahaman bekas Ketua Bahagian Bahasa dan Perkamusan tentunya mahu bertemu dengan Drs. Khalid Hussain, suami Datuk Profesor Hajah Asmah Haji Omar.

Bekas kakitangan berasa ragu pertemuan akan mencapai matlamat ketiganya, iaitu membentuk Kelab Veteran DBP. Barangkali diperlukan satu cadangan umum pada akhir pertemuan supaya dilantik jawatankuasa penaja kelab berkenaan untuk memperincikan penubuhannya. Karim boleh dicadangkan mengetuai jawatankuasa penaja ini dengan Salleh Yusof sebagai pembantunya.

Karim masih bertenaga dan jalinan kejiwaannya dengan DBP amat menentukan hidup berjaya tidaknya kelab ini ditubuhkan dan seterusnya diaktifkan. Karim punya segala prasarana dan sumber rujukan di rumahnya. Ini tentunya memudahkan lagi perjalanan kelab itu.

Barangkali Maarof, yang banyak pengalaman dalam kesatuan dan penerbitan boleh diminta kerjasamanya untuk menggerakkan proses penubuhan awal kelab. Salleh

dan Maarof memang mempunyai banyak persamaan dari segi organisasi, terutama yang melibatkan bekas pekerja DBP.

Kegiatan awal kelab tentunya menerbitkan buletin bulanan atau dwi bulanan. Tujuannya memperkenalkan bekas kakitangan dan veteran DBP yang dikaitkan dengan perjuangan memartabatkan bahasa dan sastera. Tanpa tokoh dan bekas kakitangan ini bahasa dan sastera tidak ada berada di tahapnya yang sekarang ini.

Tokoh-tokoh bahasa dan sastera yang telah tiada menjadi fokus awal buletin. Orang ramai tentunya mahu tahu isi hati tokoh besar seperti Tun Syed Nasir, Datuk Ali Ahmad, Datuk Haji Sujak Rahiman, Keris Mas, A. Samad Ahmad, Buyong Adil, Masud Rashid, Wijaya Mala dan sebagainya selama bertugas di DBP.

Dalam pada itu, Karim perlu memikirkan citra DBP hari ini di mata masyarakat, terutama segelintir masyarakat penulis yang tidak lagi "hormat" kepada institusi itu. Ertinya di mata mereka kredibiliti DBP tidak lagi sehebat sewaktu di zaman Tun Syed Nasir atau Ungku Aziz sendiri. Kelab Veteran DBP boleh menjadi orang tengah untuk menjelaskan sistem dan peraturan DBP dalam usahanya membina dan mengembangkan sastera dan bahasa. Citra DBP sebagai katalister kepada masyarakat penulis mesti dibangunkan semula "tanpa waswas""

Karim punya tugas maha besar untuk menemukan bekas kakitangan dan veteran DBP. Karim telah memulakannya dan Karim juga perlu menyempurnakan cita-cita yang bersifat nostalgik. Karim tentunya telah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang mencabar ini.

Utusan Zaman, 13 Ogos 2000.

PERTEMUAN NOSTALGIA DBP

oleh *A.F. Yassin*

Pada hari ini Ahad 10 September, jam 3 petang kira-kira 250 bekas kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan mengadakan pertemuan di perkarangan rumah A. Karim Abdullah di Petaling Jaya.

Mereka terdiri daripada kakitangan yang sudah bersara atau yang sudah berhenti dari DBP, dari bekas pengarah kepada bekas pembantu pejabat. Ada yang berhenti kerana merajuk, ada yang kena curi oleh pihak swasta dan ada yang bersara setelah disambung tugas setahun dua. Demikian, Karim menjelaskan mengenai status mereka yang hadir.

Karim adalah orangnya yang mengambil inisiatif mengadakan pertemuan di kalangan mantan-mantan ini. Karim bersama beberapa bekas pegawai DBP menubuhkan satu panitia penyelenggara 14 anggota.

Menurut Karim tujuan pertemuan adalah untuk memperbaharui dan menjunjung obor silaturrahim antara bekas kakitangan DBP dari tahun 1956 hingga 2000. Di samping itu, pertemuan diadakan untuk memelihara dan mengekal ukhuwah Islamiah. Dan tidak kruang pentingnya ialah pertemuan mempunyai matlamat menubuhkan Kelab Veteran Dewan Bahasa dan Pustaka. Beberapa mesyuarat telah diadakan oleh panitia sejak dua bulan kebelakangan ini.

Mengapa Karim yang merancang pertemuan tokoh veteran yang pernah memegang peranan penting di DBP seketika dulu menarik untuk dicari jawapannya. Apakah Karim didorong oleh ikatan sentimen yang dibalut nostalgia zaman lampau semasa bertugas dengan DBP? Apakah Karim masih punya sisa-sisa ketaksuban terhadap kewujudan dan perjuangan DBP dalam bidang bahasa dan sastera? Atau Karim kecewa dengan Persatuan Bekas Kakitangan DBP yang ditubuhkan beberapa tahun lalu yang tidak aktif. Khabarnya persatuan itu mempunyai kepemimpinan yang asyik bertukar tangan. Tidak pasti masih wujud atau sudah 'menjadi arwah'.

Karim dikatakan mahu menjayakan pertemuan kerana hubungan peribadinya yang akrab dengan sebahagian besar veteran dan bekas kakitangan DBP. Karim tidak dapat memisahkan dirinya daripada hubungan itu kerana beliau adalah di antara yang paling veteran, bertugas di DBP, hatta sejak DBP berada di sebuah bangunan di Jalan Young lagi. Karim bagaikan mempunyai jalinan kejiwaan dengan institusi yang bernama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalinan kejiwaan inilah yang menjadikan dianya penting menjelang pertemuan ini. Karim ibarat pusat sumber bagi bekas kakitangan dan veteran DBP. Malah, Karim banyak menyimpan rekod siapa yang telah bersara dan siapa yang telah meninggalkan DBP. Menurut Karim tokoh penting DBP yang sudah bersara dijangka hadir dalam penemuan antaranya Ungku Aziz pengarah DBP yang pertama, Datuk Dr. Hassan Ahmad dan Datuk Jumaat Mohd Nor, kedua-duanya mantan Ketua Pengarah.

Datuk M Noor Azam, Datuk Baharuddin Zainal dan Datuk Hassan Ibrahim akan ikut diundang.

Kemudian ada pula bekas tokoh DBP yang sekarang ini aktif dalam politik, malah telah menjadi menteri dan bekas menteri. Misalnya Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Sulaiman Mohamad, bekas Menteri, Datin Paduka Zaleha Ismail dan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Johan Jaaffar.

Dari pertemuan ini akan terukir sejarah khasnya dalam bidang bahasa dan sastera. Tokoh-tokoh yang pernah menjadi perancang terhadap tatacara pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera tanah air akan bertentang mata di perkarangan rumah Karim. Pastinya mereka bincangkan dalam santai petang pertemuan itu.

Ungku Aziz, Hassan Ahmad, Jumaat Mohd Nor, Hassan Ibrahim, Noor Azam, atau Baha Zain tidak mungkin akan menyendiri dalam majlis nostalgia itu. Ramai ingin bermesra dan ada yang ingin tahu andainya Noor Azam berbisik dengan Hassan Ibrahim. Atau Hassan dengan Maarof Saad. Atau Jumaat dengan Johan Jaaffar. Atau Hassan mahu pula berbisik-bisik dengan Yahya Ismail, pengarang akhbar *Bebas*. Terlalu banyak yang mereka ingin bisikkan.

Dalam pertemuan nanti tiga tokoh akan berucap formal. Mereka ialah Ungku Aziz, Noor Azam dan Maarof Saad.

:Ini sudah diatur," kata Karim. Ungku Aziz diberi penghormatan kerana beliau adalah pengarah DBP yang pertama sejak di Johor Bahru lagi. Noor Azam diminta mewakili mantan jemaah pengarah yang lain dan Maarof kerana kapasitinya sebagai bekas Ketua Kesatuan Sekerja DBP. Bagaimanapun, ada beberapa bekas pegawai DBP yang menduga suasana pertemuan akan sedikit menjadi emosional dan sentimental.

Soalnya, terlalu ramai yang mahu bertanya khabar kerana ada yang tidak bertemu sejak satu atau dua dekad lalu.

"Ini satu kesempatan yang tidak boleh diabaikan begitu saja," kata seorang ahli Panitia Penyelenggara Pertemuan.

Misalnya, Salleh Yusof, salah seorang anggota panitia pasti mahu bertemu dengan Saleh Daud dan Awam-il-Sarkam. Adi Muara barangkali ingin berbincang dengan Kemala atau Shamsuddin Jaafar, mahupun Suhaimi Muhammad mengenai puisi kerana mereka tokoh puisi.

Dharmawijaya pula, jika hadir, mungkin ingin membuat perhitungan dengan Kemala siapa yang lebih banyak 'mengoyak gallei dan menampal *dummy*' dalam sebulan ketika bertugas di Bahagian Majalah, DBP. Dharmawijaya bertanggungjawab mempersiap bahan untuk *Dewan Pelajar* (kini telah dijual) manakala Kemala untuk *Dewan Sastera*. Datuk Abdullah Hussain barangkali mahu berdakap-dakapan dengan Datuk Usman Awang atau Wan Hamid, setiausaha pertama Lembaga Pengelola DBP. Mana tahu Ungku Aziz ingin berbincang santai pula dengan beberapa bekas kakitangan bawahannya ketika DBP berada di Jalan Young. Barangkali Sutung Umar RS mahu bercerita panjang dengan Dinsman atau Jaafar HS. Adalah dibimbangi oleh sebab mereka asyik berbisik, maka acara akan menjadi tidak teratur. Ucapan formal oleh Ungku Aziz, M Noor Azam dan Maarof Saad mungkin akan tenggelam dalam sorak sorai nostalgia dan bisik membisik di kalangan hadirin.

Keadaan akan menjadi lebih tidak teratur apabila tokoh 'dunia glamour' yang juga bekas kakitangan DBP, turut hadir. Ramai akan berkerumun ingin mendapatkan cerita terkini dari misalnya Imuda, Abun atau Sabri Yunus.

Dan andainya Mishar diundang, ramai pula ingin tahu kisahnya sebagai pengasas majalah *Gila-Gila*, terutama kisah peminggirannya daripada majalah berkenaan. Atau Mishar akan bernostalgia dengan Othman Zainuddin mengenai lakonan mereka berdua dalam teater *Ikan-ikan Di Kaca* arahan Yassin Salleh persembahan Badan Keluarga DBP pada tahun 1974. Kemudian, andainya Shahrom Mohd Dom ada bersama, barangkali beliau setelah menjadi bekas kakitangan DBP ingin berkongsi pengalaman pula dengan Zakaria Ariffin dalam bidang perfileman dan teater.

Ajikik, Ainon Muhamad, Dr. Sufian Husin, dan Fadzil Agussalim bagaimana? Mereka turut mewarnai dunia DBP dengan gaya dan kerenahnya masing-masing.

Sekarang khabarnya Suffian berternak itik, Fadzil berternak ayam. Ainon dengan pemikiran lateralnya, Ajikik dengan kontrak terjemahan.

Ada pula mantan pegawai DBP Amdun Husin, yang sekarang menjadi 'orang besar' Institut Terjemahan Negara (ITNM). Ismail Dahaman bekas Ketua Bahagian Bahasa dan Perkamusan tentunya mahu bertemu dengan Drs Khalid Hussein, suami Datuk Profesor Asmah Omar.

Beberapa bekas kakitangan berasa ragu pertemuan akan mencapai matlamat ketiganya, iaitu pembentukan kelab veteran DBP. Fadzil Agussalim misalnya membuat cadangan agar Panitia Pertemuan ini mendekati pemimpin Persatuan Bekas Kakitangan

DBP yang entah di mana rimbanya sekarang untuk mencari jalan tengah. Kata Fadzil: "Kita perlu tahu apa yang mereka buat sekarang. Kita tak mahu nanti penubuhan Kelab Veteran DBP akan mempunyai fungsi yang bertindih."

Barangkali diperlukan satu cadangan umum pada akhir pertemuan supaya sebuah jawatankuasa penaja kelab dilantik dan jawatankuasa ini bolehlah mencari jalan supaya bekas kakitangan DBP hanya mempunyai satu persatuan.

"Kalau persatuan yang ada itu mahu dibubarkan dan menubuhkan kelab veteran baik juga," kata Fadzil. Beberapa nama sudah disebut untuk menganggotai jawatankuasa penaja kelab. Antaranya Ungku Aziz akan menjadi penasihat dengan Jumaat sebagai Pengerusi Jawatankuasa. Salleh Yusuf dicadangkan menjadi Setiausaha dengan dibantu oleh Karim sendiri. Sementara Noor Azam dicadangkan memegang Timbalan Pengerusi. Beberapa orang lagi dicadangkan menjadi ahli jawatankuasa kerja, termasuk Sutung Umar RS, Datuk Jalil Rahman, Maarof Saad dan Wan Ismail Wan Hussein.

Andainya perjalanan penubuhan Kelab ini lancar dan hubungannya dengan Persatuan Bekas Kakitangan DBP dapat diharmoniskan maka kegiatan awal kelab tentunya menerbitkan buletin bulanan atau dwi-bulanan. Tujuannya memperkenalkan bekas kakitangan dan veteran DBP yang dikaitkan dengan perjuangan memartabatkan bahasa dan sastera. Tanpa tokoh dan bekas kakitangan ini bahasa dan sastera tidak akan berada pada tahapnya yang sekarang ini.

Tokoh bahasa dan sastera yang telah tiada menjadi fokus awal buletin. Orang ramai tentunya mahu tahu isi hati tokoh besar seperti Tun Syed Nasir, Datuk Ali Ahmad,

Datuk Sujak Rahiman, Keris Mas, A. Samad Ahmad, Buyong Adil, Mas'ud Rashid, Wijaya Mala dan sebagainya selama bertugas di DBP.

Dalam pada itu, Kelab itu nanti perlu memikirkan citra DBP hari ini di mata masyarakat, terutama segelintir penulis yang tidak lagi 'hormat' kepada institusi itu. Ertinya pada mata mereka kredibiliti DBP tidak lagi sehebat sewaktu pada zaman Tun Syed Nasir atau Ungku Aziz sendiri.

Kelab Veteran DBP boleh menjadi orang tengah untuk menjelaskan sistem dan peraturan DBP dalam usahanya membina dan mengembangkan sastera dan bahasa Citra DBP sebagai katalisator kepada masyarakat penulis mesti dibangunkan semula 'tanpa was-was'.

Kelab ini nanti mempunyai tugas maha besar untuk menemukan bekas pekerja dan veteran DBP.

Karim telah memulakannya dan perlu menyempurnakan cita-cita yang bersifat nostalgik ini. Karim tentunya sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang mencabar ini. Seolah-olah berjaya tidaknya penubuhan Kelab dengan kegiatannya nanti terletak di pundak Karim.

Berita Minggu, 10 September 2000.

BAB TIGA BELAS

KHATIMAH

i) Kenangan Awal Mengenali A. Karim Haji Abdullah.

ii) Kenangan Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Mengedit Buku Selenggaraannya di Dewan Bahasa dan Pustaka.

iii) Kenangan Terakhir Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

BAB TIGA BELAS

KHATIMAH

oleh *Talib Samat*

i) Kenangan Awal Mengenali A. Karim Haji Abdullah

Proses pengenalan terawal mengenali nama A. Karim Haji Abdullah ialah sewaktu usia 15 tahun, bila saya membaca sebuah buku selenggaraan beliau yang berjudul *Amanat Tun Dr. Ismail* (1974) ketika itu saya masih bersekolah di Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Majidi Baru, Johor Bahru.

Sewaktu bersekolah di situ, saya berulang alik menaiki bas sekolah yang disewa setiap bulan dari rumah orang tua saya di Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor yang jaraknya kira-kira 25 batu. Ketika itu kampung yang saya duduki belum ada sekolah menengah lagi. Begitu juga bandar Ulu Tiram ketika itu pun belum didirikan sekolah menengah kecuali pada hari ini.

Jadi dalam proses berulang alik menaiki bas sekolah pada tahun 70-an itulah, saya akan menggunakan masa yang panjang di dalam bas itu rasanya lebih dua jam untuk membuat kerja-kerja yang bermanfaat misalnya membaca buku atau majalah. Jadi salah satu buku yang saya baca di dalam bas atau di rumah itulah buku *Amanat Tun Dr. Ismail* selenggaraan A. Karim Haji Abdullah. Buku itu mengandungi ucapan-ucapan Tun Dr. Ismail yang jika dibaca boleh mencetuskan motivasi dan dorongan kepada saya sebagai anak kampung yang tinggal di Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor yang sangat kurang dengan kemudahan perpustakaan. Suatu kegilaan saya pada usia remaja ketika

bersekolah di Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Majidi Baru, Johor Bahru ialah membaca novel, buku tokoh, majalah *Dewan Masyarakat, Qiblat, Al-Islam* dan sebagainya yang kebanyakannya dibaca sewaktu dalam perjalanan pulang ketika menaiki bas sekolah itu.

Perjalanan jauh dari sekolah di Majidi Baru, Johor Bahru mendorong saya untuk membaca buku-buku yang dipinjam daripada perpustakaan sekolah tersebut yang sebenarnya berjasa besar memupuk minat mencintai buku dan ilmu hingga akhirnya terjebak dalam dunia karang-mengarang yang kesemuanya bertitik-tolak daripada kegiatan membaca buku sastera dan umum termasuk buku-buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah itu yang dewasa itu memang saya tidak mengenali rupa bentuk orangnya.

Sebuah lagi buku terbitan A. Karim Haji Abdullah yang sempat saya lihat iklannya di sebuah majalah bimbingan peperiksaan iaitu majalah *Diskusi* terbitan sebuah syarikat yang seingat saya ada menyiarkan iklan novel *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad yang diterbitkan oleh Pustaka Budaya Agency milik Bung Karim sendiri.

Novel *Putera Gunung Tahan* terbitan Pustaka Budaya Agency ini pada tahun-tahun terkemudian saya berpeluang mencarinya sendiri di kedai buku di Johor Bahru yang sering saya kunjungi dengan menaiki bas Alec 41 dari bandar Ulu Tiram ke Johor Bahru yang jauhnya lebih 30 batu.

Kesukaran yang saya alami sewaktu menetap di Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor ialah kesukaran untuk mencari kedai-kedai buku yang *standard* dan menjanjikan pelbagai pilihan buku baru dan lama. Seseorang ulat buku atau peminat buku itu terpaksa

turun ke bandar Johor Bahru yang mempunyai banyak kedai buku novel, agama mahupun umum. Di sebuah kedai buku di Johor Bahru yang berdekatan stesen bas lama Johor Bahru yang hampir dengan stesen kereta api ada beberapa buah kedai buku yang sering saya kunjungi. Sebuah kedai buku yang tidak pasti namanya Sheikh Abu Bakar Book Store atau Al-Habsee di Johor Bahru itulah tempat saya selalu berkunjung membeli buku pada tahun 1970-an dan 1980-an.

Banyaklah novel-novel Melayu yang banyak terbit ketika itu khususnya pada tahun 1980-an hasil duit menulis rencana politik di akhbar *Watan* yang ketika itu pengarangnya adalah Halim Mahmood dan berpejabat di Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Selepas keluar daripada Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru untuk menamatkan Tingkatan 6 dan mengambil peperiksaan STP (1978), saya menganggur beberapa lama dan pernah bekerja sebagai buruh kasar sama ada di ladang kelapa sawit Felda Ulu Tebrau mahupun bekerja sebagai buruh binaan di tapak pembinaan, kegiatan selingan dan kontan saya untuk mencari wang saku ialah menulis rencana politik di akhbar *Watan* yang bersiri-siri ditulis dan mudah benar tersiar yang lebih mendorong saya berkarya dan menulis daripada membuang masa tidak tentu hala.

Jadi dalam proses-proses hidup dari semasa ke semasa yang mendorong saya terlibat dalam dunia penulisan dan proses membaca buku yang dipinjam atau dibeli sendiri itulah saya menemukan pelbagai nama pengarang dan penerbit yang di antaranya termasuklah A. Karim Haji Abdullah, Abdullah Hussain, Shahnon Ahmad dan sebagainya yang sudah punya buku karangan masing-masing.

Sekiranya direnung jauh ke dalam diri dan bermuhasabah sesebuah buku yang dikarang oleh seseorang pengarang atau disusun oleh seseorang pengarang sama ada si pembaca kenali atau tidak berupaya membuka cakerawala dan mencerdaskan minda seseorang pembaca untuk mencintai ilmu, memajukan diri dan menghijrahkan fikiran dari lembah kegelapan ke lembah yang lebih terang benderang kesan membaca sesebuah buku yang dikarang oleh seorang pengarang atau disusun oleh seorang penyusun dan diterbitkan sesebuah penerbit. Malahan dan mungkin itulah sumbangan tidak ternilai yang dilakukan oleh seorang penyelenggara dan penerbit buku seumpama A. Karim Haji Abdullah yang di antara buku-bukunya sudah saya kenali, baca dan hayati sebelum saya mengenali beliau bila bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 sesudah berundur dari Kementerian Pertahanan yang kurang sesuai untuk seorang pengarang atau peminat bahasa dan sastera seperti saya.

Sekiranya diperhalusi dan direnungi dengan mendalam banyak rahsia tamadun manusia dalam pelbagai aspek terhimpun dalam sesebuah buku yang disusun oleh seorang pengarang dan diterbitkan oleh seorang penerbit besar atau kecil. Sehubungan dengan ini buku-buku yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah atau pengarang lain punya saham besar, agung dan abadi dalam merakamkan proses pembinaan tamadun bangsa Melayu atau umat manusia dari masa ke masa secara beransur-ansur dan berterusan daripada hilang dimamah usia dan masa yang cepat beredar.

ii) Kenangan Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Mengedit Buku Selenggaraannya di Dewan Bahasa dan Pustaka

Sewaktu saya bertugas di Unit Buku Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada era 1980-an khususnya pada tahun 1984-1998, sebagai editor buku, salah satu tugas saya ialah mengedit kumpulan esei A. Samad Ismail yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah yang berjudul *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1991).

Inilah buku pertama yang merupakan salam perkenalan sebenar secara realiti di antara saya dengan A. Karim Haji Abdullah yang semasa di sekolah dulu saya cuma mendengar namanya sahaja dan kali ini berhadapan langsung dengan orangnya. Sebelum menguruskan penerbitan buku itu sejak bekerja di DBP pada tahun 1984, saya sudah mulai berkenalan dengan beliau kerana beliau seringkali datang ke DBP bila ada acara-acara atau seminar sastera yang diadakan oleh pelbagai pihak sama ada DBP atau persatuan bahasa dan sastera yang bernaung di DBP atau menggunakan kemudahan Sudut Penulis, Balai Seminar, Balai Budaya atau bilik-bilik mesyuarat di DBP untuk menjalankan pelbagai aktiviti.

Saya teringat suatu peristiwa sewaktu bertugas di Unit Buku Sastera itu, beliau mengajak saya ke rumahnya di Petaling Jaya untuk melihat pelbagai manuskrip yang sedang disusunnya dan katanya hanya menanti penerbitnya sekiranya ada yang berkenan. Mungkin peristiwa itu berlaku pada tahun 1985 ke atas. Beliau menunjukkan kepada saya sebuah manuskrip tentang kumpulan esei Tokoh Wartawan Negara A. Samad Ismail dan tulisan-tulisan orang tentangnya. Saya mencadangkan kepadanya kenapa tidak dihantar ke DBP. Katanya, bolehlah dibawa ke DBP sekiranya berminat untuk

menerbitkannya. Saya membawa manuskrip buku itu dan berjumpa Ketua Unit Buku Sastera, DBP ketika itu, iaitu Rogayah Abdul Hamid. Dia meminta saya membuat laporan penilaian manuskrip untuk dihantar ke Jawatankuasa Penerbitan DBP untuk mendapatkan kelulusan yang kemudiannya bersetuju untuk menerbitkan manuskrip buku itu kerana sepanjang sejarah penerbitan DBP belum ada buku A. Samad Ismail diterbitkan oleh DBP. Dalam masa yang Dr. Firdaus Abdullah diminta untuk menulis kata pengantar buku itu sesuai dengan ketokohannya dalam dunia akademik dan pengetahuannya yang luas tentang A. Samad Ismail, tokoh besar dalam dunia kewartawanan dan kesusasteraan negara.

Suatu keistimewaan bekerja di DBP sebagai editor ialah pendedahan seseorang itu mengedit karya atau karangan pengarang-pengarang besar, terkenal mahupun biasa. Sepanjang pengalaman saya bekerja di DBP, saya pernah mengedit novel *Di Hadapan Pulau* karya Sasterawan Negara A. Samad Said, novel *Bunga Dari Kuburan* dan *Lingkaran* karya Sasterawan Negara Arena Wati, di samping puluhan karya pengarang baru yang sedang mencipta nama. Begitu juga peluang mengedit buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* memberi peluang sebaik mungkin untuk saya mengetahui bidang kewartawanan menerusi buku yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah.

Malahan sewaktu mengedit buku tersebut, ada beberapa buah tulisan atau wawancara wartawan dengan A. Samad Ismail yang mungkin terlepas atau tertinggal daripada pengetahuan A. Karim Haji Abdullah khususnya yang termuat dalam majalah *Era*, saya ikut membantu menaip untuk dimasukkan dalam buku itu untuk menjadikannya lebih lengkap dan mantap bagi memudahkan para pembaca atau peneliti mengkaji isi

kandungan buku itu yang berguna sekali untuk para wartawan, mahasiswa kewartawanan menyelami mutiara fikir Tan Sri A. Samad Ismail dalam sebuah buku khas.

Sesudah terbitnya buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1991) oleh DBP, saya berasa lega yang teramat sangat kerana apa yang diusahakan oleh A. Karim Haji Abdullah menyusun dan menyelenggara buku itu dengan wang sakunya sendiri termasuk upah menaip dengan jurutaip, proses mencari bahan di pelbagai perpustakaan dan media massa berada di pasaran. Secara kebetulan pada tahun itu, Tan Sri A. Samad Ismail memenangi Hadiah Magsaysay dari Filipina sebagai mengenang jasanya dalam bidang kewartawanan dan komunikasi. Sebuah iklan buku itu dan ucapan tahniah daripada pihak DBP kepada Tan Sri A. Samad Ismail tersiar dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan selaku editor buku itu, saya ikut sama bergembira dengan kemenangan tokoh itu dan pengiklanan buku *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (1991) sekurang-kurangnya masyarakat mengetahui kewujudan buku itu.

Seingat saya A. Karim Haji Abdullah kemudiannya ada menghantar manuskrip *Pemimpin dan Sasterawan* (1993) yang merupakan buku selenggaraannya yang menghimpunkan pelbagai ucapan pemimpin politik dan sastera terhadap fungsi dan peranan penulis dalam masyarakat. Saya sebenarnya hanya terlibat sebahagian saja dalam proses penerbitan buku ini kerana bertukar ke Unit Buku Remaja, Bahagian Penerbitan Am, DBP untuk mengendalikan penerbitan buku-buku remaja khususnya novel, kumpulan cerpen, drama, puisi dan buku umum. Proses dan tugas menguruskan penerbitan manuskrip *Pemimpin dan Sasterawan* diambil alih dan diteruskan oleh Haji Mohd. Yusop Ishak yang menyelesaikan penerbitan buku itu sehingga terbit pada tahun 1993. Haji Mohd. Yusop Ishak merupakan di antara editor berpengalaman dan terbaik

DBP yang ikut menguruskan penerbitan kumpulan cerpen *Ingin Jadi Pujangga* karya A. Samad Ismail yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah. Kumpulan cerpen *Ingin Jadi Pujangga* selenggaraan A. Karim Haji Abdullah ini merupakan kumpulan cerpen paling tebal pernah diterbitkan oleh DBP iaitu setebal 833 halaman. Kumpulan cerpen ini diusahakerjakan oleh A. Karim Haji Abdullah selama lebih empat tahun dengan segala macam cabaran dan kesulitan yang hanya diketahui oleh Allah dan beliau sahaja khususnya sewaktu mencari cerpen-cerpen A. Samad Ismail yang menggunakan pelbagai nama samaran.

Sewaktu bertugas di Unit Buku Remaja, Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka, saya mengambil inisiatif untuk menjayakan proses penerbitan buku *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya dan Korban Kesuciannya* selenggaraan A. Karim Haji Abdullah. Dua buah novel ini merupakan novel terawal yang dihasilkan oleh Keris Mas sewaktu menceburi bidang penulisan novel dan buku ini merupakan sejarah penting dalam dunia kesusasteraan untuk memudahkan pengkaji sastera mengkaji buah tangan Sasterawan Negara Keris Mas yang selama ini hanya diketahui maklumatnya daripada tulisan-tulisan sarjana sastera. Nah sekarang pembaca berpeluang membaca kedua-dua novel terawal Keris Mas itu yang sebenarnya nipis sahaja tetapi mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri dalam dunia kesusasteraan. Penerbitan buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah ini merupakan buku terakhir yang saya berpeluang menguruskan proses penerbitannya di Unit Buku Remaja, Bahagian Penerbitan Am, DBP sebelum ditukarkan ke Unit Buku Dewasa, Bahagian Penerbitan Am dan kemudiannya bertukar pula ke Bahagian Kesusasteraan Bandingan, Jabatan Pembinaan dan Penyelidikan Sastera, DBP.

Meskipun tidak menguruskan mana-mana buku sesudah terbitnya buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah iaitu *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya dan Korban Kesuciannya*, saya sering bertandang ke rumahnya di Petaling Jaya untuk meminjam buku-buku sastera yang mungkin sudah tiada di pasaran lagi tetapi disimpan dengan baik oleh beliau. Secara kebetulan sewaktu membuat latihan ilmiah bagi pengajian tahun akhir sesi 1993/94 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang di bawah seliaan Prof. Emiritus Datuk Shahnon Ahmad, saya membuat kajian bertajuk "Zulkifli Muhammad: Pemikir Sastera Melayu" berasaskan kumpulan puisi *Gema Suci* (*Puisi Almarhum Prof. Zulkifli Muhammad*) yang disusun oleh Abu Zaki Fadzil dan A. Karim Haji Abdullah yang belum pernah dikaji dalam mana-mana latihan ilmiah di universiti negara ini.

Sumbangan terbesar dan sesuatu yang sukar untuk saya lupakan sepanjang hayat saya ialah A. Karim Haji Abdullah mempunyai sejumlah bahan yang lumayan tentang tokoh Prof. Zulkifli Muhammad misalnya buku *Masyarakat dan Syariat* karya Zulkifli Muhammad yang tidak terdapat lagi di pasaran kini. Malahan A. Karim Haji Abdullah menyimpan sejumlah besar esei-esei Zulkifli Muhammad yang tersiar dalam majalah *Pati* atau majalah lain terbitan 1960-an yang cukup sukar diperolehi tetapi A. Karim Haji Abdullah punya bahan-bahan tersebut yang memperlihatkan wawasannya yang jauh ke depan terhadap karya sasterawan dan pemikir terkenal bangsa Melayu. Saya menjadi peminjam sejumlah besar bahan-bahan itu yang kesemuanya sangat memudahkan saya menulis latihan ilmiah B.A. Hons itu dengan lebih cepat. Inilah di antara sumbangan tidak ternilai Allahyarham kepada usaha saya menyiapkan latihan ilmiah "Zulkifli Muhammad: Pemikir Sastera Melayu" di USM pada sesi pengajian 1993-94 sewaktu

menamatkan pengajian luar kampus di USM yang dibuat menerusi kaedah 5 + 1 iaitu lima tahun di luar kampus dan setahun di dalam kampus. Malahan latihan ilmiah ini sudah saya mantapkan dan perkuatkan isi dan penyampaiannya sehingga menjadi sebuah buku berjududl *Pemikiran Bahasa dan Sastera Zulkifli Muhammad Ditinjau Daripada Perspektif Islam* yang khabarnya akan diterbitkan oleh DBP pada tahun ini sesudah terperap lebih enam tahun. Sesuatu yang sangat malang dan mengecewakan nasib yang dialami oleh manuskrip yang saya usahakan selama menulis manuskrip itu yang sebenarnya memperlihatkan sikap editor buku itu yang tidak serius menjalankan kerjanya yang lebih mengejar penerbitan buku Sasterawan Negara atau tokoh-tokoh tertentu sahaja yang mahu disegerakan.

Allahyarham A. Karim Haji Abdullah semasa hayatnya sering bertanyakan bilakah manuskrip itu akan terbit menemui pembaca apalagi tokoh Prof. Zulkifli Muhammad itu adalah antara tokoh intelektual yang diminatinya dan tentunya tokoh-tokoh atau buku yang membincangkan tokoh itu akan dinanti dan dicarinya untuk dibaca bagi memperluaskan minda dan daya fikirnya yang sentiasa telus dan bersikap terbuka itu untuk menerima kemasukan ilmu-ilmu baru atau idea baru yang boleh membina pemikiran maju.

Masalah besar dan serius yang dihadapi oleh penulis-penulis termasuk saya mahupun penulis lain ialah kesengsaraan menanti sesebuah buku itu terbit khususnya yang berada di DBP. Bukan sesuatu yang menghairankan nanti sekiranya para penulis menarikbalik kesemua buku-bukunya yang ada di DBP dan menyerahkannya kepada penerbit lain atau diterbitkannya sendiri menerusi kaedah terkini dan terbaru secara penerbitan *print on demand* (POD) atau penerbitan berdasarkan permintaan (PDP) yang

boleh menerbitkan sesebuah buku dalam masa dua minggu sahaja yang kualitinya hampir sama dengan penerbitan konvensional. Beberapa penerbit bumiputera seperti Univision Press di Taman Samudera, Kuala Lumpur berupaya menerbitkan buku menerusi kaedah POD ini dan menjadi jawapan kepada segala masalah penulis yang sukar menerbitkan karyanya boleh diterbitkan secara POD ini dan mencetak bukunya mengikut jumlah yang kecil berdasarkan permintaan seperti 10 naskhah, 50 naskhah atau 100 naskhah cuma yang perlu dilakukan ialah membayar kos cetaknya sahaja. Kaedah penerbitan secara POD ini memerlukan manuskrip yang sudah ditaipset dalam sekeping disket atau beberapa keping disket saja untuk membolehkannya terbit sebagai buku yang juga mempunyai ISBN seperti lazimnya.

Saya yakin sekiranya Allahyarham A. Karim Haji Abdullah mengetahui teknik penerbitan secara POD ini kesemua manuskripnya yang berjumlah lebih 20 buah itu boleh diterbitkan secara ini dan tidak terbiar begitu sahaja yang saya yakin pasti akan terbengkalai dan terdiam di Perpustakaan Negara Malaysia untuk sekian lama.

Teknik penerbitan secara POD seingat saya sudah mulai masuk teknologinya di Malaysia pada awal tahun 1990-an khususnya pada tahun 1996, 1997, 1998 dan saya pernah menggunakan teknik ini untuk menerbitkan buku *Permata Timur* (kumpulan pantun yang menang Sayembara Pantun Antarabangsa PKBM 1997) sewaktu berkhidmat sebagai Setiausaha Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM). Buku *Permata Timur* selenggaraan PKBM itu boleh diterbitkan dalam masa dua minggu saja. Proses penerbitan cuma memerlukan sekeping disket dan kulit buku kesemuanya dibuat secara digital. Syarikat yang menguruskan penerbitan buku ini ialah Maya Technology

Sdn. Bhd. beralamat di No. 29 Jalan 5/118C, Desa Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Teknik penerbitan secara POD ini muncul seperti cendawan kini yang terdapat di Kuala Lumpur dan Selangor. Misalnya sebuah syarikat bumiputera iaitu Univision Press Sdn. Bhd. beralamat di 559B, Jalan Samudra Utara I, Taman Samudra, 68100 Batu Caves, Selangor yang boleh dihubungi menerusi talian 03-61841245 dan 019-2311417 yang membuat teknik penerbitan POD ini mungkin boleh menjadi penyelamat kepada kaum pengarang untuk membolehkan mereka menerbitkan karya mereka secara kecil-kecilan dan dalam jumlah terhad sekadar yang diperlukan sahaja. Saya pernah mencuba menggunakan teknik POD ini untuk menerbitkan kumpulan puisi *Denai-denai Waktu* (2000), kumpulan cerpen remaja *Lambaian Tanah Suci* (2000) dan buku kajian *Perbandingan Naratif Melayu Tradisional, Naratif Islam dan Naratif Barat* (2000) yang kualitinya memuaskan dan setanding penerbitan biasa atau konvensional yang biasa dibuat oleh penerbit seperti DBP, Thinker's Library dan sebagainya.

Saya juga telah memperkenalkan teknik POD ini kepada beberapa orang penulis seperti Pena Mutiara yang sudahpun ikut sama tertarik dan menggunakan penerbitan POD ini untuk menerbitkan kumpulan puisinya yang berjudul *Perempuan* (2000) dan kumpulan cerpennya *Mangsa* (2000). Cuma menerusi kaedah ini penulis perlu membayar kos mencetak secara digital berdasarkan ketebalan buku dan kuantiti buku yang perlu dicetak yang biasanya tidaklah begitu banyak. Sekadar cukup untuk keperluan peribadi atau untuk disebarkan kepada kawan-kawan, perpustakaan dan sebagainya.

Suatu fakta yang tidak boleh dinafikan teknik POD ini akan banyak membantu penulis menerbitkan karyanya yang tersadai di rumah dan tidak mahu diterbitkan oleh penerbit-penerbit besar seperti DBP, UP & D dan sebagainya. Malahan kepantasan dan tempoh masa yang diambil untuk menerbitkan buku dalam tempoh dua minggu atau sebulan tentunya sangat melegakan hati kaum penulis atau karyawan yang tidak perlu menunggu lama untuk menerbitkan sesebuah buku. Misalnya DBP mengambil masa enam atau sepuluh tahun untuk menerbitkan sesebuah buku yang bukan sahaja membuang masa tetapi sebenarnya meningkatkan lagi kos percetakan dan kos kertas cetak yang harganya sentiasa naik sepanjang masa dan tidak pernah turun.

Saya yakin benar sekiranya Allahyarham Bung Karim mengetahui teknik penerbitan secara POD ini kesemua bukunya yang berjumlah hampir 20 buah tidak dapat diterbitkan kerana menghadapi masalah penerbitan, boleh dicetak secara kecil-kecilan dulu dengan kaedah POD yang diteroka oleh Univision Press Sdn. Bhd. yang kebanyakannya adalah lepasan pelajar UIAM. Malahan ramai pensyarah UIAM, UiTM, UPSI menerbitkan buku mereka di situ menggunakan kaedah POD ini yang bukan sahaja cepat penerbitannya tetapi boleh digunakan untuk tujuan pengajaran, pemudahcara proses kuliah dan penyebaran ilmu. Dalam situasi dan fenomena penerbit-penerbit besar seperti DBP, UP & D dan sebagainya tidak boleh lagi diharapkan untuk menerbitkan buku dengan cara yang cepat dan pantas, teknik penerbitan secara POD ini merupakan alternatif terbaik kepada kaum penulis menerbitkannya. Cuma mereka perlu membayar kos cetak sahaja dan perlu menjual sendiri buku-buku terbitannya untuk mendapatkan balik modal atau keuntungan yang boleh digunakan untuk menerbitkan buku-buku lain

pada masa depan yang tentunya melajukan proses kitaran ilmu untuk pembinaan tamadun manusia menerusi buku.

Saya juga sering terfikir kiranya ada orang yang menggerakkan penerbitan buku secara POD dan ada orang yang mahu menajanya atau membiayainya hampir kesemua 20 buah buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah yang kini terperap di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur boleh diterbitkan untuk bacaan umum dan mempercepatkan negara mencapai taraf negara maju dan intelektual yang menjadi idaman kerajaan. Bagaimanapun sikap memandang rendah, sinis dan tidak berwawasan terhadap sumbangan A. Karim Haji Abdullah menyebabkan buku-buku yang ditinggalkannya tersadai dan tidak digunakan sewajarnya dan jadilah buku-buku itu seperti projek gajah putih atau bahan longgokan di perpustakaan semata-mata.

Suatu kecenderungan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah ialah membawa radio kaset atau pita rakaman untuk merakam ceramah mana-mana tokoh sastera dan masyarakat yang difikirkannya sesuai untuk dirakamkan dan kemudiannya beliau dengan segala kerajinan dan tenaganya yang ada menyalin semula rakaman itu dalam bentuk tulisan yang kemudiannya akan ditaip semula dan dijadikan buku tokoh berkenaan atau yang ada kaitan dengan tokoh itu. Inilah di antara kegigihan dan sifat tekun beliau yang sukar dicari ganti di kalangan pengkaji dan penyelidik sastera sekarang yang entah bila akan wujud lagi tokoh segigih beliau yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda kini sekiranya ingin sastera Malaysia terus maju dan mempunyai pewarisnya yang tersendiri.

Sepanjang ingatan saya sewaktu menguruskan buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah yang berjudul *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan*, Ketua

Bahagian Penerbitan Am, DBP ketika itu ialah Johan Jaaffar, seorang ketua jabatan yang sentiasa mengambil berat masalah kebajikan anak buah atau orang bawahannya. Saya juga bernasib baik berketuakan beliau dan banyak mendorong saya memajukan diri dalam bidang penulisan dan penerbitan. Seingat saya, beliau pernah menyarankan saya menyelenggara dan menyusun antologi cerpen-cerpen eksperimental daripada kalangan penulis lama dan baru yang berjudul *La-Q* (DBP, 1993).

Manakala sewaktu menguruskan buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah yang berjudul *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya dan Korban Kesuciannya* (DBP, 1993) Ketua Unit Buku Remaja ketika itu ialah Mohd. Ali Majod, seorang cerpenis tersohor tanah air yang terkenal dengan kumpulan cerpennya *Dalam Diri, Lampu-lampu di Pelabuhan*, cerpen "Pensel Sebatang" dan sebagainya. Beliau merupakan seorang ketua unit yang akrab dengan anak buahnya, saling bertoleransi dan sentiasa memberi peluang orang-orang bawahannya mengembangkan bakat dan potensi. Saya berterima kasih kepada beliau kerana selama bekerja dapat menimba ilmu dan pengalaman daripada seorang sasterawan terkenal seperti beliau. Penerbitan buku selenggaraan A. Karim Haji Abdullah yang berjudul *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya dan Korban Kesuciannya* adalah sewaktu Unit Buku Remaja, DBP berada di bawah pimpinan beliau dan Datuk Jumaat Mohd. Noor menjadi Ketua Pengarah DBP. Pada era Ali Majodlah, buku-buku remaja paling banyak diterbitkan di DBP yang mendatangkan keuntungan besar kepada DBP di segi jualan buku.

Pada tahun-tahun terakhir saya berada di DBP, saya bertugas di Bahagian Kesusasteraan Bandingan yang ketika itu berketuakan Kemala atau Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah, ada suatu peristiwa yang melibatkan saya dengan Allahyarham A.

Karim Haji Abdullah. Peristiwa itu ialah saya selaku Setiausaha Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) dan kakitangan di Bahagian Kesusasteraan Bandingan mengadakan majlis "Mengenang Keris Mas" pada 10 Jun 1997 di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, menjemput Allahyarham A. Karim Haji Abdullah menceritakan pengalamannya sewaktu menghadapi detik-detik kematian Sasterawan Negara Keris Mas[1] kerana Allahyarham tinggal bersebelahan dengan rumah Keris Mas. Hal ini diperkuatkan lagi dengan hubungan beliau adalah orang Pahang dan Keris Mas juga orang Pahang yang tentunya menjadikan hubungan mereka lebih intim lagi. Dalam majlis anjuran PKBM dan Bahagian Kesusasteraan Bandingan DBP itu, Tan Sri A. Samad Ismail menceritakan pengalaman dan pandangannya tentang Keris Mas kerana kedua-dua tokoh ini terlibat dalam perjuangan ASAS 50 dan dunia persuratkhabaran khususnya di *Utusan Melayu*.

Saya teringat juga saya pernah dipelawa oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah untuk membuat buku tentang Profesor Zulkifli Muhammad secara usahasama dengannya malahan saya telah menyerahkan bahan-bahan tulisan yang diperlukannya dan manuskrip itu sudah pun siap. Cuma Allahyarham menghadapi masalah untuk mencari penerbitnya yang sesuai dan mahu menerbitkan buku itu. Maklumat dan khabar yang saya terima daripada wartawan *Berita Minggu*, Haji Tajuddin Saman mengatakan manuskrip itu sudah diserahkan Allahyarham kepada seorang pegawai di JAKIN atau Pusat Islam untuk proses penerbitan selanjutnya. Perkembangan terakhir tentang buku itu tidak kedengaran sehingga kini. Sekiranya diteliti dan direnungi penyelenggaraan

[1] Ucapan penuh A. Karim Haji Abdullah tentang peristiwa itu boleh dibaca dalam tulisannya "Kenangan Terakhir Bersama Pak Keris Mas" dan baca juga laporan *Berita Harian* 12 Jun 1997 berjudul "Keris Mas Sentiasa Dikenang".

buku biografi dan pemikiran Zulkifli Muhammad itu sebenarnya memperlihatkan sikap telus dan terbuka beliau menghargai sumbangan dan ketokohan pemimpin Islam itu tanpa mengira aliran politik sama ada UMNO atau PAS.

Saya yakin sekiranya buku tentang biografi dan pemikiran Profesor Zulkifli Muhammad yang saya selenggara bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah itu berhasil diterbitkan tentunya merupakan saham dan sumbangan besar untuk menyebarluaskan dakwah Islamiah dan menggerakkan perpaduan ummah yang lebih positif dan baik lagi. Hanya masa dan keadaan akan menentukan apakah buku itu akan muncul atau tidak menemui para pembaca dan peminat buku-buku biografi seperti itu.

Suatu peristiwa yang masih bertapak subur dalam kenangan dan memori saya ialah sewaktu saya berangkat mengerjakan umrah kerana memenangi hadiah sayembara menulis esei anjuran Badan Perhubungan UMNO Kedah dan ASASI menerusi esei "Sejarah Gerakan Nasionalisme, UMNO Kedah dan Tokoh-tokohnya" pada tahun 1996 dulu. Saya berangkat mengerjakan umrah ke Tanah Suci Makkah pada 18 hingga 27 Ogos 1996 bersama-sama isteri, Ramnah bte Manap. Jadi dalam suasana kesibukan dan ketergesaan mahu berangkat ke Makkah itu tambahan pula masa mengerjakan umrah adalah singkat, saya memutuskan untuk meminjam sahaja kain ihram yang dimiliki oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang ketika itu sudah balik haji pada tahun 1993. Saya segera memulangkan kain ihram itu sesudah balik daripada mengerjakan umrah kerana mungkin Allahyarham akan berangkat ke Makkah pada bila-bila ada rezeki dan peluang ke sana.

Sewaktu bekerja di DBP, saya dan keluarga menetap di 22, Jalan Mewah Satu, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur dan rumah itu dibeli hasil daripada pinjaman DBP dan masih terus membayar hutangnya secara ansuran sehingga kini yang disalurkan menerusi majikan baru saya iaitu, UPSI. Sepanjang ingatan saya, Allahyarham A. Karim Haji Abdullah adalah di antara tokoh sastera negara yang pernah berkunjung ke rumah itu dan melihat sendiri suasana kehidupan pengarang baru seperti saya. Kunjungan Allahyarham ke rumah saya ketika itu kebetulan juga kerana beliau singgah mengunjungi saudaranya yang tinggal di Jalan Ikhlas, Bandar Tun Razak, Cheras. Bagi saya, kunjungan ke rumah sendiri seorang tokoh penting dan veteran dalam dunia penulisan, penyelenggaraan dan kesusasteraan Malaysia seperti beliau memberikan semacam dorongan atau motivasi untuk saya bergerak untuk lebih aktif dan bersemangat untuk menghasilkan buku-buku yang lebih bermutu untuk bacaan anak bangsa.

ii) Kenangan Terakhir Bersama Allahyarham A. Karim Haji Abdullah Sewaktu Berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

Apabila saya berhijrah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak mulai 1 Oktober 1998 dan mengundurkan diri daripada DBP yang saya khidmati selama 14 tahun khususnya dalam bidang penerbitan dan penyelidikan, saya sebenarnya masih berurusan dengan Allahyarham A. Karim Haji Abdullah khususnya untuk bertanya khabar dan mendengar projek-projek buku selenggaraannya yang terbaru.

Meskipun sudah berhijrah ke UPSI, Tanjung Malim, saya sering turun ke Kuala Lumpur untuk menemui rakan-rakan penulis atau menghadiri seminar sastera di DBP,

biasanya dalam perjalanan pulang, saya akan memandu kereta dan singgah di rumah Allahyarham A. Karim Haji Abdullah untuk bertanya khabar dan meminjam atau mencari buku yang saya perlukan sebelum pulang ke Tanjung Malim mengikut lebuhraya utara-selatan yang mengambil masa kira-kira sejam sahaja perjalanannya. Hal ini menjadi lebih mudah kepada saya kerana saya mengikut laluan Petaling Jaya memasuki tol Damansara dan terus masuk ke arah lebuhraya utara menuju ke Tanjung Malim. Rupanya penghijrahan saya ke Tanjung Malim tidak menghalang saya menemui tokoh ini yang saya anggap sebagai tempat merujuk atau bertanya sesuatu hal sesuai dengan usia dan pengalaman hidup tokoh ini yang banyak pengalaman.

Apabila saya berpeluang mengajar dan berkuliah di Fakulti Bahasa, UPSI khususnya dalam kuliah "Pengantar Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu" khususnya bagi guru-guru yang membuat minor dalam Bahasa Melayu, peluang saya untuk menugaskan beberapa orang pelajar membuat kajian atau tugasan tentang tokoh-tokoh budaya, bahasa, sejarah di Malaysia terbuka lebih luas. Terpercik di minda saya beberapa nama tokoh seperti Allahyarham A. Karim Haji Abdullah, Cikgu Mohd. Ali Osman (sejarawan Taiping, Perak) dan sebagainya yang belum pernah dikaji orang secara tuntas dan mendalam perlu dikaji. Saya menugaskan seorang pelajar membuat kajian dan tugasan tentang biografi, ketokohan dan buku-buku yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah agar jasanya lebih tersebar di kalangan masyarakat. Hasil kajian dan tugasan pelajar itu yang bernama Mohd. Subri Mahayadin boleh dibaca dan dihayati dalam Bab Satu buku ini yang merupakan sumbangan penting kepada penonjolan A. Karim Haji Abdullah dalam bidang penyelenggaraan buku. Mungkin suatu kemujuran pelajar yang pernah menjadi guru itu berpeluang menemui A. Karim Haji Abdullah

semasa hayatnya. Pelajar itu menurut ceritanya dihadiahkan dengan pelbagai jenis buku selenggaraannya oleh Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang memperlihatkan sifat pemurah dan tidak lokek ilmu beliau yang sentiasa menghargai pelajar atau sesiapa yang berkunjung ke rumahnya.

Saya teringat lagi suatu peristiwa semasa GAPENA mahu mengadakan rombongan Pertemuan Dunia Melayu di Makkah pada tahun 1999, saya memberikan borang bagi mereka yang berminat untuk pergi ke sana. Saya memberikan borang dan memberitahu Allahyarham A. Karim Haji Abdullah sekiranya mahu pergi, peluang dan tempat masih ada dan bolehlah berurusan dengan Saleh Daud di Rumah GAPENA. Saya mewakili PKBM dan beberapa orang AJK lain memang ingin menyertai rombongan GAPENA itu memang berhasrat untuk mengikuti Pertemuan Dunia Melayu di Makkah itu tetapi akhirnya kerana beberapa masalah teknikal seperti kehilangan pasport lama dan terpaksa membuat pasport baru yang tentunya mengambil masa dan masalah tiada kelulusan dari Ahli Jawatankuasa PKBM lainnya menyebabkan saya tidak berpeluang pergi ke Makkah. Bagaimanapun Allahyarham A. Karim Haji Abdullah dan isterinya meneruskan pemergiannya ke Makkah untuk mengerjakan umrah dan menghadiri Pertemuan Dunia Melayu di sana. Saya hanya membaca laporan akhbar dan cerita-cerita mereka menghadiri pertemuan Dunia Melayu yang khabarnya pertama kali diadakan di Makkah oleh GAPENA.

Allahyarham A. Karim Haji Abdullah menceritakan beberapa kesulitan yang dialaminya semasa di Makkah. Dan saya perhatikan sesudah beberapa waktu berlalu, keadaan diri beliau bertambah uzur dan sering bertongkat untuk pergi ke mana-mana

tetapi beliau tetap kuat semangat untuk menyelenggarakan pelbagai jenis buku dan cuba menghadiri seminar yang dirasakan penting.

Saya masih teringat sewaktu memuncaknya isu kontroversi novel *Shit* timbul di dada akhbar, Allahyarham A. Karim Haji Abdullah tidak melepaskan peluang itu untuk mengumpul kesemua tulisan orang dan berita yang tersiar dalam pelbagai akhbar untuk dibukukan dalam sebuah buku koleksi kontroversi *Shit* cetusan Shahnon Ahmad. Bagaimanapun disebabkan sesuatu hal, Allahyarham membatalkan hasrat menerbitkan buku itu dan menyimpannya saja di rumah. Bagaimanapun sewaktu saya menulis tesis Ph. D berjudul "Strategi Naratif Dalam Fiksyen Shahnon Ahmad", Allahyarham A. Karim Haji Abdullah memberi saya terus koleksi berita dan esei tentang novel *Shit* yang menurutnya sukar untuk diterbitkan apalagi kontroversi itu sudah berakhir. Pemberian Allahyarham itu tentunya sangat berharga bagi saya kerana ianya ikut membantu memudahkan kajian Ph. D saya tentang novelis Shahnon Ahmad yang sentiasa produktif menghasilkan novel sejak tahun 1960-an sehingga kini.

Pada waktu beliau mengadakan majlis penubuhan dan jamuan Kelab Veteran DBP, saya tidak berkesempatan menghadirinya tetapi mengikuti laporan akhbar tentang peristiwa itu seperti yang ditulis oleh A.F. Yassin. Selang beberapa hari atau minggu selepas peristiwa itu, saya berkunjung ke rumahnya untuk bertanya khabar khususnya sesudah saya pulang menghadiri seminar atau mencari bahan rujukan di Pusat Dokumentasi Melayu, DBP. Beliau menyebutkan majlis yang diadakan di rumahnya mendapat sambutan meriah dan dihadiri oleh ramai bekas kakitangan DBP dan kenalannya.

Saya teringat beberapa bulan sebelum Allahyarham A. Karim Haji Abdullah dimasukkan ke Hospital Universiti, Petaling Jaya, saya terjumpa beliau di lobi lif DBP bersama-sama Hamzah Hamdani. Dia melambai-lambaikan tangannya ke arah saya. Saya segera mendatanginya kerana kebetulan datang ke DBP untuk menguruskan sesuatu hal, saya terperanjat dan terkejut melihat keadaan dirinya sudah bertongkat dan semakin bertambah uzur tetapi masih bersemangat datang ke DBP berjumpa kawan-kawan lamanya. Dia menyapa "lama betul tidak berjumpa Talib" dan saya merasakan sesuatu yang lain akan berlaku ke atas dirinya melihat keadaan dirinya itu tetapi saya mendiamkan sahaja perkara itu. Saya bertanya Allahyarham, ke mana mahu pergi selepas ini. Katanya, saya mahu balik ke rumah di Petaling Jaya. Saya menyebutkan, biarlah saya menghantar Pak Karim ke rumah kebetulan saya akan balik ke Tanjung Malim akan melalui Petaling Jaya dan tol Damansara. Saya mengambil kereta WDT 770 yang saya letak di tempat letak kereta yang sering disebut 'dusun' DBP dan membawa beliau balik ke rumahnya di Petaling Jaya sambil berbual-bual. Saya teringat ketika itu bulan puasa, beliau membeli lauk-pauk dan tidak boleh berpuasa. Saya teringat juga, beliau meminta saya tolong mengeposkan surat-surat jika terjumpa pejabat pos di mana-mana saya terjumpa.

Saya cukup ingat betul pada bulan-bulan terakhir kematiannya, beliau menyedekahkan pelbagai buku-buku kepada kawan-kawannya termasuk saya dan ramai lagi kawan-kawannya yang sempat berkunjung ke rumahnya. Malah beliau bertanya buku jenis apa yang saya mahukan. Saya selaku peminat Hamka, meminta Pak Karim (saya sering membahasakannya Pak Karim) menyedekahkan kesemua buku-buku Hamka kerana buku itu berguna untuk kajian saya atau bahan pengajaran saya di UPSI nanti.

Seingat saya, beliau bukan sahaja memberikan buku-buku Hamka tetapi juga novel-novel Indonesia yang lain kerana beliau mengetahui saya suka menulis dan membaca novel. Ramai juga rakan-rakannya yang lain termasuk Haji Tajuddin Saman, Haji Mohd. Yusop Ishak dan sebagainya menerima hadiah dan sedekah buku daripadanya. Begitulah sikap pemurah Allahyarham yang menyedekahkan buku-buku koleksinya yang kebetulan ketika itu beliau mahu mengosongkan bilik perpustakaannya di rumahnya untuk dijadikan bilik sembahyang. Malah sedekah buku yang diberikan oleh Allahyarham itu, saya perpanjangkan lagi dengan meminjamkan buku-buku Hamka itu kepada seorang kerani Hospital UKM, Cheras iaitu Misni Sidek untuk membuat kajian sarjananya di Universiti Malaya. Disebabkan rumah baru saya sendiri di No. 16, Jalan Bernam 13, Taman Bernam Baru, 35900 Tanjung Malim tidak cukup ruang meletak buku, saya terpaksa pula menyedekahkan pula sebahagian besar buku-buku pemberian Allahyarham dan buku-buku koleksi sendiri ke perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Tanjung Malim, Sekolah Menengah Kebangsaan Trolak Selatan, Sungkai; Maahad Abbasiyah, Sungkai, Perak dan beberapa sekolah lain di Perak. Saya berfikir dan merasakan kaedah itu lebih mendatangkan manfaat kepada para pelajar atau sekolah di luar bandar yang lebih memerlukan buku berbanding sekolah bandar yang banyak kemudahannya. Saya yakin dan percaya serta hasil selidikan saya sekolah-sekolah sedemikian memang memerlukan buku untuk dijadikan bahan bacaan sebagai pendorong dan pembakar semangat mencari kemajuan. Pengalaman saya hidup di kawasan Felda iaitu Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor mendidik saya mengenal kesukaran mencari buku-buku untuk dibaca dan inilah yang mendorong saya untuk menyumbangkan dan menyedekahkan buku milik sendiri ke perpustakaan sekolah di luar bandar sama ada di

daerah Tanjung Malim, Sungkai, Trolak Selatan dan sebagainya agar mereka semua berpeluang membaca buku koleksi saya atau yang disedekahkan orang kepada saya. Sama-sama dapat merasakan peluang membaca buku dan mengejar ilmu milik Allah belaka semuanya.

Pada 2 Februari 2001, saya pergi ke Hospital UKM, Cheras untuk seperti biasa membuat pemeriksaan mata bagi pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kencing manis seperti saya dan diperiksa oleh doktor mata. Setahu saya bagi mereka yang mengidap penyakit kencing manis menurut Misni Sidek, memang biasanya hari Jumaatlah diadakan pemeriksaan mata. Selesai melakukan pemeriksaan mata yang agak awal pada hari itu, saya pergi ke Taman Mulia, Bandar Tun Razak, Cheras untuk memfotostet atau menggunting rambut. Dalam pada itu, saya tergerak untuk menelefon Swee Lan, jurutaip di Bahagian Sains Sosial dan Kemanusiaan, DBP untuk bertanya sekiranya ada bab-bab tesis yang sudah selesai ditaip. Dia memberitahu ada tetapi memberitahu saya, dia mahu mengunjungi Pak Karim yang terlantar di Hospital Universiti, Petaling Jaya kerana keadaan Pak Karim sudah tenat. Mendengarkan hal itu, saya membatalkan semua urusan dan terus bergerak ke Hospital Universiti, Petaling Jaya untuk melihat sendiri keadaan Pak Karim yang sudah nazak dan tidak sedarkan diri. Saya berdoa kepada Allah agar diberi peluang dan kesempatan untuk melihat Pak Karim mungkin untuk kali terakhir. Saya sebenarnya tidak mengetahui di wad mana Pak Karim ditempatkan di hospital itu. Kebetulan dalam perjalanan mencari tempat *parking*, saya berselisih dengan seorang kakitangan DBP yang sedang pulang menziarahi saudaranya yang sakit di situ. Saya bertanya dia, tahu tidak wad Pak Karim. Katanya mudah saja, kau tanyakan di bahagian pendaftaran ada komputer yang boleh mencari semua nama pesakit dan wad mereka

ditempatkan. Saya tanpa membuang masa terus ke bahagian pendaftaran dan kaunter pertanyaan untuk mengetahui kedudukan wad Pak Karim. Saya diberitahu wad yang sebenar dan terus bergerak mencarinya sendirian.

Sesudah bertanya orang dan pekerja hospital itu, saya berpeluang menemui wad Pak Karim ditempatkan dan melihat dirinya sudah disambungkan dengan pelbagai wayar dan bantuan alat pernafasan. Ketika itu Pak Karim sudah tidak sedar dan tidak mengenali siapa yang menziarahinya. Saya menyapanya juga beberapa kali tetapi dia sudah tidak sedar lagi. Hal itu mengingatkan saya kepada pengalaman melihat arwah bapa mentua saya (Manap bin Sulaiman) ketika nazak di Hospital Muar pada 25 Disember 1998 yang tidak sedar selama lebih lapan hari kerana serangan angin ahmar (*stroke*) yang membawa kematiannya. Melihat dan mengingatkan keadaan yang sama sewaktu menghadapi keadaan diri Pak Karim yang sedang nazak itu, mungkin usia Pak Karim sudah berada di penghujung hayat apalagi keadaan turun naik graf di komputernya semakin tidak menentu itu. Ketika saya tiba itu, anak isterinya tiada di sisi Pak Karim mungkin balik ke rumah mengambil sesuatu atau berehat keletihan sesudah penat menjaganya. Beberapa ketika kemudian isteri Pak Karim, Puan Hajjah Aishah bte Abdullah dan anak perempuannya, Azlina datang. Mereka bertanya bagaimana saya boleh tahu keadaan Pak Karim ada di wad Hospital Universiti. Saya beritahu ada orang DBP, Swee Lan yang beritahu Pak Karim sedang tenat di hospital.

Saya berbual seketika dengan mereka dan melihat jam di tangan sudah menunjukkan hampir dekat masuk waktu solat fardu Jumaat. Saya tertanya-tanya di manakah ada masjid dan telinga saya seperti terdengar orang mengaji tidak jauh dari Hospital Universiti. Puan Aishah memberitahu tidak jauh dari tempat letak kereta itu ada

masjid dan bolehlah mengerjakan solat fardu Jumaat. Barulah saya tahu di Hospital Universiti itu ada masjid untuk membolehkan turun ke sana untuk menunaikan solat fardu Jumaat di samping berpeluang menziarahi Pak Karim yang sedang terlantar nazak. Ketika saya tiba di Masjid Hospital Universiti itu orang sudah semakin ramai tetapi saya masih berpeluang mendapat tempat duduk. Sewaktu-waktu menunggu masuknya waktu solat fardu Jumaat, saya bertafakur dan duduk merenung jauh ke dalam diri memikirkan keadaan Pak Karim dan sedar bahawa bila Allah mahu mengambil nyawa seseorang hamba-Nya, bila-bila saja Allah boleh mengambilnya. Penyakit dan derita adalah sebahagian proses pengambilan nyawa seseorang. Aku terfikir lagi betapa kematian Pak Karim jika berlaku dalam beberapa hari lagi adalah dalam suasana kemuliaan dan keberkatan kerana di antara tandanya sewaktu menziarahi Pak Karim terlantar tenat, saya masih berpeluang mengerjakan solat fardu Jumaat di masjid yang tidak jauh dari kedudukan wadnya. Jarang saya mengalami suasana begini dalam hidup ini.

Sesudah selesai solat fardu Jumaat di Masjid Hospital Universiti, saya terpaksa balik dan bertembung dengan Shaharom TN Sulaiman yang baru tiba di tempat letak kereta. Dia memberitahu saya, dia mahu menziarahi Pak Karim yang terlantar. Saya memberitahunya, saya sudah menziarahi Pak Karim dan terpaksa pulang ke Tanjung Malim kerana mahu menguruskan isteri yang mahu bersalin dan sudah ada tanda-tanda mahu bersalin.

Pada waktu malam Sabtu, 2 Februari 2001, saya menelefon Pena Mutiara di Kuala Lumpur yang sudah hampir tiga tahun tidak dihubungi sejak berpindah ke Tanjung Malim, itu pun sesudah puas mencari nombor telefonnya. Saya memberitahunya hal keadaan diri Pak Karim yang sedang nazak di Hospital Universiti dan memberinya

nombor wad serta menyarankan kepadanya agar segera menziarahi Pak Karim sebelum apa-apa terjadi kerana saya sudah terlihat bayang-bayang kematian Pak Karim sudah semakin dekat. Menurut cerita Pena Mutiara beberapa hari kemudian, dia pergi menziarahi Pak Karim yang sedang terlantar sakit tenat di Hospital Universiti, Petaling Jaya pada hari berikutnya. Pena Mutiara merupakan di antara penulis kelahiran Perak yang banyak juga mengulas dan menulis tentang ketokohan Pak Karim Abdullah.

Sesudah saya kembali ke Tanjung Malim keesokan harinya, Sabtu, 3 Februari 2001, isteri saya mengajak saya menghantarnya ke Hospital Kuala Kubu Bahru kerana dia ada tanda-tanda mahu bersalin dan air tuban mulai keluar sedikit demi sedikit. Dia tidak mahu pula bersalin di Hospital Daerah Tanjung Malim kerana katanya takut dan tidak cukup doktor pakar dan peralatan moden. Pada subuh hari Sabtu, 3 Februari 2001, saya bergegas memandu kereta menuju ke Hospital Daerah Kuala Kubu Bharu, Selangor yang jauhnya 20 kilometer dari Tanjung Malim dan kebetulan hari itu jatuh hari Sabtu minggu pertama cuti. Pentadbiran Hospital Kuala Kubu Bharu ketika itu hanya membuka Bahagian Kecemasannya sahaja dan isteri saya dimasukkan ke wad bersalin. Beberapa hari duduk di wad bersalin, dia tidak juga mahu bersalin dan doktor mengatakan kandungannya songsang yang mungkin terpaksa dihantar ke Hospital Selayang, Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan doktor pakar.

Sebelum dia dihantar ke Hospital Selayang, selalulah saya berulang alik di antara Tanjung Malim dan Kuala Kubu Bharu membawa keperluannya seperti pakaian dan anak-anak yang mahu melihat ibunya sehingga menjelang pagi Isnin, 5 Februari 2001, ketika saya mengunjungi wad bersalin Hospital Kuala Kubu Bharu dan bertanya kawan sebilik wad bersalinnya memberitahu "kakak sudah dihantar dengan kereta ambulans ke

Hospital Selayang". Jururawat di situ juga mengatakan begitu isteri saya sudah dihantar ke sana kira-kira jam 9.00 pagi bersama-sama beg pakaian. Sebelum itu mereka telefon saya, tetapi telefon bimbit tertutup ketika itu. Perjalanan ke Hospital Selayang jauh juga sekitar 60 kilometer dari Kuala Kubu Bharu. Terfikir di minda saya tentunya isteri saya berada dalam keadaan selamat kerana ada doktor pakar dan peralatan moden serta yakin Allah akan melindunginya kerana ajaran Islam menyebutkan bagi wanita bersalin adalah jihad yang besar dalam hidupnya.

Saya tidak terus ke Hospital Selayang walaupun sudah terpandang papan tanda jalan yang menyebutkan "Hospital Selayang" di Jalan Rawang-Selayang dan memikirkan untuk terus pergi ke DBP untuk berjumpa Swee Lan bagi mengambil bahan-bahan tesis yang sudah ditaipnya. Ketika saya mahu menaiki lif DBP, saya terpandang kenyataan papan putih yang menyebutkan antara lain "A. Karim Haji Abdullah telah kembali ke rahmatullah pada jam 6.50 pagi Isnin, 5 Februari 2001". Saya terpempan seketika dan hanya dapat menyebut "Innalila wainna ilai hirojiun". Saya segera berjumpa Swee Lan dan mengambil bahan yang ditaip serta menghantar pembetulan baru. Dia bertanya apakah saya sudah mengetahui kematian Pak Karim. Saya menjawab sudah daripada berita pemberitahuan papan kenyataan di tepi lif DBP.

Memikirkan keadaan dan masa semakin suntuk, saya pergi ke Hospital UKM untuk menghantar surat *guarantee letter* kepada Misni Sidek, kerani di situ kerana beberapa kali buat pemeriksaan mata saya terlupa membawa *guarantee letter* UPSI seperti yang selalu dipesankan oleh kerani Bahagian Oftamologi, Hospital UKM. Hari itu saya bertekad menghantarnya dan berhasil memberinya kepada Misni Sidek di situ. Saya memberitahu Misni Sidek, saya mahu pergi ke Hospital Selayang pula mahu

melihat isteri mahu bersalin yang kandungannya songsang. Dia bertanya mengapa tidak hantar ke Hospital UKM kerana ada daftar namanya di situ kerana pernah bersalin anak kelima, Muhammad Fauzi dulu pada 13 Mei 1998 semasa tinggal di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. Saya memberitahu doktor di Hospital Kuala Kubu Bharu sudah mengarahkan dia dihantar ke Hospital Selayang kerana kedudukannya yang lebih dekat dan memang hospital dan doktor pakar di situ adalah pakar rujuk Hospital Daerah Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Saya meminta diri dan meninggalkan Misni Sidek di situ dan terus memandu kereta ke arah Taman Melawati di Kuala Lumpur. Mulanya saya mahu singgah di Klinik Bekam Ustaz Ibrahim Mohsein di Taman Melawati untuk berbekam seperti biasa sebulan sekali untuk membuang penyakit kencing manis yang dihidapi. Tetapi saya menangguhkan hasrat itu dan menghantar artikel ke pejabat majalah *Tamadun* di Taman Permata, Kuala Lumpur tidak jauh dari situ. Kemudian saya terus bergerak menuju ke Hospital Selayang tetapi berasakan ada sesuatu yang tidak kena pada kereta saya dan singgah di stesen minyak Petronas, Taman Melati untuk membuang air karat dalam kereta saya dan dengan bantuan mekanik di situ air karat dalam tangki kereta dapat dibuang dan dibersihkan. Saya meneruskan perjalanan ke Hospital Selayang meredah kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur dan berhasil mencari Hospital Selayang yang selama ini belum pernah dijejaki dan hanya kerana peristiwa isteri mahu bersalin anak keenam, hospital baru dan moden ini disinggahi.

Saya segera bertanya kaunter pertanyaan Hospital Selayang khususnya di Wad Bersalin di mana wad dan kedudukan isteri saya. Petugas di situ memberitahu nombor wad dan katilnya isteri saya iaitu 5B-16. Saya segera mendatanginya dan melihat dia

sudah dimasukkan air untuk memudahkan proses bersalin. Saya mendatanginya dan memberitahu yang Pak Karim Abdullah telah meninggal dunia pada jam 6.50 pagi Isnin tadi. Dia memahaminya. Saya segera memberinya semangat dan merangsangnya agar banyak berselawat untuk memudahkan proses bersalin sekiranya dibedah atau tidak. Dia memberitahu saya, sekiranya sebelum jam 11.00 malam, tidak juga bersalin, menurut doktor pakar dia akan menjalani *operation* (pembedahan). Dia berasa bimbang kerana seumur hidup bersalin tidak pernah dibedah. Saya segera menelefon saudara-saudaranya di Muar, Johor dan Kuala Selangor yang kesemuanya terkejut mendengar berita gempita itu dan masing-masing berdoa agar dia tidak dibedah kerana risikonya cukup tinggi di kemudian hari.

Saya cuba menenangkan dirinya dan kerana dalam suasana kelam kabut tidak sempat dan tidak terfikir untuk membawa makanan kerana semasa dihantar ke Hospital Selayang pagi tadi, dia tidak sempat menjamah makanan dan sekarang tidak pula boleh makan untuk proses menerankan anak nanti.

Saya terpaksa balik semula ke Tanjung Malim untuk mengambil anak yang bersekolah petang di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari yang akan keluar pada jam 6.45 petang dan terus memandu sejauh 60 kilometer dari Hospital Selayang meredah jalan biasa di Rawang dan lebuhraya utara-selatan. Sesudah mengambil anak, Muhammad Salehuddin dan Norsyuhada, saya segera menghantar mereka ke rumah dan berehat seketika untuk mandi dan solat maghrib. Saya tergerak untuk membaca *Surah Yassin* dan menyedekahkannya kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., arwah pak mentua (Manap bin Sulaiman), arwah Pak Karim Abdullah yang baru saja meninggal pagi tadi, arwah Darwis Harahap (guru dan pendorong kuat semasa belajar di USM), ibu

bapa yang masih hidup dan seisi keluarga sendiri. Saya berharap dengan bacaan *Surah Yassin* itu akan memudahkan isteri saya yang kandungannya songsang akan kembali normal bila bersalin nanti.

Kira-kira jam 8.00 malam, saya dan anak lelaki saya Muhammad Salehuddin bergerak ke Hospital Selayang sekali lagi mengikut jalan lebuhraya dan memasuki tol Rawang dan terus ke Hospital Selayang. Sepanjang perjalanan malam ke Hospital Selayang itu, saya berusaha membaca selawat sebanyak mungkin moga-moga isteri tidak dibedah walaupun kandungannya songsang. Biarlah bersalin secara normal. Entah macam mana tercetus di mulut saya "Salleh, mungkin ibumu sudah bersalin tadi agaknya." Dia hanya buat dengar tak dengar. Dia mengangguk sahaja.

Sebelum tiba ke Hospital Selayang saya mengikut laluan yang lain untuk masuk ke Hospital Selayang itu dan rasa macam salah jalan pula tetapi saya yakin itulah jalan ke hospital baru itu. Suasana malam berbeza sekali dengan suasana siang tetapi sempat juga saya tiba semula ke Hospital Selayang sebelum jam 11.00 malam dan tergesa-gesa mencari bilik dan wad bersalin di Tingkat 5. Dalam keadaan saya berjalan tergesa-gesa itu, anak saya, Sallehuddin ikut sama bergerak laju. Saya bertanya di kaunter pertanyaan wad bersalin untuk bertanya keadaan isteri saya. Mereka memberitahu isteri saya, Ramnah Manap sudah bersalin pada jam 8.48 malam tadi dalam keadaan normal dan tidak dibedah pun. Syukur alhamdulillah. Kebesaran dan kekuasaan Allah mengatasi segala-galanya yang wujud di dunia ini. Meskipun para jururawat di Hospital Kuala Kubu Bharu menurut isteri saya bagaikan sinis dan mencemik mengatakan belum pernah ada orang yang kandungannya songsang akan bersalin normal. Malah mereka ketawa pula, menurut cerita isteri saya. Bagaimanapun keadaan yang baru berlaku yang dialami

oleh isteri saya yang kandungannya songsang boleh bersalin normal dan tidak perlu dibedah yang tentunya di luar jangkaan manusia sama sekali. Mungkin ini berkat doa dan harapan seisi keluarga, saudara-maranya di kampung Muar, Johor dan ibu bapa saya di Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor dan semua manusia yang saya kenal atau tidak yang ikut berdoa sama menadah tangan ke langit yang ikut mendoakan isteri saya bersalin secara normal dan tidak dibedah.

Suasana cemas dan kelam kabut, tidak tentu arah tadi bertukar menjadi ceria dan gembira apalagi bila mengetahui isteri saya yang bersalin secara normal itu melahirkan anak lelaki yang segera saya azankan dan mengambilnya dari jagaan jururawat Hospital Selayang. Manakala Muhammad Salehuddin mengambil gambar suasana di wad bersalin itu. Anak itu yang seberat 2.31 kilogram saya namakan Muhammad Firdaus kerana anak-anak yang lain pun suka nama itu kerana *firdaus* bererti *syurga tertinggi* dan kelahirannya dalam suasana mencemaskan semua orang apalagi kandungan isteri yang tidak cukup bulan yang baru saja lapan bulan sudah mahu terasa nak bersalin kerana sudah sampai ketentuan Allah untuk dia lahirkan ke dunia. Tiada siapa yang boleh menghalangnya walaupun sesaat jua. Semuanya berada di dalam genggaman-Nya. Begitu jugalah kalau Allah mahu mengambil nyawa seseorang itu. Tidak terleka barang sesaat pun yang kesemuanya sudah termaktub dalam catatan amal dan Loh Mahfuz lagi yang hanya diketahui oleh Allah semata-mata.

Itulah bila saya memikirkan di antara tarikh kematian Pak Karim pada jam 6.50 pagi Isnin, 5 Februari 2001 dan kelahiran anak saya yang keenam pada jam 8.48 malam Isnin, 5 Februari 2001 seperti ada persamaan dan titik pertemuan, keselarian seperti mengibaratkan keadaan kepergian seseorang insan diiringi dengan kedatangan seorang

insan baru di alam maya ini. Hal ini menuntut saya lebih memikirkan kejadian ciptaan Allah ini dengan lebih murni, kreatif dan sentiasa bersyukur dengan pemberian-Nya.

Saya cukup teringatkan tarikh kelahiran anak saya yang keenam iaitu Muhammad Firdaus sama dengan tarikh kematian Allahyarham A. Karim Haji Abdullah yang cukup dikenal oleh masyarakat sastera sebagai penyelenggara dan pendokumentor sastera yang gigih yang kehilangannya sukar dicari ganti kerana bukan satu kerja yang mudah untuk melatih atau menghasilkan tokoh-tokoh penyelenggara dan pendokumentasi seumpama beliau yang sanggup mengorbankan wang ringgit sekian banyak, masa, tenaga dan kepakarannya untuk menerbitkan sebahagian besar buku-buku selenggaraannya yang kini menjadi warisan persuratan Melayu yang tidak ternilai harganya. Negara mungkin mengambil masa puluhan tahun untuk melahirkan tokoh penyelenggara segigih dan segagah beliau yang entah akan muncul lagi ataupun tidak meskipun belasan universiti awam ditubuhkan mahupun lebih 600 kolej swasta terbina sekarang ini.

Sehingga kini Malaysia mempunyai 14 institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Terengganu, Kolej Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan dan universiti swasta lainnya seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), UNITEN, Universiti Multimedia, UNITAR, UNISEL dan sebagainya. Apakah daripada sekian banyak universiti awam mahupun swasta ini akan muncul tokoh-

tokoh penyelenggara dan penyusun buku seperti A. Karim Haji Abdullah kerana tiada kursus pengajian untuk mendidik atau melatih orang menjadi penyelenggara dan pendokumentasi buku seperti Allahyarham. Hal ini harus diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan di samping DBP, Kementerian Kebudayaan, Kementerian Pendidikan sekiranya kita mahu melihat lebih ramai penyelenggara buku segigih dan segagah Allahyarham muncul di dalam masyarakat Malaysia kini kerana yang pergi tetap akan pergi. Tinggal kita yang masih hidup ini harus mempertanyakan dan mempersiapkan diri untuk menyambung kerja-kerja yang diasaskan dan ditinggalkan oleh Allahyarham dalam usaha memelihara warisan budaya dan persuratan kita daripada pupus ditelan arus kemajuan dan globalisasi kini.

Berikutan kematian A. Karim Haji Abdullah saya semakin jarang mengunjungi rumahnya di Petaling Jaya. Kecuali pada 8 Mac 2001 saya membawa anak dan isteri menziarahi ke rumahnya untuk mendengar daripada cerita isterinya, Puan Aishah Abdullah tentang layanan kasar ke atas tubuh dan diri suaminya, Allahyarham A. Karim Haji Abdullah oleh pegawai perubatan di Hospital Universiti, Petaling Jaya. Saya juga diceritakan kembali oleh Puan Aishah tentang detik-detik terakhir hayat Allahyarham yang tentunya sangat mengharukan hati yang mendengar dan banyak pengajaran yang boleh diambil daripadanya untuk peringatan menghadapi hidup yang semakin singkat dari hari ke hari.

Bila saya merenung jauh ke dalam diri sebenarnya banyak pengajaran dan sesuatu yang boleh dipelajari daripada Allahyarham A. Karim Haji Abdullah. Di antaranya termasuklah kegigihannya bekerja menyusun pelbagai jenis buku, sikap ramahnya kepada mereka yang dikenal dan tidak dikenal, sikap pemurahnya dan suka menolong memberi

pelbagai jenis maklumat dan buku kepada mereka yang sangat memerlukan dan ikatan persahabatan yang kuat dengan kawan-kawan lama dan baru serta lainnya yang kesemuanya akan menyebabkan dirinya sentiasa diingati dan dikenangi masyarakat sastera khususnya yang mengenalinya atau pernah berurusan dengannya.

Saya selalu bermuhasabah dan bertanya kepada diri sendiri siapakah yang mahu menyusun buku atau biografi tokoh ini. Meskipun saya sudah mengenalinya sejak bekerja di DBP khususnya sewaktu menguruskan buku-buku selenggaraannya, sebenarnya masih banyak sudut-sudut lain yang saya tidak ketahui tetapi saya tetap berfikir positif sebuah buku biografi tentang tokoh ini perlu disusun dengan menggabungkan tulisan dirinya dan tulisan pelbagai penulis untuk memastikan generasi baru Malaysia dan masyarakat sastera mengenali tokoh ini dan mengingatinya secara lebih abadi. Ertinya ada buku yang mendokumentasi dan merakamkan pelbagai pandangan orang tentang keunggulan tokoh ini yang hanya muncul satu dalam seribu atau sekali dalam satu abad sahaja.

Suatu masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ialah kekurangan minat mereka untuk menghasilkan atau menulis buku tentang tokoh yang diketahui atau tokoh itu menulis tentang riwayat diri mereka sendiri sewaktu melalui sesuatu fasa dan zaman yang tidak semua individu melaluinya. Hal ini jauh berbeza dengan tradisi di negara-negara maju yang tokoh atau masyarakatnya cukup gemar menulis buku biografi, autobiografi dan riwayat hidup masing-masing sebagai bahan dokumentasi yang berguna untuk tatapan generasi terkemudian.

Saya cuba mencari jawapan siapakah yang patut menyusun biografi A. Karim Haji Abdullah ini. Saya cuba meneliti susur-galur hidup A. Karim Haji Abdullah sendiri dan saya sendiri akhirnya. Hasil penelitian dan pengamatan saya, bapa A. Karim Haji Abdullah iaitu Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali (meninggal 1973) pernah bertugas sebagai pengarang dan penterjemah di Pejabat Karang Mengarang, MPSI, Tanjung Malim, Perak pada tahun 1939. Manakala A. Karim Haji Abdullah sendiri pernah bertugas di DBP sebagai penyiasat luar, penterjemah, penyunting, pembantu sastera dan penolong pengarang di beberapa bahagian di DBP sejak tahun 1961-1969 dan tahun-tahun tertentu pada era 1960-an. Ertinya A. Karim Haji Abdullah pernah membuat kerja-kerja editor, pengarang, penterjemah, pustakawan dan sebagainya yang memudahkannya menjadi penerbit buku dan penyelenggara buku.

Manakala jika disorot diri saya sendiri, saya pernah bekerja sebagai penolong pengarang majalah *Peneroka* di Ibu Pejabat FELDA, Jalan Maktab, Kuala Lumpur (1981), pegawai kerja di Kementerian Pertahanan (1982-1984) dan kemudian bekerja selama 14 tahun di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai editor selama 12 tahun (1984-1996) dan pengkaji sastera di Bahagian Kesusasteraan Bandingan (1996-1998) yang kesemuanya mendedahkan diri kepada kerja-kerja penerbitan, penyuntingan, penyelidikan, pemupukan bakat penulis baru dan lama. Kemudian saya berpindah dan berhijrah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak (mulai 1 Oktober 1998 sehingga kini) yang sebelumnya dikenali sebagai SITC, MPSI dan IPSI dan jika ditoleh kembali sebenarnya pernah meletakkan bapa A. Karim Haji Abdullah bertugas di Pejabat Karang-Mengarang SITC sebagai penterjemah pada tahun 1939.

Saya selalu melihat ada semacam hubungan timbal balik dan keselarian di segi sejarah dan proses kepengarangan di antara kedua-dua unsur sejarah ini yang sebenarnya mendorong saya secara sukarela menerima tanggungjawab menyusun buku biografi ini walaupun saya memikirkan semua orang penulis jika mahu boleh menyusun biografi A. Karim Haji Abdullah daripada pelbagai sudut, fokus dan pandangan tersendiri. Saya mengambil tanggungjawab ini kerana memikirkan tokoh ini punya sumbangan peribadi dan tersendiri yang tidak sedikit dalam membantu proses kepengarangan dan penulisan beberapa buah buku, tesis saya dan sebagainya yang menyebabkan saya banyak terhutang budi kepada beliau. Dan budi itu harus saya kenangi dan hargai sebaiknya dengan menyusun dan menyelenggara penerbitan buku *Biografi A. Karim Hj. Abdullah (Bung Karim) Budayawan dan Pengkhazanah Persuratan Melayu: Satu Dalam Seribu* supaya mudah bagi generasi terkemudian mengetahui sejarah asal usul dan sumbangan abadi tokoh ini yang sukar dicari ganti kepergiannya.

Dari Allah kita datang, kepada Allah jua kita kembali.

3 Mei 2001

16, Jalan Bernam, 13
Taman Bernam Baru
35900 Tanjung Malim
Perak.

BAB EMPAT BELAS

GAMBAR-GAMBAR KENANGAN



Ayah Bung Karim, Allahyarham Tuan Haji Abdullah Mohd Ali, salah seorang anak Melayu yang lulus Senior Cambridge di Pahang pada tahun 1929, bersama Allahyarham Pak Sako. Gambar ini diambil di Stadium Merdeka pada tahun 1957. Ibu Bung Karim Hajjah Selamah, kini berumur 80 tahun mempunyai 30 orang cucu dan 10 orang cicit.



Bung Karim sewaktu berusia 7 tahun. Gambar ini diambil berhampiran pokok rambutan di rumah datuknya, Tuan Haji Mohd Seh Bin Khatib, Kampung Bangau Tanjung.



Bung Karim bergambar dengan Tuan Haji Hussain Yaacob, bekas setiausaha sulit kanan Timbalan Menteri di JPM, Putrajaya.



Bung Karim dengan teman-teman intelektual. Dari kanan: Haji Mohd Affandi Hassan, Encik Hasrom Harun (UKM), Prof. Madya Sulong Mohamed (UKM), Datuk Prof. Dr. Wan Hashim Wan Teh (Naib Canselor HEP UKM), Shaharom TM Sulaiman (Pustakawan PNM) dan Bung Karim. Gambar ini diambil di rumah Tan Sri A. Samad Ismail.



Bung Karim berdiri no. 2 dari kanan mengikuti rombongan Masjid Tun Aziz, Sek. 14, melawat Selatan Thailand, 1998.



Dari kanan seorang guru dari Pulau Tawar, Cikgu Osman, Bung Karim (bersongkok), Allahyarham Mat Kilau, YB Haji Aziz Long (ADUN Penur-PAS) dan Haji Jazamuddin bin Baharuddin (bekas kakitangan DBP).



Ahli-ahli DPMP KL mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Dato' Tengku Alauddin Abd. Majid, Timbalan KSU Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dato' Tengku Alauddin bekas Presiden DPMP Pahang. Berdiri dari kanan: Encik Roslan Madun, Haji Naharuddin Ali, Encik Shaharom TM Sulaiman dan Bung Karim.



Bung Karim bergambar bersama-sama Buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah di Masjid Tun Aziz, pada tahun 1994.



Bunga Karim (dua dari kanan) bergambar dengan teman-teman yang pernah bekerja di Lesong Timber, Kuantan. Dari Kanan: Encik Nordin Mohamed, Bung Karim, Encik Abas Sidek dan Haji Arshad Husin. Gambar ini diambil pada 7 Mei 2000 di Hotel Armada, selepas majlis perkahwinan anak lelaki Encik Abas Sidek.



Bung Karim bergambar bersama Sahil Samahah, Datuk Haji Murtadza Haji Ahmad dan pembantunya. Datuk Sheik Murtadza ialah Mufti Negeri Sembilan.



Bung Karim bergambar bersama Tan Sri Ismail Hussein, Ketua 1 GAPENA.



Bung Karim no. 2, dari kanan di gambar di Lapangan Terbang Subang untuk menghantar Tan Sri A. Samad Ismail dan Puan Sri ke Manila, mengambil anugerah Ramon Magsaysay 1994.



Bung Karim duduk no. 3 dari kiri bergambar dengan AJK Masjid Tun Aziz, Sek. 14, Petaling Jaya. Nazir Masjid, Tuan Haji Wahab Majid, duduk no. 3 dari kanan. Tetamu undangan Sahibul Samahah Datuk Haji Ishak Baharum, bekas Mufti Selangor.



Bung Karim bergambar dengan dua orang tenaga pekerja Masjid Tun Aziz, Sek. 14, Petaling Jaya. Di kanan: Haji Che Din bin Awang dan di kiri Tuan Haji Aziz bin Haji Hassan. Latar belakang sebahagian buku Riwayat Hidup Rasulullah yang dipamerkan.



Bung Karim bersama ibunya, Hajjah Selamah binti Haji Mohd Seh, 80 tahun. Ibunya, adik kepada Allahyarham Tan Sri Yahaya Mohd Seh.



Bung Karim bersama lima orang cucunya yang akan menikmati dan mempelajari budaya komputer-.com.my. Dari kanan Siti Nur Jamilah, Farah Diana, Mohd Haziq Irfan, Marina Nadira dan Mohd Luqman Hakim.



Bung Karim bergambar bersama keluarganya di Pejabatnya di Putrajaya. Dari kiri, isterinya, Hajah Aishah, menantunya Hishamuddin bin Ismail, cucu-cucunya Mohd Luqman Hakim, Siti Nur Jamilah dan Mohd Haziq Irfan. Anak perempuannya Azlina berdiri di belakang.



Pameran buku Riwayat Hidup dan Sirah Rasulullah koleksi peribadi Bung Karim pertama kali diadakan di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya.



Bung Karim bergambar di hadapan pameran bukunya.



Bung Karim sedang meneliti sebuah buku di pameran yang bertajuk "The Life of Muhammad".



Pertemuan Dunia Melayu di Jeddah dari 29.5.2000 hingga 7.6.2000. Dalam gambar ini kelihatan dari kiri, Sahmad Malaya, Hj. Yaacob Isa, DPMP, Bung Karim, Saudara Hashim Ismail dan Abdul Rahman C.M. (Terengganu).



Bung Karim bersama YB Dato' Abdul Rasyid b. Abdul Rahman yang pernah menjadi MB Pahang, Bung Karim menjadi setiausaha Pemuda UMNO Negeri Pahang selama 6 tahun.



Isteri Bung Karim, Puan Hajah Aishah, bersama anak lelaki mereka, Aznul Shahrim, seorang komputer engineer di Pulau Pinang.



Bung Karim bersama sebahagian koleksi buku dalam perpustakaan sendiri di rumahnya di No. 73, Jalan Datuk Abdul Aziz 14/29, Petaling Jaya.



Bapa A. Karim Haji Abdullah iaitu Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali bersama-sama Pendeta Za'ba dan sidang-pengarang Pejabat Karang-Mengarang SITC, Tanjung Malim, Perak pada tahun 1939. Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali adalah salah seorang pengarang dan penterjemah di maktab perguruan yang tertua dan terkemuka di Tanah Melayu ketika itu. Beliau berdiri tempat pertama (dari kanan) di barisan belakang dalam gambar ini.



A. Karim Haji Abdullah bersama-sama adik-beradik dan saudara-maranya. A. Karim Haji Abdullah duduk (dari kiri) nombor dua di barisan kedua bersebelahan dengan bapanya (Haji Abdullah Haji Mohd. Ali yang sedang memangku salah seorang cucunya). Gambar ini diambil pada tahun 1967.



A. Karim Haji Abdullah dan ibunya, Hajah Selamah binti Haji Mohd. Seh.



A. Karim Haji Abdullah sewaktu berada di mini perpustakaan rumahnya sendiri.



Pena Mutiara dan A. Hamid Osman sewaktu mengenang kembali kenangan bersama A. Karim Haji Abdullah di sebuah restoran di Pusat Bandar Seri Gombak, Batu Caves, Selangor.



A. Hamid Osman, wartawan majalah Novel (kiri dan Talib Samat (penyelenggara buku ini) sewaktu berbincang tentang proses penerbitan buku ini di sebuah restoran di Pusat Bandar Seri Gombak, Batu Caves, Selangor.



A. Karim Haji Abdullah sewaktu memilih buku-buku Hamka untuk disedekahkan kepada Talib Samat.



Di antara buku-buku Hamka yang disediakan oleh A. Karim Haji Abdullah kepada Talib Samat beberapa bulan sebelum kematiannya.



Gambar rumah keluarga A. Karim Haji Abdullah di Kampung Bangau, Temerloh, Pahang Darul Makmur.



Gambar-gambar kenangan ahli-ahli keluarga A. Karim Haji Abdullah.



Ahli Jawatankuasa Pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang Darul Makmur (DPMP).



A. Karim Abdullah ketika bertugas sebagai Setiausaha Sulit, Dato' Fauzi Abdul Rahman Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (1997-1999).



Kulit buku SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa terbitan Longman (2000) karangan dua belas orang pensyarah Fakulti Bahasa dan staf UPSI yang menceritakan sejarah perkembangan SITC, MPSI, IPSI dan UPSI.



Penyelenggara buku ini, Talib Samat, berdiri di pintu pagarUPSI sewaktu mula-mula mengambil borang jawatan kosong, pensyarah kesusasteraan pada 23 Mei 1998. UPSI yang dahulunya, SITC pernah menjadi tempat Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ali, bapa A. Karim Abdullah bekerja sebagai penterjemah di Pejabat Karang-Mengarang SITC pada tahun 1939.



Kunjungan Md. Subri Mahayadin, pelajar UPSI sewaktu mewawancara A. Karim Haji Abdullah di mini perpustakaan di rumahnya di Petaling Jaya.



Himpunan buku milik A. Karim Haji Abdullah yang kini diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia.



Di antara buku-buku yang diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah.



Di antara koleksi buku A. Karim Haji Abdullah yang mengandungi pelbagai buku sasterawan dan budayawan tanah air yang kini diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur



Pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak sewaktu melawat dan menemubual A. Karim Haji Abdullah. Dari kanan, Md. Subri bin Mahayadin, Anuar bin Yaakob, A. Karim Abdullah dan Muzaffar Nor bin Muris. Kini mereka sudah tamat pengajian dan kembali bertugas sebagai guru berijazah.



Norza (Nordin Zainal Abidin) sewaktu berbincang dengan A. Karim Abdullah tentang novel A. Samad Ismail. Kini Norza bertugas sebagai pegawai perancang bahasa di DBP Cawangan Sabah.



Penyelenggara buku ini, Talib Samat sewaktu mengunjungi isteri (Ramnah Manap) di Wad Bersalin, Hospital Selayang, Selangor sesudah selamat bersalin secara normal meskipun kandungannya songsang dan tidak cukup bulan. Isterinya bersalin jam 8.48 malam hari Isnin, 5 Februari 2001 sementara A. Karim Haji Abdullah meninggal dunia pada jam 6.50 pagi Isnin, 5 Februari 2001.



Di antara anak-anak penyelenggara buku ini, Talib Samat. Dari kanan, Muhammad Firdaus (anak keenam yang lahirnya pada 5 Februari 2001) dan *Muhammad Fauzi (anak kelima lahir 13 Mei 1998).*



Penyelenggara buku ini, Talib Samat bergambar kenangan bersama-sama Bung Karim sewaktu mengunjunginya di Angkasapuri. Bung Karim ketika itu bertugas sebagai Setiausaha Sulit kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia, 1994-1995.



T.A. Razak H.M. (kiri, Bung Karim (tengah) dan Talib Samat (penyelenggara buku ini) dalam suatu pertemuan di pejabat Bung Karim di RTM, Angkasapuri pada tahun 1995.



Haji Mohd. Yusop Ishak, editor buku selenggaraan Bung Karim iaitu Ingin Jadi Pujangga dan Pemimpin dan Sasterawan. Dari kanan, Haji Mohd. Yusop Ishak, Herman dan Dr. Abdul Hadi W.M. (penyair terkenal Indonesia).



Talib Samat (penyelenggara buku ini) sewaktu menceritakan kenangan suka duka bekerja di DBP di majlis perpisahan anjuran Jabatan Penyelidikan Sastera di Bilik Syed Syeikh Al-Hadi, Tingkat 5, DBP pada 30 September 1998.



Talib Samat (penyelenggara buku ini) bersama-sama anak isteri sesudah menerima Hadiah Cipta Karyawan Muda dari Kerajaan Johor di Batu Pahat, Johor pada 27 November 1999. Batu Pahat adalah daerah kelahirannya yang ikut menjadi sumber ilham penulisannya.



Talib Samat (penyelenggara buku ini) bersama-sama Siti Hajar, anaknya yang keempat sesudah menerima Hadiah Cipta Karyawan Muda Johor pada 27 November 1999. Kerajaan Johor Darul Takzim mengiktiraf sumbangan beliau dalam bidang penulisan kreatif dan deskriptif yang diceburinya sejak tahun 1980 hingga kini.